
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG

MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KETIGA BELAS
20, 21, 22, 23, 27 & 28 NOVEMBER 2017

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KETIGA BELAS
20, 21, 22, 23, 27 & 28 NOVEMBER 2017



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13

HARI PERTAMA
20 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

HARI PERTAMA - 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT (MESYUARAT KE-2 PENGGAL KE-5 DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13)	1
4	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	2

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Pertama : 20 November 2017 (Isnin)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Khas:
Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. - **Lanchang**
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - **Benta**
(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - **Jelai**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri**	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Guai**
Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri**	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Kerdau**
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	-	**Damak**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh, DIMP., JSN., PPN.	-	**Lepar**

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	-	**Panching**
Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	-	**Tahan**
Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, DIMP., SMP., PPN., BCM.	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	-	**Chenor**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMN., AMP., PKT.	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	-	**Luit**
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Ketari**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Bilut**
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	-	**Kuala Semantan**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Bin Syed Abdul Rahman, AAP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama (Isnin)	:	20 November 2017
Bersamaan	:	1 Rabiulawal 1439 Hijriah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam Bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan kepada ketika kami berunding, menimbang, bertukar-tukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas pada 14 Ogos 2017 di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Saya mewakili YAB. Menteri Besar mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas pada 14 Ogos 2017 Dewan Perundangan Negeri, Wisma Pahang disahkan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat er... Dato' Sri Yang Di-Pertua saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalannya sekarang ialah suatu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas pada 14 Ogos 2017 di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telahpun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

(YB. Yang Di-Pertua Dewan menandatangani pengesahan minit mesyuarat).

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Pertanyaan dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas pada pagi yang berbahagia ini.

Saya kelihatan Ahli-ahli Yang Berhormat cukup ceria walaupun sibuk dengan tugas-tugas dan tanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelesaikan isu-isu rakyat dan masyarakat di kawasan masing-masing namun masih terus bersemangat bekerja sedaya mungkin untuk mempastikan rakyat dapat hidup dengan aman, sejahtera dan makmur. Kehadiran Yang Berhormat dalam persidangan ini cukup jelas untuk bersama-sama mengangkat isu-isu rakyat untuk dipikul bersama-sama dan diselesaikan sebaik-baik mungkin. Baiklah, untuk meneruskan aturan usu… aturan urusan mesyuarat kita seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Sungai Lembing untuk mengemukakan soalan. Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' MOHD SHOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Di-Pertua, saya memohon mengemukakan soalan nombor 3.

[Berapakah jumlah pelancong dan hasil pendapatan Kerajaan Negeri dalam kempen Tahun Melawat Pahang 2017?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Jumlah pelancong ke negeri Pahang berdasarkan statistik kedatangan pelancong ke Pahang pada bulan Januari hingga September 2017 adalah sebanyak 11250 orang. Ini tidak termasuk data daripada rumah tumpangan dan *budget* hotel yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT. Oleh itu, anggaran jumlah pelancong daripada rumah tumpangan dan hotel bajet yang tidak berdaftar adalah sebanyak 2 juta orang lagi, sepanjang Januari hingga September 2017. Anggaran jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pelancong ke negeri Pahang hingga September ini adalah sebanyak 7.4… 7.48 bilion ringgit, terima kasih.

YB. DATO' MOHD SHOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang Di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sungai Lembing.

YB. DATO' MOHD SHOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Soalan tambahan. Er… saya mohon er… penjelasan daripada pihak kerajaan er… di Pahang ni di kawasan mana er… ramai pelancong bertumpu; sama ada di Genting Highlands ke, di Pulau Tioman ke, er…di Bukit Fraser ke, Sungai Lembing ke, itu sahaja Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Ini bergantung kepada angka mana yang kita hendak. Kalau mengikut statistik ataupun pertambahan pelancong, saya nak maklumkan bahawa mengikut statistik yang kita ada, jumlah pelancong yang teramai yang datang ke negeri Pahang adalah sebanyak… peningkatan sebanyak 109 peratus adalah di Sungai Lembing. Kita ucap tahniah kepada Sungai Lembing dan seterusnya diikuti dengan Pekan, kemudian er…Temerloh dan seterusnya. Walau bagaimanapun, jika mengikut angka kehadiran pelancong sudah tentulah ke Genting Highlands iaitu sebanyak 6.6 juta iaitu penambahan daripada tahun 2016 sebanyak 8.85 peratus sahaja. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURIA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di- Pertua.

Saya ingin er… penjelasan daripada pihak Kerajaan, tadi pihak Kerajaan ada menyatakan bahawa terdapat juga rumah-rumah tumpangan dan hotel bajet yang tidak didaftarkan dengan PBT dan sebagainya. Er… apakah sebab mereka tidak mendaftar er… dengan pihak-pihak dan agensi-agensi tersebut dan apakah kesannya kepada er... Kerajaan sekiranya mereka enggan berdaftar er… dalam er… untuk mempastikan bahawa tidak terlepas daripada perkara-perkara yang seharusnya berlaku? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Bagi hotel ataupun rumah tumpangan ataupun dipanggil *homestay* ya, yang tidak berdaftar ini sebenarnya kita hanya er… kerugian dari segi angka tetapi dari segi perbelanjaan dan sebagainya ia seperti biasa. Ia tidak memberikan apa-apa er… kesan kepada dari segi perbelanjaan pelancong ke negeri Pahang ini. Walau bagaimanapun, kita lihat sejak mutakhir ini, ia memang terdapat banyak rumah-rumah sewaan atau rumah-rumah persendirian yang ianya telah pun ditukar menjadi rumah tumpangan. Sebenarnya Pihak Kerajaan Tempatan sedang mengkaji bagaimanakah kaedahnya untuk kita, untuk kita mempastikan bahawa mereka ini dapat berdaftar dengan kita dan seterusnya dari segi kutipan cukai tersebut ianya berbeza dengan rumah tumpangan.

Jadi kita sedang membuat kajian er... apa namanya kajian dan yang keduanya rumah-rumah tumpangan ataupun *homestay* ini banyak yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak termasuk di dalam PBT. Jadi pada kita, ini adalah merupakan satu kaedah yang cukup sihat kerana apa? Kerana rumah mak dan ayah sahaja tinggal, anak-anak semua duduk di Kuala Lumpur, di Kuantan, di tempat-tempat lain tidak bersama er… orang tua ataupun keluarga mereka, jadi ada dua tiga bilik yang kosong itu kebanyakan daripadanya terutama sekali kawasan-kawasan tumpuan pelancongan mereka telah menjadikan *homestay.* Dan ini sebenarnya memberikan pendapatan yang er… baik kepada keluarga tersebut malah kerajaan er… mela… melalui Kementerian Pelancongan sendiripun mempunyai program-program yang sebegini rupa iaitu untuk memperbaiki rumah-rumah untuk di*upgrade*kan menjadi *homestay*. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan

.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk mengemukakan soalan tambahan. Berpandukan kepada angka yang telah diberi itu menggambarkan bahawa kejayaan bagi Tahun Melawat Pahang

2017. Kita tinggal beberapa bulan untuk tahun ini jadi apakah strategi bagi Kerajaan Negeri untuk mengekalkan atau mempromosikan er... galakan pelancong untuk tahun hadapan pula ataupun perlu disambung lagi Tahun Melawat Pahang? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingat saya nak jawab ini dalam penggulungan saya tapi takpelah kerana Wakil daripada Jengka ada bertanya. Sememangnya kita bercadang untuk er... menyambung lagi iaitu Tahun Melawat Pahang ini dan kalau kita lihat Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2014, kemudian tahun berikutnya er... Kementerian Pelancongan telah pun mengadakan Tahun *Year of Festival* iaitu urutan daripada er… Tahun Melawat Malaysia.

Kita di Pahang pun kita juga sedang mencadang kepada Kerajaan Negeri untuk kita menyambung kerana ada sebahagian daripada pengusaha-pengusaha er… hotel, begitu juga er… *homestay* yang mereka… tempat mereka atau hotel mereka atau motel, *resort* mereka siap dalam bulan sembilan, bulan sepuluh. Mereka merasakan bahawa mereka tidak sempat untuk bersama-sama er… sepanjang tahun bersama dengan Tahun Melawat Pahang, ini kita… sedangkan… insya-Allah er... kita akan buat pengumumanlah, insyaa-Allah.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan tambahan, ya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… terima kasih Wakil Kerajaan yang mengeluarkan er... *homestay* di er... di… er... Pahang. Soalan saya, apakah ciri-ciri keselamatan dari *homestay* jika berbanding dengan hotel?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Jika… dia begini Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita tidak mungkin akan dapat apa yang kita dapat di hotel kerana di hotel kita bayar RM650, di *homestay* kita bayar RM65. Jadi bezalah dari segi perkhidmatannya. Walau bagaimanapun sebahagian besar daripada *homestay* ini letaknya di kawasan pelancongan yang berada terutama sekali yang meli… yang terlibat di dalam *eco-tourism* iaitu di kampung-kampung dan juga di tempat-tempat pelancongan di luar daripada kawasan PBT.

Dari segi keselamatan saya rasakan bahawa ini bergantung kepada… kepada tempat tersebutlah. Kita tidak boleh memberikan jaminan bahawa keselamatan itu baik. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa pihak pelancongan Pahang dan juga Pejabat Pelancongan er… Malaysia di negeri Pahang sentiasa memberikan kursus dan juga taklimat kepada *homestay* ini terutama sekali dari segi keselamatan

kemudian dari segi er… tatasusila dan juga yang ketiganya dari segi perkhidmatan servis yang baik kepada pelancong-pelancong yang datang Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, terima kasih Yang Berhormat, kita beralih ke soalan berikutnya. Saya sila Wakil dari Ketari.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan soalan nombor 4.

[Masalah Kepecahan Paip Air:

1.1. Sekurang-kurangnya akan berlakunya tiga (3) kes paip air pecah di Kampung Baru Bentong dalam masa seminggu dan sebab utama adalah disebabkan keusangan paip air. Adakah Kerajaan Negeri Pahang bersedia untuk menukarkan semua paip air sedemikian?

1.2. Berapakah jumlah ahli atau pasukan yang bertugas untuk menjalankan kerja pembaikan paip air? Adakah Kerajaan Negeri Pahang bersedia untuk menambahkan tenaga kerja untuk menyelesaikan masalah paip air pecah?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini di Negeri Pahang Darul Makmur kita ada paip agihan ya yang er... sepanjang keseluruhannya jumlahnya 15,21… 15,021 km yang terdiri daripada jenis er... *AC pipe* dengan izin er... *mild steel* dengan izin dan juga er… *polyethylene* dengan izin dan lain-lain. Dan er... komposisi ini er... sebenarnya merangkumi *AC pipe* lebih kurang dalam 26% *MS pipe* 27%, PE *33%,* lain-lain 14% manakala di er… Bentong panjang paip keseluruhannya agihan ialah 1,062 km yang terdiri daripada *AC pipe* 125 km, *mild steel* 343%, *PE* 281%, lain-lainnya 313 km. Jadi er… kalau misal contohnya bagi *AC pipe* lah iaitu gangguan yang paling utamanya sekali *AC pipe* iaitu *asbestos cement* yang er… telahpun er... berusia lebih daripada 40 tahun, ada yang setengahnya pergi 50 tahun lebihi… melebihi daripada jangkaan ataupun jangkauan er… hayat dia… *last stand.* Jadi kalau anggaran lebih kurang katalah RM300 er... ribu er... kosnya untuk setiap kilometer, di Bentong sahaja memerlukan lebih kurang RM37.5 juta untuk mengganti er… AC pipe.

Walau bagaimanapun sebenarnya di Bentong untuk makluman ya, dia punya *NRW Non-Revenue-Waters* dengan izin iaitu er... kadar air yang tidak er... berhasil… tidak terhasil ialah 38% jauh lebih rendah daripada *average* ataupun purata er... negeri. Jadi tidak memerlukan kita mengganti er... buat masa ini kerana er... faktor kos. Namun er... pihak PAIP telah juga mengenal pasti er... ataupun merancang er... peran… untuk penggantiannya apabila perlu, apabila berlaku paip pecah, kita ganti terus dengan *mild steel pipe.* Ekoran daripada itu pihak PAIP telahpun mengemukakan kepada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) er... mengikut keutamaan er... dan juga jenis dan juga usia paip dan keadaan paip er... sejumlah peruntukan er... untuk kita menambah baik ya er... prestasi pembekalan air ini jadi insya-Allah mengenai perkara ini er… secara berterusan dilaksanakan. Dan untuk makluman di Kampung Baru Bentong ini dalam tahun 2016 berlaku 16 kes,makna 16 kali paip

pecah. Dalam tahun 2017 sehingga Oktober sebanyak 16 kes er... paip pecah yang berlaku dan telahpun di… er... laksana… dibaikpulih er... mengikut *standard* yang telah ditetapkan. Jadi er... ini untuk makluman er... soalan pertama ya.

Yang keduanya, sama ada bilangan pasukan pembaikan paip pecah ini mencukupi? Untuk makluman, kita di seluruh negeri Pahang sebenarnya kita terdapat 31 pasukan iaitu di Kuantan ada 9, Pekan ada 2, Rompin - 2, Maran - 2, Temerloh - 3, Jerantut - 3, Bera - 2, di Raub - 2, di Lipis - 3, di Cameron Highlands - 1 dan di Bentong terdapat 2 pasukan dan er... sama ada kita er... akan menambah pasukan ini persoalannya sebenarnya kita melihat er... kita ada KPI yang telah ditetapkan oleh SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu setiap berlakunya paip pecah ini dia mesti dilaksanakan dalam tempoh 24 jam dan perkara ini telahpun dicapai oleh pihak PAIP, maknanya kita laksanakan dalam tempoh kurang daripada 24 jam kita telah dapat kembalikan er... ini er... perkhidmatan bekalan air kepada pengguna-pengguna.

Jadi justeru itu, kalau dilihat daripada keadaan macam tidak ada keperluan untuk menambah pasukan er… pembaikan ini dan pada masa yang sama melalui kaedah er… yang telah pun diperkenalkan oleh pihak PAIP iaitu, kita membeli atau menyediakan *mini excavator* di tiap-tiap daerah ini. Dulunya apabila berlaku paip pecah, kita kena hantar JCB ke lokasi. Maklum saja ini, jengkaut ni dia perlahan, dia punya ni apa nama had laju dia, dan sekarang ni kita ada *mini excavator*. Berlaku je keadaan-keadaan yang pecah terutama sekali jauh di tempat-tempat lokasi yang jauh ni, kita akan er... angkutkan *mini excavator* ni, atas lori pergi ke tempat tu jadi… supaya er… masa perjalanan ke lokasi yang terbabit tu dapat dikurangkan dan kita terus er… menjalankan kerja-kerja pembaikan. Ini telah pun telah membantu ya, mempercepatkan lagi proses er… untuk er… er… menyambung semula perkhidmatan bekalan.

Sebab tu dalam konteks ini, saya ingin juga merakamkan ke Kerajaan Negeri… merakam setinggi penghargaan kepada pihak PAIP atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh warga PAIP ya, tak kira waktu musim perayaan, cuti, cuti sekolah, orang lain bercuti sekolah dan sebagai-sebagainya mereka tetap menjalankan kerja er... dengan penuh komitmen dan berwibawa er... hanya kekangan dan cabaran mereka ialah kerana... kerana paip-paip usang kita banyak, maka terpaksa kerja-kerja ini dilaksanakan lebih kerap.

Jadi itulah lebih kurang dapat saya er... zahirkan dalam Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya. Bila menjalankan kerja pembaikan paip air ni bekalan air akan berhenti setengah tak… se... setengah hari ataupun sehari, ini akan er...mengakibatkan ketidak selesaan er… penduduk. Bagaimanakah er… pihak Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ooo…sudah tentu. Bila berlakunya gangguan bekalan air ni, memang dia akan mengganggu er... aktiviti harian kita. Dan er… ini sepertimana yang ingin saya zahirkan untuk makluman, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini er... antara yang perkara yang kita laksanakan ialah dengan menggerakkan lori-lori tangki ya, yang ada di tiap-tiap daerah ni. Pengurus-pengurus daerah PAIP ni akan mengarahkan supaya lori-lori tangki ni terus bergegas ke kawasan-kawasan lokasi yang terbabit dan

memberi bekalan kepada er… penduduk dan pengguna-pengguna yang terbabitlah sementara kita menjalankan aktiviti pembaikan bagi memulihkan perkhidmatan ataupun bekalan air ke kawasan-kawasan yang terbabit.

Jadi dalam konteks itu er... selalunyalah sebab paip pecah ni adalah er... gangguan yang tidak dirancang. Kalau gangguan yang dirancang itu, hah itu lain kita akan maklumkan lebih awal tapi ni gangguan yang tidak dirancang tetiba dia pecah er… terpaksa kita buat secara begitu. Insya-Allah maknanya er... kalau sekiranya berlaku keadaan seumpama ini er... ataupun er... kita juga menggalakkan penggunalah supaya menyediakan juga tangki-tangki simpanan, maknanya maklum saja kalau dulunya, kita ada kolah-kolah ya tapi sekarang ni orang sehari ni, dia kira dia pulas ni apa nama paip tu air ada.

Jadi kadang-kadang tu dia… dia… dia tidak mengumpul tetapi apa nama insya-Allah kita PAIP akan mengambil kira er… permasalahan yang dialami pengguna dan akan menggerakkan jentera-jentera atau lori-lori er... bagi kawasan-kawasan yang terbabit. Malahan kita telah membuat SOP, kita memberi arahan sekiranya kata berlaku di Bentong. Bentong tu berlaku yang boleh menyebabkan gangguan yang agak lama kan, kita akan menggerakkan lori-lori daripada Raub juga dan lori-lori dari daerah-daerah yang berdekatan untuk membantu. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila. Sila Wakil Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Triang masalah paip pecah atau paip bocor memang pihak PAIP ambil tindakan er... tindakan cergas, segera untuk membaiki pihak er... paip pecah tapi masalah adalah kerja untuk membaik pulih jalan yang dikorek itu lambat, selalunya kena tunggu berbulan-bulan.

Jadi sekiranya KPI untuk memperbaiki paip pecah 24 jam, bagaimana pula dengan KPI untuk menurap balik jalan yang dikorek?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini Dato' Sri Yang di-Pertua, sebenarnya ini... ini... apa nama satu isu yang memang telah pun diutarakan dan telah pun dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu paip-paip ni, dia memang dia melalui jajaran dia melalui jalan raya. Oleh kerana itu bila berlaku paip pecah, kita kena korek jalan, haa yang ni wajib. Kalau sekiranya tidak kita main tanggah gitu jelah, maknanya terpaksa dikorek [Ahli Dewan ketawa] jalan tu dan bila dikorek tu dia akan sudah tentu merosakkan jalan raya.

Sebab itu pihak JKR telah menetapkan iaitu satu jumlah deposit yang besar untuk menangani permasalahan ini ya dan er... bila Kementerian Kerja Raya menetapkan er... satu garis panduan bagi kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek-projek er... utiliti bukan saja ni bekalan air, malahan kalau sekiranya bekalan elektrik TNB sendiri, kontraktor mesti menetapkan deposit ya er... kepada pihak er... ni pejabat pengarah ini negeri untuk mempastikan apabila melaksanakan kerja-kerja pembaikan ni nanti kontraktor bertanggungjawab untuk er... membaik… membaik pulih ya keadaan. Ini telah pun ditetapkan saya ingat tak silap awal tahun, tahun... tahun ini 2017, pene... penetapan ini telah pun ditetapkan.

Hanya oleh kerana jumlahnya, jumlahnya memang hebat juga kadang-kadang berlaku kita nak buat kerja-kerja paip di Jengka misal contohnya 3 juta, dia punya defisit tu 7 juta, dua kali ganda. Hah! Itu memang bahasa orang kampung kata 'terkancuh'. YB tahu makna 'terkancuh'?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa Yang Berhormat… ya, jelaskan perkataan terkancuh.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Haa... terkancuh tu, tau?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang tak tau...

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terkancuh tau?...

YB. CIK LEONG YU MAN

Mungkin Dato' Sri boleh memperjelaskan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ok, ok. [Ahli Dewan ketawa] Terkancuh tu adalah satu *degree* terkejut yang paling tinggilah [Ahli Dewan ketawa]. Dia macam terkejut beruk, hah macam orang kata terkejut beruk, jadi terkancuh tu maknanya kala… kalau dia tak bersedia tu dia memang terduduklah maknanya. Maknanya satu tekanan yang boleh menyebabkan tekanan darah tu naik dan er... saya ingat ini kalau dari segi ini ilmu kedoktoran er... dia... dia menyebabkan satu kejutan yang besar hingga boleh juga memudaratkan usaha untuk mungkin membaik pulih ataupun menyambung bekalan tenaga elektrik kepada fasa yang terbabit.

Ekoran daripada itu dengan kerjasama daripada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, dengan kerjasama Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri dan er... dengan er... kerjasama Pengarah JKR kita telah berbincang dan menetapkan satu jumlah yang munasabahlah macam Yang Berhormat ADUN er... ini… ADUN Triang, *sorry*, lupa teringat ADUN Triang.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Minta… minta laluan, adakah Yang Berhormat terkanja… 'terkancuh' sebab masalah ini?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Apa dia?

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terkancuh.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

(Ahli Dewan ketawa) Memang terkancuh bila tengok biasanya Yang Berhormat ini Triang ni dia ini lain rupa dia, tiba-tiba melihat er... anakanda kepada Yang Berhormat daripada ini Tanah Rata ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tak… bukan, Yang Berhormat Yang di-Pertua, dia begini, apabila Triang diserang ini Cameron Highlands, Tanah Rata akan *defend*. Apabila Tanah Rata, haa... ini kombinasi yang baik sebenarnya Wakil daripada kerajaan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih. Jadi sebab tu er… sekarang ni SOP telahpun ditetapkan iaitu er... kontraktor kena meletakkan deposit, bukan kata dulu tak ada, ada. Tapi jumlahnya makin… makin besar untuk membolehkan supaya mereka bertanggungjawab apabila telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan er... ianya akan disusuli dengan er... pembaikan jalan-jalan yang telahpun dikorek. Terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Jadi apakah KPI, berapa lama jalan perlu diturap balik?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia sebenarnya ni Yang Berhormat, dalam tempoh er... kalau mengikut daripada ini *standard* JKR sebaik-baiknya er... Bahasa Inggeris kata *immediate* lah, dalam tempoh satu hari 24 jam ya. Tapi lazimnya er... yang er... ini pihak kontraktor memerlukan juga masa untuk er... mengurus er... mempastikan semua urusan-urusan yang berkaitan tu dapat dilaksanakan dengan pemantauan daripada pihak JKR ya. *So basically* dalam satu hari. Insya-Allah.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis. Ya, *okay* Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk soalan tambahan. Tentang dakwaan daripada pengguna-pengguna air di kawasan yang sentiasa ataupun selalu putus bekalan air Iaitu berkaitan dengan air tak ada tapi bayaran meternya bertambah. Dakwaannya kerana masing-masing memang menunggu air itu sampai. Jadi masing-masing buka paip. Bila paip itu dibuka, maka katanya angin masuk. Jadi bila angin masuk maka meter berpusing. Benarkah dakwaan seperti ini berlaku?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini dakwaan ini Yang Berhormat, er… ADUN Pulau Manis er… memang banyak kita terima. Macam-macam aduan ini dia kata. Kadang-kadang tu ada aduan mengatakan bahawasanya paip pecah ini memang sengaja ini warga PAIP yang er…buatkan hingga menyebabkan paip pecah. Macam-macam. Kalau seribu satu aduan ataupun er... ini apa nama kritikan dan boleh kita katakan tohmahan juga dilemparkan kepada warga PAIP.

Tetapi sebenarnya setelah dikaji yakni sebenarnya tidak banyak dakwaan yang dinyatakan itu tidak benar. Dan er... isu yang berkaitan dengan bil ini er... elektrik yang er... *Sorry*, bil air yang meningkat ekoran daripada er... dia bukak ini paip er... dan er... meter daripada er... paip air itu dia… dia meningkat ini sebenarnya er... saya rasa dakwaan itu tidak… tidak… tidak benar, sebab apa? Dia meter yang ada ini dia dika… ini dia di*calibracy* kan dengan izin mengguna kaedah iaitu bila air lalu baru dia… dia baca.

Dia kalau angin lalu dia tak membaca. Dia kira macam… dia kalau dia... dia sistem tu meter kita ini banyak yang telah pun kita ganti dengan er... menetapkan ciri-ciri *characteristic* dia dengan izin, supaya dia membaca kalau sekiranya ada pergerakan air. Kalau pergerakan angin sedikit itu, dia… dia tidak mengganggu sangat. Kalau tidak mungkin kita er... akan dapati suatu er... rungutan yang besar daripada pihak pengguna. Ini sebenarnya pengguna kata "aih, mengapa air tu ini bil kali ini naik? Ini… ini mungkin ada berlaku paip pecah itu lah".

Dia… dia disebabkan itu ini… ini Yang Berhormat. Sebenarnya tidak. Sebenarnya kita punya paip sekarang ini kita dah buat penggantian kepada paip-paip yang ada ini di bawah program (NRW) dengan izin ya, maknanya NRW, *non review water* ini diantara lain ialah apabila meter tidak membaca dengan tepat jadi kita ganti meter itu untuk membaca dengan tepat supaya bila kita bayar, kita bayar mengikut kuantiti air yang kita gunakan.

Tapi untuk makluman. Sebenarnya untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kos operasi paip ini sebulan lebih kurang 23 juta. 23 juta… 23 juta kos operasi. Hasil masuk kepada PAIP 13 juta. Makna ada defisit 10 juta. Dan daripada 23 juta itu, 9 juta adalah untuk Tenaga Nasional Berhad, penggunaan tenaga kuasa untuk kita membekalkan air. Belum lagi kita kata gaji ataupun emolumen itu lebih kurang 5 juta. Kos untuk *chemical* lebih kurang dua ke tiga juta. Kos untuk penyelenggaraan antara 1.5 ke 2 juta satu bulan, ini satu ya, satu bulan kos begitu. Jadi kalau kita kira punya kira colek calit ini apa congak punya congak itu memang kira kalau untuk urusan paip ini kalau betul-betul syarikat memang kira boleh gulung tikar lah kiranya. Sebab apa, kos operasi lebih tinggi daripada hasil yang masuk tetapi di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja er... Menteri Besar Pahang er... selaku ini Kerajaan Negeri kita prihatin.

Yang Amat Berhormat sendiri duduk di depan mengatakan, jangan kita naik tarif ini kerana apa, ini akan menyulitkan lagi orang ramai tetapi inilah kekangan kita berdepan dengan masalah hasil yang kurang tetapi kita er... terpaksa melaksanakan er... memberi perkhidmatan yang *world class*. Makna *WHO Standard*, makna *world class* lah. *World Health Organization standard*. Jadi kita kabo *world class* lah kan. Ha itu yang kita kata er... ini kekangan dan cabaran yang ada di er... depan mata PAIP ini. Syabas dan tahniah kepada PAIP di bawah kepimpinan er... Dato' Sri er... Dato' ini Zahari er... selaku CEO… (Ahli Dewan ketawa) CEO PAIP…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat nak menggulung ke ini?

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, menjawab ya? (Ahli Dewan ketawa)

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Menjawab, menjawab. Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya pun ingat tadi masa dewan ini rakan daripada kerajaan sedang menggulung, rupanya menjawab soalan lisan (Ahli Dewan ketawa).

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tapi Yang Berhormat, jawapan cukup baik. Jelas. Ada kaitan dengan PAIP juga ya, dengan air yang merupakan isu semasa hari ini. Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah kita…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta perhatian… soalan tambahan…

YB. DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita pindah ke soalan berikutnya, saya jemput wakil dari Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

[Mohon kerajaan memaklumkan:

1.1 Senarai Projek-Projek Pembangunan untuk kesejahteraan rakyat serta kosnya yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan (PBT) di Kawasan Operasi Majlis Daerah Lipis Padang Tengku sepanjang tempoh 2013 hingga 2016.

1.2 Senaraikan Projek-Projek Pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dirancang bagi tempoh 5 tahun mendatang oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan (PBT) bagi dilaksanakan di Kawasn Operasi Majlis Daerah Lipis Padang Tengku. Nyatakan bila projek itu akan dilaksanakan dan kosnya sekali.]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya ADUN Padang Tengku kerana bertanyakan projek-projek pembangunan dan juga kos yang terlibat bermula daripada tempoh 2013 hingga 2016. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2013 sebanyak 18 projek yang telah dilaksanakan yang melibatkan 2.3 juta. Manakala bagi tahun 2014 sebanyak 30 projek yang melibatkan 3.6 juta. 2015, 13 projek 2.07 juta. 2016, 14 projek yang melibatkan 500,000. Jadi… jadi jumlah keseluruhan daripada tahun 2013 hingga 2016 ialah 8.5 juta. Manakala bilangan projek er… saya tidak bercadang untuk menyebutkan satu per satu kerana terlampau banyak.

Soalan kedua, Yang Berhormat bertanyakan dengan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam masa 5 tahun akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat empat projek yang dicadang yang dirancangkan. Walau bagaimanapun, ini semua tertakluk kepada kelulusan kewangan oleh pihak Kerajaan. Jumlahnya hampir 7 juta. Antaranya ialah Cadangan Papan Tanda Pengenalan Bandar bagi pintu masuk ke Padang Tengku lebih kurang 0.45 juta. Cadangan Jambatan ke Kawasan Industri Kechau Tui, 6 juta, Cadangan Membina Dewan Orang Ramai Padang Tengku 800,000, Cadangan Membina Laluan Pejalan Kaki daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tengku ke Pekan Padang Tengku 100,000.

YB. DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB. DATO MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan. Oleh kerana soalan ini khusus untuk pekan Padang Tengku, saya nak buat tiga soalan sekali gus. Boleh ye? Yang pertama ialah tentang usaha Bandar Selamat. Di kawasan Padang Tengku ini sejak daripada lama dulu lah, banyak kali dah kita bawa dalam majlis, dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya. Isu anjing yang berkeliaran di kawasan Padang Tengku yang er… bukan sahaja di kawasan perumahan tetapi juga di kawasan premis-premis perniagaan. Er... setakat hari ini tidak ada satu usaha yang berkesan yang telah dilakukan. *And the end*, Majlis Daerah er… Lipis nyatakan ini tanggungjawab Jabatan Veterinar. Veterinar pula, er… Jabatan Kesihatan. Kemudian dikaitkan pula er… dengan er… gangguan ataupun er… takut kepada NGO-NGO tertentu.

Jadi sehingga sekarang er… isu berkaitan dengan kacau ganggu yang dilakukan oleh anjing-anjing yang berkeliaran ini tak selesai dan ada kes-kes yang telah berlaku umpamanya yang er… apa ini penduduk-penduduk yang digigit oleh anjing dan juga yang cedera patah tangan dan sebagainya. Jadi saya kira ini satu er… perkara yang serius yang perlu diselesaikan. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua ialah berkaitan dengan kemudahan bank. Di kawasan Padang Tengku ni sekarang ini banyak er… apa nama ini er… penempatan-penempatan seperti kita ada dua sekolah menengah berasrama, kita ada Ladang Selborne, Kawasan Perindustrian Kechau Tui dan juga Padang Tengku dan insya-Allah lepas ini ada depo apa nama ini er… depo dan stesen kereta api yang baru dan beberapa jabatan-jabatan kerajaan juga ada lebih daripada 10 Felda Plantation yang berada di sekitar kawasan Padang Tengku ini.

Maka kita sebenarnya usaha kita dah kita telah berusaha umpamanya pihak saya sendiri telah pun er… berusaha dengan BSN er… untuk er… mewujudkan satu cawangan… membuka satu cawangan di Pekan Padang Tengku tapi nampak usaha itu er… tidak… tidak berhasillah. Jadi kita minta bantu daripada apa nama pihak kerajaan supaya hasrat penduduk-penduduk yang hari ini terpaksa berurusan err… dengan er... pekan ataupun dengan bank di.. di bandar Lipis ini dapat er... kita.. kita wujudkanlah satu kemudahan bank di kawasan Padang Tengku.

Dan yang ketiganya ialah er… tentang perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Di kawasan Padang Tengku ini perumahan-perumahan swasta nampaknya di waktu yang terdekat ini er.. begitu rancak. Yang terbaru ini kita ada Taman.. Taman Cempaka, Taman Perumahan Cempaka, Taman Terminal Indah Fasa 1, dan sedang dalam pembinaan Taman Terminal Indah Fasa 2 tetapi taman-taman perumahan ini er.. dia hanya dapat memenuhi permintaan golongan-golongan yang berpendapatan sederhana ke atas dan tidak terjurus bagi menyelesaikan masalah kepada apa nama penduduk-penduduk yang mempunyai pendapatan rendah. Soalan saya ialah adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina err.. taman ataupun projek perumahan kos rendah di kawasan yang berhampiran dengan Pekan Padang Tengku. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya daripada Padang Tengku yang bertanyakan tiga soalan sekali gus. Yang Berhormat ini memang sangat prihatinlah kawasan dia ye. Saya ingin menjawab bersabit dengan perumahan dulu sebab yang ini dah akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat iaitu dua hari yang lepas saya mendapat berita daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Projek Perumahan Rakyat Mampu Milik (PPRM) di Tanjung Jambu Mukim Telang telah pun diluluskan sebanyak 100 unit dan pada hari Khamis ini pihak Unit Perumahan SUK dan Pihak Kementerian akan meninjau tapak yang dicadangkan oleh Yang Berhormatlah. Cuma saya harap supaya tapak tersebut tidak menjadi masalah dan ini merupakan er… kelulusan khas di bawah Tabung Amanah Projek Perumahan Mampu Milik.

Sebenarnya kalau ikut dalam perancangan memanglah kita akan bawa ke depan tetapi oleh sebab Yang Berhormat ini begitu aktif, agresif, selalu membuat kacau ganggu dalam Mesyuarat Tindakan Daerah jadi saya pun tak nak dikacau ganggu jadi kita usaha dan telah pun menjadi kenyataan. Saya ucapkan syabas dan tahniah. Selain daripada itu kita ada juga perancangan untuk membuat Projek SPNB Idaman di Merapoh ini pun dalam proses dan insya-Allah, jika tidak apa-apa masalah akan menjadi kenyataan.

Berkait dengan soalan anjing liar untuk menjadikan 'Bandar Selamat Daerah Selamat' memang saya tidak nafikan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perbandaran pun memang kerap kali dibangkitkan dan sebenarnya kita tidak boleh mengambil tindakan dengan sewenang-wenangnya. Maknanya kita tidak boleh tembak anjing tersebut kerana gangguan daripada NGO, jadi sehubungan dengan itu saya dimaklumkan bahawa pihak Majlis Daerah Lipis hanya akan bertindak sekiranya ada aduan dan setakat ini di daerah Lipis daripada DUN Padang Tengku ada 17 anjing liar yang begitu aktif dan difahamkan pihak PBT telah mengambil tindakan dengan cara memasang perangkap ataupun menembak dengan pelali. Dan begitu juga Jabatan Veterinar pun

akan membantu untuk menangkap anjing-anjing liar ni, tapi ini satu usaha yang saya rasa tidak mungkin selesai 100 peratus. Jadi elok juga Yang Berhormat buat satu er… kacau ganggu juga. Elok juga Yang Berhormat er... menggunakan KRT ke, Rukun Tetangga dan sebagainya supaya boleh meminimakan masalah anjing liar ini.

Yang ketiga, berhubung dengan kemudahan-kemudahan yang akan untuk rakyat di DUN Padang Tengku, memang benarlah, memang sukar untuk kita dapat perkhidmatan, er... mesin ATM, Bank Rakyat dan sebagainya kerana mereka ini ada sebab-sebab yang tertentu kerana terutamanya dari segi kos, tempat, selamat atau tidak. Tapi walau bagaimanapun kita boleh usahakanlah daripada semasa ke semasa. Dan saya percaya YB Padang Tengku ini seorang yang aktif, kena panjatlah BSN ke Bank Rakyat dan sebagainya supaya bagi tahu bahawa ini adalah perlu penting untuk rakyat dan saya pun pada satu ketika dulu di kawasan saya pun memang tidak ada kemudahan seperti ini dan akhirnya kita dapat juga er… mesin Bank rakyat tetapi mengambil masa yang panjang sebab dia nak datang nak *top up* duit dan sebagainya tempat itu selamat atau tidak semua itu diambilkira, kena pasang CCTV dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Tuan Yang di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Tahan.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Saya mohon izin mengemukakan satu soalan tambahan, er... walaupun soalan itu di bawak oleh ADUN Padang Tengku semata-mata untuk daerah Lipis, tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan berhubung dengan pelaksanaan projek-projek di dalam kawasan Majlis Daerah, dan apakah er… dan siapakah pemantau er… ataupun er… penilai dari segi er… cadangan projek yang dilakukan itu sebenarnya memberi manfaat dan berfaedah dilakukan kepada kerajaan tempatan dan juga penduduk setempat.

Tetapi kadang-kadang pelaksanaan projek itu tidak memberi manfaat ataupun tidak memberi faedah kepada kepada masyarakat dan juga kerajaan tempatan itu sendiri. Sehingga dia menjadikan projek itu sebenarnya beban kepada sesuatu pentadbiran kerajaan tempatan itu. Jadi apakah kaedah dan kategori pemilihan itu ditentukan oleh siapa? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali sudah pastilah projek yang dibuat, dilaksanakan, dirancangkan itu adalah memberi faedah kepada rakyat. Dan daripada segi cadangan lazimnya ada yang dikemukakan oleh Yang Berhormat kawasan kepada pihak PBT, dan ada juga projek yang dicadangkan sendiri oleh PBT yang mereka merasakan projek itu penting setelah mereka melihat, meninjau ataupun mendapat aduan daripada orang ramai. Bagi kes yang dimaksudkan oleh YB daripada Tahan tadi memang mungkin adalah satu dua kes yang kita rasa tidak begitu bermana… bermanfaat kepada rakyat tetapi ini kita boleh tengok baliklah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Kita berpindah ke soalan berikutnya saya sila wakil dari Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan nombor 6.

> [Berkenaan dengan Sultan Haji Ahmad Agricultural Park (Taman Pertanian, Kuantan), apakah kemajuan terkini, perbelanjaan tahunan dari tahun 2011-2016, hasil pengeluaran dari tahun 2011-2016, serta rancangan kemajuan dan pemeliharaan/ pemuliharaan.]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SYARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah sebuah taman pertanian yang telah dibangunkan sekian lama dan buat masa ini jabatan atau pihak Kerajaan sedang melakukan transformasi ke atas taman pertanian tersebut, dengan bermula pada tahun 2015, pembangunan dan pengurusan taman di taman tersebut menggunakan kaedah apa yang dipanggil sebagai *Permaculture, Permanent Agriculture.*

Er… segi perbelanjaan dari tahun 2011 hingga 2016 Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM3.5 juta. Manakala hasil yang berjaya dikutip melalui aktiviti yang dijalankan di sana lebih kurang tidak sampai pun setengah juta. Dan selain daripada itu untuk jangka masa panjang Taman Pertanian ini ataupun pihak Kerajaan sedang dalam proses untuk mendapatkan pelaburan daripada syarikat-syarikat tertentu yang khususnya er… memohon sedikit peruntukan daripada ECERDC bagi mengubah landskap fizikal bagi maksud menjadikan Taman Pertanian itu sebagai Taman Botani yang boleh menarik orang awam juga pihak-pihak pelajar untuk tujuan bersantai, riadah dan juga mencari ilmu pengetahuan. Dan bersama jabatan juga er… jabatan di bawah Kementerian Pertanian agensi-agensi yang terlibat juga menjalankan apa ni… perancangan secara *National Blue Ocean Strategy* contohnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah menyumbangkan beberapa beratus ekorlah ayam kampung yang terlibat 2016, 2017 pun ada menyumbangkan sedikit peruntukan bagi tujuan apa program NBOSS itu tersebut. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan. Er… terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua. Er… memang saya ucapkan tahniah kerana ada transformasi er… untuk er… memperbaharui ya prestasi dan jugak er... kemajuan Taman Pertanian ini, dan memang bukan mudah er… ada tempat yang begitu strategik yang berhampiran dengan bandar Kuantan. Er… tetapi saya di… turut dimaklumkan bahawa jugak bahawa *Permaculture* ataupun *Permanent Agricultural* er... projek itu er... pada permulaannya memang er… menarik dan berjaya er... sedangkan *batch* pertama berjaya menarik er… peserta-peserta dari luar negara. Tetapi dimaklumkan terkini er… guru ataupun er… pengajar *Permaculture* itu telah ditamatkan tempoh perkhidmatan beliau dan er… tidak nampak hala tuju yang jelas. Maka di sini saya ingin bertanya bahawa soalan pertama, er… adakah kita memang ada rancangan yang strategik dan jugak yang konkrit untuk membantu membina Taman Pertanian Kuantan ini? Dan adakah kita ada sasaran ataupun KPI

dari segi pengeluaran yang kita hendak capai ataupun pelancongan yang kita ingin tarik? Sebab ini adalah satu *Agriculture Park* dan tidak cukup kita sekadar ada pengeluaran tetapi jugak kita perlu ada pelancongan ataupun kunjungan orang ramai termasuk er… rakyat dari Kuantan, ini soalan pertama.

Soalan kedua berkenaan dengan er… adakah Taman Pertanian ini akan dikekalkan buat masa yang lama? Kerana kita nampak projek-projek pembangunan agak pesat di sekitar Taman Pertanian, antaranya er… Kota SAS dan disamping itu juga ada (ECRL) *East Coast Rail Link* er... yang akan er… disambung ya… dibelakang Taman Pertanian. Jadi, di sini saya ingin mendapat er… komitmen kerajaan supaya kekalkan Taman Pertanian kita. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Sidang Dewan, pihak Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan sebuah Badan Amanah bagi tujuan pengelolaan, pengurusan Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahad Shah yang dipengerusikan oleh Yang Amat… Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang. Jadi sudah pasti er… tujuan penubuhan Badan Amanah ini dapat mengekalkan kedudukan Taman Pertanian ini.

Mengenai soal er… macam jurulatih, semacam jurulatih lah itu saya tidak ada makluman. Tetapi *Permaculture* ini er… satu dimulai oleh jurulatih tersebut tetapi tidak bererti hanya jurulatih tersebut sahaja yang pandai, benda ni *acquired knowledge. So* bila *acquired knowledge* kita boleh perolehi. Ahli Sidang Dewan, boleh merujuk kepada *Wikipedia* mengenai *Permaculture, Permanent Agriculture* adalah dia punya syarat-syarat tertentu. Tapi dia pergi untuk *sustainable development* melalui alam sekitar. Jadi benda ini boleh diperolehi jadi saya percaya anggota jabatan boleh menjalankan tugas tersebut. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Yang Berhormat. Kita beralih ke soalan yang berikutnya saya jemput Wakil dari Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor tujuh.

[Masalah kenaikan harga barang nampaknya tidak akan berakhir, usaha-usaha mengekang kenaikan harga nampaknya tidak konsisten kecuali apabila dekat dengan musim perayaan.

a) Apakah usaha luar biasa yang dijalankan atau dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan KPDNKK?

b) Apakah perkembangan unit Penghulu/JKKK/KRT/JKTP dalam membantu Unit Penguatkuasa KPDNKK memantau harga barangan di premis-premis perniagaan?

c) Berapakah jumlah kompaun yang dikutip di negeri Pahang hasil daripada penguatkuasaan ini dan berapa banyak yang dikeluarkan di akhbar-akhbar?]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan ini mengenai perkataan yang saya tertarik tu luar biasa. Masalah kita ni orang biasa. Jadi, kalau yang luar biasa ni biasanya orang yang pakai seluar dalam di sebelah luar. Itu, orang luar biasa, jadi kita dalam kebiasaan yang biasa ni kita berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada. Jadi sudah pasti kita menggunakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Mekanisme Yang Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016, itu akta. Kita mesti bertindak di bawah akta yang ada. Antara usaha-usaha yang telah dibuat satu antara lainnya, ni penyeragaman harga barang. Bandar lain, luar bandar lain. Kalau bandar dikatakan di bandar Kuantan harganya sekian banyak, tetapi di Tioman dengan kos botnya, di Tembelingnya lain harga. Jadi kerajaan telah mengusahakan supaya penyeragaman harga bandar dan luar bandar tu telah berlaku.

Kemudian selain daripada itu, yang saya tertarik di sini ialah apa yang kita namakan sebagai melaksanakan gerak kerja *Omnipresence.* Maknaya dalam er… pasaraya-pasaraya tertentu orang jabatan ada, pegawai-pegawai ada dengan pakaian jadi mereka nampak penguatkuasaan ada di sana supaya peniaga-peniaga ini dapat beretika dia nampak eh ada orang ni, Kita tak boleh naik harga tak tentu pasal ni. Ha, itu ada istilah dia *Omnipresence.* Kemudian, penguatkuasaan terus menerus dilakukan ke atas peniaga-peniaga runcit dengan berlakunya, melakukan penandaan harga oleh penjual peruncit. Ini kita kena kalau pergi ke pasar kita dia ada kena dah *display*, kena… kena tunjukkan tanda harga.

Mengenai soalan seterusnya… dan juga selain daripada itu, er… kementerian mewujudkan *Friends of KPDNKK (FOK)* inilah maknanya ada menjadi mata, telinga pada kerajaan bagi ataupun pada kementerian bagi menentukan pengawalan harga ataupun sekiranya berlaku penyelewengan-penyelewengan ataupun penipuan-penipuan tertentu.

Soalan seterusnya mengenai er… usaha-usaha yang dilakukan oleh KPDNKK bagi mewujudkan peranan Penghulu dan Penggawa sebagai Penolong Pengawal Harga. Di sini sehingga bulan Oktober 2017 sebanyak 90 pemeriksaan bersama telah dijalankan oleh KPDNKK bersama Penghulu dan Penggawa. Di negeri Pahang ini Waran Perjawatan Penghulu, Penggawa adalah seramai 94 orang dan seramai 78 orang telah diisi. Walau bagaimanapun, untuk JKKK dan KRT tidak tertakluk kepada penurunan kuasa di bawah akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK ini.

Seterusnya er... sejak er... sehingga bulan Oktober 2017 negeri Pahang telah membuat pemeriksaan ke atas 57,357 premis perniagaan bandar dan luar bandar. Dan daripada jumlah pemeriksaan itu, terdapat 710 kes yang telah dihasilkan dengan nilai rampasan er… sebanyak RM627,853.52 dan nilai kompaunnya adalah RM128,250.00. Dan sehingga kini sebanyak 36 hebahan, bentuk hebahan jumlah hebahan, laporan yang meliputi media sosial, media cetak elektronik bagi menerangkan kepada awam bahawa usaha-usaha KPDNKK ini serius untuk melakukan penguatkuasaan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-Ahli Berhormat sekalian, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar tadi menjawab bagi pihak Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Koperasi Keusahawanan dan Kepenggunaan kerana Wakil daripada Dong sekarang sedang menjalani rawatan… sedang bercuti dan kita berdoa agar beliau cepat sembuh dan kembali bertugas. Baiklah, kita beralih ke soalan berikutnya saya jemput Wakil dari… Wakil dari Bilut.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan saya nombor 8.

> [Sila nyatakan dan senaraikan jumlah peruntukan pembangunan yang dikeluarkan oleh FELDA di Felda Lurah Biut pada tahun 2017.]

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Bilut. Sehingga September 2017, tiada peruntukan FELDA tetapi mendapat peruntukan daripada Ahli Parlimen Bentong untuk kerja pembangunan dan baik pulih infrastruktur di Lurah Bilut. Terima kasih. Jumlah RM400,000.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

... *okay* Yang Berhormat ada soalan tambahan.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan. Bolehkah saya tahu apa sebab tiada peruntukan daripada FELDA dan soalan adalah satu … satu lagi adalah apakah *progress* projek perumahan generasi kedua di Felda Lurah Bilut sekarang? Sekian.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Terima kasih. Saya rasa er… ADUN Lurah Bilut pernah datang er… ke Bilut. Ada? Sebab saya pergi program permuafakatan FELDA, saya tanya YB. ada turun? Dia kata tak ada turun, er... maknanya dari segi er... sehingga September 2017 memang tak ada peruntukan daripada FELDA, tetapi ini September 2017 er… Dato' Yang di-Pertua, tetapi kita dah meluluskan satu peruntukan untuk merancang pembangunan Lembah Digital Bilut yang mana sekarang ini tengah dalam proses gerak kerja.

Yang kedua dari segi perumahan generasi baru FELDA di Lurah Bilut, kita ada 30 ekar yang kita kenal pasti dan rumah contoh telah dibuat dua unit untuk generasi muda di Lurah Bilut. Kita akan buat tiga puluh berfasa, 30, 30 dan melegakan ADUN Bilut itu sendiri. Saya kata mintak ADUN Bilut pergi tengok boleh datang dengan saya sekali tak apa, kita sama-sama, terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya harap er… ADUN Chini boleh panggil saya lah semasa anda turun ke Lurah Bilut. Yang berhubung dengan itu Lembah… kita Bilut boleh terangkan dengan lebih *detail* dan kerana apa yang saya dapat yang wifi komuniti FELDA yang di*setup* pada

beberapa tahun lepas er… sekarang kebanyakan itu wifi komuniti FELDA tidak boleh *function*.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Terima kasih. Apabila kita buat Lembah Digital Bilut ini semua kita telah berinteraksi dengan pihak-pihak tertentu. Pihak FELDA telah menguruskan semuanya. Maknanya er… YB. Lurah Bilut akan tunggulah perancangan yang hebat di Felda Lurah Bilut. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita berpindah ke soalan yang berikutnya, saya jemput Wakil dari Chenor.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor 9.

> [Beberapa ramaikah atlet anak negeri Pahang yang Berjaya memperolehi pingat emas dalam acara Sukan SEA baru-baru ini dan dalam acara apakah bentuk imbuhan yang diberi oleh kerajaan negeri atas kejayaan mereka.]

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Chenor yang bertanya. Temasya Sukan SEA kali ini er... menyaksikan seramai 49 orang atlet negeri Pahang daripada 845 orang atlet kebangsaan terpilih mewakili negara dengan membantu negara Malaysia menyumbang sebanyak 14 pingat emas, 8 pingat perak dan 7 pingat gangsa.

Terdapat 8 acara seperti gimrama, pencak silat, karate-do, boling padang, bola jaring, hoki padang, hoki dewan dan polo telah menyumbang pingat emas kepada negara. Seramai 17 orang atlet kelahiran negeri Pahang yang telah terlibat dalam 8 acara tersebut dan mereka telah berjaya memperolehi pingat emas dalam acara masing-masing.

Untuk menghargai setiap pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para atlet, Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang telah memberi penghargaan berbentuk Pemberian Insentif Kemenangan Sukan berjumlah sebanyak RM89,100.00

Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Sukan atlet negeri Pahang di Sukan SEA ke-29, Kuala Lumpur 2017 telah diadakan yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja pada 27 September 2017 yang lalu bersempena dengan Majlis Anugerah Sukan Pahang 2015/2016.

Kerajaan Negeri dan Majlis Sukan Pahang berkeyakinan penuh dengan adanya Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Pahang ini akan memberikan motivasi luaran yang berkesan kepada atlet-atlet negeri Pahang bagi mencapai kemenangan dan menjadi juara dalam sukan tempatan mahupun antarabangsa. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas, tirai pada 30 haribulan Julai… Ogos

yang lalu telah memperlihatkan sukan SEA di mana Malaysia telah berjaya dengan cemerlang dalam kejohanan tersebut.

Dan satu ataupun seorang atlet yang telah er… mengungguli dalam insentif ini adalah saudari Ku Sheng Yan yang mana dalam anugerah tersebut mendapat er… insentif antara yang tertinggi dari Majlis Sukan Pahang sebanyak RM22,500 dan daripada Majlis Sukan Negara sebanyak RM49,500.00. Tahniah kepada seluruh atlet negeri Pahang. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Soalan tambahan er... Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sedikit kepada Pihak Kerajaan, saya ucap tahniah lah kepada semua atlet yang telah berjaya mengharumkan nama negeri Pahang secara khususnya di dalam Sukan SEA yang baru-baru ini. Er... selain daripada memberikan imbuhan kepada pencapaian cemerlang atlet-atlet yang terlibat, apakah langkah yang diambil oleh Pihak Kerajaan, Majlis Sukan Pahang secara khususnya untuk mempastikan atelt-atlet ini berada di dalam kemuncak prestasi mereka sepanjang masa dan tidak dilanda dengan sindrom imbuhan berlebihan atau sindrom er… gagal menanangi kemenangan er… kerana ramai atlet ini dia berjaya pertama kali, selepas itu tidak mampu untuk nak meneruskan er... kecemerlangan mereka. Di atas kegagalan mungkin disebabkan oleh sistem er... latihan ataupun struktur sukan itu sendiri yang kita lihat er... kadang-kadang ianya memberikan kesan buruk kepada atlet-atlet itu untuk berterusan. Dan ini memberikan gambaran buruk jugak kepada bakal-bakal atlet di masa yang akan datang. Apakah langkah yang diambil untuk mengekang perkara ini. Terima kasih.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih ADUN Beserah atas keprihatinan untuk terus memperkasakan atlet-atlet di negeri Pahang ini. Secara umumnya bahawa er... Majlis Sukan Pahang sentiasa mengambil berat terhadap prestasi atlet-atlet, kita bukan sahaja er... dalam menghargai mereka dengan insentif-insentif ataupun imbuhan-imbuhan tetapi juga dari segi kaedah pemakanan, kesihatan tetapi… dan juga er... kursus-kursus bukan sahaja dalam negeri bahkan ada juga kursus-kursus ataupun latihan-latihan dalam acara-acara tertentu melibatkan er… dihantar ke luar negara seperti di Korea, di Australia dan sebagainya. Ini adalah kelangsungan dan jugak kesinambungan untuk melihat atlet-atlet kita ni sentiasa pada tahap siap siaga er... pada sebilang masa. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih ke soalan berikut, saya jemput Wakil dari Mentakab.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Behormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan nombor 10.

[Berapakah jumlah kematian yang tak dituntut oleh waris mangsa di setiap rumah mayat mengikut kaum di seluruh Pahang semenjak 2013?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dan terima kasih juga kepada Wakil daripada Mentakab yang bertanyakan soalan berkaitan dengan jumlah kematian yang tidak dituntut. Saya kurang pasti apakah maksud er... ataupun istilah yang digunakan ini selamanya daripada Mentakab ataupun mungkin ada keluaran urus setia. Walau bagaimanapun saya mentafsirkan soalan ini adalah berkaitan dengan jumlah mayat yang tidak dituntut. Kalau kita kata jumlah kematian yang tidak dituntut ini er... lain maknanya menuntut kematian ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan yang pertama berapakah jumlah mayat yang tidak dituntut oleh waris mangsa di setiap rumah mayat mengikut kaum? Dan keduanya er... ada dua perkara di sini pertamanya er… Yang Berhormat mahukan senarai mengikut rumah er… rumah mayat dan keduanya mengikut kaum bagi tempoh 2013 sehingga 2017. Kalau nak dibacakan angka-angka ini Yang Berhormat terlalu er... *detail*. Jadi saya cuba kongsikan secara ringkasnya. Secara keseluruhannya jumlah mayat yang tidak dituntut di rumah-rumah mayat di seluruh negeri Pahang bagi tempoh 2013 sehingga 2017 dan 2017 ini sehingga bulan September sahaja.

Er... bagi mayat dari bangsa Melayu-59, bangsa Cina-27, India-19, lain-lain bangsa yang di sini dinyatakan adalah Thailand dan Indonesia sebanyak 22 dan mayat-mayat yang tidak dikenal pasti bangsanya adalah 29 yang membawa jumlah keseluruhan 156. Dan bagi taburan mengikut rumah mayat di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan ada 32 mayat tidak dituntut, di HOSHAS ada 7, Rompin ada 7, Pekan tidak ada yang tidak dituntut, Muadzam Shah ada 1, Hospital Bentong ada 7, Hospital Raub ada 3, Hospital Jerantut ada 84 Hospital Kuala Lipis ada 4, Hospital Cameron Highlands 7, Hospital Jengka tidak ada mayat yang tidak dituntut. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan. Dalam masa tempoh... maksud saya dalam masa tempoh tertentu er... berapa lamakah yang dibenarkan er... untuk waris ya… untuk mengambil mayat sika… sekiranya selepas masa tertentu di... dihadkan er... siapakah yang bertanggungjawab untuk melupuskan mayat ini?

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Penyimpanan satu mayat dan penuntutan satu mayat oleh waris ini er... dibezakan oleh pihak kerajaan mengikut er... agama. Bagi mayat-mayat er... ataupun jenazah er... yang beragama Islam, tempoh diberikan sehingga 3 hari. Selepas daripada 3 hari sekiranya tidak ada waris yang menuntut, maka jenazah itu akan diserahkan kepada Pejabat Agama Islam untuk er...menguruskannya. Bagi mayat-mayat er... yang bukan beragama Islam pula er... tempoh yang diberikan sehingga 14 hari untuk er... dituntut oleh waris-waris mangsa. Er... kemudian bagi mayat warga negara asing pula, mayat-mayat ini akan diserahkan kepada pihak PDRM ataupun kedutaan negara asing yang

bertanggungjawab untuk menjejaki waris si mati. Selepas dua minggu disimpan dan tidak dituntut, pihak hospital berhak untuk menjalankan prosedur pelupusan mayat sepertimana yang er... dinyatakan dalam surat pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bilangan 17/2008 ataupun garis panduan bedah siasat mayat di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih Tuan yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekejap… sekejap… baiklah untuk itu ada dua soalan ya, yang akan dijawab sebentar lagi iaitu daripada ADUN Batu Talam. Saya… sila… jemput ADUN Batu Talam.

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan 1.

[Kerajaan Negeri Pahang telah menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Badan Kawal Selia Air, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bagi memastikan sumber air dana alam persekitaran berada di dalam keadaan yang terpelihara dan mampan.

1.1 Berapakah keluasan kawasan tadahan air yang diwartakan di seluruh negeri Pahang?

1.2 Adakah pihak Kerajaan Negeri Pahang bercadang untuk menggunakan sistem empangan dan sistem sedutan air bawah tanah bagi memastikan bekalan air mencukupi?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Pahang mempunyai kawasan Hutan Tadahan Air yang diwartakan di bawah Seksyen 10(1)(e) mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 adalah seluas 258,951.88 hektar. Saya nak sebutkan jumlah ini kita tambah lagi, saya terlupa jumlah tepat tapi ratusan ribu hektar sejak 1999 sampai sekarang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan hasil kajian sumber air negara, kertas ni… minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia mengelirukan sebabnya di tengah-tengah tu ada naskhah tidak muktamad dan sebagainya. Jadi bayang-bayang tu kita maklumlah, bila bertambah muda ni mata bukan… bukannya tak nampak sangat, jadi terkeliru sikit. Berdasarkan hasil kajian sumber air negara 2050, negeri Pahang masih mempunyai banyak sumber air dan ia bukan satu keperluan segera untuk mencari alternatif baru bagi menambah sumber air sedia ada. Tambahan pula sehingga kini 2 empangan telah siap dibangunkan iaitu Empangan Chereh, Kuantan dan Empangan Klau, Raub.

Sebenarnya kerajaan ada mendapat beberapa cadangan untuk membina empangan ini yang kita rasakan mempunyai faedah, selain daripada untuk menyimpan air ia juga boleh membantu mengatasi masalah banjir, tapi ini melibatkan kos yang tinggi buat masa ini tiada keperluan, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, jemput Wakil dari Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan nombor 2.

> [Memandangkan negeri Pahang merupakan penyumbang terbesar bagi Semenanjung Tanah Melayu ini, memperuntukkan kawasan tadahan hujan bagi menyelamatkan negara ini dari bencana alam (banjir). Apakah pulangan yang diberikan oleh kerajaan pusat kepada pihak kerajaan negeri sebagai balasan.]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini tidak ada satu sen pun Kerajaan Persekutuan bayar kepada Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri menyediakan kawasan tadahan air, tadahan hujan dan sebagainya, tiada satu sen pun. Ratusan ribu hektar yang kita rezabkan itu tidak diganti oleh Kerajaan Persekutuan dan kita pun tidak minta ganti, tapi kalau dia ganti kita tak marah. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Saya memang menjangka itu jawapannya tapi apa yang penting bagi kita, negeri Pahang ni orang kata hutang banyak, dengan pusat kalau boleh dikontra nampak cantik negeri kita. Itu tujuan saya menanya tu bukan lain.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Saya dah baca dah ni… [Ahli Dewan ketawa] apa namanya… siaran PAS siapa namanya, nanti kejap mana *handphone*, minta izin Tuan Yang di-Pertua, SEJAHTERA… haa… entah setara mana sejahtera Wallahua'lam lah. Saya akan *address* perkara ini dalam ucapan bajet dan pergulungan nanti sebab-sebab kerana kalau ikut SEJAHTERA ini, kalau SEJAHTERA menjadi kerajaan, dia buat apa dia nak buat ni, 3 bulan tergulinglah kerajaan sebab masalah rakyat tidak diambil kira sebagainya… nanti… nanti ini cerita sedap… sedap. Kita keluar untuk air RM23 juta,

kita *collect* balik…tarif air ni RM13 juta, kita bayar hutang kepada TNB setiap bulan RM9 juta, saya malas nak menyebutnya tengah ramai-ramai ni… tapi diam-diam perlahan saya sebut, hutang PAIP dengan TNB RM330 juta tau. T*hree hundred thirty million it's not small amount,* jadi itu bab kemudian lah.

Ini soalan tu politik je cara politik, kalau kerajaan jawab cara kerajaan, tapi kalau belah sana pun kalau jadi MB, jadi EXCO lagi mampus, lagi teruk sebenarnya beritahu terang terang, terima kasih. Nanti saya akan *address* dalam ucapan bajet. Bajet ini pun ucapan bukannya apa sangat ada saya baca, ada saya cakap. Sebab parlimen British, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tak ada kerusi tak ada meja ini tak ada, dia jawab begitu je, kita ni beriya nak bertulis beriya sangat, saya akan ikut sistem Parlimen British ala Westminster mengganti (tak jelas) [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa Teruntum? Oh tambahan. Mintak maaf Teruntum.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar santapan… santapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ulang tadi…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

…hai terangkat Dewan ni menyebut santapan… santapan rupanya tambahan, terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu saya tanya Yang Berhormat, tambahan ya… satu soalan ya?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ok. Baik. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, macam-macam kes bencana alam mengakibatkan rumah rosak, banjir, rebut, kebakaran dan apa jua kerosakan akibat bencana. Sekurang-kurang kita wujud sebuah tabung. Cadangan saya ye, kita juga dapat membantu menyalurkan sumbangan kepada mana-mana berlaku bencana di Pahang. Di tengok… di Terengganu sudah lama diwujud Tabung Darul Iman bagi

memudahkan rakyat Terengganu sekira sekiranya menghadapi masalah ini. Soalan saya adakah Pahang akan mencontohi er… menubuhkan satu tabung? Mungkin namakan Tabung Darul Makmur untuk menolong semua lapisan rakyat di Pahang jika mendapat er... bencana. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak beritahu ya. Cara kita menguruskan atau mentadbir negeri ini dia… dia ada sendiri dialah. Bencana berlaku, tabung bencana. Anak yatim tak ada duit, tabung anak yatim. Sebenarnya tabung di negeri Pahang ini ialah Kumpulan Wang Yang Disatukan yang dikawal oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, itu saja. Tentang tabung-tabung ini, ni dah cerita lama Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tabung bencana alam, tabung bencana negara. Di peringkat persekutuan macam-macam telah dirujukkan, telah diwujudkan dan kita di peringkat negeri ini, kewangan yang kita ada ialah melalui Pejabat Kewangan Negeri dan melalui Pejabat Pengarah Pembangunan Negeri iaitu yang menyalurkan bantuan dari kerajaan persekutuan. Buat masa ini kita rasa tidak perlu. Saya nak kaitkan sikit dengan bencana ini dengan di luar sikit. Saya telah… umur saya 67 tahun Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya berpolitik sejak umur lapan tahun. Orang terkejut. Inilah jari saya ni bengkok sebab arwah ayah saya masa itu Ketua UMNO Cawangan. Dia ada *typewriter* Remington dan saya selalu mainkan *typewriter* Remington tapi ayah saya psikologi tinggi, dia kata kalau nak taip ni kena alas, kalau tak rosak bar dia. Engkau tolong buat surat ayah. Saya buat surat ayah umur 8-9 tahun. Saya jadi penolong kempen nak mengalahkan DAP dan PAS semua tu tahun 64, umur 14 tahun. 14 tahun DAP dengan PAS dah kalah dah masa itu dah. Lepas tu umur 19 saya menjadi ahli UMNO dan begitulah seterusnya.

Saya nak beritahulah bencana ini di… kita katakan diturunkan oleh Allah SWT. Ini sebenar sebagai bala. Saya ingat lagi semasa *typhon* bukan *typhon* ye, ni apa ni… *hurricane* ke *typhon greg* di Sabah kerana adanya pesta arak, adanya mereka mabuk, lepas tu main dengan kucing, main dengan anjing dan orang tua-tua Melayu pantang kita main dengan kucing, suka-suka dengan kucing sebab kalau kita main akan berlaku orang Melayu sebut 'celau'. Celau ni maknanya akan berlaku ribut petir sebagainya, *greg*. Tsunami di Aceh, mereka merayakan apa ni… *Boxing Day* dan mabuk ketoyong, berbagai-bagai dilakukan. Askar agama Islam pun campur sekali… pop datang tsunami. Di Penang ni ada pesta arak. Arak minumlah tapi janganlah kita pesta-pesta. Buatlah, buat di rumah sendiri tak apa. Akhirnya, dia ada 4-5 kejadian tapi saya dah lupa, yang saya ingatnya ialah kes yang kematian 11 pekerja itu, kemudian datang banjir. Mana ada dalam sejarah Penang kena banjir. Yang wajib kena banjir ini Pahang. Kalau Pahang tak kena tak kena banjir kita pelik sikit. Itu sebab bulan 12 ini tunggulah. Hah kalau di Pahang dah kena banjir, itu baru betul. Penang kena banjir, tak pernah sejarah. Percaya atau tidak, saya sebagai orang Islam percaya ini bala Allah Taala turunkan, itu aje nak bagitahu. Jadi kita di Pahang ini kalau nak kata bala tu, tak boleh juga sebab bala kita tak ada orang mati sangat. Lepas tu ada orang main air, ada *boating* sebagainya.

Lepas tu habis seminggu dua balik, tak ada hal dan Wakil Rakyat memang suka banjir ni berlaku sebab masa banjirlah dia orang menyibuk-nyibuk termasuklah pembangkang juga. Pergi sana, pergi sini, pakai topi, pakai apa semua. Hah, balik dia demam tapi depan apa ni… depan depan apa ni depan rakyat mangsa banjir steady.

Balik-balik kang berselimut demam. Isteri hulur maggi mi. Makan maggi mi hari-hari kena dah… buah pinggang pulak. Hah, melarat-larat jadi payah kerja. Itulah lebih kurang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ada soalan lagi? Triang ada soalan?

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengaitkan bencana dengan pesta-pesta yang dianjurkan di negeri-negeri…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kejap, *you* ada soalan ke apa? Apa soalannya?

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak apa Tuan Yang di-Pertua. Tak setuju tak apa. Buatlah, pergi buat. Tak apa. *I am entitled to my opinion, you are entitle to yours*. Tak apa, tak setuju tak apa. Tak ada hal dan saya nak cadang pergilah buat. Pergi buat, pergi buat malam ni. Buat di Triang ramai-ramai. Pergi tengok. *Let see*. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, saya kira kita telah selesai…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Dato' Yang di-Pertua,

Ni saya nak minta Ahli-ahli ADUN Tanah Rata anjurlah, pergi buat. Kita tak larang. *You're welcome to do. It's ok, welcome to celebrate*, mabuk tapi tengok. Kita boleh, boleh *bet* lah. Kalau berani, cuba. Cuba buat ini Triang, ini malam. Buat besar-besar. Polis bagi permit, kita boleh bagi itu arak, tengok apa macam.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Bolehkah saya minta penjelasan sekejap? Er…, saya percayalah ikut kepercayaan saya bahawa Tuhan tidak hukum orang. Tidak hukum. Cuma ini alam, bencana alam sekitar…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Ini kita dah lari daripada tajuk dah. Tuhan menghukum. Itu sebab ada syurga ada neraka. Yang menjadikan segala ini sebab Allah Taala. Buruk baik Tuhan kasi jadi. Baik pun Tuhan. Buruk punya hal pun, Tuhan kasi jadi. Itu kena paham. Jadi nak bincang ini susah sikit sebab *you* percaya lain saya percaya lain. Buruk baik dari Allah SWT. Paham tak? Itu sebab zaman Nabi Nuh kena taufan, ada taufan. Allah Taala

kasi jadi. Nak ajar manusia. Manusia yang tak bersyukur. Manusia yang tak tahu apa betul, apa baik. Itu saja. Terima kasih. Tak, saya nak khabar ye, pergi buatlah. Pergi buat ini malam. Pergi buat, pergi buat. Buat besar-besar sikit. Polis boleh bagi permit. Tengok apa jadi. *I challenge you all*. ADUN dari Triang. Pergi buat, kita tengok kalau berani, buat. Tanah Rata pergi buatlah, tengok.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Saya tidak minat dengan perkara ini. Saya cuma minat apa yang kerajaan nak jelaskan bahawa kepercayaan ini berlainan. Ikut Agama Islam atau bukan asal Islam dia berlainan. Ikut kepercayaan saya bahawa Tuhan yang saya percaya itu tidak hukum orang. Kemungkinan itu Islam, saya tidak mahu sentuh tentang isu ini. Saya cuma jawab tentang… nak… nak…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak betul itu, itu *basic thing*. Tak betul. Kalau tidak apa guna ada syurga ada neraka. Siapa bikin itu syurga? Siapa bikin itu neraka? Tuhan bikin. Jahat punya orang masuk neraka. Tuhan kasi seksa. Tuhan yang buat. Kalau tidak apa guna syurga neraka. Mari saya punya rumah saya boleh *lecture* sikitlah. Saya ingat lepas tiga jam you masuk Islam ini hari akan datang. Betul saya cakap. (Ahli Dewan ketawa)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Cukup, cukup Yang Berhormat Cameron Highlands.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Itu dunia selepas kita mati. Masa kita belum mati ikut kepercayaan saya bahawa tidak hukum orang. Bila sudah lepas kita mati kemungkinan kita masuk syurga atau pun neraka. Itulah pandangan saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat. Cukup kepada Ahli daripada Ketari, Bilut. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat ya, yang memberikan pandangan perbahasan yang cukup baik ya, cukup jelas, dengan cukup tertib dan cukup halus. Jadi saya percaya kita telah selesai membincangkan sepuluh soalan dan jawapan sebentar tadi. Justeru itu, saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pagi ini untuk sama-sama… Yang Berhormat daripada Mentakab duduk dulu, untuk kita sama-sama menikmati minum pagi ya, untuk kita sama-sama menikmati minum pagi yang disediakan dan persidangan kita akan disambung semula pada jam 11.30 pagi. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 10.48 pagi]

[Persidangan disambung semula]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahamatullahhi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian.

Mengikut Peraturan 88, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pahang, maka dengan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa kertas-kertas yang akan dibentangkan iaitu, Bilangan 12 Tahun 2017 Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017 dan Kertas Bilangan 13 Tahun 2017 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2018 dan Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018 yang akan dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ditangguhkan kepada hari esok, Selasa, 21 November 2017.

Oleh itu, saya bercadang untuk menempohkan dewan kita pada pagi ini dan akan disambung semula pada hari esok, Selasa 21 November 2017 jam 9.00 pagi. Persidangan ditangguhkan. Terima kasih.

[Persidangan ditangguhkan jam 12.05 tengah hari]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13

HARI KE-2
21 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

HARI KEDUA –21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN	19
5	RANG UNDANG-UNDANG. RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 - BACAAN KALI PERTAMA - BACAAN KALI KEDUA	19
6	UCAPAN BAJET 2017	20
7	USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2018	32
8	PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2018	34

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Kedua : 21 November 2017 (Selasa)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Khas:
Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. - **Lanchang**
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - **Benta**
(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - **Jelai**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri**	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Guai**
Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri**	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Kerdau**
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	-	**Damak**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	-	**Panching**

Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	-	**Tahan**
Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, DIMP., SMP., PPN., BCM.	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	-	**Chenor**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMN., AMP., PKT.	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	-	**Luit**
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Ketari**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Bilut**
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	-	**Kuala Semantan**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh,
DIMP., JSN., PPN. - **Lepar**

SETIAUSAHA MESYUARAT (bergilir):

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Che Farhan bin Che Mansor

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Kedua (Selasa)	:	21 November 2017
Bersamaan	:	2 Rabiulawal 1439 Hijriah
Masa	:	9.00 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulilah, pada pagi yang cukup ceria ini marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dapat berada dalam Dewan ini dan seterusnya meneruskan persidangan pada pagi ini. Sepertimana biasa mengikut aturan urusan mesyuarat pada kali ini, kita akan mengadakan pertanyaan dan jawapan untuk memulakan pada sesi ini. Saya menjemput Wakil dari Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan yang ke-3.

[2017 adalah tahun melawat Pahang, sila nyatakan:

(a) Berapakah peningkatan Kadar Penyewaan (*Occupancy Rate)* dari Januari 2017 hingga kini setiap hotel utama di DUN Beserah berbanding tahun 2016 dan 2015.

(b) Berapakah hotel di sekitar Beserah yang tertakluk kepada Cukai Pelancongan?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Semalam er... pertanyaan daripada… rakan daripada Sungai Lembing. Setelah saya mendapat teguran ataupun daripada… Wakil daripada Jengka, saya dapati bahawa *figure* ataupun angka yang saya sebut tu silap err… iaitu tentang kehadiran ataupun err… kedatangan pelancong ke Pahang sehingga bulan September err… kita main balik *video* tersebut err… sebenarnya saya yang salah. Saya sebut 11,000… 11,250. Sebenarnya adalah 11,002,550. Minta maaf dan saya harap bahawa urusetia dapat err… membuat pembetulan. Terima kasih Wakil daripada Jengka.

Menjawab err… soalan daripada Wakil daripada Beserah. Dengan adanya Kempen Tahun Melawat Pahang 2017 ini, kadar penyewaan ataupun *occupancy rate,* bilik yang berdaftar ya, bilik yang berdaftar secara puratanya di hotel-hotel kawasan DUN Beserah adalah di paras 40.6% dan err… berbanding 37.55% pada tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 8.2%.

Yang keduanya, bermula daripada 1 September 2017, cukai pelancongan yang diurus kendali oleh Kementerian Pelancongan telah dikenakan kepada semua hotel yang terdapat di negara ini. Sepatutnya bilangan hotel yang terdapat di sekitar Beserah adalah sebanyak 10 buah dengan jumlah bilik sebanyak 676 bilik. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Yang di-Pertua.

Err… terima kasih pihak kerajaan di atas penjelasan yang diberikan. Err… kadar yang dinyatakan oleh pihak kerajaan sebentar tadi iaitu peningkatan sebanyak 8.2% daripada tahun 2016 berbandingkan dengan 2000 er… maaf 2017 berbanding dengan 2016. Err… saya merasakan bahawa ianya adalah terlalu kecil dengan usaha yang kita buat di dalam mempromosikan negeri Pahang semasa Tahun Melawat Pahang tahun ini.

Adakah err… limpahan daripada promosi yang kita buat tersebut err… sebenarnya dapat membantu industri pelancongan di sekitar, terutama khusus saya bercakap soal DUN Beserah. Err… apabila er… kadar seban… 8.2% berbandingkan dengan jumlah pelaburan yang mereka kemukakan, yang mereka keluarkan err… di dalam usaha-usaha menarik pelancong termasuk penyelenggaraan dan sebagainya mampu untuk menampung er... kos tersebut.

Yang keduanya, pengenalan cukai pelancongan kepada er… hotel-hotel utama di negara ini, err… adalah merupakan satu kesan yang saya rasa dapat err… bukan sekadar err… dapat mem… mem… membolehkan kerajaan mengutip cukai. Namun dia mempunyai kesan negatif iaitu dia tidak merangsang err… terutama sekali err… *local tourist* dengan izin pelancong-pelancong tempatan untuk sama-sama err… terlibat di dalam err… mempromosikan err… pelancongan di dalam negeri Pahang ini. Minta penjelasan kerajaan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebenarnya cukai pelancongan ini, sebenarnya beberapa negeri telah laksanakan secara tersendiri err… satunya Melaka dan keduanya Pulau Pinang, telahpun dilaksanakan dan malah kita bercadang pernah saya bawa dalam Dewan ini untuk kita mengkaji. Ianya bukanlah satu kadar yang er… besar tetapi kita kena faham juga bahawa kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mempromosi dan mempromosi hotel atau tempat penginapan tersebut yang mereka tak perlu promosi lagi.

Maksudnya kita mengenakan, jika sekiranya Kerajaan Pahang berbuat demikian err… adalah bertujuan untuk mendapat sedikit err… ini pendapatan daripada err… cukai tersebut dan kemudian duit tersebut kita sumbangkan semula, agar kita dapat melipat gandakan err… promosi kita dan orang… pelancong-pelancong daripada dalam dan luar negara akan mengenali tempat tersebut.

Sekarang ini yang dilaksanakan adalah oleh kerajaan pusat ianya bukan daripada Kerajaan Negeri malah ianya hanya dikenakan kepada hotel-hotel yang tertentu sahaja ketika ini sebagai apa yang disebut sebagai *pilot project.*

Di Cherating, kita… sememangnya kita mengakui bahawa ada sedikit penurunan untuk beberapa tahun yang lepas. Walau bagaimanapun usaha kita buat untuk kita pastikan bahawa Cherating akan menjadi pusat pelancongan yang terkenal seperti yang ada sebelum ini.

Dulunya, kalau kita masih ingat bahawa Cherating adalah disebut sebagai err… *paradise* sebagai contoh. Semuanya ada di situ tetapi segala-galanya ada disitu. Walau bagaimanapun keadaan berubah, suasana berubah, masa, pemikiran masyarakat pun berubah. Masyarakat mungkin inginkan tempat penginapan yang lebih selesa lagi, sebab itu kalau kita lihat banyak hotel-hotel yang bertaraf lima bintang, empat bintang dan *upgrading* dengan izin…tempat-tempat, resort-resort yang lama sebagai contohnya er… yang dia… De Rhu sebagai contohnya, ini sebagai contoh *upgrading,* kerana taraf hidup dan juga kualiti hidup telah bertambah er... *backpack* dengan izin ataupun cara yang seperti *hiking* seperti dulu ni telah tidak popular lagi.

Yang keduanya, kita juga tahu bahawa Cherating itu sendiri mempunyai err… apa yang kita sebut jenama ataupun *branding* kerana di situlah letaknya Club Med

walaupun bukan semua kita pergi ke Club Med tetapi ini adalah merupakan Club Med pertama yang dibina di rantau ini pada akhir tahun 70-an dan sememangnya mudah untuk kita er… menggunakan ataupun menumpang nama Club Med itu dan dalam masa yang sama nama Cherating tersebut kita gunakan.

Kalau kita lihat ya, Yang Berhormat Yang di-Pertua, tiga faktor penting yang menyebabkan err… pelancong akan datang semula. Kita membuat promosi, orang akan datang tetapi kemudian selepas promosi tersebut, selepas mereka datang maka akan ada komen-komen, malah kalau sekarang ini di *online* ya ataupun di alam maya ataupun di internet kita boleh tengok sebelum kita pergi buat *booking* ataupun buat *booking* kepada mana-mana hotel, kita akan baca komen-komen err… kita panggil *trip advisory* yang mana kita akan… sebahagian yang memahami, akan baca apakah komen-komen terutama sekali mereka yang pernah tingggal di tempat tersebut.

Rating yang dibuat, ini oleh kerana dunia tanpa sempadan ataupun langit terbuka ini, komen-komen tersebut boleh kita lihat dan selalunya hotel atau tempat tinggal yang akan mendapat tumpuan pelancong adalah err… hotel ataupun tempat tinggal yang mempunyai err… komen-komen yang baik. Tiga perkara yang saya nak sebut, satunya kebersihan. Ini adalah satu perkara yang sangat penting. Kemudian err… kesopanan, ini penting juga dan yang ketiga keselamatan dan satu lagi boleh kita tambah *efficiency*. Ini adalah tiga perkara yang pelancong akan nilai dan pelancong akan err… akan tinggal disitu dan kemudian mereka akan nilai kembali.

Walau bagimanapun, err…kita tidak kurang juga ya untuk kita mempromosi err… Cherating ini. Di Cherating lah sekarang ini err… letaknya ini apa yang kita sebut *Home of Nemo*, *Village… Nemo Village*, Kampung Nemo. Kalau kita lihat di situ sebenarnya terdapat satu kawasan err… yang err… mempunyai ikan-ikan nemo kalau kita tengok ikan nemo saya tak tahu dalam bahasa, bahasa *scientific*nya dan ianya menjadi kegilaan kepada mereka terutama sekali *scuba diver* dan er… banyak lagi beberapa program-program lain dan tujuannya adalah untuk kita mempastikan bahawa Cherating dapat kembali ke zaman gemilang.

Walau bagaimanapun, *attitude* ataupun sikap kita yang berada di Cherating pun mesti… mesti juga err… bersama-sama dengan peredaran zaman yang ada. Sebab tulah kalau kita tengok dari segi kehadiran pelancong saya nak mak… saya nak maklumkan bahawa err… di Kuantan sebagai contoh ya, di Kuantan sebagai contoh, pada tahun 2016 keseluruhan pelancong yang datang ke Kuantan adalah sebanyak 1.8 juta tetapi pada tahun 2017 hingga September… sehingga September tahun ini, kehadiran pelancong sebanyak satu perpuluhan… tadi 1.8 juta tetapi sekarang hingga September 1.9 juta. Hah!... jadi kenapa di Kuantan boleh di Cherating tidak boleh?.

Jadi sebab tulah err… saya ingat semua pihaklah dengan izin *all the stakeholders* kena lihat perkara ini dan err… ianya sahaja bukannya kempen sahaja… kempen sahaja tidak cukup tetapi juga *service* ataupun perkhidmatan kerana pelancongan adalah merupakan err… perkhidmatan yang kita berikan kepada pelancong itu juga mesti di tahap yang err… mendapat err… apa yang kita kata *standard* tertentu yang boleh diterima oleh pelancong yang datang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Teruntum, satu soalan sahaja.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Okay. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Adakah Pihak Kerajaan membuat kajian kenapa *backpacker* tidak datang ke Cherating yang seperti sebelum ini?. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sebenarnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, *backpacker* pun dah tak ramai dah. *backpacker* ni… *hiking*, Yang Berhormat Yang di-Pertua semua orang dah ada kereta dah ada motosikal dan semua orang hendakkan kualiti ya err… kualiti tempat tinggal yang lebih baik lagi dan er… saya pun tidak dapat menjawablah kerana sememangnya b*ackpackers* tidak lagi menjadi satu… satu err… satu fenomena ataupun satu, satu… satu benda yang… yang ianya popular seperti dulu ia tidak popular lagi.

Kita mesti mengakui err… walau bagaimanapun ji… pada mereka yang inginkan tempat tingal yang… yang err… yang sederhana, kita sebenarnya banyak menyediakan, bukan menyediakan, kita banyak juga terdapat *homestay* yang mana saya sebutkan ianya tidak berdaftar dengan er… dengan er… pihak PBT ataupun Kerajaan Tempatan. Yang ini kita tidak dapat angka yang sebenarnya. Tapi insya-Allah lah kalau dipersetujui mungkin masa akan datang kita akan *register*kan mereka dan kemudian kita akan dapat tahu er… kehadiran ataupun kedatangan pelancong yang bermalam di *homestay* ataupun sekarang dipanggil *rest house*, h*omestay* atau *rest house*. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kemukakan soalan 4.

> [Keindahan Sungai Pahang dari Jalan Temerloh hingga Mengkarak telah dijadikan kenyataan. Adakah kerajaan merancang untuk membangunkannya sebagai destinasi pelancongan?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kita telah membuat semakan dengan jabatan yang terlibat ya err… dan dimaklumkan bahawa setakat ini tiada perancangan bagi membangunkan Sungai Pahang dari Jalan Temerloh ke Mengkarak. Namun bagi daerah Temerloh, pembangunan telah tertumpu ke kawasan bandar seperti membaik pulih Taman Esplanade, pembinaan jambatan

gantung dan perindahan kawasan sekitarnya. Kawasan ini sememangnya telah menjadi destinasi pelancongan bagi err… pelancong domestik dan juga asing.

Saya juga sangat optimis bahawa selepas siap jalan di antara Temerloh ke Triang yang err… akan mengambil masa yang lebih singkat lagi dan jalan yang lebih baik lagi saya cukup yakin bahawa kawasan di tepi sungai terutama sekali antara jalan Triang ke Jalan Temerloh, err… antara Temerloh ke Mengkarak itu adalah merupakan potensi yang sangat baik di masa akan datang, tambahan pula di Bera, kita juga mempunyai Tasik Bera yang kita juga err… mengakui bahawa sekarang ini di dalam pembinaan dan sememangnya kehadiran pelancong agak sedikit menurun tapi persediaan ini kita harus err… buat untuk kita err… mempastikan bahawa industri pelancongan di masa akan datang terutama sekali infrastruktur yang lebih baik dapat kita laksanakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 5.

> [Kemalangan kerap berlaku di kawasan jambatan Sungai Mabok, FELDA Bukit Goh. Bilakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina jambatan baru dan menaik taraf jalan dari Sungai Mabok ke FELDA Neram?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat err… prihatin berkenaan dengan err… lokasi kemalangan yang kerap berlaku khususnya di kawasan Jambatan Sungai Mabok err… di FELDA Bukit Goh dan err… melalui err… Jabatan Kerja Raya telahpun err… mengemukakan permohonan dan cadangan untuk menaik taraf jalan tersebut termasuk err… mengganti dan membina baru jambatan yang menjadi punca kepada permasalahan di situ. Dan err… pihak Kerajaan Pusat telah meluluskan err… sejumlah peruntukan dalam err… kurang lebih dalam RM10 juta untuk projek-projek err… tersebut. Namun setelah dibuat kajian maka kos err… pembinaan terpaksa dikaji kerana ini akan melibatkan pelebaran jambatan yang sedia ada dan menaikkan aras jalan sedia ada termasuk jambatan yang ada kini, er… ketinggian lebih kurang 4 meter lagi supaya *profile* jalan itu bersesuaian dengan err… jumlah *volume,* dengan izin, *traffic* yang menggunakan jalan tersebut, dan ini telah pun dikenal pasti dapat membantu menjadikan jalan itu lebih selamat.

Jadi dalam konteks ini pihak Kerajaan Negeri khususnya JKR sedang menunggu kelulusan pihak EPU atau pun Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan kelulusan err… pertambahan err… peruntukan dan insya-Allah err… apabila ianya diterima maka urusan tender akan dibuat dan kerja-kerja menaik taraf jalan dan kemudahan di situ akan dapat dilaksanakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Dah. Tras

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Soalan tambahan. Berhubung dengan ADUN Kawasan Sungai Lembing menanyakan soal menaik taraf jalan dari Sungai Mabok ke Felda Neram ini, sama ada pihak Kerajaan Negeri mau dengan *pronounce* di Sungai Mabok ini akan berhubung kait dengan arah dan ini, dari segi kekerapan kemalangan sudah berlaku akan dapat diubah supaya *pronounce* ini lebih sedap diterima. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, saya ingat soalan Yang Berhormat tiada kaitan dengan soalan asal tadi, saya kira elok pergi ke soalan berikut. Saya jemput Wakil dari Bilut. Wakil Bilut.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 6.

[Sila nyatakan:

(a) Bilangan gerai yang sedia ada di Pasar Pagi Bentong pada setiap Ahad.

(b) Kadar sewa setiap gerai yang bayar kepada Majlis Perbandaran Bentong di Pasar Pagi Bentong pada setiap Ahad.

(c) Jumlah pendapatan yang dikutip oleh Majlis Perbandaran Bentong melalui sewa gerai-gerai Pasar Pagi Bentong pada setiap Ahad tahun 2016 dan 2017.]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Bilut bertanyakan bilangan gerai yang sedia ada di Pasar Pagi Bentong pada setiap Ahad. Jawapannya ialah sebanyak 179 lot. YB - 179.

Yang kedua, Yang Berhormat daripada Bilut bertanyakan kadar sewa setiap gerai yang dibayar kepada Majlis Perbandaran Bentong di Pasar Pagi Bentong pada setiap Ahad.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, YB ni… Bilut bertanyakan soalan yang mana beliau tidak membuat siasatan terlebih dahulu, kerana untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, kita, Majlis Perbandaran Bentong tidak pernah err… mengutip sewa setiap hari Ahad. Sewa cuma dibayar setahun sekali, sebanyak RM30.00 setahun.

Soalan yang ketiga, Yang Berhormat daripada Bilut bertanyakan pendapatan yang dikutip daripada tahun 2016 hingga 2017. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2016 sebanyak RM5,160.00 yang telah dikutip. Dan bagi tahun ini sehingga 9 Oktober RM5,790.00 yang telah dikutip. Terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Soalan tambahan. Er… Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya masih ada berapa kekosongan gerai di Pasar Pagi Bentong, setiap Ahad Bentong dan bilangan pemohon yang masih dalam senarai tunggu *waiting list* untuk sewa gerai di Pasar Pagi Bentong? Sekian.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Gerai Pasar Pagi Bentong ni dibuat di atas jalan raya. Jadi seboleh-bolehnya kita cuba untuk meminimakanlah. 179 ni pun dah kira banyak. Walau bagaimanapun, sekiranya masih ada ruang, masih ada tempat yang sesuai dan tidak berlaku kesesakan yang melampau, saya percaya Majlis Perbandaran Bentong akan pertimbangkan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Mentakab.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 7.

> [Berapakah jumlah pekebun kecil yang direkodkan di seluruh Pahang dan sila nyatakan mengikut daerah terlibat?]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan daripada Ahli Mentakab ini *general,* agak luas, sebab itu saya ingin bahagikan pekebun kecil dari sektor agro makanan terlebih dahulu. Sektor agro makanan mengikut rekod daripada Jabatan Pertanian Negeri Pahang telah merekodkan sebanyak 64,878 orang petani yang terlibat dalam sektor agro makanan.

Err… mengikut daerah pula, saya ringkaskan. Ada 4 daerah yang jumlah dia keseluruhannya 7,000…7,000 lebih ya, iaitu purata dia yang 7,000 ni, Kuantan, Jerantut, Temerloh dan juga Kuala Lipis. Manakala 3 daerah yang lain err… jumlah pekebun kecil agro makanan ada 6,000, iaitu 6,000 lebihlah purata. Pekan, Bentong juga Raub. Manakala 2 daerah yang mempunyai err… jumlah 5,000 iaitu daerah Maran dan juga daerah Bera. Manakala bagi jumlah 4,000 ni ada dua daerah sahaja. Daerah Cameron Highlands juga daerah Rompin dan suka saya memaklumkan bagi rekod yang kita ada sektor perladangan juga dikira sebagai pekebun kecil juga. Dia ada definisi dia.

Keseluruhannya pekebun kecil bagi sektor kelapa sawit berjumlah 32,886 orang. Manakala sektor getah ada 31,490 orang dan jawapan dia ada dalam jadual ni. Err… jadi saya rasa nanti bila diedarkan maka kita tahulah berapa ikut daerah-daerahnya. Ada yang kelapa sawit yang terbesarlah saya sebut, 4,866 di Rompin, kemudian Bera 4,480, ooo… terlepas pandang yang terbesar adalah di Maran ada 8,000 pekebun kecil sektor kelapa sawit, 8,000 orang. Manakala sektor getah di Temerloh, err…di Raub mencatatkan angkat yang terbesar 6,212. Diikuti pula oleh Temerloh 5,782 orang. Err… Bentong baru 4,569. Di Cameron Highlands jumlah terkecil, saya terkejut

juga di Cameron Highlands ada 93 orang pekebun kecil di Cameron Highlands. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Mentakab.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Apakah inisiatif ataupun bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu atau, untuk membantu pekebun-pekebun kecil semasa menghadapi musim tengkujuh mahupun musim kemarau bagi meringankan beban-beban mereka? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kerajaan negeri tidak menyediakan apa-apa bantuan tapi yang pastinya kerajaan persekutuan, kita bersekali. Dan kerajaan persekutuan pula memberi bantuan ni dia tak kira negeri pembangkan ker… bukan pembangkang ker asalkan pekebun dalam dia punya definisi, maka setiap orang sepertimana dalam kelulusan bajet menerima bantuan RM200.00 musim tengkujuh.

Untuk suka saya memberi maklum kepada Sidang Dewan, dalam pada tu pun, dulu bila tidak ada bantuan musim tengkujuh err… pemilik dia tidak menoreh, dia tidak menoreh, jadi dia menyewa kepada orang lain. Dalam bila ada bantuan, pemilik yang tak menoreh ni pun nak juga. Dia berebut, dia berkelahi dengan penoreh. Ha… itulah makna manusia ni pada dasarnya begitu. Asalkan duit, ketar kepala. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah, adakah Pihak Kerajaan bercadang membuka tanah kerajaan untuk permohonan, untuk cucuk-tanam atau peladang dan cara memohonnya? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Err… kita tiada kaitan dengan cara proses tu, saya tak boleh nak cerita sinilah. Kita buat surat bertulis kepada saya, nanti saya ajarkan cara macam mana.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah kita pergi kepada soalan berikutnya saya jemput Wakil daripada Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 8.

[Bantuan skim micro-kredit untuk usahawan-usahawan kecil sangatlah membantu dalam proses pengembangan dan pembangunan usahawan bumiputera dalam perniagaan.

(a) Berapa banyakkah kemudahan skim pinjaman micro-kredit ini disalurkan menerusi Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian?

(b) Apakah prestasi dan usaha pihak Institusi Kewangan di atas dalam membantu meningkatkan keupayaan usahawan bumiputera menerusi skim ini?

(c) Adakah kerajaan bakal mewujudkan program mentor-menti dalam usaha memastikan usahawan di bawah skim ini berjaya dalam perniagaan menggunakan peruntukan pembiayaan ini?]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang Di-Pertua, saya menjawab bagi pihak rakan saya.

Er… saya mohon maaf juga kepada Ahli daripada mana… Pulau Tawar, minta maaflah. Kita masih tak menerima jawapan daripada Bank Simpanan Nasional tapi apa yang kita boleh rekodkan di sini melalui err… Agro Bank, Bank Pertanian ni dah dikenali sebagai Agro Bank tak silap saya. Emm… untuk Agro Bank, setakat hari ini hingga Oktober, 9 Oktober, pembiayaan telah diluluskan err… pada 2016 sebanyak 775 orang usahawan dengan nilai RM 7.12 juta. Manakala bagi tahun 2017 sebanyak 614 usahawan dengan jumlah pembiayaan RM 6.3 juta.

Dan seterusnya prestasi ataupun bagaimana usaha-usaha yang telah dibuatkan oleh Agro Bank bagi meningkatkan keupayaan. Err… Agro Bank ada menyediakan kursus *Intro Agroprenuer Development Program* (ADP) yang memberi fokus dalam kursus kewangan dan kecemerlangan perniagaan. Sehingga kini, Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, pihak bank telah mengadakan sebanyak dua kursus ADP di negeri Pahang. Mengenai soal mentor menti, Agro Bank telah memperkenalkan satu secara *direct* mentor menti tidak ada tapi mereka mengumpulkan usahawan-usahawan di dalam satu *group* yang sama.

Jadi *group* ini, usahawan di bawah… dalam *group* B40 mengguna pakai model solidariti. Maknanya mereka berkongsi kejayaan, keupayaan, tegur-menegur hingga mereka ni bergabung dalam satu kumpulan dan err… secara *pilot*nya projek ini telah pun dimulakan di negeri Selangor dan Sarawak dan terkini telah diperluaskan negeri Pahang dengan pemilihan lapan cawangan di negeri ini dengan dilaksanakan err… nama program ini Agro TERAS.

Manakala bagi Bank Rakyat pula (Ahli Dewan batuk) Bank Rakyat telah menyediakan Skim Pembiayaan Mikro-i untuk Usahawan Kecil (MUsK). Sehingga September 2017, sejumlah RM432 juta telah dikeluarkan kepada seramai 31,886 usahawan mikro. Saya fikir ini data angka untuk Malaysia. Saya tidak ada *detail* mengenai negeri Pahang.

Prestasinya err… bagus, maknanya err… kutipan daripada Bank Rakyat kepada usahawan-usahawan nak kutip balik duit tu, dia punya hutang pinjaman, baik dan mereka diberi… diberikan kursus dari semasa ke semasa melalui dengan kerjasama Maktab Koperasi Malaysia dan bagi program mentor menti Bank Rakyat tidak ada

menyediakan program mentor menti tetapi er… apa yang disebut Bank Rakyat sedia bekerjasama dengan mana-mana agensi kerajaan sekiranya program tersebut ingin dilaksanakan. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan (Ahli Dewan batuk) satu soalan tambahan berkait dengan pinjaman mikro. Sejauh manakah pihak bank dengan *blacklist* mungkin ada usahawan dia kena… ada *blacklist* disebabkan oleh CTOS. CTOS ni tak diiktiraf oleh Bank Negara tapi rakyat iktiraf CTOS ni kerana dia ada *black… blacklist* CTOS ni dia tak boleh dapat pinjaman mikro. Adakah berlaku demikian?

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

(Berdehem) Saya kurang pasti tapi maklumlah bila berhutang ni orang tukang beri hutang kalau Ahli daripada Semantan, dia ada *track* rekod orang tu banyak kali berhutang, kita tak pernah bayar, kali ketiga, keempat kita tak bagi, serupa juga dengan bank. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, baik jemput Semantan mengemukakan soalan berikutnya.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri, saya ingin mengemukakan soalan nombor 9.

> [Mengikut rekod berapa ramaikah peneroka rancangan FELDA di negeri ini yang mengusahakan ladang mereka secara persendirian berbanding dengan yang menyerahkan pengurusan ladang kepada FELDA.]

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Yang Berhormat Dato' Sri,

Berhubung dengan pertanyaan ADUN Kawasan Semantan, sehingga kini peneroka FELDA di negeri Pahang yang mengusahakan ladang mereka secara persendirian berjumlah 21,252 orang manakala yang bersama dengan FELDA 21,872 orang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Apakah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tambahan, ya.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Dato' Sri terima kasih. Apakah yang menyebabkan maknanya peneroka ni buat sendiri ni, tak… tak bersama FELDA sedangkan banyak kemudahan yang FELDA boleh bagi kepada peneroka sepatutnya. Jadi dia boleh tak hendak dengan FELDA, apakah menyebabkan dia lari ni, dia tak bersama FELDA.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Terima kasih, maknanya dia dari segi pengurusan FELDA sendiri, di mana seramai 10,000 yang tanam sendiri ni 10,043 orang (Ahli Dewan batuk) yang tanam sendiri tapi telah menghantar hasil kepada FELDA. 11,209 ini dia ada masalah, yang saman FELDA, yang tidak menghar… menghantar hasil kepada FELDA atas sebab-sebab tertentu. Masalahnya, pertama sekali masalah tak mahu nak menyelesaikan hutang, satu.

Walau bagaimanapun dalam permuafakatan yang kita telah laksanakan oleh pihak FELDA seramai 21,252 telah pun bersetuju untuk bersama-sama dalam Program Muafakat FELDA dan sebel… dan pada hari ini belum untuk menyertai Program Muafakat ini ada 3,257. Makna dah kembali kepada FELDA, rasa insaf tu ada, maka sudah tentu Program Muafakat ini telah berjaya membawa masyarakat FELDA ini berada di landasan yang cukup baik dari dulu sampai sekarang. Terima kasih. [Ahli Dewan tepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berada bersama-sama kita, saya jemput Wakil dari Teruntum untuk mengemukakan soalannya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

> [Selain dari tindakan mahkamah, adakah pihak kerajaan mempunyai satu mekanisme yang sesuai untuk menyelesaikan semua masalah projek terbengkalai di negeri ini?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan' Yang di-Pertua,

Memang selain dari tindakan mahkamah, cara kita menyelesaikan persengketaan boleh dilakukan dengan menggunakan *Alternative Dispute Resolution (ADR).* Ini termasuklah dalam Bahasa Inggerisnya err… *negotiation, mediation* dan juga

arbitration. Tujuan ADR ni ialah untuk mengelakkan pembaziran masa dan wang jika sesuatu persengketaan dibawa ke mahkamah.

Begitu juga dengan mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Perumahan Negara sentiasa memantau projek-projek yang terbengkalai dan er… dalam proses pemantauan ini juga, pihak pemaju diwajibkan melaporkan status pelaksanaan pemajuan kepada Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta JPN, KPKT dan sebagainya.

Apa yang saya lihat dalam mengatasi projek terbengkalai ini, semua pihak kena proaktif bukan sahaja pembeli, pihak pemaju tetapi juga pihak berkuasa. Saya percaya kalau ada sedikit langkah-langkah yang dilakukan di luar amalan biasa, khususnya oleh pihak kerajaan, pihak berkuasa masalah ni boleh diselesaikan. Bukan saya menyalahkan pihak kerajaan tetapi, dengan izin ya, *the main culprit* adalah pihak pemaju itu sendiri dan err… masalahnya pihak kerajaan kadang-kadang tidak meneliti kemampuan pihak pemaju untuk melaksanakan sesuatu projek itu apabila permohonan pada mulanya dikemukakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Teruntum…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… terima kasih Yang Hormat Dato Yang di-Pertua.

Adakah kerajaan akan dengan izin ya, *blacklist* pengarah syarikat dan bukan nama syarikat? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya percaya dengan menyenarai hitam perkara inipun dia tidak menyelesaikan masalah. Ramai orang kaya yang diisytiharkan bankrap, hutang tidak bayar tetapi mereka keluar negeri seminggu sekali. Minum pagi di Kuala Lumpur, makan tengah hari di Hong Kong, makan malam di Singapura dan kemudian hari besok mereka makan pagi di Kuala Lumpur, makan tengah hari di Dubai kemudian itu makan malam di London, ini tidak menyelesaikan masalah.

Saya akan bawa perkara ini ke Majlis Mesyuarat Kerajaan, peringkat Kerajaan Negeri akan mencari jalan bagaimana perkara ini boleh diatasi. Apa pun kita ucapkan terima kasih kepada Ahli dari Teruntum kerana membawa perkara ini. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah soalan berikutnya saya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya… minta maaflah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, nak katakan kita jumpa lagi penggal depan tak tentu lagi. Dia bertanding, entah menang entah tidak, saya pun, entah bertanding entah tidak er… begitulah maknanya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 2.

[Minta kerajaan maklumkan:

1.1. Persediaan Infrastruktur dan Infostruktur di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 sebagaimana di Sekolah Aliran Perdana.

1.2. Persediaan guru-guru akademik terlatih di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) yang mencukupi terutama yang berkaitan dengan *"Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics"* (STEM) bagi melahirkan profesional dari aliran agama memandangkan pelajar "SMAN" terdiri dari kalangan murid terpilih selaras dengan keperluan TN50.]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya akan membentangkan bajet sebentar nanti dan saya akan menyelusuri er… tu dia. Makna kalau ibarat pantai, menyusur pantai, pada A sampai Z dan saya akan sebutkan antara lainnya tentang kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Apapun sama ada menyediakan infrastruktur dan sebagainya bagi Sekolah Menengah Agama Negeri ni ianya tertakluk kepada kemampuan kewangan.

Untuk makluman Dewan Mulia ini, er… baru-baru ini Yang Amat Berhormat memberitahu saya, dalam perbualan berdua, menyatakan bahawa pada tahun lepas jumlah wang yang dibelanjakan untuk kesihatan sahaja RM24 bilion… RM24,000 juta tapi yang dikutip oleh pihak kementerian [batuk] termasuklah duit RM3.00 yang dibayar oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang bila pergi mendapatkan rawatan [batuk] gigi, yang dikutip ini RM600 juta. Maknanya belanja RM24,000 dapat balik RM600 err… itulah komitmen kerajaan.

Kerajaan Barisan Nasional ni, kita cakap senanglah, tirislah, tak kutip cukailah, apalah… cakap senang tapi kerajaan belanja RM24,000 untuk kesihatan. Kita ramai, million… RM24,000 juta… juta tinggal, bilion tak apa… RM24,000 juta untuk anu ini… kesihatan. Kita kutip RM600 juta sahaja, begitu juga pendidikan, kerajaan membelanja RM27 bilion. PETRONAS dulu… dalam bentuk dividen dan juga *corporate tax* menyumbang kepada kerajaan RM40 bilion. Sekarang ini… RM15 bilion, RM9 bilion, RM15 bilion. Apakah cara kerajaan mengatasi masalah ini? Nasib baik ada *income tax.*

Tahun lepas RM120 bilion dan sekarang ini nasib baik ada GST. GST inilah yang menggunakan… digunakan GST ini untuk membayar gaji ustaz, cikgu, polis, tentera, ADUN, MB. Jangan kita… kita kena memahami, kalau kita se… benar-benar seorang patriotic, kita kena kaji benda ni semua, bukan senang memerintah. Masa kita merdeka dulu, penduduk berjumlah 6.3 juta, hari ini 30 juta, bukan senang.

So model ini, mungkin tidak dapat diteruskan lagi. Tapi kalau kita ikut model barat, kurang-kurang kalau seorang pesakit pergi masuk empat, lima hari tak ada RM30 ribu jangan… tapi adakah kita akan biarkan perkara ini berlaku? Tidak boleh kita biarkan, sebab kerajaan bertanggungjawab. Jadi apa cara pun, kita kena cari jalan supaya kerajaan dapat memberikan khidmat yang baik, rakyat dapat diuruskan dengan baik juga dan tidak membebankan sesiapa tetapi tanggungjawab kena dipikul bersama.

Saya akan bercakap lebih lanjut lagi dalam bajet sebab nak cerita bajet panjang-panjang pun duit pun bukan ada juga bukan… jadi kita cerita bab lain nanti, insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, kita pergi kepada soalan terakhir pagi ini. Saya jemput Wakil dari Chenor.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kemukakan soalan nombor 10.

> [Tidakkah kerajaan bercadang untuk mencadangkan kepada pihak swasta untuk mendirikan Hospital Pakar di kawasan Pahang Tengah di Temerloh atau Bandar Tun Razak Jengka bagi memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan ini yang jauh dari Kuantan?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Wakil daripada Chenor yang bertanyakan soalan yang menarik bunyinya. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mencadangkan kepada pihak swasta untuk mendirikan Hospital Pakar di kawasan Pahang Tengah? Perkara ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, baru sahaja disentuh oleh Yang Amat Berhormat Ketua Kerajaan Negeri, Menteri Besar, macam mana kerajaan kita berbelanja sangat besar untuk menambung... menampung er... keperluan perkhidmatan penjagaan dan perubatan... jaga kesihatan dan perubatan.

Maknanya kalau boleh pihak kerajaan nak serah segalanya kepada pihak swasta untuk menanggung penjagaan kesihatan dan perubatan ini tapi pada hakikatnya ini juga adalah tanggung... satu tanggungjawab besar kerajaan. Jadi dalam erti kata lain pihak kerajaan sentiasa membuka ruang kepada pihak swasta nak menawarkan apa-apa perkhidmatan, penjagaan kesihatan dalam bentuk klinik ataupun hospital.

Di dalam apa... perkhidmatan kesihatan ini ianya dikatakan er... sebagai kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan. Jadi dalam hal ini er... walaupun kerajaan mengalu-alukan, kerajaan masih lagi er... membuat kawalan er... mengenai keperluan sesuatu er... KPJK yang saya katakan tadi kemudahan dan perkhidmatan jagaan

kesihatan itu supaya pihak swasta tidak sewenang-wenangnya membuat er... pelaburan, kerana pelaburan yang... yang akan dibuat itu bukan sahaja boleh memberi risiko pelaburan kepada pihak swasta yang ingin membuat satu hospital tapi ianya juga mungkin akan memberi kesan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada.

Jadi dengan itu melalui Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 adalah disyaratkan sebarang er... pelaburan yang hendak dibuat mestilah terlebih dahulu er... dibuat permohonan kelulusan *zoning* bagi se... sesuatu tujuan pelaburan itu. [batuk]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Mentakab.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Selepas ini...

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Apakah syarat-syarat penting yang patut dipenuhi oleh pihak swasta untuk membolehkan mereka memohon membina hospital pakar di Pahang? Sebagai contoh er... mungkin disyaratkan pihak swasta mempunyai ataupun er... mesti mengadakan tanah sekurang-kurangnya 20 ekar... sebagai contoh ataupun ada syarat-syarat lain? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... sememangnya tanah itu satu keperluan. Jadi er... sepertimana yang saya katakan tadi er... permohonan ini dikawal dibawah satu akta kerana apa? Kawalan ini dibuat kerana untuk memastikan bahawa er... sesuatu er... hospital ataupun klinik yang hendak ditubuhkan itu mestilah di sesuatu kawasan yang sememangnya memerlukan ya... kawasan yang lebih memerlukan, berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain.

Memerlukan maksudnya, kita kena kaji sama ada hospital kerajaan ataupun hospital swasta yang sedia ada itu mampu atau tidak menampung keperlu... er... permintaan ataupun keperluan yang er... sedia ada dan bagaimana pula keperluan untuk jangka masa panjang. Jadi kalau banyak sangat hospital dengan keadaan er... permintaan yang kurang ini juga memberikan bebanan kepada kerajaan untuk mengawal selia er... kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Jadi di antara perkara-perkara yang di... akan dipertimbangkan dalam penilaian untuk sesuatu *zoning* ataupun penetapan lokasi yang... yang dicadangkan itu adalah pertama jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan yang… yang ada itu ataupun *multi discipline* yang ditawarkan takat KPJK swasta dan... dan kerajaan sedia ada di kawasan berkenaan. Maksudnya er… berapakah bilangan katil, bilangan doktor yang

sedia ada di kawasan itu yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta dan tinjauan keperluan bagi masa akan datang dan beberapa perkara lain.

Soal tanah adalah soal err… yang er… kedua, kerana soal tanah ni kita fikir apabila ada satu keperluan bagi satu er... bagi satu kawasan yang besar, pihak kerajaan pastinya akan memberikan kerjasama untuk menyediakan tanah yang bersesuaian Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Wakil Jengka. Terima kasih.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Err… baru-baru ini ada kenyataan daripada err… Yang Berhormat Menteri... Menteri Kesihatan, bulan 9, yang menyebut sebagai contohlah bahawa *cardiologist* di Malaysia, pakar yang ada di... di Malaysia ni kebanyakannya beralih ke swasta sebab sebagai contoh, ada 74 orang saja pakar *cardiologist* dalam err… dalam err… hospital kerajaan, sedangkan 226 lagi berada di swasta.

Jadi nampak gayanya, sebab sebagai alternatif kita… kita mengambil… kita menyahut seruan dan apatah lagi bila sebut ada dalam soalan er... Yang Berhormat Chenor tadi ada sebut Jengka.

Menyambut baik cadangan ini dan mungkin ada lebih baik juga kita masukkan insentif-insentif misalnya mengurangkan premium yang norminal err… mungkin dari segi er... keadaan *barter trade* ataupun er... maaf… maaf saya, yang boleh buat insentif-insentif lain yang kita sebut membantu balik orang-orang miskin tapi memerlukan pakar sebab sebagai contoh err… Yang Berhormat ya Wakil Kerajaan untuk bertemu pakar melalui temujanji. Jadi dari segi ini yang mengambil masa dan menjadi rungutan er... ramai. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Wakil Jengka yang mengemukakan soalan dan pandangan. Soalannya tadi saya rasa er... adakah kerajaan mengambil sebarang inisiatif untuk er... mewujudkan inisiatif, ya. Sebenarnya adakah kerajaan mengambil inisiatif supaya menggalakkan pelaburan er... untuk kewujudan hospital swasta begitu maksud Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Secara umumnya memang kerajaan sedar pihak kepakaran… pihak kerajaan kehilangan banyak kepakaran kepada sektor swasta kerana faktor pulangan yang lebih besar, sebab itu beberapa inisiatif er... telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian sebagai contoh kerajaan memikirkan untuk mewujudkan *private wing* di hospital-hospital besar kerajaan yang mempunyai kemudahan fizikal yang baik dan kita galakkan orang-orang yang mempunyai pesakit-pesakit yang mempunyai

kemampuan kewangan untuk datang menggunakan kemudahan hospital kerajaan tetapi dikenakan sedikit pembayaran.

Ini diharapkan dapat mengelakkan err… ataupun mengurangkan kadar pakar-pakar kita membuat kerja sampingan di luar untuk menambahkan pendapatan er... dan mereka kekal bersama kerajaan. Selain daripada itu, secara dasarnya juga saya fikir er... pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga telah mengubah dasar mereka dengan lebih banyak er... menaja er... pembelajaran di peringkat sarjana dan er... dan di peringkat kepakaran ya er... untuk dihantar mendapatkan kepakaran-kepakaran terkini di luar-luar negara. Ini salah satu usaha untuk kita meningkatkan dengan pakar.

Soal-soal macamana kita nak buat *cross subsidy* dan sebagainya Yang Berhormat Jengka ya, perkara itu, kita fikir pihak swasta lebih kreatif dalam nak wujudkan satu pelaburan yang mampan. Jadi kita alu-alukan sekiranya ada mana-mana pihak yang merasakan pihak kerajaan, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan bahkan Kerajaan Negeri juga. Sekiranya kita… kita boleh memberikan apa-apa bantuan untuk pihak swasta memberikan perkhidmatan kepakaran yang lebih baik, kita akan bantu sebaik mungkin.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ISMAIL

Dato' Sri Yang di-Pertua..

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik terima kasih Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 10 pertanyaan-pertanyaan, soalan-soalan dan jawapan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih juga kepada Pihak Kerajaan yang telah memberi jawapan yang cukup jelas.

Saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada pagi ini untuk kita sama-sama menikmati minum pagi dan persidangan kita akan disambung semula ya pada jam 10.45 minit pagi. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 9.45 pagi]

[Persidangan disambung semula]

KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Kertas-kertas yang dibentang.

Bilangan 12 Tahun 2017: Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017
Bilangan 13 Tahun 2017: Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2018.
Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018

RANG UNDANG-UNDANG

Perkara Keempat: Rang Undang-undang. Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017.

YB. PUAN NURHIDAYAH BINTI HAJI MOHAMAD SHAHAIMI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

BACAAN KALI KEDUA

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya memohon Rang Undang-Undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. PUAN NURHIDAYAH BINTI HAJI MOHAMAD SHAHAIMI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2018) 2017, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Assalamualaikum WBT, Salam Negaraku Malaysia. Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang dinamakan

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi peruntukan wang itu untuk maksud-maksud tertentu".**

dibaca bagi kali yang kedua.

UCAPAN BAJET

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah-Nya, Persidangan Kali Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas dapat dilaksanakan pada hari ini. Pada sidang kali ini, saya insya-Allah akan membentangkan Bajet Negeri Pahang Darul Makmur bagi tahun 2018.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak yang telah membentangkan Bajet Negara Tahun 2018 pada 27 Oktober 2017 dengan tema "Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50."

Dalam Bajet 2018, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM280.25 bilion dan err… RM234.25 bilion adalah untuk belanja mengurus, sementara RM46 bilion adalah untuk belanja pembangunan dan er... RM2 bilion untuk simpanan luar jangka. Kutipan hasil negara bagi tahun 2018 dijangka RM239.86 bilion. Kadar pertumbuhan tahunan ekonomi negara diunjurkan antara 5 hingga… antara 5.2 hingga 5.7% pada tahun 2017.

Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan pembinaan wad wanita dan kanak-kanak di Hospital Tengku Ampuan Afzan dengan kapasiti 300 katil dan meluluskan RM230 juta bagi meneruskan projek pembinaan *Central Spine Road* yang melibatkan pakej Jajaran Raub ke Bentong dan jajaran Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong, Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh di sini akan perbezaan model Bajet Persekutuan dengan Bajet Negeri. Bajet Persekutuan dan Bajet Negeri disusun mengikut model yang berbeza. Di peringkat *federal,* secara teori dan amalan, semua hasil pendapatan cukai dan seumpamanya dimasukkan ke dalam tabung yang dinamakan Kumpulan Wang Yang Disatukan ataupun *Consolidated Fund (CF).* Untuk menggunakan wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan, kerajaan melalui Menteri Kewangan, akan membawa cadangan Bajet ke Parlimen bermula dari Dewan Rakyat kemudian Ke Dewan Negara dan kemudian mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Bajet yang ditetap… yang dibentangkan ini perlu diluluskan oleh Parlimen.

Dalam cadangan Bajet ini, Kerajaan akan mengusulkan sejumlah tertentu dikeluarkan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk tujuan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Patut disebutkan di sini, emolumen untuk anggota Kehakiman dan Suruhanjaya tertentu dibayar terus dari Kumpulan Wang Yang Disatukan dan tidak tertakluk kepada Bajet yang dibentangkan oleh kerajaan dalam Parlimen. Ini menjadi amalan untuk menjamin kebebasan Badan Kehakiman dan Suruhanjaya tertentu… dan Suruhanjaya tertentu sesuai dengan prinsip Doktrin Pengasingan Kuasa ataupun *Doctrine Of Separation of Powers*. Setelah Parlimen meluluskan Bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan maka barulah peruntukan yang dikeluarkan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan sah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengurus dan membangunkan negara untuk tahun tertentu.

Di peringkat negeri, secara teori, Kumpulan Wang Yang Disatukan juga sepatutnya ada. Namun pada amalannya semua hasil dan cukai negeri di kutip dan dimasukkan ke dalam akaun negeri yang diuris…yang diurus oleh Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri. Kerajaan Negeri akan membentangkan Bajet Negeri di Dewan Undangan Negeri.

Cadangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di Dewan Undangan Negeri ialah untuk menggunakan hasil kutipan cukai dan lain-lain pendapatan Negeri untuk menguruskan dan membangunkan negeri. Kerajaan akan membawa cadangan di Dewan Undangan Negeri bagi membelanjakan hasil negeri untuk maksud-maksud tertentu yang disenaraikan dalam cadangan Bajet. Secara kasar cadangan yang dibuat ialah untuk perbelanjaan pengurusan.

Berhubung dengan perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Negeri menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan khusus untuk digunakan bagi membiayai projek pembangunan di dalam negeri. Punca kewangan Kumpulan Wang Pembangunan ialah dari caruman Kerajaan Negeri dan sumbangan dari Kerajaan Persekutuan dalam berbagai bentuk geran. Untuk tahun ini, sumbangan Kerajaan Negeri kepada Kumpulan Wang Pembangunan ialah sebanyak RM58.57 juta.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tema Bajet Negeri pada tahun 2018 ialah, “Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada Tanpa Mengabaikan Kepentingan dan Kebajikan Rakyat.” Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, temanya sangat mudah. Kita akan mengurus negeri mengikut kemampuan kewangan yang ada tetapi pada ketika yang sama kita tidak akan mengabaikan kepentingan dan kebajikan rakyat.

Bajet Negeri 2018 menganggarkan hasil… menganggarkan kutipan hasil berjumlah 700 juta… RM700.64 juta dan kutipan hasil ini diperolehi dari hasil tanah dan galian sebanyak RM377.7 juta, hasil perhutanan sebanyak RM102.45 juta, hasil air sebanyak RM12.5 juta. Geran dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM159 juta dan lain-lain hasil sebanyak RM88.99 juta.

Bajet 2018 menganggarkan kutipan hasil sebanyak RM700.64 juta, perbelanjaan mengurus dijangka sebanyak RM700.04 juta, lebihan adalah sebanyak RM0.64 juta. Bermakna Bajet Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah *surplus.* Walaupun tidak banyak hanya sekadar RM640 ribu yang pentingnya, *surplus*. Sebab inilah yang selalu dimainkan oleh ramai Ahli Dewan terutamanya Ahli-ahli dari pembangkang. Saya tegaskan bajet tahun ini adalah *surplus* bukan defisit.

Bajet 2018 menyediakan peruntukan pembangunan melalui Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM58.5 juta. Peruntukan pembangunan ini dikhususkan untuk projek-projek sambungan dan projek-projek sedia ada sahaja. Tidak ada projek-projek baharu. Tidak ada peruntukan untuk projek-projek baharu negeri. Kerajaan Negeri masih memperuntukkan RM50 juta kepada Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) untuk permohonan bekalan air.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Apabila berbicara tentang bajet, boleh dikatakan semua pihak akan merujukkan kepada petunjuk utama ekonomi negara. Kita akan merujuk kepada *Key Economic Indicators* dan biasanya kita akan memetik *GDP, growth rate, per capita income, inflation rate, unemployment rate* dan berbagai-bagai petunjuk lagi yang ada berbelas-belas di tangan saya ini tetapi apa pun yang penting kita lihat bukan err… *Key Economic Indicators* ini secara teori dan di atas kertas, yang pentingnya kita perlu turun ke bawah dan melihat bagaimana kegiatan ekonomi itu berjalan.

Kita perlu rujuk kepada kedai kopi, restoran, hotel, pengkalan teksi, stesen bas, kedai kopi di kampung, panggung wayang, *supermarket, hypermarket* dan lain-lain aktiviti yang mengambarkan kedudukan ekonomi sebenar. Kalau misalannya tempat-tempat yang saya sebutkan tadi jadi adalah malap, maka yang bermaksud bahawa pada hakikatnya tidak ada kegiatan ekonomi bahkan boleh kita katakan kegiatan ekonomi tu malap juga sebagai malapnya tempat-tempat yang saya sebutkan tadi.

Kita perlu memahami ini semua supaya kita tidak terbawa-bawa dengan soal-soal teori dan err… perkara-perkara atas kertas. Sebab pada hakikatnya rakyat di peringkat bawah masih lagi merasakan tentang tekanan kos sara hidup, tentang err… siswazah menganggur dan tentang masalah perumahan. Walaupun Kerajaan Negeri, sebagai contoh, pada tahun 2013 sebelum pilihan raya, menjanjikan akan membina sebanyak 15,000 unit rumah tetapi hakikatnya pada hari ini kita telah membina 37,000 unit rumah berbagai-bagai peringkat.

Masalah utama sekarang ini ialah untuk mendapatkan pinjaman bank. Inilah masalah-masalah yang menghantui rakyat tetapi alhamdulilah Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Dato' Seri Najib Tun Razak telah membentangkan bajet yang pada anggapan saya yang pernah mengikuti bajet yang dibentang oleh Tun Tan Sri Hussein, yang dibentangkan oleh Tun Razak sendiri, pernah Tun Hussein dan er… Tun Daim, Anwar Ibrahim dan sekarang ini Perdana Menteri, Menteri Kewangan sendiri dan saya berpendapat Bajet 2018 yang dibentang oleh Perdana Menteri baru-baru ini, selaku Menteri Kewangan, adalah bajet yang paling terbaik dalam sejarah Bajet Malaysia. [Ahli Dewan menepuk meja] *Perhaps,* dengan izin, Yang Berhormat Yang di-Pertua, *is the best budget in the world so far*. Sebab semua lapisan masyarakat di seluruh negara mendapat sedikit sebanyak kesan dan imbuhan dan err… saya perhatikan tidak ada langsung golongan lapisan masyarakat yang tertinggal.

Saya merujuk kepada hal-hal ini semua adalah untuk menjelaskan dan menegaskan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa kita menyedari akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat tetapi pada ketika yang sama kita buktikan juga seperti saya sebutkan, perbelanjaan untuk kesihatan, perbelanjaan untuk pelajaran adalah berjumlah bilion-bilion ringgit dan ini membuktikan kerajaan sentiasa prihatin.

Di negeri Pahang ini dengan kemampuan kewangan yang sedia ada kita juga tidak melupakan golongan yang memerlukan sama ada orang kurang upaya, ibu-ibu

tunggal, anak-anak yatim, pesakit-pesakit kronik dan mereka yang ditimpa musibah. Boleh dikatakan setiap kes yang dirujuk kepada kerajaan, insya-Allah akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya menyebut sedikit tentang petunjuk ekonomi bagi negeri Pahang ini, kita dapat lihat Pahang menyumbang 4.4% kepada Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara pada tahun 2016. Angkanya ialah 4.2%. Pada tahun 2016 nilai pelaburan yang dapat ditarik ialah sebanyak RM5.2 bilion berbanding pada tahun 2015 nilainya ialah hanya sebanyak RM3.9 bilion. Kadar pengeluaran di Pahang pada tahun 2016 ialah 2.6%. Kadar di peringkat nasional ialah 3.4% dan di negeri Pahang sektor perkhidmatan masih merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK ekonomi negeri pada tahun 2016 iaitu RM22.93 juta. Saya ulang, RM22.93 bilion atau 49% kepada KDNK ekonomi negeri. Dalam tempoh *rolling plan* pertama 2016 - 2017 Rancangan Malaysia Ke-11 sebanyak 331 projek dengan nilai RM2.4 bilion telah diluluskan di negeri ini dan kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan, atau bahasa mudahnya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyentuh serba sedikit tentang pengurusan sumber ekonomi di negeri Pahang. Saya berharap dengan kenyataan ini dapat menjawab sedikit sebanyak err… keraguan yang ditimbulkan oleh berbagai-bagai pihak khususnya rakan-rakan dari barisan pembangkang mengenai ekonomi negeri. Negeri Pahang terkenal dengan sumber hasil bumi yang kaya, tanah, perhutanan, galian seperti bijih timah, bauksit, *silica*, pasir dan sumber air. Pada ghalibnya mengikut hukum akal, Pahang sepatutnya boleh menjadi negeri terkaya di Malaysia.

Ini hanya boleh berlaku kalau Pahang ditadbir secara korporat, yang mementingkan keuntungan dan kepentingan kewangan semata-mata. Kalau semua kira bicara mestilah diasaskan kepada keuntungan dan sebanyak mana duit boleh dibuat dan dihasilkan. *Bottom line* ialah keuntungan kewangan. Kita bayangkan satu keadaan di Pahang, tanah semua dilupuskan secara komersil RM50,000.00 seekar, ada setengah-setengah tempat RM200,000.00 seekar er... seekar Ringgit Malaysia. Kalau di Janda Baik RM1 juta seeker. Dan premium pembalakan dikutip secara komersil. Tarif air dikenakan semaksima, bukan seperti sekarang 60% di *subsidise* oleh Kerajaan. Kita kenakan bekalan air secara maksima sehingga kerajaan boleh mengaut keuntungan berlipat ganda.

Apakah kesannya kepada rakyat? Yang memilih kerajaan setiap 4, 5 tahun sekali. Sudah pasti rakyat biasa tidak dapat miliki tanah, seperti sekarang ini rakyat masih lagi boleh mengharap dan ada peluang untuk miliki sekurang satu ekar, dua ekar, empat ekar, lima ekar tanah. Harga rumah sudah pasti meningkat di luar jangkauan rakyat biasa disebabkan bahan binaan dari hasil perhutanan meningkat harganya disebabkan premium atau cukai hasil perhutanan yang tinggi. Rakyat terpaksa membayar tarif air yang tinggi, di sebuah negeri yang mewah dengan sumber air. Ini bukanlah cara sebuah kerajaan ditadbirkan tanpa mengambil kira kepentingan rakyat.

Bukanlah sebuah kerajaan kalau hanya mengambil kira untung rugi dari segi kewangan. Kita bukan mengamalkan sistem *oligarchy* iaitu sebuah negara yang ditadbirkan oleh sekumpulan kecil manusia, jauh sekali kita mengamalkan sistem *plutocracy* iaitu sebuah negara yang ditadbirkan oleh sekumpulan kecil orang kaya. Tugas sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat sebenarnya ialah mengutip cukai

sepatutnya dan kemudian mengagih-agihkannya cukai yang dikutip untuk menguruskan negeri dengan menumpukan kepada kepentingan dan kebajikan rakyat. Rakyat pula menjalankan tanggungjawab membayar cukai yang munasabah untuk bersama-sama membangunkan negeri. Kerajaan tidak boleh menguasai semua kegiatan ekonomi. Dalam sistem ekonomi *laissez-faire* yang kita amalkan ejanya *L A I S S E Z F A I R E*. Kerajaan menggalakan pihak swasta menjalankan usaha perniagaan. Kerajaan bertindak secara pemudah cara atau fasilitator di samping mewujudkan keamanan dan kestabilan politik.

Kerajaan negeri menubuhkan beberapa agensi berkaitan kerajaan GLC seperti PKNP, PKPP, PSK dan lain-lain. Agensi-agensi ini terlibat dalam kegiatan ekonomi tanpa menyekat syarikat-syarikat swasta menjalankan perniagaan masing-masing. Agensi berkaitan kerajaan juga ini tidak langsung monopoli apa-apa kegiatan ekonomi dan perniagaan. Bahkan semua agensi kerajaan dan pihak swasta wujud beriringan menjalankan kegiatan ekonomi… kegiatan ekonomi yang tidak pun bersaing antara satu sama lain, sebaliknya saling lengkap melengkapi. Dan saya ingin menyatakan bahawa kedudukan agensi-agensi penting kerajaan negeri seperti PSK, PKPP, LKPP Corporation, PKNP, Yayasan Pahang, ASPA adalah sangat-sangat mantap dan untuk kita mengatakan [Ahli Dewan menepuk meja] mereka tidak membantu Kerajaan Negeri adalah tidak benar. Walaupun Kerajaan Negeri tidak memerintahkan mereka untuk membuat sumbangan tahunan seperti yang sepatutnya dibuat mengikut persetujuan asal semasa agensi-agensi ini ditubuhkan. Namun apabila kerajaan memerlukan, pada tahun ini sahaja sudah dua kali. Semua agensi-agensi ini datang ke hadapan dan menyumbangkan jumlah yang Kerajaan Negeri perlukan. Dan saya berpendapat mekanisme seperti ini, mod operasi seperti ini wajar diteruskan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini, Yang berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan *constraint* kewangan yang sedia ada. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha dan program pembangunan untuk mensejahterakan kebajikan rakyat. Kerajaan Negeri akan meneruskan program meningkatkan keupayaan pendidikan di kalangan masyarakat di negeri Pahang ini melalui agensi terpenting yakni Yayasan Pahang. Kita akan terus memajukan Maahad Tahfiz yang sekarang ini menjadi Maahad Tahfiz terulung di Malaysia mendahului Maahad Tahfiz *anchor* yang pertama iaitu Darul Quran Kuala Kubu Bharu [Ahli Dewan menepuk meja].

Kerajaan akan meneruskan bantuan kepada golongan memerlukan seperti OKU, pesakit kronik, ibu tunggal yang miskin, anak-anak yatim. Dan sebahagian besar dari peruntukan yang diuruskan oleh pihak Pejabat Menteri Besar dan juga pihak Pejabat Pengarah Pembangunan Negeri akan ditumpukan kepada memberi bantuan golongan yang memerlukan ini. Dan pada ketika yang sama Kerajaan Negeri akan meneruskan pembinaan rumah-rumah mampu milik untuk dibeli oleh sebahagian besar dari rakyat negeri Pahang. Insya-Allah, saya sendiri akan mengenengahkan di forum-forum yang tertentu di peringkat persekutuan bagaimana pentingnya dana untuk pembeli-pembeli rumah ini diwujudkan.

Saya telah menemui Tan Sri Wahid Omar, pengerusi PNB dan pernah menjadi pengerusi Maybank dan menanyakan, kenapakah susah sangat bagi pihak bank untuk memberi pinjaman perumahan kepada pemohon-pemohon? Beliau telah memberikan satu jawapan yang sangat jelas dan saya sendiri pun sangat memahami. Beliau menyatakan bahawa setiap pemohon itu akan dikaji pendapatan dan perbelanjaan bulanan dan setelah ditolak segala-galanya, pendapatan bersihnya itu akan dilihat sama ada boleh membiayai pinjaman perumahan itu atau pun tidak.

Dalam banyak kes beliau menyatakan bahawa selepas diteliti pendapatan bersih setiap pemohon, nyata mereka tidak mampu untuk membayar pinjaman perumahan kalau diluluskan. Itulah sebabnya saya telah pun memberitahu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan insya-Allah akan membawa kepada forum yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan beberapa majlis lagi iaitu pentingya kerajaan memikirkan masalah ini dan jika perlu mewujudkan satu Tabung Khas untuk bakal peminjam yang ingin membeli rumah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mencadangkan juga di sini supaya setiap Ahli Dewan membaca buku Bajet yang telah disediakan dan di dalam itu ada semua butiran yang diperlukan, dan saya tidak bercadang untuk menyebutkannya di sini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri ucapan Bajet ini, saya ingin merujuk kepada tajuk hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kalau kita terlibat dalam bidang perniagaan dan kalau kita seorang peniaga yang pandai, kita boleh berniaga tanpa menggunakan wang kita sendiri. Kita boleh berniaga dengan hanya menggunakan wang orang lain terutamanya wang dari pinjaman bank. Kalau kita dapat 100% pinjaman bank dan kita gunakan untuk berniaga, makna kita pandai, tapi kalau kita gunakan wang sendiri, pinjaman bank hanya kecil jumlahnya kita akan dikatakan oleh kawan-kawan kita sebagai tidak pandai berniaga. Ini saya tahu, ini saya diberitahu oleh err… pihak peniaga-peniaga yang berpengalaman.

Saya ingin sebutkan di sini sesebuah Kerajaan Negeri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan adalah satu perkara biasa dalam sesebuah Persekutuan yang mengamalkan *federalism.* Di Malaysia ada peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan yang menentukan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam urusan mengutip cukai. Sebagai contoh, cukai tanah dikutip oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan mengutip cukai pendapatan GST, cukai Kastam, cukai hiburan dan sebagainya. Kerajaan Tempatan mengutip cukai pintu atau *assessment rate.*

Saya ingin sebutkan di sini atau boleh saya sebutkan kemudian sikit daripada ini tentang butiran-butiran cukai-cukai. Kerajaan Persekutuan juga wajib memperuntukkan cukai kepala ataupun *capitation grant* dan geran jalan raya atau *road grant* kepada semua Kerajaan Negeri. Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan memberikan geran dan memberikan pinjaman oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa. Kerajaan Negeri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan mengikut keperluan semasa dan kesesuaian keadaan.

Sehingga hari ini negeri Pahang mendahului negeri-negeri lain termasuk negeri-negeri yang dikatakan kaya seperti Selangor, Sarawak dan Sabah. Kita mendahului dan menjuarai sebagai negeri yang paling banyak berhutang dengan Kerajaan Persekutuan. Sehingga hari ini hutang Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.31 billion.

Semasa saya mula mengambil alih jawatan Menteri Besar, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan lebih kurang RM1.51… RM1.9 bilion. Maknanya semasa saya menjadi Menteri Besar selama hampir 19 tahun, hutang itu sudah

berlipat ganda. Hutang ini termasuk bekalan air sebanyak RM2.21 bilion, Perumahan Awam Kos Rendah dulu-dulu, sekarang sudah tidak ada lagi berjumlah RM342.92 juta, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berjumlah RM149.18 juta, pelbagai seperti MPK, penganjuran sukan SUKMA, penjadual… penjadualan semula hutang, hutang banjir 2014, ini semua berjumlah RM432.55 juta. Kesemuanya berjumlah RM3.13 bilion. Hutup… hutang Kerajaan Negeri dengan institusi kewangan iaitu Maybank kerana membeli saham FGV berjumlah RM180 juta. Ini bermakna kesemua hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM3.31billion.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya menjanjikan ucapan Bajet ini 20 minit, tapi maklumlah nama pun janji, kalau berjanji tu… jawab tunggu jer lah terutama janji Wakil Rakyat, tak kiralah Barisan Nasional atau pembangkang, jumpa rakyat… *"okay, no problem*, tengok-tengok 3 tahun kemudian, dia orang kata dulu Dato' janji err… janji, dia pun jawab itu bukan salah saya, tugas saya berjanji, tugas awak mengingatkan saya, [Ahli Dewan ketawa] jadi kalau dah awak mengingatkan saya hanya selepas 3 tahun, tak boleh salahkan saya lagi. Saya pandang selalu bercakap ni… saya pandang Ahli daripada Beserah sebab saya suka tengok dia, dia berasal di kawasan saya. Patut jadi ahli EXCO dia… dia tak nak. [Ahli Dewan ketawa]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hutang bekalan air ini termasuklah mengganti paip-paip lama. Semalam Wakil Kerajaan ada menyatakan masih ada lagi *pipe ac… ac pipe… ac pipe* ni sebenarnya tidak baik untuk kesihatan dan kalau mengikut pakar-pakar kesihatan ianya salah satu punca yang menyebabkan penyakit kanser, menyelenggara bekalan air. Semasa saya mengambil alih jawatan, RM1 bilion lebih. Sekarang RM2.21 bilion mengganti paip, membuat muka sauk baru, membuat *water treatment plan* yang baru, ini semua perlukan wang. Sedangkan air yang kita kutip tarifnya hanya 40% dari apa sepatutnya dibayar oleh pengguna.

Kerajaan memberi subsidi… memberikan subsidi 60%, kemudian tu RM342.92 juta ini Perumahan Awam Kos Rendah. Kalau kita masih ingat dahulu kita ada Rumah Kos Rendah RM7,000 sebuah, RM15,000 sebuah, akhirnya RM25,000 sebuah. Kita beri kepada rakyat, orang ramai dan mereka akhir tidak bayar hutang. Inilah antara hutang kerana peruntukan perbelanjaan membina Rumah Kos Rendah pada masa itu, rata-rata datang daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan persekutuan tidak pernah beri percuma, mereka akan kira sebagai hutang.

Kemudian tu pelbagai, MPK mengadakan sukan SUKMA, penjadual… penjadualan semula hutang, hutang banjir 2014 termasuk, kita kumpul yang itu berjumlah RM432.55 juta. Kalau kita fikir banjir ini ianya adalah urusan keselamatan sepatutnya di bawah 100% kerajaan persekutuan, tetapi kita diminta bayar hutang. Dan kita tidak berasa curiga, kita tidak menggelabah kerana kita tahu ini adalah hutang negeri dengan hutang kerajaan persekutuan, anak berhutang dengan ayah, anak berhutang dengan ayah, mana ada bayar punya… tak bayar. [Ahli Dewan ketawa] Jangan kita risau… jangan kita risau, ini duit kerajaan. Dan untuk makluman, kita di Pahang ini mengutip… maksudnya kita di Pahang ini menjadikan tempat Kerajaan Persekutuan mengutip cukai yang banyak.

Saya beri contoh pada tahun lepas 2016, Jabatan Kastam je mengutip cukai, GST, cukai kastam selain GST, RM1.3 billion, 2016. 2017 semalam saya diberitahu kastam telah mengutip RM1.8 bilion dan kesemuanya kita serahkan kepada Kerajaan

Persekutuan. Lembaga Hasil Dalam Negeri, cukai yang dikutip tahun 2016, RM1.06 bilion yang kutip di negeri Pahang, ini tidak termasuk cukai yang dikenakan kepada pengunjung-pengunjung hotel yang diserahkan kepada *Tourism* Malaysia. Tak termasuk sebagai contoh *corporate tax,* yang dikenakan kepada Genting Highlands. Tahun lepas RM124 juta semuanya ke Kuala Lumpur. Kita mengutip cukai untuk Persekutuan banyak. Apa salahnya dia beri balik kepada kita. Jadi, kalau siapa jadi kerajaan dia mesti pandai mendapatkan pinjaman yang banyak dari *federal*. Kita…

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita pergi *bottomline*. Kita tak bayar dia orang nak buat apa? Kita tak bayar ni RM3.31 bilion apa dia orang nak buat. Apa nak buat? Hah kalau kerajaan bertukar parti pun tak ada apa-apa. Kelantan tak ada geran semua, percuma aje tak ada pinjaman. Bagi, bagi, bagi dia tetap PAS, PAS, PAS tak ada hal. Tak bayar. Kita pulak, satu parti. Nak rampas balik Temerloh, nak rampas balik Raub. Hah, tengok 14 per 14 kerusi Parlimen. Semua ke Barisan. (Ahli Dewan menepuk meja). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan… 14 kerusi Parlimen *man*, negeri Pahang kita *maintan*. *What is RM3.31 billion*. Nampak tak? [Ahli Dewan menepuk meja]

Jangan risau. Kalau nak kata kita tirislah apa tiris ke, tak… kita mentadbir berjalan seperti biasa. Macam sebutkan tadi, saya tak boleh sebut satu per satu, tapi kalau dicampurkan agensi-agensi kerajaan yang ada PSK, PKPP, PKNP, Yayasan, ASPA… itulah nak cakap nanti keluar surat khabar susah. Bila saya sebut je kita ada duit ni kerajaan persekutuan minta balik bayar RM3.31 bilion pasal dengar kata agensi-agensi banyak duit. Mana duit ni, bayarlah. Tidak boleh semua perkara saya sebutkan dalam dewan pasal ramai orang akan tahu. Agensi-agensi ni mantap, mantap jangan risaulah mantap.

Jadi saya berharap hutang Kerajaan Negeri dengan kerajaan persekutuan janganlah kita risaukan. Bahkan kalau sayalah, lagi banyak lagi bagus. Malu ke? Kerajaan Negeri Pahang RM3.31 bilion mengatasi negeri lain. Kita tengok bawah Pahang siapa? Sabah. Bawah Sabah siapa? Sarawak. Apa kurang daripada kita? Bawah Sarawak siapa? Selangor. Apa kurang daripada kita. Di Selangor, Jabatan Kastam mengutip pada tahun lepas RM24 bilion. Kita RM1.3. RM24 bilion kutip, Selangor, jangan kita risau.

Hanya yang akan datang ni kita mungkin boleh fikirkan bagaimana kita boleh menambah pendapatan. Boleh, kita ambil contoh bauksit. Semua orang tak boleh minta, PKNP saja. Boleh tapi apa makna *laissez-faire* kita sebutkan tadi? Orang biasa pun perlukan juga sedikit sebanyak untuk merasa nikmat ekonomi sebagainya. Saya nak beritahu saya bukan salahkan kerajaan persekutuan. Royalti sehingga 2015, 5% sahaja royaltinya. Hanya setelah saya menyedari 5% tu, dinaikkan 10% dan bagaimana royalti dikutip. Siapa kutip? Bukan Pejabat Tanah Galian. Yang kutip tu JMG, Kastam. Bagaimana sebelum ini.

Saya bukan nak me… me… me… menunjukkan kelemahan agensi Penguatkuasa Kerajaan Persekutuan. Semasa bauksit di puncaknya dulu, bauksit dah lepas ke China baru Kastam pergi mencari *company* mana bagi invois sebagainya. Itu pun kerana saya sedar. Saya kata tak boleh. Sebelum hantar, kutip. Sekarang ni sebelum masuk kapal kutip duit. Kalau tidak *you* hantar dulu, siap rekod je. Tapi kalau *company* tu ada tak apa, dan kalau *company* tu lurus dia akan bayar. Tapi apa kata kalau *company* itu lesap, gulung, bungkus. Kerajaan hilang cukai, hilang hasil. Jadi kalau kita sebutkan hilang sekian, sekian… itu tidak betul sebab kita masih mengenakan royalti 5%, tetapi

kalau ada pun hilang adalah kerana prosedur pada masa itu. Barang dieksport dulu, cukai kutip kemudian.

Saya pun meniaga, saya ingin macam itu, mudah. Tapi sekarang sudah berubah. Royalti 10% dan err… dikutip sebelum dieksport. Itupun Menteri Besar juga nak campur. Tapi saya bersyukur kepada Allah kerana kerajaan persekutuan mengambil alih pengurusan. Jadi kalau ibarat pening kepala ni kita berkongsilah. Hari ini kita pening, besok dia pening. Hari ini kita tak pening, besok dia pening. Lepas itu kita tak pernah pening, dia sentiasa pening. Kalau boleh yang macam itu. [Ahli Dewan ketawa]

Sekarang semua tutup, tapi kata akan dibuka bauksit. Saya pun mungkin sebagai Menteri Besar tersilap. Patutnya Kerajaan Negeri ambil je semuanya, bauksit ni. Bilion kita. Tapi itu bukan cara kerajaan memerintah. Kerajaan bukan memerintah untuk buat duit. Kerajaan menyelaraskan, wujudkan keamanan, wujudkan kestabilan. Ada polis, ada tentera. Itu kerajaan. Kerajaan kutip sikit cukai, rakyat bayar sikit cukai. Kemudian agihkan cukai, itu kerajaan. Untuk maju, untuk berniaga banyak… orang perseorangan. Itu cara dia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya sudah bercakap 45 minit. Hanya sebagai penutup… sebelum penutuplah. Saya nak mengumumkan bahawa sebagaimana kerajaan persekutuan mengumumkan pemberian Bantuan Khas sebanyak RM1500.00 kepada semua penjawat awam, saya juga ingin mengumumkan pemberian bantuan khas kepada penjawat awam negeri Pahang dengan jumlah yang sama iaitu RM1000.00 akan dibayar pada awal Januari 2018 dan RM500.00 lagi dibayar menjelang Hari Raya Aidilfitri 2018 untuk 8000 orang penjawat awam di negeri Pahang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli EXCO kerajaan, semua Ahli Dewan sama ada dari pihak kerajaan mahu pun pembangkang yang telah memberikan kerjasama yang baik semasa kita berada di dewan ini. Nampak proses demokrasi berjalan dengan sihat dan sebelum saya duduk saya ingin err… memberikan sedikit panduan kepada Ahli Dewan sama ada berugama Islam atau bukan ugama Islam. Kita orang Islam dan begitu juga orang bukan Islam percaya kewujudan tuhan. Tuhan ini adalah pencipta. *God is the creator of the universe. World include in the universe*. Dia Maha Menguasai, Maha segala-galanya… dan kita orang Islam percaya syurga neraka.

Kalau tidak, tak akanlah macam Hitler bunuh juta-juta orang nak boleh *go away God's free, cannot*. *He must be punished, if not here in the hereafter*. Tapi kita kena ingat bila kita sebut Allah mencipta, *when we say Allah is the creator, that mean He create everything. Whether for good or for bad. Good thing or bad thing. All are created by Him. H.I.M… Allah. We must remember that. And we Muslim believe in one God, Allah SWT but some other religion believe in so many God. God of Rain, God of Storm, God of Sky, God of Rich, God of Poor. Okay, never mind.*

Now, when we refer to whatever thing that happen in this world including storm, earthquake its all the will of God. No one else can prevent that except God… Allah. We say Allah. And some people say oh Allah, God will punish in the hereafter not here but then, who create the storm? Who create the earthquake? Who create tsunami? It doesn't happened just by itself. All things happened with the will of Allah. Allah make its happen, and we say oh this because of science, come on. If u believe it just in science that mean you don't believe in God. If you believe in God, you must believe in total. Everything is created by Him.

Jadi saya nak sebutkan di sini, *nowadays okay if you have bank, okay*. *We settle bank loan in cash,* Allah Taala juga *settle thing in cash*. Tak payah tunggu lama lagi sebab Allah menentukan tak adil untuk nak tunggu lama. Disebabkan keadaan, orang dapat *punishment* masa dia hidup lagi. Saya malas sebut. Ini hukum karma. Banyak contoh saya boleh sebut. Yang dah mati pun dah mati tapi saya nak sebut takut berlaku. Kalau saya sebut di sini nanti takut berlaku jugak. *If you don't believe, it's okay. That's all I believe in. We go to the event, we see the event fuelling the final event and we can see certain thing that the pattern in the way God or Allah and master the universe. It's just not like that*. *So* kalau separuh orang kata, oo… yang baik dari Allah, yang buruk dari saya. Itu ajaran Islam tak tepat. Buruk, Allah... buruk, baik Allah mencipta. Saya lupa ayat Qurannya Syed… Allah Taala mencipta segala-galanya, termasuk buruk baik. Oo… ni, yang buruk dari saya, yang baik dari Allah nak menunjuk lebai sangat, sembahyang subuh tak sembahyang pagi tadi. Baik buruk Allah yang mencipta, itu kita kena ingat.

Hanya kita *out of respect*. Kita "kata aah... ni salah kawan, salah Allah Taala… mentakdirnya begitu." Tak ada salah-salahnya, ini saya berharap perkara ini dapat difahami. *No, I don't want to make the beer party an issue. No, we don't* er... *we don't discourage, nor do we courage… encourage…* tapi kalau berani buat, jangan buat tempat saya ya. Kalau buat, Triang boleh, Tanah Rata jangan. Tanah Rata tu… Ahli Tanah Rata baru pergi sana, mau buat Triang boleh kita tengok.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Minta maaf.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Sila.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Agama yang berlainan dia ada pandangan dan ajaran diri sendiri, berlainan. Saya *respect* tentang ajaran Islam sebab saya pun tidak faham sangat tentang ajaran Islam. Sebagai seorang Taoism atau Buddhism, pandangan kita berlainan, kita hukuman itu selepas mati. Macam Taoism menyatakan, hukuman selepas kita mati dia akan ada enam saluran. Saluran pertama iaitu kita akan masuk ke deva… dewa. Saluran kedua, Sami Dewa, saluran ketiga, dia balik semula kepada manusia menjadikan manusia semula. Saluran keempat, hantu lapar. Iaitu biasa orang jahat dia akan masuk ke hantu yang lapar. Orang yang jahat lagi, yang paling jahat itu, dia akan menjadikan binatang, yang orang yang tidak dapat diselamatkan, tidak boleh kembali kepada manusia ataupun er... hidup semula dia akan masuk ke neraka. Itu ajaran Taoism dan Buddhism…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jangan panjang sangat.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

… tetapi dia tidak membuat hukuman…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

YB jangan panjang sangat, pendeklah. Ini *budget speech* tak habis lagi, jangan panjang sangat. Saya dah faham.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Okey… saya pendek lagi, ikut ajaran Taoism dan Buddhism, dia tidak hukum masa dia hidup. Masa hidup dia ajar, dia membuat kebaikan jadi jika tak dengar pun, ini terpulang kepada diri sendiri. Jadi…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Okey. Cukup, cukup, cukup… saya jawab Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tak beri laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya ucapkan terima kasih kepada ahli dari Tanah Rata. Ajaran ugama ni semua menjurus kepada kebaikan, tapi saya tak boleh kata ugama Islam sama dengan ugama lain, tak boleh, sebab dalam Islam, *[Bacaan ayat Al-Quran] "*ugama di sisi Allah adalah Islam", tetapi ajaran ugama-ugama ni yang sebelum Islam tu memang menjurus kepada tuhan. Pokoknya, ada baik ada buruk; baik balas baik, buruk balas buruk. Saya sebutkan satu persamaan, di neraka nanti, manusia ni sebagai manusia api neraka tak makan… mereka bertukar menjadi batu, kayu, minta maaf ya, babi… baru masuk dalam neraka, tak gitu ahli ape ni, pengerusi… betul. Tapi kalau nak katakan oo… di sana siapa yang jadikan tanah runtuh? Siapa jadikan tsunami? Siapa jadikan halilintar sebagainya…

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Minta laluan…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Nanti sekejap... sekejap. Siapa yang jadikan ini? Allah Taala dan apabila berlaku gempa bumi, berlaku tsunami, berlaku tanah runtuh, siapa jadi mangsa? Orang jadi mangsa, itu saja dan kita menganggap ini hukuman dari Allah kepada manusia yang tidak berterima kasih kepada Dia, yang melanggar undang-undang perintah Dia. Dia nak bercakap…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanah Rata nak tambah sikit?

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Saya minta maaflah, sentuh dengan perkara yang cukup sensitif. Sebenarnya tidak patut kita sentuhkan. Untuk pandangan saya, kesemua ini kejadian adalah bencana. Yang untuk saya… saya…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

… bencana ni siapa yang wujud…

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

… bencana…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

… bencana siapa yang jadikan bencana? Dia jadi sendiri ka?

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Alam ini…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kita ni dia jadi sendiri kalau mak sama bapak tak kahwin, tak... er… saya malas nak sebutlah, kita tak jadi tau. Di dunia pun ini macam, tuhan jadikan, runtuh pun tuhan jadikan, walau kita tengok *natural causes*, tapi itu *natural causes* pun tuhan yang jadikan. Kita percaya penuh kepada tuhan. Takpelah cukuplah, kita bincang lain…

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Bolehkah saya…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Haa … cukup, cukup.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini membentangkan Bajet 2008 dan mohon mendapatkan sokongan. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih. [Ahli Dewan tepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Wakil Luit.

YB. PUAN NURHIDAYAH BINTI HAJI MOHAMAD SHAHAIMI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang ini telah dicadang dan disokong dan dibaca bagi kali yang kedua. Mengikut Peraturan 66, Peraturan-

peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang di mana perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini mestilah ditangguhkan sekurang-kurangnya satu jam.

Oleh itu, Perbahasan atas Rang Undang-undang ini yang nak disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, akan dimulakan pada sebelah petang ini dan akan dibahaskan bersekali dengan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2018 yang akan dibentangkan sebentar lagi.

Sekarang Mesyuarat beralih kepada perkara yang selanjutnya.

USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2018

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima: Usul. Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan Seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2018 daripada Kumpulan Wang-Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Bahagian II dan III, yang dibentangkan di dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.13/2017"**

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan menempohkan perbahasan Usul ini untuk dibahaskan bersama-sama Rang Undang-Undang Perbekalan (2018)2017, pada jam 2.30 petang ini. Untuk perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyediakan selama tiga hari iaitu pada petang ini dan pada hari esok 22 dan hari Khamis 23 untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam membahaskan Usul tersebut. Saya kira tempoh tiga hari tersebut, sudah cukup untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat membahaskan dan memberi pandangan ataupun ulasan terhadap Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi.

Oleh demikian, saya bercadang untuk menempohkan sidang ini dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang ini. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 12.56 tengah hari]

[Persidangan disambung semula]

PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2018

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan Tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu dan satu Usul yang berbunyi:-

> **"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan Seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan mengikuti ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2018 daripada Kumpulan Wang Kumpulan, daripada Kumpulan Wang, Kumpulan Wang tersebut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Bahagian Dua dan Tiga yang dibentangkan di dalam persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2017".**

Rang Undang-Undang dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada sebelah pagi tadi dan telah pun mendapat sokongan. Rang Undang-Undang dan Usul ini akan dibuka untuk dibahas.

Sebelum saya buka perbahasan Rang Undang-Undang dan Usul ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa masa yang diperuntukkan adalah selama 20 minit untuk memberikan rakan-rakan lain Yang Berhormat mengambil bahagian dan kalau boleh kita fokuskanlah kepada bajet yang telah dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi tadi.

Untuk itu saya dengan ini menjemput Yang Berhomat Luit, silakan.

YB. PUAN NURHIDAYAH BINTI HAJI MOHAMAD SHAHAIMI

[Bacaan dalam bahasa Arab]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam satu malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan dan menyokong usul pada Dewan Yang Mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas Pembentangan Bajet 2018 di Dewan Yang Mulia ini.

Sebagai mewakili masyarakat DUN Luit saya menyambut baik belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sememangnya bajet ini adalah satu yang bersejarah dan mampu mencorak hala tuju negeri di samping memenuhi aspirasi serta harapan rakyat menuju TN50.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Suka saya mengambil firman Allah SWT [Bacaan ayat Bahasa Arab] yang bermaksud, "Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa dan janganlah tolong-menolong dalam membuat dosa dan ju… dan juga pelanggaran dan bertaqwalah kamu kepada Allah SWT sesungguhnya Allah amat berat siksaannya" Surah Al-Ma'idah Ayat 2.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Fokus Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu menarik perhatian saya, ia merupakan satu pembentangan yang terbaik dan terdapat banyak insentif yang telah dinyatakan mencakupi dan merangkumi keperluan keseluruhan rakyat termasuk memperkukuhkan ekonomi dan juga bersesuaian dengan tema Bajet Negeri Pahang iaitu mengu… mengurus mengikut kemampuan. Kita seharusnya yakin dengan adanya kemampuan dan juga keupayaan kewangan negeri yang diterjemahkan melalui pembentangan bajet ini, dimana ianya mencukupi keperluan dan juga ke… kepentingan rakyat. Hal ini akan menanamkan lagi kepercayaan tinggi kepada pelba… rakyat pelbagai kaum terhadap keupayaan sebenar Kerajaan Barisan Nasional dalam memperjuangkan isu rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam merancakkan dan juga memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi yang berkualiti, banyak perkara yang harus Kerajaan Negeri pertingkatkan selain dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Bagi merealisasikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bersepadu iaitu… antaranya ya… yang pertama menggalakkan sektor pertanian kepada rakyat supaya hasilnya mereka dapat mempertingkatkan ekonomi diri dan juga negeri. Seterusnya, menggalakkan sektor per… penternakan kepada masyarakat seperti penternakan ayam, kambing dan juga lembu.

Seterusnya menggalakkan dan juga mempertingkatkan sektor perlancongan seperti yang diberitahu oleh Wakil Kerajaan, Tahun Melawat Pahang 2018. Seterusnya adalah program-program yang besar seperti program sukan yang berskala besar yang mampu menarik dan juga mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya menyentuh sedikit mengenai kawasan er… DUN Luit, jika kita perhatikan, jika kita lihat dan juga kita amati ramai menyatakan bandar Maran er… pembangunan yang kurang, ketiadaan pusat pengajian tinggi serta lain-lain pembangunan yang dan juga kurang peluang pekerjaan. Setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih saya dan juga warga Maran kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah meluluskan pembinaan Kolej Komuniti Maran dan baru-baru ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri… Kementerian Pengajian Tinggi sendiri dan ini merupakan janji Pilihan Raya Umum Yang Ke-13 yang lalu.

Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional sentiasa perhatin akan kehendak masyarakat setempat. Semoga Kolej Komuniti yang telah pun beroperasi ini akan dimanfaatkan oleh penduduk setempat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyatakan tentang pembinaan Hospital Maran yang mana diharap pihak Kerajaan menyegerakan pembinaan hospital ini untuk kepentingan masyarakat Daerah Maran.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pegawai Daerah Maran dan semua Ketua-ketua Jabatan dalam daerah Maran di atas usaha… didalam menangani isu yang telah dibangkitkan oleh masyarakat setempat. Hal-hal... contohnya hal-hal berkaitan pemilihan Rancangan Tanah Kelompok ya… (RTK), tapak rumah yang diberikan baru-baru ini kepada peserta iaitu RTK Kampung Bak-Bak Fasa Tiga serta RTK-RTK dan juga RPK yang lain. Terima kasih juga kepada Wakil rasmi er… Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Wakil Kerajaan di atas inisiatif menyelesaikan isu-isu RTK dan RPK dalam DUN Luit.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan rumah PR1MA di Pekan Tajau yang mana didalam pembinaan sekarang ini dan juga rumah kos rendah di bawah KPKT di Bukit Kuin. Diharap er… pembinaan rumah PR1MA dan juga rumah kos rendah ini dapat dipercepatkan lagi. Diharap juga lebih banyak lagi ru… pembinaan er… rumah PR1MA dan juga kemudahan-kemudahan perumahan yang lain untuk masyarakat setempat iaitu anak-anak muda.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tidak lupa juga Rumah Generasi Ke-2 FELDA iaitu di Felda Bukit Tajau, yang mana sekarang ini terbengkalai er… diharap dapat diselesaikan dengan segera. Begitu juga dengan pembinaan Rumah Generasi Ke-2 di Felda New Zealand, diharap dipercepatkan pembinaannya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu juga dengan er… pem… cadangan Rumah Bina Negara, FELCRA di Kampung Sentosa yang mana pihak saya dan juga Pegawai er… Pejabat Daerah telah mencadangkan kepada FELCRA untuk dibina Rumah Bina Negara, diharap ia juga dipercepatkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menyokong sepenuhnya ucapan Yang Amat Berhormat Mente… Menteri Besar sebentar… er… pagi tadi mengenai meningkatkan keupayaan pendidikan. Terima kasih kepada Yayasan Pahang yang sentiasa membantu anak-anak Pahang dari segi biasiswa, pinjaman dan bantuan-bantuan lain kepada anak-anak negeri Pahang. Begitu juga dengan Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang menjadi kebanggaan kita semua.

Yang Amat er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya suka menyebut tentang er… Bajet 2018 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri er… baru-baru ini yang menyatakan bahawa diluluskan bajet sebanyak RM50 juta ya, kepada Giat Mara untuk membaik pulih dan juga menyele… menyelengara sistem pendawaian dan juga er… bagi semua Sekolah-sekolah Tahfiz dan juga disediakan skim latihan untuk pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz. Diucapkan ribuan terima kasih. Begitu juga dengan bantuan-bantuan yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi mengenai bantuan kepada OKU, pesakit kronik dan anak-anak yatim er… orang miskin dan sebagainya diharap bantuan-bantuan ini dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Suka juga saya menyebut tentang Rumah Mampu Milik seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi mengenai tabung khas, iaitu dana kepada mereka yang tidak mampu untuk membuat pinjaman er… perumahan. Diharap er… usaha-usaha ini akan menjadi kenyataan kerana ramai dikalangan anak-anak muda kita di luar sana tidak mampu untuk membuat pinjaman er… pinjaman perumahan di bank.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pa… petang ini, suka saya menyebut mengenai isu larangan sesetengah pengusaha hotel terhadap pekerja wanita bertudung di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan. Harapan saya agar larangan ini tidak terjadi kepada di hotel di negeri Pahang dan jika ada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita mohon kepada Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkenaan supaya lesen hotel tersebut dibatalkan.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar negeri Pahang agar terus aman, makmur dan kit… kita sama-sama dapat menjaga kebajikan rakyat, mengukuhkan modal insan semua golongan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan membuka peluang kepada rakyat seperti kerjaya dan juga perniagaan. Saya mohon menyokong Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Sekian wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Luit. Silakan Yang Berhormat Peramu Jaya.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Syukur kehadrat Allah SWT kerana pada pagi ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan satu bajet, yang merupakan satu bajet berbentuk mengurus mengikut kemampuan dan di samping mengurus mengikut kemampuan tersebut tanpa mengenepikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Inilah menjadi satu kebanggaan kita kerana yang penting ialah dalam apa soal sekalipun kepentingan dan kesejahteraan rakyat menjadi tonggak utama kita. Ibarat ukur baju di badan sendiri dan saya penuh yakin dan percaya bahawa pembentangan bajet tadi adalah berasaskan kepada *simple,* dengan izin, *simple economic fundamental* yang mana secara asasnya anggaran hasil pada 2018 sebanyak RM700.6 juta, anggaran mengurus sebanyak RM700.04 juta, wujud *surplus* sebanyak RM594,000,372.00 juta.

Saya secara asasnya ini adalah satu bajet yang walaupun tidak mempunyai *surplus* yang besar tetapi saya penuh yakin dan percaya bahawa bajet ini memanglah bajet yang ori. Ori ni maksudnya ialah lahir daripada hati kita dengan kemampuan yang kita ada, begitulah kita mengolahkan peruntukan yang kita perlu belanjakan. Saya juga bersyukur kerana di dalam er… tanggungan kita emolumen yang agak tinggi di mana-mana belanjawan negeri lain pun emolumen ini adalah merupakan satu peratus yang agak tinggi. Kita, di negeri Pahang ini yang sebagaimana yang telah dibentangkan tadi bahawa, emolumen daripada RM700.6 juta tadi, emolumen sahaja meliputi 45.7%. Tetapi pada masa yang sama perkhidmatan bekalan melibatkan peruntukan sebanyak 23.7%, walaupun rendah tetapi tidaklah terlalu rendah. Saya ulang lagi sekali walaupun rendah tetapi tidaklah terlalu rendah.

Saya cuma nak menyentuh beberapa perkara di dalam bajet ini, yang pertama ialah dari segi Kepala B07, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Kalau mengikut butiran 10,000 emolumen melibatkan RM45.6 juta. Manakala butiran 20,000 iaitu yang melibatkan perkhidmatan dan bekalan RM3.5 juta. Saya menyarankan agar Kerajaan Negeri sikit sebanyak dapat mempertingkatkan dari segi perkhidmatan dan bekalan di bawah kepala 20,000 yang diperolehi oleh Jabatan Hutan kerana saat sekarang ini saya memahami bahawa meskipun Kerajaan Negeri telah mewartakan seluas 258,951.88 hektar sebagai kawasan tadahan… tadahan air, tetapi pada masa yang sama juga kita harus memahami bahawa sekarang ini keadaan kita ialah kita perlu berhemah dari segi mengendalikan sumber-sumber asli kita, termasuklah sumber hutan ini. Dengan erti kata yang mudah ya, apabila sesuatu penebangan dilakukan pemulihan hutan perlulah dibuat. Dan pemulihan hutan ini memerlukan kos dari segi untuk menanam semula pokok-pokok.

Jadi saya sarankan agar ini dapat dipertingkatkan di bawah butiran 20,000 itu di samping pokok-pokok ini dapat mengawal kawasan tadahan dan juga dapat membantu mengurangkan hakisan. Saya ambil contoh seperti di kawasan saya di Peramu Jaya ya, keadaan hakisan begitu serius dan keadaan ini berlaku ialah kerana *buffer zone* yang sepatutnya ada, *buffer zone* itu pun telah tiada. Ibarat kata dulu tanah dia terletak di tepi sungai sekarang ni tanah dia dalam geran ada realiti sebenarnya tanah tu telah pun hilang. Maksudnya dah tak ada dalam peta. Itulah maksudnya ya.

Jadi untuk ini saya rasa peranan Jabatan Perhutanan Negeri sedikit sebanyak juga dapat membantu kerana apabila sesuatu hutan itu tidak kita jaga dengan baik, kos penyelenggaraannya adalah terlalu tinggi dan kata ‘orang putih’ kadang-kadang ada istilah boleh kita gunakan dengan izin *beyond economic repair*. Ini adalah satu perkara yang penting untuk kita lakukan.

Yang keduanya, saya nak sentuh tentang Kepala B10 Jabatan Pengairan dan Saliran, bawah butiran 10,000 emolumen melibatkan RM18.3 juta manakala bawah perkhidmatan dan bekalan cuma RM4.7 juta, bawah kepala 20,000. Saya nak menyarankan badan negeri agar sedikit sebanyak dapat menyalurkan sedikit peruntukan tambahan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri ini kerana sekarang ini banyak kawasan-kawasan kita terutama di Pekan sendiri, yang berlaku hakisan yang begitu ketara dan kadang-kadang hakisan ini kita nak menunggu peruntukan daripada Kerajaan Pusat mengambil sedikit masa.

Oleh sebab itu, kita perlu ada satu peruntukan segera untuk kita membantu menyelesaikan masalah tersebut ibarat kata pepatah melayu ‘kalau tidak ada rotan, akar pun berguna’, sebagai langkah sementara. Kerana banyak sekarang ini berlaku tebing-tebing sungai telah terhakis begitu serius sedangkan untuk menunggu peruntukan tempoh lima, enam bulan akhirnya runtuhan tersebut daripada 1 meter

dah jadi 3 meter. Maksudnya akhir kalamnya, kalau kita simpan satu tahun kerosakkan yang di… dilakukan oleh air ini sebagai sumber alam begitu tinggi.

Jadi kalau patut dulu kita baiki guna RM1 juta, sekarang ni kita tunggu satu tahun, kosnya mungkin meningkat kepada RM10 juta. Jadi saya minta jasa baiklah Kerajaan Negeri untuk memikirkan perkara ini demi kita dapat sedikit sebanyak mengurangkan. Saya tak kata hakisan ini banyak di kawasan saya berlaku hakisan, hakisan laut dan sebagainya. Saya memahami bahawa kosnya agak tinggi tetapi kita, setidak-tidak kita mengambil langkah sementara sebagai langkah berjaga-jaga dan itu bagi saya dapat sedikit sebanyak mengurangkan hakisan tersebut walaupun tidak menyelesaikan sepenuhnya. Penyelesaian sepenuhnya mungkin kita laksanakan apabila peruntukan dapat kita perolehi.

Seterusnya saya ingin mengucap sekalung tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana mengikut statistik kehadiran pelancong ke Pahang mulai Januari hingga September 2017 adalah sebanyak 11.25 juta. Jadi ini satu, bagi sayalah suatu pencapaian yang terbaik kerana jumlah ini dalam tempoh 9 bulan, 11.25 juta ialah suatu angka yang tinggi dan bagi saya ini angka yang terbaiklah untuk Negeri Pahang dan yang paling utama sekali ialah perbelanjaan yang dilakukan oleh pelancong-pelancong yang melawat ke negeri Pahang dalam tempoh Januari hingga September 2017 melibatkan 7.48 bilion.

Bagi saya, walaupun segala cukai dipungut oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi yang penting ialah apabila ada kegiatan pelancongan yang begitu hebat di setengah-setengah tempat, apa yang kita dapat nikmati ialah penduduk negeri Pahang dapat nikmat dari segi peluang pekerjaan, dapat nikmat dari segi sumber ekonomi dan yang paling penting ialah rakyat sentiasa sejahtera di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, saya lagi sekali berharap bahawa di samping pelancong-pelancong ini berkunjung ke tempat-tempat berkenaan, tempat-tempat yang pelancong melawat ini kita sewajarnya memberikan perhatian dan menaik taraf, setidak-tidaknya tempat-tempat yang dikunjungi ini, walaupun tidak sepenuhnya *world class* tetapi ujud tempat-tempat pelancongan yang bertaraf *world class*. Saya ambil contoh, saya bincang dengan sahabat saya Wakil Sungai Lembing, saya pun tak sedar bahawa di Sungai Lembing ini telah ada galeri 3D. Hah… ini bertaraf *world standard.* Jadi oleh itu, muzium pun dipertingkatkan, Bukit Panorama ini semua ya untuk melihat, saya difahamkan melihat pelangi? Sungai Lembing, melihat pelangi ya? Air Terjun Pelangi? Er… tengok pelangi, Air Terjun Pelangi, Bukit Panorama tengok panorama? Er… tengok matahari terbit. Alhamdulillah, terima kasih sahabat saya, Sungai Lembing.

Jadi untuk ini, kita perlu tingkatkan, jadi kalau kita telah ada kemudahan-kemudahan bertaraf *world class* ini, jadi sedikit sebanyak ya, ini nanti akan sama-sama meningkatkan tahap minat pelancong-pelancong untuk berkunjung ke tempat-tempat seperti Sungai Lembing ini. Walaupun Sungai Lembing tidaklah sehebat Bukit Tinggi, tetapi dari segi mentaliti masyarakat terutama sekali masyarakat yang biasa hidup di dalam istilah *concrete jungle* dengan izin, mereka lebih rela dan seronok apabila mendapat suasana yang lebih *natural* sebegini.

Saya, lagi sekali ingin merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri yang selalu menitik berat dan mengambil berat soal hal ehwal rakyat terutama dari segi perumahan. Saya amat menyokong agar tabung khas untuk mereka yang tidak mampu ini dapat diadakan tetapi tabung ini bukan sahaja berfungsi untuk itu, tetapi ialah berfungsi untuk membolehkan mereka-mereka yang tidak layak

membuat pinjaman bank, ada suatu tempat yang ideal atau sesuai bagi mereka untuk memohon pinjaman agar mereka dapat menikmati rumah idaman mereka ya, selaras dengan kata-kata, rumah itu adalah syurga… syurganya, syurgaku.

Jadi oleh itu, saya menyarankan agar perkara ini dapat kita percepatkan setidak-tidaknya rakyat dapat manfaat yang lebih baik. Jadi untuk itu, saya lagi sekalilah merakamkan penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan bajet yang bagi saya betul berhemah, sebagaimana saya nyatakan tadi tetapi yang paling utama ialah menitikberatkan kesejahteraan rakyat. Jadi oleh itu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. [Ahli Dewan tepuk meja] Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Peramu Jaya. Saya jemput Cheka. Sila.

YB. DATO' INDERA FONG KOONG FUEE

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar yang kami sayangi. Saya suka juga mengambil kesempatan ini menyatakan rasa terharu dan terhutang budi kerana bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang cukup prihatin dan menepati cita rasa rakyat ramai. Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar telah melengkapkan bajet ini dengan sebaik mungkin, untuk meringan beban rakyat ramai terutama sekali golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya menyentuh isu-isu tempatan dalam DUN Cheka, saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhomat Dato' Sri Menteri Besar dan semua Ketua-ketua Jabatan Negeri atau Persekutuan kerana telah memberi sokongan dan kerjasama kepada saya sebagai ADUN Kawasan Cheka selama 22 tahun setengah ini. *Twenty two and a half years.* [Ahli Dewan tepuk meja]

Sebagi Wakil Rakyat dari kawasan luar bandar, memang menjadi tanggungjawab saya membangkitkan isu-isu kemudahan asas setiap kali di dalam Dewan Yang Mulia ini. Malu sekali senario kehidupan di kawasan perkampungan tidak boleh dibandingkan dengan pusat-pusat perbandaran. Bagi penduduk bandar, projek-projek pembangunan boleh berlaku dengan sendirinya tetapi di kawasan perkampungan rakyat terpaksa bersabar menunggu peruntukan dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya suka merayu dalam Dewan Yang Mulia ini, supaya Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar dapat terus memfokuskan tumpuan pembangunan kepada keperluan-keperluan asas dalam kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Semasa kempen pilihan raya tahun 2013, manifesto DUN, calon DUN Cheka telah menjanjikan sebuah balai raya di Kampung Baru Penjom tetapi sehingga hari ini, projek balai raya belum dapat digerakkan. Untuk mengelakkan tertimbulnya isu negatif

pada kempen yang akan datang, saya suka memohon budi baik Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar akan dapat mendahulukan permintaan pengundi dan penduduk Kampung Baru Penjom kerana mereka cukup dahagakan sebuah balai raya. Kos tak banyak RM150k sahaja.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bekalan air yang bersih dan mantap merupakan isu kritikal yang perlu diberikan tumpuan khusus untuk memastikan penduduk kampung sentiasa sihat dan segar. Walau bagaimanapun, saya tidak habis-habiskan menerima aduan dari penduduk Mukim Cheka 1, Mukim Cheka 2 termasuk Kampung Kerambit, Kampung Relai, Kampung Rentang dan beberapa kawasan yang berhampiran mengenai kerap berlakunya ganggunan bekalan air. Saya ingin memohon dan menyeru bagi pihak penduduk dan pengundi supaya isu gangguan bekalan air dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ketika musim hujan melanda, jalan yang melalui bawah jambatan kereta api bersebelah Sungai Lanar akan ditenggelami air dan ditutup kepada semua pengguna. Saya telah menerima permintaan daripada JKKK Kampung Kuala Lanar, memohon peruntukan sebanyak RM200,000 sahaja untuk meninggikan jalan sebanyak lima kaki. Jalan ini diguna pakai oleh penduduk Kampung Tanjung Menuang dan Kampung.... Kampung Tanjung Sekawin serta pelajar-pelajar MRSM ke masjid untuk mendirikan solat Jumaat.

Komuniti pengguna kampung dan pelajar MRSM sangat-sangat berharap permintaan mereka dapat ditunaikan secepat mungkin, sebaik-baiknya sebelum tiba musim hujan penghujung tahun ini. Oleh yang demikian, saya ingin menyampaikan permintaan mereka dengan harapan masalah jalan ditenggelami air itu, boleh diselesaikan dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan PIA dengan PIAS, telah dibekalkan kepada setiap ADUN Barisan Nasional sejak beberapat… beberapa tahun yang lepas. Akan tetapi peruntukan itu telah dihentikan pada tahun 2015. Ini menjejaskan perkhidmatan kami di kawasan terutama di kampung-kampung tradisional yang sentiasa memerlukan projek-projek kecil untuk membangunkan kawasan masing-masing. Saya amat berharap agar peruntukan tersebut dapat dihulurkan semula pada tahun depan iaitu 2018.

Dato' Yang di-Pertua,

JKKK Kampung Kuala Kenong telah membuat aduan dan bantahan terhadap kegiatan pembalakan dan perlombongan berhampiran dengan Taman Rimba Kenong. Kegiatan perlombongan dan pembalakan itu telah mendapat kelulusan dasar dalam Mesyuarat EXCO pada tahun 2007. Walau bagaimanapun projek itu mendapat bantahan penduduk tempatan kerana mencetuskan isu-isu pencemaran alam sekitar di Kampung Dusun, Kampung Selit, Kampung Matoh, Jeram Bungor atau Kampung Sibar dan Kampung Seberang Kenong. Kampung-kampung ini akan terus menanggung kerosakan alam sekitar termasuk pencemaran bekalan air dan menjejaskan industri pelancongan jika projek tersebut dibiarkan berjalan. Oleh yang demikian, saya bagi pihak para penghuni ingin merayu agar kawasan terbabit diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

Dato' Yang di-Pertua,

Ekoran perkembangan aktiviti perniagaan dan perindustrian di bandar baru Kuala Lipis, keadaan lalu lintas telah bertambah sibuk dan mengakibat… mengakibat kesesakan sepanjang masa. Buat masa ini, hanya terdapat sebuah jambatan sahaja yang menghubungkan bandar lama dan bandar baru Kuala Lipis. Untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dalam kawasan bandar baru, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri atau Persekutuan membina sebuah jambatan tambahan menghubungkan bandar lama dan baru dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Yang mat… Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dengan kata-kata di atas, saya memohon menyokong Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Cheka. Sila Yang Berhormat Ketari.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Salam sejahtera, terutamanya saya ingin merakamkan terima kasih ke atas memberi kesempatan se…saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2018 (2017), Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada pagi ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada 10 haribulan November 2017, kebanyakan kawasan di Bentong seperti Kampung Ketari, Sungai Marong dan Kampung Mengkali telah dilanda banjir kilat ekoran hujan lebat. Walaupun air telah surut dalam masa pendek, nampaknya… namun penghuni yang terjejas akibatnya terpaksa menjalankan kerja pembersihkan… pembersihan selepas itu. Saya telah meninjau ke kawasan yang terlanda banjir kilat. Saya mendapati bahawa longkang yang tersumbat dengan sampah sarap yang menyebabkan aliran air terganggu dan tidak mencukupi untuk menumpung… menampung air mengalir ke sungai, merupakan salah satu sebab utama yang mengakibatkan berlakunya banjir kilat.

Pada hari yang sama juga, pelajar keluar Bentong di lebuh raya Kuala Lumpur err… Karak turut berlakunya hujan lebat. Disebabkan hujan lebat, air yang terdapat di dalam sistem perparitan Kuala Lumpur ke Karak telah mengalir secara deras sepertimana pengaliran air terjun. Air yang tidak dapat mengalir telah menjadikan permukaan jalan bertakung er…bertakung dengan air.

Sekiranya hujan lebat tersebut tidak berhenti, nescaya akan berlakunya insiden yang tidak ingin… ingini sep… seperti tanah runtuh. Sebenarnya telah berlakunya beberapa insiden banjir kilat di kawasan Bentong dalam beberapa bulan yang lepas. Walaupun air telah surut… surut dalam masa pendek, namun insiden sedemikian telah mendatangkan kerugian kepada penghuni yang dijejaskan oleh banjir kilat tersebut. Sesungguhnya banjir kilat sedemikian adalah boleh dielakkan.

Saya ingin mencadangkan Kerajaan Tempatan untuk memastikan setiap longkang di kawasan Bentong adalah bersih mulai sekarang. Hal ini adalah untuk menjaminkan longkang yang berfungsi untuk mengaliran err… pengaliran air tidak tersumbat dengan sampah sarap. Langkah ini turut penting untuk memastikan aliran air tidak terganggu semasa berlakunya hujan lebat dan ini dapatlah mengurangkan risiko berlakunya banjir kilat.

Disebabkan kawasan pantai timur amat berisiko tinggi dalam berlakunya banjir, oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan Negeri untuk membuat segala langkah persiapan sebelum berlakunya banjir demi mengurangkan kerugian penghuni yang dilanda banjir. Saya berpendapat bahawa Jabatan Pengaliran dan Saliran perlulah memeriksa sama ada alat pengesan banjir masih boleh digunakan serta berfungsi ataupun tidak. Hal ini penting lantaran kegagalan alat pengesan banjir untuk memberikan amaran awal kepada orang awam akan menyebabkan rakyat tidak dapat beredar daripada kawasan banjir dalam masa singkat.

Pihak Kerajaan Negeri juga harus menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menangani banjir di setiap pelosok daerah Pahang. Sekiranya banjir melanda, jentera jawatankuasa tersebut bolehlah digerakkan serta merta untuk membantu mangsa banjir dan yang penting *hotline* dengan izin, turut harus diwujudkan dan disebarkan kepada…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Mohon mencelah.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

… rakyat mulai sekarang.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua mohon mencelah. Er… berkenaan dengan hujan lebat, memang dalam tahun 2017 ni kita mendapati bahawa hujan yang turun sangat lebat, luar biasa. Jadi apa yang dirancangkan selama ni, pembinaan longkang dan sebagainya untuk mengalirkan air, sebenarnya memang dibuat berdasarkan kepada keadaan hujan yang selama ni berlaku bertahun-tahun yang lalulah, tapi apabila hujan yang turun terlampau lebat hanya orang kata tak berlaku lagi hujan air batu jer.

Saya rasa apa yang dicadangkan oleh Ketari tadi, satu saranan yang baik tetapi masalahnya saya nak tanya Ketari, berapa kali sebagai YB Ketari, dia merancang dengan penduduk tempatan untuk membuat gotong royong pembersihan kawasan dia sendiri yang terlibat dengan masalah banjir kilat tadi? Dia, kalau setakat kita mengharapkan daripada Pejabat Daerah sahaja ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan sahaja, kita tak turun padang, kita sendiri tak meng… apa, tidak menghayati masalah rakyat, kita sendiri pun tidak bersama dengan rakyat.

Kalau benda tu telah dibuat beberapa kali tetapi tidak ada *respond* daripada rakyat hah… itu mungkin kita rasa… dapatlah pihak jabatan… sebab apa setahu sayalah, tempat-tempat yang terlibat dengan masalah macam ni, kalau kita bersama-sama dengan jabatan menganjurkan satu perkara, saya rasa tak akan timbul masalah yang disebut tadi. Saya nak tanya berapa kali dia melakukan er… aktiviti gotong-royong perdana ke, kutip sampah ke, buang er… tebuk semula longkang tersumbat ke, dalam kawasan. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih er… Wakil dari Pulau Pandan… Manis. Er… Pejabat saya telahpun banyak kali mendapat er… aduan tentang er… apa itu longkang yang sumbat tapi saya segera buat aduan kepada pihak tertentu kerana ini adalah kerja er… maksu… apa itu… er… Alam Flora. Jadi saya er… mainkan peranan saya yang… dah cukuplah saya rasa dan saya pun dah buat… jika tidak silap dua kali gotong-royong di kawasan saya… *okay*. Jadi er… saya akan teruskan er… ucapan saya.

Talian penting *hotline* dengan izin, turut harus diwujudkan dan di… disebarkan kepada rakyat mulai sekarang untuk memastikan bahawa setiap rakyat mengetahui talian tersebut. Jikalau berlakunya banjir, makan masa, mangsa banjir bolehlah menghubungi talian tersebut yang dipegang oleh jawatankuasa khas. Hal ini dapat mempercepat usaha membantu mangsa banjir selain membolehkan jawatankuasa khas tersebut memperoleh maklumat terkini mengenai banjir.

Saya turut mencadangkan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti lokasi pusat pemindahan banjir yang bersesuaian di setiap daerah Pahang mulai sekarang. Usaha awal ini boleh menjamin keperluan penginapan adalah dalam keadaan baik dan semua mangsa banjir boleh memperoleh bekalan makanan dan masa terdekat. Langkah-langkah sedemikian adalah penting dalam usaha menang… menenangkan hati mangsa banjir. Dipercayai bahawa langkah yang tersebut di atas dapat membantu untuk mengelakkan daripada berlakunya banjir sekiranya Kerajaan Negeri dapat melaksanakan cadangan yang diutarakan tadi, nescaya Kerajaan Negeri dapat mengelakkan usa… er… menggerakkan usaha menangani banjir dalam kadar segera sekiranya berlakunya banjir pada masa yang akan datang.

Keduanya, menurut video area oleh Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam Malaysia (PEKA) yang di… yang didedahkan pada bulan Julai tahun ini, telah berlaku kat… berlakunya pembalakan hutan yang serius di beberapa kawasan Bentong. Insiden ini telah mendatangkan impak yang besar terhadap alam sekitar sekelilinginya, malah tindakan pembalakan hutan yang ber… berskala secara besar-besaran turut mungkin akan mengakibatkan berlakunya banjir pada masa hadapan.

Selepas pendedahan video area tajuknya ‘Bentong semakin gondol’, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menjelaskan bahawa aktiviti tersebut… aktiviti tersebut hanya melibatkan tanah persendirian dan tanah tersebut telah dibersihkan demi tujuan penanaman semula. Persoalannya adalah ini bermakna bahawa penebangan pokok mahupun pembela… pembalakan hutan berskala besar-besaran adalah dibenar sekiranya hanya membabitkan tanah persendirian.

Adakah pemilik tanah persendirian tersebut telah memperoleh kelulusan daripada Pihak Berkuasa sebelum menjalankan aktiviti sedemikian? Sebelum memulakan usaha penanaman semula, adakah golongan pemilik telah menjalankan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling? Adakah semua pemilik ini mengikut prosedur operasi standard untuk menjalankan aktiviti penanaman semula? Kesemua persoalan yang dibangkitkan di sini haruslah dijawab terdahulu. Menurut gambar ini [Ahli Dewan tunjuk gambar] ini yang dikeluar oleh PEKA di er… pada bulan Julai. Ini… ini di dalam kawasan Bentong…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak mencelah sikit. Tanah ini tanah siapa? Tanah Kerajaan ke tanah tu… milik…

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Mengikut…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Persendirian?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih. Mengikut er… JPSM ini tanah persendirian.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tanah persendirian, kita tak boleh nak buat apa lagi. Dia dah sampai masa untuk menanam semula, dia tanam semulalah. Yang Berhormat nak cadangkan apa? Kita tahan jer, jangan orang tu tanam semula. Boleh kita bagi tahu tuan tanah, ADUN Ketari aha... boleh, tapi takut kalah undilah besok.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Okey. Saya… saya teruskan. Menurut gambar ini tidak kiranya aktiviti pembalakan pokok mahupun usaha penanaman semula, kedua-dua tindakan tersebut adalah tidak boleh diterima. Lantaran pembalakan hutan secara besar-besaran ini bukan sahaja akan merosakkan alam sekitar malah mungkin juga akan memusnahkan kawasan tadah... tadahan air di atas bukit tersebut…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya tanah ni diluluskan sebelum kita merdeka lagi. Kawasan mana itu YB, lebih kurang, dalam Bentong? Lentang? Kalau Lentang ini [berdehem] memang tanah sebelum merdeka lagi. Kebanyakkannyalah orang-orang cina dan er… ramai orang dari Kerinci, Indonesia dan juga orang dari Sumatra. Kalau orang melayu tapi sebagaimana biasa orang melayu ini dia dapat tanah dia juallah. Jadi asal itu orang cina dapat, sama ada mereka beli atau pun mereka memang telah diberikan oleh pihak Inggeris. Jadi kalau melulus itu bukan… bukan kita melulusnya, Kerajaan British sebelum merdeka lagi. *You check* geran tanah, mesti *pre nineteen fifty seven* lah dengan izin. Kita tak boleh nak buat apa lagi dah, kalau tanah-tanah persendirian, tanah dia dah tua, dia nak tanam semula, tak kan kita nak tahan.

Macam, contoh baru-baru ini timbul di Merapoh sebagai contoh, saya patut boleh jawab dalam tapi er… tapi elok jawab sekarang. Merapoh itu, tanah itu diluluskan kepada LKPP untuk buat ladang sebagainya tahun 1992. Saya masa itu jadi EXCO, saya tak tahulah tanah itu lulus sebenarnya untuk LKPP, sekarang ini PKPP. Jadi bila nak buat ladang sekarang ini haa… maka Sharifah Sabrina pun datang buka itu… ini semua. Sharifah hari itu kita ajak dia apa ini… untuk berdialog, tak datang pulak.

Jadi itulah… jadi bolehlah Yang Berhormat Yang di-Pertua, biarlah Ahli daripada Ketari ini, dia pun kalau datang mari tak bercakap nanti besok, kot pilihan raya dah dekat ini kot kalah pulak. Jadi kalau bercakap-cakap itu mungkin kot dia boleh menang lagi, tengok keadaanlah. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih pihak kerajaan. Saya teruskan er… ucapan saya, saya akan berlaku jika er… hal ini teruskan nescaya akan berlakunya bencana alam seper… seperti tanah runtuh dan banjir. Sekiranya aktiviti pembalakan hutan secara besar-besaran terus dijalankan sebegini. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan Negeri tidak akan memberikan kelulusan ataupun lesen pembalakan hutan di kawasan Bentong bermulai sekarang.

Garis panduan yang lebih ketat harus ditetapkan mulai sekarang untuk memastikan bahawa segala aktiviti penanaman semula pada masa depan tidak akan mendatangkan impak besar terhadap alam sekitar. Langkah ini turut boleh menenangkan hati para warga Bentong yang khuatir terhadap segala aktiviti kemanusiaan ini yang mungkin mengundang bencana alam.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya, Projek Rangkaian Rel Pantai Timur *(ECRL)* dengan izin yang mene… yang menelan perbelanjaan sebanyak RM55 juta… RM550 juta telah dimulakan kerja pembinaan beberapa bulan yang lepas. Rangka tindakan bagi seluruh projek turut dipamerkan di Pejabat Tanah Daerah yang terlibat. Menurut rangka tindakan projek tersebut rangkaian rel terse… tersebut akan meliputi Bentong dan kawasan yang terlibat adalah amat luas. Tanah yang akan diambil alih turut amatlah banyak dan di… ini… termasuklah tanah sekitar Kampung Baru Bukit Tinggi serta Kampung Baru Sungai Dua.

Menurut maklum balas penghuni kawasan tersebut, mereka masih belum menerima sebarang surat rasmi daripada Pihak Berkuasa berkenaan dengan tindakan pengambilan… pengambil alih tanah tersebut walaupun rangkaian tindakan projek jelas menunjukkan bahawa tanah mereka akan diambil alih. Hal ini menyebabkan penduduk kawasan tersebut berasa khuatir dan bimbang lantaran tanah yang dibabitkan mungkin merupakan salah… satu-satunya sumber pendapatan mereka dan sekiranya tanah mereka diambil alih, maka masalah rezeki akan timbul.

Sehubungan dengan itu, saya menyeru pihak kontraktor ataupun Kerajaan Negeri untuk berjumpa serta berkomunikasi dengan kesemua pemilik tanah yang akan dijejaskan oleh tindakan pengambilan… pengambil alih tanah. Hal ini penting untuk membolehkan mereka bersedia dari segi mental serta membuat perancangan demi masa depan. Keempatnya, boleh didapati bahawa wujudnya banyak tempat ibadah agama di seluruh Negeri Pahang. Selama ini keberlangsungan tempat ibadah agama seperti majlis… masjid dan tokong adalah disokong oleh penganut agama masing-masing dengan memberikan derma demi menampung kos perbelanjaan dan menye.. menyelenggaraan. Sesungguhnya seringkali berlakunya insiden dimana tempat ibadah agama mengalami masalah kewangan kerana kos selenggaraan adalah amat tinggi.

Oleh itu, saya menggesa Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan dana tahunan kepada semua tempat ibadah agama. Hal ini penting untuk meringankan beban kewangan demi memastikan kelangsungan tempat ibadah agama bagi semua rakyat negeri Pahang. Akhir sekali, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan GST dengan izinnya pada April 2015.

Sejak pelaksanaannya, beban rakyat telah ditambahkan dan hidup mereka semakin terhimpit oleh GST ini. Walaupun pelaksanaan GST tidak tergolong didalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, namun saya percaya bahawa Kerajaan Negeri masih merupakan untuk meringankan beban rakyat dalam hal ini. Oleh itu saya mendesak Kerajaan Negeri Pahang untuk belajar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Johor ataupun Sarawak yang mengen... mengecualikan bayaran GST dalam urusan pihak Kerajaan Tempatan untuk meringankan beban rakyat dan terhimpit oleh GST dalam kehidupan seharian mereka.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak bertanya kepada Wakil daripada Ketari, yang himpit ni untuk rakyat yang berpendapatan rendahlah? Ke macam mana?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Berpendapatan rendah. Yang Berhormat Yang di-Pertua, sebab itulah kerajaan memberikan BR1M (Bantuan Rakyat 1 Malaysia). Tujuan kerajaan memberi BRIM ini sebenarnya adalah *rebate* kepada GST, kepada mereka yang berpendapatan RM4,000 ke bawah. Kita jangan ingat bahawa BR1M ini adalah merupakan bonus, bukan, kerana duit yang dikumpulkan ataupun yang dapat daripada GST tadi, diberi balik kepada mereka yang berpendapatan RM4,000 ke bawah ataupun purata pendapatan RM48,000 setahun.

Seorang penerima BR1M, dia akan menerima sebanyak RM1,200 satu keluarga. Jika sekiranya kita er... kiraan RM1,200 itu, kita… kita kira balik nilaian GST sebanyak RM1,200, setiap keluarga itu mempunyai kuasa beli sebanyak RM20,000 setahun. RM20,000 setahun bagi mereka yang pendapatan RM4,000 ke bawah. Beras tak kena GST, ikan tak kena GST, pergi Pekan Sehari tak kena GST, sayuran tak kena GST.

Barang-barang yang kena GST, macam kalau Yang Berhormat beli *tie* tu kenalah GST dan kita kena faham kenapa Kerajaan buat GST. Kerajaan nak buat GST kerana… kerana terlalu banyak semasa dilaksanakan SST ya, terlalu banyak penyelewengan terutama sekali apa yang kita katakan sebagai *black economy* ya.

Sebagai contoh, kalau dulunya seorang pengimport bahan, mengimport bahan, sebelum GST mengimport bahan dari luar negara sebanyak 10, 10… katalah 10 buah ataupun 10 tan, mereka hanya akan *declare* sebanyak 5 tan, 5 tan lagi dia tidak *declare*, di mana ini yang disebut sebagai *backyard business* ataupun perniagaan di… di luar apa namanya di… di... di belakang rumah tetapi dengan kita mengenakan GST maka apa akan jadi? Maka pengimport tadi terpaksa *declare* 10, 10 tan tersebut.

Kalau dia *declare* 5 dia hanya akan dapat 5 tetapi dia kena ambil 10 kerana apa? Kerana kemudian dia akan dapat *rebate* balik daripada *declaration* yang dibuat. Kalau sekiranya dia tidak *declare* maka kerajaan akan hantar… balik. Kemudian berterusan, berterusan hinggalah kepada pengguna.

Jadi, sebab itulah Yang Berhormat Yang di-Pertua, tujuan diadakan GST ini adalah untuk kita mengemaskini cukai kita di Malaysia ini. 170 negara yang laksanakan GST, satu negara pun, tak ada pun dia batal balik kemudian dia… dia apa namanya dia batal balik dan kemudian dia tukar kepada SST. Maksudnya penjelasan yang saya nak bagikan kepada Wakil daripada Ketari bahawa BR1M yang kita terima RM1,200 kepada mereka yang berpendapatan dua… RM4,000 ke bawah sebulan ataupun RM48,000 setahun ini, sebanyak RM1,200 nilaian belian yang boleh dibeli adalah sebanyak RM20,000 setahun kepada penerima-penerima BR1M, kerana duit ya, duit yang kita kutip daripada GST jugalah diberi balik kepada penerima-penerima BR1M.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kadang-kadang ya, pihak pembangkang mereka memutarbelitkan ataupun mereka mungkin mereka tidak faham sebenarnya sistem ya GST ini dan malah kita adalah di antara yang ter… terendah sekali. Jadi maksudnya apa? Maksudnya ketika kerajaan melaksanakan GST ini, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang telahpun melihat secara keseluruhannya dengan izin Yang Berhormat Dato' Sri ya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar perkataan sekarang *holistic* secara *holistic* secara menyeluruh

Dimana patut di bantu, di mana patut di... di... di apa di... dikenakan cukai dan sebagainya dan walaupun ya, walaupun, pengguna akan kena, tetapi kita kena ingat bahawa kalau dulunya syarikat tersebut, dia akan hanya *declare* cukai untuk 5 saja barang yang diimport sebagai contoh, sebab hasil daripada barang yang diimport dibuat apa namanya… ini barang yang siap, maknanya hanya 5 tan saja nilaiannya untuk eks... untuk dia bayar cukai tetapi sekarang kerana GST dia terpaksa bayar 10 dan sudah tentulah pengeluarannya akan lebih bertambah dan kerajaan akan kenakan *tax* pada dia atau cukai kepada syarikat tersebut. Jadi inilah sebenarnya putaran ya pelaksanaan GST. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Terima kasih penjelasan daripada Pihak Kerajaan. Memang BR1M ini adalah salah satu polisi yang baik er... membantu orang miskin tetapi jika Kerajaan Negeri Pahang boleh mengecualikan bayaran GST dalam urusan Pihak Kerajaan Tempatan, ini adalah lagi baik kepada rakyat yang yang tidak mampu ya, apa tu *tax* tersebut. Itu sahaja ucapan saya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Ketari. Sila Yang Berhormat Tras.

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin merakamkan terima kasih kerana memberikan kesempatan saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang pada hari ini bersamaan hari Selasa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi negeri... negeri Pahang pada tahun 2018 diramalkan sederhana dan belum mengikut tema Bajet Negeri iaitu mengurus mengikut kemampuan yang ada dan juga menjaga kebajikan rakyat. Anggaran hasil sebanyak RM700.6 juta dan manakala perbelanjaan ialah RM700 juta. Walau mendapatkan sebajet lebihan, oleh kerana ekonomi tidak menentu, biarlah berwaspada dan menguruskan untuk mencapaikan dengan izin *value for money*, belanja sebaik-baiknya sejak krisis kewangan global.

Persekitaran ekonomi yang lembab serta pertambahan pekerjaan yang agak rendah, di negara... di negara kita telah menunjukkan kadar pengangguran ke… keseluruhan pada 3.1% atau persamaan hampir satu juta rakyat Malaysia dalam keadaan pengangguran dan manakala nisbah belia dengan orang dewasa ialah 1:3. Jadi di sini pihak Kerajaan Negeri berharap dapat mengambil langkah-langkah untuk dapat mengurangkan kadar pengangguran yang semakin er… meningkat. Pihak Kerajaan Pusat telah memperkenalkan skim insurans pengang… pengangguran merupakan satu perlaksanaan ibarat *break* kereta supaya semasa para pekerja walau dalam keadaan pengangguran, status ekonomi dan tahap sara hidup keluarga masih boleh dipertahankan seperti biasa dan mempunyai enam hingga satu tahun er… sebagai masa *buffer zone* untuk mendapatkan er… pekerjaan baru. Maka kutipan hasil cukai negeri boleh *top* sedikit pun untuk berhubung dengan *contacts* ini bahawa boleh memberi sedikit sebanyak kelonggaran meluluskan lesen sementara untuk er… menjaja, meluluskan tanah tol er… [TOL] untuk bercucuk tanam atau memberi subsidi untuk menceburi sektor pertanian dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Digital ekonomi perlu didorong oleh pihak Kerajaan Negeri supaya dapat dilaksanakan dengan tahap program kesedaran er… seterusnya merancangkan program-program berhubung dengan er… digital ekonomi. Dengan ini rakyat akan dapat mengambil bahagian dan bergiat dalam bidang ini. Dalam konteks ini rakyat sekiranya dapat perkhidmatan jalur lebar yang pantas lagi konsisten dengan harga yang berpatutan ia dapat memajukan bidang digital ekonomi.

Antara mereka yang boleh menceburi dalam bidang ini seperti *online* e-Dagang, e-Khidmat, *e-Tuition*, *e-Education* dan sebagainya. Satu revolusi dan landskap baru akan diwujud dengan digital ekonomi ini kerana ia mengubahkan lanskap SME sama ada kepada tahap nasional atau *under provision level* atau terus sehingga er… sehingga tahap monopoli. Ia dengan konsep pantas, kuat akan menjadi semakin kuat, yang dan lemah, dia akan er… tidak er… boleh bersaing lagi. Jadi maka ini menggugat landskap ekonomi negeri yang se… sedang membangun.

Kita perlu fikirkan satu meka… mekanisme untuk yang baik, untuk menghadapi antara sebagai contoh perlukan ada *resources integration* dengan izin dengan adanya koordinasi antara pihak yang terlibat. Sama-sama akan mendapat [batuk] skop perkembangan dan juga untuk mengurangkan pembaziran dan untuk mengelakkan daripada pertempuran yang sengit dan merugikan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti pertanian merupakan satu kegiatan yang paling penting untuk mengatasi masalah pengangguran dan juga sebagai satu *buffer zone* penggerak tenaga err… penganggur… penganggur untuk menyara kehidupan seharian. Dalam bab ini pemuda-pemudi yang susah dan masih belum mendapat pekerjaan ia boleh menuju

ke bidang pertanian mencari rezeki masing-masing, sambil membangunkan ekonomi negara. *[batuk]*

Ia akan menjadi satu cara yang baik untuk membina semangat jati diri, menanam semula keyakinan seseorang pemuda-pemudi dengan adanya kegiatan yang sihat setiap hari. Melalui kegiatan pertanian ini mereka tidak membazirkan masa dan juga tenaga bersiar-siar di tempat yang tidak berhasil. Dalam bab ini pihak Kerajaan Negeri dapat memainkan peranan yang penting sebagai penggerak atau er… *fasilitator* kepada mereka. Sediakan… sedia memberi tolongan… dan pertolongan kepada mereka pada tahap permulaan. Jadi mereka dapat ada satu peluang untuk mengumpulkan pengalaman hasil pendapatan sedikit demi sedikit lama juga ia akan boleh menjadi satu petani yang moden dan produktif.

Aplikasi ini sesuai dalam semua peringkat kerana industri pertanian ini sesuai sebagai satu sektor *reserved* hasil pendapatan kepada mana-mana pihak mahupun perse… perseorangan. Ia bermula dengan skala kecil, percubaan, lepas itu boleh menjadi program sesebuah keluarga mengusahakan bidang yang lebih besar dan akhirnya akan jadi satu hasil pendapatan *reserved* dan simpanan yang boleh menangani perbelanjaan serta sara hidup yang semakin meningkat.

Ia merupakan satu agenda terlepas dari bahannya bergantung kepada satu hasil pendapatan sahaja maka cara sistem pertanian dapat dimaju dengan cara moden dan kondusif. Ia akan dapat menjana hasil pendapatan sampingan dan stabil dan juga besar, ia tidak er… tidak mengganggu ataupun kacau sebagai satu pendapatan seorang guru atau pegawai atau… atau Bahasa Inggeris dengan *it just additional sub income, no harm* tak ada salah. [batuk]

Dalam jangka masa panjang, satu laporan dari negara luar bahawa menyatakan pertumbuhan er… penambahan jumlah er… bilangan manusia sedunia telah berlipat ganda jika dibanding dengan kadar kematian, tetapi kadar pembekalan makanan sedunia tidak begitu ketara dan krisis kekurangan makanan sedunia semakin ketara. Ia masih dan masih mempunyai negara yang berkurang nasib baik yang rakyatnya yang diancam dalam kelaparan. Jadi, maka kita boleh bersiap sedia dan juga untuk menambah hasil pendapatan melalui cara pertanian adalah menang-menang situasi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Semangat berdikari dan sentiasa berusaha dalam keadaan yang baik, yang tidak gagal, adalah sangat penting, umpamanya kata dari satu ayat *Art Of World… Art Of War* [sebutan dalam Bahasa Cina] dengan izin [sebutan dalam Bahasa Cina]. Maksudnya kita akan berhadapan cabaran dan pertempuran, maka pastikan siapkan segala alatan keadaan senario dan faktor yang boleh memenangkan kita dalam keadaan yang sentiasa bersiap sedia dan penuh keyakinan boleh diaplikasikan dalam apa jua bidang. [batuk]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Akhir sekali, cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Tempatan boleh merancang penempatan dan susunan semula kepada kilang-kilang pencemaran dan juga gangguan bunyi yang kuat seperti di jalan Lipis-Sempalit. Walaupun dia… ia dirancang sebagai kawasan industri ringan tetapi kawasan itu sangat berhampiran dengan sekolah, rumah kebajikan, tempat beriadah. Terdapat kilang proses er… terdapat kilang papan memproseskan serbuk gergaji kayu dan ia membara siang dan malam menyebabkan habuk hitam berterbang merata-rata tempat. Jadi semua ini

menjadi ganggu, kacau bilau kepada kehidupan seharian. Jadi rakyat tiada halangan memajukan kawasan perindustrian ringan tersebut tetapi aplikasi yang lebih mesra kepada alam persekitaran dan lestari hidup perlu diamalkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Selain kawasan dekat bandar DUN Tras, kawasan pedalaman juga ada permintaan seperti kawasan Asli Kenong, kawasan Asli di Tranom masih banyak perlu dibantu seperti menaik taraf jalan yang sedia ada, membaiki hakisan tanah, bantuan sara hidup dan penaiktarafan kesi… kemudahan kesihatan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pemantauan ke atas kilang-kilang yang gulung tikar perlu diperhatikan juga seperti kilang Australia Gold Mine Sendirian Berhad yang mana masih terdapat timbunan kelodak sisa-sisa pembuangan yang mempunyai campuran sebatian kimia [batuk] seperti kimia berbahaya *cyanide*, sulfur asid. Unsur atau sebatian ini masih boleh menghasilkan bau sengit yang tidak menyenangkan orang kampung di persekitaran kampung Bukit Koman, Kampung Basoh. Manakala kolam yang digunakan sebagai air kitaran juga boleh menjadi pencemaran air di bawah tanah jika tiada kawalan yang rapi. Maka pihak Kerajaan Negeri boleh er… memberi perhatian dan juga memantau untuk memberi satu laporan yang lengkap kepada rakyat supaya mereka rasa selamat dan hidup berlestari.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya berharap aduan dan cadangan boleh ditimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan dapat dirasakan demi kebaikan rakyat dan memajukan negeri. Dengan kata itu, [batuk] sekian terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Tras. Sila Yang Berhormat Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Pertamanya saya mohon izin untuk bersama-sama berkongsi pandangan dan juga barangkali untuk menyampaikan suara rakyat di kawasan saya.

Pertamanya, berhubung dengan er… bajet. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menjelaskan kepada kita dengan gambaran bahawa er… Pahang antara negeri yang mempunyai perbelanjaan berhemah dan kita percaya walaupun dari segi angka bukan angka yang kita perlukan di sini tetapi ialah apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai perkara di mana Kerajaan Negeri boleh mengurus dengan apa sumber yang ada dan dalam keadaan tidak akan mengabaikan kebajikan rakyat. Ini saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan er… Kerajaan Negeri Pahang kerana er… telah pun memonopolikan berjaya untuk menguruskan Perbelanjaan Bajet secara pendekatan negeri Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, kita kena ingat bahawa walaupun dari segi perbelanjaannya yang bajet ini adalah mengenai hasil, mengenai perbelanjaan, mengurus perbelanjaan emolumen dan sebagainya, tetapi ada lagi pihak-pihak yang sebenarnya bersama-sama negeri Pahang memajukan dan ini dapat kita lihat bahawa pembangunan di negeri Pahang tidak dapat tidak, terus berlaku dan semakin agresif. Ini yang kita banggakan bahawa sebenarnya sebagai rakyat negeri Pahang kita cukup yakin dan percaya bahawa sekira diteruskan maknanya Pahang tidak akan ketinggalan dalam negara kita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya melihat baru-baru ni begitu juga dengan bajet yang telah pun dijelaskan atau di peringkat Persekutuan rata-rata berkebanyakannya berkisar tentang bagaimana untuk menangani masalah-masalah yang berlaku. Sebagaimana yang kita tengok antara er… perkara-perkara yang menjadi idaman rakyat di sini, bagaimana perumahan dan ramai juga yang bercakap bahawa kalau boleh di mana yang penting pada kita, bukan sahaja sebagai gambaran bahawa kita dapat menyediakan perumahan, tetapi hingga akhirnya bahawa pinjaman untuk membiayai perumahan ini juga dapat digunakan, dimanfaatkan oleh rakyat. Begitu juga dengan… kalau perlu kita lihat dalam keadaan sekarang ini harga rumah perlu dikawal, bahawa pembangunan ataupun kebanyakan rumah perlu dalam nilai yang mampu rakyat, RM150,000 ke bawah dan sebagainya.

Semalam pun, kita dapat lihat dalam Berita Harian jelas menunjukkan bahawa berlaku berlambakan er… aset-aset dan premis yang bernilai juta. Jadi, jika itulah yang berlaku bermakna kita tumpu kepada yang er… bajet perumahan, yang nilainya mempunyai kemampuan untuk rakyat RM150,000 sebagaimana yang dibuat PR1MA Pahang dan juga Rumah Makmur. Saya ucapkan tahniah. Begitu juga dari segi beberapa perkara dalam hal pekerjaan, ramai yang minta supaya kita dapat menilai dan kerajaan persekutuan juga, Kerajaan Negeri bersama-sama.

Hari ni telah dijelaskan bahawa er… Kerajaan Negeri menyahut bahawa kalaulah itu yang berlaku, bonus ataupun imbuhan kepada pekerja-pekerja juga dalam negeri Pahang tetap berlaku, dan ada yang berkata bahawa sekarang ni sudah sampai ke peringkat bahawa kita bekerja bukan dengan imbuhan untuk 12 bulan tetapi kita bekerja untuk imbuhan untuk 13 bulan. Bulan ke 13 itu, kena ada. Ini yang nampaknya er… dapat kita lihat dan itu sebab kenapa berlakunya pemberian BR1M, berlakunya pemberian bonus dan seumpamanya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Pada saya, apa yang juga dikaitkan ni, juga membawa pengertian er… tentang di sinilah untuk maksud menyampaikan hasrat dan juga perkara-perkara yang berlaku di kawasan. Er… saya mempunyai kebanyakannya peratusan yang sangat tinggi berhubung dengan FELDA. Selalu kerap kali saya bercakap tentang pembangunan perumahan generasi baru, tetapi dalam keadaan sekarang ini, bahawa apabila peneroka telah mencapai usia di antara 60 ke 70, ada yang 80 tahun bermaknanya peringkat ini telah pun sampai ke peringkat generasi kedua dan ketiga mengambil alih. Tanah-tanah FELDA ini, salah satu daripada perkara yang dapat lihat kehendaknya iaitu menyelesaikan masalah wasiat, dan juga perwarisan di FELDA, dan inilah yang berlaku dan kita mempunyai halangan… bukan halangan ya, ini mempunyai er… di mana dalam keadaan FELDA mempunyai Akta Sekatan dan sebagainya yang menguruskan er… perwarisan ini di bawah GSA dan sebagainya.

Isunya, dalam era perwarisan umpamanya di mana generasi sepatutnya sekarang ini, di mana pewarisan ini diletakkan dua nama… penama tetapi dalam keadaan lain ada dua perkara di sini iaitu untuk menamakan waris dalam status er… geran yang akan diwariskan pada generasi berikutnya, dan yang kedua iaitu isu yang kedua iaitu pembahagian hasil-hasil di kalangan keluarga ataupun generasi, sebab mereka ni bila masuk ke generasi ketiga lagi pula, itu sebab kita takut nanti jika tidak di…diuruskan dengan sebaiknya akan berlaku juga er… di mana kedudukan er… hasil tak dapat diberi dan pertikaian di rancangan er… di antara mereka sesama waris anak-anak generasi kedua dan ketiga dan sebagainya dan begitu juga dengan keadaan lain.

Saya mempunyai berpendapat bahawa perkara ini mungkin sebahagiannya boleh diselesaikan dengan melantik Pihak-pihak Amanah umpamanya Amanah Raya sebagai agen menguruskan harta pusaka er… peneroka melalui Konsep Hibah atau melalui Konsep Wasiat atau bersekali dengan Wasiat dan Hibah. Sebab er… perkara yang ini perlu kita lihat, melalui wasiat umpamanya kita dapat lihat bahawa er… yang berlaku tak dapat selesai bahawa kena ingat dalam Islam ni, pun begitu juga. Bila diwasiatkan tetapi pembahagian harta itu tak sampai ke tangannya, masih lagi dalam konsep er… tidak amanah ini dan akhirnya berdosa sepanjang-panjang diwarisi hasil.

Ini yang kita bimbangkan bahawa kalau boleh dalam keadaan ini bahawa bolehlah dia menggunakan pendekatan hibah yang boleh er… yang boleh merek… melepaskan diri orang yang diwarisi ini untuk er… menyelesaikan er… tanggungjawabnya. Sebab sebagai contoh bahawa kalau kita melantik Amanah Raya umpamanya, mereka ada pendekatan untuk pembahagian hasil. Selama hari ini peneroka diberikan hasil kepada Ketua Blok ataupun kepada Pengurus dan kepada Ketua Blok. Kita bimbang takut-takut besok Ketua Blok pening ha, dia ambik duit peneroka ni, dan saya rasa tak tahulah itu kalau kemungkinan, sebab kadang-kadang bila waris duduk di luar dan sebagainya, akhirnya er… tunggu waktu raya dan tunggu masuk *bank in, bank in* tidak, tetapi kenapa tidak kita terus salur kepada pihak yang mempunyai kepentingan, pihak-pihak *trustee* ini, dengan izin, boleh menyalurkan pembahagian.

Itu satu dari segi pembahagian hasil, dan satu lagi perkara iaitu untuk menamakan er… pentadbir seterusnya yang boleh dan… er… kita bimbang inilah yang berlaku tapi kita dapat lihat bahawa contohnya kalau lah GSA mempunyai sekatan tetapi kenapa FELCRA boleh, FELCRA juga er… GSA. Jadi er… ini antara perkara-perkara yang saya fikir perlu difikirkan. Dan er… yang seterusnya dari perkara yang saya nak bangkitkan di sini bahawa ini adalah rayuan ya. Baru-baru ini FELDA telah bersetuju untuk pembayaran u-hasil usaha daripada peneroka ini dibayar sebanyak dua kali sebulan terutama bagi yang tidak melalui *Technoplant* dan sepatutnya bayaran ini akan berlaku pada… kalau hasil itu dia keluarkan sehingga daripada 1 haribulan hingga ke 15 haribulan, dibayar pada hujung bulan, itu yang pertama.

Yang kedua berikutnya, 16 ke 30 haribulan dibayar pada bulan berikutnya, sebelum 16 haribulan yang berikutnya, bermakna dua kali pembayaran tapi ada juga, ada ya, saya tak kata bahawa er… perkara ini sebenarnya telah diselesaikan, sebahagiannya memang telah berjaya diselesaikan tapi ada kawasan-kawasan yang masih lagi tak ada… tak dapat bayaran 2 kali sebulan, sebagaimana yang disyaratkan. Ini akan menyebabkan isu-isu kerana mereka berdekatan, mereka akan melihat bahawa kenapa FELDA di kawasan ini boleh, di kawasan ini er… tak dapat diselesaikan.

Saya mencadangkan bahawa dalam keadaan ini, bahawa kalau bolehnya, bahawa diseragamkanlah ya… diseragamkan, bahawa kutipan pembayaran dan sebagainya diseragamkan ataupun juga boleh kita mintak supaya bayaran ini dibayar terus oleh FGV sebab FGV yang er… yang menerima hasil dan membeli hasil. Ini kalau ini

berlaku boleh kita cadangkan juga er… melalui Jawatankuasa Persefakatan Bersama atau JCC FELDA, bermakna tidak lagi kepada FELDA, FELDA akan er… simpan duit tu untuk pembayaran dan kemudian dibayar balik semula kepada peneroka. Jadi, ini antara perkara-perkara yang saya lihat bahawa dua perkara berkaitan dengan peneroka er… FELDA yang selalu dibangkitkan di kawasan saya.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Satu perkara lagi berhubung dengan pendidikan, saya berminat untuk bercakap dalam urusan pendidikan sebab di kawasan saya terdapat UiTM. Dulu satu peringkat dulu er… *student,* pelajar-pelajar di UiTM Jengka hampir mencecah 9,000 dan pernah di Dewan inilah saya bangkitkan bahawa kesannya lambakan ataupun er… pelajar-pelajar mahasiswa ataupun siswa-siswa ini tidak mempunyai perumahan dan akhirnya ramai yang datang untuk membina rumah dan sebagainya di kawasan Jengka. Ini satu perkara yang berjaya membangunkan er… penduduk di bandar Jengka tapi dalam keadaan lain bahawa satu sekarang keadaan sekarang ini di mana er… student telah dikurangkan kerana er… untuk memberi peluang kepada rakan kita di Raub untuk er… untuk *student-student* ini ditempatkan di UiTM er… di Raub, ya.

Saya menca… melihat keadaan ini ada kaitan dengan er… dipanggil er… dipanggil sebagai apa… apa benda tak ingatlah, ya. Apa er… Destini Anak Bangsa, ya mintak maaf, ya. Program Destini Anak Bangsa ini sebenarnya baik untuk UiTM. Di mana boleh menambah sebab dalam keadaan boleh menambah *student-student*, pelajar-pelajar UiTM juga dalam satu peringkat dia membantu bagi peluang-peluang pelajar-pelajar yang er… kurang berkemampuan untuk belajar. Jadi, ini boleh er… boleh melihat bahawa cadangan saya kalau bolehlah isu ini sekarang bahawa jika boleh di Jengka dijadikan pusat untuk Destini Anak Bangsa. Dengan ini menambahkan jumlah pelajar-pelajar dan juga boleh menambahkan bilangan pelajar sebab dari segi kampus di UiTM mempunyai kemampuan kapisiti tapi oleh kerana sekarang ini tinggal lagi er… jumlahnya dalam 4,000 atau 5,000 sedangkan dia ada 5,000 orang lagi yang boleh diletakkan di situ jadi menampakkan bahawa er… kekosongan premis-premis atau tempat pelajar-pelajar ini mempunyai peluang untuk belajar.

Untuk Destini Anak Bangsa ini boleh mengambil peluang pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan belajar di sini. Kita faham dari segi kekurangan peruntukan dan sebagainya, tapi kita berharap bahawa Kerajaan Persekutuan dapat melihat bahawa inilah caranya untuk er… memaksimumkan pelajar di UiTM dan dalam waktu yang sama er… boleh menolong pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan er… di er… kurang berkemampuan di… untuk melanjutkan sebagai peluang kedua di mana oleh kerana faktor-faktor kekurangan peruntukan, dia orang miskin er… sebab Destini Anak Bangsa, dia er… boleh diberi peluang kepada pelajar-pelajar keluarga yang bawah pendapatan RM2,500 dan juga kalau dia tak cukup kredit pun boleh belajar.

Jadi ini, satu perkara yang boleh kita dapat lihat. Satu lagi yang er… berkaitan dengan pendidikan juga bahawa er… kita melihat bahawa bidang keberhasilan utama negara adalah merupakan satu bidang atau kluster pendidikan, ya. Ada beberapa er… ada beberapa sekolah mempunyai pandangan dilema antara guru mengejar penilaian, saya ingat hari ni berapa haribulan? Er… 23 haribulan ini kita akan dapat result er… dapat keputusan er… keputusan UPSR tak silap saya. Jadi, ini peluang untuk membolehkan kita melihat tapi akhirnya orang akan menilai bahawa yang lebih sebenarnya ialah menilai prestasi akademik melebihi perkara-perkara faktor lain.

Sebenarnya ini dilema di antara guru-guru yang er… menguruskan sekolah ini. Kerana mereka akan mengejar, nilai akan dikejar melalui er… skim kecemerlangan

pelajar apa nama ni er… dan juga berkaitan dengan GPS sekolah berkaitan dengan er… kebal berkaitan dengan sekolah berprestasi tinggi, sekolah untuk kluster, *new deal* dan sebagainya. Banyak sekarang ini. Kita ucapkan terima kasih, cara ini merupakan untuk menaikkan *ranking* sekolah tetapi dalam waktu sama nilaian tadbir urus ini akhirnya dinilai juga kepada er… di mana kepada prestasi.

Jadi, sebagai contoh, bagi… contohnya bagi untuk mendapatkan *new deal,* penilaian akan dibuat 70% berasaskan akademik dan 30 kepada lain-lain tetapi er… dalam waktu yang sama kita tekankan ke semua sekolah mesti ceria, sekolah mesti cemerlang akademik, mesti cemerlang ko-kurikulum, sekolah mesti er… mempunyai… mempunyai pendekatan bersama dengan er… ibu bapa dengan masyarakat dan sebagainya tetapi yang sebenar-benarnya dinilai adalah akademik. Jadi, bukan sahaja pelajar-pelajar oleh kerana itu er… menyebabkan er… budaya untuk mengejar kecemerlangan akademik melebihi daripada segala-gala di… di dalam sekolah.

Jadi oleh kerana itulah, kita mintak supaya pemberat ni kalau boleh dibahagi-bahagikan, maknanya kalau 50% untuk akademik, yang lain-lain bolehlah kita nilai sebagai ko-kurikulumnya. Dalam waktu sama boleh memajukan er… anak-anak bakat anak-anak sekolah er... sekolah boleh menilai dari segi infrastrukturnya dan sebagainya. Jadi, itulah antara perkara-perkara yang kita lihat bahawa kalau boleh dari segi timbang tara pemberat ini boleh diambil kira berbagai aspek.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya berbalik er… satu lagi perkara iaitu berkaitan dengan tugas penyelia dan petugas dalam PDK. PDK hari ini diwujudkan lebih 30 tahun yang sudah ya. Jadi, kebanyakan petugas-petugas PDK ini kita kategorikan sebagai petugas-petugas sukarelawan kontrak, di mana elaun bagi penyelia lebih kurang RM1,200 dan petugas-petugas yang lain RM800. Jadi kebanyakannya… majoritinya adalah wanita. Isunya di sini bahawa pelajar ataupun petugas-petugas ini bekerja sebagaimana juga dalam bidang TABIKA, di mana petugas-petugas… TABIKA pun sama, bertugas daripada pukul 8.00 sampai pukul 12.00, mungkin lanjut sampai pukul 3.00 dan sebagainya. Ada peringkat mereka ini terpaksa er… terpaksa juga membawa anak-anak PDK ni er… anak-anak yang kurang upaya ni, yang anak-anak istimewa ini, anak syurga ni terpaksa dilayan dengan cara mereka sendiri.

Jadi, oleh kerana kepelbagaian kecacatan dan jantina ni ada beberapa perkara di sini bahawa kita rujuk, bahawa PDK ini memerlukan petugas-petugas wanita… er… selain daripada wanita, juga petugas-petugas lelaki. Jadi kita tengok kenapa kalau boleh diseimbangkan kerana ada perkara-perkara ialah kadang-kadang pelajar-pelajar PDK ini perlukan… walaupun umur dia 7, 8 tahun… *pampers* pun silap gaya petugas ini yang tukar. Jadi ini er… gangguan-gangguan seperti ini kadang-kadang memerlukan perlunya ada ketikanya wanita, ada ketikanya lelaki. Jadi cadangan saya supaya kalau boleh dari segi… pertamanya, tentang elaun ini… kerana mereka ini boleh dikatakan kategori sukarelawan kontrak.

Jadi kadang-kadang er… kesian juga, kalau boleh diserapkan mereka ini kepada petugas-petugas tetap dan juga elaunnya kalau boleh dinaikkan sebab kenapa er… sekolah-sekolah atau TABIKA boleh tetapi tidak kepada PDK ni. Jadi begitu juga dengan PDK, petugas-petugas, setengah PDK boleh dilantik di kalangan petugas-petugas lelaki untuk mengimbangi masalah-masalah dan isu-isu sensitif kepada pelajar-pelajar PDK ni.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya kira, ini antara perkara-perkara yang boleh kita melihat keperluan untuk bagaimana sebenarnya er… kita di sini bercakap untuk membawa isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal rakyat. Walaupun kita Pahang, kita terikat dengan bajet dan seumpamanya. Walau bagaimanapun sebahagiannya bukan terletak di negeri Pahang tetapi sebahagiannya terletak di Persekutuan dan saya juga tertarik berkaitan dengan apa yang disebut sebagai er… kalau boleh ini juga barangkali sebagai satu lagi peluang untuk ekonomi negeri berkembang.

Baru-baru ini DFTZ atau Zon Perdagangan Bebas Digital telah pun dilancarkan tetapi bertempat di Selangor, kalau bolehnya kita buat berhajat-hajat nak ke… bawa ke Pahang ini kalau bolehlah. Ini untuk aktiviti e-dagang sebab dalam pelancaran tu jelas digambarkan bahawa akan berlaku di mana pertukaran er… pendapatan USD melibatkan USD 38 billion. Ini Jack Ma beritahu dan 20… 60,000 pekerjaan akan dapat disasarkan melalui DFTZ ini menjelang tahun 2020 dan barangkali satu perkara yang kita dapat lihat bahawa pertamanya sekiranya boleh dilihat bahawa Pahang juga er… boleh er… menarik ataupun sebagai hub kedua kepada DFTZ.

Satu perkara yang boleh juga menyebabkan perkembangan ekonomi e-dagang dan yang kedua DFTZ juga disasarkan kepada IKS dan sebahagian IKS ini juga tak dapat tidak dinafikan berada di luar-luar bandar termasuk di dalam negeri Pahang. Jadi kalau… kalau tak adalah pun DFTZ ini, kita beranggapan bahawa kalau boleh jadi pusat pengumpulan atau hub-hub untuk *trading,* pengumpulan ini diletakkan di Pahang dan ini juga boleh menambahkan pendapatan dan yang seterusnya kita juga akan ada er… ECRL ni dan ini juga boleh er… menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai… sebab bukan semua er… yang berkaitan ini terpak… diuruskan melalui er… *transport* ataupun dengan izin melalui udara tetapi er… juga sebahagiannya boleh er… kita dapat lihat bahawa disalurkan melalui pelabuhan-pelabuhan ataupun melalui kapal laut.

Jadi kalau inilah yang berlaku, perkara… kita percaya bahawa satu lagi er… *new income* ataupun boleh dikatakan kalau sasaran baru kepada negeri Pahang boleh dilibatkan dalam er… zon digital ini, Zon Perdagangan Bebas Digital ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebagai akhirnya saya ingin menyatakan bahawa er… mungkin sebagai DUN Yang Ketiga Belas ini mungkin sidang terakhir kita, jadi untuk mengingatkan bahawa hasil daripada kita dalam er… memerintah di negeri Pahang ini, saya mendapat kesan yang sangat jelas. Di Jengka sendiri saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Persekutuan, adanya stadium, wujudnya dalam penggal ini, akhirnya ada stadium, er… Stadium Tun Abdul Razak Jengka jadi ikon. Walaupun sebahagian setengah orang tak nak pergi ke Jengka takpe la kerana kita letaknya stadium di hutan, tapi pada saya, pada pandangan saya, orang-orang yang duduk di hutan sawit berhak untuk menerima pembangunan. Itu saya ucapkan tahniah.

Begitu juga dari segi… dari segi er… beberapa perkara dulu, ada 6 perumahan di Jengka, tapi sekarang ini 14, 14 perumahan yang baru hasil daripada sumbangan Kerajaan Negeri… Kerajaan Negeri yang telah pun berjaya membenarkan pemaju-pemaju membuka perumahan-perumahan di negeri-negeri er… terutamanya di kawasan saya dan begitu juga dan akhirnya dapat menyelesaikan jalan raya FT83 yang menjadi er… yang menjadi barah kepada saya selalu… selalu… selalu dikatakan bahawa kita tak bertugas, tapi akhirnya jelas bahawa FT83 dengan dua ratus lima…

250 juta atau 216 juta ini dapat direalisasikan telah pun bermula dan saya percaya yang terbaru ni, saya pun dengar angin-angin la yang apa ni… er… Wakil Kerajaan Tioman takde ya, saya pun tak berapa jelas, tapi dengar-dengar hujung telinga kata nak datang satu lagi pembangunan litar pemotoran di Jengka.

Saya bagi pihak ADUN dan juga rakan saya yang bersempadan dengan Kerdau mengalu-alukanlah. Ini salah satu daripada pendekatan. Jika kata itu benar, itu kita sebagai Wakil Rakyat di sini dan juga Rakyat di DUN Jengka mengalu-alukan, terima kasih. Dengan ini saya menyokong, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja] Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Jengka. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini saya perhatikan bahawa seramai 6 orang Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Insya-Allah persidangan kita akan disambung semula pada hari esok 22 November 2017, hari Rabu, bermula jam 9.00 pagi. Persidangan ditangguhkan. Assalamualaikum WBT.

[Persidangan ditangguhkan jam 4.26 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13

HARI KE-3
22 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

HARI KETIGA - 22 NOVEMBER 2017 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2018	24

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Ketiga : 22 November 2017 (Rabu)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Khas:
Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. - **Lanchang**
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - **Benta**
(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - **Jelai**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri**	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Guai**
Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri**	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Kerdau**
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	-	**Damak**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh, DIMP., JSN., PPN.	-	**Lepar**

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	-	**Panching**
Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	-	**Tahan**
Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, DIMP., SMP., PPN., BCM.	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	-	**Chenor**
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	-	**Luit**
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Ketari**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Bilut**
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	-	**Kuala Semantan**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff,
DIMP., AMN., AMP., PKT. - **Bebar**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Che Farhan bin Che Mansor

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Ketiga (Rabu)	:	22 November 2017
Bersamaan	:	3 Rabiulawal 1439 Hijriah
Masa	:	9.00 pagi

DOA

Perkara pertama: Doa

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam Bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihi, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-Ahli Dewan negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutamanya bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan dan jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengangkat kesyukuran ke hadrat Allah SWT di pagi yang mulia ini kita masih lagi terpilih berada di dewan ini. Baiklah, bagi meneruskan aturan keputusan mesyuarat sepertimana biasa. Kali ini saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Cheka.

YB. DATO' INDERA FONG KOONG FUEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk mengemukakan soalan nombor 4.

> [Apakah jumlah bil tertunggak perkhidmatan air setakat 30/06/2017 bagi seluruh negeri Pahang? Sejauh manakah jumlah bil-bil tunggakan dapat dikurangkan sejak perkhidmatan air diambil alih oleh Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP)?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Jumlah tunggakan bagi bil-bil air daripada mula iaitu Jabatan Bekalan Air (JBA) dan beralih kepada Pengurusan Air Pahang Berhad ialah pada Januari tahun 2012 semasa masih lagi dalam atau belum dikorporatkan iaitu di bawah JBA Pahang terdapat 361,076 er… bilangan akaun yang aktif di seluruh negeri Pahang dengan jumlah tertunggaknya ialah RM45,191,143.23 dan apabila JBA Pahang dikorporatkan dan bertukar kepada Pengurusan Air Pahang Berhad atau PAIP mulai pada Jun 2013 terdapat 412,443 bilangan akaun yang aktif di seluruh negeri Pahang dan jumlah tunggakan er… meningkat sedikit dan jumlahnya ialah RM49,376,657.24. Jadi er… susulan daripada itu pelbagai usaha telah diambil oleh pihak PAIP Berhad bagi mengurangkan tunggakan bil air. Antara usaha yang dilakukan ialah dengan mengeluarkan notis-notis tuntutan guaman kepada penama-penama yang mempunyai akaun tertunggak dan selain daripada itu, rampasan deposit kepada akaun tidak aktif yang tertunggak turut dilaksanakan.

Tambahan daripada itu, PAIP Berhad juga telah mengambil tindakan sivil dan saman bagi pengguna-pengguna yang masih ingkar membuat bayaran tunggakan ini. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut memerlukan kos guaman yang sudah pastinya pihak PAIP terpaksa membuat pilihan kepada tindakan-tindakan guaman ini. Maka fokusnya adalah kepada sektor komersial iaitu di mana tunggakan-tunggakan bagi tiap-tiap akaun ini besar jumlahnya dan ternyata tindakan guaman ini memberikan impak yang besar juga kepada status bil-bil air yang tertunggak iaitu terdapat bayaran dan ini juga telah membantu pihak PAIP untuk mendapatkan semula er… bayaran kepada bil-bil yang tertunggak. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Tanah Rata. Sila, YB. Tanah Rata.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 5.

> [Jalan Persekutuan laluan 59 di Kampung Raja Cameron Highlands yang rosak sedang dibaiki sekarang. Adakah kerajaan merancang untuk membaiki jalan rosak dari Ringlet ke Tapah?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jalan Persekutuan FT59 er… khususnya dari Seksyen 79.00 hingga ke 81.00 di Kampung Raja, Cameron Highlands mengalami kerosakan… yang telah mengalami kerosakan telah pun di er… siap diperbaiki oleh pihak JKR melalui syarikat konsesi iaitu Roadcare Sdn. Bhd. menggunakan peruntukan Persekutuan. Manakala bagi jalan dari Tapah maknanya soalannya, apakah pihak kerajaan merancang untuk membaiki jalan rosak dari Ringlet ke Tapah? Bagi jalan dari er… Ringlet-Tapah iaitu FT59 ya, JKR Pahang dan JKR Perak telah menyediakan *'Notice Of Defect'* (NOD) bagi tujuan memohon peruntukan membaiki kerosakan di beberapa lokasi dan telah dihantar ke Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk kelulusan dan syarikat konsesi akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan sebaik-baik sahaja peruntukan diterima.

Untuk makluman, sempadan senggaraan di bawah JKR negeri Pahang untuk laluan FT59 ini bermula daripada Seksyen 45.6 hingga ke 86.1 dan tindakan menyediakan NOD (*Notice Of Defect)* di lokasi-lokasi yang memerlukan pembaikan ini telah pun diambil oleh JKR Pahang dan er… kita juga menunggu kelulusan daripada JKR Ibu Pejabat khususnya di er… Bahagian Senggara untuk membaiki kerosakan di lokasi-lokasi yang er… telah pun dikenalpasti. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya. Saya jemput Wakil dari Chenor.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan no.3. Terima kasih.

> [Sejauh manakah usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam memajukan Bukit Kertau, Maran yang dikenali sebagai titik tengah pemetaan semenanjung sebagai destinasi pelancongan dan sudahkah ianya diwartakan sebagai kawasan perlindungan.]

YB. DATO' SRI HAJI SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Di Semenanjung *Malayan Revised Triangulation* atau *MRT 48* merupakan sistem rujukan koordinat yang telah digunakan bagi aktiviti pemetaan. Ukuran kadaster dan lain-lain aktiviti pengukuran saintifik sejak Tahun 1948 lagi. Sistem rujukan ini seterusnya telah dilakukan penambahan baiknya dan dikenali sebagai *MRT 68.* Pada tahun 1968. Sistem ini adalah merujuk kepada titik asalan, ya… ataupun *origin* atau juga dikenali sebagai Datum yang terletak di Bukit Kertau, Chenor Pahang Darul Makmur sempena dengan lokasinya di Bukit Kertau, Datum ini dikenali sebagai Datum Kertau.

Walabagaimana pun pada Tahun 1990, Malaysia telah menggunakan teknologi *Global Positioning System* atau *GPS*. Sehubungan dengan itu, dalam mewujudkan satu sistem Datum yang seragam dengan penggunaan GPS, maka Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menghasilkan sistem rujukan koordinat *Geocentric Datum Of Malaysia, GDM 2000* pada tahun… pada 26 Ogos 2003 di mana originnya adalah dirujukkan kepada pusat… pusat jisim bumi. Dengan pengenalan sistem *GDM 2000* ini, maka sistem *MRT 68* tidak digunakan lagi dalam kerja-kerja pemetaan dan ukuran kadaster semasa di Semenanjung.

Walaubagaimanapun, Jabatan Ukur dan Pemetaan akan menyediakan Pelan Warta er… kepada kawasan tersebut bagi tujuan pewartaan sebagai kawasan perlindungan dan sekiranya ada permintaan dari pihak-pihak berkenaan. Pejabat er… Daerah dan Tanah juga merancang untuk membina menara, tujuan beserta tugu di puncak Bukit Kertau sebagai salah satu tarikan pelancong di Maran. Selain itu, Bukit Kertau juga dikenali sebagai Acara Larian Kertau yang diadakan sempena Pesta Air Chenor 2017 yang lalu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… saya ucapkan tahniahlah. Ini salah satu cara untuk tarikan pelancongan. Bila menyebut tentang strategi kita untuk er… menarik pelancongan, kita baru-baru ni dikejutkan dengan satu berita yang MAS antaranya menyokong larangan wanita bertudung bekerja di bahagian *Front Dask… Front Desk* di hotel. Jadi kita bimbang takutnya esok ada hotel di Kertau ke, di mana ke er… sedangkan *culture* di sana dengan izin, tak ada kena bertudung tapi di sini tak… tak boleh bertudung. Jadi minta kalau ade SOP ni, er… betulkah ada SOP yang berkaitan, dan adakah ianya menye… menyebabkan impak kepada pelancongan negeri Pahang.

YB. DATO' SRI HAJI SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Ini satu soalan yang baik dan ianya menjadi polimik sedikitlah di…di akhbar-akhbar. Kerajaan Negeri Pahang er… sentiasa menghormati hak asasi er… individu apatah lagi Agama Islam adalah merupakan Agama Persekutuan, maka kita tidak pernah er… melarang mana mana pihak hotel… yang sememangnya inginkan terutama sekali pekerja yang berkerja di bahagian er… meja hadapan *reception* atau *receptionist* untuk memakai tudung malah sememangnya kita menggalakkan, dan sebenarnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya tidak relevan langsung.

Kalau sekiranya kita membuat *booking* ataupun membuat tempahan melalui internet atau *online*, kita tidak pernah tanya pun orang tu pakai tudung, tak pakai tudung, dan yang paling penting kepada sesebuah hotel atau motel atau resort adalah *efficiency* atau servis yang baik kemudiannya, mungkin keselamatan yang terjamin dan juga… kebersihan yang baik.

Jadi kita di Pahang ni, setakat ini kita tidak pernah menerima mana-mana aduanlah dari mana-mana pihak individu ataupun kumpulan yang menyatakan bahawa mereka tidak boleh bekerja atau dilarang bekerja kerana tidak memakai tudung di hotel tersebut sebagai pekerja di *front desk*. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik, saya jemput Wakil dari Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon jawapan dengan merujuk kepada soalan nombor 1.

> [Tidakkah Kerajaan Negeri Pahang bercadang untuk menjadikan persisiran Sungai Kuantan terutama sekitar jambatan Tanjung Lumpur sebagai '*River Cruises*' yang menyediakan *house boat* dan sebagainya.]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sungai Kuantan menjadi *river cruise*, sudah lama, bukan baru dan er… kita telah menjalankan berbagai-bagai ikhtiar, kita tu bermaksud MPK, tapi apa yang saya lihat, yang saya tahu… ianya gagal. Saya pun pernah menaiki bot dalam Program *River cruise* ni dan saya perhatikan ada beberapa gerai yang dibuat untuk tujuan… menampung keperluan pengunjung-pengunjung juga banyak tutup. Salah satu gerai itu, dimiliki oleh salah seorang pemandu Pejabat Menteri Besar yang telah pun bersara…jalan.

Kita akan cuba mengikhtiarkan supaya *river cruise* ini dihidupkan semula sebab saya pernah mengalami atau pernah juga menikmati *river cruise* ini semasa lawatan saya ke Mesir, mengiringi semasa itu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota. Saya bersama-sama dengan Ahli dari Kerajaan, Ahli Kerdau dan er… kita dihidangkan dengan berbagai-bagai makanan dan juga hiburan ala Arab tapi tidak termasuk tarian separuh bogel. Kalau Kuantan ni dapat mengadakan sesuatu yang baru, ni tanggungjawab MPK dan juga sedara saya, Ahli Kerajaan dari Lanchang, boleh fikirkan sesuatu.

Dia yang penting Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada tarikan, apa tarikan dalam bot tu, apa tarikannya di kedai-kedai yang disediakan. Itu yang mustahak. Kalau setakat *cruising* je, tak ada apa. Saya pernah *cruising* sampai ke hulu, ke…dekat Sungai Lembing, Sungai Kuantan, dan saya pernah juga apa naik, jet ski dengan Yang Amat Mulia Tengku Muda. Lebih kurang 25 tahun yang lalu sebelum saya menjadi Exco lagi, jadi Menteri Besar. Saya harap Ahli Tanjung Lumpur boleh memikirkan sekalilah, boleh menyumbang idea bagaimana er… *river cruise* ni boleh menarik perhatian, mungkin untuk *river cruise* tertentu untuk *boating session* tertentu tu, mungkin pengisiannya ceramah ugama.

Ceramah ugama orang tua-tua, diskusi yang berbentuk motivasi, pikirkanlah, tapi setakat ini, saya menjadi Ahli Exco, pastu menjadi MB memang *river cruise* Kuantan ni, saya boleh katakan, mana YDP? Boleh katakan gagal…boleh katakan gagal, malaslah nak bercerita panjang sangat. Cerita *river cruise*… soalan sampai 3 jam tak ada makna juga. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Sedikit tambahan Yang Berhormat Yang di-Pertua, jadi terima kasih kepada Dato' Sri er… Menteri Besar er… saya berkongsi sedikit pengalamanlah sebab kalau *river*

cruise ini. Saya sendiri pun pernah naik yang di Mesir, di India dan yang terbaru sekali saya ke Kashmir er… ke Kashmir er… dia bukan setakat *river cruise* begitu sahaja ada juga *house boat* dan sebagainya, dan dijadikan kawasan apa *river cruise* atau pun *house boat* itu sebagai literasi pelancongan. Ni di sana disediakan pasar bebas cukai dan sebagainya, yang saya kira sangat er… menarik pengunjung yang ramai untuk hadir ke situ, dan *house boat* pun er… saya duduk semalaman, duduk enam orang lebih kurang dalam RM220.00 sahaja. Maknanya tak mahallah disiapkan dengan elektrik dan sebagainya.

Berbeza dengan India, India ini ada minta maaflah. Kebetulan pergi itu naik *house boat* dia ada *disco*. Jadi kita pun cabut kopiahlah sekejap. [Semua Ahli Dewan ketawa] kerana tak sangka pula ada… ada *disco* tapi bukan ini yang saya maksudkan untuk *house boat* di peringkat negeri Kuantan, dan saya ada ke Pejabat MPK pada baru-baru ini. Ada sedikit sebanyak bincang soal *river cruise* ini. Yang mana diantaranya kekangan juga soal apa kewangan dan sebagainya. Jadi er… ingin bertanya pada pihak kerajaan adakah jikalau sekiranya orang-orang perseorangan yang berkemampuan untuk membina *house boat ke* dan sebagainya?. Di situ ada pihak kerajaan boleh membenarkan. Sekian terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya hanya berasa sekali sahaja *river cruise* ini di Mesir. Kalau di India itu, kalau di Kashmir itu saya hanya menengok, menonton melalui filem-filem hindustan masa saya berumur sebelas, dua belas tahun dulu. Cerita hindustan ini umur sebelas tahun dah tengok, umur lapan belas berhenti sebab filem-filem ini banyak separuh bogel, tak ada nilai keluarga sebagai, saya berhenti tengok.

Masa itulah dalam filem *Junglee* contohnya Shammi Kapoor dan Saira Banu dalam ini, dalam *boat house* itu. Lepas itu *Kashmir Ki Kali sa*… masa itu Shammi Kapoor dengan ini… apakah namanya perempuan itu? Sharmila Tagore… Sharmila Tagore itulah masa itulah saya belajar menyanyi lagu Hindustan. Termasuklah lagu *Chahe Koi Mujhe Jang Likha Hai, Khene tho Ji Khethara Hai* lebih kurang begitulah dan er… saya tertarik dengan pengalaman Ahli dari Tanjung Lumpur ini.

Maknanya beliau dapat pergi ke India, Kashmir dan kalau ada sesiapa yang dikenali oleh Ahli Tanjung Lumpur, yang berminat untuk menjalankan kegiatan *river cruise* di Kuantan ni, saya persilakan berjumpa dengan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kuantan atau boleh berjumpa dengan Ahli Kerajaan yang menjaga pelancongan atau pun dia terus jumpa saya. Kita boleh *facilitate,* permudahkan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Tanjung Lumpur. Soalan tambahan. Terima kasih

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Minta maaf.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tuan Yang di-Pertua, terlupa satu *point*. Maklumlah dah tua. Ahli Tanjung Lumpur tadi menyebut masa masuk dalam kapal itu ada *disco*, cabut kopiah sekejap kata dia. Ini langkah yang terbaik sebab, saya ada kawan saya ini dia beri ceramah ke hulu ke hilir tapi dia minat juga nak merasa sekali membeli nombor ekor dia singgah *Chow Kit Road*, lepas itu dia masuk kedai ekor itu, tapi dia masuk tu dia makna songkok itu dia lipat elok, masuk poket baru dia pergi beli.

Tapi yang menarik itu pulak, dia pun tak tahu nombor apa nak beli. Ini cerita betul ini [ketawa]. Dia pun tanyalah orang sebelah yang nak pergi beli nombor sekali. Bang tumpang nombor, eh…mana boleh dia kata. [ketawa] Makna kongsi nombor pun tak boleh [ketawa] dia kata. [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih sahaja nak…nak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Dato' Sri menjawab soalan tadi ya. Ada kaitanlah tu. [Ahli Dewan ketawa]. Ada sikit kaitan tu [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih.

Kita pergi kepada soalan yang berikut jemput Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menge… kemu untuk mengemukakan soalan pertanya nombor 2. Terima kasih.

> [Apakah usaha yang diambil oleh pihak kerajaan negeri dalam memajukan digital ekonomi yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri.]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Apabila kita menyebut tajuk digital ekonomi, kita boleh ikuti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kita boleh *google* dalam er… internet. Ini sesuatu yang baru, dan yang kita perhatikan di antara kesan digital ekonomi ini, kaedah perniagaan yang tradisional, yang kita amalkan sekarang ini sudah menjadi *out of date*. Kalau di Amerika, kalau ikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah banyak ini, bukan sahaja *supermarket* bahkan juga *hypermarket* pun banyak juga tutup.

Untuk [Berdehem] tujuan ini, untuk membangunkan Ekonomi Digital ini. Satu agensi di bawah KKMM iaitu *Malaysia Digital Economic Cooperation* atau MDEC telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merakyatkan ekonomi digital pada golongan berpendapatan rendah, penduduk luar bandar, golongan belia dan usahawan kecil. Termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40. Di bawah agenda merakyatkan Ekonomi Digital ini dua buah program yang dilaksanakan oleh MDEC iaitu Program e-Rezeki dan e-Usahawan untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital diperkenalkan.

Jawapan disediakan ni sangat panjang. Jadi boleh saya ambil sebagai ringkasan. Projek e-Usahawan bertujuan memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada usahawan belia dan usahawan mikro dalam menggunakan platform digital dan media sosial sebagai medium untuk menjana pendapatan dan meningkat jualan. Program ini disampaikan

dalam bentuk kursus yang dijalankan di pusat-pusat Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) awam serta Institut Pengajian Tinggi yang terpilih di seluruh negara.

Menarik Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Antara ilmu dan teknik keusahawanan digital yang diajar merangkumi topik-topik seperti *social media marketing, mobile commercer, analysis data* untuk memperbaiki keberkesanan pemasaran secara digi...digital, bayaran di atas talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber. Bagi program e-Usahawan, sejak Januari 2016 sehingga September 2017, sejumlah 92,926 usahawan muda dan desa telah mengikuti latihan dan kursus e-Usahawan. Daripada jumlah ini, sebanyak 27,170 atau 29% dari peserta telah mula melaporkan jualan tambahan yang berjumlah sebanyak lebih dari RM112 juta.

Di Pahang sejak Januari 2016 sehingga 2017, 8,069 usahawan muda dan desa dari negeri Pahang telah mengikuti latihan. Dari jumlah ini, sebanyak 2,855 daripada peserta ini melaporkan jualan tambahan keseluruhan yang berjumlah lebih dari RM5.2 juta. Itu mengenai e-Usahawan. Maknanya secara ringkas Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perniagaan dijalankan, *transaction* ini dijalankan melalui *online,* itu aja. Tapi saya secara peribadi tak percaya, sebab saya takut kena *hack* sebagainya. Mungkin akaun kita, kad kredit kita sebagainya di *hack,* maka patut ada RM100.00 dalam bank terus tak ada, tapi kalau bank ini buat silap bagus juga. Dia kalau silap RM0.01 sen jadi RM1 juta pula, tapi jarang yang berlaku begitu.

[Berdehem] Minta izin, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi ya, sebab ini *very informative* ya, bagi orang yang nak mendengarlah, yang tidur tu, tidurlah tak ada hal. Cerita apa pun dia tidur juga. Di bawah program [Ketawa] e-Rezeki... di bawah program eRezeki, MDEC mempromosi penggunaan teknologi digital dengan mengupayakan rakyat untuk meraih peluang ekonomi iaitu platform *crowdsourcing* yang dibangunkan. Peluang ekonomi digital ini termasuklah melakukan pekerjaan, tugasan atau projek kecil yang disalurkan dari pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Melalui kaedah digital ini, rakyat mengakses pelbagai bentuk pekerjaan dan tugasan yang ditawarkan berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan juga kebolehan individu tersebut. Bagi tempoh Januari 2016 hingga September 2017, sebanyak 100,000, 101,693 individu telah dilatih melalui pusat dan Wakil e-Rezeki di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak 57,572 tinggi ya, iaitu 57% telah berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhannya berjumlah sebanyak lebih RM81 juta. Negeri Pahang bagi tempoh bulan Januari 2016, Januari er… September 2017 sebanyak 2,215 individu telah dilatih melalui pusat atau Wakil e-Rezeki negeri Pahang. Dari jumlah ini, 399 kecil bilangan 18% telah berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhan, yang juga kecil iaitu RM67,360.

Pendek katanya apabila disebut digital ekonomi ini sesuatu yang baru, yang perlu setiap orang untuk mempelajari terutama mereka yang terlibat dengan perniagaan supaya tidak ketinggalan, sebab masa merubah segala-galanya, dan sesuatu pada hari ini yang sangat relevan, dan akan menjadi tidak relevan lagi pada masa akan datang. Kita ambil contoh, *handphone* saja maksud saya, telefon bagai-bagai bentuk sebagainya. Lepas tu *handphone,* sekarang dah ada *smart phone.* Jadi bertambah… bertambah maju dunia ini. Kalau kita tidak sama-sama kita akan er… ketinggalan.

Kita ada program e-Rezeki di MSC *Cyber Centre* di *Indian Town, East Coast Mall* dan ianya diuruskan oleh er… PTR, *Pahang Technology Resources* yang dipengerusikan oleh Menteri Besar. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Seman… Kuala Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengemukakan soalan nombor 6.

> [Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasai masalah ruang niaga di tingkat atas Pasar Temerloh dapat beroperasi sepenuhnya supaya menjadi tempat tumpuan awam.]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pasar baru Temerloh yang dimaksudkan ini telah pun siap sepenuhnya pada Tahun 2003. Walau bagaimanapun, pasar ini tidak dapat beroperasi kerana pasar baru ini terletak di tingkat atas. Manakala yang lama di bawah dan peniaga-peniaga di tapak yang lama enggan berpindah kerana petak yang disediakan adalah tidak berkunci dan juga mereka memberikan alasan agak sukar membawa barangan daripada bawah ke atas.

Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Temerloh telah berusaha untuk mengiklankan dan membuat hebahan tetapi masih lagi yang tidak berminat untuk berniaga di tapak pasar baru tersebut. Oleh itu er… Majlis Perbandaran Temerloh bercadang untuk memohon peruntukan sebanyak RM750 ribu daripada Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan supaya petak yang tidak boleh… tidak berkunci tadi kita ubah suai supaya ia boleh dikunci dan barang-barang er… peniaga-peniaga tersebut mungkin dapat er… kita simpan dengan selamatlah. Jadi sebab itulah sehingga hari ini tidak dapat beroperasi kerana peniaga-peniaga enggan berpindah ke tingkat atas daripada tingkat bawah.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih, saya minta izin soalan tambahan. Saya bersetuju dengan apa dengan tindakan pihak kerajaan dan saya juga nampak, makna peluang untuk orang naik ke atas tu memang tipis dan satu kajian perlu dibuat. Bagaimana cara nak tarik… di situ pun tidak menjadi tumpuan sebenarnya. Oleh kerana kawasan pasar tu bukan kawasan tumpuan. Jadi kita yang kena fikir sekarang ini bagaimanakah caranya untuk menarik orang, pasar tu pun setakat pukul 11, 12 dah tak ada orang. Dia ni ba… mati.

Jadi bagaimana cara kita nak fikir supaya pasar Temerloh itu boleh menjadi tumpuan, baru atas tu hidup. Ini masalah kita hadapi. Ini bukan masalah… kita sama-sama kena fikirlah. Maknanya cara mana nak pindah. Bas stesen dekat pun, berapa kali pindah dah. Ini masalahnya, orang ramai tak bertumpu ke pasar dan orang nak ke pasar pun dah kurang oleh kerana pasar-pasar di kedai dah banyak. Pasar-pasar kering dah

banyak di… di bandar. Ini masalah yang dihadapi, saya pun tak dapat nak fikir macam mana. Kalau kerajaan boleh fikir cara nak… tak tahulah. Sekian terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mencelah sikit. Ianya bukan soal kerajaan atau Wakil Rakyat sahaja berfikir. Rakyat juga perlu mengubah sikap. Saya tahu sangat pada belasan tahun sehingga sekarang pasar minggu Temerloh tu, dia masih lokasi yang popular ialah sepanjang sungai dan juga di tepi jalan yang sempit. Kita buat tempat baru, diaorang tak nak pindah. Ini *attitude* ini soal… soal *attitude.* Jadi, selagi sikap tidak diubah ni agak sukar bagi kita untuk maju.

Untuk mengubah sikap, kadang-kadang kita kena lari daripada kebiasaan, meninggalkan amalan-amalan lama. Kalau tidak, kita akan tinggal di takuk yang lama dan kebanyakannya yang terlibat ni, yang enggan mengubah sikap ni ialah orang Melayu tidak seperti kawan-kawan kita orang Cina, orang India, mereka sanggup berhijrah, sanggup bersusah payah. Saya tahu di Bentong tu, tauke ais krim ni, dia datang daripada China, sehelai sepinggang, jabir kertas saja tetapi dia akhirnya jadi er… tauke ais krim yang besar dan anaknya sekarang ni telah memodenkan lagi kilang dan sebagainya, dan ais krim ni sangat popular di Bentong. Contohlah, ubah sikap.

Setakat jual nasi lemak, ada satu kedai tu dia menjual pulut cukup masyhur tapi dia tidak membanyakkan atau menambah. Pulut tu tak sempat pukul 10 habis tapi tak tahu apa ilmu yang dia pakai apa petuanya, dia masak hanya sebanyak itu aje. Orang kata kenapa tak buat lebih? Tak, dia memang banyak itu aje. Rezeki dia banyak itu aje. Jadi ini kalau sikap tak berubah payah sikitlah. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Teruntum.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Santama? Apa benda santama ni? [Ahli Dewan ketawa].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa Yang Berhormat…Yang Berhormat Teruntum?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Di Pasar Kuantan terdapat tempat berniaga amat teruk dan perlu dibaiki, yang pentingnya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

ialah longkang…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Teruntum, kalau mengikut Peraturan Soalan dan Jawapan, kita membincangkan tentang Pasar Temerloh. Ni jauh tajuknya. [Ahli Dewan ketawa]. Pasar Kuantan Yang Berhormat boleh tanya soalan lain nanti saya ingat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ini berkaitan dengan pasar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tapi oleh kerana Yang Berhormat dah bangun, silalah tanya. [Ahli Dewan ketawa].

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak menyokong. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan nak menunjuk pandai, tidak. Dia macam ni untuk Ahli Teruntum, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Ceri… kita bercerita pasal gajah, kenapa bercakap pasal harimau? tapi jawapan dia pandai juga. Kita cerita pasal haiwan, kata dia. [Ahli Dewan ketawa]. Pandai hah… tu tertarik hati makna…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jawapan yang diberi tu pandai. Maknanya kita cerita pasal Pasar Temerloh dikait pasal Pasar Kuantan, ditegur oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia jawab pulak cerita pasal pasar. Pandai, pandai saya ucap tahniahlah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebab dia pandai Yang Berhormat….

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Walaupun pada mulanya menyebut soalan tambahan tu, taman…. taman… saya pun tak faham juga, rupanya soalan tambahan. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila. Yang Berhormat pandai menjawab eh… pandai bertanya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di Pasar Kuantan tempat berniaga amat teruk dan perlu dibaiki er… yang utamanya longkang dan er… tapak di sebelah er… parking kereta dan dengar-dengar ceritanya pasar baru er… Kuantan akan dibina di Indera Mahkota. Soalan saya, minta kerajaan… pihak kerajaan er… bilakah pasar baru akan… ini akan ditubuhkan? dan adakah pasar sekarang akan dinaikkan taraf? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Memang benarlah kita ada bercadang untuk membina pasar baru. Permohonan telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diberi oleh kerajaan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada tambahan lagi Yang Berhormat Teruntum?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan saya adalah… Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan sayakan, bilakah pasar baru ini akan dibina? …dan adakah pasar sekarang akan dinaikkan taraf?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Oh… ulangan soalan yang sama. Ulangan. Yang Berhormat pihak kerajaan, silalah, dia mengulang.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya dah menjawab dah tadi. Kita akan bina bila ada peruntukan kewangan. Memang kita cadang nak buat tapi kalau tak ada peruntukan, nak buat macam mana? Kecuali Yang Berhormat dari Teruntum bagi… daripada Teruntum bagi sumbanganlah. Boleh kita buat cepat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ada. Yang Berhormat Teruntum masih lagi, tak jelas ke?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Soalan nombor 2, dia tak jawab.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Oh… ada lagi?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Naik taraf dia tak jawab. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Oh, Yang Berhormat jawablah.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Nak naik taraf ni pun, kena ada duit juga. Kalau tak ada duit nak buat macam mana? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey Yang Berhormat, saya ingat itu jawapan yang jelaslah. Baik, saya sila Wakil dari Damak.

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya soalan 7.

> [Minta kemajuan dan pencapaian terkini Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dalam negeri Pahang.]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Taman Kekal Pengeluaran Makanan di negeri Pahang. Untuk makluman Sidang Dewan, di negeri Pahang terdapat 18 buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang jumlah keluasannya ialah 5,068 hektar. Setakat hari ini hingga 2017 September seramai 299 orang pengusaha yang berjaya menghasilkan, mengeluarkan hasil sebanyak 11,835.70 tan yang bernilai pengeluarannya 24.78 juta. Pada tahun ini insya-Allah, jabatan negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak 1.7 jut…1 point... 1 juta lebih kurang, bagi menambahbaik kemudahan serta infrastruktur bagi meningkatkan hasil pengeluaran bagi TKPM di negeri Pahang.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Soalan tambahan.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya nak tanya pada pihak Kerajaan bahawa kekangan untuk memajukan TPKM ini ialah *consensus* yang diberi kepada peserta iaitu hanya 3 tahun, 3 tahun *plus* 3 tahun. Saya mohon supaya, kalau boleh kerajaan ubah kepada 30 *plus.* Jadi maknanya boleh membantu kepada usahawan-usahawan untuk boleh meminjam dengan bank. Kalau keadaan sekarang ini, ianya memerlukan kepada modal persendirian. Jadi sebab itu, apa yang kita… pengalaman yang kita lihat banyak kegagalan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Insya-Allah kita ambil maklum tentang cadangan daripada Ahli Kuala Tahan. Ahli daripada Kuala Tahan pulak… Pulau Tawar. Terima kasih.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Wakil Chenor.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Er… di kawasan saya ada satu kawasan TKPM iaitu terletak di Kampung Bunian, Chenor, dan seluas 100 ekar, tetapi digunakan oleh er… untuk TKPM dalam 30, 20 ke 30 ekar, dan saya melihat bahawa dianya tidak berdaya maju dengan tanaman sayuran yang dibuat di situ, dan saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mencadangkan supaya kawasan ini dibuat tapak er… perumahan er…PRIMA ke, er… telah pun saya ajukan beberapa kali dalam ucapan saya di Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kita akan ambil maklum.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahan, sila. Sila Tahan.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Saya minta, er… mungkin soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangan TKPM daripada yang ada sekarang er… kepada jumlah yang lebih banyak kerana dia dapat memberikan peluang pekerjaan kepada generasi muda.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Er… setakat hari ini, kita belum ada perancangan untuk menambah. Cukup sekadar er… TKPM sedia ada. Kita ada 18, 18 pun masih er… tidak memenu… menunjukkan satu kehebatan. Jadi kita merasakan kita perlu memperhebatkan lagi 5,068 hektar keluasan tanah di 18 TKPM ini supaya ianya menjadi lebih tersohor dan untuk dikongsi bersama. Temerloh ada 3,600 er… hektar tanah TKPM. Itu pun masih belum dibangunkan sepenuhnya, dan bagi kawasan TPKM ini, kebanyakkannya dia telah

pun di… di…er… infrastrukturnya telah disediakan, berbanding dengan tempat-tempat lain. Dari segi jalan asas, api, air untuk tujuan pertanian. Terima kasih.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Wakil Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon soalan tambahan Yang di-Pertua. Er… saya ingin sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan daripada jumlah 299 pengusaha yang disebutkan tadi, er… telah menjana pendapatan sebanyak 24.7 juta ringgit. Ini satu angka yang lumayan jika kita *average up* dengan izin, sebanyak 299 pengusaha itu. Jadi apakah er… punca sebenarnya menjadikan ia tidak menarik atau pun kurang er… sambutan dalam kita meneruskan usaha yang baik ini, sebab jumlah pendapat 24.7 juta untuk 299 pengusaha, adalah satu jumlah yang… yang sangat besar dan lumayan untuk kita usahakan. Jadi kalau sekiranya ada masalah sambutan atau pun er… ketidak boleh daya majunya, ini ada satu perkara yang perlu kita…kita lihat. Minta penjelasan kerajaan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih soalan daripada Beserah. Apa yang berlaku di TKPM ini, kita berhadapan dengan manusia. Manusia ni kalau ada masalah, mereka tak menghadapinya, dan untuk mencari petani, yang *genuine* petani. Petani yang asli, yang bersungguh-sungguh agak sukar. Mereka lebih suka, saya ada dua, tiga oranglah, tidak semua, er… mereka keluar masuk, keluar masuk di tempat tersebutlah. Di kawasan-kawasan tersebut, kerana ada beberapa masalah di tanah. Contohnya er… TKPM er… Inderapura. Contoh di kawasan saya itu, ada Pusat Latihan Pertanian.

Di situ ada satu TKPM. Mereka menghadapi masalah tanah. Bila musim kering, air tak ada langsung. Bila musim hujan, berlembang air. Teruk, dan bila ada air, er… kandungan besinya tinggi. Mereka terpaksa menghadapi masalah-masalah ini dan dugaan-dugaan, dan juga sumber kewangan mungkin mereka terhad, sebab itu, untuk melibatkan diri dalam pertanian ni, mesti ada kesungguhan dan mencari er… untuk mencari petani yang *genuine*, yang original, yang jitu, agak menjadi kesulitan sedikit, dan saya nak kongsi sama er… antara kejayaan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan, er.. artis kita, Rosyam Nor agak berjaya. Er… dia menjadi ikon pertanian di negeri Pahang. Terima kasih.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Minta laluan.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila… sila.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Saya… saya ingin menambah dari segi…

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Semantan sebentar. Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Saya ingin menambah dari segi masalah penguatkuasaan ataupun er… pengawalan er… TKPM itu sendiri yang mana diceroboh oleh er… masyarakat setempat dan telah menyebabkan petani yang berminat untuk membangunkan tempat itu tak diberi peluang. Jadi siapakah yang bertanggungjawab dalam soal er… orang kata apa ni? er… menjaga, mengawal selia kawasan pembangunan tersebut? dan er… saya juga ingin merujuk kembali pencerahan kepada Yang Berhormat Pulau Tawar tadi er… jangka waktu yang diberi itu, sangatlah singkat.

Saya tak boleh menggunakan perkataan pen… tapi saya menggunakan perkataan sangatlah singkat. Jadi kalau boleh dipanjangkan waktu atau pun perjanjian bagi melaksanakan projek itu, dan saya ingin kaitkan dalam keadaan harga barang er… mahal sekarang, er… FELDA menjadi…menjadi er… mengeluarkan satu slogan iaitu *edible garden*. Apakah TKPM tidak boleh bekerjasama dengan FELDA untuk menjalankan projek TKPM itu, *edible garden* itu.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Sikit je, untuk *edible garden* ni, biasanya kita buat di taman-taman. Jadi taman yang besar-besar ni untuk tujuan penjualan. *Edible garden* ni biasanya kita tanam untuk makan sendiri. Er… kita memang ada… ada FELCRA ada… dia konsep dia Gedung Makanan Negara. Kita… FELCRA sedang…sedang memberi cadangan kepada pihak kerajaan negeri untuk mengalukan usaha sama.

Mengenai penguatkuasaan pulak, bila kita dah serah satu kawasan tu kepada si A er… pengusaha A, jadi pengusaha A lah kena bertanggungjawab seterusnya, sebab mereka tinggal, dapat jer mereka tak usahakan dan mereka tinggal. Jadi, dan mereka tidak ada aduan. Ada berlaku pencerobohan. Jadi, kita tak bolehlah ambil tindakan, tapi penguatkuasaannya adalah kepada pengusaha itu sendiri, dan kita ambil maklum. Memang kita tahu bahawa er… jangka masa tu agak singkat, bukannya pendek ya, tak sama, er… singkat je. Okay.

Dia singkat tu, kita maklum, dan sebab itu, er… kalau yang besar er… di bawah apa ni, Bahagian… BPEN, Bahagian Pembangunan Ekonomi negeri. Kita ada pelaburan pertanian yang kita memberikan er… jangka waktu 30 tahun er… *lease* mungkin kita boleh melihat semula. Kalau begitunya, kita mungkin, kita *relook* perkara tersebut. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Semantan, sila.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Saya ada sedikit sahaja dalam perkara ni. Baik Dato' Pengerusi, dia masalah tambah masa ni tak penting sebenarnya bagi saya. Yang pentingnya dalam *agreement,* boleh lanjut tempoh masa. Itu lebih baik. Menambah masa ni, dengan memberi ruang dalam *agreement*, makna… tam… kalau dia sukses boleh tambah masa dia, boleh panjangkan. Pasal apa, banyak ambil kesempatan. Kadang-kadang di

mengalibabakan projek ini. Saya nam…contohlah macam Rosyam Nor. Dia kerana dia pemodal yang baik, dia punya modal dan pekerja dia, kita tahu. Dia pandai, dia *manage.* Dia datang tengok je, yang buat kerjanya. Dia ada duit, dia boleh upah, kontrak. Maknanya dia berjaya, kita setuju. Memang saya akui, Rosyam Nor berjaya tetapi dia pemod…dia mempunyai modal yang kuat yang kukuh. Pertanian ni sebenarnya empat kali rugi sekali unt…sekali untung, boleh *cover.* Tapi bila kena empat kali berturut rugi ni. Tu yang tak tahan tu. Ini berlaku dalam pertanian, biasa. Memang lumayan, pertanian ni dia punya pulangan memang tinggi tapi empat kali rugi tak tahan kita. Kalau tahan empat kali rugi, boleh buat pertanian.

Ini kaedah, saya lama bekerja dengan pertanian ni. Ini masalah yang berlaku, jadi budak-budak tak boleh tahan. Orang kita tak tahan kerana dia kena rugi bertempoh, mati dia, dia tak de modal. Ini yang kita kena fikirkan, budak-budak kita, boleh buat kerja ni, dan memang lumayan, dan sekarang orang bukan pakai tanah dah, kalau tanah sekarang, orang pakai beg plastik sekarang, letak pokok, tanam sudah. Banyak teknologi baru yang boleh kita buat. Jadi, saya cadangkan tak perlu lanjut masa tapi cuma kerajaan bagi, kalau dia boleh. Panjangkan jika dia berjaya usahakan dengan baik tak kira siapalah. Kalau dia tak berjaya, bagi banyak masa buat apa!. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Terima kasihlah atas cadangan er… perbedaan pendapat daripada Ahli Semantan dan juga Ahli Tahan dengan Ahli er…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Tawar.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Pulau Tawar, payah betul nak ingat Pulau Tawar ni, [Ketawa]. Memang dalam perjanjian itu kita beri peluang dan ruang kepada petani er… sebab itu kita berharap mereka mengusaha, kalau kita terlalu *rigid* sangat, kita… kita tak berjaya tapi ini bukan soal, soal *agreement,* ini adalah soal manusia itu sendiri. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan berikutnya saya menjemput Wakil dari Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon kemukakan soalan nombor 8.

> [Harga barang-barang keperluan meningkat dan kos sara hidup juga meningkat. Apakah langkah kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah.]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sebenarnya akan sentiasa mencari jalan usaha untuk mengurangkan beban rakyat yang tak kiralah apapun pendapatan dia, rendah tingginya untuk mencari supaya er... kos sara hidup ni tidak meningkat, sentiasa tidak meningkat. Bila kita cakap kos sara hidup, kita selalu merujuk kepada bahan makanan. Untuk saya kongsi bersama, Malaysia keluasan er... negara kita Malaysia 400... 440 ribu er... hektar keseluruhannya 440 ribu kilometer persegi. Di Holland, Negara Holland keluasannya hanya lebih kurang 42 ribu kilometer persegi tapi Holland merupakan pengeluar makanan dunia, pengeluar makanan dunia dan kita ada defisit makanan sebanyak 25 billion, tak silap saya, 25 billion.

Jadi, jumlah pengimport... mengimport makanan kita ni terlalu tinggi, dan kita nak mengeksport makanan keluar tak cukup untuk mengimbangi *trade* defisit tersebut, sebab itu, kita ada sedikit masalah untuk er... bukanlah saya nak mencari alasan. Bagaimana kita nak... nak meng... mengurangkan kos sara hidup ni tapi kerajaan selain daripada Kementerian er... KPDNKK er... Kementerian Penggunaan er... apa ni kita juga ada Ke... Kementerian Pertanian juga mengambil usaha inisiatif bersama-sama untuk mewujudkan er... peluang ataupun langkah-langkah bagi mengurangkan beban rakyat dalam kos, peningkatan kos sara hidup ni, antaranya ialah pemantauan harga.

Hah, ini secara berterusan kita buat, sehinggakan pengguna ni boleh merujuk kepada er... dalam *google play* ada di sana *price skecher*, boleh tengok. Dia kepe... pengguna ni kena konsumerisme kita kena tinggi. Selain daripada itu, er... kerajaan juga meng... menghidupkan koperasi. Koperasi boleh membantu ahli-ahli dia untuk mendapatkan jum... barangan-barangan yang agak murah dan ada kualiti. Seterusnya, kerajaan juga melalui KPDNKK membuat apa ni Kempen Menurunkan Harga er... barang di peringkat nasional sejak daripada Mac, 2015 er... mereka dah buat di... di Kuantan, pada 1 haribulan Mac 2015 telah dibuat yang melibatkan pasaraya-pasaraya besar Giant, The Store, Tunas Manja, AEON Big...AEON Big dan sebagainya dan Kementerian juga ada ialah bila ada orang buat kita beri anugerahlah.

Jadi kita buatkan anugerah Kedai Harga Patut. Jadi semua orang tahu, hari ni harga dia patut harga dia murah dan er... kita ada *Blue Ocean Strategy,* yang macam saya cakap tadi dengan FAMA, Kementerian Pertanian, jual ikan er... ada ikan yang...yang dijual oleh Lembaga Ikan Malaysia, dan juga selain daripada itu kita wujudkan KR1M, KR1M, KR1M. Dulu KR1M.1, dalam Bajet kita ada KR1M, Bajet yang *latest* KR1M. ...2.0. Maknanya Kedai Rakyat 1Malaysia, kita dah wujud, kita nak...nak wujudkan cara baru dan juga untuk siswazah er... kita ada Kad Diskaun 1Malaysia. Inilah antara peluang apa ni usaha-usaha yang kerajaan bersungguh-sungguh untuk mengurangkan er... kos sara hidup yang semakin meningkat, terima kasih.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingin mengemukakan soalan tambahan dan sebelum itu saya ingin memberi pendapat sikit. Pencerahan kepada masalah er... kenaikan barang ni. Dia ada dua punca utama yang menyebabkan barang ataupun barang ni ataupun kos sara hidup kita meningkat iaitu ialah cara hidup, dari segi pemakanan itu sendiri. Sebagai contoh, di sebahagian negara, makanan dia orang ringkas, mudah dan er... kuantiti dia tak banyak, sebab kita makan banyak.

Yang kedua, banyak tu bermaksud kepelbagaian jenis makanan. Bila kita makan ikan, kita nak ada ayam lagi, daging lagi, jadi kos itu me...menyebabkan dia meningkat.

Dalam... itu satu kaedah pemakanan se... sebagai kita tengok bagaimana er... di negara-negara lain, dia orang makan mudah, *simple* bungkus, lepas itu satu jenis makanan je. Kita tidak, empat lima lauk dan itu menyebabkan kos makanan kita meningkat dan er... kaedah pengha... pem... apa ni er... untuk menyediakan makanan itu menjadikan dia er... mahal, sebab itu kita gas banyak pakai dan sebagainya. Cara hidup kita juga sebenarnya memberikan er... beban peningkatan kepada er... kos sara hidup kita.

Yang kedua, berkenaan dengan pengagihan subsidi. Kalau dulu, dia ada dipanggil sistem apa ni pengimbal harga makanan barangan yang dilaksanakan oleh PERNAS. PERNAS adalah Agensi Kerajaan yang membekal barang-barang keperluan utama seperti beras, gula, minyak secara pukal dan dihantar ke setiap daerah. Kos *transport* itu tidak ditanggung oleh *private company* ataupun dengan izin syarikat swasta ini. Hari ini, kerajaan memperkenalkan subsidi kepada harga beras tetapi tidak memberi subsidi kepada harga pengangkutan. Pengangkutan naik, secara automatik peniaga akan menaikkan harga barang, sebab itu, kerajaan kena ubah pendekatan pemberian subsidi itu dulu daripada, kepada harga barang dan juga kepada harga kos pengangkutan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tahan, nak.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Soalan saya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ni, Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Pada saya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ni Yang Berhormat, tak apa…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Soalan saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya izinkan tapi…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Soalan saya, apakah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak beri pandangan ke… penjelasan ke… ingat elok beri pandangan daripada soalan.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Saya dah bagi pandangan tadi, sekarang saya baru nak kemukakan soalan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Oh… soalan.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Dengan izin. Dato' Yang DiPertua, soalan saya, apakah kerajaan…

YB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Boleh mencelah?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Buat pembetulan sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya.

YB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebenarnya kerajaan tidak pernah memberi subsidi harga beras. Kerajaan memberi subsidi pada harga padi.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Pembetulan,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Saya rasa Wakil Kerajaan mungkin silap, [Ahli Dewan ketawa] mungkin silap kerana...

YB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mohon mencelah Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh bagi laluan.

YB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Wakil Kerajaan tak pernah silap sebab ada sedikit pengalaman dalam BERNAS. Sub…subsidi harga beras pernah diberi pada satu ketika dahulu. Ber…beras apa ni 15%, harga beras tetapi telahpun dihentikan tetapi subsidi harga padi masih diteruskan.

YAB. DATO SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKUB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya walaupun suntuk, saya terpaksa nak mencelah juga.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya

YAB. DATO SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKUB

Kira beginilah, Ahli Kerajaan dengan Ahli daripada Tahan ni berpakat. Kira lebih… lebih kurang, tak usah kiralah beras ke padi ke, pakat je sesama. [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Soalan saya, saya tidak mahu menyangkal…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Habiskanlah ya.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Menyangkal subsidi beras itu tadi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, sila kemukakan soalan tadi, apa dia?

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN JUSOH

Soalan saya begini. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan Pusat Penimbal Harga Barang seperti menyediakan subsidi kepada syarikat-syarikat pengangkutan dalam negeri untuk mendapatkan... menurunkan kadar harga barang,

apakah ada sistem itu? Tetapi pada saya er… untuk beras tadi saya nak bagi pencerahan, bukan menjawab, sebab yang menjawab kerajaan kepada Wakil Kerajaan. Subsidi beras tidak diberi kepada harga beras tetapi dengan mengurangkan duti import beras.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu yang soalan sebenar itu tadi Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menerangkan lebih lanjut lagi. Sila, boleh?

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Er… untuk mewujudkan stok pengimbal bagi sesebuah Kerajaan Negeri ini amat menyukarkan, menyulitkan. Kita perlu suatu apa… er… kantung yang lebih besar jadi mungkin kita tak mampu untuk mewujudkan stok pengimbal. Saya mengimbal… ada cerita stok mengimbal, saya ingin menjawab sikit je sebagai satu tambahan. Ini yang dilakukan oleh Ying Luck, Perdana Menteri Thailand mewujudkan stok pengimbal beras menyebabkan ada satu demostrasi traktor dibawa ke seluruh negara di… di Thailand. Kerajaan Thailand sendiri tak mampu untuk mewujudkan stok pengimbal. Begitu juga soal getah, kita tak mampu untuk… bila kita ada *floor price,* bila meningkat… bila turun kita kena *top up*, bila kena *top up,* itulah kita tak de duit er… itu maksudnya. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Semantan, saya ingat tak perlu tambah lagi Yang Berhormat…

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Ha?

YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak perlu tambah lagi atau…

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Satu je.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Er… sila. Paling ringkaslah.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Yang di-Pertua,

Maksud saya begini. Apa yang berlaku tentang harga barang ni yang berpendapatan… yang penting orang susah. Sekarang ini masalah kenaikan ini, benda lain tak penting… yang penting ikan, sayur. Lauk yang wajib, makanlah untuk hidup. Ini yang kita kena

prihatin yang saya minta. Contohnya ikanlah, dulu ikan kembung harga dia RM8, sekarang RM20. Sekarang orang beli ikan kembung 2 ekor, kerat empat. Saya pernah pergi pekan sehari Chenor, dia nak beli daging. Dia... orang itu… ini RM20, tolong potong pula RM10 dia kabor, maknanya kesusahan yang berlaku di kampung-kampung, ini saya hadapi… ini saya tengok sendiri. Itu, ikan sekarang, ikan kembung orang potong empat di rumah, sayur potong empat… makan. Kita masih boleh makan seekor lagi, tak ada masalah.

Ini yang kita kerajaan kena fikir sekarang ni. FAMA… apa… baru ini Perikanan buat yang jual ikan murah, tolonglah sampai ke kampung-kampung, ikan. Orang bandar tak perlu ikan murah ini, dia boleh beli yang mahal. Orang kampung yang susah ataupun pekerjaan yang… yang… rendah pendapatannya, ini yang kita kena *tackle,* ini yang orang jual. Jangan jual ke orang kaya ini, jual ke orang miskin je tolong…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalannya…

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Kalau boleh…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalannya…

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Saya minta kerajaan menyediakan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Barang murah ini, tolong jual khusus kepada belah-belah tempat yang orang-orang susah ini…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

… jangan kita jual kepada… ini dibuat di bandar. Orang kaya beli banyak-banyak ikan itu, tolong jual di kampung-kampung.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay Yang Berhormat.

YAB. DATO'SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita bincang banyak. Semuanya menarik, saya pun tak nak… tak nak bercerita panjang sangat asal usul kenapa kerajaan menubuhkan BERNAS, kenapa kerajaan menubuhkan FAMA tapi semuanya boleh dikatakan gagal. Kalau hendak minta Kerajaan Negeri buat itu, buat ini, sila rujuk ucapan Bajet Menteri Besar Pahang nampak nipis dan tak de cerita banyak tentang duit… yang banyak cerita tentang hutang, bagaimana nak bayar itu sahaja.

Maknanya kalau adalah cadangan nak buat itu, nak buat ini, kenapa Kerajaan Negeri tak buat stok pengimbal sebagainya, rujuk kepada ucapan Bajet. Maknanya kita boleh bercakap kalau ucapan Bajet itu tebal. Ucapan Bajet sangat nipis, dalam sejarah. Jadi kita tak payah ceritalah pasal peruntukan itu, peruntukan ini… ini yang nak sebut. [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah kita beralih kepada soalan yang berikutnya saya jemput…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD.SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sedikit je, Yang Hormat Yang di-Pertua, saya nak berkongsi pengalaman. Ada seorang Ketua Bahagian nama dia Jamal baju merah, Ketua Bahagian UMNO Sungai Besar. Jamal baju merah ini adalah merupakan satu er… individu yang sangat menarik. Pertama sekali sekarang ini dia ada kedai makan, dia bagi makan percuma sera… se… sebanyak 5,000 orang setiap hari. Siapa nak datang, datang ke Jalan Pahang. Saya tanya dia, saya pergi melawat kedai dia, mana dapat duit, Jamal? Saya cakap. Orang bagi derma, kawan-kawan, korporat bagi beras, bagi sayur bagi… dan sebagainya. Dia tolong masak, dia cakap.

Yang keduanya, dia buat apa? Dia jual ikan murah, dia panggil ikan lelong. Saya cakap kena datanglah ke Pahang, dia cakap insya-Allah, cakap dia. Kalau MB bagi saya, saya akan datang. Saya tanya dia, macam mana dia boleh dapat ikan murah? Dia bagitahu setiap pagi dia ada, dia punya peraih… peraih ya? Yang pembeli itu peraih ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Peraihlah.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD.SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Ha… peraih. Peraih dia daripada… daripada Perlis hinggalah ke Johor akan beli ikan daripada nelayan. Dia cakap nelayan ini dia jual ikan ini harga sama je, nelayan sama ada dia menjual pa… pada orang tengah dan dia jual kepada Jamal harga sama. Tetapi kenapa harga tersebut bila sampai pada kita mahal? Jadi Jamal ambil, dia bagitahu dia… er… dia bagitahu pada saya, dia pastikan bahawa dia boleh bayar gaji dia sikit, pekerja-pekerja dia sikit, kemudian bayar *transportation,* lepas itu dia jual jauh lebih murah 30%- 40%.

Sebenarnya orang tengah, tuan-tuan dan siapa orang tengah? Jadi sebenarnya er… apa namanya… kalau sekiranya kerajaan dan kita semua ya, dapat bertindak bersama-sama, *the power of consumer*, benda ini boleh kita laksanakan. Jadi bila harga naik, kita marah kerajaan. Kerajaan hanya… Yang Berhormat Yang di-Pertua ya, ini Wakil daripada er… Wakil Kerajaan. Kita hanya *control* harga apa? Tepung, gula, beras, minyak masak, yang itu sahaja, yang lain semuanya adalah terbuka dan di*control* ataupun dikawal harganya oleh er… pihak-pihak yang tertentu ataupun swasta ataupun apa namanya… peniaga-peniaga.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita kena *realize,* kita kena memahami ini dan sebenarnya benda ini boleh… ya tak? Makna boleh… sebab itu kalau kita pergi ke tempat lain harga RM20, RM30, cuba pergi ke… beli ke… er… tempat er… kalau beli patin, pergi ke tempat yang sangkar. Harga tak semahal yang kita beli di tempat lain. Jadi macam mana kaedahnya untuk kita membasmi atau kita melawan orang tengah ni. Terima kasih.

YB. DATO' MOHD ZAILI BIN HAJI BESAR

Yang Berhormat er… Tuan Yang di-Pertua…

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' MOHD ZAILI BIN HAJI BESAR

Saya tertarik seperti apa yang dikatakan oleh Wakil daripada Lanchang tadi. Dari segi harga, maknanya harga yang nelayan jual, kemudian dibeli oleh peraih, kemudian dijual kepada er… pengguna-pengguna. Saya nak dapatkan sikit penjelasan daripada Wakil Lanchang, adakah peranan ini telah dimainkan oleh FAMA? Ataupun agensi lain yang telah diwujudkan oleh pihak kerajaan?

YAB. DATO'SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita ini bercerita panjang, subuh esok pun tak habis sidang ni. Itu sebab kerajaan menubuhkan FAMA untuk mengelakkan peranan orang tengah yang mengambil kesempatan yang berlebihan… yang saya tahu kalau dia beli dari nelayan RM8, dia akan jual bukan RM16, dia akan jual RM24. Jadi kita gunakan FAMA tapi minta maaf cakaplah, peranan itu tidak berapa berjayalah. Begitu juga BERNAS, BERNAS ini ialah untuk membekalkan barangan gula, beras, sebagainya kepada rakyat, pun gagal. Sebab kegagalan ini saya malaslah, saya boleh bercerita dalam bilik, bolehlah. Setakat bual dalam parli… di dalam dewan ini, keluar surat khabar tidak berapa cantik.

Tujuan kerajaan… untuk menyelesaikan masalah er… orang tengah mengambil kesempatan yang berlebihan tapi setakat ini saya tengok kita tidak berjaya dan kerajaan cuba menggalakkan koperasi, koperasi walaupun tidak… koperasi, semangat koperasi. Contohnya kita di kampung itu ada 10 rumah, kalau kita beli beras untuk 10 rumah maknanya banyak. Bila banyak harganya akan turun sikit dan keuntungan itu ataupun harga yang murah itu dikongsi seramai 10 orang. Katalah kalau saya beli sekampit beras, katalah RM50 tapi kalau saya beli 10 kampit beras mungkin dapat RM40.

Jadi kongsikan dengan yang ramai-ramai. Ini pun susah juga kerana ada pun, malas nak cakap lah. Apa pun saya beri kesimpulannya, kebanyakan kita gagal disebabkan *human failure*… itu je *human failure,* bukan teknikal ataupun *engine failure*… *human failure*. Kalau nak lanjut, kita boleh bersembang sambil minum, makan ikan kembung yang RM20 sekilo kita beli. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat cukup jelas ya. Saya pun dah bagi masa yang lebih untuk sama-sama memberi pandangan tentang sara hidup, pada kos yang kita hadapi hari ini. Baiklah, saya berpindah kepada soalan berikutnya, saya jemput Wakil Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 9.

> [Kita dapat lihat kejayaan atlet kita dalam Sukan SEA Games baru-baru ini. Pingat-pingat yang terhasil adalah dari sukan individu. Apabila dilihat dari sukan berpasukan kebanyakannya tidak begitu menyerlah. Pasukan bola kita juga tewas.
> a) Apakah negeri Pahang melihat atau membuat analisa 'SWOT' untuk kecemerlangan negeri Pahang dalam sukan?
>
> 1) Squash
> 2) Bowling
> *3) Archery*
> 4) Renang]

YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita di pihak kerajaan er… negeri amat er… peka ya, kepada prestasi setiap sukan di negeri Pahang ini justeru untuk memastikan kecemerlangan dalam setiap sukan berada pada tahap terbaik, Majlis Sukan Pahang dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi sukan di negeri ini dengan melakukan analisa *'SWOT'* kepada setiap sukan yang bernaung di bawah Majlis Sukan Pahang. Kita tidak er... menafikan bahawa dan mengaku beberapa er..... acara sukan seperti squash, boling, memanah dan renang terdapat beberapa kelemahan dan sebagainya, dan seterusnya gagal untuk mencapai ataupun merangkul pingat-pingat tertentu.

Jadi dalam hal ini dengan mengadakan *post mortem* setiap kali er..... sukan SUKMA diadakan di Malaysia ini, negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang akan mengadakan *post mortem* dan analisa sepertimana yang disebutkan tadi *'SWOT' analysis* terhadap sukan-sukan ini, dan sebagai satu contoh yang boleh saya utarakan disini iaitu sukan renang. Dalam sukan yang lalu di Sarawak, SUKMA yang lalu yang ke-18 kita gagal untuk mendapat sebarang pingat dalam acara renang. Tetapi selepas *post mortem* yang telah dilakukan ataupun *'SWOT' analysis* yang dijalankan mengambil kira kekuatan kita di kalangan atlit er… kelemahan dan juga cabaran serta peluang yang ada, maka kita telah melihat beberapa aspek teknikal yang perlu diambil kira untuk terus memastikan atlet-atlet kita ini berada pada tahap yang boleh membanggakan seterusnya mencapai pingat-pingat yang dipertandingkan.

Sebagai contoh yang saya hendak utarakan di sini melalui SUKMA yang lalu, MSP membuat analisa *'SWOT'* dan *post mortem* SUKMA 2016 dengan mengambil langkah drastik ya, dengan melantik jurulatih tempatan mulai awal tahun 2017 iaitu bekas atlet renang kebangsaan, anak jati Pahang iaitu Saudara Yap See Tuan bagi melatih atlet-atlet baru renang negeri Pahang, dan hasilnya pada kejohanan renang peringkat MSSM iaitu Majlis Sukan Sekolah Malaysia 2017 seorang atlet berusia 14 tahun iaitu saudari Wong See Kee berjaya memenangi dua pingat emas dan satu gangsa. Kita yakin, dengan usaha ini secara berterusan kita boleh meningkatkan pembangunan sukan ini pada masa-masa akan datang.

Begitu juga acara-acara yang dipersoalkan ataupun perlu dibangkitkan oleh er… ADUN Pulau Tawar berhubung dengan sukan memanah sebagai contoh, ya. Sukan memanah ini bukan sekadar kita melihat atlet-atlet kita, mungkin ada yang tidak berpengalaman dan mereka ni ada juga kadangkala tu *mental block* bila berhadapan dengan pelapis-pelapis muda peringkat kebangsaan yang ada sekali dalam acara tersebut, disamping cuaca ketika itu juga memainkan peranan, ya, kerana er… 'lain padang lain belalang'. Maksudnya serupa juga kalau kita main golf ataupun er… apa ni petanque dan sebagainya. Saya tengok sendiri, kadang-kadang padang tu, dia beri cabaran kepada atlet-atlet kita apatah lagi dengan suasana cuaca yang mempengaruhi kadangkala itu.

Jadi dalam hal ini Majlis Sukan Pahang sentiasa aktif dan juga proaktif untuk melihat kekangan-kekangan melalui *'SWOT' analysis* ini supaya atlet sentiasa berada pada tahap yang membanggakan kita. Bahkan kadangkala kita juga melihat kepada pemakanan-pemakanan secara makro dan juga mikro. Kadangkala ada lagi atlet kita ni masih lagi bawa maggi, walaupun kita hantar berlatih di Australia, maggi tak tinggal. Jadi disiplin dan pemakanan pun penting. Hah… itu hal. Terima kasih, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Semantan ya.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Masalah yang dibangkitkan lagi Tuan Yang Setiausaha... Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, masalah atlet sukan. Satu perkara lagi yang penting mempertahankan jurulatih yang kita ada tu, kadang dia lari ke lain orang lain bayar mahal. Ini menyebabkan atlit kita, contoh silat tu dulu, kita ada dah lepas ke Terengganu, angkat berat dulu, orang… orang beli jurulatih kita.

Jadi kita, jadi kita… memang angkat beratlah satu ketika kita bagus, dan silat memang alhamdulillah kita bagus lagi tapi ada lepas ke Terengganu, orang kita. Ini juga kita kena fikirlah kena mempertahankan jurulatih yang sedia ada… yang untuk mempertahankan rekod kita, *sustain.* Apa langkah kerajaan?

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kepada ADUN Semantan ya, yang begitu peka dalam hal-hal pembangunan sukan bukan sahaja di kalangan atlet tetapi er… mempertahankan jurulatih-jurulatih yang berkaliber, yang mempunyai pengalaman yang luas dan sebagainya. Kita mengambil satu contohlah dalam mempertahankan ataupun kita mengekalkan jurulatih-jurulatih di negeri Pahang ini. Sebagai contoh er… acara sukan menembak, kita dah hampir belasan tahun mempertahankan jurulatih yang sedia ada ini yang merupakan antara jurulatih yang terkemuka dan hebat di dunia dan pernah menjadi *champ… world champion* dalam acara tersebut iaitu er… Puan er… daripada Rusia ya, Ukraine.

Ini er… salah satu contoh dan baru-baru ini apabila pencapaian kita amat membanggakan dengan pencapaian pingat emas yang berganda, Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang kita telah er… memberi arahan dan cadangan kepada kita juga, supaya meningkatkan elaun kepada jurulatih-jurulatih tersebut dan kita tidak nafikan memang ada di kalangan jurulatih-jurulatih ini yang terbang keluar, dipikat oleh pihak luar oleh Majlis Sukan-sukan negeri yang lain dengan elaun yang lebih tinggi dan sebagainya, tapi dalam masa yang sama, kita akan cuba memikat sedaya upaya dan sehabis baik untuk memastikan mereka ini pada tahap yang boleh dikekalkan di negeri Pahang kita ini. Tetapi dalam masa yang sama kita kena lihat tadilah er… peruntukan kewangan kita, apa ni… apa yang boleh kita beri tambahan selain daripada nikmat-nikmat ataupun kelebihan, keistimewaan yang diperkatakan tadi. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Selain daripada sukan-sukan yang disebutkan tadi, saya juga mencadangkan dimasukkan juga sukan-sukan *petanque, lawn ball, wood ball,* sebab kita tahu kalau sukan-sukan yang berprestasi tinggi ni biasanya memerlukan bentuk badan yang sesuai, tenaga yang kuat… kan, barulah kita boleh melahirkan atlet-atlet yang unggul, misalannya *sprinter*, acara pecut, mesti otot yang sangat kuat, tenaga yang kuat dan pembangunan yang sangat baik.

Selain daripada tu Tuan di-Pertua, dalam jangka panjangnya kalau kita ingin melahirkan atlet sama ada individu atau… ataupun berpasukan yang baik, kita juga mesti mempunyai sistem pen… pendidikan sukan jangka pendek, jangka panjang untuk melahirkan ataupun menjadikan Malaysia ni sebagai Negara Sukan macam er… di luar-luar negara ada Universiti Sukan.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan bercadang mengadakan Kolej Sukan ataupun Universiti Sukan di negeri ataupun di negara kita? Terima kasih.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Sungai Lembing kerana memberi pandangan dan cadangan terhadap perkara yang dibangkitkan. Kita di pihak kerajaan sentiasa mengambil maklum dan inisiatif untuk er… memastikan bahawa pembangunan sukan sama ada di sudut kejurulatihan dan juga atlet-atlet serta sains sukan itu sendiri akan dapat diteruskan dan kesinambungan daripada itu, insya-Allah. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat dalam Bajet yang lalu, kita er… Bajet pun kita akan tengok bagaimana yang kita sedang bersidang ini dan insya-Allah.

Jika perkara itu boleh memberi pulangan yang baik untuk masa depan anak-anak muda kita dalam pembangunan sukan dan pencapaian yang terbaik bukan sahaja di peringkat negeri bahkan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa, kita tidak menolak kemungkinan perkara itu dapat kita realisasikan dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada soalan terakhir pagi ini. Saya jemput Pulau Tawar. Ya, sila.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya ialah soalan nombor 10, yang terakhir.

> [Dalam Dewan Yang Mulia ini, kerajaan ada memaklumkan untuk membina hospital bersalin dan kanak-kanak.
>
> (a) Di manakah lokasi?
>
> (b) Berapakah *projection* Bajet yang dicadangkan?
>
> (c) Apakah status *progress* setakat ini?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pulau Tawar bertanyakan berkaitan dengan pembinaan hospital bersalin dan kanak-kanak semalam Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar dalam pembentangan Belanjawan turut menyentuh soal ini dan merakamkan penghargaan Kerajaan Negeri kepada kerajaan persekutuan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kelulusan belanjawan sebanyak RM500 juta untuk pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuantan yang kita selalu sebut dalam dewan sebelum ini. Yang Berhormat Pulau Tawar ni doktor, dia tanya soalan berkaitan dengan Hospital Bersalin dan Kanak-kanak tapi saya kena menjawab. Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, yang mana satu betul Yang Berhormat, kita bincang di luar nanti.

Nampaknya macam seolah-olah Yang Berhormat tidak mengikuti er… perkembangan Bajet, tapi sebenarnya saya tahu, sebenarnya apabila soalan ini dikemukakan Bajet belum lagi diumumkan. Jadi alhamdulillah, ya, apabila projek Bajet ini diluluskan kita boleh menjawab dengan lebih jelas soalan ini Yang Berhormat. Soalan yang pertama, di manakah lokasinya? Lokasinya secara khusus adalah di plot 515 di Tanjung

Lumpur, Mukim Kuala Kuantan dengan kawasan seluas 30.957 ekar dalam bahasa mudahnya untuk kita *locate* ataupun menjelaskan lokasinya ianya adalah berhampiran dengan jambatan kedua, jambatan baru bandar Kuantan yang tidak jauh daripada er… kawasan di mana er… hujung jambatan di seberang sana sungai Kuantan ini.

Soalan yang kedua, berapakah *projection budget* yang dicadangkan? Sepertimana yang disebut dalam belanjawan semalam ianya adalah ber… berjumlah sebanyak RM500 juta untuk kapasiti hospital dengan 300 katil. Soalan ketiga Yang Berhormat, apakah status *progress* setakat ini? *Progress*nya adalah er… kini pihak er… pelaksana sedang melaksanakan kerja-kerja awalan meliputi kerja-kerja pengukuran, kerja-kerja siasatan tanah, mengenal pasti laluan keluar masuk ke tapak dan urusan kebenaran keluar masuk tapak. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 10 soalan dan jawapan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Wakil-Wakil Kerajaan yang telah memberi jawapan yang cukup baik. Justeru itu saya bercadang untuk menempohkan sidang kita pada sebelah pagi ini dan saya berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan supaya dapat masuk dalam dewan dalam masa yang telah ditetapkan supaya kita boleh memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rang Undang-Undang yang diluluskan semalam. Oleh itu persidangan ditempohkan dan disambung semula pada jam 11.30 pagi. Persidangan ditempohkan, terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 11.30 pagi]

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018. Rang Undang-undang ini dan Usul ini telah dibentang dan telah pun dibuka untuk dibahas pada 21 November 2017 dan perbahasan disambung semula pada hari ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari semalam seramai 6 orang Ahli Dewan telah berucap pada majlis. Sepertimana biasa saya juga memberi peluang kepada Ahli-Ahli Berhormat untuk mengambil bahagian untuk kita sama-sama meneruskan perbahasan pada hari ni. Ya, saya sila Wakil daripada Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Tawar. Er… mohon duduk sebentar. Saya ingin memaklumkan juga bahawa sama-sama kita di sidang ini terdapat wakil-wakil, Ketua-ketua Wanita dari DUN Pulau Tawar seramai 25 orang [Ahli Dewan menepuk meja]. Yang memakai… yang memakai seledang merah tu barang kali, terpaksa… dan juga daripada pejabat ADUN Semambu seramai 20 orang. Oleh kerana tempat yang disediakan agak terhad saya harap ya, pemerhati bolehlah bergilir-gilir masuk untuk mendengar khususnya Wakil Rakyat daripada er… ADUN Pulau Tawar yang akan menyampaikan perbahasan kita pada pagi ini. Sila Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah [Bacaan dalam Bahasa Arab] Selamat pagi, selamat sejahtera, salam perpaduan, salam negaraku dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya dalan sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dengan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air tahun 2018. Di kesempatan ini terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang yang telah membentangkan Bajet negeri Pahang 2018 dengan tema "Mengurus negeri Mengikut Kemampuan Yang Ada dan Tidak Mengabaikan Kepentingan Rakyat".

Kita dapat lihat bagaimana Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja membentangkan Bajet ini dengan keadaan yang bersahaja. Ini melambangkan pengalaman yang begitu er… lama dan er… sebagai seorang er… Menteri Besar yang saya kira sangat berwibawa. Ianya mudah dan ringkas tetapi padat. Jadi, alhamdulillah saya kira ini

adalah di antara Bajet yang kita boleh kira sebagai satu Bajet yang sangat komprehensif dan yang paling penting sekali kita menyokong usaha yang dicadangkan itu iaitu tabung khas untuk pinjaman perumahan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Apabila kita mengurus dan mentadbir negara atau negeri di atas prinsip yang tidak lari dari maksud er… maqasid atau mendapatkan er… dari maksud atau mendapatkan keredhaan Allah SWT dan berketepatan dengan maqasid syariah atau dengan cita-cita yang bersungguh untuk mengembalikan sistem secara kesungguhannya sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam maka dia adalah disebut sebagaimana Firman Allah SWT [Ayat Al-Quran] Surah Saba, ayat 15 yang bermaksud, "negeri kamu ini adalah negeri yang baik, aman makmur dan tuhan kamu adalah tuhan yang Maha Pengampun".

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku menteri… selaku Menteri Kewangan Negara yang telah membentangkan Bajet Negara, Bajet yang bersifat… yang berpijak pada realiti bukan Bajet sandiwara, Bajet yang komprehensif dan melibatkan semua bidang kehidupan lapisan masyarakat dan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh di sini iaitu berkenaan dengan kenaikan harga. Sering kali kita kehairanan kenaikan harga yang tak henti-henti. Sering kali kenaikan harga dikaitkan semata-mata dengan GST. Sering kali kita terpinga-pinga dengan sebab musabab perlambungan harga rumah, sering kali kita kehairanan dengan lambakan graduan dan anak muda yang tiada kerja. Banyak fakta… fakta yang menjadi penyebab kepada masalah-masalah tersebut di atas, tetapi kita tidak pernah kaitkan masalah-masalah ini dengan sistem *monitory* atau pun sistem kewangan yang kita sedang amalkan sekarang.

Apa yang kita lihat sekarang sistem perbankan… perbankan ialah paling penting sekali iaitu hutang. Kita dapat lihat sekarang ini bank-bank sebenarnya berniaga kerana hutang. Dari mana datangnya wang dalam sesebuah negara? Di dalam sesebuah negara dipercayai oleh ramai bahawa jumlah wang yang ada dalam negara tersebut ialah sama dengan jumlah wang kertas dan syiling.

Apa kata kalau kita di beritahu bahawa wang kertas dan syiling hanya merupakan 3% dari jumlah wang di dalam sesebuah negara termasuk negara kita. Apa kata kalau kita diberitahu bahawa 97% wang di dalam sesebuah negara termasuk negara kita adalah sejenis wang dikeluarkan oleh *charting* bank dari atas angin yang berlaku apabila bank memberi pinjaman… dan mengeluarkan wang atas angin tanpa henti inilah yang menyebabkan inflasi tanpa henti di sepanjang zaman apabila jumlah barang dan khidmat dalam negara tidak terkejar lonjakan jumlah wang.

Bagaimana boleh berlaku fenomena ini yakni fenomena sektor bank mencipta wang apabila mereka memberi pinjaman? telah diketahui seluruh dunia dan telah diakui secara rasmi oleh Bank of England, European Central Bank dan Bundes… Bundesbank yakni bank pusat negara German antara lain, fenomena yang sama berlaku di negara kita. Apabila kita simpan duit dalam bank dan diberi kad ATM atau buku cek. Bank tidak… bank tidak simpan duit kita itu dalam peti besi khusus untuk

kita. Bank meminjam kembali duit kita tersebut kepada orang lain selepas tolak jumlah yang bank kena simpan dalam Bank Negara… dan apabila peminjam ini meletakkan duit pinjaman dalam bank, begitu juga bank tidak simpan dalam peti besi khusus untuknya bank pinjam duit tersebut kepada orang lain. Duit yang sama dipinjam oleh *charting* bank berkali-kali.

Sebagai contoh, saya nak bagi satu contoh di sini, contohnya, Encik Ahmad mendepositkan wang asal RM1000. Mereka ni diberi kad ATM, buku cek untuk… untuk membuktikan wang tersebut milik mereka dan boleh dibelanjakan. Kemudian, Encik Badrul menerima pinjaman RM900, dia bagi jugak kad ATM dan buku cek. Encik Khairil meminjam pulak RM810 sama juga dia bagi kad… dia bagi kad, dia bagi… dia bagi cek. Encik Daud menerima pinjaman RM729, Encik Afandi menerima pinjaman RM656. Jumlah wang yang tercipta ialah RM3095. Jumlah wang asal RM1000 sahaja. Jumlah wang yang terbaharu menjadi RM4095. Ini sumber buku… ini sumber yang saya ambil daripada buku "Umpama Buih Di Lautan Suatu Hujah Untuk er… Pelaksanaan Sistem Monitory Islam". Daripada deposit RM1000 sistem…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhomat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tadi mengangguk kepada Ahli dari Pulau Tawar ni untuk mohon laluan, tapi dia terus jugak. Rupanya dia tak faham maksud mengangguk saya. Yang berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Dia begini saya patut boleh menjawab dalam masa penggulungan tapi saya tertarik dengan topik yang dibawa oleh Ahli dari er… Pulau Tawar, seorang Ahli Dewan yang berpengalaman, pernah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Sekarang menjadi er… Ahli Dewan Undangan negeri, seorang doktor profesional. Saya kena *jack* dia sebabnya di atas tu ada orang… orang dia menengok dia [Ahli Dewan ketawa]. Sebenarnya apa yang disebutkan oleh Ahli daripada Pulau Tawar itu adalah benar, tak payah baca buku buih-buih lah, kalau kita baca buku-buku asas ekonomi pun sama. Ucapan-ucapan Menteri-menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri dahulu pun sama, kalau saya ambil contoh katakan sebuah bank tu *paid-up capital* dia katalah RM10 juta dan dia boleh mengeluarkan pinjaman sepuluh kali ganda daripada *paid-up capital* dia.

Manakala RM10 juta - 10 kali ganda, 100 juta dia boleh… itu duit atas angin tu, dia bukan ada duit, dia bukan ada duit, tiada. Bank tidak ada duit dia… hanya harapkan *paid-up capital* dia ataupun er… deposit yang kena simpan dengan Bank Negara yang lain tu dia hanya memberi kertas. Itu sebab berlaku c*urrency trading* kemudian apa ni er… pelbagai-bagai lagilah yang dilakukan oleh pihak tertentu terutama yang menguasai dunia. Kenapa nilai ringgit kita jatuh, bukan sebab dia jatuh sebab dia rendah, dia ni jatuh sebab hasil manipulasi jugak tapi kita tak sebut perkara ini semua. Kalau dulu boleh RM3.50 satu dollar sekarang ni dah RM4.20 kenapa dulu boleh sekarang tak boleh. Kalau nak bergantung kepada er… *balance of trade* sebagainya, kita mengeksport pun banyak, maknanya saya nak katakan ekonomi ini sebenarnya adalah *artificial* dan er… ekonomi dunia sebenarnya sama ada kewangan dan sebagainya dikawal oleh kuasa-kuasa tertentu. Saya hanya nak menyatakan bahawa apa yang disebutkan oleh Ahli Pulau Tawar ni sangat benar hanya dengan

RM1,000.00 melibatkan tiga pendeposit, bank telah dapat *create* RM3,900.00. Terima kasih.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang.

Seperti saya kata awal tadilah memang berpengalaman, maknanya kalau kita bersilat dia dah sifu sebenarnya [Ketawa]. Jadi dia memudahkan ucapan saya, saya ringkaskanlah sebenarnya, saya ringkaskan bahawa…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, saya bagi masa lebih, tambahan…

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh… boleh.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Tak apa… tak apa… bukan maknanya saya bagi laluan kepada orang lain.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Ringkas lagi baik.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Tak apa, tak apa saya ringkaskan dan tidak hairanlah inflasi berlaku…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jangan ringkaskan bagi peluang kalau kita tengok Sidang Dewan, yang meleret panjang nampak macam kerja kuat, cakap banyak, mengambil tahu hal rakyat, pembangkang. Kita ni buku Bajet pun nipis.[Ketawa] Jadi saya berharap Ahli daripada ni ikut nasihat, ikut nasihat daripada Yang di-Pertua, cakap banyak, jangan biarkan Ahli daripada Tras je, Ahli daripada Triang je bercakap, Ahli daripada Bilut ya, terima kasih [Ahli Dewan ketawa].

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Terima kasih, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Saya teruskan. Bagaimana ini boleh berlaku? Mengikut penga…pengalaman, bank sudah tahu segelintir wang sahaja perlu ada dalam bentuk tunai. Pelanggan tidak akan datang serentak kepada bank untuk keluarkan wang tunai. Kebanyakan bayaran

terutama oleh syarikat-syarikat dibayar melalui sistem buku cek dan tidak perlu kepada tunai langsung dan dengan pembayaran *online* dan debit kad sekarang ini sistem pembayaran oleh individu pun tidak perlu banyak tunai.

Jadi beginilah caranya bank mencipta duit dari atas angin apabila ia membuat pinjaman. Boleh dibuktikan secara matematik bahawa RM1,000 di atas ini akan menjadi RM10,000 dan seandai deposit yang Malaysia… Rakyat Malaysia ialah RM1 bilion, maka wang yang akan dicipta oleh sistem bank ialah RM9 bilion menjadi jumlah wang dalam negara sebanyak RM10 bilion, dengan sepuluh bank dengan jumlah deposit RM10 bilion maka tercipta RM90 bilion duit baru.

Jadi tidak hairanlah inflasi berlaku tanpa henti dan negara kita mencuri kuasa beli rakyat yang paling perit dirasai oleh rakyat berpendapatan rendah dan berpendapatan tetap, dan perkara ini diakui juga oleh Bank Negara secara tidak rasmi melalui takrif wang yang diguna pakai yakni M1 dan M2. M1 nota dan syiling dalam edaran, M2 nota dan syiling dalam peredaran *plus* akaun semasa bank-bank dan bank pusat mana-mana negara pun tidak pernah keluarkan polisi untuk menghapus inflasi. Kerap objektif yang dituju ialah mengawal inflasi kerana dalam sistem *monetary* sekarang inflasi bersifat wajib ada.

Pencurian kuasa beli, saya nak bagi contoh bagaimana pencurian kuasa beli ini, contohnya gaji graduan… graduan pada Tahun 1982 - RM1,200.00 pada masa itu harga kereta baru yang paling murah RM14,000.00, harga rumah paling murah Lembah Klang lah kita ambil RM60,000.00. Gaji graduan 2017 - RM2,200, harga kereta pulak RM50,000.00, harga rumah - RM400,000.00. Kenaikan gaji yang dijangka dalam masa 35 tahun hanya RM1000.00. Kenaikan harga kereta dalam jangka 30 tahun RM36,000. Kenaikan harga rumah dalam jangka 30 tahun, RM300...400,00. Sewa rumah pada Tahun 1982 - RM400.00, 2017 - RM4,000. Seratus Kenaikan 900%. Nasi campur, 1992 - RM2.00, 2017 - RM6.00, 200%. Petrol 1982 - RM1.06… RM1.06… 6 sen seliter, sekarang ni dah naik lagi tapi masa saya buat ni masa tu harga RM1,000 er… RM1.95 perliter. Sekarang dah RM2 lebih dah. Maknanya lebih dekat 90% naik. Bas 1952 - RM0.50, 2017 - RM2. 50, 400%. Sebuku roti 1992 - RM0.90, 2017- RM3.00. Telur…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sikit je.

Mintak maaf Yang Berhormat, saya mengganggu saya hanya nak… nak *sharing* jelah. Semasa saya kecik dulu Tahun 56-an, Tahun 59-an roti - RM0.30, sekarang RM3.00, nak kongsi itu aje lah [Ahli Dewan ketawa].

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Inflasi er… nasi lemak, nasi lemak yang kita minat ini ye… 1982 - RM0.50, sekarang RM3.00, roti canai - RM0.70, 2017 - RM2.30. Maknanya 200% naik. Teh tarik 1982 - RM0.40, 2017 - RM1.50, 250% naik. Jadi kita telah tunjukkan dua akibat sistem *monetary* sekarang, yakni satu pencurian kuasa beli rakyat yang paling berat ditanggung rakyat biasa melalui inflasi am menaikkan harga segala jenis makanan dan keperluan harian.

Kedua inflasi gelembung dalam barang-barang tertentu seperti harga rumah. Pengangguran graduan dan anak muda bila sistem *monetary* er… pincang digabung dengan sistem perbankan berasaskan hutang. Setiap negara, dalam dunia ini sedang

menghadapi dua masalah kembar yakni pengganggguran anak muda dan graduan dan IKS yang tidak dapat pembiayaan dari sistem bank. Ataupun dalam Bahasa Inggerisnya *the twin problems of all nation, unemployee used and graduates and assessment deny by the banking system.*

Di dalam dunia ini, sektor IKS atau Industri Kecil Sederhana secara purata menghasilkan 80% jumlah pekerjaan. Manakala bank hanya membiayai secara purata hanya…hanya 15% keperluan mereka. Maka tidak hairanlah ramai anak muda dan graduan menganggur diakibatkan bank tumpuannya kepada syarikat besar yang menghasil hanya 20% pekerjaan dalam sesebuah negara. Dalam keadaan dianak tiri oleh sektor bank, sektor IKS masih berjaya menyumbang 50% kepada KDNK negara. Bayangkan berapa banyak sumbangan KDNK kepada negara sekiranya sektor IKS tidak dianaktirikan.

Bank SME atau IKS bukan penyelesaian. Mengikut statistik Jabatan Statistik Malaysia, Bank SME membiayai paling tinggi hanya 3% keperluan IKS di Malaysia. Bank SME di Malaysia lebih bersifat *venture capitalist* ataupun pemudah teroka daripada menjadi pembiaya… pembiaya sektor IKS. Mari kita ba… hayati statistik berikut. Statistik penga… pengangguran graduan dan anak muda sedunia. 70 juta anak muda menganggur seluruh dunia dua kali jumlah penduduk Malaysia. Malaysia 500,000 orang tiada kerja, 200,000 graduan 1 daripada 10 anak muda. Indonesia 1.4 juta anak muda tiada kerja, 20% jumlah anak muda tiada kerja, Filipina 1 juta… juta graduan dijangka menghadapi masalah cari kerja, China 1 juta graduan tiada kerja, 1 juta lagi *under employed* kerja rendah, gaji sementara. Perancis 24.6% anak muda tiada kerja, Greece 47%, Ireland 17.2%, Italy 37.8%, Portugal 27.9%, Afrika Selatan 53.3%, Sepanyol 44.5%, Korea dari 1 daripada 10 anak muda tiada kerja, Vietnam 1..1 anak muda, 5 tiada kerja, Singapura 1 er…7, Brunei pendapatan berkapita USD42 ribu, kadar pengangguran 6.9%.

Sumbangan Sektor IKS kepada KDNK, Malaysia jumlah pertumbuhan dalam negara 99.2%. Jumlah tenaga kerja negara 65.1%, sumbangan kepada KDNK... KNK jumlah nilai tambah 43.3%. Jepun 99.7, jumlah pertumbuhan dalam negara, jumlah peratus jumlah tenaga kerja negara 7.7%, sumbangan kepada KDNK 55.3%. Banyak lagi saya ringkas ya. IKS paling sikit dibiayai bank sumber pembiayaan Sektor IKS. Kedudukan di Malaysia sebagai contoh, IKS biayai sendiri 34%, biayai orang lain 25.7%, biayai keluarga dan kenalan 23.6%, biayai oleh bank 34…3.4%, Institusi Kewangan Pembangunan atau termasuk Bank SME 2.7%, jumlah pertumbuhan 518,996, syarikat besar 37.2%, untuk biayai sendiri…biayai orang lain 4.7%, biayai keluarga dan kenalan 56%, biayai oleh bank 47.6%, Institusi Kewangan Pembangunan 2.6%. Jumlah pertumbuhan 4,136,000.

Jadi jumlah pertumbuhan ialah biayai sendiri 177,863, biayai orang lain 133,456, biayai keluarga dan kenalan 132,644, biayai oleh bank 71…287…31,287, Institusi Kewangan Pembangunan termasuk bank SME 14,166. Jumlah pertumbuhan 520,132. Ini sumber daripada Jabatan Statistik Malaysia. Kesan terhadap isu di mana perangkap hutang kepada anak muda dan rakyat biasa. Kedua menyokong Sistem *Monetary* Antarabangsa, memperkukuhkan kekuatan musuh Islam di peringkat antarabangsa, membenarkan mereka mengkucar-kacirkan negara Islam dan menakut… menakluk dan mengancam Palestin dan Al-Aqsa.

Jadi kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, maknanya bank, dia berniaga atas hutang, selagi ini tidak diubah bermaknanya inflasi atau harga barang tidak akan turun, sebab itu saya rasa tidak ada dunia yang turun barang rasa saya. Jadi makna kita bersyukurlah di Malaysia ini masih lagi kita dapat pertahankan. Jadi

ini salah satu menafikan bahawa kalau pembangkang menggunakan GST adalah sebab kenaikan barang, itu adalah dangkal sebenarnya… dangkal sebenarnya dan dengan GST tidak ada kena mengena dengan kenaikan harga sebenarnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak beralih kepada tajuk-tajuk yang lain. Ini tajuk yang paling mendesak di kawasan saya iaitu Operasi Tangkapan Gajah di Pulau Tawar. Baru-baru ini kita memang, saya rasa dalam 2, 3 bulan ni begitu hebat sekali dengan masalah gajah ini. Saya ingat lagi pernah 3 tahun, dalam 3 tahun yang lepas saya berucap di dalam Dewan Yang Mulia ini juga, tapi pada masa itu benda ini nampaknya tidak begitu serius, tapi kali ini memang serius. Gajah dah sampai ke belakang rumah sebenarnya. Pada 9 Oktober 2017 jam 8.30 pagi, anggota pasukan ini telah berjaya mengesan 6 ekor gajah liar sedang mencari makan di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Bukit Rang Pulau Tawar. Setelah beberapa jam menjejaki kedudukan tawanan gajah tersebut, pasukan ini telah dapat menangkap seekor gajah betina dewasa berusia sekitar 30 tahun dengan anggaran berat 2.5 tan. Walau bagaimanpun baki kawanan gajah liar yang lain telah menyelamatkan diri ke hutan berhampiran.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Saya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya gajah tu minat di Pulau Tawar je, tak pergi kawasan lain, Damak ke, Cheka ke, sekitar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Dia pergi juga agaknya tapi agak kurang bermasalah sikitlah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Serius di Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Pada 10 Oktober 2017, gajah betina yang telah ditangkap semalam di pasang kolar ber*satellite* dan dilepaskan semula kepada kumpulan asal. Tujuan pemasangan kolar ini adalah untuk memantau pergerakan kumpulan gajah yang telah menimbulkan konflik di Kampung Kelola, Kampung Batu Leja, Kampung Paya Garuk, Kampung

Bukit Rang dan Kampung Bukit Nikmat sejak kebelakangan ini. Kolar ini juga bertindak sebagai *early warning system,* yang mana dapat memberi maklumat awal tentang lokasi kumpulan gajah tersebut berada. Ini akan memberi maklumat awal dan memudahkan jabatan untuk bertindak dengan segera, sekiranya gajah-gajah keluar ke kawasan penempatan manusia atau kawasan pertanian.

Semenjak Tahun 2011 hingga Julai 2017 terdapat sebanyak 126 aduan pencerobohan gajah yang dilaporkan di kawasan Daerah Jerantut yang melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM801,625. Manakala konflik gajah manusia di Mukim Pulau Tawar Jerantut dilaporkan berlaku semula Oktober 2016 dengan aduan akhir yang diterima di kawasan berkenaan adalah pada 3 Oktober 2017 iaitu di Kampung Kelola. Sepanjang Tahun 2017, semenjak 9 operasi tangkapan gajah telah dijalankan oleh Jabatan di Pulau Tawar ini, yang telah menelan belanja…belanja hampir RM180 ribu. Namun operasi tersebut tidak berjaya oleh kerana, kesukaran menjejak kesan disebabkan kawasan rayau yang sangat luas, dengan kawasan yang berjaya…yang berpaya dan berbukit. Walau bagaimanapun pihak jabatan menggunakan kaedah tembak halau bagi menghalau kumpulan gajah ini ke habitat asal iaitu di kawasan hutan simpan.

Mengikut rekod jabatan, kawasan kampung-kampung ini sering dicerobohi oleh kawanan gajah liar yang besar atau kawasan Hutan Tekai dengan anggaran kumpulan 25 hingga 7… 27 ekor. Kawanan ini sering menceroboh ladang-ladang getah dan kelapa sawit pada waktu malam dan akan beredar semula ke hutan pada awal pagi. Semenjak Tahun 2010 hingga 2014, sebanyak 4 ekor gajah liar telah berjaya ditangkap di sekitar kawasan ini. Pihak Jabatan Perhilitan akan meneruskan usaha menangkap lebih banyak gajah-gajah yang membuat konflik di kawasan berkenaan untuk dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai. Usaha ini adalah bagi memastikan keselamatan penduduk kampung dan mengurangkan kerosakan harta benda penduduk di Pulau Tawar.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perhilitan yang begitu komited dan juga bertanggungjawab. Boleh kata semua Ahli-ahli Perhilitan di Temerloh, di Kuantan sentiasa bergilir-gilir berkampung di DUN Pulau Tawar untuk menyeliakan gajah-gajah ini, dan di kesempatan ini juga saya memohon Kerajaan Negeri supaya insya-Allah dapat membantu, kerana sudah hampir 3 atau 4 bulan mereka ini di kawasan saya, memang memerlukan belanja dan Wakil Rakyat pun memang dah banyak kena belanja, sampai Tok Empat pun kena belanja.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ahli Dewan dari Pulau Tawar, boleh jumpa saya selepas ini. Selain daripada bantuan untuk gajah tu, hah tu… kakak-kakak di atas tu, kena tengok juga sikit. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Terima kasih… terima kasih Yang Amat Sri DiRaja. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengulang kembali iaitu berkenaan dengan dadah. Saya dalam apa ni perhimpun… perhimpunan Dewan yang lepas, telah banyak kali mengutarakan sebelum Bajet, tapi tak taulah. Bajet tadi tak nampak, baca-baca tak berapa nampak juga peruntukan untuk dadah ni. Jadi saya sekali lagi merayu supaya kita perlu menyediakan peruntukan khusus untuk aktiviti-aktiviti dadah ni.

Saya selaku Pengerusi PEMADAM negeri, Pengerusi kepada Jawatankuasa Pelawat Pusat Serenti Gambang, Pengerusi kepada Jawatankuasa Kepulihan Dadah Kuantan dan juga Pengerusi Kepada Squad Satu Malaysia (AADK) dan sebagai *focus person* AADK. Jadi memang kita melaksanakan banyak program, saya banyak kekangan, saya rasa perkara ini perlu dibantu oleh Kerajaan Negeri kerana dalam usaha membanteras dadah ini, kerjasama semua pihak perlu diperkasakan bagi memastikan isu tersebut dapat dibanteras. Gejala dadah masih berlaku dan ini tak boleh diletakkan pada bahu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) atau satu pihak semata-mata. Malah ia perlu digalas semua pihak. Perlu melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta dan juga NGO. Sejumlah penagih yang dikesan pada tahun lepas ialah 30,844 di mana 20,103 kes baru manakala 7,121 merupakan kes berulang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seramai 702,319 individu ditahan polis atas kesalahan memiliki dadah sepanjang 2014 hingga Oktober 2017 tahun ini. 20,731 individu adalah pengedar yang ditahan di bawah Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1992. Manakala 27,314 merupakan warga asing.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Melalui statistik-statistik menunjukkan bahawa kes peningkatan dadah ini adalah *upward trend* atau pun memang menaik walaupun kes HIV menunjukkan penurunan. Saya sekali lagi memohon supaya pihak kerajaan dapat memperuntukkan peruntukan khas sebagaimana yang dibangkitkan setiap kali dalam dewan bersidang. Sebagai contoh, negeri Johor memperuntukkan RM1.0 juta dan di Melaka dan Perak pun RM1.0 juta dan saya harapkan insya-Allah negeri Pahang yang sangat prihatin, Menteri Besar yang sangat prihatin ini insya-Allah saya rasa.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HADI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Prihatin tu prihatin tapi saya minta Ahli dari Pulau Tawar rujuk pada buku Ucapan Bajet. Terima kasih. Tebal ke nipis. Tengok sendiri.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

[Ketawa]. Insya-Allah saya akan rujuk dan mudah-mudahan. Hampir… saya setiap kali saya bersalam dengan Pegawai Kewangan rasa bertuah. Mudah-mudahan insya-Allah. Banyak kali bersalam tu…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Tawar, yang itu boleh bincang di luar. Teruskan aja.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Bincang di luar ya. Tak apa Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya setakat itu aje. Dengan ini saya menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih orang Pulau Tawar. Saya nampak tadi dari Triang, sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya telah membuat sedikit perbandingan Bajet bagi tiga tahun ini. Tahun 2016, anggaran hasil RM728 juta tetapi pendapatan sebenar yang dikutip hanya RM615 juta. Anggaran perbelanjaan pengurusan RM727 juta, perbelanjaan sebenar RM689 juta. Bagi Tahun 2016, negeri Pahang mengalami defisit sebanyak RM74 juta. Ini tidak termasuk perbelanjaan pembangunan. Bajet 2017, anggaran jumlah hasil RM739 juta, jumlah perbelanjaan mengurus RM738 juta.

Apabila kerajaan negeri membentangkan Bajet 2017, terdapat empat fokus untuk negeri Pahang iaitu perumahan, pendidikan, kebajikan dan meneroka sumber baru untuk menjana hasil pendapatan negeri. Bajet 2018, tema negeri Pahang adalah "Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Tanpa Mengabaikan Kepentingan dan Kesejahteraan Rakyat". Saya ada beberapa soalan yang ingin kemukakan di Dewan Yang Mulia ini.

Soalan pertama, sejauh manakah keberkesanan usaha Kerajaan Negeri untuk meneroka sumber baru demi menjana hasil pendapatan negeri seperti yang dijanji pada tahun lepas? Apakah sebab anggaran jumlah hasil pada 2018 merosot sebanyak RM38 juta sekiranya berbanding dengan anggaran hasil 2017?

Soalan kedua, mengenai perbelanjaan pembangunan. Pada Tahun 2016, perbelanjaan pembangunan sebenar adalah RM181 juta. Pada Tahun 2017, anggaran perbelanjaan pembangunan adalah RM194 juta tetapi untuk 2018 anggaran ini merosot sebanyak 44% menjadi hanya RM108 juta. Dengan penurunan ini, bagaimanakah kerajaan dapat memastikan kepentingan rakyat tidak diabaikan?

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di kawasan Triang, rakyat masih tunggu, menunggu projek-projek pembangunan. Antaranya termasuk pertama, Padang Awam Triang di naiktaraf dan di selenggara dengan baik. Kedua, Taman Rekreasi Triang dibina. Pembangunan rumah dan kedai-kedai di kawasan Triang bagai cendawan lepas hujan tetapi untuk perancangan bandar bukan sekadar menyediakan rumah dan tempat kediaman dan pusat komersial sahaja, taman rekreasi juga penting untuk melengkapkan kemudahan sesuatu bandar.

Projek ketiga yang rakyat tunggu adalah menaik taraf Jalan Persekutuan Ke-10 termasuk memperbaiki jalan rosak dari Kerayong ke Triang dan dari Triang ke Paya Lang. Pemasangan lampu isyarat di persimpangan Triang *Central*. Penyelesaian masalah kesesakan jalan dari Kerayong ke Triang. Projek keempat yang ditunggu, pelan induk saliran mesra alam bagi menyelesaikan masalah banjir kilat. Projek keenam, memperbaiki… *sorry* projek kelima, memperbaiki perkhidmatan bekalan air di Felda Bukit Puchong khasnya semasa hari perayaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Apabila perbelanjaan pembangunan merosot, kemungkinan projek-projek yang dicadang tersebut akan terganggu juga. Sekiranya demikian, kepentingan dan kesejahteraan rakyat diketepikan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada bulan September yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri… Perdana Menteri semasa membuat lawatan ke Amerika Syarikat menyampaikan hasrat beliau kepada Presiden Donald Trump bahawa beliau akan membantu menguatkan ekonomi Amerika Syarikat dan membantu membangunkan infrastruktur di Amerika Syarikat. Kita rasa pelik adakah Malaysia kini sudah cukup maju, makmur dan hebat sehingga kita mampu bantu negara yang paling kuat di dunia.

Sedangkan di kalangan rakyat masih banyak lagi pembangunan infrastruktur yang tengah tunggu kelulusan peruntukan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengibaratkan hubungan kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagai bapa dan anak. Jadi saya menyeru bapa sepatutnya bantu anak dulu, bukannya orang yang sudah maju dan tak ada hubungan kait langsung seperti Amerika Syarikat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan cadangan Bandar 34 telah dibuka dan diusahakan oleh petani tempatan pada awal tahun 60-an daripada nenek moyang ke generasi anak cucu. Walaupun sudah berpuluh-puluh tahun, mereka tidak…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Triang, saya bukan nak menyentuh perbahasan Yang Berhormat tapi saya minta Yang Berhormat memandang Yang Berhormat Yang di-Pertua di sini, bukan di sana.

YB. CIK LEONG YU MAN

Okay, boleh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pada saya, saya nampak tepi saja. Hah, nampak cantik sikit. Ke mari, hah… sila. [Ahli Dewan ketawa]

YB. CIK LEONG YU MAN

Okay, Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Jadi untuk petani di Bandar 34, sudah berpuluh-puluh tahun mereka mengusahakan tanah. Mereka tidak sekalipun meninggalkan tanah carian rezeki mereka. DARA yang diberikan amanah untuk membangunkan Bandar 34 tapi akhirnya DARA sendiri pun dibubarkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sedangkan Bandar 34 telah digantikan dengan Bandar Bera dan usaha kerajaan membuktikan bahawa penggantian ini berjaya. Apakah sebab kerajaan masih mahu menyusahkan petani yang masih mengusahakan Bandar 34? Memang ada pimpinan politik yang berniat untuk kukuhkan kerusi dengan alasan pembangunan kem tentera di Bandar 34.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menang kalah dalam pilihanraya, itu tertakluk kepada kuasa rakyat. Janganlah menggunakan askar sebagai alat politik. Ini bukan adil kepada pengundi tempatan, mahupun askar yang terpaksa dipindah. Jika ini bukannya berniat politik, mengapa bangunan kem tentera yang belum siap dimina… dibina, seramai 1,234 orang pengundi telah dimasukkan ke Rang daftar pemilik tambahan suku tiga Tahun 2017…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya mohon mencelah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Er… Triang ni menyebutkan bahawa apabila kita hantar tentera ke tempat tu maka… maka… bermakna dia takut dia kalah, dan dia menuduh bahawa undi tentera adalah undi untuk memenangkan Barisan Nasional. Saya nak beritahu, DUN Pulau Manis, lebih kurang 5,800 adalah tentera. Saya tak dapat 5,800. Maknanya dalam 5,800 tu, kita hanya dapat lebih kurang 3,500 saja, undi daripada pihak tentera, dan kalau ADUN di Pulau Manis tak buat kerja, dan kalau tidak ambil peduli kepada tentera. Saya rasa mungkin tak dapat pun undi daripada tentera, tentera lagilah… dia peduli apa. Dia duduk dalam pagar, tapi masalahnya sekarang ni, pihak anggota tentera, sebagai orang yang menjaga keamanan negara, sebagai orang yang memang hidup mati dia untuk negara tentulah dia cintakan negara. [Ahli Dewan menepuk meja]

Ini perkara yang penting sekali, kita… kita kena ingat tentera yang datang ke Bera, bukan kerana nak… beri undi yang lebih, tapi tentera datang ke Bera, kerana Bera merupakan salah sebuah negara, negeri..ape ni… daerah di tengah-tengah kawasan. Maka memang perlu untuk menjaga keselamatan, tak kena gaya dia menjaga juga DUN Triang. Hah, yang selalu bergerak, yang selalu orang kata... katanya kuat berjalan malam. Hah, tentera boleh…boleh jaga, kawalan keselamatan… kan bagus kalau macam tu. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Jengka duduk… ADUN Jengka…

YB. CIK LEONG YU MAN

Maaf ADUN Jengka, biar saya balas dulu boleh, nanti saya beri laluan, saya balas dulu.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Saya sama isu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Jengka, saya ingat duduk dulu… ADUN duduk dulu.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua, daerah mengundi kem tentera ini di bawah DUN Kemayan, Parlimen Bera. Jadi, *sorry* saya balas dulu.

Untuk menjamin keselamatan orang ramai, lebih baik kita membuka semula Balai Polis Triang dulu, bukannya membina Kem Tentera dan kosnya jauh lebih rendah.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya berasa ini adalah merupakan satu persek… perspektif dia dan sebenarnya tak ada kena mengena dan berapa ramai contoh di mana Kem Tentera berada, tapi berada di tempat pembangkang menang. Sebagaimana yang kita, di Indera Mahkota, Beserah bagaimana Temerloh… tak de pun kena mengena dengan tentera. Ini menambah mengguris hati pahlawan-pahlawan yang mempertahankan negara kita. Itu saja. [Ahli Dewan menepuk meja]

Inikah yang sebenarnya dimaksudkan? Ya. Jadi saya tak percaya, sebenarnya inilah merupakan sahaja, politik yang dibawa oleh pembangkang. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya akan cadangkan kepada Menteri Pertahanan untuk buat satu lagi di Jengka. [Ketawa] [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tapi persoalan adalah, Kem Tentera belum siap dibina. Jadi kenapa terburu-buru, tergesa-gesa sangat untuk pindah masuk pengundi ini. Kem belum siap dibina, mana… nama sudah dimasukkan ke senarai daftar pemilih.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Untuk anggota askar, kita faham kedudukan mereka, kita tidak salahkan mereka. Mereka tiada kebebasan yang cukup luas untuk mengundi. Ini hakikat yang tidak boleh dinafikan, bukan sekarang bahkan dari awal lagi.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekali lagi, kalau boleh ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ini juga merupakan gambaran yang seolah-olah bahawa kalau adalah yang menyokong kita, semua salah. Semuanya dikehendaki menyokong pembangkang. Begitukah maksudnya? Kalau Kerajaan diberi kebebasan, tentera juga diberi kebebasan, tetapi dalam soal ini…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan… minta laluan… jika kamu…

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Sebelum, sekejap… sekejap. Jadi sebenarnya pada saya, ini merupakan satu andaian-andaian sahaja ya, dan telah dibuktikan memang, kalau begitu kenapa PM, er… Ketua Menteri Pulau Pinang minta supaya dibesarkan er… Pangkalan Tentera di Pulau Pinang. Jadi sebenarnya, itulah dan kenapa akhirnya dalam masa 20 dalam pukul 3 pagi diminta bantuan tentera… inilah kerjanya ya… terima kasih.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Minta laluan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Yang Berhormat Jengka setuju bahawa sebelum…..

YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Bilut.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Kem ditubuhkan…

YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang berhormat Bilut, Bilut duduk sebentar bagi peluang.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya ingin buat sikit penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, selaku seorang tua lah. Pada masa dahulu, rata-rata pasukan keselamatan, yang terdiri daripada Polis diRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, pegawai kakitangan hampir 99% mengundi Parti Kerajaan, tetapi sejak saya pastikan tiga pilhan raya umum yang lalu, ini tidak berlaku lagi.

Saya ingin mengatakan juga iaitu sekarang dan dahulu pun, mereka mengundi dengan bebas, tetapi sekarang ni lagi diperketatkan dengan setiap Wakil Calon memerhati mereka mengundi. Dulu… kalau satu *company* tu, dia panggil pegawai anggota, jadi… SPR duduk sini, Pegawai pemerintah duduk disini, kemudian mereka mengundi. Sekarang mereka mengundi dengan disaksikan oleh Wakil-wakil parti. Tiada tempat tiada ruang untuk siapa-siapa termasuk SPR untuk nak *manipulate.*

Yang kedua, apa yang disebutkan oleh Ahli dari Pulau Manis sangat benar. Jangan risau Triang. Penempatan kem itu adalah maksud-maksud tertentu oleh Pihak Kementerian, tetapi kita orang politik ni memerhatikan hah, ini untuk mengukuhkan calon Barisan Nasional di kawasan berkenaan. Tidak. Dulu boleh, sekarang belum tentu ada kem, parti pemerintah boleh menang. Belum, belum tentu. Contoh di Lumut, contohnya di Beserah, contoh di Temerloh. Di Beserah, lebih dari 70%, 80% pegawai, kakitangan Wilayah Laut 2 tidak mengundi Barisan Nasional.

Jangan risau, kalau saya jadi Ahli dari Triang, lebih ramai tentera yang sampai, lebih saya suka dan saya lebih kerap berjumpa dengan mereka, supaya dia nampak mereka, sup… mereka nampak muka saya, dan bila saya bertanding pilihan raya nanti, saya boleh menang. Lebih-lebih lagi Ahli dari Triang, seorang wanita, belum kahwin, menarik dan manis. [Ahli Dewan ketawa] Pergi je jumpa askar tu, jangan risau, pergi jumpa askar, yang datang seribu lebih tu.

Sekarang baru tiga ratus lebih, saya ingat, pergi jumpa diorang. Takut apa? Hah, itu lawanlah makna calon Kemayan, lawan dengan calon Triang. Tengok siapalah, kalau calon Kemayan, muka tak lawa, dia kalahlah. Itu sajalah, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat elok Yang Berhormat Triang teruskan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Triang, Minta Triang bagi laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Atau Yang Berhormat Triang. Hah, Bilut.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya nak tanya Wakil Jengka, adakah anda setuju sebelum kem dibinakan tapi senarai nama sudah masuk ke itu… *list* itu, senarai itu. Ini adalah persoalan yang paling penting. *Thank you.*

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Saya mohon mencelah.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila. Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Jadi memandangkan Kem Tentera tu ditubuhkan dalam DUN Kemayan. Jadi eloklah saya bagi respon sikit.

Pertamanya, Dato' Yang di-Pertua,

Tadi bercerita katakan dia mahukan pembangunan, ya. Apabila sesuatu pembangunan datang ke daerah Bera, kita harus sambut dengan ber… berlapang dada, dan pada ketikanya saya tahu Dato' Speaker, pada asalnya Wakil Triang beranggapan yang kem tu akan dibina dalam DUN Triang tapi setelah *check* lokasi sebenar, berada dalam DUN Kemayan.

Jadi saya ternampak pertamanya, kita kena berlapang dada bila pembangunan masuk, dan keduanya, tak perlulah risau pasal kem tu bukan dalam… DUN Triang dan DUN Kemayan. Insya-Allah kalau pengundi-pengundi itu kalau anggota-anggota tentera pengundi pun, undi DUN Kemayan. Tak perlu… tak perlu risau, itu kedua. Dan ketiganya Dato'… Dato' Speaker, saya pernah jadi sebagai pengurus ladang, ya. Dan saya ada sejarah bila arahan oleh pihak majikan supaya saya pergi ke masuk hutan, apa tujuannya? Pasal nak membangunkan hutan untuk jadikan sebuah ladang, ya.

Walaupun prasarana itu belum disiapkan, dalam keadaan hutan, kami sebagai pekerja ya, bekerja atas arahan majikan. Bila perlu berpindah ke dalam hutan kita pindah ke dalam hutan. Walaupun pada ketika itu dalam hutan tak ada benda prasarana. Tak ada *office*, tak ada apa, jalan pun tak ada. Jadi kami rintis jadikan satu perladangan dengan secara tak langsung bila siap ladang, kita tubuhlah, buatlah rumah, buatlah itu, buatlah ini.

Maknanya sebagai seorang tentera, bila diarahkan supaya berpindah dari satu tempat dia orang berpindahlah macam kitalah. Macam DUN Triang anak tokey ya… ADUN Triang ini anak tokey. Jadi tak perlulah dia rasa. Dia tak pernah bekerja sebagai seorang… seorang… tak pernah…tak pernah bekerja… dan tak pernah merasa ada majikan. Jadi dia tak reti suasana itu, suasana bila kita bekerja, kita ada majikan. Serupa tentera bila diarahkan pergi ke hutan ini, buat operasi atau pindah tempat. Makna diaorang kena ikutlah dan macam…macam Yang Berhormat Menteri Besar cakap tadi ADUN Triang jangan risau ya, macam sejarah telah membuktikan… bukannya kata ialah kalau kita harapkan memang 100% ya, 100% yang…yang tentera-tentera ini mengundi kerajaan ya. Tapi banyak kes ya, banyak kes yang mana kem-kem tentera, peratusan nak dapat 100% itu susah jugalah dalam keadaan sekarang ini.

Kita ada contoh Dato' Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagitahu, contoh Lumut lah, Beserah lah, kem di mana lagi tadi? Saya bagi contoh satu lagi pilihan raya di Port Dickson, Teluk Kemang, ya. Keputusan pilihan raya menunjukkan yang peti undi di Kem Tentera Teluk… apa ini… Port Dickson itu kalah, kalah. Jadi tak perlulah risau dan takut ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Okay, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya, sekejap. Maaf. Minta laluan ya. Saya tertarik dengan penjelasan yang dibuat oleh Ahli dari Kemayan. Sekarang ini Ahli dari Triang, dia bukan takut Triang kalah. Dia takut Bera, kita menang lagi. Itu saja [Ahli Dewan Ketawa].

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekarang masalah yang dibawa oleh er… Wakil Triang adalah premis itu belum siap lagi tapi apa itu… senarai SPR dah masuk ke *list* itu. Itu masalahnya yang dibawa oleh Triang.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Betul *Speaker*, itulah tak faham. Makna… mana tadi? Ketari tak faham. Pasal diaorang tak pernah bekerja. Jadi macam saya cakap tadilah. Saya selaku pengalaman sebagai pengurus ladang, bila diarahkan majikan suruh buka ladang. Be…begitulah keadaan senarionya, makna askar pun begitu juga, dalam keadaan tak ada prasarana, tak ada *facilities* tapi dia kena pindah, pasal arahan daripada majikan dan bila dah... makna dia bila dah berpindah itu tak semestinya segala serbi fasiliti itu lengkap… makna arahan majikan, pindah dulu. Bila pindah bawalah…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan di-Pertua, mohon mencelah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Masa pun dah nak makan tengah hari kita ini. Saya tidak menyokong mana-mana, saya selaku Ketua Kerajaan Barisan Nasional, saya mesti mempertahankan Barisan Nasional ini. Tapi kita simpati juga sebagai kerajaan yang seimbang, kita simpati dengan apa yang disebut oleh Ahli daripada Triang tadi. Sepatutnya Ahli dari Kemayan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dia mesti menjelaskan kenapa kem tak siap, askar dah masuk. Hah… dia berbeza dengan pengurus estet macam pengurus FELDA zaman dulu. Orang suruh masuk hutan, dia masuk hutan tapi ini nak cari apa, kem tak ada orang dah masuk. Apa nak cari? Hah. itu nak jawab [Ahli Dewan Ketawa].

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua,

Maknanya untuk membangun satu-satu kawasan… [Ahli Dewan Ketawa].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kemayan.

YB. DATO' HAJI MOHD FADIL BIN OSMAN

Untuk membangunkan satu kawasan kita perlu macam sayalah. Saya seorang pengurus ladang dan tentulah saya kena bawa kakitangan saya bersama, anak-anak buah bersama. Begitu jugalah tentera takkan komandan saja yang pergi bersorang-sorang diri untuk membangunkan kawasan tersebut. Jadi dia perlukan sekali dengan jentera dia, dengan askar-askarnya, dengan anggota-anggotanya supaya pembangunan itu be… be… tu be… apa?

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUN

Dato Sri Yang di-Pertua, saya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Tuan Yang di-Pertua…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUN

Saya nak tanya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Sikit je. Dato' Yang di-Pertua, minta sekejap ya, dengan izin. Jadi jawapannya begini. Dalam proses operasi askar apapun, the process *familiarization* ataupun *acclimatization…* besar. Manakala kita nak hantar askar pergi negeri sejuk, kita hantar dulu pegawai-pegawai pergi tengok, *acclimatization to be familiar with the climate*. Hah…tu dia, *familiarization*, yang ini begitu juga, dia hantar ke Triang… bukan 1,000 lebih lagi masuk, belum pun… baru 300 lebih aje. Ini dia kata dalam askar-askar *advanced party* bagi menengok keadaan macam mana, sesuai tak sesuai. Mungkin kalau tak sesuai askar itu akan tarik balik tapi kalau sesuai mungkin tambah 3,000 atau 4,000 pun. Itu yang nak diberitahu [Ketawa] terima kasih. [Ahli dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya rasa cukuplah ADUN Kemayan [Ahli Dewan Ketawa]. ADUN Kemayan… ADUN Kemayan menang dengan majoriti 4,000 lebih PRU lepas. Menunjukkan beliau mendapat sokongan pengundi tempatan. [Ahli Dewan Menepuk Meja]. Jadi beliau tidak perlu risau kalau tidak berniat politik, tarik balik semua pengundi yang belum masuk daftar pemilih dulu. Kalau mereka benar-benar sudah masuk baru masukkan nama boleh? Ini baru menunjukkan kerajaan tidak berniat politik. Demi menjaga kepentingan pekebun kecil tempatan, saya juga berharap projek lain seperti MARA dan PR1MA dipindah ke tempat lain. Janganlah ganggu Bandar 34 lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Penutupan Balai Polis Triang sejak Disember 2016 amat mengejutkan masyarakat Triang. Saya percaya bahawa pihak kerajaan telah menerima balasan negatif baik dari Wakil Rakyat tempatan, parti-parti politik termasuk Parti Kerajaan dan Parti Pembangkang, JKKK, JKKKB, Persatuan Penduduk, Pertubuhan-Pertubuhan dan lain-lain. Kesemuanya bantah penutupan Balai Polis Triang. Saya masih ingat apabila isu ini dibangkit salah satu sebab balai dipindah ke Kerayong adalah Balai Polis Triang terlalu uzur dan usang dan perlukan kos pembaikan yang menelan belanja besar.

Pada mesyuarat kedua tahun ini saya tanya lagi. Jawapan yang diberi berbunyi demikian. IPD Bera mempunyai perancangan masa hadapan terhadap bangunan Balai Polis Triang. Cadangan yang telah disenarai pendek adalah Pejabat Operasi Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Kompleks Sukan IPD, Pejabat Pesara Polis, Pejabat Sukarelawaan Polis, Rumah Transit. Pengoperasian ini akan dibuat selepas kerja baikpulih struktur bangunan dan pendawaian yang dilakukan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya rasa keliru kerajaan kejap menyatakan kos untuk membaiki Balai Polis Triang tinggi. Jadi mereka terpaksa pindah balai Triang ke Kerayong. Kejap lagi dia nyatakan ada rancangan lagi… lain untuk bangunan tersebut. Jadi saya perlu pengesahan di sini sama ada bangunan Balai Polis Triang akan diperbaiki? Sekiranya… sekiranya ya, kenapa tidak pulangkan balai polis kepada orang Triang? Balai Polis Triang perlu dibuka semula. Ini kehendak orang Triang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Isu lanjutan tempoh pajakan hak milik Kampung Baru. Perkara ini banyak kali dibangkit di sini. Setiap kali kita dapat jawapan daripada Kerajaan Negeri adalah permohonan akan diluluskan, cumanya perlu tunggu. Apabila tanya, tunggu. Tanya lagi, tunggu. Sampai bila kita masih tunggu, perlu tunggu. Borang dihantar tahun 2012 sebelum pilihan raya umum. Kini satu penggal pun hampir genap kelulusan belum sampai.

Ini bukan permohonan per… ini bukan permohonan tanah. Ini cuma lanjutan tempoh pajakan. Jadi saya harap satu unit khas diamanahkan tugas ini supaya semua permohonan yang dihantar dari Tahun 2012 hingga 2015 akan diluluskan sebelum PRU akan datang. Sekian ucapan saya, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Triang. Dijemput Mentakab.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Speaker kerana mengizinkan saya er… pada pagi ini bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbelanjaan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2018.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kali ini pembentangan bajet, saya rasa ia agak telus dan terbuka jika dibandingkan sebelum ini, tapi dari segi *figure* ataupun angka yang ditunjukkan tidak jauh berbeza dengan Bajet-Bajet yang lepas. Di sini saya ada sertakan Bajet yang er… bermula pada Tahun 2008 sehingga 2018. Jika kita lihat bahagian defisit ataupun *surplus* dari Tahun 2008 sehingga 2012, ia menunjukkan defisit tapi setahun sebelum pilihan raya ataupun pilihan raya… pilihan raya wajib PRU iaitu 2012 dan Tahun PRU 2013, ia menunjukkan *surplus*. Begitu juga selepas Tahun PRU 2014 sehingga 2016, ia menunjukkan defisit balik tapi dalam anggaran Bajet tahun-tahun ini, ia menunjukkan *surplus*. Saya yakin pada tahun 2017 ia akan menjadi *surplus* kerana pada Tahun 2018 adalah tahun PRU ke-14.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mengurus atau mentadbir sebuah negeri tidak sama dengan mengurus sebuah syarikat,yang mana mementingkan keuntungan semata-mata tanpa ada nilai kontrak sosial. Saya bersetuju dengan kenyataan ini. Kita tidak mempersoalkan keuntungan semata-mata tanpa nilai kontrak sosial di sini. Apa yang dipersoalkan oleh rakyat ialah integriti, ketelusan, kecekapan, *efficiency* sesuatu pentadbiran. Sebagai contoh ya, kes perlombongan haram bauksit, perlombongan haram emas di Hutan Simpan Lakun, siap dengan jentera berat sekali di situ dan juga pencerobohan tanah di Cameron Highlands dan tempat-tempat lain.

Jika perkara ini dapat ditangani dengan baik ia akan mendapat keuntungan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Tidak dinafikan negeri Pahang adalah anak dan kerajaan pusat adalah bapak tapi kita kena ingat hutang bapak dah kian meningkat lebih daripada RM800 bilion akhirnya yang akan menyelesaikan hutang ini adalah rakyat iaitu anak.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

RM800 bilion?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

Rakyat kini….

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak…tak… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hutang meningkat RM800 bilion?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

Ya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang saya tahu RM3.31 bilion jer. RM800 bilion daripada mana?.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

Hutang semua yang Kerajaan Pusat, bukan…bukan…bukan negeri. Pusat. Bukan yang saya maksudkan kat sini… bukan di negeri. Pusat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hutang segi apa?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

RM800 bilion.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya percaya hutang Kerajaan Negeri-negeri bukan Pahang sahaja agaknya dak?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

Saya… bukan, saya maksudkan di sini bukan… bukan negeri Pahang, hutang Pusat. Semua, keseluruhan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Bukan hutang Pusat. Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

Saya maksudkan di sini Kerajaan Malaysia, hutang Kerajaan Malaysia.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hah… ini kita cerita pasal Pahang yang melarat ke Malaysia pasal apa?.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA

Sebab kita anak… kita anak.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kita lapan ratus… kita RM800 bilion tu kita terkejutlah. Kita…setahu kita RM3.31 bilion. Lepas kita dah cakap dah, ni soal Rumah Kos Rendah, zaman dulu, soal paip air, mengganti paip air. Panjang paip air di Pahang ni Ahli dari Mentakab, Naib Presiden Parti *Democratic Action Party* Malaysia yang baru dilantik, panjang paip 14,000 kilometer, ke London boleh pergi balik. Kos dia tinggi. Masih ada lagi *AC Pipe* yang kita nak ganti. *AC Pipe* ni boleh menyebabkan kanser. Bukan Kerajaan salah tadbir,

untuk rakyat. Harga air tak pernah naik. Kerajaan mensubsidi 60%, rakyat bayar 40%. Nak naik asal bil air sekarang ni, tanah orang kampung satu ekar, dua ekar, kita caj RM300,000, RM400,000. Kerajaan DAP pun lingkup. Biarlah faham sikit. Kita politik, politik biar *gentleman*.

Saya dah beb… begitu apa ni terbuka mencerita keadaannya. Kita hanya ada tanah, orang mintak turun premium, orang mintak rayu premium. Kita boleh jual tanah, kita boleh tender semua tanah di Pahang ni, siapa nak tanah kita tender boleh dapat duit, banyak tapi mampukah kita nak bagi pada rakyat? Hah… mampukah rakyat boleh bayar premium tanah RM100,000 1 ekar. Janda Baik RM1 juta 1 ekar. Orang jual tanah di Janda Baik sekarang RM1 juta, 1 ekar. Di Tanjung Lumpur tak ada RM100… RM150,000 1 ekar, orang tak jual. Bolehkah kerajaan caj sebanyak itu kepada rakyat? Tak boleh.

Perhutanan begitu juga, caj premium mahal-mahal, hah…sepatut RM1,000, RM2,000 kita caj RM7,000, RM8,000. Apa jadi nak buat ni… nak buat meja kerusi ni, akan meningkat harganya, nak buat bangunan akan meningkat harganya. Itu semua kita fikir guna otak, jangan guna emosi. Begitu juga air, kita punca air banyak di Malaysia kononnya, tapi rakyat kita bayar air berlipat-lipat ganda. Buat apa? Cuba cakap terus terang, kalau rakyat bayar sekarang RM30.00 bil air, untuk kerajaan dapat untung rakyat kena bayar RM120.00. Boleh kita kenakan rakyat bayar RM120.00. Hutang *federal*, hutang negeri, hutang Malaysia, berhutang ni memang dah perkara biasa.

Amerika pun berhutang. Amerika trilion, trilion, trilion ringgit defisit dia, tapi sebab apa sebab dia duit dia laku, duit dia orang terima pakai. Kalau *toilet paper* pun *Dollar Amerika* yang di pakai, orang pakai, sebab dia di *recognise* sebagai *dollar* yang paling kuat atau ringgit paling kuat di dunia. Orang tak pakai ringgit kita tapi setengah negara Afrika nak beli sekampit beras kena bawak seguni duit. Kita kena faham sikit. Kita kena faham apakah dia… apa ni mekanismenya, kemudian itu apa ni… kumpulan-kumpulan tertentu yang membasmi ekonomi dia, kita kena faham.

Jangan kita pakai tuduh sewenang-wenangnya. Takkanlah kita bodoh sangat? Takkanlah kita tak boleh mentadbir? Takkan tak terfikir masalah rakyat? Takkan tak terfikir pasal duit? Tapi tak buat pasal apa? Mementingkan rakyat.

Saya berharap Yang Berhormat er… Tuan Yang di-Pertua, semua orang mesti faham. Ini tengah panas ni, nasib baik tak cakap 'orang putih', saya biasa kalau marah, saya cakap orang putih. [Ahli Dewan ketawa].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Dato' Sri… Yang Berhormat Dato' Sri… saya ingat berehat sebentar, duduk sebentar…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh duduk sekejap Dato' Sri.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hah… Boleh. [Ahli Dewan ketawa]. Dak duduk terus ke sekejap ni? [Ahli Dewan ketawa]. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ya kena fahamlah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila… Dato' Sri sambung. [Ahli Dewan ketawa] Sila Dato' Sri sambung. Boleh?

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Sekarang ni, kita bukanlah kita bodoh, bangang sangat. Kita kena ambil kira belaka, tapi saya sebagai budak berasal daripada kampung, saya tahu orang susah macam mana. Saya sekolah belanja sepuluh sen sehari, satu air sirap lima sen, satu nasi lemak lima sen, nasib baik arwah mak pandai menjahit, tiga pasang ini… ni pakaian sekolah tak macam kawan-kawan saya, ada koyak ada tampal. Saya ingat lagi arwah ayah, arwah mak dia tak rela tengok anak dia pakai baju yang bertampal, sebab arwah mak buat. Kasut, hah… kasut koyak… ganti, koyak… ganti.

Saya duduk dengan nenek, darjah satu sampai darjah enam. Nenek ni punya konsep *justice fair incharge* apa benda? Kasut Nan koyak, Haris tak koyak, Haris tukar juga. Kalau Haris esok… buku Nan koyak, kasut Nan tak koyak, ganti kasut Haris, kasut Nan ganti juga. Kita patut mana yang koyak la ganti. Dak… dak dia ganti sorang, ganti semua.

Jadi kita…kita, kita kena faham, janganlah kita buat tuduh… tuduh sembarangan. Malaysia ni kalau kita tengok ini, *economy indicators* sedia ada saya lupa *reserve* kita trilion. Banyak, *reserve* kita boleh menanggung lebih tiga, empat bulan apa ni import tertangguh. Kita biar kita faham sikit. Di… baru-baru ini di *Singapore* pun orang pertikaikan Perdana Menteri dan PM Lee sedang menyebutkan kemungkinan *Singapore* akan menaikkan cukai. *Come on* lah… *Come on bro… you're just elected by the Democratic Asian Action Party as it a vice president but don't get that power that appointment get to your head. Don't became swollen headed. You don't try to pinpoint anybody as stupid*, tak pandai, *negligent* sebagainya, tak. Kita… kita… kita biar ni… *you* Tengku *man*, Tengku *behave like* Tengku lah. *Steady* sikit. Nak menuduh-nuduh. Jangan buat tuduhan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Biar benda… e*very fact or every issue must be substantial,* mesti ada asas. Jangan pakai-pakai buat jer. Terima kasih. Minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak pe.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ini saya nak… nak *pre-empt*. Ini satu *caveat* saya. Sila duduk. Kalau dia bercakap tak betul lagi saya minta izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, nak sanggah dia balik. Terima kasih.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak per. Yang Berhormat Dato' Sri saya izinkan bila-bila masa saja, kerana… [Ahli Dewan menepuk meja] kerana Yang Berhormat Dato' Sri mempunyai idea yang bernas sebenarnya. [Ahli Dewan ketawa] Idea yang bernas. Pengalaman yang luas…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja buat tak dengar sebab hendak benda tu diulang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya banyak pengetahuan. Di sini, saya tengok Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya senyap, sepi ya… kerana terpegun dengan idea yang baik. Tambah lagi kalau Dato' Sri sampaikan dalam nada yang cukup baik. Jadi nampaknya semua gembira [Ahli Dewan menepuk meja]. Termasuklah Yang Berhormat Mentakab sendiri saya ingat. *So*, sekarang saya bagi peluang menyambunglah ya.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Rakyat kini dibebani dengan kos kehidupan tinggi. GST, kenaikan minyak, harga barang dan kejatuhan nilai ringgit di pasaran. Kita harap selepas ini er… tiada lagi kenaikan GST dikenakan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya… saya di sini juga ingin berkongsi pengalaman, maklumat berkenaan dengan GST. Semalam daripada pihak kerajaan ada membentangkan berkenaan er… GST yang menyatakan mungkin ramai daripada pembangkang tidak faham. Saya akui, saya bukan orang yang cerdik. Saya masih belajar lagi, tapi saya setelah buat kajian. Buku yang dikeluarkan oleh kerajaan, Panduan Mudah GST Untuk Pengguna. Saya ingin… saya ingin di sini… ya… memberi pandangan saya. Kalau kita, mungkin… balik nanti boleh buka mukasurat 10 ya… hingga 11, Mekanisme Cukai Jualan dan muka 12 dan 13, Mekanisme GST. Saya ringkaskan di sini… supaya kita faham. Dari segi teori, memang betul. GST pada hujungnya ya… rakyat atau pengguna akan mendapat harga yang lebih murah daripada guna SST. Itu dari segi teori. Di sini lebih kurang… ini saya mengikut apa yang dikeluarkan oleh kerajaan… saya bukan reka-reka. Boleh *refer* balik. Perbezaan antara SST dan GST sini kalau menggunakan GST dari segi teorinya keuntungan lebih kurang 36%.

Tetapi tahukah kita penderitaan ataupun kesusahan peniaga di seberang sana, di luar sana? Er… apa yang sebenar mereka hadapi? Di sini saya ingin kongsi apa yang mereka hadapi. Saya ringkaskan di sini. Sebenarnya perbandingan SST dan GST di sini… walaupun *mark-up* dengan izin, sama 20%, 20%, dan peruncit 30% dan 30%, tetapi perbezaan keuntungan akhirnya kepada pemborong B dan C adalah 10%. Memang dari segi teori pengguna akan dapat harga yang lebih murah sikit, tapi dari segi praktikal, pekedai akan kekurangan 10%. Jadi macam mana mereka untuk menaikkan keuntungan ini? Ada dua jalan. Sama ada bekerja lebih dari segi jualan atau pun *mark-up*kan harga tu lebih lagi 10%. Jadi kalau mereka mengambil er… kesimpulan untuk menaikan ataupun *mark-up* harga barang ini, maka itulah di pasarkan… di pasaran sekarang harga lebih tinggi daripada apa yang diteorikan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Dato' Sri.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh er… Ahli dari Mentakab. Tapi saya tak… tak dapat memahami mungkin saya agak bangang sangat ke. Tetapi saya tak dapat memahami perbandingan tadi tu. Saya tak dapat nak memahami. Terima kasih.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Di sini saya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Atau…ataupun…ataupun Ahli dari Mentakab bodoh, tak… tak gini saya bodoh, Ahli daripada Mentakab bangang.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya tak cerdik.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak tahulah betul yang mana satu. Siapa bijak kita tengok ya. Terima kasih.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Pemborong B, SST dia keuntungan dia RM22.00. Kalau gunakan GST, pemborong B ni akan mendapat keuntungan RM20.00. *Okay.* Manakala peruncit C pulak menggunakan SST, dia akan mendapat keuntungan RM3.60. Apabila GST digunakan keuntungan untuk peruncit C dia akan berkurang RM36.00. *Calculation* ini, pengiraan ini adalah berdasarkan pada kerajaan yang bagi. Jadi…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya nak mencelah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tujuan kerajaan membuat GST ini adalah nak mempastikan setiap barangan yang di*import*, atau pun bahan mentah yang dibeli oleh pengilang, pengilang tersebut akan membuat deklarasi, berapa mereka beli. SST hanya pengilang, habis. Kemudian tak ada… tak ada… tak ada, baru pada pengguna dan kita pun tahu bahawa harga yang kita beli dulunya, dulu masa SST telah pun dimasukkan iaitu 10% SST. Itu jelas. Tetapi, ya… masalahnya adalah apabila kita, dalam bil tu… dalam bil… resit yang kita terima tu, kita beli RM30.00 dia pun tulis situ, apa… RM1.80. Hah… itu yang orang marah sebenarnya.

Yang kedua, ini adalah untuk kita hendakkan, supaya kita dapat membendung ekonomi ataupun *black* ekonomi ini. Dulu pengilang dia sewenang-wenangnya. Dia boleh… dia boleh beli barang RM400 atau pun RM4,000, dia boleh *declare* RM2,000. Kerana apa? Dia hanya akan bayar mengikut nilaian barang yang mereka jual. Tetapi

sekarang, Yang Berhormat Yang di-Pertua, ya… jika mereka tidak bayar, mereka tidak *declare* atau mereka tak er… *declare* barang yang mereka beli, bahan mentah yang mereka beli, maka mereka tidak dapat balik *rebate* 6% daripada kerajaan. Dia… dia kemudian daripada er… pemborong ataupun apa nama… pengilang dia beli barang dikenakan 6%. *Okay.* Kemudian pengilang tersebut ia akan *claim* duit tersebut daripada *income tax.* Kemudian dia bayar pada pemborong, dia… dia jual barang tersebut pada pemborong. Kemudian pemborong pulak, bayar 6% mengikut nilai. Kemudian kepada pengguna dan pengguna bayar.

Sebab itu saya sebut bahawa, antaranya adalah untuk kita membantu dengan memberi BRIM, satu, dan yang keduanya, apabila sistem GST ini dibuat ya… didapati bahawa pendapatan negara bertambah. Kerana apa? Kerana, pertamanya orang yang dulunya beli barang ya… beli barang, apa namanya membeli bahan mentah mereka *declare* hanya 5, sekarang dia tak boleh *declare* dah, dan apabila dia tak boleh *declare,* maka dia terpaksa *declare* 10 seperti apa yang dia beli kerana dia nak balik *rebate* tersebut. Kemudian apabila ia berlaku, baru kerajaan dapat *monitor* berapa sebenarnya pengeluaran yang sebenarnya dibuat dan berapa barang er… er… *import* yang dibuat. Maka akhirnya, kerajaan tak adil ke? Dulu berapa peratus kita punya cukai… cukai… cukai *corporate tax*, dari 28% sekarang 26%. Siapa yang untung? Siapa yang… yang… yang… yang ini. Kera… er… sapa… sapa… apa namanya er… apa namanya, siapa yang apa namanya mendapat manafaat.

Mendapat manafaat adalah rakyat juga. Kerana apa? Macam-macam bantuan ada, yang… yang kita dapat. Ya tak? Daripada rakyat buku percuma, jadi kita kena tengok dari segi *the global*lah, bukan *global,* gambar besar. Jangan kita lihat hanya kerana dua, tiga isu, dua tiga barang, dan kita membuat andaian bahawa semua barang naik dan saya beri tau tadi dah, pagi tadi saya bagitahu. Kita bercakap soal kita bagitahu kenapa harga barang naik iaitu harga ikan naik, menjawab er… mencelah apa yang disebut oleh Wakil daripada Kuala Semantan, sahabat ya, huh…lain bendera dulu hijau sekarang dah jadi, dah jadi oren. Saya tak tahu kena air ingat kena air Sungai Pahang mana saya tak tahu [Ketawa] bauksit, air bauksit

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lepas tu tukar biru pulak.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Kenapa ya, Jamal, Dato' Sri Jamal baju merah, Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar ya, dia boleh membuat jualan ikan, kerana apa? Dengan harga yang murah iaitu dipanggil lelong, lelong ikan ya dak. Sebab apa, sebab dia beli daripada nelayan-nelayan, sedangkan peraih yang lain tu, pun beli dengan harga yang sama, dia beli harga yang sama. Apa sebabnya nelayan terpaksa bayar? eh nak…terpaksa jual kerana tengah bulan ikan tak ada, minta pada peraih duit, dia pun bagi, jadi mereka terpaksa. Jadi, tuan-tuan…

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kita kena faham siapa sebenarnya yang menaikkan, ya dak… yang menaikkan harga tersebut? Hah. Kerajaan? Dan yang menjadi mangsa sebab tu sekarang ni seperti yang dijawab oleh Wakil daripada er…Inderapura, ni sahabat saya bahawa sekarang ni dia ada apa Yang Berhormat? Dipanggil *price skecher, price skecher*. Sekarang kita semua ada *smartphone,* kita *check* mana barang yang murah, di tempat mana, di

kedai mana, katalah contohnya di Temerloh, kita ambil *apps,* aplikasi *price skecher*, kita *check* nak beli *diaper.*,

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dato', Dato Sri Yang di-Pertua,

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Mane kedai yang…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya rasa bagi saya habiskan, selepas tu pihak kerajaan ulaskan kemudian.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Sikit je, sikit je

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sebab ini adalah pertukaran supaya pihak kerajaan dapat, kalau terima tak terima terpulang. Kalau tidak saya tak sempat…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, Yang Berhormat sila, sila teruskan, tak payah ulas.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sebagai contoh Syarikat A, keuntungan katakan keuntungan setahun dia dapat 500 ribu *okay*, setahun. 10% kerugian, maksud dia *less* 10% tak dapat yang saya cerita tadi, bermakna keuntungan akan menjadi 450,000. Siapa nak bagi 50 ribu balik ni?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Nak tanya ni, kenapa dia,

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya… saya nak mintak ni supaya…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

kenapa, tak, tak kenapa, kenapa dia rugi…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

…supaya kerajaan faham keadaan di luar sana.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tak, tak saya nak tanya kenapa syarikat tersebut dia rugi 10% sedangkan bayaran gst tu, syarikat tu dapat balik, bukannya dia tak dapat balik, dia boleh *rebate* balik bayaran tersebut. Hah ni kita kena faham sistem tu.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Selepas ini, saya akan bagi kepada pihak kerajaan, boleh *check* pengiraan. Ini berdasarkan kepada apa yang dia bagi, ya, bukan saya tambah. Kalau saya silap, saya akui.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terus Yang Berhormat. Ada isu lain lagi?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okey, sebagai contoh yang nombor 2, Dato' er… Dato' er… Yang…

Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Kedai RM2, sebelum gst kita boleh beli barang RM2, selepas gst RM2.12 sen. Kalau mengikut *calculation* ya, pengiraan yang saya buat ni, sepatutnya dia menjadi kurang RM1.93 sen. Mengapa jadi begini? Kedai 1Malaysia pun dah ditutup sekarang. Jadi, kita lebih terbukalah dalam hal ini, ini adalah masalah rakyat. Saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan BR1M kerajaan Barisan Nasional bagi. Saya sini ingin me… membuat contoh satu ketua keluarga, ya. Katakan satu ketua keluarga menerima RM3,000 ataupun gaji dia sebulan RM3,000. Oleh kerana keadaan gst dan kekurangan er… harga, harga yang naik semua ni sebenarnya ialah kehidupan kita sudah kurang 20%. Kalau kit… dari pengiraan yang paling senang saya bawa kat sinilah satu per tiga daripada gaji ni atau pun daripada pendapatan ni er… melibatkan 20% perbelanjaan, ya. Makna kalau satu pertiga daripada 3,000 adalah 1,000.

Kalau perbelanjaan 1,000 ini dibelanjakan sudah melebihi daripada 20%, bermakna mereka dah kena belanja 1,200 sedangkan BR1M yang dibagi oleh kerajaan adalah 1,200. Tiap-tiap yang er…apa ni kerugian atau pun belanja lebih 200 sebulan ini, kalau kita kalikan setahun, 2400, sebab itulah rakyat di luar sana merasakan gst ini membebankan mereka dan kita tidak boleh salahkan 100% kepada penjual atau pun peruncit sebab mereka nakkan keuntungan, sebab saya dah terangkan sini tadi, ya.

Dato' er… Dat… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya rasa, saya bawa isu berkenaan dengan Mentakab. Selepas banjir 2013, 2014 dan 2015 banyak tebing sungai runtuh di kawasan kampung dan persendirian. Apa… apabila perkara ini saya rujukkan kepada Jabatan JPS, pihak JPS menyatakan ia bukanlah di bawah tanggungjawab mereka. Di harap, er… pihak Kerajaan Negeri melalui pihak Kementerian Luar Bandar dapat menambah sedikit peruntukan untuk kawasan yang terjejas ini seperti di Kampung er… Tanjung Kerayong serta Kampung Lompat.

Di sini juga, ingin saya mengambil kesempatan er… memohon pada pihak uti…utiliti seperti PAIP, JKR, TNB mahu pun PBT er… yang melibatkan sama ada air dan juga elektrik dapat memberi notis yang secukupnya kepada pengguna er… mahupun

pihak-pihak pengilang dan ini ingin saya rujukkan er… kerana er… satu projek penga…pengalihan saluran paip di Jambatan Songsang ya, pada 18 haribulan 5, 2017, di mana notis yang dibagi adalah satu hari tapi oleh kerana ada gangguan lain, dia melebihi dua hari. Ini menjadi masalah kepada rakyat er… di, di persekitaran dan juga kepada pengilang-pengilang yang berorientasikan air. Ada yang mengaku mengalami kerugian lebih daripada ratusan ribu ringgit sehari.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada 8 haribulan 8, er… 2017, hujan lebat dua jam di Mentakab telah mengakibatkan banjir kilat berlaku di Pasaraya Tong Fatt, bandar Mentakab dan 60 buah rumah dilanda banjir kilat di Taman er… Chew Tong, Bukit Bendera, Taman Mentakab dan Taman Setia. Er… daripada maklumat yang saya terima atau pun er… pencarian saya kepada penduduk yang terlibat tiada pula berlaku pesta arak di sini tetapi adalah kerana sistem keparitan yang kecil dan juga terdapat sungai-sungai lama ya, di bandar Mentakab ini…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sikit minta izin ya, Ahli dari Mentakab, kita orang Islam ya, buat kenyataan tu jangan cuba main-main. Saya ingat itu saja, ya. Tentang arak tadilah, kita ni orang Islam, buat kenyataan tu tak usahlah *cynical* ya. Terima kasih.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya ingin juga er… Dat…

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ingin menerangkan masalah yang berlaku di Pulau Pinang di kesempatan ini. Pada 5 November, 2017, tempiasan tiga bencana alam taufan *Damrey,* Vietnam dan angin ribut yang berkelajuan 40 batu sejam, ya. Itulah salah satu faktor… fakta ya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Siapa yang buat ribut tu? Siapa yang buat ribut tu?

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Pada 4 hingga 5 Oktober…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya minta dia jawab soalan. Yang di-Pertua boleh gunakan kuasa, siapa yang buat ribut taufan sebagainya tu? Siapa yang buat?

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya belum habis lagi, lepas ni saya jawab. Sabar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila jawab Yang Berhormat.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Pada 4 dan 5…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Islam ke tidak ni?

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

2017…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Islam ke tidak? Tolong jangan *cynical* ugama tau. Ya tolong ya, nanti keluar dewan kang, apa-apa hal berlaku saya tak bertanggungjawab ya.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Tak, kita cakap, kita cakap ni okey, biarlah professional, jangan emosi, *okay*.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Itu bukan emosi, kita berbincang ber…kita ada cara kita, gembira..

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yelah, ini

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Suka, macam-macam perasaan…

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Kita bercakap pasal ugama, tak boleh kita tuduh…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tahu saudara DAP.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya nak tanya, Jeddah, Mekah pun banjir pada malam tadi..

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mungkin tak percaya agama Islam,

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Adakah sebab arak? Saya nak tanya, saya nak tanya yang tu!

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tahu saudara Timbalan Naib Presiden DAP mungkin cakap cara Islam pun *cynical.*

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya pun nak tanya yang itu!

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Cakap *cynical!*

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Awak kena tanya juga!

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kenapa keluarkan kenyataan walaupun pasal arak!

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sebab semalam pun awak menghina Pulau Pinang!

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

ADUN Mentakab, Mentakab!

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jangan besar kepalalah Naib Presiden DAP!

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Awak pun sama juga.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Sudahlah!

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Kalau cakap baik, saya pun hormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila bertenang.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Baru jadi Naib Presiden, dah cakap besar, Allah..

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Itu pun tak boleh cakap dalam…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sebagai Menteri Besar cakap elok…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bertenang Yang Berhormat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya jadi Menteri Besar 18 tahun, awak baru 1 tahun dalam dewan. Sudah… diam.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya ingat elok kita bertenang… ini Dewan Yang Mulia ini. Yang Berhormat Mentakab…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau nak betul, keluar dewan kita…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mari… sila…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Takkan nak bertumbuk pula…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Mentakab…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hah… kalau betul… sila keluar dewan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja… Dato' Sri DiRaja duduk… duduk.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Ada empat… lima…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Mentakab duduk dulu… duduk dulu.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua… Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Yang Berhormat Lanchang…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Siapa yang buat ribut itu? Jawablah Tuhan ke… apa namanya… kejadian semulajadi ke, malaikat ke dan sebagainya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya yang panas hati menghina ugama…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Menghina Allah Ta'ala. Apabila dia membuat kenyataan, di Mentakab walaupun tiada pesta arak, hujan ribut turun… apa maksudnya? Islam ke kafir kamu?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya nak tanya balik, yang mengatakan di Pulau Pinang kata mengadakan… semalam mengatakan ada pesta arak, okey, sebab itu banjir bukan bencana alam. Di Jeddah malam tadi dan Mekah pun banjir…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Adalah sebab Allah Ta'ala turunkan berlaku di Jeddah itu…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Sebab adalah kerana longkang tersumbat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Adalah sebabnya Allah Ta'ala turunkan. Baca Quran baliklah…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Memang sebab… semua ada sebab kerana Allah…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Allah…

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

…tetapi kita tak boleh memilihkan itu jadikan politik…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Satu soalan… satu… Islam ke kafir?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… duduk

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya orang Islam…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Islam ke kafir?

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Itulah bila… bila… bila tak habis hujah semua nak menkafirkan orang, nak menjadikan orang kafir, habis semua ni tak betul…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Dah… dah… hujah orang bodoh… hujah orang bodoh tak payah habis kita tahu ke mana pergi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau hujah orang bangang ni… tahu tak… tak payah tunggu habis…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Orang bodoh jangan kita tunggu habis bercakap, kita bodoh nanti… potong je… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja… Mentakab… Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan dewan ditangguh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, tahu. Insya-Allah. Baiklah oleh kerana kita dalam keadaan sedang membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ya… saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian sebentar tadi, dan sepatutnya kita harus mengikuti *turning orders* dan juga arahan-arahan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya macam mana pun mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah dapat mengikuti arahan yang telah saya keluarkan. Oleh itu dengan ini, saya bercadang untuk menempohkan dewan pada pagi ini dan kita akan sambung semula sesi perbahasan pada sebelah petang nanti jam 3.00 petang. Persidangan ditangguhkan, terima kasih.

[Persidangan ditangguhkan jam 1.16 tengahari]

[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2018.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan kepada kita dan pada petang ini kita akan menyambung perbahasan atas Rang Undang-undang dan Usul Perbekalan Air. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat mematuhi masa yang telah ditetapkan dan saya berharap juga Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat menyampaikan hujah-hujah dengan baik dan bernas. Dengan itu saya menjemput Wakil dari Chenor untuk membahaskan Usul tersebut, dijemput.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Assalamualaikum WBT. [Ayat Al-Quran] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT dan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian berucap dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pahang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar yang dikira satu belanjawan walaupun dalam buku yang agak nipis tetapi er… dikira merangkumi dan menyentuh aspek kehidupan dan pembangunan negeri Pahang seluruhnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana berkat kesabaran yang tinggi serta istiqamahnya tanpa mempedulikan segala macam fitnah yang dilemparkan terhadap beliau telah berjaya mendepani pelbagai dugaan dan cabaran serta krisis negara, dan pada 27 haribulan Oktober yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun membentangkan satu Bajet Negara yang merupakan Bajet limpahan kasih sayang Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Dato' Haji Adnan bin Yaakob kerana berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan politik negeri dengan usaha dan dengannya usaha ke arah membangun negeri dapat ditumpukan di samping kebajikan dan keselesaan rakyat dapat terus diutamakan. Sesungguhnya segala nasihat dan tunjuk ajar oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja supaya kepimpinan di segenap peringkat sentiasa turun padang, cakna dengan susah senang rakyat, menyantuni kebajikan mereka, insya-Allah akan menjadi obor dan menyemarak semangat bagi menentukan majoriti

hati pengundi agar terus bersama dengan kerajaan dan memberi kepercayaan terus memilih Barisan Nasional sebagai kerajaan dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terbukti Kerajaan Barisan Nasional tiada tandingnya dalam menerajui dalam menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat. Sedemikian di Dewan yang mulia ini sukacita saya merakamkan ucapan amat berterima kasih kepada kerajaan atas keprihatinannya merancakkan pembangunan rohani dan jasmani dengan mengutamakan projek-projek kemudahan asas dan keselesaan kepada rakyat termasuklah di kawasan yang saya wakili.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya pertamanya nak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dapat membangunkan Pusat Khidmat Gunasama yang saya namakan Anjung Rakyat di Chenor yang menempatkan Pejabat ADUN kawasan, yang telah pun mula beroperasi sekarang ni dan saya amat gembira kerana pada minggu lepas dalam kunjungan peribadi Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar ke Chenor telah sempat singgah di pejabat ataupun bangunan Anjung Rakyat ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Seperti juga rakan saya daripada Luit semalam saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih er…kepada kerajaan kerana telah menyelesaikan pemilihan peserta bagi Rancangan Tanah Berkelompok di kawasan saya iaitu di kawasan RTK Tasik dan juga di Bukit Lada, dan ini semua adalah kerana peranan yang dimainkan bersama di dalam Jawatankuasa Tanah Daerah dan saya nak mengucapkan berbanyak terima kasih di atas er…. kerjasama yang diberikan oleh wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu wakil daripada Kuala Sentul atas komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan masalah tanah-tanah yang belum selesai di Maran ini.

Namun, saya mengharapkan bahawa menjelang pilihan raya umum yang akan datang ini bahawa er… beberapa lagi Rancangan Tanah RTK yang masih er… belum selesai dan ditunggu-tunggu oleh rakyat yang ada di kawasan di Chenor ini iaitu di RTK Pesagi, RTK Kubang Rusa, Paya Ladang dan juga di FELDA di kawasan er… Mengkuang 2 di Jengka 7, dan saya mengharapkan supaya ianya dapat diproses dan dapat disegerakan untuk diserahkan kepada peserta-peserta yang menunggu supaya RTK ini dapat diselesaikan.

Saya juga nak merakam terima kasih kebetulan juga kepada Wakil Kuala Sentul selaku Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia kerana dengan perhatian diberikan bahawa er… banyak menara-menara tele…telekomunikasi dapat diadakan di kawasan saya yang membolehkan er… yang membolehkan pengguna-pengguna telefon mudah alih dapat er… tidak lagi seperti yang dahulu dan boleh menerima er… kemudahan yang ada berikutan dengan terdirinya menara-menara yang ditempatkan di seluruh kawasan-kawasan di Chenor ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas Negeri, Wakil Benta kerana dapat menyelesaikan masalah gangguan er… pelaksanaan penaikkan taraf ataupun penggantian bekalan

paip di Jengka 6 yang diselesaikan melalui campur tangan oleh Wakil Kerajaan, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan dengan itu maka projek menaik taraf itu telah dapat berjalan dengan sempurnanya dan telah pun selesai dewasa ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di Dewan Yang Mulia ini juga saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pentadbiran daerah Maran khasnya Pegawai Daerah dan Ketua-ketua Jabatan yang cukup banyak membantu bagi membolehkan terlaksananya pelbagai usaha pembangunan dan program-program serta aktiviti yang diadakan berkaitan dengan kepentingan masyarakat yang ada di kawasan saya di Chenor dan juga di daerah Maran ini. Akar keladi meridik selasih, selasih tumbuh di hujung taman, kalungan budi terima kasih, jasa dan budi dalam kenangan. Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan perumahan, ingin saya mengucapkan penghargaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah berjaya merancang projek perumahan PPA1Malaysia ataupun PPA1M dengan 47 unit rumah di Bandar Baru Chenor.

Namun dalam masa yang sama saya amat berharap apa yang saya bangkitkan pagi tadi supaya kawasan tanah di PS... tanah PSK di Kampung Bunian, Chenor seluas 100 ekar yang ketika ini sebahagiannya dijadikan kawasan TKPM supaya dapat diluluskan, dapat dipermudahkan bagi projek perumahan PRIMA atau apa sahaja yang difikirkan untuk kepentingan masyarakat ataupun mereka yang masih belum mempunyai rumah yang ada di kawasan Chenor ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang ada kaitannya dengan masalah perumahan. Dalam masa yang sama ingin mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Pahang kerana telah berjaya merancang serta merancakkan projek pembinaan perumahan melebihi sasaran seperti yang terkandung dalam Bajet yang dibentangkan dua hari lepas iaitu daripada sasaran 15,000 kepada lebih daripada 37,000 sekarang ini.

Namun apa yang mendukacitakan, projek pembinaan Rumah Mesra Rakyat dan lain-lain yang dikendalikan oleh pihak Syarikat Perumahan Negara (SPNB) telah; pada perkiraan saya, gagal dilaksanakan mengikut tempoh yang sepatutnya, telah menimbulkan begitu banyak rungutan dan ketidakpuasan hati kepada pemohon-pemohon. Ada yang sudah dua tiga tahun, tapak yang mereka telah bersihkan telah naik samak… semak samun semula dan lebih berdukacitakan tidak ada pulak khabar berita yang diterima daripada pihak SPNB atas kelewatan yang berlaku.

Sesungguhnya kegagalan ini tidak seharusnya berlaku setelah mereka menandatangani perjanjian dan menyerahkan geran mereka dan dibimbangi perkara ini juga boleh berlaku kepada pembinaan rumah generasi FELDA yang telah pun diberikan tanggungjawab oleh…

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mohon izin mencelah sikit, boleh? Saya cuma nak tanya apakah sebab-sebab yang menyebabkan kelewatan? Biasanya apabila kita membuat permohonan dengan SPNB

kalau ada borang-borang yang tidak lengkap dia ada *list* dia, dia akan bagi tahu er… tanah ni ada dua penama, ada tiga nama ataupun er… masalah tapak, ada masalah. Jadi di kawasan YB ni, ada tak er… SPNB memaklumkan sebab-sebab mengapa proses tersebut tidak dibuat?

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Terima kasih wakil kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini yang saya bangkitkan kerana er… terdapat er… beberapa permohonan yang telah begitu berlalu, sudah dua tiga tahun permohonan tetapi tidak ada apa-apa khabar berita daripada pihak SPNB. Saya telah juga merujuk kepada pihak SPNB tetapi dikatakan kena semak, lepas disemak tetapi selepas itu tidak ada er… apa-apa berita yang disampaikan. Jadi rungutan itu berterusan yang disampaikan kepada saya. Jadi, berharap perkara ini akan mendapat perhatian yang selanjutnya daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Mohon mencelah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya ingat bagi peluang kepada ADUN Chenor untuk meneruskan ucapannya lebih baik…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Manis

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Nak menjelaskan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Manis, saya tidak benarkanlah. Saya mintak ADUN Chenor teruskan. Teruskan.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Terima kasih…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya…

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Keduanya saya ingin menyentuh mengenai dengan Akademi Usahawan Tani di Kampung Awah yang sehingga ini masih belum ada pengisiannya secara khusus di mana pembinaan dan pembaikan akademi ini telah memakan biaya hampir RM18 juta dan telah pun berusia belasan tahun.

Memandangkan kepada kelengkapan dewan utama, serta bilik kuliah dan asrama penginapan dan lain-lain kemudahan serta keluasan tanah yang ada lebih daripada 30 ekar, saya mencadangkan untuk tidak membebankan tanggungan dan kewangan Jabatan Pertanian Negeri atau Kerajaan Negeri, ianya dijadikan Cawangan Kampus kepada salah sebuah institusi atau universiti yang berasaskan pertanian, kerana dari segi er…kewangan tidak perlu lagi kerana peruntukan menambahbaiknya tidak perlu lagi kerana bangunan yang telah sedia ada saya ingat sudah cukup er…sesuai untuk dijadikan sebuah er… institusi ataupun kampus kepada salah sebuah pusat pengajian tinggi yang saya sebutkan tadi berasas kepada pertanian.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Masih berkaitan dengan bidang pertanian. Saya juga ingin menyentuh mengenai isu hangat yang diperkatakan sekarang iaitu mengenai dengan permintaan tinggi terhadap durian Musang *King* D197 yang melonjakkan harganya di pasaran sehingga mencecah hampir RM800 sekilo dan ini berikutan dengan raja buah ini dikatakan telah mendapat sambutan luar biasa terutama dari China, dari *Singapore*, dari Hong Kong dan Australia. Sesungguhnya sekali gus ianya memberikan impak kepada harga di pasaran tempatan yang mencecah 60… sehingga RM60 sehingga ke RM100 sekilogram. Ditambah juga dengan kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai dengan khasiat durian yang baik untuk kesihatan lelaki. Ini saya baru baca dua, tiga hari yang lepas.

Sedemikian di Dewan Yang Mulia ini, saya mengharapkan bahawa promosi dan projek penanaman durian Musang *King* ini dapat digerak dan dilaksanakan secara berskala besar tidak saja tertumpu kepada daerah Raub, tetapi pada seluruh negeri dan mereka yang berminat dan berkemampuan hendaklah diberikan sokongan, bantuan dan kerjasama sebaik yang mungkin untuk melaksanakan projek ini dan tentunya harapan terletak kepada Kerajaan Negeri agar dapat melonggarkan syarat-syarat dan kelulusan tanah bagi mereka yang berpotensi… berpotensi untuk mengusahakan dan melaksanakan penanaman secara besaran Musang *King* ataupun apa… *Queen King* ke sekarang ni… di Sungai Jerik… di Sungai Jerik di Kuala Sentul dipanggil *Queen King*. [Ketawa]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Beralih kepada nasib kontraktor…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Bukan… bukan Musang King, di… di apa di kawasan Sungai Jerik dipanggil Musang *Queen*.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Musang *Queen*, terima kasih Wakil Kerajaan Negeri. Saya hendak menghabiskan ucapan ni.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Beralih kepada nasib kontraktor Kelas F terdapat rungutan dan kegelisahan di kalangan mereka yang terpaksa melalui proses yang ketat, mengeluarkan perbelanjaan yang agak tinggi, syaratkan pula melalui pelbagai-bagai kursus untuk membolehkan mereka memperbaharui semula lesen kontraktor dan ini dilihat membebankan bagi mereka yang bergantung sara hidup sebagai kontraktor Kelas F, yang tidak lagi mendapat dan memperolehi kerja atau projek seperti yang dahulu seperti yang disebutkan oleh Wakil Cheka semalam kita tidak ada lagi PIA dan PIAS seperti dahulu dan mereka berharap kerajaan dapat melalui CIDB dan pihak berkuasa PKK dapat melonggarkan syarat-syarat pembaharuan seperti yang diamalkan sebelum daripada ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Penggal DUN Yang Ke-13 akan melabuhkan tirainya dan fajar Pilihan Raya Umum Ke-14 telah pun berada diufuknya. Mungkinkah persidangan ini adalah yang terakhir sebelum pilihan raya umum, tidak siapa mengetahuinya. Walau apapun kemungkinan dan di mana pun kita ditakdirkan berada, marilah kita memperbaharui ikrar dan tekad sedaya kudrat untuk kita terus mempertahankan bumi bertuah ini terus aman, makmur, bahagia dan terjamin di bawah tadbir sebuah kerajaan yang terbukti mampu dapat menjaga kebajikan rakyat dengan memelihara kesejahteraan dan mempertahankan kedaulatan agama, raja, bangsa, negeri dan tanah air yang tercinta ini.

Dengan penuh keyakinan dan doa semoga Barisan Nasional yang menerajui kerajaan hari ini, akan terus dapat diterima oleh majoriti rakyat dengan melakar kejayaan cemerlang dengan Pilihan raya Umum ke-14 dan akan kekal menerajui rakyat dan terus mentadbir negeri Pahang Darul Makmur khasnya yang tercinta ini dan Putrajaya yang menjadi lambang pusat pentadbiran dan kuasa insya-Allah.

Di atas peti tikar mengkuang
Tempat petani menjemur padi
Niat dihati terus berjuang
Menegakkan pertiwi menabur bakti

[Ahli Dewan menepuk meja]

Atas batu dipahat lukisan
Di situ gugur pahlawan sejati
Kita bersatu pertahankan barisan
Namun berundur tidak sekali

[Ahli Dewan menepuk meja]

Pakai ketayap sembahyang subuh
Memanjat doa kepada yang Esa
Patah sayap bertongkat paruh
Demi negara ku korbankan jua

[Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dengan rangkapan-rangkapan itu, saya menyokong Usul Belanjawan yang dibawa dan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar. Maaf. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil dari Chenor yang telah dapat menepati masa. Saya jemput pula wakil dari Pulau Manis tadi. Sila.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

[Ayat A-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Usul Bajet Negeri Pahang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang pada hari semalam yang Bajetnya bertemakan kepada kepentingan dan kebajikan rakyat mengikut kemampuan. Bak kata pepatah "ukur baju dibadan sendiri"

Dato' Yang di-Pertua,

Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja pada hari semalam, yang menganggarkan kutipan hasil sebanyak RM700.64 juta dan menganggarkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM700.04 juta telah memberikan kita lebihan sebanyak RM0.6 juta.

Saya mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Negara yang juga telah membentangkan Bajet Negara pada 27 Oktober yang lalu di Dewan Bangunan Parlimen dan merupakan satu Bajet yang sangat baik, yang mencakupi kehidupan negara, masyarakat di negara kita ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai bekas guru atau pendidik, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja yang terus menerus memberikan keutamaan bagi meningkatkan anak-anak kita di Pahang dalam pembelajaran, kerana sesungguhnya harta yang paling berharga adalah ilmu. Oleh itu, pendekatan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja sangat-sangat tepat dan perlu mendapat sokongan daripada semua Ahli Dewan tak kiralah dari pihak kita kerajaan ataupun pembangkang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Walaupun kerajaan negara kita Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, terus meluluskan dan memberikan peruntukan RM100 kepada setiap kepala murid yang berada di sekolah. Jadi, kalau anak-anak di bawah satu penjaga ada 5 orang, maka akan mendapat RM500, tetapi di atas inisiatif yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja selaku Menteri Besar Pahang

yang juga sama-sama membantu murid-murid terutama sekali kepada anak-anak kita yang miskin ataupun di dalam kesusahan.

Sebagai contohnya, kita diberikan peruntukan RM200 kepada setiap murid dan, untuk makluman di dalam DUN Pulau Manis saya sendiri, saya telah mendapat seramai 450 orang murid yang akan menikmati sumbangan tersebut, dan insya-Allah saya berharap sumbangan ini bolehlah kita jalankan atau laksanakan dan kalau boleh, kalau banjir tidak melanda negeri Pahang kita cuba untuk selesaikan sebelum buka sekolah supaya peruntukan yang diberi dapat dimanfaatkan oleh keluarga-keluarga yang terlibat tersebut, dan seterusnya yang saya ingin menyebut di dalam dewan ini juga ialah keprihatinan Yayasan Pahang yang masih meneruskan lagi biasiswa kepada sekolah rendah di mana murid-murid tahun 3 akan diberikan borang-borang permohonan dan diproses dalam Tahun 2017 ini dan insya-Allah pada Tahun 2018 nanti sewaktu mereka di tahun 4 akan beroleh biasiswa, di mana tidak pernah kita nikmati benda-benda yang seperti ini pada zaman kita dahulu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah bidang pelancongan. Bidang pelancongan merupakan satu sumber pendapatan negeri. Banyak tempat dan lokasi pelancongan yang telah dikunjungi oleh para pelancong sama ada yang datang dari luar negeri, luar negara ataupun yang datang dari dalam negeri kita sendiri.

Jadi, saya di sini ingin menarik perhatian sebab telah beberapa kali saya menyebut bahawa di kawasan saya, ada satu tempat pelancongan yang sebenarnya patut menjadi satu produk kepada negara iaitu Air Terjun Lata Mentagan yang terletak di Kampung Belimbing. Saya, hasil daripada kerajinan saya menyebut perkara ini dalam dewan, pada 2 tahun lepas saya telah mendapat satu peruntukan yang bernilai RM1.4 juta yang diusahakan oleh Pejabat Daerah Pekan dan telah pun kita majukan kawasan tersebut dan hasilnya kita dapat membina jalan masuk ke Lata Mentagan dan juga membeli bot-bot pelancongan.

Sebanyak 15 buah bot pelancongan telah disediakan dan alhamdulilah baru-baru ini bot tersebut telah diguna oleh rombongan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka yang mengadakan Program Menyusuri Sungai Pahang bagi menjejak laluan Hang Tuah melarikan Tun Teja ke Melaka. Jadi, saya dimaklumkan bahawa rupanya Tun Teja dilarikan oleh Hang Tuah untuk tidak dapat dikejar oleh Megat Terawih bukanlah terus melalui Laut China Selatan tetapi masuk ke Sungai Pahang dan akhirnya dia sampai ke satu daerah iaitu dinama Kampung Penarikan, sebab itulah nama kampung tu Kampung Penarikan sebab bot itu ditarik untuk masuk ke Sungai Muar dan dari Sungai Muar barulah dia menaiki bot semula melalui Sungai Muar untuk sampai ke negeri Melaka.

Jadi sehubungan itu, saya mengambil kesempatan di sini yang pertama sekali nak merakamkan ucapan jutaan terima kasih saya kepada 100 sukarelawan daripada 4 Briged Mekanise yang turun padang sama-sama mengembleng tenaga dengan 500 penduduk kampung. Kami sembelih lembu pada hari itu mengadakan gotong royong bagi membersihkan kawasan laluan untuk ke er… air terjun tersebut dan seterusnya juga, saya nak maklumkan di dalam dewan ini pada 25 dan 26 November nanti, maknanya hari ni dah 22 haribulan tinggal dua, tiga hari lagi satu program perlumbaan *motorcross* yang disertai ataupun yang melibatkan tiga negara, bukan tiga negeri ya, tiga negara iaitu Malaysia, *Singapore* dan Indonesia.

Lebih daripada 80 peserta sekarang ini telah mendaftarkan diri dan insya-Allah, dengan program yang seperti ini Lata Mentagan boleh menjadi satu produk pelancongan kepada negara kita. Jadi saya menyerulah di dalam dewan ini supaya agensi yang berkaitan dengan pelancongan dapat mengambil er… perhatian apa yang saya sarankan, dan seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam bidang air.

Ramai kita rakan-rakan ADUN membangkitkan masalah air di dalam kawasan masing-masing. Tetapi seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar bahawa walapun kita mendapat perbelanjaan er… apa ni pungutan daripada hasil air RM10 juta, perbelanjaan RM23 juta, makanya kita mencari duit lain nak tanggung, tapi walau bagaimanapun kesempitan tersebut tidak menghalang, tidak menghalang Jabatan PAIP melaksanakan projek-projek untuk memberikan kepentingan dan menumpukan kesenangan kepada rakyat. Contohnya, saya nak maklumkan dalam dewan ini, kita telah pun siap membina sebuah loji air yang bernilai RM500 juta di Kampung Ganchong dan loji tersebut boleh membekalkan air kepada seluruh bandar Pekan. Jadi…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi ini satu perkara yang patut kita banggakan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis bagi laluan…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Apa yang disebutkan oleh Ahli dari Pulau Manis tadi, RM500 juta itu semua pinjam. Semua pinjam daripada Kerajaan Persekutuan, kita tak ada duit. Saya harap para pembangkang kena faham, jangan mengambil kesempatan daripada isu untuk pembangunan rakyat ini sebagai isu politik, mana ada duit. Kita perlukan loji air berkenaan, harga RM500 ribu, RM500 juta. Itu sebab kita ambil pinjam duit persekutuan. Bukan kita ambik, joli-joli bayar gaji macam setengah negeri. Pahang tak pernah bayar gaji pinjam duit Kerajaan Persekutuan. Banyak negeri di Malaysia pinjam Kerajaan Persekutuan untuk bayar gaji. Itu yang saya nak terangkan, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, teruskan Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih er… Dato' Sri DiRaja yang menerangkan dari mana duit itu kita dapat, tapi walau bagaimanapun saya ingin menyatakan lagi, bukan itu sahaja kita juga mendapat peruntukan RM12 juta untuk kita memberikan kemudahan air kepada kem tentera. Hah… kem tentera kalau kita tak tolong dia masalah air, memang dia pergi mandi kat Sungai Panching. Jadi kalau dia telefon saya bertalu-talu, jadi saya memang

tak tahan dengan perkara ini. Jadi dengan peruntukan RM12 juta, maka sekarang kem tentera sudah tidak ada masalah lagi dan seterusnya baru-baru ini berlaku pulak masalah air di mana muka sauk yang begitu lama dah, dah daif dah, ya… tidak dapat berfungsi dengan elok di Kampung Sri Makmur dan Belimbing.

Saya juga memperolehi peruntukan RM7 juta. RM7 juta daripada KKLW untuk membina bukan sahaja muka sauk yang moden tetapi juga paip air bagi 2 buah kampung penempatan iaitu Belimbing dan Sri Makmur, dan saya katakan muka sauk yang moden tadi ialah muka sauk yang boleh bergerak, bukan muka sauk yang statik seperti yang dibina pada suatu ketika dulu. Muka sauk ini boleh bergerak mengikut keadaan air. Jika air itu berada di aras bawah, muka sauk boleh diturunkan. Jika air tu berada di er… naik ataupun banjir berlaku, muka sauk boleh diselamatkan. Dia naik ke atas.

Hah... itu dikatakan moden dan satu lagi yang ingin saya nyatakan ialah, sekarang ini pihak PAIP telah pun menukarkan paip-paip yang ada di dalam bumi, dalam tanah yang dahulunya berukuran 4 inci kepada yang lebih baik lagi iaitu yang berukuran 8 inci, bermakna dengan bekalan baru ni tadi, maka penduduk-penduduk dapatlah kemudahan air. Sebab apa? Sebab dahulu kampung hanya lebih kurang dalam 100, 200 buah rumah tapi sekarang ini semua orang yang ada tanah membina projek-projek perumahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Ini satu lagi contoh, yang saya sebutkan. Kita ada paip sepanjang 14,000, 12,000 kilometer, boleh pergi balik ke England tu, termasuklah paip-paip lama yang ukurannya kecil dan dibuat pada AC paip, lebih AC masih ada lagi berapa ribu kilometer lagi dalam AC paip ini.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, lebih kurang dalam 5,000 lebih kilometer lagi.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Inilah proses yang kita lakukan mengganti berfasa-fasa, sebab kita duit tak ada, dari mana datang duitnya? Kerajaan Persekutuan. Kita kena ingat kita merizabkan beratus ribu hektar hutan untuk tadahan air, tanpa satu sen pun daripada Kerajaan Persekutuan, kita tak mintak. Itu sebab saya katakan kita ni antara anak dengan ayah tapi Sin Chew Jit Poh main-mainkan cakap saya. Itu sebab saya malas berkira orang surat khabar ni. Ini antara contoh yang kita gunakan duit Kerajaan Persekutuan untuk membantu kita, Pahang ni luas. Pahang ni luas, negeri terbesar di Semenanjung Malaysia.

Kesemuanya *double*, kalau pergi ke Tioman kalau kita bawa bahan er… binaan, sewanya berganda. Itu sebab kalau rumah di sini boleh jual RM40,000 kalau di Tioman

kena jual RM120,000. Kalau di bawah RM40,000, di Cameron Highlands kena RM120,000. Kos tu, ini kita kena faham. Saya berharapnya janganlah kita semua benda, politik-politik. Saya ini ikhlas sangat, saya malas, saya… saya reti sangat politik sebenarnya, tapi saya malas. Nampak kita menipu pura-pura buat apa. Jadi kita kalau betul, kita cakap betul, kita cakap betul, hah… ini Bajet kecil, tak ada masuk. Memang kita tak ada duit, duit kita setakat RM700 juta tetapi kita katakan kepentingan, kebajikan rakyat kita jaga. Yayasan Pahang akan memberi tanpa mengira kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli, bantuan biasiswa dan juga bantuan pendidikan kepada semua rakyat Pahang yang patut.

Begitu juga Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita ada peruntukan kita beri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pada ketika yang sama, ada dana yang dikawal oleh Menteri Besar, dan diuruskan oleh SFINO dan SDO. Menteri Besar minit je sila beri RM5,000, sila beri RM3,000, rumah terbakar sila beri RM10,000, sakit kronik sila bagi RM10,000. Bagi, duit ini ada, duit ini ada jangan ingat kerajaan bankrap ya, jangan *cynical ya don't be cynical please, don't try to be cynical. You can be cynical but don't try to smear God,* menghina Allah Taala jangan, *please* ya, itu panas MB, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, baik Yang Berhormat Pulau Manis, ada lagi?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak PAIP kerana sampai juga ke kawasan saya, walaupun tak panjang dua kilometer tapi penggantiannya telah pun berlaku. Terima kasih saya kepada PAIP.

Seterusnya saya ingin bangkitkan masalah banjir. Masalah banjir sebenarnya yang berlaku di negeri Pahang memang tetap akan berlaku. Bukan macam Pulau Pinang dia semena-mena terjadi pada masa tu tetapi kita ni memang saban tahun berlaku. Jadi untuk itu baru-baru ini di dalam kawasan saya kita telah pun memberikan agihan sumbangan wang ehsan sebanyak RM500 kepada 316 keluarga yang terlibat dan telah pun mendapat sumbangan masing-masing.

Tapi walau bagaimanapun, saya ingin merujuk kepada apa yang disebut oleh Ketari, dia menyebut bahawa suruh kita bersedia, bersedia dengan pusat banjir, bersedia dengan longkang dan sebagainya. Saya nak beritahu bahawa sebenarnya semua Pegawai-pegawai Daerah yang ada ni telah pun bersedia, dah dua kali dah, dah lebih dari dua kali dah mesyuarat berkenaan dengan bencana alam banjir dilaksanakan dan kemudian berkenaan dengan pusat-pusat tempat memindahkan banjir pulak, kita pun telah bersedia, kita telah pun bermesyuarat dengan pengerusi-pengerusi JKK. Kita telah mengarahkan supaya dia melawat tempat orang nak dipindahkan. Bagaimana dengan tandasnya, bagaimana dengan tempat memasaknya, saya nak tanya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mintak penjelasan dari Ahli Pulau Manis, mesyuarat ke mesyorat, terima kasih

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Kalau dah laju tu Dato' Sri, dia jadi mesyorat, hah… dia mesyuarat. Jadi untuk makluman Ketari saya nak tanya tadi Ketari, Ketari ini kenal ke DO Bentong?

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Ya, jika kita dah buat persiapan yang awal, kita boleh kawalkan masalah, jika dah tubuhkan masalah tu. Jadi saya bagi cadangan untuk membuat persiapan, bukan er… bagi pengalaman 2014, banyak tempat, insya-Allah, Pahang… Bentong tak ada tapi di Temerloh, di Maran atau di Kuantan teruk banjir.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya nak beritahu Ketari bahawa apa saja masalah yang akan berlaku 3 atau 4 hari sebelum peristiwa itu berlaku, sebenarnya Pegawai Daerah dah tahu dah. Saya sendiri terperanjat apabila di dalam DUN saya untuk peristiwa disebutkan oleh Ketari tadi, semua penduduk dipindahkan daripada pusat yang biasa pindah, du… duduk ke bandar, duduk di I-CAM tu. Maksudnya orang Ganchong tak boleh duduk dah di Sekolah Kebangsaan Ganchong, kerana apa? Kerana dijangkakan air akan terlalu besar sampai ke Pekan.

Jadi sebenarnya tak usah bimbang, semua dilaksanakan. Hanya saya minta Ketari jangan mengajar kepada pegawai-pegawai ini. Sebab apa? Dia orang dah tau dah. Itu yang saya tanya tadi. Tok Penghulu, Ketari tahu? Kenal Tok Penghulu? Tok Penghulu dalam DUN Ketari?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Pulau Manis saya ingat tak perlu tanya pada Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ha… Tak yah… kalau kata begitu tak apa, saya tarik.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tak yah tanya, okey.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Elok Yang Berhormat tumpu kepada Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tumpu kepada sayalah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Okey, seterusnya saya juga mengambil kesempatan berkenaan dengan perumahan sedikit. Tentang perumahan ni memang kita banggalah Kerajaan Negeri Pahang membina perumahan lebih daripada yang dirancang, lebih daripada yang dijangka. Jadi banyak perumahan-perumahan baru telah pun tumbuh dan terbina. Berbagai-bagai jenis, berbagai-bagai nama dan yang terbaru ni, namanya ialah rumah BN, rumah BN ni ialah Rumah Bina Negara. Ini untuk kita berikan kepada mereka-mereka yang sebenarnya tidak ada slip gaji. Sebab apa? Nak mohon perumahan kalau tak ada slip gaji memang bank tak layanlah. Jadi, dengan adanya rumah bina negara yang ada dua pemajunya, satu daripada FELCRA dan satu lagi daripada RISDA.

Yang FELCRA ni dimajukan secara berkelompok. Maksudnya dikenal pasti kawasan-kawasan tertentu dan FELCRA memberikan tanah dan membina rumah kemudian generasi kedua dan sebagainya boleh membeli rumah tersebut. Bagi RISDA pula dibina melalui tanah-tanah sendiri yang kita ada tanah sedikit, kita pun bina rumah. Jadi ini kemudahan yang diberi dan inilah kebaikan yang ditunjukkan oleh kerajaan kita, Barisan Nasional, dan saya tadi berdiri untuk mohon laluan dengan yang apa ni… Yang di-Pertua kerana saya bukan nak mencelah pasal apa, saya nak menyatakan tentang rumah SPNB. Rumah SPNB sebenarnya kalau kita dapati dah lulus tapi tak bina, satu masalah. Yang kedua permohonan tidak berjawab, itu kedua masalah.

Jadi untuk makluman kebanyakkan masalah yang berlaku di dalam DUN saya ialah rumah dah lulus tapi tak… tak bina lagi. Ini adalah disebabkan kawasan tersebut hanya sebuah rumah je… yang dapat. Dia rupa-rupanya hendak sekurang-kurangnya dua buah rumah, barulah boleh dilantik pemaju ataupun kontraktor untuk bina. Kalau tidak dikatakan, tak cukup peruntukan, tak cukup Bajet. Jadi itu menunjukkan murahnya rumah SPNB. Maka kalau kita mahalkan rumah, mungkin sebuah pun orang bina. Tapi oleh kerana rumah tu harganya dah murah, maka kena ada dua atau tiga buah dalam setempat barulah boleh dibina.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya yang terakhirnya, ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana dalam tahun 2017 ni, satu perkara yang membanggakan DUN Pulau Manis apabila er… Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri kita selaku Ahli Parlimen dengan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Pahang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja telah berjaya menghulurkan ataupun memberikan 213 kelulusan kepada 213 peserta Bukit Sijak. Ada satu perkara yang sangat membanggakan dan ditambahkan pula ada lagi tambahan 59… 59 lot lagi untuk 59 peserta yang juga dalam proses mohon kelulusan segera daripada pihak MMKlah supaya yang 59 ini tidak tertunggu-tunggu sebab kawan-kawannya yang 213 dah pun dapat, dan seterusnya juga er… di RTK Rambai Sebunga, 23 peserta yang fasa 1 telah pun mendapat kelulusan permohonan tersebut.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada er… Jabatan Perhutanan negeri Pahang yang telah pun mengeluarkan surat kelulusan pelepasan hutan, bagi RTK Tanjung Pulai seluas 1,400 ekar, dan bagi RTK pula seluas 950 ekar. Jadi dengan kelulusan, surat kelulusan pelepasan ini mudah-mudahan pihak FELCRA yang dipertanggungjawabkan dalam proses untuk er… membuka ladang sawit

tersebut, dapatlah disegerakan supaya ramai lagi er… penduduk-penduduk setempat menikmati apa yang telah diusahakan oleh pihak Kerajaan.

Dan yang terakhirnya bagi merangkumi ucapan saya, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai, Ketua-ketua Jabatan, terutamanya yang di daerah Pekan, yang telah banyak menyelesaikan perkara-perkara dalam membantu kita, membantu rakyat di dalam kawasan kita. Contohnya siapa sangka dengan kerjasama daripada pejabat-pejabat dan agensi, kita boleh membina puluhan buah rumah baru untuk mereka-mereka yang terlibat er… di dalam senarai miskin tegar dan bukan saja er… untuk bangsa Melayu ataupun bangsa apa… tapi juga melibatkan orang-orang Asli yang juga mendapat rumah baru dan sebagainya. Jadi itu sajalah Dato' Yang di-Pertua, duk pandang jam je tu…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat ada….

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi… tak de… abis dah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Habis 20 saat lagi.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ada 20 saat lagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi untuk melengkapkan lagi 20 saat saya tadi, saya mengucapkan terima kasihlah di dalam Dewan ini kerana er… dapat peluang untuk menyatakan apa yang ingin saya sampaikan dan saya akhiri ucapan saya, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Pulau Manis yang dapat memenuhi masa yang telah diperuntukkan. Ya. Saya bercadang untuk menempohkan Dewan ini sebelum jam 4.30. Jadi saya bagi peluang kepada Yang Berhormat untuk bercakap dalam masa 15 minit. Jika setuju, sila mulakan. Ha … sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi izin walaupun tempoh dia 15 minit, saya cuba untuk menepati waktu tersebut untuk saya berkongsi dan juga dalam masa yang sama mengambil bahagian di dalam perbahasan er… Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017 dan juga Usul Anggaran Perbelanjaan Perbekalan er… untuk tahun 2018.

Er… apa yang ingin saya kongsi dan bahaskan bersama mengikut apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Selasa yang lalu tentang Bajet 2018 dengan tema "Mengurus negeri Atas Kemampuan" dengan tidak mengenepikan kebajikan rakyat.

Adalah merupakan… saya menganggap ianya sebagai satu keadaan yang… yang seharusnya memang kita perlu buat dan sepanjang masa perlu berada dalam keadaan bahawa kita berbelanja berasaskan kepada kemampuan yang ada pada diri kita. Namun begitu, usaha-usaha berterusan perlu kita ambil dan perlu kita buat supaya satu inisiatif dan juga satu tumpuan baru perlu dilihat supaya kita meneroka peluang-peluang ekonomi baru yang mampu untuk menjana pendapatan negeri dan seterusnya boleh digunakan untuk perbelanjaan kesejahteraan rakyat juga untuk pembangunan negeri.

Saya melihat, potensi besar ada dalam negeri Pahang, khususnya dalam sektor pelancongan dan juga pertanian, yang seharusnya kita berikan penumpuan yang lebih besar sebagai menerokai satu sektor untuk nak memberikan sumbangan dan pendapatan kepada negeri Pahang. Contohnya dalam er… penjelasan pihak kerajaan semalam menyatakan bahawa er… pelancong-pelancong, jumlah pelancong yang datang ke negeri Pahang meningkat, apatah lagi dengan Kempen Tahun Melawat Pahang dan jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh para pelancong adalah sebanyak RM1.8 billion. Ini adalah satu *amount* yang besar berbandingkan dengan Bajet kita RM700 juta. Para pelancong datang dengan perbelanjaan RM1.8 billion, kalau kita boleh mengambil inisiatif dan beri tumpuan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat… pembetulan... 7.48.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Baik, terima kasih. Lagi besar. RM7.48 bilion kalau kita ambil inisiatif dan juga sedikit tumpuan, fokus dan *priority,* dengan izin, kepada sektor ini, kalau kita ambil 10% saja pada RM7.48 bilion, Kerajaan Negeri akan dapat menjana pendapatan sama banyak dengan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat. Dalam sektor pelancongan sahaja, kalau kita ambil 5%, kita ada separuh daripada jumlah Bajet yang dibentangkan oleh er... Menteri Besar pada hari Selasa lalu. Ini yang perlukan iltizam, semangat, azam dan kesungguhan untuk kita melihat sektor pelancongan ini mampu menjana pulangan yang baik untuk membantu negeri.

Yang kedua, sektor pelancongan. Kita negeri yang paling besar di Semenanjung, subur, sungai pun banyak... panjang... er... sungai pun lebar, panjang er... seharusnya kita eksploit anugerah Allah ini kepada negeri Pahang dengan semaksimum mungkin. Tadi Wakil Kerajaan menyatakan bahawa ada 299 petani yang terlibat dalam taman pertanian kekal untuk bekalan makanan. Negara kita mengimport bekalan makanan berasaskan pertanian sebanyak RM92 juta satu hari. Adalah satu amaun yang sangat besar. RM92 juta satu hari. Maknanya kalau kita kumpulkan dia dalam tempoh dua tahun, dia menjadi RM2.0 bilion. Sekiranya kita berikan penumpuan dan keutamaan yang... yang tepat maka saya yakin bahawa pertanian juga bakal memberikan satu sumber ekonomi penting dan baik untuk menjana dan membantu pendapatan negeri Pahang.

Jika kita lihat balik Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya dapati bahawa untuk tempoh 4 tahun kebelakangan ini, dia adalah *Plato*,

dia flat dalam anggaran RM700 juta. Namun begitu, ianya agak menurun berbanding dengan 2017 iaitu sebanyak 6%, Bajet 2017 sebanyak RM739.2 juta, 2018 - RM700.6 juta. Makna penurunan sebanyak 6% daripada 2017. Namun ada peningkatan jika dibandingkan pada 2016 perbelanjaan sebenar.

Pendapatan negeri Pahang 2016 adalah sebanyak RM615 juta. Maknanya Bajet 2018 berbanding dengan perbelanjaan dan pendapatan sebenar 2016, peningkatan sebanyak 13%. Namun begitu, kita tengok *trend*... *trend* daripada pencapaian Bajet berbanding dengan perbelanjaan sebenar. Untuk tempoh 2015 dan 2016, pendapatan yang dapat dijana berdasarkan kepada Bajet hanya sekitar 85%.

Contohnya pada dua ribu... 2016 kita meletakkan sasaran RM780 juta. Kita hanya mampu mengutip RM615 juta. Maknanya pendapatan yang dapat direalisasikan berdasarkan anggaran hanya sekitar 85%. Manakala perbelanjaan pula, kita membelanjakan hampir 90% daripada Bajet. Maknanya di sini, jika *trend* ini berterusan, kita akan sentiasa ada defisit 5%. Pendapatan 85%, perbelanjaan 90% daripada Bajet. Bermaksud sekiranya tidak ada langkah-langkah yang... yang drastik ataupun yang sesuai diambil, kita akan berada dalam defisit sepanjang masa sebanyak 5%. *Bottom line* dia, kita perlu melihat perkara ini supaya dia jadi *balance*, seimbang.

Sebab itu saya ingin mencadangkan di sini, kepada pihak kerajaan untuk dipertimbangkan supaya... oleh kerana kita mempunyai sumber yang terhad pada hari ini untuk menguruskan negeri, supaya diberikan insentif kepada mana-mana pihak, jabatan, agensi yang mampu untuk mencapai 100% daripada apa yang dianggarkan. Contohnya, sekiranya hasil bukan cukai, kita jangka dapat kutip sebanyak RM38 juta. Sekiranya jabatan itu, agensi terlibat mampu mencapai RM38 juta, kita beri insentif kepada mereka.

Ini boleh didapati dan boleh dicapai kerana mengikut angka 2016 dalam kod hasil, lesen, bayaran dan permit, pihak agensi berjaya mengutip 120% daripada Bajet. Kita bentang Bajet 2016, lesen, bayaran dan permit seharusnya dapat RM31 juta tapi kita mampu kutip RM37 juta. Maknanya 20% lebih tinggi daripada Bajet dan jabatan agensi yang terlibat kita perlu beri insentif kepada mereka kerana mampu mencapai KPI yang kita... kita tetapkan.

Mana-mana jabatan, agensi yang tidak mampu untuk mencapai tahap yang seperti ditetapkan, di sini kita perlu menilai semula adakah yang disebabkan oleh kelemahan agensi tersebut ataupun disebabkan oleh faktor-faktor lain? Contohnya Bajet dibentangkan 2016 untuk kod perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan RM60 juta dikutip, tetapi pada akhir tahun 2016 hanya mampu mengutip RM25 juta. Maknanya pencapaian hanya sekadar 43%.

Bermakna, tidak adil untuk agensi yang *perform,* tidak... tidak... er... bagi mereka tidak ada ganjaran, motivasi untuk mereka mencapai pencapaian yang lebih tingkat... yang lebih tinggi sekiranya tidak ada apa-apa ganjaran diberikan kepada mereka dan tidak ada pulak sebagai implikasi kepada mereka yang tidak mampu untuk mencapai tahap yang... yang kita harapkan. 43% berbanding dengan 120% pencapaian. Ini bagi saya untuk keadaan hari ini, apabila kita mensasarkan Bajet berbelanja mengikut kemampuan negeri, *realization rate* ini, dengan izin, kadar merealisasikan anggaran ini adalah sangat penting.

Maka saya cadangkan supaya ia menjadi satu ukuran penting untuk agensi-agensi dan juga jabatan-jabatan yang terlibat di dalam mengutip hasil, sama ada hasil cukai

langsung, tidak langsung, hasil bukan cukai supaya dia melihat perkara ini sebagai satu KPI utama supaya mereka dapat diberikan insentif sekiranya mampu mencapai sasaran dan juga mereka perlu menjawab dan juga mengadakan er... sebab, menunjukkan sebab kenapa mereka tidak mampu mencapai sasaran. Jika kita mampu buat perkara sebegini, saya yakin bahawa perbelanjaan dan pendapatan negeri Pahang akan sentiasa berada dalam keadaan yang seimbang supaya kita dapat meneruskan... menguruskan negeri ini dengan baik dan juga dalam masa sama dapat memberikan pulangan kepada rakyat.

Kita sambut baik saranan yang dibuat oleh Menteri Besar bahawa urusan-urusan seperti kesejahteraan rakyat, urusan perumahan, pengangguran dan sebagainya akan menjadi penumpuan utama kepada negeri Pahang dan saya sangat-sangat berharap agar isu perumahan terutama sekali walaupun saya ucap tahniahlah kepada Kerajaan Negeri mampu bina 37,000 rumah seperti mana sepatut janji 15,000, dapat bina 37,000 rumah. Cuma malangnya, tidak dapat dimiliki kerana masalah rakyat yang tidak mampu untuk nak mendapatkan pinjaman.

Untuk rekod saya... saya dapati bahawa mereka ataupun kumpulan sasaran yang harus diberikan tumpuan dalam isu perumahan ini adalah kumpulan yang duduk di B40. Negeri Pahang mengikut statistik yang ada, ada seramai 187,000 rakyat Pahang yang duduk di bawah kategori B40. Kelompok inilah sebenarnya yang sedang menunggu-nunggu dan menanti apakah tawaran ataupun apakah bantuan yang mampu diberikan oleh Kerajaan Negeri supaya kita mengangkat mereka, bukan sekadar untuk nak bantu mereka meneruskan kehidupan tapi keluarkan mereka daripada kelompok B40 supaya jadi M40 dan dalam masa yang sama, sektor pertanian dan juga pelancongan ini mampu untuk bantu kelompok ini. Kumpulan... kebanyakan mereka duduk di luar bandar dan pertanian terlalu dekat dengan mereka. Begitu juga dengan pelancongan. Jadi kita boleh selain menjana ekonomi negeri, mampu untuk mengubah status rakyat B40 supaya dia boleh menjadi kelompok M40.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin bawa perkara pasal kawasan saya. Saya ucap terima kasih kerana kerajaan negeri telah menarik pelabur terutama sekali di kawasan perindustrian Gebeng. Saya fokuskan kepada MCKIP, Malaysia-China Kuantan Industrial Park yang sedang giat dalam proses pembikin er... pembinaan hari ini.

Namun ada sedikit keraguan atau kerisauan penduduk berkenaan dengan apakah mereka mampu untuk sama-sama terlibat dan juga mereka dapat me… menikmati peluang untuk nak menambahkan pendapatan dan juga untuk nak memberikan peluang kepada generasi-generasi muda dan belia di kawasan Beserah untuk terlibat sama di dalam pembangunan dan juga aktiviti ekonomi di MCKIP. Sehingga hari ini kita masih tidak dapat lagi berapakah per... er… angka peratus penglibatan kontraktor tempatan di kawasan tersebut kerana banyak yang kita lihat kontraktor-kontraktor yang terlibat adalah kontraktor–kontraktor besar daripada syarikat luar.

Begitu juga dengan jumlah tenaga pekerja. Tenaga pekerja yang terlibat dalam industri di kawasan MCKIP tersebut adalah tenaga-tenaga daripada luar. Hingga kepada mereka yang jadi pengawal keselamatan pun datang daripada Negara China, yang ini yang kita… kita timbulkan keraguan. Apakah ianya beri peluang besar walau pun kita menarik pelaburan? Menteri Besar kata RM5.2 billion *foreign invert*… *foreign investment* untuk Tahun 2015. Maka dia tidak dapat dinikmati limpahannya kepada rakyat setempat. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil er… peluang ini dan dalam masa yang sama inisiatif supaya menetapkan

jumlah peratusan tenaga kerja dan juga penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan di dalam memaju dan terlibat sama di dalam sektor ekonomi di MCKIP ini.

Dan kita juga bimbang sekiranya ianya tidak diberikan penekanan daripada peringkat asal, peringkat awal ini, di peringkat permulaan. Dia bakal memberikan kesan sampingan yang lebih besar dan lebih teruk di masa akan datang sehingga syarikat yang melabur di kawasan tersebut menetapkan syarat untuk nak bekerja dengan syarikat dia perlu er… diberi keutamaan yang boleh berbahasa Mandarin, berbangsa Cina. Jadi kita duduk Beserah ni, nak boleh… nak cari orang Melayu yang pandai cakap cina ni… payahlah sikit Yang Berhormat Dato' Sri. Jadi kita harap supaya ianya tidak dikenakan sebagai satu kekangan atau halangan untuk rakyat tempatan terlibat sama kerana isu bahasa ataupun isu-isu yang tidak seharusnya.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa dah mencukupi…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh sikit lagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya bagi peluang satu minit lagi.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dua minit Dato' Sri, sekejap ya. Yang kedua, infrastruktur. Kawasan Beserah adalah kawasan pelancongan dan industri. Maka, infrastruktur sangat penting supaya dia mampu untuk nak memberikan kegiatan ekonomi dan kegiatan penduduk berjalan dengan baik. Saya mengharapkan supaya laluan utama di kawasan Beserah antara bandar Kuantan ke sempadan Kemaman perlu diberikan naik taraf jalan raya tersebut. Kawasan yang selalu berlaku kemalangan maut terutama sekali kawasan yang gelap di waktu malam yang merbahaya er… infrastruktur ini perlu diberikan… diberikan er… tumpuan dan Kerajaan Negeri dapat mengambil tindakan segera mengatasinya.

Begitu juga dengan bekalan air. Terdapat satu kampung di kawasan saya iaitu di panggil Alor Batu Jabor. Kampung ini tak ramai, lebih kurang 1,000 orang penduduk, tapi mereka me… ber…berdepan dengan masalah gangguan bekalan air hampir 5 tahun dah. Sehingga dua minggu lepas… tidak mampu menguruskan jenazah kerana masjid tak de air dah hampir seminggu, tidak ada bekalan air… kena hantar ke kampung lain. Jadi saya harap pihak… sedangkan kampung tu dengan Loji Rawatan Air Semambu hanya beberapa kilometer sahaja. Saya harap dapat ambil perhatian dan tindakan segera daripada pihak… pihak PAIP.
Begitu juga satu lagi isu Kerajaan Tempatan, kawasan Bukit Pelindung Beserah, Taman Pelindung Jaya dan Pelindung Damai sentiasa dihantui dengan perasaan takut

bila hujan lebat kerana nama je Bukit Pelindung, tapi air bukit akan turun tapi tidak lalu ikut longkang, air bukit ni turun lalu ikut dalam rumah orang, keluar pintu… masuk pintu depan, keluar pintu belakang. Sebabnya longkang yang dibina dulu masa perumahan sikit, masih lagi sama dengan bila perumahan telah bertambah, tidak ada longkang baru yang dibina. Lebih malang, apabila aduan ini telah dibuat oleh penduduk 2, 3 tahun masih tidak ada tindakan susulan yang diambil. Longkang masih disumb… tersumbat dengan pasir, dalam longkang 4 kaki, 3 kaki setengah pasir, maka tinggal setengah kaki sebab tu air tak de lalu longkang, dia lalu er… depan… dalam rumah orang untuk nak keluar.

Jadi saya harap keselesaan penduduk ini perlu diberikan perhatian dan mampu untuk bantu, kita bantu mereka selesai. Mereka beli rumah mahal tapi dalam masa yang sama terpaksa berdepan dengan masalah-masalah begini. Jadi selepas di… dibuat aduan masih tidak ada tindakan, maka mereka merasakan mereka tidak diberikan perhatian di dalam aduan mereka.

Akhir sekali, Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya kena ringkaslah, cepat ya. Er… isu peniaga-peniaga kecil di kawasan Beserah. Di kawasan saya Beserah, terdapat tidak kurang daripada 5 *supermarket*. Dalam *supermarket* ni kategori hampir *hypermarket*. Apabila wujud *hypermarket* dan *supermarket* yang besar di kawasan-kawasan penduduknya er… kawasan seperti pinggir bandar ini, maka secara tidak langsung, dia memberi kesan kepada peniaga-peniaga kecil, peniaga-peniaga runcit. Akibatnya, apabila 5 *supermarket* besar ini beroperasi… dia baik untuk pengguna sebab kita banyak pilihan, tetapi dia beri kesan buruk kepada peniaga yang selama ini bergantung hidup dengan perniagaan runcit mereka, akhirnya mereka terpaksa tutup kedai.

Apatah lagi kalau *supermarket* dan *hypermarket* ini, diberi peluang untuk juga sama-sama berniaga barang-barang basah, ikan, sayur. Mereka boleh jual sayur murah kerana mereka ada kebun sayur sendiri, sedangkan peniaga pasar terpaksa ambil sayur daripada pemborong. Maka mereka tidak mampu bersaing, akibatnya peniaga-peniaga kecil di kampung-kampung terpaksa tutup kerana tidak boleh bersaing dengan tawaran yang harga dengan *hypermarket* ni.

Oleh itu saya mengharapkan agar ada satu langkah yang diambil supaya ada *strategic alliance* dibuat sebelum mana-mana *supermarket*, *hypermarket* ni dibuka di mana-mana kawasan yang… yang ramai terlibat peniaga-peniaga kecil, kedai runcit, peniaga pasar. Mesti ada satu *strategic alliance,* dengan izin, kerjasama strategik perlu dibina, persefahaman, supaya tidak mengganggu kehidupan peniaga-peniaga kecil ini dan dalam masa yang sama, *hypermarket* dan *supermarket* juga ada *social obligation* dengan izin, ada tanggungjawab sosial untuk memelihara peniaga-peniaga di kampung-kampung ini supaya mereka tidak mengejar keuntungan, supaya mereka tidak semata-mata untuk berniaga dan akhirnya tidak mengambil hirau nasib peniaga-peniaga kecil.

Jadi kalau s*trategic alliance* ini ataupun kerjasama strategik ini dibuat antara peniaga besar dan peniaga kecil, kedua-dua pihak ini akan mendapat keuntungan yang… yang sama besar.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

…oleh kerana masa Yang Berhormat dan lima kali dah mengangguk dengan saya tu…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Saya dah bagi melebihi 2 minit tadi… saya ingat Yang Berhormat boleh gulung lah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya ucap terima kasih, di atas peluang yang diberikan. Dengan ini saya, menyokong Bajet yang dibentang. [Ayat Al-Quran] Wassalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya kira kita tangguh ya, untuk perbahasan pada petang ini. Seramai 6 orang, wakil-wakil yang telah mengambil bahagian dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan hujah-hujah yang cukup baik. Saya melihat Ahli Berhormat dalam keadaan yang agak letih ya, mungkin tidak… memerlukan rehat yang panjang, jadi saya bersetuju untuk menangguhkan persidangan kita pada petang ini, dan insya-Allah, kita akan sambung semula pada hari besok 23 November bermula jam 9.00 pagi. Persidangan di tempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 4.22 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13

HARI KE-4
23 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

HARI KEEMPAT – 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2018	20

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Keempat : 23 November 2017 (Khamis)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Khas:
Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. - **Lanchang**
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - **Benta**
(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - **Jelai**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri**	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Guai**
Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri**	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Kerdau**
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	-	**Damak**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh, DIMP., JSN., PPN.	-	**Lepar**

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	-	**Panching**
Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	-	**Tahan**
Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, DIMP., SMP., PPN., BCM.	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	-	**Chenor**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMN., AMP., PKT.	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	-	**Luit**
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Ketari**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Bilut**
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	-	**Kuala Semantan**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Che Farhan bin Che Mansor

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Keempat (Khamis)	:	23 November 2017
Bersamaan	:	4 Rabiulawal 1439 Hijriah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ayat Al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bersama-sama kita pada pagi ini 6 orang pemerhati daripada ADUN Bebar [Ahli Dewan menepuk Meja].

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulilah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan pada hari ini dan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada kali ini, saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat daripada Semambu.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan soalan nombor 1 untuk rakan saya. Terima kasih.

> [Dimaklumkan bahawa East Coast Rail Link (ECRL) akan melalui Hutan Simpanan Kekal (HSK) Galing. Adakah kerajaan membenarkan pencerobohan tersebut, dan jika tidak, apakah langkah kerajaan bagi memastikan hutan simpan dipelihara?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tak ada pula Semambu hari ini ya? Kalau dalam *Facebook* semuanya dialah yang sibuknya. Tak datang pula. Saya nak ucap terima kasih sebab soalan ini merupakan soalan asas untuk memberi penerangan kepada kepada orang yang tak tahu… *It's very simple question, but it's very important because the answers will clarify everything about forestry, okey.*

Zaman British dulu, hutan ini dikategorikan kepada berbagai-bagai kategori [batuk] dan er… Pegawai Perhutanan Daerah ataupun Pengarah Perhutanan Negeri, jawatan mereka ini bukan Pegawai Perhutanan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Ini nak mengajar juga. Walaupun Timbalan Yang di-Pertua duduk di atas, tapi sebab dia menjadi Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua pun kita sebut Yang di-Pertua… Mengajar Ahli-Ahli yang pandai-pandai ni. Saya tak berapa pandai. Mereka digelar *Conservator of Forest* iaitu Pemelihara Perhutanan. Sampai sekarang pun jawatan mereka itu adalah *Conservator of Forest… Conservator of Forest.*

British ini, walaupun mereka menjajah tapi mereka merupakan penjajah yang bijak. Dia pandai melaga-lagakan orang tapi pada ketika yang sama mereka mengajar apa yang sepatutnya dipelajari oleh anak-anak jajahan mereka dan British terbukti Bapa Penjajahan yang terbaik di antara penjajah-penjajah seperti Perancis, Sepanyol, Portugis, Belanda dan sebagainya.

Penjajahan British telah mengkategorikan hutan di Malaysia ini kepada beberapa kategori dengan tujuan untuk memelihara, bukan tak boleh usik langsung. Bukan. Makna disebutkan Hutan Simpan Kekal bukan dikekal, tak… Bukan tak boleh langsung tebang, tak… kalau mengeluarkan ada cara dia berapa sentimeter, 1 ekar berapa pokok boleh dikeluarkan, cara pengeluaran.

Sebab, selepas beberapa tahun hutan itu dianggapkan dia tumbuh balik, macam bulu ketiaklah, cukur hari ini yang cepat tumbuh itu, esok dia tumbuh, yang er… lambat tumbuh itu tak tumbuh langsung pun ada. Ini bahasa *unparliamentary* ke? Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tak boleh saya gunakan bulu ketiak, boleh ya?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ha…boleh. [ketawa]. Ya, boleh belaka asalkan jangan mati dah. Lepas tu ada kawasan tadahan air… Simpanan Kekal Tadahan Air. Kesemua ini walaupun

dikategorikan Hutan Simpan Kekal ke atau hutan er…tadahan air ke boleh dikeluarkan dengan syarat-syarat tertentu. Tapi maklumlah pembalak-pembalak di Malaysia ini pula tidak seperti di Kanada dan sebagainya. Meraka dapat keluar, dia keluar saja tak kira, besar ini pun dia keluar, besar ini pun keluar.

Bila kita buat East Coast Rail Link ini dia akan lalu Hutan Simpan Kekal Galing, Hutan Simpan Kekal Galing. Bukan luas pun dan semestinyalah selaras dengan Akta Perhutanan Negara. Pihak berkuasa akan mengeluarkan tanah tersebut untuk membolehkan pihak ECRL ini membina jalan keretapi yang diperlukan itu.

Ini... ini kena faham ini, bukan bermakna bila Hutan Simpan Kekal, Hutan Tadahan Air tak boleh keluar hutan, tak. Boleh keluar, boleh... boleh keluar tapi dengan syarat-syarat tertentu dan dengan sebab-sebab tertentu. Saya berharap ini bukan mengajarlah maknanya sedikit sebanyak, cikgu yang bodoh, bodoh pun tidaklah *unparliamentary*, mengajar anak murid yang cerdik. Terima Kasih, ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat daripada Lepar.

YB. DATO' MOHD SHOHAIMI BIN JUSOH

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 2.

[Pekan Gambang sebagai bandar pemangkin kepada bandar Kuantan. Akibat kepesatan bandar Kuantan limpahannya telah mengalir ke Pekan Gambang.

a) Adakah Kerajaan Negeri merancang pembangunan Gambang itu sendiri sejajar dengan kepesatan bandar Kuantan?

b) Gambang sebagai hub pendidikan dan pengeluaran produk halal. Adakah kerajaan akan menyediakan prasarana awal ke arah pembangunan Pekan Gambang seperti hospital, balai polis, balai bomba dan sebagainya?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita tidak dapat elak sesebuah kawasan itu akan berkembang maju. Kampung menjadi *sub urban… Sub urban* jadi *urban* dan begitulah seterusnya dan bagi setiap bandar besar biasanya ada Bandar Satelit. Maknanya, kalau di Kuantan ini makna Bandar Satelit ini termasuklah Gambang dan di sebelah Pekan ini dan tidak mustahillah satu hari nanti Kuantan dengan Pekan pun akan bercantum. Bandar Gambang ini akan dibangunkan selari dengan perkembangan bandar Kuantan dan er… cadangan balai bomba telah dimasukkan dan dalam proses untuk dibina. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Cheka.

YB. DATO' INDERA FONG KOONG FUEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk mengemukakan soalan nombor 3.

> [Sejauh manakah sambutan pelancongan luar dan dalam negeri sempena kempen Tahun Melawat Pahang 2017? Apakah statistik kemasukan pelancongan luar (*overseas*) mengikut pecahan negara dan peratus kenaikan/penurunan bagi tempoh enam bulan pertama 2017?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Wakil daripada Cheka. Sempena Kempen Tahun Melawat Pahang 2017, bagi tempoh enam bulan pertama, dilihat terdapat beberapa pertambahan kedatangan er… pelancong dari dalam dan luar negara sebanyak 20.4% berbanding dengan er… sebanyak 20.4% secara purata berbanding dengan tahun yang sama pada tahun 2016. Ini boleh dilihat dengan perbandingan mengikut pecahan kategori seperti kedatangan pelancong domestik dalam negara meningkat lebih kurang 16.18% daripada 7.5 kepada 8.9 dan kemudian pelancong antarabangsa meningkat lebih kurang dalam 20% daripada 1.9 kepada 2.2 dan secara keseluruhannya peningkatan adalah sebanyak 20.4% seperti yang saya nyatakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Mentakab.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 4.

> [Apakah tindakan Kerajaan Negeri/Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)/jangka masa pendek dan panjang untuk mengatasi banjir kilat yang berlaku pada 07/08/2017 lepas memasuki beberapa bahagian DUN Mentakab seperti Pasar Raya Tong Fatt, Pasar Mentakab, Kampung Penak, Kampung Chatin, Taman Lee Chan, Taman Setia, Taman Bukit Bendera (tepi lorong 4 A/B/C/D/E), Taman Rimba Jaya (Jalan Jelutong) dan beberapa kawasan lain?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Banjir kilat ni… dia berlaku kerana ada isu masalah er… saliran… sistem saliran dalaman biasanya dan er… kalau kita dapat er… bayangkan bila hujan turun di kawasan-kawasan tertentu yang dipanggil sebagai kawasan tadahan, jadi air hujan ini dia akan mengalir. Ada setengah ni diserap dalam bumi tapi ada setengah tu akan mengalir di permukaan… yang itu dipanggil larian permukaan atau bahasa inggerisnya, *surface run-off.*

Kemudian dia akan masuk ke dalam er… sistem saliran, parit kecil, longkang kecil. Daripada longkang kecil tu dia akan masuk kepada longkang yang lebih besar dan daripada longkang besar tu dia akan pergi kepada sungai dan daripada sungai kecil

itu dia akan mengalir kepada sungai besar, dan di kawasan Mentakab ni, kita dapati bahawasanya, dia ada sungai-sungai… Sungai Ketapa, Sungai Ara, Sungai Chatin dan dia… sungai-sungai ni dia mengalir ke Sungai Semantan yang merupakan sungai yang lebih besar dan daripada Sungai Semantan, dia akan mengalir ke Sungai Pahang.

Jadi, kesan daripada sistem ataupun semua ni dikira rangkaian sistem saliran. Jadi soalan yang dibangkitkan oleh ADUN daripada Mentakab ialah berlakunya baru-baru ni er… banjir kilat pada 7 haribulan Ogos tahun 2017 er… yang menyebabkan kawasan-kawasan di Kampung Penak, Kampung Chatin, Taman Lee Chan, Taman Setia dan sebagainya ini banjir. Jadi apakah tindakan yang di ambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam menangani permasalahan ini dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang?

Okey, untuk banjir kilat dalam jangka masa pendek, dua agensi yang diberi tanggungjawab. Pertamanya, Majlis Perbandaran Temerloh yang sememangnya mempunyai satu er… kaedah iaitu er… penyelenggaraan longkang-longkang yang merupakan er… sebahagian daripada rangkaian sistem saliran ini dilaksanakan oleh Syarikat Alam Flora. Jadi Alam Flora dia membersih er… longkang ni kerana apa? Penyebab antara banjir kilat ni ialah halangan kepada er… ni… aliran air ni tadi, sampah sarap er… ni… dan halangan-halangan lain yang ini… yang diambil tindakan oleh pihak er… Majlis Perbandaran Temerloh melalui Syarikat Alam Flora untuk membersihkan mengikut er… jadual yang telah pun ditetapkan ya, semua longkang-longkang kecil ataupun er… longkang monsun lah… *monsoon drain* dan pada masa yang sama Majlis Perbandaran Temerloh juga melihat kalau ada keperluan untuk membesarkan saiz longkang ni tadi dia naik taraf, dia akan laksanakan.

Begitu juga dengan pihak JPS. Dia juga melaksanakan kerja yang er… mampu untuk mempertingkatkan sistem er… saliran dalaman ya, tetapi apabila aliran ini mengalir ke Sungai Semantan dan er… berlakunya hujan lebat maka air daripada Sungai Semantan tu, dia mampu ataupun dia melimpah daripada tebing dan ini yang menyebabkan banjir di kawasan-kawasan persekitaran termasuk di sebelah hulu. Untuk itu, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan Pusat untuk menangani ini kerana dia memerlukan kos yang besar.

Maka Alhamdulillah dengan er… kerjasama daripada Kerajaan Pusat, maka satu projek yang dinamakan sebagai Rancangan Tebatan Banjir Sungai Semantan Fasa Satu telah pun diluluskan, dengan melibatkan kos RM50 juta yang akan dilaksanakan dengan melibatkan komponen-komponen iaitu pertama melencong, mendalam dan melebarkan sungai sepanjang 5 kilometer, sungai er… Semantan ya, kemudian er… kerja-kerja lanskap sepanjang 3 kilometer dan kerja-kerja membina ban sepanjang 5 kilometer dan juga membina sistem pam iaitu membina rumah pam dan membina pintu air.

Jadi maknanya er… ini dijangka mudah-mudahan insya-Allah akan dapat menangani permasalahan banjir di kawasan persekitaran er… Bandar Mentakab dan er… manusia merancanglah, Allah SWT juga yang melaksanakannya, insya-Allah mudah-mudahan kita berdoa dengan er… hari ni, pagi ni, warak sikit ni [Ahli Dewan ketawa] sebab apa? Kita insaf, [Ahli Dewan ketawa] manusia ni… tak…. Dato' Sri, setinggi mana kita sebenarnya manusia ni… sebenarnya manusia merancang je… Allah SWT juga yang melaksanakan jadi kita buat ni ya? Er… jadi sebenarnya kita merancang berbagai-bagai malahan misal contohnya kita er… di Mentakab ni uniknya bila banjir tahun 2014 ya, banjir tahun 2014, Temerloh semua er… sebahagian besar di

tenggelami oleh er… air, air banjir. Di Mentakab ada sebahagian je yang terlibat dengan banjir, bukan keseluruhannya. Kalau hukum akal menyatakan sepatutnya Bandar Mentakab tu tenggelam tu, Bandar Mentakab tu tenggelam tapi tidak begitu.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… nak sambung apa nama… Wakil daripada Kerajaan, bukan setakat Bandar Mentakab, Lanchang pun macam sama dia bagi tahu. Selalunya Lanchang ni, Batu Kapur er… Bandar Lanchang er… kemudian Kampung Insaf ini… kemudian Sungai Buluh, dia kalau tak banjir tahun tu kita pelik, tapi kerana apa? Kerana kuasa Allah Taala juga Yang Berhormat Yang di-Pertua, jadi orang Lanchang boleh tolong orang di tepi sungai er… di Temerloh kerana dia orang mengalami banjir besar dan kita tak ada banjir langsung. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Setuju juga. Saya memang amat bersetuju dengan… dengan sahabat saya daripada Lanchang, sebab apa? Masa banjir 2014… banjir tahun 2014 berlakunya banjir yang terburuk juga di seluruh negeri, di Lipis banjir Dato' Sri, di kawasan DUN Padang Tengku, memang banjir ni Yang Berhormat, ya? Memang kawasan DUN Padang Tengku banjir. Di kawasan Cheka, sahabat saya Dato' Indera, banjir. Alhamdulillah di Benta tak banjir. Jadi Orang Benta pergilah ke Cheka, pergilah ke Padang Tengku untuk membantu. Hukum akal mengatakan sepatutnya seluruh Lipis tu kira apa nama… banjir, tapi tidak begitu, ini kehendak Allah SWT, sebab itu dalam konteks ini…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bila menengok Ahli dari Lanchang dengan Ahli dari Benta. Warak satu hal, tak tahu siapa bahan siapa [Ahli Dewan ketawa]. Tapi saya nak tambah satulah. Bila sebut banjir 2014, dalam ucapan saya, antara hutang yang kita tanggung ialah untuk mengatasi, memberi bantuan banjir 2014. Itu kena fikir. *You* janganlah nak diulang-ulang. Tapi saya tak kiralah, bila diulang-ulang ni, ini dalam surah Al Baqarah, tak silap saya [Ayat Al-Quran] ya, [Ayat Al-Quran] ya, [Ayat Al-Quran] ha, ini golongan yang hati kaudu, yang Allah Taala dah cap dah, awak cakap apa pun, dia tak akan terima.

Jadi antara lainnya, pinjaman kita dengan Kerajaan Persekutuan ialah belanja, menangani banjir 2014. Satu lagi SUKMA, orang tau… apa ni, sukan SUKMA. SUKMA ni sukan Kementerian er… Sukan Malaysia, bukan kita. Kita kena bayar hutang tu. Jadi biar faham sikit.

Semalam Ahli daripada Pulau Manis menyebutkan projek *Water Treatment Plan* di… di Ganchong. RM500 juta, duit mana? Bukan duit kita, duit Kerajaan Persekutuan, dia kira pinjam. Ini biar faham sikit ya. Kalau tidak, kalau tak faham hah… itulah dia, orang yang tak faham ni, dalam surah Al Baqarah tadi. Ha… [Ayat Al-Quran] Allah Taala dah cap dah 'hati dia', [Ayat Al-Quran] 'pendengaran dia', [Ayat Al-Quran] 'pandangan dia'. Orang ini jawabnya hati kaudu. Itu aje. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, hari ni baru kita tahu ya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, makna satu-satu dia faham Quran tu.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kita dah tahu lama dah Yang Berhormat. [Ahli Dewan ketawa] Er… itu… itu *joke of the day,* dengan izin.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Itu kepada orang yang tak tahulah. Er… Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua tu, sebab tu faham lama. Sebab tu masih kekal jadi… jadi Yang Berhormat. [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Lima penggal.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, ya.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Yang di-Pertua,

Sebenarnya kita dalam Dewan Yang Mulia ini, dia… di samping kita er… ikhlas memberikan sumbangan perkhidmatan kita, untuk kemajuan negeri, kita juga sebenarnya belajar. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, dia banyak pengalaman. Malahan, alhamdulillah bukan sahaja dalam Mesyuarat Exco, ataupun Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, beliau sentiasa mengajarlah.

Maknanya profesion ataupun sifat er… perguruan yang ada pada jiwa Dato' Sri DiRaja ni, dia berkongsi bersama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat yang merupakan anak muridlah. Kira banyak perkara sebenarnya Dato' Sri yang er… Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat belajar daripada pengalaman Yang Berhormat Dato' Sri dan ikhlas. Sebenarnya Dato' Sri ialah jenis yang mengatakan *calling a spade, a spade*lah, maknanya kalau benda yang betul tu, betul sebenarnya. Itulah Dato' Sri…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Dengan izin ya, kita ni luar… luar…luar tajuk dah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tapi tak apalah mengambil kesempatan untuk penjelasan. Memang sifat perguruan tu ada. Itu sebab mana anak murid yang bodoh tu, maka ditengkinglah jawabnya. Kalau bodoh tu, bodohlah. Ada anak murid bebal ni, tak masuk ajar, tak reti, tak faham-faham orang ajar dia, hah... memang kenalah. Tapi fizikal tak pernah. Kena tempeleng ker, tak. Hanya "Kau ni bodoh betullah", "balik belajar lagilah". Baik cikgu. Tapi lepas kena bodoh tu, bila cikgu makan kantin, hai… "mari makan… mari" er…

belanjalah. Maknanya sape nak kena belanja tu, kena marah dululah. Itulah maksudnya. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Rumusan dia Dato' Sri. Dato'… Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja ni, dia… hati dia murni. Dia cakap tu sebenarnya kerana sama-sama merasakan tanggungjawab untuk menyatakan 'yang benarlah', 'yang hak' dan dalam konteks ni Dato' Sri, ataupun er… Dato' Yang di-Pertua, saya lihat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat, tidak memilih-milih. Kalau diikutkan Rancangan Tebatan Banjir, misalnya iaitu Kuantan, sebahagian besar ditumpukan kawasan Sungai Isap. Kawasan siapa ni?

Sebahagian besar er… di…dilaksanakan untuk membaiki, misal contohnya, er… kualiti sungai-sungai melalui er… konsep *River of Life,* Sungai Galing, kawasan siapa? Misal contohnya, ataupun dalam konteks yang tadi Kerajaan Pusat er… hasil daripada cadangan daripada Kerajaan Negeri telah meluluskan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Semantan, khusus untuk kawasan di Mentakab. Kawasan siapa ni sebenarnya? Sebab itu, dalam konteks ini, kita berikhtiar ikhlas, maknanya menyatakan bahawasanya pendekatan yang kita ambil adalah untuk mensejahterakan rakyat.

Jadi Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… begitulah jawapan yang saya er… ni, nyatakan bagi Pihak Kerajaan dan insya-Allah mudah-mudahan dengan ikhtiar kita ni, kita berdoa mudah-mudahan Allah SWT akan memberikan rahmat dan keredaan-Nya kepada kita semua supaya dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera. Insya-Allah.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dalam tinjauan saya di kawasan er… Taman Bukit Bendera, Taman Rimba Jaya dan kawasan-kawasan er… kam… Taman KSM berada di kawasan yang tinggi. Jadi, er… kalau ikut logiknya memang takkan berlaku banjir kilatlah ya, tapi oleh kerana ada perumahan di sebelah er… taman-taman ini menggunakan longkang-longkang yang asal, maknanya tiada longkang baru. Er… jadi aliran air tu, dia menumpang kepada, pada er… taman baru, er… taman lama, jadi menyebabkan banjir kilat berlaku seperti contoh di Taman Rimba Jaya.

Jadi, soalan saya adakah selepas ini er… pihak PBT, JKR ataupun JPS er… akan lebih serius ataupun teliti ya, sebelum mengeluarkan ataupun meluluskan pelan er… ataupun perumahan baru satu kawasan? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya pihak JPS, pihak PBT ni memang dah teliti. Kerana apa, setiap perancangan pembangunan ni, akan diteliti oleh jabatan teknikal ini dengan

mengambil kira unjuran aliran yang akan dicetuskan oleh pembangunan yang baru. Kalau dulunya kita ada konsep dipanggil *Urban Danish Design*. Makna tiap-tiap jurutera dia akan mengkaji, dia punya er… *discharge,* dengan izin, daripada projek yang dicadangkan. Sama ada sistem ataupun saiz-saiz longkang, rangkaian saliran yang sedia ada ni mampu untuk menampung *discharge* daripada projek yang dibangunkan dan menjadi tanggungjawab kepada pihak pemaju, untuk mempastikan yang sistem rangkaian saliran ini tadi, mesti berkemampuan untuk menangani limpahan ataupun *discharge* daripada er… kawasan yang dibangunkan.

Malahan sekarang ni, dia… kita ada konsep dipanggil er… *MASMA concept,* dengan izin, iaitu pendekatan secara mesra alam. Dia mesti juga er… mewujudkan kawasan takungan, membolehkan supaya bila hujan lebat dan sebagainya, kawasan tu dia takungkan dulu er… *discharge* itu sebelum dia masuk ke dalam sistem saliran yang sedia ada.

Jadi jawapan kepada persoalan yang dibangkit oleh er… ADUN Mentakab tadi, sama ada jabatan teknikal akan lebih teliti, sebenarnya mereka memang teliti tetapi ada er… kalanya apabila er… longkang-longkang ini ya, sistem saliran ini terhalanglah, kadang-kadang tu, penduduk er… di persekitaran tu, membuang sampah sarap ke dalam longkang-longkang sedia ada, dan ini boleh menyebabkan gangguan atau halangan kepada aliran er… air dalam rangkaian sistem saliran itu, yang menyebabkan banjir kilat. Itu namanya banjir kilat.

Banjir kilat ni, dia berlaku er… di luar pada jangka. Kalau sekiranya dia berlaku sentiasa macam tu, itu bukan banjir kilat, itu memang kira banjirlah. Ha… ni… banjir kilat ni, ada halangan dan perkara ni akan diteliti sentiasa oleh pihak PBT dan JPS untuk mempastikan sistem di situ akan dapat menampung er… limpahan daripada er… air yang tercerna daripada kawasan-kawasan yang dimajukan di sekeliling. Terima kasih.

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Tambahan sikit. Sebenarnya er… Dato' Yang di-Pertua, kawasan Taman Rimba Jaya, Bukit Bendera ni, sebelum ada perumahan ya, perumahan baru tak berlaku banjir kilat macam ni tetapi se… sele… selepas er… ada pe… pembangunan baru er… banjir kilat ini kerap berlaku, bukan sekali je lebih daripada lima kali. Jadi itu yang masalah yang dihadapi oleh penduduk. Saya tidak nafikan masalah longkang tersumbat tetapi dari segi reka bentuk. Saya harap er… pihak er… berkuasa PBT, JKR dan JPS lebih teliti lagi selepas ini. Terima kasih. Assalamualaikum.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Saya dah jawab soalan tu tadi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, kita… seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Tanah Rata.

YB. LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 5.

[a) Berapakah projek PR1MA telah siap di daerah Cameron Highlands, berapakah bilangannya dan di bandar mana?

b) Berapakah sedang dalam pembinaan dan di mana?

c) Berapakah masih dalam perancangan?

d) Bilakah pembinaan projek PR1MA di Bandar Brinchang akan bermula?]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ada empat soalan daripada ADUN Tanah Rata. Yang bertanya… yang pertama, bertanyakan err… berapakah projek PR1MA telah siap di Daerah Cameron Highlands? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini terdapat dua projek PR1MA Pahang, telah siap dibina dan telah memperolehi dengan izin, *Certification of Completion And Compliance* da... dalam bahasa melayunya Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan iaitu yang pertama Projek PR1MA Pahang Tanah Rata, yang mengandungi 100... yang mengandungi 840 unit rumah dan Projek PR1MA Pahang, Kampung Raja yang mengandungi 308 unit rumah.

Soalan yang kedua, berapakah sedang dalam pembinaan dan di mana? Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanah Rata, buat pada masa ini tiada projek yang sedang dalam pembinaan. Yang ketiga, berapakah masih dalam perancangan? Terdapat lima lagi projek PR1MA Pahang yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di Daerah Cameron Highlands, iaitu di Brinchang, dua di Ringlet, satu di Tanah Rata dan satu di Brinchang dan soalan yang terakhir daripada Yang Berhormat Tanah Rata ialah bilakah pembinaan projek PR1MA di Bandar Brinchang akan bermula? Ianya akan bermula selepas pertengahan tahun 2018.

YB. LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya difahamkan Projek PR1MA di bandar Brinchang telah diluluskan dekat 4 tahun dahulu. Apa sebabnya lambat sampai hari ini belum lagi *start*?

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tanggungjawab Kerajaan Negeri ialah, kita memberi kelulusan secepat mungkin kepada pemaju dan pemaju ni ada halangan-halangan tertentulah yang menyebabkan berlaku sedikit kelewatan. Kerana mereka terpaksa mengeluarkan modal yang banyak dan er… mengambil kira beberapa faktor lain sama ada rumah yang dibuat sebelum ini telah habis dijual atau tidak. Jadi kemungkinan berlaku sedikit kelewatan di situ.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Kuala Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan nombor 6.

> [Apakah jaminan kerajaan negeri dengan pembinaan rumah pelbagai skim seperti rumah mampu milik, PPRT, PR1MA dan pelbagai lagi dapat menyelesaikan masalah pemilikan rumah bagi generasi kedua pinggir bandar yang kurang berkemampuan?]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya Kerajaan Negeri berya… berkeyakinan dengan pembinaan rumah-rumah PPRT, PR1MA Pahang, er… Mesra Rakyat dan sebagainya akan dapat membantu menyelesaikan masalah perumahan untuk generasi kedua sama ada di luar bandar ataupun di pinggir bandar. Ini dapat kita lihat dengan jelas apabila kelulusan yang diberi oleh Kerajaan Negeri melebihi 70% daripada tapak-tapak perumahan yang akan dibina di negeri Pahang ini adalah di pinggir bandar dan di luar bandar. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri memang mengambil berat tentang permasalahan perumahan di pinggir bandar dan di luar bandar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tras.

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengemukakan pertanyaan nombor 7. Terima kasih.

> [Skim bantuan musim tengkujuh pekebun (BTM) yang diusahakan oleh pihak kerajaan hanya fungsi sementara. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan negeri supaya jualan getah lebih tinggi dan stabil?]

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya tegaskan di sini bahawa kerajaan sentiasa mengambil usaha dan ikhtiar bagi membantu masalah rakyat dan bagi tujuan tersebut khususnya dalam soal mengenai bantuan musim tengkujuh yang diberikan kepada penoreh-penoreh getah, pekebun-pekebun kecil. Itu antara inisiatif yang diberikan. Kalau dulu, tidak ada usaha ini dan ikhtiar ini dan soalannya ialah apakah… ia memang ben… berbentuk sementara. Musim tengkujuh kita akui memang berbentuk sementara dan langkah-langkah lain, bagaimana kita nak menstabilkan ataupun mendapatkan harga getah yang tinggi. Kerajaan antara agensi yang terlibat adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu melalui RISDA dan juga kita ada satu lagi agensi, Lembaga Getah Malaysia.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Er… kerajaan menetapkan harga lantai bagi getah iaitu harga lantainya sebanyak RM2.20 sekilogram. Jika harga getah menjunam melebihi harga lantai, maka pulangan

wang ses akan diberikan melalui insentif pengeluaran getah. Itu faktanya dan er… agensi melalui RISDA membuat usaha-usaha lain. Antara lainnya, Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG), iaitu bantuan pemberian subsidi baja, racun dan penggalak susu. Kerajaan er… mengeluarkan RM2.4 juta yang mana jumlah penerima di negeri Pahang ini 4,221.

Manakala stim… skim lain pula, Skim Pengekalan Pengeluaran Getah (PPG), iaitu bantuan subsidi baja, mangkuk getah, *spring* dan kelengkapan menoreh RM400,000, yang terlibat penoreh 555 orang dan selain daripada itu juga, kita buat pusat pengumpulan hasil getah, depo. Bagi tujuan bangunan pengumpulan hasil getah er… RM50,000 yang terlibat 400 orang, dan izin saya juga ingin menyatakan bahawa antara usaha lain er… pena… penetapan harga di ladang melalui penetapan *margin* perniagaan oleh kerajaan iaitu harga di antara SMR20*, free on board* dan harga diterima oleh pekebun kecil mulai November 2014. Tujuannya ialah untuk mengurangkan peranan orang tengah.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Ada lagi caranya, langkahnya… antaranya ialah penetapan harga melalui panel penasihat harga getah yang dilaksanakan oleh Lembaga Getah Malaysia dan pemantauan oleh Jawatankuasa Kajian Harga setiap tiga bulan. Bukan kita senang-senang. Kita ada panel dia, panel penasihat yang setiap tiga bulan memastikan harga yang dikeluarkan oleh LGM lebih telus, reflektif dan boleh dipercayai. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. LEONG NGAH NGAH

Ya. Terima kasih. Soalan tambahan. Setelah musim tengkujuh, berikutan akan berdepan dengan cuaca panas dan daun akan gugur. Buat sementara itu, pekebun kecil kena berhenti dekat dua bulan. Adakah Kerajaan merancang undi… memberikan bantuan buat masa itu?

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Bantuan yang diberikan adalah sentiasa. Mungkin, saya tidak ada rekod mengenai bantuan semasa musim panas ini. Tapi kita melalui RISDA, melalui Lembaga Getah Malaysia akan mengambil apa jua inisiatif, usaha, ikhtiar bagi tujuan untuk menjamin harga getah yang begitu baik untuk dinikmati oleh para er… penoreh dan satu yang pasti untuk saya katakan harga getah ni juga tertakluk kepada er… komoditi dunia, permintaan penawaran dunia dan kita jatuh nombor 5 selepas China. China telah mengatasi Malaysia. Kalau dulu China merupakan pengimport utama er… daripada getah Malaysia, sekarang lagi tidak lagi begitu, saya rasa itu adalah antara sebab mengapa harga… harga getah kita tak dapat *control* mungkin harga getah er… jatuh sedikit. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, ada… er… saya mehen… mohon sedikit er… penjelasan daripada pihak kerajaan bersabit dengan er… getah er… sektor getah dalam negeri ini. Er… apakah hala tuju Kerajaan Negeri khususnya di dalam er… sektor er… tanaman getah ini, adakah ianya semakin meng… meng… hakis atau semakin dikurangkan digantikan dengan er… tanaman lain? Ataupun getah ini masih lagi akan menjadi salah satu daripada sektor penting dalam er… negeri ini? Sebab banyak kita lihat, pekebun-pekebun kecil dia tebang getah, jual kayu dia dan tanam dengan kelapa sawit er… kebanyakannya semakin berkurangan tapi adakah… apakah hala tuju kerajaan terhadap sektor getah ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Semestinya getah menjadi komoditi utama di negeri dan negara kita, yang pasti saya tahu Yayasan Pahang ada juga buat penanaman getah secara skala besar ya, mereka er… yang bila kita buat itu mesti ada hala tuju depan, bila kita tanam semula sebab itu kerajaan ada buat Skim Tanam Semula Getah. Jadi untuk memastikan… dulu kita pakai cut lam sekarang ini saya nak beritahu negara kita ini kurang dah getah cair ini… tak ada… yang ada di dua negeri sahaja tidak silap saya di Perak, di se… Negeri Sembilan. Yang kita ada pe… pengeluar sarung getah yang utama kita… *glove*… *glove*… saya tak ingat dia punya tu… kilang… terpaksa mengimport getah daripada Siam… daripada Thailand dan kerajaan sekarang ini selain daripada mengetah… mengeluarkan getah beku, kita telah me… usaha balik, menggalakkan balik, supaya dikeluarkan susu getah.

Jadi bila ada… ada usaha… ada usaha untuk mengeluarkan semula susu getah. Jadi saya percaya bahawa dia punya masa depan yang cerah untuk kita… jadi kita mesti dipelbagaikan usaha er… selain daripada negara kita negara perindustrian komoditi, kita juga kena galakkan dari segi pertanian, pertanian yang boleh makan. Getah kita tak makan… kita gunakan untuk peralatan tapi saya percaya antara sebelum getah nak naik itu, kecil-kecil itu, kita boleh buat makanan kontan untuk 6 bulan, 9 bulan. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Yang Berhormat sekalian, soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Chenor.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor 8.

> [Sehingga ini apakah tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan baru FELDA dalam menyegerakan pembinaan semula rumah generasi FELDA yang terbengkalai khasnya di Jengka 6 dan Felda Kampung Awah?]

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada rakan saya ADUN Chenor yang menanyakan berhubung perumahan generasi baru di kawasan beliau, Jengka 6 dan juga Kampung Awah. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, khususnya ADUN Chenor, PGBF Jengka 6 dalam proses tender semula 100 unit. PGBF Kampung Awah, pihak pemaju telah memohon untuk melanjutkan masa bagi menyiapkan projek ini, setakat ini kemajuan kerja 45.55%. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Hormat Yang di-Pertua,

Er... apa yang telah disebut antaranya ialah penyelesaian cadangannya untuk tender semula er... saya kaitkan sini walaupun er... soalan ini berkaitan dengan Jengka 6 dan Kampung Awah tapi masalahnya sama juga di tempat saya iaitu er... terdapat perumahan PGBF yang terbengkalai dan er... kita dengar daripada gambarannya bahawa akan ditender semula er... saya kira ini akan meletakkan kepada tanggungjawab kepada kontraktor penyelamat er... risiko apakah, saya nak tanyalah bahawa termasukkah er... tanggungjawab kontraktor penyelamat ini untuk menyelesaikan er... pembayaran ataupun tanggungjawab yang telah dilepaskan oleh er... kontraktor pertama ya?

Sebab... sebagai contoh, er... bahawa keadaan sekarang di tempat saya, dulu *progress* projek sehingga 78%, sekarang dah turun kepada 55%. Jadi di sini er... ada berlaku... akan berlaku bahawa kos yang meningkat ya, dan itu sebab barangkali kalau bimbangnya er... bila tanggungjawab kontraktor penyelamat ini diletakkan juga untuk er... runding cara ataupun berkaitan dengan er... saman dan sebagainya akan melambatkan lagi penyelesaian projek terbengkalai ini. Terima kasih.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Terima kasih er... ADUN Jengka. PGBF kawasan mana itu? FELDA mana itu?

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Er... di tempat saya Jengka 11.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Terima kasih er… Dato' Yang di-Pertua. Jengka 11 ada 180 unit yang mana dalam proses untuk tender semula. Sebagaimana pihak pengurusan FELDA telah berbincang dengan konsultan, maknanya kita telah mendapat persetujuan daripada konsultan supaya konsultan awal itu di*terminate*kan dengan sekali kontraktor. Maka pihak FELDA telah melantik konsultan baru untuk kita selaraskan dari segi harga. Makna mungkin pada ketika itu harganya berbeza dengan harga sekarang, maka kita telah buat keputusan supaya runding cara harga itu dapat kita laksanakan sebaik

mungkin kerana kita nak menyelesaikan isu-isu terbengkalainya perumahan generasi baru FELDA.

Di Pahang ini ada tujuh pakej yang gagal, maka tujuh-tujuh ini dalam proses tender. Makna insya-Allah, makna telah selesai Disember ini maka kita akan melaksanakan meneruskan program pada tahun 2018, terima kasih. Soalan ini sama dengan ADUN er… ADUN Beserah bertanya untuk jawapan pada hari isnin makna kalau itu esok ADUN Beserah tak payah tanyalah, sama je [ketawa] [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang di-Pertua… Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan nombor 9.

[Sukan silat dan menembak adalah kekuatan negeri Pahang.

a) Apakah perancangan yang akan datang dan berapakah peruntukan yang disediakan?

b) Apakah perkembangan Unit Sains Sukan dan Pemakanan/Unit Sains Psikologi dan Unit Sport Medicine di Majlis Sukan Pahang?]

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN er… Pulau Tawar. Soalan yang bertanyakan apakah perancangan yang akan datang dan berapakah peruntukan yang disediakan berhubung dengan sukan silat dan menembak serta apakah perkembangan Unit Sains Sukan dan Pemakanan oleh Unit Sains Psikologi dan Unit Sport Medicine di Majlis Sukan Pahang?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sukan silat dan menembak merupakan sukan memberi sumbangan yang besar kepada negeri Pahang. Bagi menghadapi kejohanan-kejohanan pada masa akan dating, terutamanya kejohanan SUKMA Perak pada 2018, Majlis Sukan Pahang telah merancang beberapa program yang strategik bagi mengekalkan dan meningkatkan lagi prestasi bagi sukan silat dan menembak ini supaya lebih cemerlang di peringkat er... antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Majlis Sukan Pahang dengan kerjasama PESAKA Pahang dan Pasukan Menembak Negeri Pahang akan bersama-sama merancang dan melaksanakan beberapa perkara yang akan meningkatkan mutu sukan ini.

Di antara perancangan yang akan dilaksanakan adalah, menghantar jurulatih-jurulatih dan atlet-atlet di luar negara untuk memberi pendedahan dari aspek teknikal, taktikal dan latihan bagi kedua-dua sukan ini. Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setiap atlet yang menunjukkan prestasi yang cemerlang, mereka berpeluang untuk menjalani latihan di Majlis Sukan Negara dan seterusnya akan mewakili negara ke kejohanan-kejohanan yang berprestij tinggi. Secara tidak

langsung, atlet ini akan mendapat pendedahan dan meningkatkan kualiti mereka dalam sukan tersebut.

Antara lain juga, kaedah pembelian peralatan latihan dan pertandingan yang bermutu tinggi dan terkini juga merupakan salah satu perancangan pada masa akan datang. Peralatan dan kelengkat... kelengkapan yang terkini adalah amat penting dan ia menjadi salah satu faktor kejayaan sukan terutamanya bagi sukan menembak. Untuk tempoh 1 Januari 2017 hingga 15 Oktober 2017, untuk pengetahuan Sidang Dewan, peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM350,000 bagi sukan menembak manakala peruntukan yang telah dibelanjakan bagi sukan silat adalah sebanyak RM85,000.

Seterusnya Majlis Sukan Pahang telah mengadakan MOU bersama ISN Malaysia. ISN Malaysia telah menubuhkan cawangan ISN Satelit Pahang bagi membantu Majlis Sukan Pahang dalam mengelola pelaksanaan elemen Sains Sukan secara lebih terperinci. ISN Satelit Pahang menjadikan khidmat nasihat berkaitan psikologi, nutrisi atau pemakanan dan latihan fizikal. ISN Satelit Pahang juga memainkan peranan bersama Majlis Sukan Pahang dalam program pencarian bakat dan program *high performance team.* Program *high performance team* ini melibatkan 6 jenis sukan iaitu sukan menembak, memanah, pencak silat, olahraga, angkat berat dan berbasikal.

Pihak ISN memberi tumpuan yang lebih dari aspek pelaksanaan Sains Sukan kepada 6 jenis sukan ini. Ini tidak bermakna pada masa yang sama, sukan-sukan yang lain er… tidak diberi perhatian oleh pihak ISN Satelit Pahang. Majlis Sukan Pahang juga telah menubuhkan satu Unit Kejurulatihan dan Sains Sukan. Unit ini akan lebih memberi tumpuan kepada pengurusan kejurulatihan pelaksanaan Sains Sukan di dalam sistem latihan yang disediakan oleh jurulatih kepada atlet. Unit ini juga akan bekerjasama secara langsung dengan ISN Satelit Pahang. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Soalan tambahan. Saya nak tanya adakah MSP ada inisiatif atau telah pun mengambil usaha untuk bekerjasama dalam *Allied Health Sport Medicine* ini dengan uni… fakulti perubatan Universiti Islam Antarabangsa?

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita belum mengadakan apa-apa MOU dengan institusi pengajian tinggi berhubung perkara ini khususnya dengan UIA dan er… untuk perkara ini kita sebagaimana er… kita sebutkan dalam er… perbincangan-perbincangan yang lalu di Majlis Sukan Pahang sentiasa mencari kaedah, sentiasa mencari rakan er… bersama untuk mengkaji dan memberi peluang yang lebih baik kepada atlet-atlet kita, dan untuk makluman Sidang Dewan juga kita dalam Sukan SUKMA yang lalu untuk melihat bagaimana dua sukan ini iaitu er… sukan silat dan juga menembak.

Di SUKMA yang lalu kita, sukan silat mendapat 6 pingat emas, 1 perak dan 1 gangsa dan untuk menembak pula, emas kita dapat 11, perak dapat 7 dan gangsa dapat 5. Ini

membayangkan bahawa kedua-dua acara sukan ini merupakan satu er… penyumbang yang terbesar pingat-pingat kepada negeri Pahang, dan insya-Allah dari masa ke semasa kita akan lihat apa jua bentuk MOU… untuk memberi er… dan memperkasakan atlet-atlet dan pembangunan sukan di negeri Pahang ini. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya… berkaitan dengan perkembangan sukan tadi, pihak kerajaan ada menyatakan bahawa untuk nak mempertahankan prestasi kepada para atlet ini diberikan pendedahan latihan di peringkat tertinggi termasuk er… di luar negara. Cuma saya ingin penjelasan pihak kerajaan. Baru-baru ini pihak FAM menawarkan Pahang supaya bertanding di Piala AFC peringkat Asia tetapi Pahang menolak tawaran tersebut. Adakah ini bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh pihak kerajaan supaya kita nak dedahkan ahli sukan dan atlet kita untuk bertanding di peringkat tertinggi tapi bila ditawarkan oleh FAM kita menolak tawaran tersebut. Sedikit penjelasan, terima kasih.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Soalan dari Beserah ya. Kita melihat perkara ini satu tawaran yang baik, namun atas kekangan beberapa aspek teknikal dan juga kewangan kita terpaksa er…merujuk kepada pihak yang berkaitan untuk membuat keputusan sebagaimana yang diputuskan baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, untuk soalan terakhir kita pada pagi ini, saya jemput Yang Berhormat Ketari.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan soalan nombor 10.

[Keselamatan Makanan.

a) Dari tahun 2012 hingga tahun 2016, berapakah kes yang tidak menepati piawaian keselamatan makanan di dalam negeri Pahang?

b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menyelesaikan masalah keselamatan makanan?]

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Wakil daripada Ketari bertanyakan soalan yang berkaitan dengan kes-kes yang tidak menepati piawaian keselamatan makanan dan langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi masalah ini. Er… untuk makluman Ahli-ahli Dewan, soal keselamatan makanan ini merupakan satu er… perkara yang sangat er… meluas skopnya dan sangat subjektif. Jadi untuk menjawab soalan er… Ketari er… bagi saya soalan ini sangat terbuka kerana soal keselamatan makanan ini er… sebenarnya ada undang-undang Akta Makanan 1983, ada Peraturan Makanan 1985 dan juga ada Peraturan Kebersihan Makanan 2009, dan pastinya ada pelbagai pelanggaran yang… yang sering dilanggar oleh pengendali-pengendali makanan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seperti masalah keselamatan jalanraya jugaklah, ada yang kesalahan-kesalahan berat, ada kesalahan-kesalahan yang er… ringan. Jadi, untuk menjawab soalan daripada Ketari, berapakah bilangan pelanggaran piawaian keselamatan makanan di antara tahun 2012 hingga ke 2016 ini terlalu banyak sebenarnya, Yang Berhormat dan kesalahan-kesalahan ini juga sentiasa berkait. Jadi untuk diringkaskan ya, untuk pihak kerajaan cuba menjawab soalan Yang Berhormat ini, kita cuba tengok daripada sudut tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan di atas pelanggaran-pelanggaran tersebut.

Sebagai contoh er… antara tindakan kerajaan apabila ada pelanggaran itu, kita tutup premis makanan, kita berikan notis. Ada juga kita rampas ataupun sita peralatan dan kita juga rampas sampel-sampel makanan ya. Kalau er… nak dilihat daripada tindakan kerajaan menutup premis makanan dalam tempoh 5 tahun yang lepas sebanyak 588 pelanggaran ataupun penutupan dibuat. Selain daripada itu untuk pengeluaran notis, sebanyak 2,435 notis telah diberikan kepada pengendali-pengendali makanan. Bagi kesalahan yang berkaitan dengan mesin jualan air, pihak kerajaan telah menyita 32 er… mesin yang berkaitan dan bagi sampel makanan yang melanggar pula sebanyak 248, er… rampasan dibuat.

Untuk soalan Yang Berhormat er… yang kedua, iaitu apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menyelesaikan masalah keselamatan makanan? Kita faham bahawa soal pengurusan perkhidmatan kesihatan di negara kita ini diuruskan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan bagi pihak Kerajaan Negeri khususnya melalui er… Pihak Berkuasa Tempatan kita sentiasa memberikan kerjasama dalam er… menjaga keselamatan makanan ini. Antara langkah-langkah yang diambil secara bersama oleh kerajaan selain daripada er… pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan ini, pihak kerajaan sentiasa memberikan pendidikan kepada individu-individu, memberikan ceramah, pameran, menyebarkan risalah dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, berpuluh-puluh ribu er…individu telah diberikan pendidikan, kalau boleh saya sebut sebagai contoh bagi tahun 2016… 18,336 individu telah terbabit dalam aktiviti pendidikan yang mana mereka ini mengambil bahagian dalam program-program latihan. Untuk ceramah sahaja, 2016 sahaja sebanyak 156 ceramah, pameran, 132 pameran yang disertai dan untuk risalah lebih 39,000 risalah diedarkan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan Negeri pernah menerima aduan tentang beras tiruan atau er… telur tiruan di negeri Pahang? Jika ada, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan Negeri dalam pengetahuan saya tidak menerima sebarang laporan ini secara langsung, tetapi mungkin ada aduan ini disampaikan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pahang tapi saya tidak ada maklumatnya di sini untuk diberikan kepada Yang Berhormat, insya-Allah saya sampaikan secara bertulis.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Er… cuma… cuma saya nak kongsikan sedikit dengan Ahli-Ahli Dewan ya, sekira tak ada soalan tambahan. Er… secara keseluruhannya Dato' Sri Yang di-Pertua, kita tengok er… dalam pengurusan keselamatan makanan ini pihak Jabatan Kesihatan ada memperkenalkan konsep gred-gred premis makanan. Maksudnya setiap gred… setiap premis-premis pengendalian makanan ini diklasifikasikan er… kepada Gred A, Gred B dan Gred C mengikut er… standard kualiti yang dicapai oleh pengendali-pengendali tersebut.

Jadi dalam tempoh 2012 hingga 2016 kita tengok er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua ya, bagi bilangan premis-premis makanan yang dikategorikan dalam Gred A ini semakin meningkat. 2012 hanya 650 sahaja dalam Gred A dan bagi tahun 2016 sudah ada 5,400 er… 5,049 premis yang dikategorikan sebagai dalam Gred A. Dari segi pemeriksaan juga jelas pihak jabatan meningkatkan pemeriksaan dari masa ke semasa. Bagi tahun 2012 sebanyak 5,775 premis diperiksa dan pada tahun 2016 sebanyak 12,352 premis telah diperiksa. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk kedai-kedai yang dapatkan Gred C, apakah tindakan kerajaan supaya mengalakkan mereka menaikkan taraf sendiri supaya menjadi Gred B ataupun Gred A?

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Triang. Jadi, itulah yang saya katakan peranan kerajaan pertamanya kita buat pemantauan dan penguatkuasaan dan di samping itu juga kita menjalankan pendidikan secara berterusan. Pastinya mereka yang telah mela… mem… melakukan pelanggaran-pelanggaran ini selain diberikan notis, dikenakan kompaun mereka ini akan diwajibkan untuk mengikuti semula latihan-latihan dan pemeriksaan-pemeriksaan yang akan dibuat oleh pihak Jabatan Kesihatan, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat bagi pihak kerajaan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula jam 11.15 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2018

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 2018/2017, dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018. Rang Undang-Undang dan Usul ini telah pun dibentang dan dibahas pada 21 dan 22 November yang lalu dan perbahasan kita disambung semula pada hari ini.

Seramai 12 orang Wakil-wakil Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Sukacita saya memaklumkan lagi sekali agar Yang Berhormat dapat menggunakan masa yang telah diberikan selama 15 ke 20 minit dengan sebaik-baiknya kerana memberi peluang… kerana ingin memberi peluang kepada Wakil-wakil yang lain.

Baiklah untuk memulakan perbahasan pada pagi ini, ya saya jemput Damak. Sila Yang Berhormat Damak.

YB. DATO' LAU LEE

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana dapat membentangkan satu Bajet *surplus* pada tahun ini. Walaupun er… Bajet *surplus* ataupun Bajet defisit sebenarnya tidak begitu penting dari segi usaha pihak kerajaan untuk membawa kesejahteraan dan pembangunan kepada negeri Pahang.

Saya ingin menyentuh dua, tiga perkara yang perlu kita ambil langkah dan tindakan secepat mungkin kerana dua, tiga perkara yang akan saya bangkit nanti er… begitu kritikal dari segi rakyat, dan mereka sedang menunggu keputusan daripada pihak kerajaan. Isu perka… isu pertama iaitu masalah pertindihan projek tanam semula secara berkelompok dengan satu kawasan yang telah diluluskan kepada Majlis Daerah Jerantut.

Ini berlaku di Kampung Orang Asli Sungai Kiol Jerantut. Kampung Orang Asli Sungai Kiol merupakan Kampung Orang Asli yang terbesar dalam parlimen Jerantut. Dengan penduduk lebih kurang 2,000 orang dan bilangan keluarga pun dalam 202 keluarga. Saya difahamkan satu kawasan di pinggir Kampung Orang Asli Sungai Kiol ini telah diteroka dengan berbagai tanaman pertanian sejak tahun 1948 lagi, sebelum merdeka dan sebelum saya dilahirkan.

Pada awal tahun ini iaitu 2017, pihak RISDA pun telah menawarkan satu projek TSB, Tanam Semula Berkelompok kepada Kampung Orang Asli Sungai Kiol ini, melibatkan semua keluarga di kampung tersebut iaitu 202 keluarga. Di bawah projek TSB ini, setiap keluarga akan diberikan keluasan lot 1.6608 hektar dan sebenarnya kerja-kerja

membersihkan kawasan dan satu jumlah peruntukan kewangan pun telah diluluskan oleh pihak RISDA.

Kerja-kerja membersih kawasan termasuk menyediakan teres untuk tanaman getah pun telah dimulakan. Tiba-tiba pihak Jawatankuasa TSB menerima satu surat daripada Pejabat Tanah menyatakan bahawa mereka telah menceroboh kawasan yang telah diluluskan kepada Majlis Daerah Jerantut. Jadi Tok Batin di Kampung Orang Asli er… Pengerusi JKKK Kampung Orang Asli Sungai Kiol termasuk pegawai JAKOA Daerah Jerantut telah datang berjumpa dengan saya bincang dengan panjang lebar dan satu surat daripada Jawatankuasa TSB telah ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, dan saya sendiri menyampaikan surat tersebut kepada Yang Amat Berhormat dan Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa perkara ini akan dibawa semula ke peringkat Exco untuk dikaji semula.

Jadi er… saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi perkara ini dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya mewakili penduduk Kampung Orang Asli Sungai Kiol merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya kaji semula. Sekurang-kurangnya kawasan yang terlibat ini seluas 812 ekar dapat dikeluarkan daripada kawasan yang diluluskan kepada Majlis Daerah seluas 1,373 ekar supaya kekal dijadikan projek TSB Tanam Semula Berkelompok di bawah RISDA.

Untuk kampung Orang Asli Sungai Kiol ini, inilah kawasan… satu-satunya kawasan di pinggir perkampungan mereka ini. Untuk Majlis Daerah Jerantut banyak pilihan. Selain kawasan di pinggir kawasan Orang Asli Sungai Kiol ini banyak tempat… banyak lagi tempat di kawasan lain, tempat boleh diluluskan kepada Majlis Daerah Jerantut. Tetapi untuk kampung Orang Asli Sungai Kiol inilah satu-satunya di kawasan di pinggir perkampungan mereka.

Oleh itu saya cukup yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang berjiwa rakyat sentiasa dahulukan rakyat, kesejahteraan rakyat, sentiasa diutamakan. Saya kira berdepan dengan kepentingan Orang Asli Sungai Kiol dengan kepentingan Majlis Daerah Jerantut sudah tentu pihak Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan dapat mengambil satu keputusan, dapat membuat satu pilihan yang bijaksana supaya sejajar dengan slogan kita di mana dahulukan rakyat.

Isu kedua berhubung dengan aktiviti pembalakan dan perlombongan di Kampung Berau Ulu Cheka. Di Kampung Berau Ulu Cheka memang sistem paip di bawah Syarikat PAIP sudah sampai ke kampung tersebut tetapi seperti yang dinyatakan oleh Wakil Pulau Manis, ada kawasan-kawasan di mana paip air sudah ada, tapi air tak sampai. Yang ada cuma angin saja.

Jadi begitu juga nasib penduduk di Kampung Ulu Cheka. Paip sudah ada, tapi angin saja yang dapat, air tak dapat. Oleh itu bilangan besar Kampung Berau, Ulu Cheka ni masih bergantung kepada air bukit dan pada tahun 1986 dan juga tahun ini, dua kali orang kampung dengan kerjasama kelulusan Jabatan Kesihatan empangan…empangan tabungan air untuk sistem air masyarakat telah dibina di Kampung Berau. Untuk empangan yang pertama telah membawa perkhidmatan air masyarakat kepada 82 buah rumah di Kampung Berau.

Pada tahun ini tahun 2017, sekali lagi dengan kelulusan dan kerjasama daripada Jabatan Kesihatan, empangan kedua pun dibina di mana 30 buah keluarga akan juga akan dapat menikmati bekalan air masyarakat, tetapi oleh kerana masih memerlukan satu jumlah er… peruntukan untuk melengkapkan er… sistem er… bekalan air

masyarakat peringkat kedua ini err… penduduk telah menyediakan satu surat permohonan peruntukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang supaya empangan kedua dan juga sistem bekalan air masyarakat ini dapat disempurnakan. Dan inilah surat melalui saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, kalau nak kata peruntukan besar, pun tak besar, hampir RM20 ribu saja untuk membeli berbagailah er… bahan-bahan er…*poly pipe* lah er…penyambungnya lah dan berbagai lagi untuk melengkapkan sistem bekalan air masyarakat er… untuk empangan kedua er… yang saya sebutkan tadi.

Jadi saya berharap er…nombor satu peruntukan ini dapat diluluskan, itu dalam RM20,000 saja. Tetapi isu yang penting di sini ialah di sekitar kawasan empangan dan juga sistem bekalan air masyarakat ini terdapat aktiviti err… pembalakan dan perlombongan yang telah diluluskan. Jadi orang Kampung Berau begitu risau sekali bahawa air bukit yang mereka gunakan ini akan tercemar. Saya… dari segi teknikal dalam hal ini saya kurang mahir. Ini terpulang kepada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan. Saya merayu supaya kita kaji semula aktiviti-aktiviti er…pembalakan dan juga perlombongan yang berhampiran dengan kawasan ini supaya dikaji semula, sesuai ke tidak diluluskan. Sekiranya er… diteruskan juga, apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa punca air, bekalan air masyarakat ini tidak terjejas.

Isu ke… er… ni sebenarnya bukan isu lah, ini sedikit untuk belia. Saya sebenarnya err… merupakan isu ulangan di Dewan Yang Mulia ini iaitu kita sentiasa menyeru supaya orang muda balik ke kampung daripada bandar raya. Er… jadi ramai juga orang muda sudah balik ke kampung, tetapi tak ada apa aktiviti ekonomi yang boleh mereka libatkan diri. Di kampung kalau nak kira nak er… mencari sara hidup, bidang yang paling sesuai untuk mereka libatkan diri ialah pertanian. Tapi kalau bidang pertanian, mereka perlu ada tanah.

Saya lihat di sekitar kampung er… di kawasan saya ada Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Sungai Rengat, ada satu kita panggil Dusun Kalong, Ulu Cheka. Kedua-dua projek pertanian ini er… saya lihat tak begitu berjaya, khususnya TKPM di Sungai Rengat tu err… peluang-peluang dalam projek ini diberikan kepada golongan korporat saja, kontraktor-kontraktor. Saya… ini kali kedua bertanya pada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan juga mengambil kira memberi peluang kepada belia-belia yang balik dari bandar raya, balik ke kampung diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam TKPM ke, Dusun Kalong ke, sedangkan err… mereka yang duduk di kampung, dekat dengan projek… saya tak berapa nampak apa rasionalnya mereka tidak diberi peluang dan sebaliknya mengambil orang korporat daripada bandar untuk mengusahakan TKPM ini.

Jadi, sekali lagi saya merayu supaya Jabatan Pertanian dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan mengambil kira satu cara untuk melibatkan juga belia, supaya mereka dapat satu cara er…untuk mencari sara hidup supaya terus kekal duduk di kampung dan bukan balik kampung tak ada apa, tak dapat cari makan balik semula ke bandaraya. Dalam hal ini saya kira kita tak perlu meluluskan hak milik kepada mereka. Kita bagi cubaan dulu, kita bagi contoh 5 tahun. Kalau dalam 5 tahun itu belia dapat menunjukkan kesungguhan, keikhlasan usaha yang begitu baik, memberangsangkan dalam bidang pertanian, barulah kita memikirkan satu tempoh pajakan 10 tahun ke, 15 tahun.

Kalau untuk tanaman yang lebih jangka panjang mungkin kita timbang satu tempoh pajakan 25 tahun ataupun 30 tahun, ha… contoh getah ke, sawit ke, ha… itu satu pusingan dalam 25 ataupun 30 tahun, itu tempoh pajakan sedemikan boleh kita mengambil kira. Tetapi kalau untuk tanaman kontan saja, sayur, pisang dan lain-lain

lagi, saya kira err… 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, itu pun sudah memadai. Jadi ini lah antara pandangan dan rayuan saya supaya kita membantu belia di kampung. Sekiranya tidak untuk belia yang berani, berani ini dalam *inverted comma,* untuk mereka yang berani meneroka sebelum kelulusan, dapatlah sedikit hasil untuk sara hidup. Tapi untuk belia yang kurang berani sentiasa mematuhi peraturan undang-undang tanah, mereka pandang sahajalah, pandang… itu golongan korporat keluar masuk, keluar masuk kampung mereka sedangkan mereka tak ada apa pun. Jadi er… untuk membantu belia menyediakan sedikit peruntukan untuk mereka mengadakan futsal lah er… *motocross* lah, itu tidak dapat mengatasi masalah paling asas belia mereka er… di kampung. Apa mereka mahu ialah satu punca pencarian untuk sara hidup.

Saya sebenarnya baru-baru ini pun telah dihubungi oleh Pahang FM. Saya pun telah ulangi perkara ini semasa perbualan dengan Pahang FM supaya belia di kampung benar-benar memerlukan bantuan daripada Jabatan Pertanian dan juga Belia dan Sukan untuk memikirkan baik… sebelum ini panggil apa… belia tani ke ataupun lain-lain projek yang nampak macam sudah senyap sekarang ini supaya kita kembali balik belia tani ataupun lain-lain skimnya supaya mereka betul-betul ada tempat untuk mereka usahakan dalam bidang pertanian ini.

Bukan semua belia minat dalam pertanian, ada ramai belia suka kerja dengan pendapatan yang tidak begitu tinggi di *supermarket* dalam keadaan *aircond* tapi bidang pertanian suka tak suka kena berpeluh, jemur bawah matahari dan lain-lain. Kalau ada belia yang minat, kenapa kita tak beri peluang kepada mereka. Saya sempat…

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Mohon laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Wakil Kerajaan.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya menyambut baiklah hasrat ataupun perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Damak. Untuk makluman Sidang Dewan dan juga Yang Berhormat Damak, dalam sesi perjumpaan kita suatu ketika di Grand Makmur Hotel, bersama belia Tionghua di daerah Kuantan bersama Pemangku Raja, telah kita bangkitkan berhubung dengan belia tani dan antara perkara yang dibangkitkan ialah penglibatan belia dalam TKPM.

Dan perkara ini telah dititahkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan kertas kerja melalui jabatan-jabatan yang berkaitan supaya dilihat kembali bagaimana penglibatan belia dapat diserapkan kepada TKPM ini dan saya yakin persiapan ini akan dibentangkan suatu masa nanti dan kita akan menyambut kaedah bagaimana yang terbaik untuk belia-belia di dalam negeri Pahang ini dan dari segi lot-lot juga kita akan tengok sebagaimana dibangkitkan tadi. Selama ini hanya untuk korporat-korporat sahaja dan insya-Allah dengan adanya idea sebegini kita akan cuba memampankan belia-belia kita dalam arena pertanian.

Untuk makluman Sidang Dewan juga, ada beberapa kaedah lain di kalangan YB-YB ataupun ADUN-ADUN kawasan yang melibatkan belia dan beliawanis tetapi bukan

atas nama belia seperti Rancangan Tanah Kelompok pertanian ya… yang mana tidak diberikan lot-lot itu sebagai hak milik tetapi diberi dalam bentuk saham. Ini juga merupakan satu usaha pihak kerajaan melalui kelulusan-kelulusan di peringkat daerah dan juga er… PTG untuk merealisasikan hasrat anak-anak muda ini dapat bersama dalam pertanian itu dan saya yakin cadangan ini akan kita ambil serius dan kita akan bekerjasama dengan pihak-pihak yang telah membangkitkan perkara ini. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. DATO' LAU LEE

Terima kasih Wakil Kerajaan daripada Tioman. Memberi maklumat yang begitu baik sekali. Oleh itu, dengan kerjasama daripada Jabatan Belia dan Sukan dan juga Pertanian, saya balik daripada persidangan kali ini, saya akan meminta semua JKKK, semua persatuan belia di semua kampung supaya mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk kita sama-sama menjayakan projek-projek pertanian belia menuju ke arah yang begitu baik sekali.

Jadi sebenarnya saya difahamkan ada juga belia yang tak boleh tunggu lagi untuk mendapatkan tanah untuk mereka usahakan. Mereka menyewa… mereka menyewa tanah dengan tuan tanah, tanam pelbagai tanaman kontan termasuk sayur dan lain-lain lagi… pisang er… dan saya difahamkan untuk belia India, oleh kerana terdapat seorang Timbalan Menteri Belia dan Sukan daripada MIC, beliau ada satu projek pertanian untuk belia India di mana contoh mereka di… di… dicadangkan untuk menanam cili contohnya, dan pihak Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan hasil tanaman cili itu akan dapat dipasarkan. Maknanya pasaran… dari segi pasaran jangan risau… gerenti akan dapat dibeli oleh pihak tertentu dengan harga yang berpatutan.

Jadi, kita bukan sahaja perlu menyediakan tanah untuk diusahakan oleh belia, kita pun perlu memikirkan apabila berhasil projek mereka bagaimana soal pemasaran, bagaimana soal harga? Jadi itu semua perlu kita merancang dengan teliti supaya tidak timbul satu masa nanti, apabila projek-projek pertanian belia ini sudah berhasil, pulak harga er… komu… er… hasil pertanian itu begitu rendah sekali. Jadi segala usaha pun jadi er… sia-sia. Jadi saya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Damak, masih panjang lagi ke?

YB. DATO' LAU LEE

Ada satu perkara lagi. Perkara ini pun saya er… banyak kali ulangi di Dewan Yang Mulia ini iaitu berhubung dengan permohonan pelanjutan tempoh pajakan hak milik, pajakan negeri dan juga pajakan mukim. Saya difahamkan satu garis panduan er… yang baru untuk permohonan pelanjutan tempoh pajakan hak milik, pajakan negeri dan juga pajakan mukim telah disediakan. Tinggal lagi er… Kerajaan Negeri Pahang melalui mesyuarat Exco perlu terima dan *endorse* garis panduan ini.

Garis panduan ini antara lain keistimewaannya ialah berbanding dengan garis panduan yang lama er… pemohon tidak perlu mengisi borang 12A iaitu mereka tidak perlu serah balik tanah mereka, kemudian kerajaan keluar satu geran baru kepada pemohon. Di bawah garis panduan yang baru ini, er… tuan punya tanah asal ini, pemohon tidak perlu serah balik. Setelah mereka mendapat kelulusan pada pihak Kerajaan Negeri untuk melanjutkan tempoh pajakan, er… contoh dilanjutkan kepada

99 tahun, kelulusan itu akan di… er… catat pada geran lama, tak perlu serah balik, kemudian keluar geran baru.

Jadi ini dapat er… mengelakkan satu risiko er… di antara tempoh peralihan ini, sini sudah… sudah serah balik er… di belah sana belum lulus lagi. Jadi di… di tempoh peralihan ni er… kepentingan tuan asal ataupun pemohon nampak tidak terjamin. Jadi dengan tak perlu mengisi borang 12A, tak perlu serah balik, jadi risiko ini sudah tiada. Jadi saya kira er… garis panduan ini, begitu sempurna dan masa untuk er… masa yang diambil untuk permohonan ini pun dapat di singkatkan er… contoh kalau sebelum ni mengambil masa 3 tahun, mungkin ni setahun ataupun setahun setengah pun boleh kita er… sempurnakan secara keseluruhan.

Jadi saya merayu kepada pihak kerajaan supaya er… membawa garis panduan yang baru ini, dan di *endorse* supaya boleh diguna pakai selepas itu. Sekarang untuk mereka yang belum memohon, nak mohon sekarang, pihak Pejabat Tanah Daerah akan beritahu er… sekarang tak boleh mohon. Borang lama tak boleh pakai, borang baru belum keluar lagi ataupun belum di*endorse* lagi. Jadi, ada satu er… apa ni… satu *gap*, di mana er… pemohon ataupun tuan punya tanah yang tinggal dua tiga tahun sahaja…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' LAU LEE

… mereka rasa…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat boleh gulunglah.

YB. DATO' LAU LEE

Jadi dengan itu…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

… tunggu lama Yang Berhormat.

YB. DATO' LAU LEE

Saya mohon menyokong.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Damak. Saya jemput Padang Tengku sebab Yang Berhormat Padang Tengku ada urusan kesihatan pada waktu petang. Saya izinkan dia membahaskan pada masa sekarang.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. [Ayat Al-Quran]

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dato' Sri Speaker,

Terima kasih kerana memberikan ruang dan peluang untuk saya sama-sama melibatkan diri dalam perbincangan Bajet Negeri Pahang yang telah pun… yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja pada 2… pada 21 November yang lalu. Bajet Negeri yang bertemakan "Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada Tanpa Mengabaikan Kepentingan Dan Kebajikan Rakyat" merupakan satu saranan yang cukup baik yakni kita belanja mengikut kemampuan kita.

Ini merupakan satu amalan mulia yang dituntut oleh ugama kita. Saya… cari-cari ada satu ayat Quran yang saya jumpa, 'Surah Al-Furqan, Ayat yang ke 67', yang menyatakan:

> *'Dan apabila orang-orang yang apabila membelanjakan harta mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak pula kedekut, kikir dan perbelanjaannya ialah di tengah-tengah di antara kedua itu.'*

Jadi kita melihat bahawa bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat MB sesungguhnya telah memberikan satu penekanan yang tepat terutama dengan menekankan keutamaan kepada perkara-perkara darurat. Perkara-perkara yang menjadi kewajipan yang perlu kita laksanakan iaitu yang berkaitan dengan pendidikan, perumahan, kebajikan dan khususnya kepada golongan-golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, pesakit kronik, orang susah, warga emas, ibu tu… dan er… apa ni ni… anak-anak yatim dan sebagainya.

Alhamdulillah dengan limpahan keprihatinan yang ada kepada kepimpinan negeri dan juga negara, Kerajaan Negeri Pahang telah meletakkan persoalan kebajikan dan kesejahteraan ini telah mula dirasai menyerap sampai ke akar umbi. Kita lihat banyak program-program, pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan masing-masing dalam menemui pelbagai lapis masyarakat. Kita boleh nampak bahawa daripada pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, mahasiswa, pelajar-pelajar universiti, belia-belia di bandar juga di luar bandar, malah sesiapa sahaja yang mengadu kepada Wakil Rakyat, insya-Allah kita akan pergi jumpa MB dan ianya pasti kita tidak akan pulang dengan kecewa.

Inilah satu perkara yang saya begitu hargai, sebab kita faham sebagai Wakil Rakyat di peringkat ADUN, kita mempunyai er… masalah-masalah kewangan dan peruntukan yang tertentu tetapi dengan bantuan dan er... keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, perkara ini dapat kita redakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya dalam kesempatan perbahasan ini, saya nak menekankan perkara-perkara yang pada hemat saya, perlu ditangani demi memenuhi hasrat tema er… bajet iaitu kepentingan dan kebajikan rakyat tidak terabai. Saya juga nak mengukap…

mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang sebenarnya sedar tak sedar er… kita pun dah berada di penghujung er… apa nama… sidang ataupun sesi ini dan banyak perkara-perkara yang telah kita lalui.

Saya nak ucapkan terima kasih khususnya ini perkara besar yang saya ulang, saya nak ucap terima kasih kepada Chini er… tentang isu ses. Saya kena sebut ni, sebab orang kampung kene atu… minta saya sampaikan kepada kerajaan, kepada Exco apa nama [Ahli Dewan menepuk meja] er… Inderapura, gabungan di antara RISDA dengan FELDA telah berjaya menyelesaikan masalah yang sebenarnya boleh menyebabkan satu-satu orang Wakil Rakyat akan jatuh di kawasan itu. Sebab dua kawasan FELDA itu merupakan dua kawasan kuat er… bagi Padang Tengku.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Dato' Sri Speaker, nak… boleh buat kenduri dak… Padang Tengku? Jemputlah.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Insya-Allah er… dengan syarat Exco datang dan bayar… sebab saya dah maklumkan tadi bahawa ADUN ni, hah… masalah sikit tentang itu. Saya nak juga ucapkan terima kasih kepada Exco apa nama ni… Perumahan er… baru ni, sebut jer dalam Dewan ni, hari esoknya datang dah buat lawatan tapak. Saya *salute* betullah tu. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang jadi… yang jadi masalahnya sekarang dah uar-uar pada malam tu, borang dah habis. Kita pun tak faham, sebab yang kita faham, perumahan ini, pakai *online* tapi saya nak menggambarkan itu satu er… hasrat yang begitu besar er… dipenuhi oleh kerajaan terhadap rakyat Padang Tengku…

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kerajaan nak… mencelah, ya.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebenarnya, bukan pihak kerajaan sahaja. YB. di Kawasan pun memainkan peranan, kerana Yang Berhormat ni, nampak aje kecik, tapi kecik cili padi. Setiap kali jumpa, tanya pasal rumah. Jadi kita pun, macam saya kata tu lah, kacau ganggu ya [ketawa] Mental kita pun diganggu, malam pun telefon, siang pun telefon, tak ada hal lain, asyik hal rumah aje… bila tidur Padang Tengku ni?

Jadi secara kebetulan saya dapat mengadap Menteri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan memaklumkan bahawasanya keperluan rumah di kawasan DUN Padang Tengku ni memang kritikal lah ya. Lagi pun Padang Tengku dengan Jelai ni sempadan. Kalau Padang Tengku dapat, melimpah sikit ke Jelai tu.

Jadi apa pun Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan keprihatinan kerajaan, suara akar umbi, denyut nadi rakyat, apabila sampai ke pihak kerajaan, kita akan usahakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat ya, sila teruskan.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Terima kasih Exco tapi saya nak juga rakamkan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, yang sebenarnya banyak membantu dalam soal ni. D.O. sediakan tanah-tanah pun tak ada masalah nampaknya. Jadi saya kira, itu satu gabungan kerajaan yang begitu baik er… di antara pihak eksekutif dengan pihak apa nama kita… pembuat dasar dalam Dewan ini.

Saya nak beralih kepada beberapa cabaran yang saya rasa perlu kita tangani er… dan sesuai dengan apa… tema Bajet. Penekanan yang diberikan oleh er… Menteri Besar kita tentang pendidikan tapi di sini, saya nak tekan kepada Sekolah Agama. Saya dah apa… lama… menyuarakan di Dewan Yang Mulia ini, beberapa kali dan saya nampak kita perlu lagi memberikan satu peringatan semula yang kita tahu bahawa permintaan kepada Sekolah Agama ni memang cukup tinggi.

Sekarang ni dalam tempoh rayuan, saya dapat banyak apa er… orang-orang yang datang jumpa saya minta bantu er… yang tak lepas tu, masuk ke Sekolah Agama ni er… supaya mereka dapat menyertai apa nama… pendidikan di Sekolah Agama dan Sekolah Agama jadi pilihan bukan setakat er… kalau dulu orang-orang yang mungkin nak jadi Tok Lebai, Tok Bilal tetapi sekarang ini kumpulan-kumpulan cerdik pandai yang dapat 6A, yang dapat 4…5A, yang minta sekolah agama tak mahu pergi sekolah asrama penuh yang lain tetapi memilih agama kerana salah satunya daripadanya kerana sekolah agama ini ada aliran sains yang membolehkan mereka menjadi cerdik pandai bukan setakat profesional, profesional di bidang kedok…kedoktoran, apa kejuruteraan dan sebagainya tetapi juga er…gabungan dua… agama dan juga akademik ataupun bidang-bidang profesional ini menyebabkan sekolah agama menjadi pilihan.

Isunya sekarang ialah bagaimana sekolah-sekolah agama ini nak mendepani cabaran-cabaran pendidikan yang mencabar. Sekarang ini kerajaan memperkenalkan apa yang dikenal… dikenali sebagai STEM iaitu *Science, Technology, Engineering and Mathematic.* Tapi masalah guru-guru er… berkenaan sekolah… guru sains, guru matematik memang merupakan masalah yang saya kira tak pernah selesai. Saya ini datang atas dua baju. Satu sebagai ADUN. Yang kedua sebagai Pengerusi PIBG Sekolah Menengah Agama Padang Tengku. Jadi setiap kali perjumpaan, setiap kali forum, isu ini dibangkitkan. Ha… Dato' apa? YB. dah sebut dalam dewan, sebut dah. Tunggulah. Tunggu punya tunggu sampai sekarang kita nampak isu-isu ini walaupun ada sedikit-sedikit penyelesaian.

Umpamanya baru-baru ini diadakan temuduga oleh pihak SPA Negeri untuk melantik guru-guru apa… yang dibayar oleh ASPA ini, tetapi sampai sekarang er… nampaknya penempatan itu, jawapan kepada kejayaan apa… projek program itu, belum kita temui tetapi er… kita juga melihat bahawa kelemahan-kelemahan ini perlu kita baiki. Er… terutama kelemahan-kelemahan selain daripada itu ialah kemudahan bilik darjah, kemudahan apa nama ini… Yang di-Petua, kemudahan… bilik makmal yang selaras dengan peng… pengajian-pengajian yang berteraskan kepada er… ICT ini .

Jadi peralatan-peralatan berkaitan dengan er… ICT juga perlu dipertingkatkan. Saya faham kerajaan kita er…hari ini bajetnya agak tidak er… begitu memberangsangkan tetapi saya kira dengan gandingan yang baik di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan

Negeri, dan perkara ini boleh kita saling bantu membantu. Dalam usaha kita nak meningkatkan er… infrastruktur yang ada di Sekolah Menengah Agama.

Begitu juga saya nak minta ini, cadangan ini telah pun saya kemukakan di dalam mesyuarat yang lalu. Er…memohon kerajaan menga… merunding semula dengan Kementerian Pelajaran tentang agihan guru-guru akademik ini. Perjanjian ataupun persetujuan er… yang saya difahamkan sebenarnya telah bermula er…pada Tahun 1983.

Makna sekarang ini dah Tahun 2017 lebih daripada 30 tahun iaitu menempatkan guru-guru akademik khususnya guru sains dan matematik ke Sekolah-sekolah Menengah Agama. Er…sejumlah 115, makna 115, kita ada 18 buah sekolah agama er… mungkin dapat 5 atau 6 aje sekolah agama yang dapat menangani apa nama ini… keperluan pelajar yang semakin ramai sebab kita tahu bilangan pelajar sekolah agama pada Tahun er… 1980an dibanding dengan kedudukan sekarang memang terlalu jauh. Dulu sekolah agama ni, sekolah *reject* je. Sekolah tak ada orang tempat nak pergi maka pergi ke sekolah agama. Sekarang ini sekolah pilihan, yang saya sebutkan rayuan cukup banyak.

Justeru itu, saya nak memohon kepada Jabatan er… iaitu JAIP umpamanya, Kerajaan Negeri supaya membuat rundingan semula untuk menempatkan supaya lebih ramai. Kalau boleh biar satu sekolah itu 3... 20 orang er…dia pelajar daripada tingkatan apa nama ni… tingkatan 1 hingga tingkatan 5 setengah-setengah itu sampai tingkatan 6. Jadi keperluan itu cukup mendesak, letak sampai 20 orang, 1…1… apa nama sekolah.

Sekarang ini saya sebutkan tadi ini, 5, 6 orang saja itu pun tak dipenuhi. Kalau difahamkan daripada apa nama ni… maklumat yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan er… setakat ini baru-baru ada 5 kekosongan lagi, dan saya nak minta supaya rayuan ini dibuatlah supaya agih-agihan ini er… dapat er… membantu dalam kita menangani usaha kita meletakkan Sekolah Menengah Agama ini dalam arus pendidikan perdana.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga nak er…me… meminta supaya guru-guru yang er…yang telah pun mempunyai kelayakan Ikhtisas ini er…diserapkan ke…ke jawatan tetap er… supaya mereka dapat pembelaan sedikitlah, ataupun mungkin juga… saya nak ucapkan terima kasih kepada ASPA di DUN Padang Tengku, Sekolah Menengah Agama Padang Tengku. Kita ada 18 orang yang setengah-tengahnya yang dah bertugas selama 13 tahun, 10 tahun, 7 tahun. Duduk situ tapi setia, tak mahu pergi ke tempat lain sebab di dalam jiwa guru-guru ini ada semangat fisabilillah er… sebab itu saya harap kita jua lihat sikitlah imbuhan yang diberikan walaupun kita campur seluruh negeri mungkin besar, tetapi kepada individu daripada dulu, 13 tahun tu dia dapat RM1500. RM1500 zaman ni sekarang tuan-tuan saya tak tahulah apa yang… yang boleh mereka lakukan untuk urusan kehidupan masing-masing.

Jadi saya harap supaya imbuhan ini dapat dinaikkan sedikit pada kadar yang munasabah ataupun mungkin er… saya tak… mungkin Exco Agama boleh betulkan saya er…kita mungkin boleh gunakan duit zakat di bawah Asnaf Fisabilillah ha, itu kalau boleh dipertimbangkan. Saya kira ini sebagai sesuatu yang sesuailah untuk kita er… memberikan sedikit penghargaan dan juga harapan untuk er… guru-guru sekolah agama khus… yang… yang er… berkhidmat. Saya fikir macam sukarela ini diberikan sedikit er… satu pengiktirafan dengan memberikan ganjaran ataupun apa nama ini er… ama… apa… elaun yang lebih sedikitlah daripada yang ada sekarang ini .

Saya nak beralih kepada isu yang lain iaitu pembangunan belia. Saya nak *salute*lah juga kepada apa nama ini… sahabat saya Tioman, Exco Belia. Tapi saya nampak *personal* dia lebih kepada Exco Sukan, yang tu saya *salute,* saya bagi 5 ha [Ahli Dewan Ketawa]. 5 ha…ha… sekarang ini bukan 5 bintang dah, 5 ha. Entah ha apa kita tak tahu. Itu dalam bidang sukan. Dalam soalan ini banyak Pulau Tawar terutama tanya semua pasal sukan tapi saya tak nampak 1 soalan berkaitan dengan pembangunan belia. Jadi kalau *up* sikit je, er… yang belia tu pun kita akan bagi 5 ha kalau boleh bagi lebih kita lebih dari tu lagi.

Saya nak maklumkan bahawa kita…belia ini merupakan 1 kumpulan yang cukup besar, dalam Bajet er…Persekutuan, PM pun sebut dihujungnya ialah untuk me… menjaya melaksanakan apa ni er…Transformasi Nasional. Transformasi Nasional ini sebenarnya, ada pula orang mencelah ni…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Dato' Yang di-Pertua,

Saya nak bertanyalah sejak-sejak akhir-akhir ini banyak ayat-ayat baru keluar. Hari ini saya dengar 5 ha ni, tak berapa jelas. Saya nak minta ni sahabat saya dapat menjelaskan sikit 5 ha dapat daripada mana?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tak apa iaitu, nampaknya Exco, eh... Exco pula dah [Ketawa]. Sahabat saya dari apa Bebar inikan, dia tak berapa mengikuti perke… perkembangan semasa. [Ahli Dewan ketawa] Jadi saya ingat …

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bebar. Tak apa. Itu bincang diluar itu…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat...

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya nak ucap tahniahlah kepada sahabat saya, Padang Tengku ni kerana menjadi Pengerusi PIBG Sekolah Menengah Agama, dan saya cadangkan er…maknanya lepas ni boleh jadi imam pula untuk solat hajat supaya apa yang dihajati tu boleh direalisasikanlah ya, dan juga mungkin Pengerusi PIBG ini dah lama, dia keluar huruf-huruf yang pelik-pelik ha, ba, seme ada belaka. Jadi, tolong jelas sikit je. Nak tahu ha tu, supaya maklumat itu boleh jelas.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tak apalah yang ha itu. Saya ingat apa nama ini… *you* cari sendirilah kan, tapi [Ketawa] saya nak sebutkan yang pergi buat sembahyang hajat dan sebagainya ni…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua,

Saya mungkin… Wakil Kerajaan dari Kuala Sentul selalu agaknya. Dia panggil ha juga. [Ketawa] Tak gitu dak.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tak apalah banyak sangat kacau ganggu. Saya ini banyak benda nak cakap ni…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ni habis dengan ha, ba, ta je Dato' ya. [Ahli Dewan ketawa].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

[Ketawa]. Saya…saya nak sambung baliklah [Ketawa]. Pasal belia tadi, kita tahu belia ini memang ramai lah kan sebahagian er… separuh daripada rekod yang saya ada ini data 2016 er… seramai di Malaysia ada 11 juta lebih er… penduduk di negeri Pahang sahaja, kita ada hampir 700,000 apa nama… golongan belia. Jadi penekanan harus diberi… diberilah. Apa saya nak minta sekarang ialah, belia ini selalu disinonimkan dengan selain yang baik-baik itu, banyak juga negatif. Penagih dadah, curi, merempit, melepak, terlibat dengan amalan tidak bermoral, jenayah, seks dan macam-macam. Sedangkan kita tahu, kita pun orang Islam selalu menye… menyebut tentang apa yang disebut oleh Sayidina Ali jika kamu nak lihat masa depan negara, sesebuah negara lihatlah kepada pemuda-pemudinya yang ada pada hari ini.

Justeru itu, kita nampak dalam segi bajet yang dikemukakan oleh Pusat, saya cuba cari apa nama ini peruntukan untuk pembangunan belia ini, yang lain ni saya jumpa… RM1 bilion melaksanakan Fit Malaysia, hari sukan, latihan atlet, program-program pembangunan sukan, bola sepak, apa nama… RM111 juta untuk pembinaan 14 kompleks sukan baru, RM20 juta untuk menaik taraf ataupun mengangkat darjat er… Sekolah Sukan Bukit Jalil… Sekolah Sukan Bukit Jalil tapi yang pembangunan belia ni kita tak nampak. Justeru itu saya yakin bahawa kita yang ada di sini sebagai pemimpin-pemimpin kecil mempunyai keinginan untuk lihat belia-belia kita khasnya negeri kita ini bukan setakat cergas bidang sukan tetapi juga mereka cergas ataupun sihat akhlaknya, sihat budi pekertinya, lem… tak lesu, tak lemah dalam mendepani cabaran-cabaran yang bakal mendatang nanti.

Justeru itu, saya juga mengucapkan terima kasih dalam apa nama ni… er… kajian yang telah di… di apa… dimaklum oleh Jabatan Belia dan Sukan kepada saya em… tahun lepas, Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan er… Dato' Sri MB dan juga Exco Belia kita telah memperuntukkan sebanyak RM450,000 kepada Jabatan er… Belia er… kepada Jabatan Belia untuk program-program pembangunan belia ni.

Tapi kita tahu kekangan kewangan negeri dan saya harap juga er… kita kena buat sesuatu untuk berikhtiar supaya kita mencari kewangan untuk er… program-program ini supaya dengan ini, program-program pembangunan sosial, sahsiah khususnya kepada program-program berteraskan kepada konsep er… jati diri, pembinaan kepimpinan belia, pembinaan nilai-nilai keusahawanan er… nilai-nilai kesukarelaan dan lain-lain dapat kita jalankan dalam usaha kita melahirkan satu belia yang kita harap er… boleh er… diharapkan menjadi pemimpin, pengganti kita di masa akan datang.

Satu lagi penekanan yang saya… saya sebenarnya turut bersetuju dengan sahabat dari Damak yang menyebutkan tentang er… belia dengan kerajaan dan kita tahu bahawa salah satu daripada hasrat kerajaan kita nak mewujudkan sebuah negeri, negeri keusahawanan. Dalam konteks ini sekali lagi kita tak nampak penekanan, walaupun er… saya sebenarnya diminta oleh kumpulan-kumpulan belia ini supaya diwujudkan satu tabung menggantikan er… tabung dulu, tabung skim… tabung ekonomi belia yang diberikan dan hasil daripada tabung ekonomi belia itu, saya difahamkan di Pahang ni kita telah berjaya melahirkan 225 orang usahawan yang telah berjaya er… tetapi apabila skim itu ditamatkan, kita tak dapat menambah er… bilangan belia dan mereka minta supaya Kerajaan Negeri mewujudkan satu tabung er… untuk perkara ni. Tapi macam saya sebutkan tadi, saya rasa mungkin itu bukan satu keperluan mendesak, yang penting sekarang ialah kita kena tahu bahawa sebenarnya banyak sangat apa nama ni er… skim-skim bantuan, skim-skim latihan.

Saya dapat senaraikan er… apa nama… skim-skim ni lebih daripada 20 apa nama… skim-skim bantuan dan latihan yang ada dibuat oleh berbagai-bagai agensi dan juga jabatan-jabatan er… antaranya program untuk pemuda, *entrepreneur* muda er… apa nama ni… Kementerian Pertanian Asas Tani, Program Tunas Usahawan er… Belia TUBE, Program Skim Latihan Permulaan Bumiputera yang di bawah TERAJU, TEKUN Nasional, Perbadanan Usahawan Ekonomi Nasional er… di bawah BSN kita ada Teman Niaga, kita ada Teman Mesra dan Usahawan Muda di bawah SME Bank. Banyak lagilah yang saya… saya tak nak sebut satu persatu tapi saya harapkan kalau Jabatan Belia boleh *upgrade* sikit er… kadar kemampuan, beri latihan sedikit kepada pegawai-pegawainya supaya mereka mempunyai satu kemahiran sa… pengetahuan tentang bagaimana kita nak menjadi pemudah cara kepada apa nama… bantuan-bantuan dan dana-dana yang er… begitu banyak, Tuan Yang di-Pertua, yang disediakan oleh pihak kerajaan kita.

Jadi bagi tujuan ni, saya ingin mencadangkan supaya er… pegawai-pegawai belia dan er… apa nama… yang berada di daerah ini dilatih dan diberikan kefahaman untuk mereka menjadi fasilitator pembangunan er… projek pembangunan usahawanan belia. Justeru itu untuk tujuan penyelarasan ini saya juga mencadangkan er… diwujudkan er… apa nama ni… satu pusat, mungkin boleh kita namakan sebagai pusat bimbingan usahawan di Jabatan Belia. Sebab di Jabatan Belia ni kan dia ada… ada unit er… ekonomi yang saya kira kita belum nampak er… kejayaannya. Justeru itu saya nak mencadangkan supaya er… pusat bimbingan usahawan ekonomi ini er… fungsi dia menjadi pemudah cara kepada golongan-golongan yang er… memerlukan dapat memanfaatkan dana yang saya sebutkan tadi.

Jadi selain daripada itu pusat ini juga boleh menjadi er… *One Stop Center* untuk mengumpul maklumat, latihan, premis-premis perniagaan, apa nama ni… lesen-lesen dan sebagainya dan juga boleh diwujudkan satu portal usahawan di peringkat mengumpul data-data usahawan-usahawan yang telah dilahirkan ataupun yang telah dibimbing oleh er… berbagai agensi-agensi yang terlibat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay… okay Padang Tengku saya ingat…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okay. Saya nak minta beberapa isu yang saya kira saya nak… nak sebut. Isu di tempat saya lah, ni tentang gangguan air, gangguan air. Baru ni Sungai Temau er… Dato' Exco… Exco Kemudahan Asas mungkin dapat maklumat. Daripada rekod kita, kawasan yang paling hebatlah 32 er… kali dah daripada bulan… bulan satu sampai ke bulan sepuluh ni, sampai bulan sepuluh ni 32 kali, di Lipis ni gangguan 72 kali, berlaku 32 kali di Sungai Temau jadi, maknanya dan dalam kita bersidang 20 haribulan hari tu satu kali lagi apa nama er… apa er… terpaksa… loji terpaksa ditutup kerana kes air keruh macam teh jadi… saya nak tengok, saya nak minta tolong tengoklah perkara ni dah berlanjutan.

Kita dah utarakan dulu sehingga orang di sana, bila tutup air, airnya disimpan diletak dalam kolah er… suruh apa nama… bagi ning dulu, ning, ning… bagi ning tu bagai lumpur apa… mendap… mendap ke bawah baru air tu boleh di gunakan ha?... ning ha… tak tahulah tempat er… Tahan panggil apa? Tapi tempat saya panggil ning. Jadi saya tak nak… mungkin kena ambil sesuatu lah macam mana benda ni berlaku kata… katanya perlombongan, kata juga pembalakan, kata yang lain pula er… perladangan. Jadi pergilah tengok macam mana er… supaya perkara ni tidak menjadi er… satu masalah lagilah pada ni. Ha tu yang saya nak sebutkan. Sekarang ni benda ni akan menyebabkan banyak…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey Yang Berhormat, masih ada isu lain lagi ke?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya…?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada isu lain lagi?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ada?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada isu lain lagi?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ada sikit lagi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah 18 minit dah ni ha…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

18 minit dah? Oh tak sedar la ya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha… saya ingat Yang Berhormat gulunglah.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tapi tak apa lah, saya ucap terima kasihlah pada tapi saya nak sebut jugalah yang ni, isu yang kalau saya tak sebutkan tuan-tuan mungkin tak jadi sebab dah *viral* seluruh apa nama… dia dah ditular… tular sekarang ni, sudah ditularkan seluruh tempat iaitu isu pembalakan di Merapoh. Sebenarnya kita er… pembalakan ni, dia nak balak sebagainya, itu kita tak ada halangan sebab itu kawasan milik er… yang telah diberikan kepada KKPP okey… kepada LKPP lah. Dia… tanah mereka, mereka boleh buat apa yang sepatutnya mereka nak buat tapi yang menjadi harapan kita supaya kawasan yang di situ merupakan tadahan merupakan punca air dan juga tempat yang cantik kita ada… ada gua dekat situ yang telah pun dirosakkan.

Saya kena sebut pasal gua ni, orang senyum sebab saya… yang telah pun dirosakkan. Saya kira kita kena buat sesuatu yang er… boleh menyebabkan kita menang… menanglah, yang pertamanya kita nak mencadangkan wujudnya zon penampan di antara er… jalan dengan sungai tu. Saya dah pergi ke tempat tu Yang di-Pertua, memang er… tepi betul sungai segala sampah sarap dan pokok-pokok yang ditolak, pokok-pokok renek yang ditolak, buluh dan sebagainya memang di… di… diletakkan di sungai tu dan sungai tu menjadi keruh dan kita harap ianya dapat er… dibuat sesuatu zon penampan er… bagi menjaga kualiti air yang menjadi sumber punca pendapatan.

Juga saya nak mintakan er… perkara ni telah pun er… di… disebut di dalam… di dalam apa nama… mesyuarat yang lepas iaitu tentang mewartakan gua-gua ni. Nampak sekarang ni belum diwartakan. Jadi kalau bila kita wartakan, insya-Allah mungkin isu-isu yang semacam ni er… boleh kita sedikit sebanyak akan atasi er… juga er… saya juga nak mencadangkan supaya PKPP yang dulu namanya LKPP supaya… mungkin dia boleh bangunkan kawasan itu, memang tanah dia tapi cuba kita ubah sikit daripada tanam kelapa sawit kepada kita tanam pokok buah-buahan. Kita buat agro… Agro Tourism masuk dalam industri pelancongan er… bina hotel-hotel dan sebagainya.

Perkara ini bukan perkara baru, kita ada De Rhu di bawah… di bawah LKPP juga. Jadi dengan ini mungkin er… dapat mengatasi beberapa masalah dan juga menyebabkan er… apa nama sumber-sumber kecantikan, keindahan dan alam khazanah yang banyak di kawasan di sekitar tanah milik LK… PPK… PKPP tu, dapat kita er… selamatkan. Justeru itu, jika ada jugak, mungkin tak boleh buatlah juga, kita nak mintalah. Ni, pemuda-pemuda, belia-belia di Merapoh ni, supaya mungkin LKPP ni, bina pulak, ladang tadi dah dibuat ladang, bagilah saham, buatlah apa nama ni, projek rancangan penempatan semula.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, saya bagi seminit lagi. Ini betul-betul terakhir ni, Yang Berhormat ya. Dua belas dua puluh em… Yang Berhormat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okey yang… er… saya minta supaya… sebab gangguan tadi, banyak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah…dah campur sekali dah.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Campur dah?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah campur semua.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okey, okey.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta tolong Yang Berhormat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okay… *okay. okay*… apa ni, er… RPS, RPS Fasa Dua. Kita sekarang ada fasa satu. Jadi untuk penduduk belia ni kita buat fasa dua. Jadi mungkin dapat mengubat sikitlah hati er… pemuda-pemuda yang kehilangan er… pendapatan kerana kekurangan pelancong, dan sebagai apa nama… menutupnya saya nak minta sikitlah, pertama, Pusat Pertumbuhan Desa di Berchang tu, di…dibangunkan er… dengan kadar yang berpatutan, bersesuaian.

Yang keduanya status, saya nak tahu status Agropolitan Petola yang telah pun dimaklumkan oleh Exco, apa nama ni… Luar Bandar akan diwujudkan ataupun dibina dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, tapi sampai sekarang er… kita tidak ada menerima apa-apa perkembangan daripada pihak BPEN, FELCRA ataupun KKLW.

Juga saya nak minta supaya Dewan Sekolah Menengah Agama Padang Tengku yang saya lihat dalam buku er… Penyata Kewangan 2016, ada disebutkan tetapi tidak dilaksanakan sehingga ke hari ini. Juga pusat internet saya nak minta, ni… saya, kalau boleh tengok sikit di Kampung Kechau Tui, Pusat Internet 1Malaysia ataupun di Bapong, dan juga jejantas. Ini rayuan jejantas pelajar-pelajar yang akan… yang belajar dan juga orang kampung, yang terpaksa melalui stesen keretapi Padang Tengku, er… dibuatkan jejantas di situ, dan saya telah hantar surat kepada menteri berkenaan tapi er… nampaknya er… belum ada jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, Yang Berhormat…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Jadi yang lain-lain tu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua dan dengan ini saya dengan sukacitanya er…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Berhormat.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

…menyokong Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput Muadzam Shah. Saya ingat ni pun tak melebihi daripada Padang Tengku.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Terima kasih. Assalamualaikum, selamat tengah hari. Terima kasih Yang Berhormat er… Dato' Sri *Speaker*. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, di dalam membentangkan belanjawan, yang mana kita lihat dia berpaksikan kepada kepentingan rakyat dan ini adalah sewajarnya, dan saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat Dato' Sri bukan sahaja prihatin kepada masalah rakyat, tetapi juga kita Wakil-wakil Rakyat, dan kita tahu walaupun Yang Amat Berhomat Dato' Sri kadang-kadang kelihatan garang, dan er… kadang-kadang er… suaranya begitu meninggi, tetapi sebenarnya di dalam hatinya ada taman yang begitu indah.

Jadi saya harap kita memahami Yang Amat Berhormat Dato' Sri [Ahli Dewan menepuk meja] dan marilah bersama-sama kita memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri untuk seterusnya meneraju pilihan raya ini dan mudah-mudahan Pahang akan dirahmati dengan kemenangan yang hebat.

Saya… [Ahli Dewan menepuk meja] ingin pertamanya membawa isu perumahan, kerana isu perumahan ini boleh er... merupakan satu perkara yang membawa kepada mimpi yang indah kepada kita, apabila tercapai, tetapi sekiranya tidak, ia merupakan satu perkara yang mungkin mengundang mimpi yang ngeri kepada kita Wakil-wakil Rakyat. Jadi saya ada dua isu penting di sini.

Pertamanya, saya memohon supaya di Bandar Muadzam Shah sendiri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, supaya Kerajaan Negeri dapat er… melihat semula, mengira semula, mengkaji semula asas-asas kelulusan yang diberikan baru-baru ini, kalau saya tak silap, dalam 8 syarikat yang akan memajukan rumah PR1MA di Muadzam Shah.

Jadi saya ingin memaklumkan, bahawa pada masa… DARA ditutup pada tahun 2000, kita telah membawa… telah ada lebih kurang 1,428 buah rumah yang ditinggalkan oleh DARA, dan kita dapati pada tahun 2011 hingga 2016, beberapa syarikat telah diluluskan, termasuk oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Majlis Daerah yang mana meluluskan pembangunan tersebut sebanyak 2,354 unit rumah oleh beberapa buah syarikat, dan PR1MA saya kira, secara kasarnya kesemua 8 syarikat ini akan membina lebih daripada 4,700 buah rumah.

Penduduk di Muadzam Shah, Yang Amat Berhormat Yang di-Pertua adalah di dalam 25,000 orang, yang mana 8,000 merupakan er… pelajar-pelajar daripada institusi-institusi pengajian tinggi, seperti UNITEN, Politeknik, MRSM, er… Kolej Vokasional, er… Sekolah Agama Rakyat dan juga Pusat Giat dan lain-lainnya. Jadi, penduduk Muadzam Shah, dewasa yang menetap adalah lebih kurang 16, 17 ribu, dan jumlah rumah yang diperlukan di Bandar Muadzam Shah ialah di dalam 4,000 unit. Itu, maknanya kalau 4,000 tu cukup untuk disewa dan lain-lainnya kepada mereka yang tidak menetap di sana. Jadi terdapat lebihan, lebih daripada 4,600 buah rumah, sekiranya semua ini membina, berjaya membina rumah yang telah diluluskan.

Oleh itu, saya harap dapat BPEN dan semua pihak yang berkaitan mengkaji semula dan dapat er… mengatur supaya pembangunan ini dibuat mengikut perkembangan Bandar Muadzam Shah, kerana sekiranya tidak, maka ia akan mengundang berbagai-bagai permasalah sosial ekonomi dan lain-lainnya, termasuklah insfrastrukur yang akan nazak untuk menampung jumlah tersebut, kerana seperti yang kita maklumkan bahawa pembangunan infrastruktur tidak dapat dibuat secepat mereka yang membina perumahan seperti ini.

Kalau kita lihat, saya pernah membawa ke Dewan ini masalah pembentungan. Sistem pembentungan yang ada, yang mana kita memerlukan campur tangan Kerajaan Negeri dan Pusat untuk menyelesaikannya pun masih belum diselesaikan. Oleh itu, jika kiranya kita membenarkan er… lebihan yang begitu banyak, yang mana pembeli-pembelinya kalau kita lihat pembangunan bandar s*atellite* hari ini, bahawa fasa dua pembangunan rumah tersebut, fasa satu dalam 400, sekarang ni dalam 200 lebih pun, sebahagian besar pembelinya adalah mereka yang di luar dari Muadzam Shah, dan kalau luar tu, mereka datang daripada kawasan Keratong, Rompin dan lain-lainnya tidak apa, tetapi ada seperti kita tengok kedai-kedai yang dibina di dalam 232 unit, hari ini harganya yang dijual dalam RM350,000 dan RM380,000.

Pemilikan bumiputera tak sampai 20% dan sebahagian besar kedai-kedai itu telah dimiliki oleh mereka dari luar yang mampu menunggu untuk mengisi kedai itu 5, 10 tahun yang akan datang. Jadi ini adalah fenomena yang saya minta BPEN, Kerajaan Negeri, penguasa tempatan, mengambil kira dalam meluluskan er… baik perumahan, ataupun ruang niaga.

Dan seterusnya saya ingin er… merujuk kepada rumah generasi kedua FELDA. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang begitu prihatin dan cepat bertindak, dan sedang melakukan segala-gala yang mungkin untuk menjadikan permintaan-permintaan ini satu kenyataan. Sebentar pagi tadi pun, saya telah pergi ke pejabat Ibu… ke Pejabat Wilayah FELDA Timur menyantuni generasi kedua, yang akan di temu duga hari ini, yang sedang di temu duga hari ini untuk meliliki rumah di Gugusan Selancar. Dua tahun yang lulu… dulu, 400 unit dibina di Selancar. Permintaannya begitu banyak, 700.

Tetapi yang layak dipanggil fasa pertama yang mana telah pun er… dikumpulkan, diserahkan surat tawaran dalam sebulan lalu, hanya 167 orang dan 167 orang itu, 141 yang datang. Jadi bakinya hari ini dibuka semula untuk ditemu duga dan saya bercakap dengan pegawai FELDA, jika sempat petang ni, saya akan jenguk mereka lagi sekali tapi jawapannya tak ramai Dato'. Saya rasa setengah hari temu duga ni habis dan saya tengok tadi tak sampai seratus pun yang datang. Maknanya rumah di Selancar 400 itu, saya rasa akan berbaki lagi. Ini bukan kerana Gen-2 tidak memerlukan rumah tetapi adalah kerana harga rumah itu di luar kemampuan mereka.

Jadi, saya dan kita berterima kasih kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa PRK dahulu menurunkan harga tersebut dari RM120,000 kepada RM90,000. RM90,000 pun adalah terlampau jauh untuk dicapai oleh mereka. Kita mesti ingat bahawa rumah-rumah ini, keutamaannya adalah untuk Gen-2 yang ada di rancangan FELDA dan pendapatan mereka adalah sangat rendah bahkan sebahagiannya tidak pun mempunyai pekerjaan yang tetap.

Oleh itu, di Perantau Damai saya mengucap terima kasih kepada Exco Kerajaan Negeri bertanggungjawab yang mana berusaha untuk membina rumah teres yang saya difahamkan harganya RM90,000. Bahkan malam tadi, pemimpin masyarakat di sana pun telah memanggil satu mesyuarat dan mereka ini secara takut tak dapat rumah bersetuju untuk menandatangan rumah RM90,000 tetapi saya merayu kepada Kerajaan Negeri mengambil kira daripada apa yang berlaku di Keratong 4, rumah itu dijual kepada orang-orang yang bukan Gen-2 dan bukan pun yang menetap di situ sebahagiannya dan ini akan berlaku di Selancar dan jika kita terus bina rumah RM90,000 di Perantau Damai, ini juga akan berlaku.

Jadi, saya merayu supaya apa yang dikatakan oleh Pengerusi FELDA masa perjumpaan dengan ADUN-ADUN baru-baru ini, mungkin tiga minggu yang lalu supaya kita berkolaborasi dengan Syarikat Perumahan Negara dan kita membina Rumah Mesra Rakyat. Di mana kita menyediakan tapak dan saya difahamkan FELDA sudah pun memil… mendapat peruntukan untuk membayar infrastruktur untuk tujuan Rumah Mesra Rakyat RM60,000 satu lot.

Jadi… tapi saya juga yakin, rumah yang RM90,000 ini boleh dibina tapi yang perlu kita buat dan saya akan bantu dan saya bersama-sama dengan Pengurus FELDA akan membuat bancian di Perantau Damai. Perantau Damai ni Keratong 8,9,10. Berapakah yang mahukan rumah RM90,000 dan kita binalah yang RM90,000 itu bagi mereka yang mampu memilikinya. Jadi, itu masalah perumahan dan saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri yang gigih memberi fokus kepada isu ini.

Seterusnya, saya ingin er… merujuk kepada hasrat Kerajaan Negeri memberi ke… perhatian kepada masalah rakyat. Saya ingin merujuk kepada masalah bayaran api elektrik ya, yang mana kita selalu membincangkan masalah air tapi jarang tentang kemampuan rakyat membayar elektrik. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri berapakah peningkatan tarif dan apakah implikasinya, rumah biasa satu keluarga mungkin empat orang anak, berapakah biasanya kos elektrik untuk satu-satu keluarga di peringkat akar umbi? Kerana kita lihat bahawa TNB yang telah pada tahun 2016 mencapai keuntungan bersih 7.2… RM7.32 bilion peningkatan daripada tahun sebelumnya.

Kita bangga dengan TNB dan kita memang bergantung harap kepada dia dan kita memang mempunya… tapi satu er… Undang-undang Akta Bekalan Elektrik 1990 telah er… memaktubkan bahawa sesiapa yang mengusik, dia menggunakan perkataan mengusik ya, mengusik meter ataupun mengganggu er… saliran tenaga dan er… membuat sebarang ubah suai, mereka tertakluk kepada beberapa tindakan di mana setelah diberitahu, maka TNB diberi kuasa untuk er… apa yang dipanggil mengecaj kebelakang, ya. Maknanya dia boleh mengira balik dan menganggarkan atau berdasarkan formula tertentu atau ada sistem pengesanannya sekiranya usikan meter ini ataupun gangguan meter ini berlaku empat tahun, maka empat tahun lah mereka ini perlu membayar balik er… kepada TNB.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya tahu dua, tiga kes, dalam kes ini dan kesemua mereka ini adalah daripada golongan berpendapatan rendah. Ada yang berniaga, mendapat er… bayaran harian, ada yang bekerja sebulan bawah daripada RM2,000 kerana saya pasti di dew… dalam Dewan Yang Mulia ini, tidak ada sesiapa yang ingin mengusik meter elektrik atau mengganggu arus elektrik tapi yang melaksanakan ini adalah rakyat-rakyat biasa.

Jadi, saya tidak menyaran supaya perkara ini tidak dilakukan tetapi saya percaya di dalam tiap-tiap undang-undang yang digubal oleh kerajaan ada Kuasa Menteri yang membolehkan dia untuk memberi kuasa rundingan kepada pegawai-pegawainya supaya mereka ini boleh membayarnya dalam satu masa yang mereka mampu. Mungkin enam bulan, setahun. Kalau dah RM2,000, gaji mungkin bawah RM2,000, maka mungkin dia boleh bayar dalam setahun dan lain-lain. Tetapi apa yang berlaku sekarang, setelah diberi surat pemberianta… tahu bahawa mereka telah melakukan kesilapan, mereka diminta datang berjumpa untuk berunding.

Bukan berunding macam mana nak bayar tapi nak tahu berapa mereka itu terhutang setelah diambil kira er… ke belakang ya dan mestilah dibayar. Kali kedua TNB datang, dia akan potong dulu meter tersebut. *You* bayar penuh, barulah disambung. Jadi sudah tentulah kalau RM2000 misalannya, tak bayar empat tahun, ini mengundang kesusahan yang amat. Jadi saya merayu boleh tak bagi kes-kes begini diberi ruang untuk mereka berunding untuk membayar mengikut er… jangka masa yang munasabah. Itu satu Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Seterusnya er… saya juga ingin menyeru dan ingin memohon kepada Kerajaan Negeri supaya apabila PSK atau mana-mana agensi lain mendapat tanah, diluluskan tanah mengambil kira tentang pembangunan setempat kerana kalau kita hanya melihat daripada pelan dan kalau boleh rundingkan, apakah pembangunan yang dirancang setempat supaya dia tidak menimbulkan masalah kepada Wakil-wakil Rakyat ini seterusnya.

Contohnya perkampungan-perkampungan Orang Asli. Kalau kita tengok di Rompin antara kampung yang pada masa ini sedang dihimpit dengan masalah di mana mereka tidak boleh membesarkan kampung mereka lagi. Kalau besok mereka nak bina sepuluh rumah lagi di dalam kawasan mereka itu, sudah tidak ada rumah seperti di Kampung Sembayan dekat Leban Chondong, seperti di Kampung Deraman di kawasan DUN Tioman dan juga di kawasan saya di Kampung Langkap.

Sekeliling tu telah diagih-agihkan kepada mereka untuk pembangunan besar-besaran bahkan untuk dusun yang kecil, yang mana ia menimbulkan keresahan dikalangan masyarakat Orang Asli kerana mereka bimbang tentang masa depan anak cucu mereka kerana kita tahu mereka sangat bergantung kepada tanah dan juga hutan dan seterusnya kita juga sukar untuk membangunkan ekonomi mereka tanpa ada tanah lagi dikeliling kawasan mereka.

Saya puji, saya minta supaya apabila Kerajaan Negeri ingin meluluskan satu tanah, tidak cukup hanya memanggil satu wakil daerah untuk duduk di dalam Jawatankuasa Negeri. Kalau boleh, mintalah *desk officer,* pegawai yang menjaga projek tersebut turun ke daerah berjumpa dengan Pejabat Tanah dengan Wakil Rakyat dan lain-lainnya supaya perkara ini dapat dielakkan.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Transformasi Nasional ya, 50… 2050 cetusan idea daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana ia melibatkan pemikiran dan juga idea-idea daripada bawah ke atas dan kita lihat bahawa dikhabarkan 2050 akan merupakan satu era yang sangat berbeza dari apa yang ada

hari ini, di mana manusia mungkin pada masa itu akan berlumba bersaing dengan teknologi bahkan robot dan *robotic technology* akan begitu canggih dan dikhabarkan juga bahawa kemungkinan *microchips* boleh dimasukkan ke dalam tubuh manusia untuk mengesan keadaan kesihatannya yang mana *microchips* itu sendiri pun mungkin boleh melakukan sesuatu untuk menghindarkan sesuatu gejala.

Jadi, perkara ini tidak mustahil kerana perkara ini sudah pun dilaksanakan di sana sini tetapi cuma isu *ethics…* etika dan lain-lainnya masih dalam pertimbangan dan kita lihat, kita juga berlumba-lumba untuk menguasai teknologi perniagaan di… sampai ke peringkat globalisasi dan seterusnya. Tetapi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita jangan lupa apa yang sudah ada dianugerahkan oleh Allah kepada kita, oleh Tuhan kepada kita mestilah juga kita jagai.

Oleh itu, keluh-kesah rakan-rakan seperti apa yang berlaku di Merapoh dan apa yang berlaku di Rompin tapi Rompin ini saya tak nak cerita lagi kerana hati saya sudah luluh jadi saya minta rakan-rakan dalam dewan ini bila balik nanti pergi ke *Youtube* cari lagu luluh… L.U.L.U.H., ha… itu dapat menggambarkan perasaan saya tentang keadaan di sana. Cuma saya merujuk kepada Kerajaan Negeri, Endau-Rompin sekarang ini akan dirancang oleh ECER bersama dengan Kerajaan Negeri dan dengan Kerajaan Tempatan untuk menjadi satu destinasi pelancongan, satu destinasi antarabangsa.

Ia merupakan satu hutan yang usianya beratus ribu tahun, dia mempunyai *plateau* ataupun tanah datar yang tinggi yang mengandungi khazanah fosil dasaran lautan yang begitu kaya dan dikhabarkan juga kita ada s*umatran rhinoceros* tapi saya suka mengungkapkan *the lost rhinoceros* kerana er… s*umatran rhinoceros* ini tidak banyak lagi di dunia, katanya ada di sana tetapi belum ditemui. Jadi, mencari *rhinoceros* ini juga boleh… badak sumbu minta maaf ya… er… [ketawa] badak sumbu ini er… boleh juga dijadikan satu produk yang ilusif ya… yang boleh kita pakejkan untuk dijejaki di situ.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Jadi, kalau Lesung dan lain-lainnya sudah meluluhkan hati tetapi saya harap bahawa kita menjaga Endau-Rompin dan saya terlibat dengan rakan-rakan di Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara di dalam merancang dan kami boleh dikatakan tahu hampir kesemua kawasan tersebut dan huta… dan Hutan Endau Rompin ini yang bersambung dengan Rom… Endau-Rompin di Johor merupakan satu produk yang boleh menjadi *heritage* dunia… warisan dunia sekiranya ia tidak terhakis dan tercemar. Tetapi saya diberitahu bahawa 6 lesen lagi telah diluluskan berhampiran dan apabila ditanya di Mesyuarat Pembangunan Negeri dikatakan, oh, bukan di Endau-Rompin tapi di Hutan Endau.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon Kerajaan Negeri menjelaskan, bilakah Hutan Endau-Rompin dipisahkan ada Hutan Endau dan ada Hutan Rompin kerana saya tahu ia merupakan satu entiti yang bersambungan dan haruslah diberi perhatian sekira pun pembalakan itu dibuat berhampiran pastikanlah ia tidak celus ke dalam kawasan tersebut kerana apabila siap pembinaan dan penaiktarafan yang dibuat oleh ECER di situ, kita harap hutan itu masih kekal dalam keadaan semulajadinya sekira tidak sia-sia sahaja usaha tersebut dan seterusnya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Akhir Yang Berhormat Yang di-Pertua, izinkan saya, boleh satu lagi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, dua minit Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Okay. Yang Berhormat Yang di-Pertua, er… saya ingin satu je er… saya ingin Kerajaan Negeri kerana kita mempunyai Exco Pelancongan yang *dynamic*, agresif supaya ia dapat menimbangkan peruntukan sedikit untuk kami membuat *Bird Count,* satu *event* di Rompin kerana kita tahu bahawa ini men… boleh menarik pelancong dan mampu melimpah ruahkan pendapatan dari pelancong-pelancong kepada masyarakat setempat dan saya ingin ingatkan Dewan Mulia ini…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ISMAIL

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pencerahan daripada Muadzam Shah tentang er… Program *Bird Count* tadi. Saya ingin tahu lebih lanjut *Bird Count* itu dia nak kira yang betina ke atau yang jantan?

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, er… Yang Berhormat ADUN Tahan buat-buat tak tahu kerana acara ini dah ada di kawasan dia lebih daripada 5, 10 tahun dan bahkan Taman Negara sebahagian daripada kawasan Yang Berhormat adalah salah satu produk utama untuk melihat burung cuma saya ingin me… burung apa tadi?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan tak jawab lagi tu.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Oh, jantan ke betina…? Dua-dua Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ISMAIL

Mohon pencerahan. *Bird* ka… *Bird* apa ni… *count* tadi adakah burung jantan atau betina yang nak dikira?

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Kita kira dua-dua Yang Berhormat dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ISMAIL

Saya mohon pencerahan Dato' Yang di-Pertua dengan izin, kalau… saya nak tahu bagaimana er… burung betina dikira dan bagaimanakah burung jantan dikira?

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Apabila kita mengadakan acara *Bird Count* walaupun dia merupakan satu perlumbaan siapa yang boleh mengesan melalui satu sistem arbiterasi dengan… dengan panel penghakimannya tetapi di dalam kumpulan itu kita akan masukkan pakar-pakar kerana mereka akan tahu, kita tak boleh tipu kerana mereka tahu pukul berapa, burung apa, di pokok yang apa dan seterusnya dan oleh itu er… saya percaya er… bahawa er… acara ini akan er… melibatkan pakar dan Yang Berhormat secara lumrahnya burung jantan lebih cantik daripada burung betina… ha… ya… [ketawa] dan ini… adalah ciri-ciri yang lainnya ya, Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Tahan. Ada lagi?

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ISMAIL

Er… walaupun er… kita sama, Tahan itu adakan program er… *Bird Count* tetapi selalunya bila kita mengadakan Program *Bird Count* ini er… burung jantan kebanyakan hingga… hinggap bertempat dan er… burung betina selalu kekal tinggal diam, jadi kaedah pengiraan itu selalu er… mesti ada kaedah, saya… saya nak tahu apakah burung di Rompin… Endau Rompin itu sama dengan burung di Taman Negara?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Tahan, burung Tahan dengan burung Muadzam lain… [Ahli Dewan ketawa] tak sama…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Er… Yang Berhormat Yang di-Pertua, burung ini ada banyak. Ada burung yang dipanggil er… *residence bird,* burung yang memang ada di situ dan biasanya dia *common* di mana-mana, kemudian ada burung er… berhijrah dan untuk makluman bersama ini musim burung berhijrah dan saya tahu bahawa kajian pernah dibuat di Tanjung Tuan er… Negeri Sembilan, Melaka di mana kalau musim ini mereka mula datang dan mereka terbang 27,000 kilometer daripada Kutub Utara sampai ke Negeri Sembilan dia pusing rumah api di situ ke Melaka dan dia men… er… duduk selama tiga, empat bulan di Rupert Island di Sumatra. Kemudian dia akan balik mulai bulan Mac–April dan di situ MNS membuat kajian tiap-tiap tahun kerana itu merupakan landasan pengiraan burung dunia ya… salah satu… dan saya pernah lihat pada tahun 2014 serang… banyak 27,000 burung er… berjenis er… *raptor* er… empat lima spesies burung *raptor*. *Raptor* ini burung pemangsa macam er… helang dan lain-lain… empat jenis yang datang. Jadi itu dah buat kajian Yang Berhormat, itu sebab saya mohon kita juga melaksanakan kajian tersebut di Rompin.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ISMAIL

Yang di-Pertua, er… saya ingin sikit lagi pencerahan daripada Muadzam er… memang nampak Muadzam ini memang arif tentang *birds count* dan *birdies count* ataupun dipanggil apa ni pengiraan burung ini…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Melihat burung…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

…dan melihat burung, tapi selalunya er… Yang Berhormat melihat burung itu, kebanyakan penggemar melihat burung ini di waktu pagi atau waktu petang?

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

[ketawa] Yang Berhormat Yang di-Pertua, biasanya pagi dan petang, tengahari bilangan burung itu agak terhad mungkin kerana cuaca panas. Yang Berhormat begitu minat, jadi mari kita bersama-sama laksanakan…

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tak tahu, saya walaupun saya Exco Pelancongan tetapi saya bukan pakar burung, yang saya tahu burung pagi ni burung besar-besar, burung petang tu burung kecik-kecik, itu saya tahu. Kalau burung malam itu burung tidur.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Sikit makluman kepada Dewan Yang Mulia ni, dia sebenarnya di sebelah pagi ini burung muda, di sebelah petang burung tua sikit. [Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ni lama sangat hal burung saya bimbang… banyak burung dalam Dewan ni [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Elok Muadzam teruskanlah…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua… Yang Berhormat Yang di-Pertua, nampaknya begitu minat dan kadang-kadang bila kita punya pengetahuan itu sikit ia mengundang berbagai-bagai agakan dan…

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Dato' Yang di-Pertua, pohon mencelah sikit…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Burung mana ni?

YB. DATO' HAJI MOHD. FADIL BIN OSMAN

Tengok di Bera di Kemayan pun banyak burung, tapi daripada hasil kajian saya yang saya baca tu, tak boleh lawan burung… burung… burung Tahan.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Burung di Tahan. Ya, betul, er… nampaknya semua rakan-rakan Yang Berhormat begitu berminat er… jadi saya memohon apabila Kerajaan Negeri, saya harap dapat memperuntukkan sedikit peruntukan, kita akan mengundang rakan-rakan semua supaya kita dapat pertingkatkan fahaman kita tentang burung, tetapi Yang Berhormat…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato Yang di-Pertua…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Akhir sekali Yang Berhormat…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato', mohon mencelah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bebar.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Sikit…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ok tak ni…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Burung lagi?

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya tertariklah dengan perbahasan daripada ADUN Muadzam Shah. *Bird Race* ni satu er… program yang sangat baik, melibatkan *international* datang daripada luar negara dan macam tempat saya ada memerang putih contohnya, tempat dia ada *rhinoceros*. Ha, jadi benda ni penting pada khazanah untuk pada Kerajaan Negeri Pahang, dan saya tertarik juga kepada ADUN Muadzam Shah ini, dulu dia ada tunjuk saya gambar burung-burung tu, memang cantik. Patut ditengok oleh Tahan sendiri, burung kat… tak tahu burung mana, burung Muadzam ke burung Tahan dia tak tahu tapi mintak penjelasanlah daripada… tapi memang cantik gambar tu, memang khazanah kitalah.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, selesai tentang burung. Saya nak tutup hal burung ini untuk mengingatkan Dewan Yang Mulia ini…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Damak… Damak duduklah. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di samping mengenal burung, baru-baru ini ada satu program yang dianjurkan oleh penduduk di Kampung Temin, Jerantut, iaitu memikat burung. Itu pun saya kira satu… satu aktiviti tradisional yang perlu kita memperluaskan. Sambutan hari itu memang luar biasa. Saya bersama dengan Dato' Ahli Parlimen, mula-mula bila penganjur datang mintak sikit sumbangan, kita berdua ingat program itu biasa je. Bagi sikit je. Tapi bila kita hadir begitu berjaya kita tambah lagi peruntukan.

Jadi, er… bukan saja er… peserta daripada Daerah Jerantut, malah er… seluruh Malaysia dan yang… yang luar biasanya yang dapat johan peserta orang Cina, kedua orang India nombor tiga baru er… yang Melayu. Jadi maknanya er… aktiviti memikat burung ni bukan terhad kepada sesuatu masyarakat keturunan sesuatu saja termasuk er… antara… er… ni berbilang kaum. Jadi, saya mencadangkanlah supaya er… pihak kerajaan memikirkan er… berbagai usaha untuk memperluaskan aktiviti memikat burung ini.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya tidak setuju kerana mereka yang melihat burung, mencerap burung, pergi untuk mengesan di mana burung, merakam burung dan lain-lainnya, sama ada dalam bentuk catitan, gambar dan lain-lainnya. Kita menentang aktiviti memikat burung. Dia tidak *eco-friendly* dan jadi itu merupakan sukan yang berbeza. Yang Berhormat, akhirnya tentang burung ni…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin daripada Dato' Yang di-Pertua, walaupun er… dalam bidang ini memang ada penentangan daripada kumpulan er… apa ni peminat burung berhijrah ini tetapi walau bagaimanapun, burung yang berhijrah tu akan ada yang tertinggal. Jadi sepatutnya kena adil yang memikat kena adil, kemudian yang melihat perlu adil kepada yang memikat kerana burung yang berhijrah tak mampu untuk pulang semula kerana tak dapat dipikat.

Jadi sebab itu er… pemikat peminat burung ni kena adil dari segi mengira, menjaga dan juga memerhati. Peluang untuk orang memikat kena ada juga. Jadi tempat orang memikat itu penting kita tanda dan bagi laluan supaya peminat burung ini menyampaikan maklumat kepada pemikat burung pulak. Walaupun mereka menentang program itu. Saya sangat berharap supaya Muadzam menarik balik tentangan itu [Ahli Dewan ketawa] kerana peluang itu sangat diperlukan oleh pemikat burung ini.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Okay, saya rasa mungkin kerana banyaknya minat saya bersedia membawa rakan-rakan pakar saya untuk kita beri kepada Yang Berhormat yang berminat satu taklimat khas tentang burung ya, supaya mereka akan menghargai burung dan mereka pun akan mengambil inisiatif mengenalpasti selain daripada burung tempatan, *resident bird,* burung yang berhijrah, ini musim burung berhijrah ya dan er… kerana Malaysia di dalam laluan yang apa dipanggil *Asean Astrolasion Fly Ways… fly ways* ini adalah laluan-laluan burung ada 4, 5 di dunia dan Malaysia ni adalah salah satu daripada laluannya, ya.

Yang Berhormat cuma saya ingin mengingati bahawa kenapa kita selain daripada kita berminat menjadikan ia satu hobi tetapi saya juga ingin mengingatkan Dewan Yang Mulia ini bahawa burung merupakan apa yang kita boleh panggil sebagai *ecological litmus paper*, ia merupakan satu kaedah kita memantau kesihatan, persekitaran kita, alam semula jadi kita.

Sekiranya burung-burung sudah tidak ada maknanya tempat itu sudah tandus, maka apa yang berlaku kepada burung itu akhirnya akan berlaku kepada manusia. Itu sebab saintis-saintis ataupun *ornithologist* yang khusus membuat kajian tentang burung. Apabila ditanya kenapa buat kajian terhadap burung kerana katanya lebih mudah dan ia ada kaitan dengan alam sekitar dan setempat dan jika mereka mahu tahu kesan kepada persekitaran, mereka melihat kalau tepi air, burung air, kalau burung gunung er… dataran dan lain-lainnya. Oleh itu, er… itu sebab…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Sikit je Dato', Dato' Yang di-Pertua, saya mohon er… penjelasan daripada Muadzam, er… kesan kehadiran burung ini er… selalunya apabila tanah tandus itu berlaku menyebabkan burung tidak akan hadir bagi burung berhijrah, tetapi burung asal kekal akan tinggal di situ kerana burung yang memakan makanan sisa ni masih kekal dan pemangsa masih kekal. Apakah Muadzam bersetuju dengan program penanaman

semula kawasan-kawasan pertanian boleh menjadikan tarikan baru kepada burung-burung ini?

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Apabila spesies asal sudah tidak ada lagi, kemungkinan akan ada burung-burung yang lain ya, tapi kita ada kemungkinan akan kehilangan spesies *rare,* luar biasa burung-burung yang asalnya ada di situ. Ini terbukti dalam kajian-kajian tertentu. Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita patut bimbang sekiranya satu spesies itu hilang kerana ia er…memberi kegundahan kepada saintis kerana jika spesies itu sudah tidak ada lagi, ia bermakna bahawa dalam Bahasa Inggerisnya, *the abrupt termination of a long life of evolution,* satu evolusi boleh hilang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB Muadzam ada…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Jadi itu tentang burung ya Yang Berhormat boleh tak…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah habis dah…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Akhir sekali, saya nak ada satu soalan kepada Exco Kesihatan… Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jangan panjang sangat Yang Behormat.

YB. DATO' SRI MAZNAH BIN MAZLAN

Ya, ya, saya tahu, saya faham.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon menanya pada Yang Berhormat Exco Kesihatan tentang pelan, er… Pelan Pembangunan Kesihatan Negeri Pahang 2016 – 2020 yang pernah digubalkan dan diadakan satu er… kajian yang mana saya pun terlibat er… pada tahun 2015. Di dalam pelan tersebut perkara 5 ada menggariskan supaya er… Hospital Muadzam Shah dijadikan sebagai *hub* ataupun pusat untuk er… untuk kita melaksanakan *therapy, physiotheraphy* untuk er… pusat untuk kawasan Zon Timur.

Jadi saya mohon bertanya perkembangan perkara ini kerana er… ada kaitannya dengan Pusat Gerontologi Komuniti yang sedang kami usahakan. Gerontologi bermaknot… bermakna *science of ageing*, sains ketuaan ya, yang mana er… kita akan adakan kolaborasi dengan Jabatan Kesihatan, Kebajikan Masyarakat er… dan juga

masyarakat setempat supaya kita jadikan satu kawasan kompleks yang sudah pun disediakan pada masa Muadzam Shah.

Kita akan adakan dia sebagai *day care centre,* untuk dijaga supaya keluarga boleh keluar mencari rezeki untuk meninggalkan orang-orang yang sakit atau tua, dan ambil disebelah petang. Kita juga akan mengadakan berbagai aktiviti untuk warga emas kerana salah satu perkara yang menyebabkan orang-orang tua begitu lemah adalah kerana *physi*… p*hysically,* secara fizikalnya otot-otot mereka tidak digunakan kerana *sedentary life style* mereka duduk rumah, duduk diam aje. Mungkin depan televisyen dan lain-lainnya. Jadi otot-otot mereka sudah lemah.

Jadi di pusat itu, kita nak adakan aktiviti riadah untuk warga emas dan Muadzam Shah daripada 16,000 tolak pelajar 8,000 tadi, dalam lebih, dalam 20% adalah warga-warga yang sudah berpencen daripada jabatan kerajaan, daripada FELDA dan lain-lain agensi yang mempunyai potensi untuk terus hidup dengan hidup… er… *quality life*, hidup… er… dengan kualiti kehidupan yang mana jika kita dapat jaminkan kualiti kehidupan mereka dengan berbagai panduan dan aktiviti yang ada diberikan, maka ada peluang mereka boleh *prolong* insya-Allah, boleh hidup dengan lebih lama lagi.

Ataupun jika tidak mereka dapat hidup tanpa membebankan keluarga orang lain dan saya kalau nak bercakap hal ini satu jam ya, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Tetapi saya mohon supaya Kerajaan Negeri dapat menjadikan Muadzam Shah pusat *physiotheraphy*, pusat *therapy* untuk er… bukan hanya pesakit-pesakit tetapi telah ada persetujuan secara lisan kami tempatan supaya *physiotheraphy* di sana melatih masyarakat setempat di kompleks yang kami binakan ini supaya mereka boleh memberi perkhidmatan pada mereka yang datang ke pusat dan juga pergi ke rumah-rumah.

Jadi, saya mohon Kerajaan Negeri er… memberitahu dan mengambil tindakan supaya gerak kita menyediakan masyarakat, persediaan masyarakat untuk menghadapi masyarakat yang kian lama, akan ada lebih daripada 15% masyarakatnya yang berusia 60 tahun ke atas dapat didukung bersama dan kita tidak saja membebankan Kerajaan tetapi kita komuniti setempat juga perlu diupayakan untuk sama-sama membantu gejala *the aging nation* di mana Malaysia akan menjadi negara tua menjelang 2030, 2050, 203… 2050 dijangka 7 juta rakyat Malaysia akan berada di umur 60 ke atas.

Oleh itu, Yang Berhormat Yang di-Pertua, masyarakat perlu di… *educate*, diberitahu. Saya difahamkan bahawa jika masyarakat faham fenomena ketuaan itu bermula daripada awal lagi mereka muda, mungkin apabila mereka tua nanti ada setengah daripada gejala-gejala seperti *dementia* dan lain-lain itu boleh dikurangkan ataupun dihindar. Itu salah satu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI MAZNAH BIN MAZLAN

Saya juga ingin memaklumkan katanya apabila seseorang itu tua, dia akan berasa sunyi. Salah satu faktor yang mungkin tidak diambil kira oleh masyarakat ialah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Muadzam…

YB. DATO' SRI MAZNAH BIN MAZLAN

Ya. Nak habis ni Yang Berhormat Yang di-Pertua. Nak abis. Tapi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang soalan tu…

YB. DATO' SRI MAZNAH BIN MAZLAN

Kena… kena habiskan… kena habiskan ya, ayat ni ya. Oleh itu, Singapura telah terkejut pada tahun 90an apabila 400 lebih rakyat dia membunuh diri dan daripada golongan 60 tahun ke atas. Oleh itu, mereka mempunyai satu dasar yang begitu *dynamic*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya nak kongsi akhir sekali saya bertanya dengan pakar sepanjang mengikuti kursus itu, apakah benar jika seorang itu, sepa…. satu pasangan itu, jika satu pergi dahulu yang satu akan menyusul cepat? Katanya benar. Kajian menunjukkan benar dan ia dah ada terminologi Jepun tapi dalam Bahasa Inggerisnya dipanggil *the broken heart syndrome*. Jadi banyak perkara yang boleh kita kongsi bersama. Dengan ini Yang Berhomat…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mohon mencelah sikit aje.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Apa yang disebutkan oleh Ahli dari Muadzam tadi terbukti di kampung saya lama sebelum pakar Jepun membuat kajian. Ada sorang pasangan tu, isterinya ke Mekah, dia tinggal. Isterinya meninggal di Mekah… tak sampai sebulan lepas isterinya meninggal, dia pulak meninggal. Yang sorang lagi tu… salah sorang yang buka Kampung Janda Baik. Walaupun dah tua, bongkok, elektrik tak ada, *heater* tak ada, tapi mereka buat er… rimbun api di dapur, berdiang dan tidur sekali. Dia tidur tidak berpeluk, tetapi dia tidur apa ni… berimpit belakang bertemu belakang. Sorang mati, tak lama kemudian sorang lagi mati. Banyak dah kes-kes macam ni dan dia… Memang dia, bukan kata patah hati, dia kira kosonglah, sedihlah. Jadi, untuk mengelakkan itu, mintak maaf cakaplah saya tak berapa hendak jadi begitu. [Ahli Dewan ketawa] Orang lain tu mungkin lah sehidup semati. Sehidup semati tu maksud dia orang, sama-sama mati. Kita sehidup semati ni, satu hidup, satu mati. Satu mati, satu hidup. Amboi senang? Terima kasih Yang di-Pertua. Sebelum Jepun buat kajian lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya teori Jepun tu salah, yang daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar lebih awal lagilah.

YB. DATO' SRI MAZNAH BIN MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin mengakhirkan ucapan saya. Terima kasih di atas peluang ini dan cuma tadi kemurungan merupakan salah satu satu faktor yang tidak diambil kira oleh masyarakat, *neglect* dan kadang-kadang ini mengakibatkan seseorang itu kesunyian dan mungkin kualiti hidupnya terjejas. Selain *physical, biological, emotional* perlu juga diambil kira dan di Pusat Gerontologi Komuniti Muadzam Shah kita harap, kita dapat belajar dan *address* isu ini. Saya dengan ini menyokong er… belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Muadzam. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, disebelah pagi ini kita telah berjaya memberi ruang kepada 3 Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rang Undang-undang. Oleh kerana waktu telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari lebih, saya bercadang untuk menempohkan dewan ini untuk kita berehat dan menikmati jamuan ringan, makan tengah hari. Saya mencadang untuk menyambung semula persidangan kita di sebelah petang dan saya berharap beberapa orang Ahli Yang Berhormat lagi akan mengambil bahagian. Jadi, saya akan menempohkan persidangan ini dan akan disambung semula pada jam 3.00 petang. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan jam 1.13 tengah hari]

[Persidangan disambung semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di atas Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan kepada kita dan pada petang ini kita akan menyambung Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul ini. Saya jemput daripada Tanah Rata.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, diberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Bajet 2018. Bajet 2018… Bajet 2018 mencatat kelebihan sebanyak RM594,000 berpunca hasil yang menambah daripada beberapa sektor yang ketara. Pertamanya, terutamanya dari sektor royalti kayu kayan mencatat penambahan RM9 juta. Peningkatan cukai tanah semasa RM6 juta, cukai tiket pawagam RM3 juta, cukai tiket taman hiburan RM2 juta, cukai tiket pertunjukan pentas RM1 juta, sewa pajakan melombong RM2 juta, dividen saham syarikat tersiar harga RM5 juta, keuntungan akaun pelaburan Al-Mudharabah RM2.5 juta.

Terima balik keuntungan akaun Al-Mubarak RM2.5 juta, terima balik bayaran tahun-tahun lalu RM5.5 juta. Jumlah secara kasar sudah meningkat sehingga RM36 juta. Angka ini tidak cukup untuk tutup kekurangan hasil terima daripada lain-lain agensi sebanyak RM63 juta. Oleh itu hasil yang dijangka akan kutip pada tahun 2018 akan turun RM39 juta berbanding tahun 2017. Walau bagaimanapun kita masih tetap *surplus* pada tahun depan. Seperti cadangan Wakil Rakyat lain, negeri kita kena cari sumber lain untuk menggantikan sumber yang semakin berkurangan seperti hasil hutan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Selama empat setengah tahun berkhidmat sebagai ADUN Tanah Rata, sebelum Dewan ini dibubar, saya perlu kaji apakah prestasi Kerajaan Negeri terhadap pembangunan Cameron Highlands? Saya tidak boleh nilai prestasi diri sendiri, biar orang Cameron Highlands menilai. Setakat ini… yang boleh saya percaya saya layak menilai prestasi kerajaan terhadap Cameron Highlands. Saya akan ulang apa yang saya pernah cakap di Dewan ini secara ringkas.

Mintak maaf, saya perlu sentuh perkara yang paling menyakitkan hati Cameron Highlands adalah ‘Operasi Gading’. Operasi ini yang bermula pada tahun hujung 2014 ini telah membawa mimpi ngeri kepada pekebun-pekebun yang terlibat. Saya tidak tahu berapakah luas tanah kebun telah roboh, berapakah kerugian telah dialami, tapi saya tahu tindakan kejam Kerajaan Persekutuan melalui MKN telah jadikan kesakitan selama-lamanya kepada petani Cameron Highlands. Orang beranggapan inilah tindakan balas dendam kepada orang Cameron Highlands yang tidak menyokong kerajaan.

Namum begitu, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah campur tangan pada masa kritikal dengan menyeru, merayu agar tindakan MKN ini

dihentikan kepada pekebun kecil yang menerokai tanah bawah 5 ekar yang mana lebih 40 tahun. Jasa baik Kerajaan Negeri juga janji akan memberikan TOL kepada siapa pemohon yang layak.

Perkara kedua, yang tidak menyenangkan hati kepada petani Cameron Highlands adalah kenaikan kadar TOL dan kadar sumber air. Perkara ketiga, yang membawa ketidakselesaan adalah jalan rosak termasuk jalan kampung, jalan kebun, jalan negeri dan jalan persekutuan yang masih perlu tindakan Kerajaan mahupun Kerajaan Negeri Pahang. Perkara keempat, yang mengganggu penduduk Cameron Highlands adalah kesesakan jalan Cameron Highlands. Perkara kelima, adalah gangguan bekalan air di Taman Corina, Kampung Raja selama hampir 15 tahun. Terhadap lima-lima masalah tersebut berapakah masalah telah diselesai? Berapakah masalah dalam penyelesaian dan berapakah yang masih tunggu untuk diselesai?

Masalah yang boleh dikatakan selesai adalah banjir kilat. Setelah beberapa projek pengubahsuaian dan tebatan sungai, masalah banjir kilat di Kampung Raja, Tringkap dan Bertam Valley telah dianggap selesai. Projek yang masih dalam pelaksanaan adalah projek Tebatan Sungai Ringlet. Saya percaya setelah projek ini siap, banjir kilat tidak akan berulang melainkan hujan yang luar-luar biasa. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak JPS yang berusaha.

Masalah jalan rosak di Taman Corina, Kampung Raja selesai jugak. Terima kasih kepada pihak… usaha pihak Majlis Daerah Cameron Highlands. Masalah jalan rosak, jalan persekutuan laluan 59 di Kampung Raja selesai jugak. Terima kasih kepada pihak usaha JKR. Masalah gangguan air yang melanda penduduk Taman Corina selama 15 tahun…. Kampung Raja selesai apabila baip… paip besar berukuran 1 kaki dipasang. Terima kasihlah kepada pihak PAIP yang berusaha.

Masalah kesesakan jalan jika di… pemantauan terapi sebanyak 303 petak letak kereta dan 9 untuk bas dibina seperti apa yang dijanji dalam projek pembinaan gerai-gerai sementara dan kemudahan asas di Kea Farm siap dibina, saya percaya kesesakan jalan di kampung… di Cameron Highlands akan juga selesai. Terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Cameron Highlands.

Namum begitu penyelesaian kesesakan jalan bagi jangka panjang masih perlu projek pembinaan *flyover,* jalan alternatif harap-harap ia dapat disegerakan. Masalah yang belum selesai adalah penyelesaian… adalah jalan rosak di Jalan Menson, Jalan Taikong, Tringkap dan jalan persekutuan dari Ringlet ke Tapah.

Selain daripada itu adalah kebun-kebun yang diusahakan selama 40 tahun. Sekiranya tanah ini diteroka lima tahun… 40 tahun ini dapat di… diberikan kelulusan seperti yang dijanji, sekiranya kadar TOL dan caj sumber air dapat diturun, saya boleh anggap prestasi ataupun KPI Kerajaan Negeri kepada Cameron Highlands adalah amat memuaskan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,
Tumpang lalu… saya dengar daripada dalam bilik lagi tadi sampai sekarang ni nak *free* air, nak *free* apa ni… TOL, kerajaan hutang, Kerajaan Persekutuan *complaint* semua hutang. Semua hendak *free*, macam mana ni? *How to re… reconcile* duit tak ada, semua tak ada, semua mau *free*, semua-semua… Itu sebab kalau kita hutang Kerajaan Persekutuan berapa billion, jangan gaduh, jangan risau, jangan marah, jangan *complaint*. Semua mahu *free*.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Terima kasih Yang Amat Berhormat, sebab saya buat rayuan, sebab bayaran caj yang tertinggi…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya pun bukan marah. Saya jelaskan keadaannya, ini dilema Kerajaan Negeri hadapi. Kita tak boleh naik caj itu, caj ini, semua mau naik, lipat ganda, lipat ganda, rakyat mati tapi kena fahamlah apabila Kerajaan Negeri berhutang Kerajaan Persekutuan, jangan *complaint* faham dak? Itu maksud saya, kita boleh timbang semua tapi kena faham. Ini semua mau *free*, mau free, mau *free* tapi kita berhutang dengan Persekutuan dengan bapak kita, semua *complaint*, apa ini tak pandai tadbir, tak pandai urus, itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Mintak maaf angkat suara sikit, kalau tak angkat suara ni, malas mengguna perkataan *unparliamentary* bukan faham, bukan reti, tak reti… tak… buat tak reti [Ayat Al-Quran] dan sampai ke hujung. Terima kasih.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih jugalah sebab… sebagai Wakil Rakyat, saya hak merayu, jadi keputusan terima tak terima terpulang kepada Kerajaan Negeri, itulah saja. Ini peranan saya, jika saya…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jawapan tak terima… tak terima.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Tak apalah, jika tak terima pun saya kena dapat jawapan juga, kurang-kurang saya nak balas… nak balik beritahu bahawa saya sudah suara, usaha saya sudah sampai, kerajaan tidak boleh terima, itu saja.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau tukar Wakil Rakyat, tukar parti, kita memerintah lagi, mungkin boleh terima.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Jadi saya harap dalam pentadbiran kerajaan tidak patut asingkan pembangkang ataupun kerajaan…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya la… pentadbiran kerajaan jangan kita nak kira macam mentadbir negeri ni… macam mentadbir *company*. Wang, wang, wang, wang, hutang tak boleh, hutang tak boleh, mesti wang, wang saja, mana boleh, mesti fahamlah!

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Okey Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kena ada toleransi lah, kerjasama, teruskan.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Tak apa, saya masih harap juga walaupun tak dapat berikan kelulusan, tapi jika dapat...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jangan haraplah… ini kerajaan tak da guna la, ini MB, semua Exco tak pandai tak payah haraplah, tak payah harap.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Saya yang akhir…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

tak payah harap, tak payah harap

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

tapi… jika dapat, kita berikan er… tepukan, jika tidak saya pun tak *blame* sangat. Jadi maksudnya prestasi Kerajaan Negeri Pahang masih kurang memuaskan… itu yang akhir saya perkatakan yang tidak boleh diberikan kredit serta kepujian. Namun begitu akhirnya saya masih sokong Bajet yang dibentang 2018…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita tak harap pujian, kredit daripada ni… pembangkang, kita buat apa pun, dia cakap tahi jugalah. Kita bagi bunga, tahi… tahi… tahi, bagi bunga pun tak da guna. Ini macam punya pembangkang lah tak payahlah. Terima kasih.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat, saya fikir, saya bukan pembangkang yang jahat sangat, saya percaya sebab sudah 27 tahun jika berbanding…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat tidak jahat, tapi ramai jahat, ramai jahat, ini semua tak jahat, jahat. ha… ha… ha…

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Terpulanglah tafsiran daripada pihak kerajaan, terima kasihlah, Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sudah habis? Terima kasih YB. Tanah Rata. Sila Bilut. Sila Bilut… dia dah habis.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi saya untuk mengambil bahagian dalam er… perbahasan Bajet ini. Beberapa isu yang saya nak bangkitkan. Pertama, di Bentong terdapat 14 kampung baru Cina yang wujud sejak zaman pemerintahan British. Kampung-kampung baru ini amat bersejarah dan merupakan aset penting bagi daerah Bentong dan juga Pahang. Demi menghargai nilai kepelbagaian dan warisan, saya cadangkan Kerajaan Negeri Pahang untuk menambah tulisan cina pada papan tanda di simpang masuk dan setiap lorong di semua kampung baru Cina di Bentong. Ini adalah kerana banyak lorong di kampung baru Cina Bentong dinamakan dengan menggunakan nama tokoh-tokoh Cina seperti Lorong Chan Sang di Kampung Perting, Lorong Wong Huen di Kampung Kemansuh dan Lorong Teh Eng Suan di Kampung Cabang dan sebagainya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Minta izin Yang di-Pertua, minta izin keluar lah, saya rasa macam duduk parlimen China je, bukan parlimen Pahang, terima kasih lah.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Saya teruskan. Penambahan tulisan Cina pada papan tanda tidak akan menjejaskan kedudukan Bahasa Malaysia. Di sebaliknya, dengan adanya kepelbagaian bahasa pada papan tanda, ia akan menunjukkan kecantikan dan keunikan nilai diversiti di negeri Pahang. Dasar yang sama juga boleh dilaksanakan di kampung atau komuniti yang majoriti orang India dengan penambahan tulisan Tamil pada papan tanda.

Isu yang kedua saya nak bangkitkan, Medan Selera Jalan Chui In yang bertempat di sebelah gelanggang bola keranjang telah dibina pada tahun 90 an. Disebabkan lokasi yang strategik, medan selera tersebut pernah menjadi tempat makan yang popular, akan tetapi medan selera tersebut sering mengalami kerosakan infrastruktur seperti kebocoran atap, kerosakan lantai dan masalah kebersihan. Ini mengakibatkan pelanggan semakin berkurangan, bilangan peniaga yang sewa kedai pun merosot. Oleh itu, saya harap Kerajaan Negeri dapat menaiktaraf atau membina semula medan selera tersebut supaya ianya kembali sebagai tempat yang makan… yang selesa bagi orang Bentong.

Isu yang ketiga saya nak bangkitkan adalah isu kilang korek pasir di Sungai Perting. Saya telah bangkit pada Sidang DUN lepas, namun kami mendapati kileng… kilang korek pasir yang masih beroperasi itu memang merupakan ancaman terbesar kepada Sungai Perting. Sungai Perting merupakan sum… sumber air minum kepada orang Bentong. Kesan minyak yang ketara masih terapung di permukaan sungai. Bau di sekitar sungai busuk, malah udang-udang dan ikan-ikan tidak lagi kelihatan di dalam sungai tersebut.

Pencemaran air sungai bukan sahaja akan mendatangkan impak terhadap kesihatan orang ramai yang meminumnya. Ia turut akan memungkinkan berlakunya gangguan bekalan air. Selain itu, kilang korek pasir juga menyebabkan lanskap sekitar Sungai Perting diancam. Sebenarnya kawasan sekitar sungai Perting boleh dibangun sebagai satu lokasi *eco-tourism*. Oleh itu, demi melindung Sungai Perting, saya meminta Kerajaan Negeri henti memberi kelulusan pembaharuan *license* kilang korek pasir tersebut.

Isu yang keempat, ECRL (*East Coast Rail Link*) merupakan projek besar dengan kos bernilai RM55 bilion merangkumi tiga… 23 *station* dan sepanjang 600 km. Manakala saya ingin mempersoal mengapa risalah, primo… promosi dan video projek berkenaan menggambarkannya sebagai skim landasan berkembar. Manakala laporan fasa pertama penilaian kesan alam sekitar EIA bagi projek itu membayangkan bahawa ia adalah aliran landasan tunggal saja. Dalam seksyen 5 laporan itu, ia menyebut ECRL akan menjadi keretapi eletrik landasan tunggal yang dibina di atas formasi landasan berkembar. Adakah ini bermakna bahawa hanya satu landasan akan dibina untuk ECRL, walaupun tapak landasan keretapi itu cukup luas untuk dibina dua laluan? Jika demikian, maka kerajaan perlu menjelaskan mengapa projek yang melibatkan kos kira-kira RM55 billion hanya akan membayar untuk satu landasan saja.

Berkenaan dengan isu peruntukan FELDA kepada FELDA Lurah Bilut, berdasarkan jawapan daripada kerajaan, tiada peruntukan FELDA bagi tujuan projek pembangunan FELDA Bilut. Manakala kerja-kerja pembangunan dan baik pulih infrastruktur di Lurah Bilut dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Ahli Parlimen. Apa yang saya nak mempersoalkan di sini adalah… kenapa berbanding tahun 2015, FELDA pernah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM7.8 juta bagi tujuan pembangunan dan penanaman semula? Malah RM700,000 dalamnya daripada peruntukan itu adalah dikhususkan kepada pembangunan ekonomi dan serta pembinaan infrastruktur. Tapi tahun ini tiada peruntukan disalurkan oleh FELDA kepada Lurah Bilut. Demi memelihara kepentingan dan kesejahteraan rakyat, saya menyeru peruntukan FELDA dikembalikan ke Lurah Bilut pada tahun depan.Ini mustahak untuk menyelesaikan masalah tempatan yang dihadapi oleh penduduk tempatan.

Isu yang terakhir saya nak bangkitkan, dalam ucapan bajet 2018, Perdana Menteri Najib Razak telah mengumumkan untuk memansuhkan kutipan 4 plaza tol di negeri Kedah, Selangor dan Johor. Pengumuman Perdana Menteri tersebut telah menunjukkan kebolehlaksanaan untuk memansuhkan kutipan tol yang selalu dituntut oleh pembangkang. Selepas penolakan kos pembinaan asal dan pampasan oleh kerajaan, Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak telah memperolehi keuntungan sebanyak 202% pada tahun 2012. Dengan keuntungan sebanyak ini, lebihraya tersebut… lebuhraya tersebut tetap dinaikkan kutipan tolnya selepas beberapa tahun. Kenaik… kenaikan kutipan tol sebegini adalah jelas menyusah rakyat pantai timur dan menyusahkan warga Bentong yang terpaksa berulang alik dari Kuala Lumpur ke Bentong. Oleh itu, saya harap Kerajaan Negeri Pahang boleh ambil satu pendirian yang teguh iaitu menuntut Kerajaan Persekutuan menghapuskan tol Lebuhraya Karak - KL demi meringankan beban rakyat Pantai Timur. Sekian saja.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Bukit Ibam.

YB. DATO' WAN KADRI BIN WAN MAHUSAIN

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama terlibat dalam membahaskan Usul Belanjawan yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada dua hari yang lepas dan bagi saya, usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri pada kali ini merupakan satu usul yang jujur… yang melihat kepada kemampuan kerajaan untuk mengutip hasil dan memastikan perbelanjaannya adalah berhemah. Yang penting di

dalam perbelanjaan ini dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, segala kepentingan rakyat tidak akan diabaikan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua agensi-agensi kerajaan yang telah... di bawah Kerajaan Negeri yang telah menunjukkan prestasi yang baik di dalam melaksanakan syarikat masing-masing yang disifatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berada dalam keadaan yang sangat selesa. Saya pernah membangkitkan isu ini pada awal-awal saya menjadi Yang Berhormat dan Alhamdulillah atas komitmen, amanah yang telah dilaksanakan oleh semua jentera di agensi ini kita berjaya menjadikan agensi di negeri Pahang ini agensi-agensi yang berwibawa dan boleh diharapkan.

Saya juga nak ambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah er... terima kasih kepada kerajaan khususnya Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan sebuah jambatan... jambatan besi... jambatan batu di Jalan Lubuk Batu yang bernilai dua puluh juta... RM27 juta dan meluluskan pembinaan klinik di Bukit Ibam menggantikan klinik yang telah begitu usang dengan belanja lebih kurang RM15 juta dan saya mengharapkan supaya pembinaan projek-projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan terima kasih kepada kerajaan melalui Kementerian Pelajaran yang telah meluluskan er... skim sekolah bantuan penuh kerajaan kepada sebuah Sekolah Agama Al-Islahiah yang berada di Bandar Tun Razak dengan harapan... dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan ini dapat menjadikan sekolah ini lebih bermanfaat kepada anak-anak yang berada di kawasan saya. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan di daerah Rompin yang sentiasa memberi kerjasama kepada saya dan juga seluruh jentera yang ada di kawasan saya untuk memastikan walaupun kami berada jauh daripada pentadbiran daerah, namun kita tak pernah diketepikan.

Pada hari ini saya akan menyentuh beberapa perkara Dato' Sri Yang di-Pertua, yang mungkin sebahagiannya telah saya sentuh, tapi saya mengharapkan sebahagian daripada apa yang saya sentuh ini merupakan perkara-perkara yang perlu saya bawa sekali lagi ataupun kali kedua ataupun kali ketiga ke dewan ini kerana ia merupakan pembelaan terhadap rakyat di kawasan saya... dari segi kemudahan bersesuaian dengan tajuk bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yakni keselesaan rakyat. Dari segi keselamatan pada hemat saya, keberadaan anggota polis sama ada anggota ataupun mewujudkan sebuah pondok polis ataupun balai polis sangat penting kepada satu-satu kawasan.

Di kawasan saya Dato' Sri Yang diPertua, perancangan untuk mewujudkan infra seperti keselamatan, bomba, kesihatan dan sebagainya berpandu kepada pembangunan yang telah dibuat oleh pihak DARA. Tetapi hakikatnya sekarang ini pertumbuhan penduduk dia tak... tak menjurus sepertimana yang dirancang oleh pihak DARA sebaliknya pertumbuhan penduduk bertumpu kepada pembangunan di kawasan FELDA. Untuk itu Dato' Sri Yang di-Pertua, demi untuk memastikan keselesaan dan keselamatan penduduk-penduduk di kawasan saya, saya menyarankan supaya pihak kerajaan melihat balik perkara ini, supaya dapat

memastikan keberadaan anggota ataupun balai di tempat-tempat yang agak jauh daripada pentadbiran itu dapat kita realisasikan di masa-masa yang akan datang.

Yang keduanya, isu dadah. Saya bersependapat dengan Wakil daripada Pulau Tawar yang menyatakan bahawasanya mesti ada peruntukan tambahan untuk memastikan dadah ini merupakan satu gejala yang dapat kita sama-sama banteras. Apapun kita berterima kasih dengan pihak agensi yang diberikan amanah untuk melaksanakan pemantauan ini yakni AADK. Namun begitu saya meletakkan er... yang paling utama untuk kita membanteras dadah ini ialah penguatkuasaan daripada pengedar dan peng... er... pengedar dadah. *So,* yang ini melibatkan anggota polis. Saya di Rompin... di kawasan saya ini Dato' Sri, saya kecil sikit jawatannya daripada Pulau Tawar. Sebab Pulau Tawar dia dalam dadah ini... dia pengerusi negeri, saya hanya ikon daerah. Saya menjadi ikon daerah dadah ini bukan kerana saya... saya suka sangat tetapi oleh kerana kawasan saya tu memang anggap... dianggap sebagai kawasan yang paling padat dengan penagih dadah.

So untuk itu saya... saya nak ucapkan terima kasih juga kepada pihak polis kerana pada waktu sekarang ini, pihak polis telah meletakkan seorang Ketua Polis Daerah yang fasih tentang dadah. Ekoran daripada itu, kita dapati isu yang melibatkan dadah, keraguan rakyat terhadap penyalahgunaan dadah dan akibat daripada penyalahgunaan dadah itu dia agak... agak menurun. Jadi untuk itu saya nak ucapkan tahniah kepada pihak polis. Namun begitu, saya mengharapkan supaya isu dadah ini akan dapat kita tangani bersama-sama dengan masyarakat sepertimana yang disarankan oleh Wakil daripada Pulau Tawar pada hari semalam.

Saya nak pergi kepada kemudahan asas Dato' Sri Yang di-Pertua. Bekalan air telah diperkatakan oleh banyak... oleh ramai Ahli-ahli Dewan di sidang ini. Namun begitu, saya sukacita memaklumkan di kawasan saya pun berhadapan dengan isu yang sama. Oleh kerana kebanyakan kampung-kampung rancangan FELDA yang berada di kawasan saya kebanyakan usia paipnya menghampiri ataupun melebihi 40 tahun usianya. Jadi, saya mengharapkan... jadi kadar er... paip, kebocoran yang mengganggu bekalan air bersih ke kawasan-kawasan ini sangat terganggu. Jadi saya mengharapkan supaya walaupun kita faham tentang kekangan kewangan Kerajaan Negeri yang terpaksa berhadapan dengan hutang yang banyak dengan Kerajaan Persekutuan namun begitu kita mengharapkan isu ini dapat kita tangani sedikit demi sedikit bagi memastikan keselesaan hidup rakyat di seluruh Negeri Pahang Darul Makmur.

Tentang air bersih ini saya mengulangi bahawasanya di kampung saya... masih ada dua lagi kampung yang masih tak dapat air bersih yakni Kampung Aur Seberang dan Kampung Baru Ibam. Walaupun kampung ini berada dekat dengan kampung-kampung lain tetapi ada masalah-masalah tertentu yang menyebabkan bekalan bersih masih belum dapat dibekalkan. Saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri mengambil perhatian perkara ini.

Tentang bekalan air di kampung orang asli, saya mengucapkan tahniah er... terima kasih kepada JAKOA kerana semua sistem-sistem yang di bawah *Rossington* dulu, setelah diambil alih oleh Eco Builders dan sekarang ini telah diambil alih oleh JAKOA, dan JAKOA telah pun mengeluarkan tender untuk memastikan semua sistem-sistem yang berada di setiap kampung itu dapat berfungsi dengan baik. Namun, sebahagian daripada er... isu-isu air bersih Dato' Sri Yang di-Pertua, contohnya di Kampung Ganoh, air ini datangnya daripada punca bawah tanah melalui *tube well.*
Jadi sistem bawah tanah di kawasan Bukit Ibam ini, dia berpandu kepada air mata air. Tapi oleh kerana projek perlombongan yang berlaku sikit masa dulu... menyebabkan

air mata air ini tidak mengalir sepertimana yang diharapkan dan mungkin juga punca air itu tercemar oleh kerana sistem er... kerana perlombongan yang berlaku di kawasan tersebut dan saya mengharapkan supaya pihak JAKOA dapat mengkaji betul-betul perkara ini kerana ada punca lain mungkin secara tradisional, ataupun apa yang telah kita laksanakan di Pulau Tioman mendapatkan punca air bersih daripada air bukit boleh kita laksanakan bagi menyelesaikan isu masalah bekalan air di kampung orang asli ini.

Di daerah Rompin ada 11 kampung Dato' Sri Yang di-Pertua, yang kita berhadapan dengan masalah sebegini dan kita harapkan isu ini dapat kita selesaikan kerana ya lah, kadang-kadang pun kita... kita rasa susah atas kesusahan mereka tetapi yang duduk di dalam tu, dia lagilah susah berhadapan dengan masalah yang dihadapi seharian. Masalah api di kampung... di DUN saya hanya satu kampung Dato' Sri Yang di-Pertua yang tak dapat bekalan api, Kampung Kemomoi. Kita telah berurusan dengan pihak JAKOA. Saya difahamkan kos untuk memasukkan api ke kawasan itu bernilai RM8.8 juta saya memohon kepada pihak TNB, supaya membuat kajian mencari kaedah lain. Bagaimana caranya untuk kita pastikan kampung yang mempunyai rumah sebanyak 22 biji itu, dapat kita bekalkan bekalan elektrik kepada mereka dengan kaedah yang lain. Mungkin membekalkan *genset* dan sebagainya apa cara sekalipun untuk memastikan mereka dapat kemudahan sepertimana orang lain dapat di luar.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya… seterusnya ingin mengulang juga permintaan daripada masyarakat di kawasan saya. Yang pertamanya, balai bomba di Bandar Tun Razak. Oleh kerana er… kedudukan Bandar Tun Razak jauh daripada balai bomba yang ada di Muadzam Shah, dan er… jaraknya sekitar 35 ke 40 km dan er… tapaknya dah ada, saya mengharapkan dapat pertimbangan wajar tentang balai bomba ni. Seterusnya, saya juga memohon supaya pusat dialisis yang pernah saya utarakan dulu kepada pihak Kerajaan… juga dapat diadakan di Bandar Tun Razak. Saya tau ke… sukar untuk memperolehinya.

Saya juga memohon supaya Jalan Keratong-Bahau, diperbesarkan, dimasukkan di dalam… benar-benar dimasukkan dalam RMKe-11. Sebab kita pun er… di Rompin Dato' Sri Yang di-Pertua, seperti mana yang saya maklumkan dalam er… perhimpunan er… itu dewan yang lepas, kadar kematian…. kadar kemalangan yang melibatkan kematian di seluruh Malaysia… Rompin, nombor 1... 7 %. Maknanya setiap 100 kemalangan, 7 kematian dan tidak ada tempat lain yang dapat menyamainya dan di antara puncanya ialah er… jalan yang sempit tu lah dan lori-lori yang melaluinya sangat besar. Jadi saya meng… dan laluan tu agak panjang hingga ke Bahau. Jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan dapat menimbangkan betul-betul perkara untuk keselamatan pengguna-pengguna.

Satu perkara lagi saya nak mohon juga di dalam Dewan Yang Mulia ini, saya difahamkan melalui ECER, untuk dibina satu pusat perpindahan khusus bagi penduduk Bukit Serok. Di Kampung Bukit Serok ini, bila banjir je kawasan saya, dia di antara kampung yang mesti terlibat dan bilangan yang berpindah menghampiri 1,000 orang. Sedangkan tempat mereka berpindah hanyalah di gerai yang dibina oleh PLB, yang tidak menjadi, yang tidak mempunyai air dan api.

Tetapi kalau Dato' Sri Yang di-Pertua lalu di situ masa banjir, Dato' Sri tak nampak orang ramai. Oleh kerana dia berdaftar di situ, dia duduk di atas bukit tu dengan pondok… di dalam pondok- pondok yang dia selesa duduk. Tetapi untuk jangka

panjangnya kita tak boleh membiarkan keadaan ni terus begitu dan saya mengharapkan er… Kerajaan melalui ECER dapat memastikan er… pusat ini dapat kita bina untuk keselesaan er… penduduk yang terlibat dengan banjir di kawasan Bukit Serok. Disamping itu juga dewan yang kita… kalau kita buat dewan, tempat itu juga kita boleh gunakan untuk er… program-program lain.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bandar Tun Razak, Pusat Khidmat DUN saya, jaraknya 111 kilometer daripada Daerah Rompin. Kawasan… kampung yang paling dekat dengan Pejabat Daerah adalah sekitar 97 kilometer dan yang paling jauh melebihi [telefon berbunyi]. Minta maaf Dato' Sri Yang di-Pertua. Tempat yang paling jauh, melebihi 150 kilometer. Maknanya kalau nak bayar geran tanah er… terpaksa bergerak begitu jauh. Jadi saya menyambut baik saranan yang dibawa oleh Yang Berhormat Muadzam Shah pada sidang yang lepas untuk mula mewujudkan er… *subdistrict* yang baru di kawasan Muadzam Shah.

Dengan adanya *subdistrict* baru di kawasan Muadzam Shah ni, menjadikan jarak untuk masyarakat kawasan saya dengan pentadbiran ni, mas… makin dekat kepada dari 22 kilometer hingga ke 75 kilometer. Jadi saya rasa itu sangat munasabah. Kerana jarak 110 kilometer ni sebenarnya jauh Dato' Sri Yang di-Pertua. Sebab ibaratnya kalau ke Rompin tu hampir sampai Kuantan. Maknanya kalau pagi-pagi nak ke mana weh? Nak ke Kuantan. Nak buat apa? Nak… nak pergi bayar er… er… apa ni… cukai tanah. Jadi jaraknya jauh. Kalau tanahnya 10 ekar boleh tahan tapi kalau tanahnya seekar, nilainya empat ringgit jadi dia tak… tak… tak berbaloi. Jadi saya mengharapkan.

Yang penting sekali, dari segi capaian kerajaan melalui agensi- agensi ni, saya rasa perlu diperhebatkan. Sebab saya menca… pernah mencadangkan supaya ditubuhkan RTK er… er… ni ditubuhkan RTC di Bandar Tun Razak. Kerana RTC ini dia merupakan *One Stop* untuk agensi kerajaan yang mana rakyat boleh mendapat khidmat di situ. Tetapi saya telah menulis secara rasmi kepada KKLW, jawapannya tidak ada peruntukan. Oleh itu saya merayu supaya er… lewat sikit *subdistrict* pun tak apa, kalau dapat dibina RTC supaya khidmat kepada rakyat tu dapat kita tingkatkan.

Yang ketiganya Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya telah memohon, saya ingat lebih daripada 3 tahun untuk menubuhkan 3 buah JKKK di kawasan saya. Yang pertama sekali JKKK Kota Bahagia, yang kedua JKKK Perwira Jaya, dan yang ketiga JKKK Shahbandar. Ketiga-tiga kawasan ini merupakan kawasan penempatan peninggalan DARA. Jadi kepimpinan di situ tak ada, jadi saya mengharapkan JKKK ini dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri kerana dengan adanya JKKK, segala permasalahan di kawasan itu dapat disalurkan secara yang lebih terurus kepada pihak daerah. Jadi kalau tidak… kalau tidak Dato' Sri Yang di-Pertua, er… susah juga di kawasan saya ni, sebab tok penghulu pun… di kawasan saya ni ada dua.

Saya berkongsi dengan Muadzam Shah, separuh tok penghulu Muadzam Shah jaga. Separuh tok penghulu A, Ibam jaga. Separuh tok penghulu B, Muadzam jaga. Sepuluh… separuh tok penghulu B, Ibam jaga. Jadi kawasan tok penghulu ni… besar daripada kawasan ADUN lagi. Jadi amat sukar untuk penghulu er… menjaga anak-anak buah kampung tradisional ini kerana di kawasan saya, JKKK hanya ada 6 sahaja. Sedangkan dari segi er… geografinya, dari segi keluasannya, kawasan saya ni sangat besar. Dia punya jaraknya daripada kampung ke kampung tu adalah sangat jauh. Jadi

saya mohon supaya pihak kerajaan dapat melihat dan menimbangkan permohonan saya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dari segi masalah anak-anak muda di kampung er… pertama, masalah perumahan. Di kawasan saya Alhamdulillah dengan bantuan FELDA, dengan dan usaha bersama kepimpinan Ahli-ahli Yang Berhormat bersama daerah, kita mengadakan lot-lot untuk kita sediakan untuk generasi kedua, sama ada melibatkan tanah kerajaan mahupun kawasan-kawasan GSA di bawah FELDA. Tetapi isunya kita sedia faham, isu untuk mendapatkan pinjaman daripada… daripada… daripada agensi-agensi er… daripada badan-badan kewangan. Untuk itu, saya menyokong penuh saranan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya kita usahakan betul-betul… tabung er… perumahan untuk yang tidak mampu dapat dilaksanakan… untuk membantu anak-anak muda.

Dari segi pendapatan anak-anak muda di kawasan saya Dato' Sri Yang di-Pertua, er… seperti mana yang Damak beritahu tadi, puncanya tak lain tak bukan daripada sektor pertanian. Sebab itu saya menyeru kepada jabatan-jabatan yang… yang terbabit di bawah er… Jabatan Pertanian Industri Asas Tani supaya dapat datang ke kawasan saya melihat balik… untuk membawa apa juga bentuk pertanian yang boleh memberi impak yang tinggi kepada rakyat. Pertanian secara moden, tanaman berbentuk fertigasi dan sebagainya, tanaman di dalam er… di bawah er… ape ni… rumah hijau, supaya kita da… secara tak langsung dengan keluasan yang sedikit tapi kita boleh memberikan pulangan yang besar kepada anak-anak muda dan suasana bekerja pun agak lebih menarik kepada mereka daripada pertanian er… secara dulu kala.

Dato' Sri Yang di-Pert… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga er… menyokong saranan daripada Yang Berhormat er… Wakil Jengka tentang elaun pengasuh PDK. Di kawasan saya ada satu PDK, betul-betul di kawasan saya dan satu tu berkongsi dengan Muadzam Shah di Selancar. Saya… saya rapat dengan PDK ni, oleh kerana yang berada di situ semua anak-anak istimewa, usia dia dari… seawal 6 tahun hingga ke 30 lebih tahun. Yang… yang dah lama duduk di PDK ni… memang guru-guru dia memang tak mau budak-budak ni er… keluar daripada… PDK kerana budak-budak ini terlalu biasa dengan PDK dan dia boleh membantu er… anak-anak yang… yang… yang kurang upaya ini tadi, yang lebih *junior* daripada mereka. Tetapi elaun yang diberikan kepada mereka RM800 tu pada saya tidak begitu wajar. Sedangkan kita pun dah… dah… dah melaksanakan dasar gaji minima RM1000, jadi saya mengharapkan supaya pihak kerajaan melihat perkara ini supaya kita memberikan er… imbuhan yang wajar kerana walaupun kita nampak kerja dia dari segi jumlah jamnya tak banyak, tetapi dari segi tanggungjawab. Er… untuk memastikan keselamatan anak-anak yang kurang upaya ini adalah sangat besar sekali.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya… akhir sekali saya… saya sukacita memaklumkan bahawasanya kawasan saya ini er… keseluruhannya kelapa sawit. Kawasan hutannya berada di kawasan Bukit Ibam dan Aur. *So*, saya telah merancang untuk mengadakan satu program dan telah dilaksanakan pada tahun lepas. Pada dasarnya saya dapat sokongan daripada Kerajaan Negeri untuk menganjurkan *King of The Mountain* yang mana er… berbasikal daripada bawah sampai ke satu tempat yang ketinggiannya 1,200 meter di

atas paras laut, dan baru ini kita menganjurkan er… berkayak, menghilir Sungai Aur daripada Kampung Aur sehingga ke Kampung Gajah.

Jadi itu melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Saya mencadangkan supaya aktiviti ini dapat diambil sebagai er… dimasukkan dalam *calendar of event* sama ada di bawah Kementerian Belia dan Sukan ataupun Kementerian Pelancongan kerana minat untuk menyertai itu sangat baik. Jadi secara tidak langsung kita boleh menarik minat er… pencinta *mountain bike*, pencinta *kayaking* untuk datang ke er… kawasan saya dan sedikit sebanyak limpahannya kepada masyarakat di kawasan saya.

Jadi Dato Sri Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja ucapan saya untuk petang ini dan saya ucapkan terima kasih. Saya mohon menyokong. [Ahli Dewan Menepuk Meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Ibam. Sila Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan terima kasih, Dato Sri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017. Bajet Negeri yang bertemakan “Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang… Yang Ada, Tanpa mengambil… Tanpa Mengabaikan Kepentingan Dan Kebajikan Rakyat”.

Ini merupakan satu tema yang baik… makna kita Kerajaan Negeri, bajet yang dibentangkan oleh Menteri Besar merupakan satu bajet yang berjiwa rakyat, prihatin dan kita anggap… kita dalam peribahasa kata, maknanya ukur baju badan sendiri, bukan besar pasak dari tiang.

Jadi ini merupakan… dan kalau ikut bajet pun, kita tahun ini dengan anggaran pendapatan hasil lebih kurang RM700… RM700.64 juta, dan perbelanjaan sebanyak RM700.04 juta, maknanya kita ada lebihan RM0.6 juta… makna surplus, dan kita harap dapat dipertahankan sehingga akhir tahun… merupakan satu bajet yang baik, walau… walaupun kita tidak banyak beza dengan tahun… tahun yang lepas, tapi kita mampu melaksanakan banyak program.

Dalam pembentangan juga, Yang Berhormat Menteri Besar menyatakan, kita tidak ada projek baru tapi akan menyambung terus projek-projek yang sedia ada, iaitu mana atas berhemahnya kita tak berani nak berjanji… Kerajaan Negeri Pahang tak berani berjanji tapi projek yang sedia ada akan tetap berjalan seperti biasa.

Saya juga mengambil kesempatan di sini Dato’ Sri Yang di-Pertua, mengambil kesempatan… menyarankan agar GLC kerajaan seperti badanan… Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Perbadanan Se…Setiausaha Kerajaan (PSK), Yayasan Pahang, ASPA terus dipertahankan dan kita pastikan insya-Allah kemudian… mengikut dalam Ucapan Bajet, ada sumbangan besar kepada Kerajaan Negeri dan kita terus menyumbang sama ada langsung, tak langsung dan kita nampak sekarang ini… kami nampak dua agensi yang terbaiklah antaranya Yayasan Pahang dan juga ASPA. Yayasan Pahang ini, kami terima kasih banyak, semua rakyat tak dipilih bulu, dapat semua bantuan, untuk belajar.

Ini Yayasan Pahang, dan kita… dari dulu saya cakap, Yayasan Pahang merupakan contoh terbaik bagi rakyat Pahang, dan kita juga… Maahad kita… *top* dalam Malaysia mengalahkan… mengalahkan yang ada di Batang Kali… di… berada di Kuala Kubu. Maknanya kejayaan yang luar biasa. Dulu Imtiaz kata bagus tapi kita Pahang lagi baik. Ini satu pencapaian yang baik yang hendaklah diteruskan.

Manakala ASPA, ASPA ini sebenarnya kalau ikut kita... Asal Amanah Saham itu masa kita berebut nak melabur, ketika semua orang buka Amanah Saham belaka, semua... kita buka Amanah Saham… kita, semua negeri buat. Semuanya berduyun belaka, tapi alhamdullilah Pahang bernasib baik. Atas kepimpinan ASPA yang baik, kepimpinan Menteri Besar, dia buka ladang, dia tak… tak tanam kayu hutan, dia tanam getah… tanam apa? Tanam balak… tukar tanam getah, tukar tanam kelapa sawit. Hasilnya sekarang kita lihat ASPA mampu bersaing dan mampu menyumbang kepada pihak Kerajaan Negeri.

Ini juga satu ucapan syabas daripada saya selaku rakyat Pahang. Makna pentadbiran nampak di mana sakit, ubatnya begini. Makna dengan mela… menanam getah, menanam sawit tadi, maknanya kerajaan mampu mempertahankan nilai saham tadi yang jatuh tapi kita terus *sustain.*

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mohon izin mencelah. Kalau saya dapatlah semua Ahli-ahli Undangan Negeri sebagaimana Ahli Semantan ini… aman selamat negeri. Dia memahami… memang untuk membayar gaji Sekolah-Sekolah Menengah Ugama ini pun… ASPA menyumbang banyak. Saya terlupa *exact fiqure* tapi insya-Allah nanti saya akan er… bentangkan masa jawapan nanti, dan masa jawapan, jangan lari pula… kalau dapat penuh macam inilah dewan.

Kita akan berusaha berbagai-bagai dan saya berharap Ahli Parti Amanah… Amanah ke? Parti Amanah dari… Semantan akan terus bertanding dan terus menang pun tak apalah insya-Allah. Untuk jadi terus Ahli Dewan, untuk sokong kita dan mungkin boleh masuk sebelah sini untuk jadi Exco Ugama, insya-Allah. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato Sri … Dato' Sri Menteri Besar. Jadi saya bercakap Yayasan Pahang ini bukan apa, Yayasan Pahang ini… kami… saya dulu Pengerusi Sekolah Menengah Agama Khairiah. Macam mana juga Padang Tengku kami tahu, banyak mana Yayasan… Yayasan Pahang ini dan juga ASPA ini menanggung guru-guru sekolah agama ini untuk memastikan sekolah agama ni *sustain*. Kalau tak ada ASPA, berguru tak ada. Jadi itu sebabnya saya sentiasa berterima kasih kerana saya menghadapi benda ini, Realitinya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang berhormat, sikit, sepatutnya saya tak mencelah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tapi saya… saya suka Ahli dari Semantan. Bila saya dengar dia bercakap tu, saya terus masuk. Makna kalau saya mencelah ni, jangan anggap sebagai satu gangguan. Saya juga akan laporkan dalam ucapan menggulung nanti tapi tak boleh

detail. Semua Agensi-agensi Kerajaan ini… PSK, Yayasan, PKNP, PKPP… ini, Ahli daripada Beserah ya, tolong. Saya peminat juga dengan saudara. Lepas itu LKPP Cooperation… jumpa di luar nanti saya boleh beritahu. Di dewan saya tak boleh sebut… kalau saya sebut nanti orang tahu, dia akan desak balik ha… bayar RM3.11 billion ni.

Kalau duit banyak sangat agensi-agensi ha…bayar. [Batuk] Walaupun kat Kewangan Negeri, punca hasilnya tidak banyak… tetapi perbelanjaan untuk kerja-kerja kebajikan, pendidikan tadi, jangan risau. Itu sebab tema kita "Berbelanja Mengikut Kemampuan Tanpa Kita Mengabaikan Kebajikan-kebajikan Rakyat". Memang kita ada benda itu. Kalau Ahli-Ahli daripada barisan pembangkang pun, ada kes-kes ha… budak tak boleh pergi sekolah sebab tak ada duit, rumah terbakar, *deal direct with the* MB.

Hantar surat… MB akan luluskan. Walaupun daripada kawasan pembangkang, insya-Allah… bagi tahu. Ahli Exco tak bolehlah. Saya pun tak bolehlah nak buat pengumuman terbuka nak mengalahkan… kalau saya buat pengumuman pun, bukan keluar pengumuman ini, kalau pengumuman MB ajak orang keluar… ajak keluar, bukan ajak bertumbuk, mungkin ajak minum kopi ha… [ketawa] ajak minum teh, ya tak? Hah tu, dia keluar… tapi kalau cerita-cerita ini, dia tak keluar. Ada *problem* beritahu, ada duit… kita ada duit, banyak… banyak. Saya nak beritahu… LA tadi… itu apa ni, SS tadi… banyak, *we have a lot of money… for welfare purposes, we have no* (tak jelas) *changing out of any amount*… keluar berapa banyak je… Ahli daripada Tahan gelak beria, balik kang faham-fahamlah kita. Jadi [ketawa] saya nak mengatakan jangan risau… kalau ada *problem,* beritahu kita bantu. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya sebenarnya dari ucapan teks yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Menteri, saya dah membayangkan sebab saya dah *quote* sini, GLC ni perlu dipertahankan. Saya tahu… makna ada benda yang tak boleh diterangkan, ada yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Yang…Yang Dato' Sri Yang di-Pertua… Yang di-Pertua,

Seterusnya masalah perumahan. Saya nak beri kredit, *target* Kerajaan Negeri nak buat 15,000 unit rumah dalam Pilihanraya, sudah. Tapi dia buat… bukan sekali ganda, lebih, hampir 40,000… 38,000 lebih kurang rumah dia buat, makna satu pencapaian yang baik. Masalah sekarang ni bukan soal rumah, nak pinjam duit, susah. Nak mendapatkan pinjaman, itu masalah sekarang ni. Rumah ada, nak pinjam tak… kerana yang nak pinjam tak mampu pinjam, oleh kerana bank tak boleh bagi, dan semalam telah dinyatakan, makna ada perundingan dengan pihak tertentu dengan pihak atas mungkin untuk mengu… mengubah cara, dan inilah kita harapkan agar pihak kerajaan mampu memberi kelonggaran agar rumah-rumah ini dapat didiami oleh mereka dengan selamat, insya-Allah.

Yang seterusnya, saya nak sebut juga pasal hutang ni. Hutang Kerajaan Negeri RM3.1 bilion dengan Kerajaan Pusat. Bapak kita kata dek… saya pandangan… beri pandangan saya, makna hutang ni hutanglah, tapi kita ada caranya, makna kita kena fikirkan cara lain, bukan ambil duit GLC… bayar. Kita guna tulah, makna tanah tadi…

yang apa… tanah hujan tadi, kita nilai berapa sepatutnya Kerajaan Pusat kena bayar sewa kita, kerana kita selamat ke orang lain, berapa tu boleh tolak.

Yang kedua, sepatutnya berlaku contohnya, macam banjir, macam SUKMA, macam apa ni… Rumah Awam Kos Rendah yang dah terbengkalai lama yang tak… tak mendatangkan *income*. Ini semua sahaja dah berapa juta. Boleh diselamatkan, contohnya, Rumah Awam Kos Rendah RM342.92 juta, hutang SUKMA sama dengan banjir ni empat ratus jadi RM1 bilion dah. Jadi makna sekurang-kurangnya kita boleh mengurangkan beban hutang itu. Dia sebenarnya…. masalahnya… sekarang ni orang nampak hutang tu besar, kita tak pandai memerintah. Ini persepsi. Jadi kalau kita boleh kurangkan itu, kita punya imej naik. Jadi apa cara sekalipun Kerajaan Negeri kena fikirkan ini. Makna kalau boleh… pakatlah masa Najib Perdana Menteri ni, besok orang lain… payah kita.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita pun ada ikhtiar untuk kontra sebagainya tapi ini mengingatkan kerajaan dan kita akan ambil seriuslah perkara ini, tapi kalau *just to be fair to everybody*lah… apa lah nak kira sangat, ya tak? SUKMA pun kita bayar. Banjir… banjir kita bayar, kita hapus je lah. Satu masa yang lalu, saya lupa dah dua tahun, tiga tahun yang lalu, kita telah bincang, saya, Pegawai Kewangan, Dato' Sri Setiausaha Kerajaan kita pergi berjumpa dengan… ialah masa itu Timbalan Perdana Menteri. Bekas Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk melupuskan lebih kurang 40%, 40% tu hutang, masa tu taklah RM3.1, ni melarat dah melarat.

Jadi saya ingat kita ambil seriuslah yang Ahli dari Parti Amanah tadi, ini bukan… kalau kita ambil terus nanti jadi macam Menteri Besar ni bodoh, lepas tu Ahli dari Semantan tu cerdik betul pulak nampaknya, yang ni kita kurang sedap ni. Tapi makna nak katakan kita *follow up* lah itu, ingatan kita. Ingatan kepada kita, kita pernah buat begitu. Kalau ada caranya, maknanya dia *value* hutan kita, tadahan air kita, kemudian boleh kontra dengan… cadangan yang baik. Bila nak pindah ke sebelah sini? [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Menteri Besar dan Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya terus kepada perkara berikutnya masalah pengurusan hasil. Hasil bumi ni, hasil balak dan sebagainya ni. Pengurusan balak dan perlombongan ini… kita kena pertahankan, makna hasil kita sekarang ni dalam… dalam… memang hasil hutan yang banyak. Tapi kita kena fikirkan maknanya kalau boleh, maknanya banyak orang pertikaikan, letak tender terbuka dan sebagainya. Cubalah kita *upgrade* daripada… yang terbaik, fikirkan satu cara. Maknanya dia nampak lebih… memang bukan menafikan ketidaktelusan… tapi orang… macam cerita di luar macam-macam. Dia melihat dari sudut lain, kita maksud lain, jadi kalau boleh maknanya… amalkan tender terbuka tu supaya biar orang tengok, maknanya pasal apa perbandingan berlaku.

Sekarang ni ada negeri yang di perintah oleh pembangkang, ada juga negeri yang di perintah oleh kerajaan yang di pimpin oleh pembangkang, ada pihak negeri yang di perintah oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi perbandingan berlaku, rakyat melihat. Inilah juga kita kena permainkan supaya kita nampak, jangan orang menuduh kita sebab kita ada… ada kaedah lain. Tak sama mentadbir negeri Pahang dengan

mentadbir negeri Kelantan ataupun Penang ataupun Selangor… berbeza. Ini kerana apa pun boleh… kalau boleh, maknanya cubalah… maknanya macam balak ke, lombong ke, kalau ada tender terbuka tu lebih baik. Dia bukan menda, masalahnya pendapatan… kadang-kadang keluar pasir, contohnya Kerajaan Negeri keluar bagi… Kerajaan bagi pasir, jalan rosak tu lebih teruk pada yang kita dapat. Tak berbaloi. Ha… ini juga kita kena fikir.

Saya ingat itu yang berkait dengan Kerajaan Negeri, saya nak pergi kepada masalah kawasan. Yang pertamanya, saya harap jalan ladang ni. Saya walaupun itu di luar kawasan saya tapi saya terlibat sama dalam kawasan itu, makna jalan ladang dari Kampung Ceruih dalam Mukim Bera. Kita nak keluar ke Selendang ataupun keluar ke Guai. Dulu zaman LKWJ dulu… ada jalan daripada Tanjung Batu boleh keluar ke… apa ni Paya? Keluar ke apa ni… Maran? Luit, apa? Kampung Maran? Bukan Luit, apa ni… [Bacaan dalam Bahasa Arab], minta tolong…

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Kening Yang Berhormat. Kening.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Bukan Kening… apa ni Maran… Maran. Lubuk Paku.

YB. DATO' NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Lubuk Paku.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Ha… daripada Tanjung Batu ke Lubuk Paku. Itu dalam gazet nak buat dah tu… masa LKWJ. Bila dia tutup, tutup sekali pelan tu. Saya harap diangkat semula dengan menggunakan peruntukan ECER tadi kalau boleh, supaya jalan itu dibina supaya persisiran sungai ni ada kampung tradisional dan ia boleh menjadi…menjadi satu tarikan orang. Sungai Pahang ni indah sebenarnya. Kalau… orang Chenor suka, kalau ada jalan, semua sekali ikut semua, di tepi jalan tu, di tepi sungai tu, ada jalan memanjang sampai ke Lubuk Paku. Ini perlu di… apa… disegerakan.

Masalah jalan Ceruih tadi ni. Di sini banyak ladang-ladang sawit orang-orang kampung, buatlah luas-luas tanam. Tapi nak keluar hasil kena lalu tanah LKPP, sekarang yang di bawah Tengku Mahkota, bawah Pemangku Raja jaga. Jadi lalu tanah tu ada pagar, susah kadang-kadang nak buka. Jadi kita… walaupun dia benar. tapi kita perlukan bukan jalan yang bertar, *standard* jalan ladang pun tak apa lah. Kena perbaiki dan saya difahamkan Pejabat Daerah Bera telah dimaklumkan oleh peserta-peserta di sana untuk menguruskan, dan saya harap dapat sokongan Kerajaan Negeri untuk mempastikan jalan ladang untuk bawa hasil keluar dapat dilaksanakan insya-Allah.

Dan juga… saya juga nak… pasal jalan ni, jambatan kedua Temerloh tu, seberang Temerloh tu, untuk membolehkan buat *double lane,* jalan supaya daripada Maran ke… daripada Kampung Awah ke… ada dua… jalan dua lorong. Tak sibuk. Jambatan satu ni… kalau hari Jumaat masalahnya, *jammed*. Dia kalau boleh, menyegerakan ni… jambatan di sana buat, jambatan di apa… Songsang tu didahulukan. Sepatut di Temerloh lebih ramai lagi penggunanya. Jadi saya kira itu juga satu keperluan. Saya ringkas-ringkas je ni, orang lain boleh bercakap pulak. Jadi kena bagi perhatian agar

dapat dibina jambatan kedua untuk membolehkan jalan dua hala daripada Maran ke Temerloh, insya-Allah.

Seterusnya, masalah Maahad Tahfiz ni. Saya nak… di Pahang ni banyak pusat pengajian yang dibuat oleh swasta. Banyak mana yang telah diberi les… dan yang ada kebenaran daripada Kerajaan Negeri? Masalah sekarang apabila berlaku kebakaran, kita tengok sekarang di Pahang. Alhamdulillah syukur belum berlaku kebakaran, kita doa jauh selisih malaikat 44 jangan berlaku di Pahang. Bila berlaku kebakaran macam-macam cerita keluar.

Kita harap Kerajaan Negeri ambil perhatian dan supaya semua sekolah-sekolah ni di… dikenalpasti dan dipastikan keselamatan supaya jangan berlaku macam yang telah berlaku di negeri lain, dan saya harap Kerajaan Negeri Pahang insya-Allah peka dalam perkara ini, dan saya cuma memaklumkan saya ingat mungkin tindakan telah dibuat. Apakah SOP yang patut ada pada sebuah sekolah yang nak dibina untuk memberi keselamatan, jaminan kepada anak cucu kita yang belajar ni dapat selesa, dan berdaftar, tak penting juga. Kena daftar dengan Kerajaan Negeri jangan buat cara tak berdaftar.

Yang seterusnya masalah bencana alam. Bencana alam ni bukan kehendak kita. Semua bencana ini berlaku oleh kerana tangan, sebab tangan-tangan manusia. Allah jadikan dengan sebab manusia. Manusia buat, Allah bagi. Jadi dan yang ralit berlakunya kawasan kita di Temerloh memang selalu. Mesti berlaku banjir. Tapi banjir zaman sekarang berbeza dengan banjir zaman dulu. Zaman dulu banjir sungai, kampung, sekarang dalam bandar, dalam taman… banjir. Ini bukan kerana sungai, kerana perparitan, sistem saliran longkang-longkang yang dibuat itu, zaman dulu tu, masih tak… tak… tak apa? Tak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Taman baru naik, dia akan merosakkan. Ini yang berlaku, banyak kes. Kita maknanya, longkang yang menanti tidak cukup besar, maka air ni tak boleh keluar, berlakulah kepungan menyebabkan taman-taman itu banjir. Dan ini juga kena fikir, kita pun tak fikir benda ni sebenarnya. Tak terfikir. Kita fikir dulu, tepi sungailah. Tetapi sekarang ni, di taman. Sejak mutakhir ini… berlaku di taman-taman dan semua negara begitu berlaku sekarang ni. Baik tempat yang tak terfikir banjir, banjir. Mengapa Allah jadikan itu? Soal, itu… itu kerja Allah.

Tapi yang penting kita sebagai manusia, sebagai perancang kena fikir apakah langkah-langkah yang kita perlu buat untuk mempastikan kejadian banjir kilat ini tidak boleh… boleh diatasi dengan baik, sekurang-kurangnya, tak… taklah tinggi sangat. Kadang-kadang sampai luar biasa lah. Saya ingat itulah yang dapat saya sampaikan. Saya lagi sekali mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bekerjasama dan saya sebenarnya dah dua penggal menjadi Wakil Rakyat ni. Pembangkang ni, dua penggal ni, kira saya di bawah lagi kepada kekanda Leong lah. Saya… maknanya baru… baru dua penggal. Dia lagi banyak. Tetapi saya dah merasai, umur pun… dah berumur pun dah penat. Insya-Allah, mungkin ini kali terakhir saya di Dewan ini. Mungkin saya ke Parlimen mana tahu kan. Jadi… jadi Ahli Parlimen pulak. Tapi tidak, ini bergurau je. [Ahli Dewan ketawa dan mengetuk meja].

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, Semantan dia penat menjadi pembangkang ke… penat Wakil Rakyat?

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

[Ketawa] Sebenarnya badan tak berapa sihat dah ni. [ketawa] Tapi tak apalah, itu nombor dua borak-borak tapi saya terima kasih kepada apa, kepada Dato' Sri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bercakap dan saya dengan ini bersyukur ya, kerana dapat bercakap pada pagi ini, meluahkan sedikit perasaan hati saya, dalam Kerajaan Negeri terus berjuang bersama-sama memastikan rakyat terbela. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Semantan. Menepati masa 20 minit. Seterusnya.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Tahan.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

[Ayat Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, er… di kesempatan ini untuk saya… turut sama membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang bagi tahun 2018.

Sepertimana er… yang telah dikatakan oleh… disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, bajet ini disediakan mengikut er… kemampuan kewangan yang ada tanpa kita mengabaikan kepentingan dan kebajikan rakyat. Dalam apa keadaan sekali pun, saya percaya apa juga bentuk bajet adalah satu kertas yang dibentangkan menunjukkan angka, yang mana bakal kita guna pakai sama ada ianya *deficit* ataupun *surplus,* tapi selalunya ia adalah petunjuk kepada perancangan kita untuk kita er… membelanjakan sejumlah wang yang ada dan berkemampuan untuk kita laksanakan.

Sepanjang saya menjadi Ahli Dewan, saya melihat bahawa pihak Kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja mengamalkan membentangkan bajet yang *surplus,* tidak berani, tidak mahu mengambil risiko ataupun mendepani bajet *deficit* kerana ia menjadi igauan ataupun ketakutan pihak pembangkang. Di negeri-negeri yang banyak di negeri maju, selalunya mengamalkan bajet *deficit*, untuk mereka berani melaburkan wang bagi membolehkan wang itu dibelanjakan dan ianya menjana pendapatan kepada rakyat.

Hari ini er… dari segi jumlah yang dibentangkan hanya lebih kurang RM700 juta dan ianya menggambarkan satu bajet yang sederhana dan perlu dipertingkatkan. Saya masih ingat lagi, setiap kali Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja membentang bajet, beliau selalu menekankan, mencari er… hasil baru sebelum-sebelum ini, untuk kita er… jadikan sebagai tambahan hasil kepada kerajaan.

Yang pertama Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan kedudukan, bagaimana kita ingin menambah hasil kerajaan, iaitu dengan sepertimana disuarakan oleh Semantan tadi, er… mewujudkan apa ni, tanah hutan ataupun hutan simpan yang tidak diguna pakai sebagai kawasan tadahan air ataupun punca

perlindungan air untuk sebahagian daripada semenanjung negeri, semenanjung Malaysia ini. Keluasan tanah yang dijadikan… diwartakan sebagai tadahan air, saya sempat juga mencari maklumat er… sebelum ini hanya 138,000 hektar pada tahun 1982, telah ditingkatkan 4 kali ganda keluasannya oleh kerajaan pada tahun 2007, dengan mewartakan hampir 534,000 hektar sebagai kawasan tadahan air dan RAMSA dengan keluasan 44,000 kaki persegi, er… kilometer persegi.

Jadi, 4 negeri ini bergantung kepada punca tadahan air negeri Pahang. Iaitu, Selangor, Perak, Terengganu dan Kelantan. Sebahagian daripada Negeri Sembilan dan juga Melaka. Maka kita adalah menjadi negeri yang er… mempertahankan hutan er… hijau ini dan menjadi punca air kepada semua negeri, tetapi kita tidak me… mendapatkan perolehan daripada hasil simpanan er… ataupun *catchment area* itu. Hasil itu dibahagikan di… melalui tadahan kita, tetapi hasilnya dikutip oleh negeri-negeri tersebut.

Dalam semangat persekutuan, ataupun tanggungjawab Kerajaan Persekutuan itu, sepatutnya kita menjadi negeri yang menyimpan, menjadi negeri yang memodalkan, maka kita ada keuntungan yang dikongsi oleh er… mereka. Saya melihat dalam satu *magazine* tadi, saya baca sepintas lalu, mereka mewujudkan bank hijau, dengan izin Yang di-Pertua, yang membolehkan kita menyimpan kredit. Kredit itu ialah yang meliputi lingkungan er… tadahan air itu, dan membolehkan kita juga mengutip jumlah air yang telah diproses dan dirawat untuk dibekalkan kepada pengguna. Sebagai contoh, semua er… pusat-pusat, loji-loji rawatan air, yang menggunakan *catchment* negeri Pahang, sepatutnya dikenakan caj 1 atau 2% daripada nilai air tersebut, bagi membolehkan kita mendapat er… kos atau *rebate* daripada hasil simpanan yang kita telah lakukan kepada *water catchment area* itu.

Kita juga boleh er… menjadikan ianya sebagai modal kepada harta milik kepunyaan kita dan *water catchment area* itu boleh diberikan hak milik, dengan izin, mendapatkan *title* kepada pemilik sebuah Perbadanan er… Syarikat Tanah Hijau, boleh ditubuhkan dan syarikat itu mempunyai geran ataupun dengan izin suratan hak milik dan boleh mencagarkan, mewujudkan, melahirkan, menzahirkan kupon-kupon ataupun wang tabung amanah yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan atau dibeli oleh mana-mana pihak yang berurusan dalam industri karbon, dalam negara kita mengikut *Kyoto Protocol* yang telah diputuskan. Terutama sekali kepada pihak-pihak syarikat pengeluar petroleum, Petronas dan sebagainya.

Mereka boleh membiayai hasil ini kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri boleh menyerahkan hasil tanah *catchment area* itu kepada mereka sebagai kawasan perlindungan hijau yang menjadi milik mereka. Salah satu cara untuk kita mendapatkan hasil. Selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan bahawa langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh Kerajaan Negeri ialah dengan menyediakan tabung er… apa ni… pembangunan ataupun tabung mineral hasil er… galian yang sepatutnya disatukan dan dikumpulkan, dijadikan bon ataupun kupon yang dicagarkan untuk boleh kita mengaplikasikan nilai harta semasa menjadikan nilai harta tersebut berpuluh kali ganda daripada nilai pengeluaran.

Bermaksud… kita memberi anggaran bahawa kita mempunyai stok nilai emas yang banyak di negeri Pahang ini dengan menyediakan satu er… penilaian yang dibuat oleh sebuah syarikat konsultan ataupun jururunding yang diiktiraf. Maka kita menyimpan stok nilai emas tersebut dan dijadikan cagaran kepada kita, dengan nilai yang lebih tinggi daripada pengeluaran sebenar.

Pihak Kerajaan boleh menubuhkan syarikat yang diperbadankan, menilaikan harta tersebut dengan nilai yang lebih besar untuk dijadikan modal bagi mencagarkan harta emas, galian, timah, perak dan sebagainya sebagai modal… menjadikan kita sebuah negeri yang mempunyai aset terkumpul yang paling banyak dalam bidang galian. Sebagai contoh, penubuhan PSK telah banyak menyimpan tanah-tanah yang boleh dimajukan, yang mana telah mendatangkan hasil kepada pihak kerajaan dan juga mengurangkan pencerobohan secara haram.

Kalau kita mengumpul harta nilaian galian mineral itu, ianya dapat dijadikan sebagai sebuah bank yang mempunyai aset yang begitu besar dan boleh dijadikan modal kepada pembangunan negeri dan pengurusan Kerajaan Negeri setiap tahun. Itu secara kasar dan sekiranya pihak kerajaan negeri berhasrat atau bercadang untuk menubuhkannya dan boleh diperhalusi lagi… kerana banyak negara-negara maju, negara-negara yang kaya, mereka banyak menyimpan er… skrip ataupun bon-bon er… mineral ini dalam bentuk aset kepada syarikat yang dimiliki oleh kerajaan sepertimana ditubuhkan oleh Menteri Kewangan diperbadankan. Begitu juga Kerajaan Negeri boleh menubuh Syarikat Perlombongan diperbadankan sama ada di bawah Kerajaan Menteri… Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun Setiausaha Kerajaan.

Itu salah satu cabang daripada kaedah bagaimana untuk kita mendapatkan hasil. Yang ketig… yang ketiga, berhubung dengan *reserve* air di negeri Pahang. Kita telah pun ada mempunyai syarikat ataupun jabatan kawalan air tetapi kita tidak tahu jumlah air yang kita punyai, *reserve* ataupun stok air yang kita punyai dan tidak pernah kita buat penilaian, ianya boleh dijadikan *capital layout* ataupun sebagai dana modal pertama kepada syarikat tersebut dan boleh mendatangkan dana modal yang sangat besar yang boleh menjadikan ianya modal syarikat dan dijadikan sebahagian daripada pemilikan kerajaan.

Perkara yang keempat, berhubung dengan mineral bauksit ataupun ialah mineral bauksit. Bauksit ini yang telah di er… berhentikan oleh Kerajaan Pusat di bawah meritot… moratorium dan telah tidak dibenarkan untuk dieksport er… ke luar negara. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri mengemukakan kertas ataupun permohonan supaya pihak Kerajaan Pusat membuka moratorium itu berasaskan kepada pengeskportan berjadual.

Maknanya, Kerajaan Negeri diminta mengawal eksport satu bulan hanya tidak lebih daripada 500,000 metrik tan, contoh dan Kerajaan Negeri tidak boleh mengeksport lebih daripada itu. AP yang dikeluarkan untuk eksport itu dikeluarkan mengikut jumlah satu kadar yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri, 500,000 metrik tan sebulan atau pun 300,000 metrik tan sebulan… kerana dengan adanya kawalan seperti itu, maka tidak ada pihak yang boleh mengeksport lebih daripada satu jumlah yang telah ditetapkan.

Dahulunya kita tidak pernah mengawal jumlah eksport er… mineral bauksit ini dengan izin, kita membu… memberikan ke… er… apa ni… melepaskan eksport mineral kita secara terbuka. Kita tidak mengawal. Maknanya kuantiti yang dieksport itu mestilah er… kuantiti yang… jumlah yang melepasi satu tahap gred yang boleh mendatangkan pulangan yang lebih tinggi melalui royalti tersebut. Kalau kita eksport yang kelas pertama, royaltinya kita boleh caj *double,* 20%*...* 20% dengan izin, ataupun 25% kerana bila kita mengeksport kesemuanya secara terbuka, jadi kita hanya mengeksport jumlah yang besar tetapi kualiti yang rendah.

Sebab itu, Kerajaan Pusat atau mana-mana kerajaan di dunia ini, mereka mengawal pengeksportan mineral secara *raw*. Kebanyakan mereka mengizinkan eksport barang separuh siap. Maknanya *semi good, finished product* ataupun *high quality product* yang mana kerajaan boleh mengenakan cukai yang tinggi daripada eksport *raw* yang nilainya rendah, tidak dapat dikutip cukai yang tinggi.

Saya yakin dan percaya kalau Kerajaan Negeri boleh mencadangkan kepada Kerajaan Pusat bahawa satu limit, satu er… jumlah yang sesuai yang boleh dieksport, maka akan berlaku kawalan kepada pihak pelombong kerana kalau dia kerja pun, gali beribu-ribu tan pun, dia tak boleh eksport. Jadi, tak ada makna dia nak gali. Lebih baik dia tak payah gali. Maka pencemaran dapat diatasi, kerja-kerja perlombongan boleh dikawal… kerana mereka tahu jumlah sebenar yang boleh dieksport dan gred sebenar yang boleh dieksport juga kita kawal, dan ini menjadikan industri ini sebenarnya menjadi nadi dan menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat secara bijaksana. Rakyat tidak akan hilang pekerjaan, kerajaan tidak akan hilang kutipan cukai dan kebersihan ataupun perlombongan itu sendiri dapat dipantau dengan baik, kerana jumlah eksport itu telah pun kita tentukan berapa kadar sebenar yang boleh kita eskport.

Perkara yang… yang kelima berhubung dengan… saya menjurus kepada er… kaedah bagaimana tambahan er… pendapatan itu boleh dibuat. Bekas-bekas tapak lombong yang telah diteroka yang sudah tidak ada er… mineral, yang sudah tidak boleh mendatangkan hasil ini, perlu dibuat satu tawaran kepada mana-mana pihak yang mampu, untuk memulihkan semula dan membangunkan projek-projek baru di kawasan bekas tapak lombong itu, kerana ada… ada… ada sesetengah tempat, sesuai ditanam dan dimajukan dengan pelbagai jenis tanaman yang sesuai, yang mendatangkan hasil dan boleh digunapakai. Sebahagiannya mendatangkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan masyarakat setempat.

Tuan di-Pertua, begitu juga dengan masalah Kerajaan Tempatan. Tadi saya dah sebut tentang bagaimana kita menjana hasil dan kini kita kena membelanjakan hasil. Kadang-kadang, peranan sebuah Kerajaan Tempatan itu ialah membangunkan satu daerah, satu kawasan yang selesa untuk rakyat atau penduduk, dan juga pengguna. Tetapi ada juga kelemahan-kelemahan tertentu yang mana sebahagiannya dibangunkan mengikut selera Kerajaan Tempatan itu, dan tidak mengikut kehendak ataupun keper… keperluan setempat. Kadang-kadang ia bercanggahan dengan keperluan rakyat dan menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat kerana apa yang mereka kehendaki… wang yang dikutip daripada cukai tidak dilaksanakan dan laksanakan benda… projek-projek yang tidak menepati kehendak masyarakat setempat.

Akhirnya ia menjadi gajah putih dan apabila wang telah dibelanjakan kerajaan tempatan ini, maka mereka akan kehabisan dana dan mulalah akan wujud berbagai masalah sehinggakan, ada projek yang kita cari bajet… dapat bajet diserahkan kepada ker… Kerajaan Tempatan, perlaksanaannya tidak boleh dilaksanakan kerana wang tersebut telah digunakan untuk melakukan er… projek-projek lain. Ini menjadi masalah kepada kita apabila kita berdepan dengan er… rakyat…

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mohon laluan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Sila.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tertarik dengan ucapan YB. Tahan tadi, yang mengatakan ada peruntukan yang telah diluluskan, dicari oleh YB. tempatan tapi pelaksanaannya jadi lain. Ataupun ada projek yang telah dibuat tetapi menjadi gajah putih. Jadi saya ingin tahu lebih lanjut lagi dimanakah ianya berlaku?

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Secara spesifiknya, saya ingin menyatakan bahawa ianya telah berlaku di Majlis Daerah Jerantut dan er… saya telah pun membantu menyelesaikan masalah, maka saya ingin er… pihak kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa yang perlu menapis dan meneliti setiap kali pelaksanaan projek itu, apatah lagi ketika ketiadaan er… Yang di-Pertua Dewan er… ataupun Yang di-Pertua Majlis Daerah itu, kekosongan berlaku, pihak manakah yang bertanggungjawab dan ini akan memberi kesan buruk kepada kehadiran Yang di-Pertua selepas itu. Pada ketika kosong… YDP tak ada, adalah pihak tertentu yang menjalankan pelbagai… ialah dia bila… dari segi pepatahnya bila helang tak de, belalang pun jadi helang.

Jadi ini akan menimbulkan kesan yang buruk kepada reputasi er… Majlis Daerah itu. Maka kita… pada saya, satu jawatankuasa perlu diwujudkan, menilai sesuatu pelaksanaan projek itu dari segi keperluannya. Apakah ianya perlu atau tidak perlu? Kalau kita kata perlu, maka ianya perlu dibawa kepada satu jawatankuasa untuk ditapis kerana ia mengelak kepada pembaziran. Kadang-kadang pada mata kita ianya keperluan…

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan daripada YB. Tahan tadi boleh kita pertimbangkan, tetapi buat… buat pada masa sekarang kita dah ada Ahli Majlis. Ahli Majlis Daerah Jerantut, Ahli Majlis Perbandaran Temerloh *sorry*… contohnya. Di mana di dalam Ahli Majlis tersebut kita ada wakil-wakil kita, yang boleh menyuarakan pandangan kita. Jadi kalau sekiranya berlaku sepertimana yang dinyatakan oleh YB. Tahan tadi, perkara ini boleh dibawa dalam mesyuarat penuh majlis. Jadi bagi saya tidak perlu lagilah satu jawatankuasa ditubuhkan sebab Ahli Majlis pun sudah memadai.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Ya. Saya daripada tahun 90 berapa… saya lupa dah, sampailah tahun 2008, saya menjadi Ahli Majlis. Kadang-kadang saya sebagai Ahli Majlis sendiri pun tidak tahu projek itu tiba-tiba ditender dan tiba-tiba dilaksanakan… kerana bila Ahli Majlis yang tidak duduk dalam Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Tender, kita tidak tahu. Bila *table* pun, *table* waktu dah siap. Dari segi keperluannya, sebab dia ada nilai, ada projek yang RM20,000 ke bawah, RM30,000 ke bawah, macam itulah lebih kurang. Tetapi pada saya, satu jawatankuasa perlu dibuat er… untuk menilai apa jua cadangan setiap Majlis Perbandaran yang berada di daerah itu. Sekurang-kurangnya

ia tidak timbul masalah pada masa hadapan. Ini cadangan saya, kerana kita tidak mahu mendedahkan perkara ini secara terbuka, ia juga boleh menyebabkan ada individu tertentu esok diambil tindakan tatatertib dan sebagainya sehinggalah kepada tindakan pemecatan, pembuangan dan penyalahgunaan kuasa… lagi berat, ya.

Kalau kita bertindak seperti itu. Saya pernah merujuk kepada Ketua Setiausaha Negara, saya tanya dia apakah kesannya kalau buat begitu? Buang kerja… ha... buang kerja… tapi kita tak nak menjadi benda itu berpanjangan, maka kita cadangkan pada ketika kita nak memilih Ahli Majlis, mungkin kita bagi tempoh 5 bulan, tiada Ahli Majlis… 5 bulan, tiada YDP. Pada ketika itu, kena ada satu… maknanya orang panggil *preventive action* ataupun satu langkah berhati-hati berjaga ha… itu sebab kita ini manusia, kita bukan robot. Bila kita memandang angka itu mungkin kita akan terkeliru dan kadang-kadang kita cuba memecah-mecah ataupun menjadikan projek itu banyak. Niat kita untuk mewujudkan peluang pekerjaan, peluang perniagaan kepada kawan-kawan ataupun kontraktor yang lain tapi ada pandangan yang lebih er… serong dan akan menjadikan ianya masalah pada masa hadapan.

Saya minta Yang Berhormat Wakil Kerajaan buat kajian secara mendalam perkara ini, dan penelitian khusus kerana saya bangkitkan di sini bukan saya berniat untuk menghentam atau… itu saya nak memperbaiki kelemahan sistem kita itu tadi, supaya satu kajian dibuat, penelitian dibuat maknanya kita tak nak *abuse of the power* itu berlaku dan akhirnya akan er… merosakkan Majlis Kerajaan Tempatan tersebut dan saya tidak… tidak nak berpanjang yang itu Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, kalau berhenti sekarang sedang elok menepati masa…

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Saya yang terakhirnya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

20 minit… ya.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pahang ini memerlukan bajet yang besar secara keseluruhannya tetapi ialah tidak… tidak bererti mesti dibentangkan di dewan ini. Kita mempunyai 11 daerah tak silap saya, 14 parlimen yang mana keperluannya berbeza-beza. Jadi setiap Ahli Parlimen sepatutnya juga membantu Kerajaan Negeri memainkan peranan bagi menambahkan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Saya ingin mengambil contoh, dalam pembentangan Bajet ini tidak termasuk pembentangan… pembentangan er… pelaksanaan projek di kawasan saya yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat sebanyak RM200 juta, pembinaan jalan dari Kampung Gemunchor ke Batu Balak. Saya rasa er… Pengarah JKR telah pun tahu perkara ini dan telah… kontraktornya pun telah dilantik tetapi tidak ada dalam Bajet ini. Maka usaha itu perlu dilakukan bersama oleh Ahli-Ahli Parlimen kerana dapat membantu menggalakkan aktiviti ekonomi di negeri Pahang ini.

So, saya mengharapkan satu tindakan yang lebih adil dari segi pelaksanaan yang mana Ahli-Ahli Parlimen boleh memainkan peranan… membantu Kerajaan Negeri dengan membawa projek-projek yang bersesuaian kepada daerah masing-masing,

kawasan Parlimen masing-masing dan diagihkan secara adil kepada golongan tertentu, kelompok masyarakat tertentu supaya ianya dapat membantu meringankan beban, tanggungjawab Kerajaan Negeri kerana kita faham dari segi bagaimana Kerajaan Negeri kita berdepan dengan masalah er… kutipan hasil sedangkan kita menjadi negeri… salah satu daripada negeri yang menyumbang kutipan hasil yang agak tinggi yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga pihak Kastam.

Saya ingin merujuk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Saya diberitahu oleh er… pihak tertentu bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri, dibayar 1.35% setiap kutipan mereka… sebagai pendapatan dan mereka diberikan bonus. Kalau negeri ini miskin, bagaimana mereka boleh mengutip cukai yang besar dan mereka tidak pulangkan kepada kita… kepada Kerajaan Negeri, kerana negeri ini aman, orang boleh meniaga, kutipan cukai boleh dikutip, bangunan LHDN pun sewa RM600 ribu sebulan, kalau nak ambil kira… tapi cukai kita *overlap,* 5 tahun ke belakang pun dia suruh bayar lagi, kutip semula. Patutnya mereka menyumbang secara langsung hasil daripada kutipan cukai itu kepada Kerajaan Negeri kerana hasil dari kutipan negeri Pahang… dikira secara langsung untuk membayar gaji kakitangan LHDN di negeri Pahang.

Tahun lepas sahaja saya dimaklumkan oleh LHDN, mereka mengutip cukai di negeri Pahang aje, kalau tak silap lebih daripada RM600 juta. Maknanya kita stabil, negeri kita menyumbang kepada er… cukai yang dikutip oleh LHDN. Tapi kita tak pernah… Kerajaan Negeri mungkin tak dapat secara *direct* daripada hasil er… kutipan cukai tersebut. Jadi saya mohon mencadangkan di Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Pusat mengambil kira kepentingan semasa *cash in cash*. Maknanya dia kutip kita *cash*, dia pulang kita *cash* lah. Tak perlulah semua nak *rebate,* SUKMA pun… banjir hutang, ha apa… bayaran banjir pun kira hutang, SUKMA pun kira hutang sedangkan kalau dari segi sumbangan kita juga menyumbang kepada er… Kerajaan Pusat tersebut.

Maka satu er… perbincangan, satu penelitian perlu dibuat semula. Saya harap dengan ini er… Kerajaan Negeri ataupun pihak tertentu dalam kedudukan Kerajaan Negeri dapat mencari formula bagaimana kita boleh mendapat balik semula hasil er… sumbangan cukai kita tadi, untuk dijadikan sebahagian daripada pendapatan. Pada akhirnya Dato' Yang di-Pertua, saya ingin meminta jasa baik pihak kerajaan meneliti projek Bekalan Elektrik Luar Bandar ni, yang dilaksanakan oleh er… Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan dimajukan oleh Tenaga Nasional Berhad bagi menyediakan bekalan elektrik luar bandar dan sebahagian daripada tempat saya bandar… kampung dalam kawasan-kawasan saya tidak dibekalkan er… letrik, bekalan lampu jalan di kawasan yang bersesuai.

Sebagai contoh satu je. Saya ambil contoh satu, di Kampung Jerantut Feri tu ianya bandar yang berdekatan dengan bandar Jerantut, tak ada lampu jalan. Simpang Tebing Tinggi, simpang Bukit Dinding yang berdekatan dengan bandar juga tak ada lampu jalan. Jadi saya harap… bagaimana mereka er… menentukan bekalan elektrik luar… luar bandar ini dari segi pemasangan lampunya. Er… kawasan strategik, kawasan kemalangan, kawasan pengguna ramai, kawasan yang berhampiran bandar er… yang selalu diguna pakai oleh masyarakat tidak diletakkan.

Jadi saya harap perkara ini mendapat penelitian Kerajaan Negeri. Maka dengan itu saya er… menyokong er… Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja er… pada er… hari selasa yang lepas, 21 haribulan November. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput Yang Berhormat Teruntum. Yang akhir.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Salam hormat dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua. Saya berasa amat berbesar hati kerana diberi kesempatan mewakili suara rakyat untuk membahaskan Bajet 2018 di Dewan Yang Mulia ini.

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita semua sedia maklum bahawa terdapat banyak kes jenayah yang berlaku di Kuantan tidak dilaporkan kepada pihak polis. Antara satu sebab adalah orang awam tidak mahu membazirkan masa mereka kenapa? Kerana selepas membuat laporan polis di balai polis cawangan, mereka perlu menunggu masa sehingga 3 sampai 4 jam bagi pegawai penyiasatan dari IPD Kuantan untuk datang ke tempat kejadian tersebut, mengambil keterangan tentang kes yang dilaporkan untuk siasatan.

Antara balai polis di sekitar Bandar Kuantan yang saya maksudkan yang mempunyai masalah ini adalah cawangan-cawangan Balai Polis Beserah, Balai Polis Gambang, Balai Polis Jaya Gading, Balai Polis Panching, Balai Polis Sungai Lembing, Balai Polis Air Putih dan Balai Polis Komuniti Indera Mahkota. Di sini saya ingin… saya mencadangkan...

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Minta laluan. Yang di-Pertua, saya… bila menyebut perkataan Balai Polis Jaya Gading, sampai 4 jam baru ambil tindakan, saya nak maklumkan, tempat lain saya tak nak sebut tapi bila menyebut Jaya Gading, Jaya Gading dalam DUN Pulau Manis. OCS tu memang biasa dengan saya, selalu berbincang, selalu kami berborak. Saya dimaklumkan oleh OCS Jaya Gading, dia ada 29 JKK bawah dia. Ya, dia ada 29 JKK bawah dia dan dia mempunyai 35,000… 35,000 orang er… keluarga yang perlu dijaga.

Jadi dia kata… dia memang tak boleh sampai lah, tak boleh sampai, *report* je nak sampai pada masa tu juga, memang tak akan berlaku. Jadi saya harap… kena faham bahawa kalau buat tuduhan kepada pihak polis maknanya tak ambil tindakan… saya rasa tak betul. Tapi sebaik-baiknya kalau er… Teruntum lah agak peka dengan masalah ni lebih baik jumpa betul dengan Ketua Polis Pahang, boleh sembang dengan dia. Saya rasa Ketua Polis Pahang orangnya bersikap adil, jumpa betul. Bangkit dalam dewan ni saya rasa tak berapa betul lah. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih er… dari Pulau Manis, tunggu saya habis… saya baca dulu. Jangan cepat sangat bagi pandangan. Terima kasih saya sambung yang… Dato' Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mencadangkan pasukan pegawai penyiasat bahagian forensik dan jurugambar sendiri ditempatkan di setiap cawangan balai polis di daerah Kuantan dan tidak berkongsi dengan IPD bagi membantu mempercepatkan kerja-kerja penyiasatan dan penyelesaian kes di kawasan masing-masing. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pegawai penyiasat di setiap cawangan balai polis di daerah Kuantan? Yang dikatakan tidak mencukupi dan terpaksa berkongsi anggota dengan balai-balai berdekatan bagi menyelesaikan satu-satu kes.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga dapat bilik-bilik pegawai penyiasat, dengan izin, *IO* di IPD Kuantan ini mempunyai masalah komputer dengan izin, *printer* selalu rosak dan tiada peruntukan atau stok, dengan izin, *toner printer* yang terpaksa dibeli sendiri oleh anggota polis. Penghawa dingin juga kebanyakan rosak dan tidak diperbaiki, selain daripada keadaan bilik-bilik *IO* didapati sudah usang dan keadaan persekitaran bilik yang dipenuhi dengan kulat. Keadaan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kesihatan anggota polis, sedangkan anggota polis perlu bersentiasa menjaga kesihatan untuk berkhidmat dan menjaga keamanan negara. Apakah tindakan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Agak-agak bila bilik *IO* ini dapat diselesai demi meningkat mutu perkhidmatan?

Dato' Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Selain itu, kebanyakan polis… pegawai polis yang menjawat jawatan tertinggi dalam pasukan tidak mempunyai kelulusan tinggi, yang sesuai dengan jawatan dijawat. Ini salah satu punca kualiti perkhidmatan dan pengurusan pasukan polis tidak mencapai tahap kecemerlangan yang diharapkan. Apakah ciri-ciri membantu kenaikan pangkat setiap anggota polis di negara ini? Juga didapati anggota polis yang berpangkat rendah contohnya, anggota berpangkat konstabel tidak berbaloi dengan tugas seorang anggota keselamatan.

Gaji mereka hanya RM1,441, imbuhan tetap khidmat awam sebanyak RM115, elaun khas PDRM RM200, imbuhan tetap perumahan RM300. Bagi yang tinggal di kuarters kerajaan, elaun sara hidup RM250, elaun tugasan am RM200 dan elaun detektif RM300. Hanya anggota dari Sabah atau Sarawak saja yang tidak di… akan potong elaun sara hidup kerana mereka dibayar elaun wilayah mengikut tangga gaji pokok. Di sini, saya cadangkan agar elaun imbuhan tetap perumahan dinaikkan selari dengan sewa rumah semasa. Bayaran tunggakan diselesaikan bukan dibiarkan tunggak… tertunggak hingga memakan masa hampir setahun serta kuarters polis patut ditambah baik. Harap pihak kerajaan akan ambil berat tentang perkara ini.

Jumlah penagih dadah di kalangan belia semakin meningkat dan pihak polis menghadapi kesukaran agar kesukaran dan memudahkan proses ujian air kencing kerana kekurangan peralatan seperti dengan izin, *test strip.* Ujian hanya boleh dilakukan di Kuala Lumpur dan mengambil masa 3 bulan untuk mendapatkan laporan *pathology*. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membantu memudahkan proses ujian air kencing bagi mempercepatkan proses penyiasatan terhadap penagih dan mengurangkan beban dan tugasan polis di setiap balai…

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Yang di-Pertua… Dato' Yang di-Pertua,

Mohon laluan sekali lagi. Ini pun satu perkara yang tak betul juga. Ujian air kencing memakan masa 3 bulan. Saya nak beritahu, ujian air kencing yang dibuat oleh AADK, kalau dia buat serbuan ke satu tempat… pada masa tu jugak dapat keputusan. Sebab itu dia boleh ambil, bawak masuk ke lokap. Kalau 3 bulan, baru nak dapat keputusan… macam mana pertuduhan hendak dibuat. Macam mana nak sumbat orang tu dalam lokap. Dia sebenarnya masa tu juga dapat. Ha… zaman sekarang, zaman dulu saya tak tau. Tapi zaman sekarang yang berlaku di tempat sayalah, kalau er… diserbu, serbuan dibuat atas laporan orang kampung, maka kehadiran AADK ataupun pihak polis ke kawasan tersebut kita tak payah… tak payah bawak balik dia ke lokap, ke

balai polis. Di situ juga, di rumah dia… kita sahkan bahawa dia memang positif, *so* terus ambik, bawak. Tak ada 3 bulan pun. Tolong buat *statement* yang betul jangan main hentam, tuduh je. Tak betul.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mintak Pulau Manis jangan pandai-pandai. Saya bukan tuduh semasa… ikut suka hati saya. Ini memang ada orang bagitahu saya, kesusahan orang, kenapa penagih ini semakin ramai? Kenapa kes-kes penagih ini tak habis-habis? Saya ingat Pulau Manis kena pergi jumpa Ketua er… Ketua Polis Pahang untuk dapat *statement* saya ini, betul tak?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dia… dia…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Biar saya habis dulu… mintak maaf.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Masalahnya…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Apakah tindakan pihak Kerajaan untuk mengatasi perkara ini agar tindakan terhadap penagih ini dapat dipertingkatkan kepentingan masyarakat?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Baru-baru ini 25 haribulan Oktober 2017, terdapat satu kes orang kurang siuman di Pasaraya Ekonomi Berjaya, Lorong Tun Ismail 5, Kuantan. Di mana seorang wanita yang kurang siuman ini selalu berjalan, yang tiada tujuan di sekitar kawasan tersebut. Wanita kurang siuman ini berjalan tanpa memakai baju dan sering kala juga berbogel di depan orang ramai. Pekerja-pekerja sekitar kawasan tersebut mengatakan mereka berasa kurang selesa dan terganggu kerana wanita kurang siuman berkenaan sering kali mengganggu pelanggan mereka.

Perkara ini tidak boleh dibiar kerana mengganggu keamanan dan keselamatan orang awam serta pekerja-pekerja di sekitar kawasan tersebut. Oleh demikian, saya telah melaporkan kepada pihak polis untuk menangkap wanita tersebut. Kali pertama laporan dibuat, wanita kurang siuman itu sudah dibawa ke wad dahlia, tapi keesokan harinya, dibiarkan bebas dan sekali lagi menganggu pekerja-pekerja sekitar kawasan Lorong Tun Ismail 5. Yang akhirnya, membawa kepada penangkap kali kedua oleh pihak polis. Di sini saya ingin bertanya, mengapa perkara ini dibiar sewenang-wenang oleh pihak yang berkenaan?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ada mendapat aduan bahawa HTAA, Kuantan mempunyai masalah kekurangan bekalan ubat-ubatan untuk pesakit. Ini kerana setiap pesakit hanya diberikan bekalan

ubat untuk tempoh 2 minggu atau 1 bulan sahaja, yang mana sebelum ini bekalan ubat diberikan untuk jangka masa 3 bulan. Perkara sebegini ini amat menyusahkan pesakit terutamanya OKU dan pesakit yang agak kronik, kerana perlu kerap ke hospital untuk mengambil bekalan susulan ubat-ubatan.

Pihak kerajaan sepatutnya bekalkan ubat-ubatan secukupnya kepada pesakit-pesakit ini. Setiap hospital kerajaan harus memberi ubat-ubatan dalam jumlah yang mencukupi supaya masalah yang sebegini tidak berlaku. Juga terdapat segelintir pesakit yang terpaksa membeli ubat tertentu di farmasi swasta… berikutan dia tidak dibekal oleh hospital kerajaan. Saya harap pihak kerajaan mengambil perhatian tentang isu ini dapat menyelesaikan, supaya tidak lagi timbul masalah sebegini di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita semua sedia bahawa perkhidmatan dari Syarikat Telekom Malaysia Sdn. Bhd. atau Astro Malaysia Holdings Bhd, mempunyai kontrak urus niaga yang bagi setiap pelanggan yang menggunakan perkhidmatan mereka. Tempoh kontrak adalah selama 2 tahun dan sekiranya para pelanggan menamatkan atau membatalkan kontrak perkhidmatan akan dicaj saman. Untuk perkhidmatan TM, caj saman dengan izin, *interline* yang dikenakan adalah sebanyak RM800 kepada pengguna. Selain perlu memulangkan semua modem, jika menamatkan kontrak sebelum berakhir tamat tempoh. Manakala Astro pula *charge* saman dikenakan sekira menamatkan kontrak sebelum 2 tahun adalah sebanyak RM1060.

Jika sesudah setahun pelanggan yang baharu nak… nak tamatkan kontrak, dicajkan saman separuh dari caj asal sebanyak RM530. Perkara sebegini sepatut tidak berlaku kerana pelanggan mempunyai hak untuk menamatkan, membatalkan satu perkhidmatan tanpa sebarang syarat. Caj saman sebegini amat menyusahkan orang ramai dan syarikat-syarikat ini mendapat keuntungan di atas kesusahan pelanggan mereka sendiri. Di sini saya ingin bertanya siapakah yang memberi kuasa kepada syarikat-syarikat ini untuk mengenakan caj saman kepada setiap pelanggan? Kenapa syarikat ini tetap syarat kontrak dalam tempoh dua tahun? Kenapa syarikat-syarikat ini boleh mengeluarkan caj saman walaupun bukan kerajaan?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Ada aduan kes pelabur dari China yang merupakan pemilik Syarikat Jin Xing Mining Exploration (M) Sdn. Bhd. yang memiliki sebuah kereta Toyota Hilux bernombor pendaftaran CDG 3888 telah dibawa lari oleh sekumpulan yang tidak dikenala… dikenali pada 29 haribulan 4 2017 di Selayang Selangor dan laporan polis hanya dibuat pada 9 haribulan Jun 20… maaf ha.. tadi adalah 2016. Laporan polis hanya dilapor pada 9 haribulan 6, 2016.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Minta cek den… dengan izin… minta cek korum cukup tidak. Mi… min… minta cek korum mesyuarat cukup tidak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kena cek ni… Setiausaha. Cek korum. Cukup? Cukup.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Terima kasih, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lama lagi Yang Berhormat, banyak lagi?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ada isu lagi biar saya habiskan [Ahli Dewan ketawa] er… laporan polis yang dilaporkan…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, siapa *Speaker* ni, atas ni *Speaker* ataupun Teruntum *Speaker*nya, terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Laporan polis hanya dibuat pada 9 haribulan 6 2016 di Balai Polis Dangi… Dang Wangi. Pemandu Toyota Hilux berkenaan telah lambat membuat laporan polis kerana te… telah masuk ke hospital dan koma dalam tempoh agak lama selepas cedera wak… sewaktu kecurian kenderaan tersebut. Selepas kehilangan kereta tersebut didapati kereta ini telah dipindah milik atau ditukar nama atas seorang yang bernama Sharunnizam bin Darus, IC nombor: 751015-08-6239 pada 8 haribulan enam 2016.

Selepas sehari pada tarikh 9 haribulan 06, 2016, kereta Toyota Hilux tersebut sekali lagi ditukar nama kepada Syarikat Drive In Motor Enterprise di JPJ Bangi dengan harga RM10,500 sahaja. Di sini, saya ingin bertanya, bagaimanakah sebuah kenderaan boleh mendapat kelulusan pertukaran hakmilik kenderaan tanpa pengetahuan pemilik sebenar geran tersebut? Di manakah ciri-ciri keselamatan dan jaminan untuk pelabur China ini sekiranya perkara sebegini berlaku kerana sedikit sebanyak ia akan menjejaskan imej Malaysia.

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita semua maklum bahawa kompleks JPJ di Indera Mahkota dirasmikan oleh Sultan Pahang Ahmad Shah pada tarikh 29 haribulan Mac 2012 di atas tanah seluas 8.5 hektar yang dibina dengan kos sebanyak RM34.8 juta, bertujuan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada orang ramai untuk menguruskan dengan JPJ. Tapi malangnya, baru-baru ini saya telah ke JPJ Pahang untuk menguruskan kenderaan saya, dan saya telah dapati lantai dinding bangunan pecah, mozek yang tidak sekata. Aduan tandas sering kali tidak air sehingga tempoh seminggu dan sistem komputer yang sangat perlahan kerana sistem tersebut tidak dinaik taraf.

Selain itu, terla… terdapat 19 kaunter khidmat pelanggan disediakan di JPJ Pahang. Namun kebiasa hanya 8 atau 9 kaunter sahaja yang dibuka kerana kemungkinan besar kakitangan tidak cu… mencukupi sedangkan ratusan orang yang ingin menggunakan perkhidmatan JPJ dalam sehari terpaksa menunggu nombor giliran sehingga tiga sampai empat jam lamanya kerana hanya berapa komputer saja yang dibuka.

Saya dapati tempat er… *parking* kren… kenderaan juga tidak mencukupi dan seharusnya kerajaan menyediakan tempat *parking* yang lebih luas untuk memudahkan urusan orang ramai. Dari keadaan yang saya lihat kompleks JPJ Pahang ini, memang tidak mela… tidak layak mendapat CF. Tetapi, jika ada CF kenapa kompleks JPJ Pahang tidak menepati ciri-ciri keselamatan hanya 5.5 tahun kompleks ini digunakan.

Saya berharap pihak kerajaan mengambil perhatian tentang hal ini dan dapat menyelesaikan masalah ini supa… supaya urusan orang awam berjalan dengan lancar. Selain itu bangunan kerajaan mana lagi ada… tiada CF di seluruh Pahang, bangunan kerajaan er... Adakah semua bangunan kerajaan tidak memerlukan kelulusan CF. Siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa kemalangan jika tidak memiliki CF? Saya amat beragak… berharap agar semua bangunan Kerajaan di seluruh Pahang mempunyai CF.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita juga sedia maklum bahawa Menara CDO dijadikan sebagai ibu pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kuantan dan bagi pihak kerajaan telah membayar kepada CDO Resourses Sdn. Bhd. dengan kadar sewaan RM680,000 sebulan untuk tempoh kontrak dengan izin, *three plus three.* Bagi saya, kos sewaan ini agak sangat mahal dan pihak kerajaan tidak seharusnya membazirkan wang sebanyak itu setiap bulan. Masih banyak lagi ta… lagi tanah dan bangunan kerajaan yang tidak diguna boleh dijadikan lokasi bagi menempatkan ibu pejabat agensi itu.

Mengikut purata, kiraan bangunan terbabit disewa dengan kadar RM22,666 sehari, sebulan RM680,000 dan dalam setahun kerajaan terpaksa membayar anggaran RM8.16 juta. Di sini saya agar berharap agar pihak kerajaan melakukan sesuatu dan bertindak untuk menyelesaikan masalah ini untuk mengelakkan pembeza… pemba… pembaziran wang rakyat yang terus berlaku.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya dapat lihat bahawa kebanyakan bangunan-bangunan JKM Negeri Pahang dan rakyat Pahang dan disewa dan bukan hak milik kekal kerajaan. Saya rasa pihak kerajaan sepatut membuat bangunan JKM Negeri dan Daerah atas tanah hak milik kerajaan sendiri supaya wang tidak dibazirkan setiap bulan. Saya juga mendapati kekurangan jula… er… jumlah kenderaan di setiap Jabatan Kebajikan di seluruh Pahang yang sedangkan kenda… kenderaan ini amat penting untuk er… tujuan kes-kes tertentu. Difahamkan ada jugak daerah Jabatan Kebajikan Masyarakat di Pahang ini langsung tidak ada kenderaan disediakan.

Bagaimana kakitangan ingin menguruskan hal-hal kebajikan rakyat, sekira kenderaan tidak di… tidak dapat disediakan. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, jika masa pegawai JKM menggunakan kenderaan sendiri untuk menguruskan hal-hal JKM dan terlibat dalam kemalangan, pihak mana yang perlu bertanggungjawab terhadap kemal… kemalangan ini? Saya meminta pihak kerajaan harus mengambil berat untuk menga… mengatasi masalah ini.

Yang Amat Dato' Yang di-Pertua,

Saya melihat kekurangan fasiliti atau kemudahan di Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom. Antara antaranya ialah berkenaan hanya sebuah bas dan sebuah van yang saja yang disediakan untuk kegunaan urusan harian seperti menghantar kanak-

kanak ke sekolah, tadika, kes-kes kecemasan dan program-program tertentu. Pemandu van dan bas ini terpaksa berulang alik beberapa kali untuk menghantar mengambil anak, mengambil kanak-kanak ke sekolah dan tadika, sedangkan penghuni di rumah kanak-kanak itu seramai 145 orang kanak-kanak dan 77 orang kakitangan. Saya meminta pihak kerajaan agar dapat menampa… menambah satu bas… sebuah bas dan tiga buah van lagi untuk urusan setiap hari.

Juga didapati tenaga kerja yang tidak cukupi kerana ramai kanak-kanak yang diperlu diuruskan. Kakitangan hanya 77 orang yang dijadualkan secara 3 *syif* setiap orang untuk menguruskan seramai 145 orang kanak-kanak di rumah kanak-kanak tersebut. Bermaknanya 25 orang kakitangan yang akan menguruskan seramai 145 orang kanak-kanak bagi setiap *syif* dan belum lagi ditolak dengan mana kakitangan dengan izin, *off day, emergency leave* dan lain-lain. Sekurang-kurangnya pihak kerajaan perlu menambah seramai 50 orang lagi tenaga kerja di rumah kanak-kanak tersebut, agar perjalanan setiap hari, setiap kerja berjalan dengan baik dan lancar. Diharapkan pihak Kerajaan mengambil berat dalam menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Di Negeri Pahang terdapat banyak-banyak kes buang anak kerana wanita yang mengandung luar nikah ini tidak dapat tempat berlindung dan tiada arah… arah tujuan. Biasa golongan ini dibuang keluarga selepas keluarga mengetahui tentang kandungan luar nikah itu atau kadang-kala mereka membuang anak di merata tempat kerana tidak mahu keluarga tahu tentang keadaan mereka. Maka kes-kes sebegini banyak terjadi, sememangnya golongan ini tiada tempat untuk berlindung. Saya bercadang… saya cadangkan supaya pihak Kerajaan wujudkan satu tempat perlindungan sementara dengan izin, *homeless* untuk golongan ini supaya mereka dapat menjalankan kehidupan lebih baik dan keselamatan wanita dan bayi dalam kandungan dapat dijaga dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga dapati wakil kutipan tabung masjid dan penjaja menjual barangan dalam ruangan bangunan pejabat-pejabat kerajaan. Saya anggap ini tidak profesional kerana ruang bangunan pejabat kerajaan dipenuhi dengan golongan wakil kutipan tabung masjid dan penjaja. Setiap kali perayaan dan juga terdapat pelbagai jualan oleh penjaja-penjaja di sekitar ruang bangunan kerajaan yang amat tidak bersesuaian dengan imej badan kerajaan.

Jika ingin memberi keizinan menjaja atau membuat sebarang kutipan tabung masjid, saya cadangkan untuk menyediakan dengan izin *kiosk-kiosk* di luar bangunan kerajaan supaya tidak mengganggu sebarang urusan rasmi di dalam bangunan kerajaan tersebut. Apakah tindakan pihak kerajaan untuk mengatasi er… masalah ini? Di sini saya memohon agar tempat pejabat kerajaan ini tidak membenarkan mana-mana penjaja untuk berniaga kerana dia tidak sesuai.

Yang Amat Dato' Yang di-Pertua,

Kita sering maklum, Teluk Chempedak merupakan satu tempat yang dapat menarik ramai pengunjung menikmati keindahan pantai. Terdapat di situ serta bermacam-macam lagi aktiviti dijalankan di situ. Tapi saya sayangnya… sayangnya keindahan dan tarikan para pengunjung sedikit sebanyak telah menjejas kehadiran binatang-binatang liar seperti kera yang bekelia… berkeliaran di sekitar kawasan Teluk Chempedak. Kehadiran kera ini sedikit sebanyak telah mengganggu aktiviti orang

awam kerana kera ini telah mengancam dan bertindak kasar terhadap para pengunjung di situ.

Yang terbaru saya terbaca dalam akhbar Chinese Sin Chew pada 29 Oktober 2017, di mana kera ini telah menarik dengan izin, *i-pad* yang di tangan salah seorang pengunjung di Teluk Chempedak. Kera tersebut bermain dengan *i-pad* yang telah dirampas di atas sebuah pokok di Teluk Chempedak, lagaknya seperti manusia. Bagi pendapat saya, keadaan ini sangat mengancam keselamatan pengunjung yang datang. Dia sepatut dikawal oleh pihak berwajib supaya keselamatan pengunjung dapat dijaga sebaik mungkin dan dapat mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku…

YB. DATO' SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Teruntum, tak jelas. Itu tadi kera tu main *i-pad*. I-pad. Ingat tetek [Ahli Dewan ketawa]

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

I-pad. Saya meminta… saya meminta pihak kerajaan mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Dipati… didapati pekerja wanita yang membersihkan tandas awam lelaki di R&R Lebuhraya Pantai Timur. Perkara ini tidak boleh dipandang rendah kerana melibatkan keselamatan pekerja wanita tersebut. Difahamkan bahawa pekerja lelaki hanya bertugas pada waktu malam. Pada pendapat saya, ini tidak wajar kerana kita perlu mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan untuk kaum wanita, berikutan pada zaman sekarang bermacam-macam jenayah yang sering melanda negara ini.

Perkara ini seharus diambil serius kerana sepatutnya semasa tandas awam yang ada di lebuh raya atau di mana-mana tempat sekalipun perlu mengutamakan ciri-ciri keselamatan. Selain dari itu, saya beranggapan bahawa perkara ini sangat tidak sopan dan sangat membahaya pekerja wanita tersebut. Seperti ungkapan yang ada mengata, mencegah lebih baik dari mengubati. Saya berharap pihak kerajaan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Sehingga kini kes rogol di Pulau Tioman yang melibatkan remaja bawah umur, adik Ngoi, yang telah dirogol secara bergilir-gilir oleh seorang anggota Kastam dan serta 4 remaja masih belum diselesaikan. 3 kali laporan polis telah dibuat. Mengikut laporan statistik kes rogol yang telah diberi oleh PDRM pada jawapan bertulis pada Sidang Dewan yang lepas. Kes selesai adalah 100%, sedangkan kes ini masih dalam tindakan. Apakah tindakan yang sudah diambil oleh pihak kerajaan? Adakah kerana dia melibatkan pegawai kerajaan, maka kes ini dianggap sepi oleh pihak berwajib? Dan meletakkan sebagai telah diselesaikan. Ini adalah kali ketiga kes ini saya bawa ke sidang ini. Saya meminta pihak kerajaan agar mengambil tindakan terhadap kes ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya banyak mendapat aduan berkenaan tuntutan amaun akibat mengubah, merosak pemasangan meter Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kebiasaannya pihak TNB yang datang memeriksa di rumah akan menukar meter baru kerana meter lama tidak dapat merekodkan bacaan penggunaan eletrik yang sebenar. Tiap kali sesi pemeriksaan meter, pihak TNB akan mengambil gambar tuan rumah tanpa pengetahuan tuan rumah sebagai bukti saksi semasa menukar meter. Masalah yang biasa dihadapi adalah rumah-rumah yang dikenal pasti sudah menukar meter baru ini biasa akan dituntut mencuri eletrik. Orang awam yang sememangnya tidak ada pengetahuan tentang meter letrik ini akan percaya kerana pihak TNB akan menunjukkan bukti yang telah diambil ketika pemeriksaan.

Dalam tempoh beberapa bulan atau tahun kemudian, orang awam akan menerima notis tentang tuntutan amaun akibat mengubah, merosakkan pemasang… pemasangan meter TNB dan dalam jumlah yang sangat tinggi sehingga mencecah ribuan ringgit. Kebanyakan dari suri rumah yang sememang tidak faham dan kurang pengetahuan tentang meter letrik ini. Jadi di sini saya meminta agar semasa pihak TNB menjalankan tugas mereka memeriksa letrik sebuah rumah perlu mengikut dengan izin, SOP seharusnya dibawa bersama pegawai Suruhan Tenaga atau ST agar setiap pemeriksaan dikenal pasti punca masalah dan siasatan dapat dijalankan dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Bangunan Kompleks Teruntum di Kuantan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Sikit lagi, sikit lagi…. Sikit lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Merupakan bangunan tertinggi di pantai timur pada Januari 1980, di bawah saringan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) selama er… lebih 37 tahun. Apakah punca utama yang menghalang bangunan tersebut mendapatkan dengan izin *strata title*? Adakah pihak kerajaan menghadapi masalah dalam… dalaman? Sehingga… sehingga gagal memperolehi *strata title*. Adakah pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) tidak mengurus bangunan tersebut dengan teratur? Pada 23 bulan Julai jam 1.00 petang, telah berlaku kejadian tangki pecah di tingkat 4 bangunan Kompleks Teruntum. Apakah punca utama yang menyebabkan tangki air tersebut pecah? Adakah bangunan Kompleks Teruntum ini masih selamat… selamat digunakan?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan juga telah menjanji pembinaan sekolah SK. St. Thomas dan SM. St Thomas yang baru pada… yang baru pada er… yang baru pada 4 tahun yang lepas. Tetapi sampai sekarang, masih belum ada apa-apa perkembangan, sila kemukakan… sila kemukakan lokasi projek yang betul dan tarikh pembinaan yang akan dimulakan. Sila nyatakan anggaran kos pembinaan yang diperuntukkan. Jawapan yang diberi

oleh… dalam jawapan bertulis Sidang Dewan pada 11 Ogos 2015 adalah dirujuk. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memohon tapak cadangan baru yang masih menunggu… menunggu pengesahan status tanah. Apakah status pengesahan tanah untuk kedua-dua sekolah sekarang? Saya meminta jawapan dari pihak kerajaan.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya mencelah. Yang Berhormat daripada Teruntum, bagi peruntukan bagi kedua-dua buah sekolah, Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan Mahkota Abdullah, sebenarnya dua nama yang menggantikan Sekolah Menengah Saint Thomas ini telah pun diluluskan oleh EPU dengan kelulusan bajet RM24 juta bagi sekolah rendah dan RM30 juta untuk sekolah menengah sekaligus, Dato' Sri Yang di-Pertua dan projek ini akan dilaksanakan di satu kawasan di atas tanah milik Kerajaan Negeri di Kemunting.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Wakil Kerajaan. Satu berita baik untuk warga Kuantan. Saya ucap terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Mengikut papan tanda pembinaan sekolah SJK (T) Ladang Jeram, projek pembinaan bangunan sekolah akan dimulakan pada 14 Ogos 2014 dan dijangka siap pada 10 November 2018 tetapi hingga sekarang masih tiada kerja-kerja pembinaan yang dilakukan. Adakah pihak kerajaan akan memastikan pembinaan akan siap mengikut masa yang telah ditetapkan? Jika tidak, sila kemukakan tarikh yang baru.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya telah mengemukakan soalan berkenaan Sekolah Menengah Chong Hwa. Sudah dua kali di dalam Sidang Dewan tetapi masih belum dapat sebarang jawapan dari pihak kerajaan. Saya kemukakan soalan ini sekali lagi untuk Sidang Ketiga ini. Adakah pihak kerajaan akan mencontohi Kerajaan Negeri Sarawak dalam memberi peruntukan kepada Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan? Pihak Kerajaan Negeri akan memberi 1,000 ekar tanah pertanian sebagai peruntukan kepada Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Pada 26 Oktober 2017, Menteri Pelajaran telah mengisytiharkan 10 buah pembinaan sekolah SJK(C) yang baru dan 6 buah sekolah dipindah. Salah satu adalah SJK (C) Panching telah dipindah ke KotaSAS. Pada 27…10… Oktober 2017 dalam pembentangan bajet belanjawan 2018, saya lihat tiada sebarang peruntukan untuk pendidikan bagi sekolah cina. Di sini saya ingin tegaskan pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan perlu mengambil perhatian terhadap pendidikan bagi sekolah cina. Sekira ingin menambah atau membina sekolah rendah cina, dia perlu dilakukan secara sistematik dan sepatutnya penambahan sekolah cina mestilah dibuat mengikut peringkat jumlah tempat penduduk.

Selain dari itu, SJK (C) Chung Ching 2 juga telah di si… juga siap, sudah disiap pembinaan dan digunakan selama 5 tahun dan akan masuk tahun keenam. Saya kesal dan ingin bertanya mengapa pihak kerajaan tidak meluluskan pembukaan waran sekolah yang baru yang pentadbiran sendiri untuk SJK (C) Chung Ching 2, Kuantan. Sehingga kini sekolah tersebut masih di bawah naungan SJK (C) Chung Ching induk sebagai… sedangkan pembinaan sudah siap sepenuhnya. Harap pihak… pihak kerajaan ambil berat dalam perkara ini supaya tidak menimbulkan masalah dalam hal pengurusan pentadbiran sekolah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terdapat banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Pahang yang mana sejak kemerdekaan ini, isu kekurangan guru cina sudah menjadi satu kebiasaan setiap tahun dan sehingga November 2017, masih lagi kekurangan 11 orang guru di seluruh Pahang dan perkara ini menjadi satu kemusykilan kerana tiada sebarang tindakan dari pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Sampai bilakah keadaan kekurangan guru ini dapat diselesaikan?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya telah berkali-kali membangkit isu berkenaan kegiatan peminjam…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Lagi dua isu saja tuan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Segerakan Yang Berhormat. Ringkas-ringkas Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Dua isu sahaja. Dua minit, dua minit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat dah 35 minit. Masa dah lebih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Okay. Saya telah berkali berbangkitkan isu berkenaan kegiatan peminjam wang haram (along) ini dalam Sidang Yang Mulia ini tetapi masih tiada tindakan yang sewajar diberikan. Terdapat banyak dengan izin, *banner*, iklan peminjaman along yang telah dipasang di kawasan perumahan sekitar Kuantan dianggarkan dalam 300,000 keping. Sila nyatakan jumlah *banner* yang dipasang telah diambil tindakan oleh PBT dari tahun 2015 sehingga September 2017. Terdapat nombor telefon yang dipaparkan pada *banner-banner* iklan along yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan terhadap along.

Berapakah kes yang telah diambil tindakan oleh PBT menggunakan nombor-nombor telefon tersebut? Apakah cadangan pihak kerajaan untuk tindakan menghapuskan kegiatan along ke tahap sifar along di Pahang? Apakah bentuk undang-undang dan tindakan yang boleh diambil terhadap para along yang bertindak agresif terhadap peminjam? Adakah kerajaan bercadang mengetatkan undang-undang dan menambah hukuman yang lebih berat terhadap para peminjam wang yang bertindak di luar batas undang-undang?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan berkenaan jalan Kampung Seberang di Sungai Lembing, di mana laporan penduduk setempat menyatakan kadar kemalangan di jalan tersebut semakin meningkat kerana jalan sedia ada terlalu sempit dan pernah berlaku kes kemalangan yang meragutkan nyawa. Apakah rancangan pihak kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan fizikal pengguna di jalan Kampung Seberang di Sungai Lembing? Selain dari itu, perlombongan pasir di Sungai Kenau telah mengakibatkan banjir di Kampung Seberang. Apakah tindakan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengelakkan banjir dan limpahan air dari Sungai Kenau ke Kampung Seberang? Saya harap pihak kerajaan lebih prihatin dan mengambil berat tentang kebimbangan aduan rakyat dengan memberi…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, nak… nak celah sikitlah. Ini ADUN Teruntum ke ADUN Sungai Lembing? Wakil Teruntum ke Wakil Sungai Lembing?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Last. [Ahli Dewan ketawa] Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Berapa kali *last* Yang Berhormat?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ini *last*. Pendek saja, satu minit. Setiap kali Sidang Dewan diadakan, saya selalu meminta Wakil pihak kerajaan dan Wakil pihak kerajaan selalu berjanji akan memberi jawapan bertulis kepada saya tetapi sampai hari ini sudah empat setengah tahun saya menjadi Wakil Rakyat, tapi tidak pernah mendapat sebarang jawapan bertulis dari pihak kerajaan. Saya harap Wakil Kerajaan menepat… menepati janji sebelum persidangan kali ini berakhir. Dengan kata-kata di atas, saya memohon menyokong. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, perkara-perkara yang telah dibangkit tu sebenarnya telah pun dijawab dalam soalan-soalan bertulis kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat cuba… cuba semak, ya. Baiklah, Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya perhatikan bahawa seramai 21 orang Ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Persidangan kita akan disambung semula pada hari Isnin,

27 November 2017, bermula jam 9.00 pagi dan insya-Allah pihak kerajaan akan memberikan jawapan dan pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan jam 5.30 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13

HARI KE-5
27 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

HARI KELIMA – 27 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017	24

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Kelima : 27 November 2017 (Isnin)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Khas:
Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. - **Lanchang**
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - **Benta**
(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - **Jelai**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri**	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Guai**
Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri**	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Kerdau**
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	-	**Damak**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh, DIMP., JSN., PPN.	-	**Lepar**

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	-	**Panching**
Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	-	**Tahan**
Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, DIMP., SMP., PPN., BCM.	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	-	**Chenor**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMN., AMP., PKT.	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	-	**Luit**
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Ketari**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Bilut**
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	-	**Kuala Semantan**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Che Farhan bin Che Mansor

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Kelima (Isnin)	:	27 November 2017
Bersamaan	:	8 Rabiulawal 1439 Hijriah
Masa	:	9.00 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, pada pagi yang mulia lagi ceria ini, kita dapat bersama-sama berada di Dewan Yang Mulia ini, bagi meneruskan persidangan kita pada hari ini. Saya lihat Ahli Yang Berhormat, telah pun siap sedia er… dalam suasana yang cukup segar. Untuk itu, saya akan meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini, dengan menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Triang… wakil daripada Triang. Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon kemukakan soalan 1.

> [Daerah Bera merupakan daerah yang banyak tumpu kepada pertanian. Demi ruang pekerjaan generasi yang baru, adakah kerajaan merancang menarik pelabur untuk membangunkan perindustrian di daerah Bera?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Memang benar Bera merupakan salah satu daerah yang… kegiatan pertaniannya er… sangat cergas. Ada beberapa daerah yang lain seperti di Raub, Bentong, Lipis dan sebagainya. Mengenai hal menarik pelaburan ni, kita boleh mewar-warkan, tetapi sama ada pelabur datang ataupun tidak terpulang kepada mereka kerana mereka punya pilihan. Kalau kita sebut tentang, perindustrian di Bera, kita boleh… sebutkan tetapi kedatangan pelaburan bergantung kepada beberapa faktor antara lainnya mudah sampai kemudahan asas dan sebagainya. Kerajaan tidak dapat beri jaminan yang Daerah Bera boleh dibangunkan sebagai kawasan perindustrian buat masa ni… mungkin kemudian, keadaan berbeza kalau kita lihat di Kuantan, ada pelabuhan, ada LPT; begitu juga di Bentong, hampir dengan Kuala Lumpur; begitu juga Temerloh, hampir dengan LPT. Tapi kalau kita lihat, ada satu Kilang Plywood di Lipis, sebuah syarikat yang besar gulung tikar selepas beberapa lama. Maknanya kemudahsampaian ni mustahak, *accessibility*. Kalau jauh, sukar mungkin tidak ada pelabur yang datang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita beralih kepada soalan berikutnya. Jemput wakil daripada Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Soalan saya soalan No.2.

> [Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kebakaran di Maahad Tahfiz Ittifaqiah di Taman Keramat Kuala Lumpur.
>
> a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pahang melihat kepada insiden ini dan beberapa insiden yang lalu?
> b) Dimaklumkan kira-kira 70 Maahad Tahfiz persendirian beroperasi di negeri Pahang. Bersediakah kerajaan membuat audit tahap keselamatan dan keselesaan premis asrama dan dewan pengajian?
> c) Adakah Kerajaan Negeri Pahang memiliki senarai 70 Maahad tersebut?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Budaya masyarakat Malaysia, minta maaf ialah *wiser after the event* dengan izin, maknanya sudah terhantuk baru tengadah. Setiap kalilah kita perhatikan. Kalau ada tragedi sebagainya, maka kesemua pihaklah, dari atas sampai ke bawah akan memberi ulasan. Selepas er… kes Maahad Tahfiz, Ittifaqiyah di Taman Keramat kita pun dapat baca dalam laporan media iaitu Kerajaan Persekutuan akan menangani perkara ini dengan serius. Sebenarnya, untuk makluman dewan ini, dalam beberapa mesyuarat Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Peringkat Kebangsaan, Mesyuarat Majlis Menteri-menteri Besar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap kali mengutarakan akan kerisauannya kerana tumbuhnya Maahad Tahfiz ni semacam cendawan dan pada ketika yang sama, er… tidak ada ketentuan tentang kurikulum, dan begitu juga tidak di jaminkan tentang keselamatan khususnya keselamatan asrama.

Betul-betul baru-baru ini, terjadi tragedi yang mengerikan ini, dan sebagaimana biasa, kita pun sibuk bermesyuarat seperti cerita dongeng, cerita karang, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kapal dah nak karam, kita masih menubuhkan jawatankuasa untuk er… menimbang beberapa perkara. Akhir-akhirnya bukannya Kapten saja yang mati, ahli mesyuarat pun jalan apabila kapal tenggelam. Kita telah mengadakan mesyuarat pada 6 Oktober, dipengerusikan oleh Timbalan Yang di-Pertua Majlis Ugama Islam Pahang bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba, TNB, JAIP, PDRM, JKR, Jabatan Pendidikan dan sebagainya untuk membincangkan dan menyelaraskan isu-isu berkaitan keselamatan premis dan er… pihak Jabatan Bomba, saya difahamkan telah pun er… pergi ke semua daerah dan kesemua Maahad Tahfiz untuk meneliti, langkah-langkah keselamatan yang sedia ada di Maahad Tahfiz masing-masing.

Pokoknya kita berikhtiarlah. Apapun, kalau… terlampau banyak sangat Maahad Tahfiz dan er… peruntukannya terlalu tinggi, kalau… memerlukan untuk peningkatan langkah-langkah keselamatan tu, mungkin kita tak boleh buat dalam masa yang singkat. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Beralih kepada soalan berikut… saya menjemput wakil dari Tanah Rata.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya kemukakan soalan No.3.

[Sila kerajaan nyatakan:

a) Jumlah hotel dan *apartment* terdapat di Cameron Highlands.
b) Adakah bilangan ini cukup untuk permintaan pelancong pada musim kemuncak?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… jumlah hotel dan *apartment*, yang berdaftar terdapat di Cameron Highlands adalah sebanyak 107 buah dengan kapasiti bilik sebanyak 3,462. Berikut adalah pecahan hotel dan apartment er… yang terdapat di Cameron Highlands. Jumlah hotel yang terdapat di Cameron Highlands adalah 88 buah dengan jumlah bilik 2,998. Jumlah *apartment* pula, yang terdapat di Cameron Highlands adalah sebanyak 19 buah dengan jumlah bilik sebanyak 463. Walaupun ketibaan pelancong, dan er… pengunjung, agak padat terutama waktu Cuti Umum dan hujung minggu Kerajaan Negeri yakin jumlah bilik yang terdapat di destinasi pelancongan tersebut mampu untuk menampung jumlah pelancong dan pengunjung.

Selain hotel dan *apartment* pengunjung juga boleh memilih untuk menginap di *homestay* yang disediakan oleh pihak penduduk tempatan di sekitar Kampung Taman Sedia.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita pergi kepada soalan berikut. Saya jemput Wakil dari Mentakab.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya kemukakan soalan nombor 4.

> [Sila nyatakan berapakah jumlah pengusaha pelancongan di seluruh Pahang mengikut daerah dan taraf perkhidmatan perhotelan?]

YB.DATO' SRI HAJI SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Jumlah pengusaha pelancongan di seluruh Negeri Pahang mengikut daerah dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

Satunya, Agensi Pengendalian Pelancongan dan Pengembaraan sebanyak 41. Ini termasuklah *Tour Operating Business Travel Agent Biz*, Agent Premis Penginapan Pelancong, *Tour Guide* dan Pusat Urut Kaki. Yang kedua adalah sebanyak 149.

Yang kedua, premis penginapan pelancong dan hotel sebanyak 785 dan er…yang akhir sekali pemandu pelancong sebanyak 458. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikut. Saya jemput Wakil Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Salam… Assalamualaikum WBT. Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

> [Minta kerajaan memberi pencerahan:
>
> 1.1 Mengenai kapasiti loji-loji air di daerah Lipis dalam menangani masalah permintaan terhadap bekalan air bersih dalam tempoh lima tahun ini.

1.2 Menyatakan bilangan kes permohonan baru bekalan air bersih yang telah ditolak oleh Perbadanan Bekalan Air Pahang (PAIP) kerana ketidakupayaan loji-loji menambahkan akaun pelanggan mengikut daerah seluruh negeri Pahang. Nyatakan langkah-langkah segera yang akan diambil oleh pihak PAIP dalam usaha mengatasi masalah ini seperti yang pernah dilaporkan berlaku di Merapoh.]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang [berdehem] Dato' Sri Yang di-Pertua,

[berdehem] Mengenai kapasiti loji-loji air dalam er… daerah Lipis er…dalam er… yang wujud dalam menangani dan juga membekalkan er… bekalan air ke seluruh daerah terdapat er… 9 kesemuanya iaitu Loji Air Sungai Tem… Loji Air Jelai, Loji Air Benta, Loji Air Batu Sembilan, Loji Air Merapoh, Sungai Temau, Bukit Betong, Kechau, Mela dan Kuala Medang… dan err…mengikut statistik yang kita ada, loji-loji ini beroperasi er… mengikut kapasiti. Makna kalau sekiranya, bersandarkan kepada rekabentuk er… asal dan juga semasa dan berbanding dengan kapasiti pengeluaran semasa, terdapat rizab maknanya ada lebihan daripada er… loji-loji air yang telah pun di er… rebaik… rekabentuk sedemikian rupa.

Contohnya di Sungai Jelai terdapat 10% er… rizab bekalan, di Benta ada 5%, di Loji Rawatan Air Batu Sembilan ada 50%, di Merapoh 10%, di Sungai Temau 35%, di Bukit Betong ada 10% rizab, Kechau ada 25%, Mela ada 10% dan Kuala Medang ada 39%. Kalau bersandarkan kepada rekabentuk maknanya tidak ada masalah er… dari segi keupayaan dan kemampuan untuk membekalkan er… air er… ke seluruh kawasan di dalam er… daerah Lipis.

Namun, oleh kerana di Lipis ini kita ada lebih kurang dalam er… 1,400 ya… 1,400 er… kilometer, dia rangkaian paip. Jadi, ada setengahnya dah usang. Bersandarkan kepada itu, maka berlakulah, er… kejadian paip-paip pecah dan bocor. Jadi kalau melihat kepada er… loji-loji ni, di Sungai Jelai sahaja, dalam tempoh er… shh… tahun 2017 ya… er… dibandingkan ataupun dijumlahkan paip utama dan paip komunikasi terdapat 319 kali. Maknanya gangguan dek kerana paip pecah.

Di Benta 138 kali, di Batu Sembilan 19 kali, di Merapoh 57 kali; di Sungai Temau 29 kali; di Bukit Betong 178 kali; di Kechau 31 kali; Mela 74; Kuala Medang 71. Seluruh er…Daerah Lipis daripada Januari hingga Jun ya, maknanya 6 bulan sahaja terdapat 916 kali berlakunya kejadian gangguan disebabkan oleh… oleh paip pecah.

Namun terdapat juga gangguan oleh kerana kualiti air mentah yang terdapat di er… sungai-sungai er… bagi loji-loji rawatan ini juga er… menyebabkan er… berlakunya penutupan loji. Namun pihak er... Kerajaan Negeri melalui PAIP telah mengusahakan beberapa kaedah yang er… di er… cadangkan untuk menangani permasalahan dari segi kualiti air mentah yang dibekalkan kepada loji-loji rawatan er… bagi dirawat dan dibekalkan kepada er… pengguna-pengguna.

Manakala er… bilangan kes permohonan baru bekalan air bersih yang telah ditolak oleh PAIP kerana ketidakupayaan loji, menambahkan akaun pelanggan mengikut daerah seluruh negeri Pahang. Dia sebenarnya kalau melihat kepada er… loji-loji yang ada di seluruh negeri Pahang, kita ada kesemuanya 75 buah loji dan er… er… loji rawatan air yang berop… yang er…beroperasi ada 74 ya, 1 tidak beroperasi iaitu di… er… di Pulau Tioman, ya… dan er… dalam konteks ini, kita melihat

bahawasanya tidak ada masalah dari segi ketidakupayaan loji-loji ini membekal. Contohnya tadi, macam seperti di Lipis, kita ada rizab er… namun permasalahan yang timbul ialah kerana terdapat kawasan-kawasan yang nak dibangunkan ini terletak dikawasan-kawasan tinggi. Jadi tekanan er… yang diperlukan untuk membolehkan bekalan sampai ke destinasi atau lokasi yang terbabit itu yang er… sebenarnya yang di… nasihatkan oleh er… pihak PAIP supaya er… menyelaraskan dengan er… pelan pembangunan PAIP itu sendiri.

Sebab itu adakalanya terpaksa diperlahankan sedikit supaya dapat pihak PAIP menyediakan kemudahan er… temasuk membekalkan atau menyediakan *booster pump* dan sebagainya bagi membolehkan er… bekalan air itu sampai ke lokasi yang dicadang untuk dibangunkan ya. Sementara itu, sudah tentu PAIP menasihatkan supaya er… pembangunan itu mengambil kira kekangan er… pembekalan er… bagi kawasan yang terbabit. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Sila Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Tambahan Yang di-Pertua,

Er… daripada jawapan yang dikemukan oleh er… Wakil Kerajaan tadi menunjukkan bahawa ada lebihan. Saya nak rujuk ke kes Merapoh, mana ada lebihan sebab saya masalahnya, saya dapat rayuan daripada pelanggan-pelanggan yang er… mereka… permintaan mereka ditolak dan ini bercanggah dengan kenyataan di sini. Tapi saya juga faham saya dimaklumkan mungkin ada sebab-sebab lain kenapa er… permintaan untuk memasukkan air ke rumah mereka ditolak.

Ini bukan sahaja di rumah, tetapi juga berlaku misalnya di projek er… Rumah Idaman er… apa nama ini SPNB juga er… agak terganggu apabila er… diantaranya PAIP tak menyokong lantaran kerana tidak… ketidakupayaan untuk er… membekalkan air. Apa yang menjadi er… hasrat saya ialah tentang kualiti air di loji yang terjejas mungkin saya nak rujuk kepada Merapoh. Maknanya er… akibat daripada pembalakan menjadi. Sedangkan di situ ialah kawasan punca-punca air Sungai Merapoh itu.

Jadi, persoalan saya apakah tindakan, pembaikan yang boleh atau dirancangkan oleh pihak kerajaan er… bagi memelihara kelestarian alam semula jadi seperti er… nilai-nilai sejarah, nilai-nilai pelancongan yang ada di situ flora fauna dan sebagainya dalam usaha memastikan bahawa er… Sungai Merapoh itu er… akan terus menjadi er… dapat membekalkan er… bekalan ataupun menjadi er… menjadi tempat untuk loji er… membekalkan air. Itu soalan pertama.

Yang keduanya, apabila berlaku masalah ini pencemaran yang hebat terutama dengan pembalakan di kawasan Merapoh *intake* yang ada sekarang ni di… di… di Sungai Merapoh dan juga Sungai Persit yang berada di dalam kawasan pembalakan er… Gua Padang Kawat. Soalan saya, adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk memindah *intake* itu daripada lokasi sekarang ke kawasan-kawasan yang lebih wajar seperti di Sungai Relau ataupun di sungai tadi. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Yang di-Pertua,

Sepertimana saya nyatakan tadi, kalau melihat kepada *reserve* yang ada memang ada setengah kawasan ni memang *reserve*nya sedikit contohnya macam di Merapoh. Er… Merapohnya *reserve*nya 10% sahaja maknanya kalau sekiranya ada er… pembangunan yang er… mendesak ataupun pembangunan yang rancak sudah tentu er… perkara ini er… perkara ini perlu diteliti ya dan er… ada setengah tempat misal contohnya Batu 9 er… ni *reserve*nya er… 50% di Benta ada 5% sahaja sebenarnya.

Jadi er… Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang telahpun er… memperjelaskan dalam er… Bajet yang dibentangkan baru-baru ini iaitu er… hutang er… Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat dalam memberi bekalaan er… perkhidmatan bekalan air bersih kepada penduduk-penduduk telah mencecah er… jumlah RM2.21 bilion. Maknanya er… sebahagian besar daripada RM3.31 bilion hutang kita dengan er… Kerajaan Pusat RM2.21 bilion itu adalah merupakan hutang dalam kita menyediakan bekalan air bersih kepada er… seluruh Negeri Pahang.

Sebab itu er… dalam konteks ini pihak Kerajaan Negeri er… telah dan sedang berusaha dan berunding dengan pihak er… Kementerian er… ni KeTTHA er… Kerajaan Pusat melalui Kementerian ataupun KeTTHA dalam mempastikan supaya dapat disalurkan dana-dana bagi menambah baik er… perkhidmatan bekalan air termasuk membina struktur-struktur baru, aset-aset baru seperti loji rawatan air, tambahan logi rawatan air, mempertingkatkan kapasiti loji-loji rawatan air er… tidak terkecuali di Merapoh ni.

Dan saya er… sedia maklum kegusaran er… sahabat saya Adun Padang Tengku berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi di Merapoh iaitu kekangan pertama sekali dari segi er… er… kepesatan pembangunan yang telah dibawa melalui cadangan oleh Yang Berhormat Adun Padang Tengku er… untuk kawasan-kawasan di Merapoh dan kekangan ini adalah kerana keupayaan loji-loji rawatan sedia ada ni er… er… menimbulkan sedikit er… kegusaran tetapi sebenarnya usaha sedang dibuat oleh pihak PAIP sendiri untuk mempastikan kapasiti loji-loji rawatan di kawasan-kawasan er… yang terbabit dengan er… pembangunan yang rancak ni dapat dipertingkatkan.

Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Masalah er… kualiti air mentah ya. Ini adalah satu perkara yang er… menjadi kegusaran juga pihak Kerajaan Negeri. Malahan kita telah megadakan seminar, dua seminar besar iaitu Seminar Sumber Air Negeri er… dan juga Seminar er… ni Alam Sekitar yang baru-baru sahaja kita adakan baru-baru ini dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja sendiri sebenarnya yang mencetuskan idea supaya kita mendapatkan penglibatan daripada seluruh er… peringkat sama ada orang awam, sama ada NGO, sama ada badan-badan berkanun, er… badan-badan profesional dan juga Agensi-agensi Kerajaan. Kita telah membincangkan dalam bengkel yang telah pun diadakan er… dan membuat rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan tindakan dan er… tidak terkecuali di kawasan Merapoh ini er… terdapat er… gangguan kepada er… kualiti ataupun er… er…. perubahan kepada kualiti air mentah di Sungai Merapoh.

Mungkin er… bersandarkan kepada tu, baru-baru ini er… Kerajaan Negeri telah juga mempelawa pelbagai pihak termasuk NGO-NGO untuk er… tampil ke hadapan termasuk PEKA kalau saya boleh sebutkan di sini, namun dukacitanya dua kali seminar diadakan, dua kali kita menjemput secara rasmi dan secara er… *direct*, khusus tapi dua kali juga er… sebahagian atau setengah daripada NGO ni termasuk er… PEKA seperti mana yang saya sebutkan tadi tidak hadir untuk turut serta membantu Kerajaan Negeri. Namun er… kita tidak er… merasa gusar dengan er… fenomena ini kerana di Merapoh ni kita juga telah minta pihak PAIP mengenal pasti *intake* yang baru seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ADUN Padang Tengku.

Yang Berhormat ADUN Padang Tengku ni Dato' Sri Yang di-Pertua, dia cukup aktif dia walaupun er… dia… ha? Rendang ya, ha… walaupun dia rendang nampak begitu tapi bila dia bercakap seperti halilintar. Sebab tu saya tidak hairan apabila sahabat saya daripada er… Jelai yang juga mempengerusikan… er… merupakan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, dia merasakan… dia menggunakan istilah kacau ganggu tapi (ketawa) maksudnya komitmen beliau dalam mengetengahkan er… isu-isu er… yang didepani oleh masyarakat ini dia begitu er… lantang er… dan berhemah.

Dan dalam konteks di Merapoh ni kita telah mengenalpasti beberapa punca er… potensi punca air bersih ataupun air mentah *sorry*… air mentah yang baru yang boleh kita alihkan muka sauk ataupun *intake* ataupun membina er… baru loji-loji rawatan untuk mempastikan masalah yang didepani oleh masyarakat di Merapoh ni dapat ditangani secara sebaik mungkin tetapi yang paling penting sekali Yang Berhormat Dato' Sri, sebenarnya penglibatan daripada semua.

Pihak Kerajaan Negeri sepertimana Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja mengatakan, menjadi pemudah cara. Kita tidak menghalang aktiviti ekonomi berlaku di kawasan-kawasan di seluruh negeri Pahang dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah memberi komitmen bahawasanya agensi Kerajaan sendiri tidak akan memonopolikan sebarang sektor er… ekonomi tetapi menggalakkan er… ini warga er… perniagaan ini untuk turut serta, usahawan ini untuk turut serta tetapi satu yang perlu kita nyatakan di sini mereka mestilah bertangungjawab menjadi warga er… perusahaan yang bertanggungjawab er… *Responsible Corporate Citizen,* dengan izin, dan melaksanakan pembangunan ataupun aktiviti ekonomi tanpa mengkompromikan kualiti alam sekitar.

Sebab itu dalam konteks ini ada dua pendekatan yang kita ambil, pertama mempastikan semua syarat-syarat pembangunan dipatuhi dan Kerajaan Negeri dengan kerjasama daripada agensi-agensi daripada Kerajaan Pusat seperti JAS Jabatan Alam Sekitar, seperti JMG Jabatan Mineral dan Geosains, seperti er… juga Jabatan Pengairan dan Saliran, pihak er… Jabatan Kimia dan juga di peringkat negeri, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pejabat Tanah er… dan Daerah termasuk contohnya di Lipis memberikan er… kerjasama yang sepenuhnya mempastikan kualiti er… air yang ada tidak tercemar.

Yang keduanya, dengan menggunakan teknologi. Insya-Allah er… baru-baru ini er… satu er… lawatan teknikal telah pun diadakan untuk meninjau bagaimana kita boleh menggunakan teknologi terkini bagi merawat air yang kekeruhannya melebihi 1,000ntu er… *Nephelometric Turbidity Units* ya… makna kalau lebih daripada 1,000 tu kita kena berhenti operasi loji. Tapi dengan teknologi yang ada ni kita menggunakan kaedah merawatnya dan insya-Allah ianya boleh er… dirawat walaupun er… NTU nya melebihi daripada 4,000ntu sendiri ha…

Yang ketiganya, kita melalui KeTTHA memperkenalkan er… dipanggil ORS *Off-River Storage* ya… sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri er… menyatakan dalam pembentangan Bajet baru-baru ini iaitu menggunakan kaedah *Off-River Storage* di mana kita menakung air er… dalam satu saluran yang telah dibina, seperti mana istilah yang digunakan oleh ADUN Padang Tengku, 'biar air tu ning'. Er... air tu ning, maknanya air tu mendap, er… ni… ni… apa nama ini, *suspended solids* dengan izin ya, dia mendap dan air tu bertambah baik, kemudian kita er… ambil air tu untuk dirawat dan ini sedang dilaksanakan di Sungai Bilut, di Raub, iaitu proses ini sedang dilaksanakan, *on going* sekarang ni.

Sebab tu, Yang Berhormat er… ni… Yang di-Pertua, cadangan daripada rakan saya daripada Padang Tengku tu, memang diambil kira oleh pihak Kerajaan Negeri. Insya-Allah, mudah-mudahan dengan pendekatan yang kita ambil oleh semua pihak, kita akan dapat membekalkan er… air yang dirawat dengan cara yang lebih terjamin, konsisten er… dan kurang gangguan, khususnya melibatkan kualiti air mentah daripada sungai-sungai yang diambil. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Sungai Lembing. Er… Sungai Lembing. Jemput Yang Berhormat Wakil daripada Sungai Lembing.

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak, saya jemput Wakil Sungai Lembing, Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 6.

> [Kesibukan di jalan Alor Akar. Adakah kerajaan bercadang untuk membina jejantas bagi keselesaan orang awam.]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… bagi soalan 6 ni, sebenarnya er… sama ada ada jejantas yang dicadangkan oleh pihak kerajaan untuk dibina yang menghubungkan Jalan Alor Akar dengan persimpangan jalan… Jalan Beserah. Buat masa ni, memang tidak ada er… ni… cadangan pihak kerajaan untuk membina jejantas kerana tidak… nampaknya tidak ada keperluan dalam konteks itu. Er… tetapi saya ingin zahirkan di sini kalau sekiranya er… misal contohnya, Jalan Beserah… persimpangan Jalan Beserah, Jalan Semambu dan Jalan Tengku Muhamad, memang kita er… ada mengemukakan permohonan Kerajaan Pusat untuk membina jejantas di situ, kerana berlakunya kesesakan di dekat apa nama… persimpangan tersebut… dan er… yang ini, kita er… sedang berbincang dengan pihak kementerian untuk er… menimbangkan er… bagi kelulusan pembinaan jejantas di situ.

Begitu juga, di persimpangan Jalan Teluk Sisek dengan Jalan Beserah di… dekat Padang Lalang yang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, tetapi er… setakat ini kita belum menerima atau pun mendapat kelulusan daripada EPU untuk er… kelulusan bagi pelaksanaannya dalam *Rolling Plan* 3 atau pun *Rolling Plan* 4. Jadi, kita sedang memohon untuk mempastikan er… er… kelancaran lalu lintas di persimpangan tersebut dapat di er… dipertingkat dan diperbaiki, insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Yang Berhormat, soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua. Berkenaan dengan simpang di Jalan Semambu dan Jalan Beserah, jawapan bertulis yang saya terima daripada pihak Dewan, er… menunjukkan bahawa jejantas tersebut hanya akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia ke-12, iaitu selepas tahun er… 2020. Jadi er… minta pandangan daripada pihak Kerajaan bahawa adakah projek ini dapat dipercepatkan kerana saya nampak kesesakan lalu lintas di sana memang semakin teruk. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang benarnya Yang Di-Pertua, sebenarnya bagi persimpangan di situ, er… ia tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sebab itu, yang kita er… merancang untuk memohon dalam Rancangan Malaysia ke-12, tapi pada masa yang sama, er… pihak ni… Kerajaan Negeri melalui JKR mengumpulkan justifikasi supaya mungkin diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk memulakan er… usaha-usaha ni, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 ya. Sebab tu yang kita katakan bahawasanya er… projek ini er… yang er… dicadangkan ini, akan sudah pastinya dipohon dalam RMK Ke-12, tetapi dalam RMK-11 ni, kita masih lagi er… membuat er… ni, apa nama permohonanlah, mungkin kita buat *mid-term review* untuk er… memohon dengan Kerajaan Pusat menangani masalah ni, ya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Jemput Wakil dari Cheka.

YB. DATO' INDERA FONG KOONG FUEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk mengemukakan soalan nombor 7.

[Apakah bandar Kuantan telah memenuhi kriteria-kriteria penarafan sebuah bandar raya? Apakah kerajaan bercadang menaik taraf bandar Kuantan menjadi sebuah bandar raya dalam masa terdekat?]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ADUN Cheka bertanyakan soalan apakah kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi untuk menjadi sebuah bandar raya dan juga bertanya kepada kerajaan adakah kerajaan bersedia ataupun bercadang untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Kuantan kepada sebuah Majlis Bandar Raya.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka, Majlis Perbandaran Kuantan sebenarnya telah pun memenuhi kriteria-kriteria untuk menjadi sebuah bandar raya seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Syarat-syaratnya banyak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi antaranya ialah penduduknya tidak kurang daripada 500,000 orang, dan er… pendapatan tahunannya tidak kurang daripada RM100 juta.

Selain daripada itu, untuk menjadi sebuah bandar raya, ianya mestilah berupaya menjadikan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang tinggi, seperti kecekapan kutipan hasil, penguatkuasaan dan lain-lain fungsi PBT, serta mempunyai struktur organisasi yang mantap dan kakitangan yang berkebolehan menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Syarat lain ialah pembangunan bandar yang menekankan kepada pembangunan mampan, ataupun dengan izin, *sustainable development* serta memberi tumpuan kepada usaha menangani isu-isu perbandaran seperti setinggan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk berpendapatan rendah dan juga pemeliharaan alam sekitar.

Selain daripada itu er… untuk menjadi sebuah majlis bandar raya, ianya mestilah mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan dan kemudahan menjalankan perniagaan dan perdagangan bagi menarik er… masuk pelabur-pelabur asing, dan juga ianya mestilah mempunyai infrastruktur yang lengkap. Itulah di antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi… dan er… cadangan untuk menjadikan MPK sebagai sebuah bandar raya.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju untuk menjadikan MPK sebagai Bandaraya, dan ini dapat kita lihat seperti mana ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 1 haribulan 10 yang lalu, semasa majlis makan malam Sempena Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan di Kuantan baru-baru ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, proses-proses tertentu perlulah dipatuhi terlebih dahulu sebelum Majlis Perbandaran Kuantan diisytiharkan sebagai bandar raya.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua, minta laluan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Bebar.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih. Pihak kerajaan telah bercadang untuk menjadikan Kuantan sebagai bandar raya ni, dah lama. Makna sejak daripada dulu dah dengar ya, tapi saya nak tanyalah, er… dari segi perbandaran dan bandar raya, apakah kelebihan kalau kita menaikkan taraf kepada bandar raya jika dibandingkan perbandaran?

Yang keduanya, saya nak tahulah, er… tentang er… apakah proses-proses yang perlu dilalui sebelum Majlis Perbandaran Kuantan ni, diisytiharkan sebagai sebuah bandar raya? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Daripada segi kelebihannya, memang banyaklah apabila dinaiktarafkan daripada majlis perbandaran kepada bandar raya. Terutama sekali daripada segi kecekapan untuk mengutipkan hasil. Kemudian daripada segi perkhidmatan untuk… kepada rakyat. Itu di antara kelebihan-kelebihan yang sekiranya dinaikkan sebagai taraf bandar raya. Manakala daripada segi proses untuk er… menjadikan daripada majlis perbandaran kepada bandar raya, sudah tentu akan melalui proses-proses tertentu.

Antaranya ialah ianya mestilah dibawa di dalam mesyuarat penuh er… Majlis Perbandaran dan ianya mestilah disokong dan diperakukan dalam mesyuarat penuh tersebut. Er… setelah diperakukan, er… kertas cadangan hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan er… apabila MMK bersetuju, maka satu kertas cadangan hendaklah dibawa kepada Kementerian di dalam Mesyuarat Majlis er…Kerajaan Tempatan dan selepas daripada itu sekiranya diperakukan dan disokong, ianya akan dibawa kepada jemaah menteri dan apabila jemaah menteri bersetuju er… diserah balik kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan mendapatkan tarikh untuk perisytiharan er… majlis bandar raya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, terima kasih. Yang Berhormat er… ya, Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan tentang usaha untuk menaiktaraf majlis perbandaran ini kepada majlis bandar raya. Ada tak pihak kerajaan menjalankan er… kajian kesan sosio-ekonomi khususnya kepada penduduk apabila kita naik taraf daripada satu majlis er… perbandaran kepada bandar raya er… kesan yang bakal dihadapi oleh rakyat sekitarnya, khususnya yang masih lagi er… terpaksa bergelut dengan… dengan er…sara hidup yang… yang tidak menentu dan sebagainya. Hah… jadi kalau ada kajian tu, kalau boleh diberikan sedikit er… penjelasan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bagi pihak rakan-rakan kerajaan ingin membuat sikit kata-kata atau *remarks* dengan izin *just want to make some* er… *partenal remarks* er… apa ni dengan izin

Yang di-Pertua. Kuantan ni sebenarnya layak menjadi bandar raya sudah lama dah, SS tak ada pulak… tapi saya selaku Menteri Besar memikirkan apabila kita naikkan sebagai taraf sebagai bandar raya, maka banyak implikasi yang lain.

Contohnya, mungkin kadar cukai pintu kena dinaikkan. Kemudian itu, perkara-perkara seperti longkang, jalan, mesti diselenggarakan dengan baik. Maka, saya pada masa itu mempengaruhi emm… rakan-rakan dalam Exco, bukan setiap masa saya mempengaruhi, tentang ini jer, nanti besok orang ingat er… ni Exco er… pengaruh dek MB, pengaruh dek MB… pengaruh dek MB, bukan begitu.

Saya meyakinkan Ahli-hhli Exco bahawa ini belum masanya, bahkan saya menyembahkan ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang juga pada masa itu *concerns* supaya Kuantan dijadikan bandar raya tapi setelah menyembahkan butir-butir yang munasabah dan Tuanku berkenan untuk er… bersama-sama *share* pandangan kerajaan, bukan masanya lagi. Kalau kita nak naikkan taraf bandar raya, besok pun boleh.

Kuantan dah layak dari segi penduduknya, dari segi kutap…kutipan *assessment* apa ni *rates* nya, dari segi kemudahan asasnya, dari segi apa ni… institusi pengajian tingginya, itu pun salah satu syarat, mesti ada IPT di tempat itu. Semua kita layak dah. Pendek kata kalau *blow* jer... 'pup'… tapi kita nak kaji, kesan pengiktirafan itu nanti, apa kepada rakyat seperti disebutkan oleh Ahli dari Mentakab tadi. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, terima kasih [berdehem] Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengemukakan soalan nombor 8.

> [Memandangkan kenaikan harga hasil pertanian dan perikanan meningkat naik berganda–ganda tidakkah kerajaan bercadang untuk memberi dorongan dan bantuan kepada pertanian perternak dan nelayan untuk meningkatkan usaha mereka dengan bimbingan jabatan yang terlibat bagi mempastikan mereka mendapat pulangan yang lumayan.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya kerajaan amat prihatin kepada golongan petani, penternak dan nelayan. Kerajaan sentiasa bersungguh-sungguh untuk membantu mereka ini bagi tujuan meningkatkan usaha mereka bagi mendapat pulangan yang lumayan atas usaha mereka. Sebab itu, ketiga-tiga jabatan yang terlibat, kalau kita lihat Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan Negeri Pahang sentiasa ada program, projek tertentu, usaha-usaha tertentu bagi membantu er… pihak pekebun, petani, penternak dan nelayan.

Sebagai contoh, Jabatan Pertanian melalui usahanya, kita mewujudkan garis panduan iaitu Amalan Pertanian Yang Baik ataupun dalam bahasa inggerisnya dipanggil GAP tu *(Good Agriculture Practice)* myGAP. Bila dapat myGAP ni, senang kita nak jual produk kita. Sebab itu kita amat-amat sekali menggalakkan apa jua pengusaha yang kecil, yang besar, usahawan atau syarikat dapat menguruskan ladang mereka dengan mengikut garis panduan yang telah diwujudkan itu, Amalan Pertanian Yang Baik.

Sebab itu, kita er… jabatan, bimbing mereka sehingga dapat pensijilan myGAP. Bila dapat pensijilan myGAP ni, nak jual barang senang harga dapat pun bag… bagus. Selain daripada itu juga, kita ada program pensijilan *myOrganic*. Jadi, bila mereka ni dapat menggunakan baja-baja yang dibuat sendiri daripada bahan organan, maknanya tak adalah *pesticide,* tak adalah ni… yang mewujudkan supaya dapat er… hasil tani mereka ini selamat untuk dimakanlah.

Seterusnya, mak… bagi Jabatan Perikanan pulak, mereka ada bantuan yang tertentu, umpamanya nak… kita minta mereka ni sentiasa pergi ke laut dalam keadaan cuaca yang… yang baik. Kalau cuaca musim tengkujuh ni, janganlah main kat laut contohnyalah ya, main tepi-tepi pun tak apa. Er… kadang-kadang ikan yang kecil-kecil ada. Er… di kawasan saya, Dato' Sri Tuan di-Pertua, ikan senangin ada. Er… pergilah kat Pantai Sepat tu, musim ni lah, dia main bawah buih, ikan senangin ni main bawah buih. Jadi kita ni, er… jabatan memberikan kotak-kotak. Kotak tong ni harga dia mahal, yang besar tu lebih kurang RM100 yang untuk… untuk tujuan tersebut.

Manakala untuk nelayan sungai, kita ada program kluster Sungai Pahang. Kita wujudkan membina er… tempat mudahkan untuk pemasaran ikan, di tempat-tempat mereka ternak ikan. Manakala di… contoh lagi, di… nelayan zon A di… di Pekan, di Kampung Pasir Panjang. Jabatan Perikanan telah membina 80 unit sangkar ikan bagi tujuan menambah pendapatan dan menampung pendapatan mereka masa musim tengkujuh.

Manakala bagi tujuan tersebut, er… bagi pihak Jabatan Perikanan, veter… er… Jabatan Perhitan… er… Perkhidmatan Veterinar. Kita telah mewujudkan er… *Pahang Dairy Valley* er… yang… yang dengan tujuannya, kita nak buat ladang tenusu yang banyak, yang baik pengeluarannya dan sebab itu, kita perlu ada transformasi tertentu. Penternak-penternak kita, kita nak bagi mereka mewujudkan program tron… transformasi bidang penternakan ruminan daripada aktiviti nu… *unilateral* iaitu kita ni nak gemukkan lembu sahaja.

Er… maknanya *fattening,* kita tak nak *fattening* sahaja. Kita nak buat kepada aktiviti *multilateral* iaitu pembiakan lembu menerusi teknologi permanian berhadas arte… *artificial insemination*, memproses makanan dengan buat silaj. Kita, kita bantu mereka supaya mereka lebih *independent* daripada membeli er… apa ni er… makanan-makanan er… ternakan. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Chenor. Yang Berhormat Chenor.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Chenor dulu.

YB. DATO' HAJI MOHAMED ARIFIN BIN AWANG ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terutamanya saya nak ucap terima kasih kepada pihak kerajaan kerana banyak membantu er... pihak nelayan, khususnya nelayan sungai, tapi satu perkara yang saya nak tanya pihak kerajaan. Apakah er… usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam menentukan bahawa er… ikan-ikan air tawar terutama ikan di sungai Pahang, khususnya ikan-ikan yang mendapat permintaan tinggi seperti ikan patin, er… ikan kerai, ikan gahak yang ada ni tidak pupus, kerana kita tahu bahawa salah satu ikan patin yang telah pupus iaitu ikan patin muncung, tidak lagi ada. Yang ada sekarang hanya patin buah. Jadi apakah usaha-usaha yang er… dilakukan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan ataupun menentukan bahawa er… ikan-ikan ini tidak pupus? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang pertamanya, kita sememangnya se… er… program pembenihan ikan dan untuk makluman Sidang Dewan, di negeri Pahang ada dua tempat. Er… Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA), satu di er… Bukit Tinggi, kalau kita nak turun bukit tu, daripada Kuala Lumpur tu belah kiri, di sana ada pusat pengam… pengembangan er… akuakultur. Satu lagi di Perlok. Di Pahang ni ada dua yang kerajaan punya dan sebab itu macam ikan gahak pulak, memang kita payah nak dapat er… kita nak buat pembenihan.

Jadi sebab tu, dalam er… saya mengumumkan dalam Sidang yang lepas supaya Kerajaan Negeri er… apa ni, memberi hadiah yang lumayan, siapa yang dapat er… ikan yang hiduplah, tapi ikan gahak ni dia tak… dia naik ke darat ni dia… dia cepat… cepat mati. Er… jadi sebab itu kita… kita nak yang hidup supaya dengan tujuan kita dapat buat pembenihan er… seperti ikan baung dan banyak lagi ikan-ikan sungai yang lain dan kita juga… kita kena pula di… di… saya nak menyarankan di luar sana supaya menjaga alam sekitar.

Jangan buang sampah di… di… longkang-longkang sebab ini antara punca apa ni… er… selain daripada hal-hal lain yang kita tahu tu, alam sekitar er… di tangan manusia juga yang di bandar-bandar ini yang buang sampah di… di… longkang-longkang sebab longkang ni akan terus pergi ke sungai, jadi bila dan… dan nelayan di tempat saya contohnya, mereka ikat bot tapi mereka me… menyalin minyak hitam itu terus curah ke… ke… ke sungai. Ini berlaku bau… minyak itu bau.

Jadi tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar ni bukan kerajaan semata-mata semua orang, semua pihak dan kita tidak boleh *politicized* kan semua perkara haa, waima apa parti pun tapi ini… ini yang berlaku er… pihak… kesedaran kena perlu tinggi untuk er… menjaga alam sekitar supaya sumber er… ikan kita di sungai itu dapat terus hidup. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tanah Rata, sila.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Hormat Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya suasana indah daripada Temerloh ke Bera tepi Sungai Pahang yang terdapat sangkar ikan, cuaca baik. Adakah kerajaan er… cadang untuk menggalakkan orang buka restoran tepi sungai? Er… supaya boleh menaikkan apa… pelancongan di kawasan tersebut.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Er… mengikut rakan daripada Lanchang er… memang… memang ada sebab itu kalau di tengok di… di jambatan situ, kita ada buat tempat peruntukan daripada Kementerian Pelancongan tapi kalau yang sepanjang jalan dekat Bera itu individu itu memang ada saya nampak restoran tapi jalannya kita ini begitu sempit mungkin menimbul bahaya, tapi kita memang mengharapkan er… inisiatif daripada swasta untuk mewujudkan restoran-restoran yang berskala besar bagi tujuan untuk mempromosi. Walaupun, dalam pada itu pun ikan kita ini tak cukup, ikan patin nak sampai ke Kuala Lumpur ni memang permintaan yang tinggi dan harga pun agak lumayan untuk sepinggan er… ikan patin yang biasa itu, boleh tahan juga di Kuala Lumpur. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya berterima kasih pihak kerajaan kerana memberi jawapan yang baik tapi nak tambah sikit masalah… zaman sekarang ini zaman inflasi ini, zaman apa… ekonomi, kalau boleh kita hidupkan balik zaman dulu punya pertanian ni. Hak buku hijau sikit-sikit ini. Contohnya dalam komoditi, kalau… satu orang tanam pokok terung, satu orang tanam pokok… sikit-sikit je. Dia boleh tukar tak payah ramai-ramai. Saya pernah tanam 10 pokok cili api, berlebih nak makan, boleh bagi ke orang maknanya kalau semua orang senang jaganya tak banyak. Jadi kalau boleh digerakkan kembali, tak payah banyak, maknanya 1 batas sawi contohnya, tanam seorang. Yang lain tanam bayam, boleh bertukar. Jadi makna akan menjimatkan belanja. Sekarang ini memang nak jimat belanja. Nak beli mahal, sayur ini sekarang RM5 – RM6 sekilo kalau buat begitu, makna sambil-sambil… boleh kita galakkan makna kalau bolehlah. Sekian terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Er… amat baik atas cadangan tersebut. Ya, kalau dulu kita namakan buku hijau tapi *terminology* moden ini *edible garden*… *edible garden* er… Ahli daripada Semantan er… haa. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baiklah saya jemput Wakil daripada Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Pengerusi… er… er… Yang di-Pertua, er… soalan saya soalan nombor 9.

[Kemiskinan generasi muda bandar amatlah ketara dan manifestasi ini dapat dilihat melalui kesusahan mendapatkan tempat untuk menjalankan perniagaan dalam kawasan bandar. Ada agensi-agensi NGO cuba membantu tetapi telah disyaratkan dengan kos-kos dan bayaran yang tinggi serta tidak munasabah.

a) Apakah usaha kerajaan tempatan dalam membantu untuk mengurangkan kemiskinan belia di bandar?

b) Apakah syarat-syarat yang boleh diberi kelonggaran kepada badan-badan NGO untuk membantu dan memberi peluang kepada belia-belia yang ingin memulakan perniagaan dengan kos yang rendah?

c) Kalau ada tempat-tempat yang sesuai bolehkah syarat-syarat seperti kos cukai, deposit dan pelupusan sampah/kebersihan adalah ditanggung oleh pihak penganjur/NGO. Pihak kerajaan tempatan hanya sebagai pemantau agar segalanya tidak disalah-gunakan?]

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Pulau Tawar yang bertanyakan er... soalan berhubung kait dengan er... keadaan belia-belia di dalam bandar. Bagaimana peluang-peluang yang boleh kita berikan kepada mereka untuk mengatasi er... masalah ekonomi yang mereka hadapi. Kita er... ada beberapa kaedah dan juga peluang serta ruang yang kita buka dan lebih banyak peluang-peluang perniagaan kepada golongan belia bandar seperti er... melalui aktiviti perniagaan di pasar malam. Kalau di Kuantan saja hampir 36 tapak. Statistik tahun 2017, daripada 1,200 peniaga pasar malam, 480 peniaga adalah golongan belia bandar.

Ini membawa 40% penyertaan belia di dalam aktiviti ini. Begitu juga melalui aktiviti perniagaan *Car Boot Sale*, 3 tapak telah diluluskan dan 2 tapak telah beroperasi. 1 tapak akan beroperasi awal November 2017 dan 1 tapak yang dalam proses kelulusan. Untuk makluman Sidang Dewan juga, *Car Boot Sale* ini merupakan satu fenomena bagi anak-anak muda dalam bandar walaupun kita tahu umumnya *Car Boot Sale* ini sangat mashyur di er... United Kingdom. Statistik 2017, 2 tapak yang telah beroperasi di hadapan UTC dan Taman Tas melibatkan 130 orang peniaga dan 100 orang daripadanya adalah golongan belia. Untuk itu juga melalui aktiviti Bazar Ramadan, 35 tapak.

Statistik 2017 daripada 1,800 orang peniaga Bazar Ramadan seramai 1,038 orang yang terlibat adalah golongan belia. Begitu juga melalui aktiviti pelbagai ekspo dan karnival, statistik 2017, sebanyak 25 ekspo dan karnival telah dijalankan di sekitar Bandar Kuantan sebanyak ataupun seramai 500 orang peniaga telah mendapat peluang berniaga dan dari jumlah itu seramai 400 orang peniaga adalah golongan belia.

Seterusnya melalui aktiviti penyewaan gerai dan pasar milik MPK, statistik 2017 daripada 1,383 lot gerai dan pasar milik Majlis sebanyak 277 lot telah disewakan kepada golongan belia. Melalui aktiviti penjaja statik, bergerak dan *food truck.* Statistik 2017, penjaja statik seramai 791 orang manakala 158 orang adalah golongan belia. *Food truck* ini untuk makluman Sidang Dewan juga untuk kita berkongsi er... maklumat merupakan satu *trend* perniagaan yang masyhur di Amerika Syarikat sejak tahun 1872 lagi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sidang Dewan sekalian, syarat-syarat yang boleh diberi kelonggaran kepada badan-badan NGO untuk membantu dan memberi peluang kepada belia memulakan perniagaan dengan kos yang minima atau kos yang rendah, adalah seperti kadar bayaran permit niaga semurah RM10 ataupun serendah RM10 sahaja, sehari. Juga bayaran permit penjaja statistik adalah serendah ataupun sebanyak RM1 sahaja bagi sehari. Deposit sampah bagi penganjuran aktiviti karnival dan ekspo adalah RM2000 dan ini boleh dipertimbangkan ya, sokongan Yang Berhormat dan sebagainya boleh mencapai ataupun serendah RM500 sahaja. Bahan promosi seperti bun... er... *bunting* dikenakan permit hanya RM1 sehari. Di MPK, sememangnya bertindak sebagai pemantau kepada aktiviti yang dijalankan supaya syarat-syarat dipatuhi, tempat yang sesuai memang diberi ruang untuk diluluskan asalkan tidak menghalang lalu lintas.

Kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada YDP MPK atas budi bicara dalam banyak perkara ya, telah memberi ruang dan peluang kepada golongan belia di dalam er... Bandar Kuantan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Sidang Dewan sekalian, kita mengucap ribuan terima kasih bukan sekadar Majlis Perbandaran Kuantan tetapi juga kepada Majlis Perbandaran yang lain dan juga Majlis-majlis Daerah seperti Majlis Perbandaran Temerloh antaranya memudahkan urusan dan mewujudkan peluang bagi belia yang layak mendapat permit sementara untuk menjalankan perniagaan, kelonggaran bagi syarat-syarat am yang boleh dilaksanakan selain syarat-syarat kesihatan dan keselamatan yang boleh dilaksanakan dalam tempoh masa yang begitu singkat dalam masa tertentu.

Begitu juga kos cukai deposit dan pelupusan sampah kebersihan boleh ditanggung oleh pihak penganjur, NGO dan mesti memberi perakuan bertulis untuk bertanggungjawab bagi pelaksanaan perkara yang berkaitan. Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Rompin, Majlis Daerah Maran, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Raub turut mengadakan seperti *Raub Night Bazaar*, *Raub Street Food*. Begitu juga Majlis Daerah Lipis, Majlis Daerah Bera, Majlis Daerah Cameron Highlands yang mana usaha sama penyelarasan yang dibuat bersama UDA, Empower, ECER dan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, KPKT untuk melatih kemahiran dan keusahawanan para belia. Begitu juga, sentiasa menghebahkan bantuan kerajaan contohnya skim TEKUN, TERAJU, MARA dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Sidang Dewan sekalian, kesemua Majlis Perbandaran dan juga Majlis-majlis Daerah ini dalam memberi perhatian kepada golongan belia, inilah antara perkara-perkara yang sering diberi keutamaan kepada golongan belia. Kita mengucap er… ribuan terima kasih juga kepada pihak-pihak seperti Jabatan-jabatan Kerajaan juga banyak memainkan peranan dengan mengadakan karnival-karnival, expo dan sebagainya yang mana melibatkan golongan belia.

Begitu juga dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta turut memainkan peranan membantu untuk memberi peluang dan ruang kepada golongan belia bagi menang… meningkatkan ekonomi mereka di dalam bandar-bandar yang saya sebutkan tadi. Begitu juga kepada Yang Berhormat ADUN-ADUN yang sering membantu di kawasan masing-masing, dengan mewujudkan tapak-tapak dengan kerjasama pihak Majlis dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya, soalan tambahan, Tahan.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Saya mendapat aduan daripada belia-belia yang berhijrah ke bandar, dalam masalah apabila memulakan perniagaan di premis-premis contohnya di *reserve-reserve* kerajaan tetapi kadang-kadang mendapat tentangan yang begitu hebat daripada pihak-pihak… tetapi kalau orang luar tiba-tiba boleh dapat lagi. Apa komen?

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada perkara yang dibangkitkan ataupun aduan yang telah diperkatakan oleh er… ADUN dari Pulau Manis ehh Pulau Tawar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tawar, ya.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Tak manis-manis pulau ni. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Yang di-Pertua, aduan-aduan sebegini kita tidak dapat elak dan nafikan kerana er… sebagaimana kita tahu bahawa premis-premis kerajaan ini adalah suatu tempat yang perlu dijaga tahap keselamatan, tahap kebersihan, integriti di kalangan pegawai dan juga er…. *staff*, macam-macam perkara yang boleh menimbulkan persepsi yang pelbagai.

Namun atas keprihatinan pihak-pihak yang tertentu, baru-baru ni kita dengar ADUN pembangkang, dia sebut tentang satu premis jabat… ataupun jabatan kerajaan yang membenarkan jualan kecil-kecilan, ada nampak macam serabut. Jadi, ni pun perkara yang perlu kita ambil pusing tapi dalam masa yang sama kita akan melihat dan ambil maklum dan insya-Allah Jabatan Belia ataupun kerajaan sendiri akan cuba mencari alternatif yang terbaik untuk memberi ruang dan peluang kepada anak-anak muda ini.

Sebagai contoh, di *convest* Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang kita sentiasa mengadakan er… ruang-ruang untuk anak-anak muda ini, walaupun dalam masa yang sama kita tahu ada luahan yang mengatakan sebagaimana yang dibangkitkan oleh ADUN Pulau Tawar sehinggakan Persatuan Ibu Tunggal, Persatuan Pemelihara Kucing-kucing juga turut meniaga di kalangan anak-anak muda, dan saya berbangga dengan apa yang kita lalui selama ini… yang mana YDP-YDP Majlis Perbandaran mahu pun Majlis Daerah begitu prihatin bahkan saya jarang dengar mengeluarkan saman kepada anak-anak muda ini, bukan kata tidak melakukan kesilapan tetapi

memberi teguran dan juga nasihat serta kaunseling, secara tidak langsung mendekatkan anak muda kepada aktiviti yang sihat ini. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya.

YB. DATO' MOHD ZAILI BIN HAJI BESAR

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon izin mengemukakan soalan tambahan. Saya berterima kasih atas jawapan yang telah dikemukakan oleh Wakil Kerajaan tadi. Cuma, saya ingin sedikit pandangan daripada Wakil Kerajaan. Adakah Wakil Kerajaan er… terutama dari Tioman ya, ingin mencadangkan ataupun berhasrat mencadangkan kepada pihak yang berkuasa mengenai hal-hal perniagaan khususnya di kawasan bandar ini. Apabila kelulusan diberikan ataupun kebenaran diberikan kepada er… anak-anak muda ataupun NGO-NGO tertentu mem… mencadangkan supaya memberi syarat kepada NGO-NGO ataupun agensi-agensi tertentu yang melaksanakan perniagaan tersebut khususnya seperti bazar, expo dan lain-lain lagi er… memperuntukkan sejumlah tertentu kepada golongan belia terutama kepada golongan belia tempatan, ya.

Kadang-kadang terdapat, katalah kelulusan diberikan tetapi terlalu ramai peniaga-peniaga dari luar ya, sehingga ruang-ruang untuk anak-anak muda kita peniaga-peniaga tempatan kita er… menjadi… orang kata kurang, ya. Ini kita faham sebab atas kapasiti untuk mendapatkan keuntungan daripada penganjur-penganjur tersebut tetapi kita memberi syarat kepada er…. penganjur-penganjur ini, keutamaannya kepada peniaga tempatan dan anak muda tempatan. Maknanya kalau dapat Wakil Kerajaan daripada Tioman mencadangkan kepada pihak-pihak tertentu.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih. Cadangan tersebut amat positif dan kita akan bekerjasama dengan pihak PBT. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya pergi kepada soalan terakhir, suka saya memaklumkan bersama-sama kita dalam dewan ini ada beberapa juga wakil dan anak muda iaitu pemerhati dari Gerakan Belia 4B Malaysia Kawasan Kuantan [Ahli Dewan menepuk meja] dan juga Batin dan JKK OA daripada Daerah Maran yang turut hadir bersama-sama kita pagi ini. [Ahli Dewan menepuk meja] Terima kasih, baiklah untuk soalan terakhir kita pada pagi ini, saya menjemput Wakil dari Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya kemukakan soalan nombor 10.

[Apakah perkhidmatan jalur lebar (KTW) di kampung-kampung masih berfungsi dan apakah sambutan masyarakat luar bandar serta mutu perkhidmatan yang disediakan?]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan soalan berkenaan dengan perkhidmatan Jalur Lebar Kampung Tanpa Wayar, sebenarnya dah banyak kali soalan berkenaan perkara ni dibangkitkan dalam Sidang Dewan, dan sekarang ini, Kampung Tanpa Wayar ini sebenarnya dikenali sebagai Wifi Komuniti yang merupakan program yang dilaksanakan di kawasan penempatan luar bandar, perumahan kos rendah dan kampung tradisional oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sebagai inisiatif untuk membolehkan penduduk di lokasi berkenaan mengakses internet secara asas.

Berdasarkan statistik sehingga suku ketiga 2017, terdapat sebanyak 184 lokasi Wifi Komuniti di seluruh negeri Pahang dengan rekod seramai 2,866 pengguna berdaftar. Walaupun sambutan diterima oleh penduduk luar bandar terhadap perkhidmatan Wifi Komuniti adalah baik tetapi dengan penambahbaikan litupan jalur lebar tanpa wayar 3G dan 4G, ianya kini menjadi pilihan utama kerana membolehkan pengguna mengakses internet menggunakan telefon pintar yang telah ter... ternyata lebih memudahkan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Sila Jengka, soalan tambahan ya.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Mohon saya untuk soalan tambahan. Berkenaan juga err… perkhidmatan jalur lebar dan juga selular yang terdapat di luar bandar, kadang-kadang berbeza ya, tapi tinggal lagi apa yang saya nak sebut di sini bahawa kadang-kadang *net mode… network mode* yang tidak… yang di… er… diberi kepada oleh *Telcos* di setengah-setengah tempat, sebagai contoh disebut 3G tapi cuma boleh akses 2G ataupun silap gaya Eee… je. Jadi apa yang boleh saya sebut di sini, bagaimana untuk mengatasi impak dia iaitu… sebenarnya bila orang beli perkhidmatan *mode network* yang 4G, 3G tapi akhirnya dapat yang kurang daripada itu jadi menyebabkan orang ramai marah.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih er…. Wakil daripada Jengka yang malam tadi dapat anugerah Wakil paling aktif menyampuk atau bertanya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini pun dah menyampuk ni. Sila.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Menjawab soalan tersebut sebenarnya ada dua cara, bagaimana kita nak mengatasi masalah yang disebutkan oleh Wakil Jengka. Satu cara jangka panjang, satu jangka pendek. Jangka pendeknya, sebelum kita beli telefon tu Dato' Sri Yang di-Pertua, kita kena cek dulu, adakah telefon kita itu er… sesuai untuk mendapatkan liputan 3G, 4G? Ada juga telefon yang tidak sesuai. Jadi macam mana kita ada 3G dan 4G pun kalau telefon tu memang kapasitinya hanya untuk 2G, 2G je la dapatnya Dato' Yang di-Pertua.

Jadi ini orang ramai kena pekalah, kena tahu, kena ada ilmu er… dalam kita nak er… menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada. Jangka panjangnya saya tak nafikan memang banyak lagi tempat kita yang masih belum mendapat er… liputan 3G dan 4G dan insya-Allah, dalam ucapan penggulungan saya nanti, saya akan bentangkan untuk dikongsikan bersama dengan Ahli-ahli Dewan, Wakil-wakil Rakyat bagaimana kita er… hendak melebarkan lagi ataupun untuk menambahkan lagi perkhidmatan 3G dan 4G di Negeri Pahang ini khususnya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Beserah, ada soalan.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan sikit ya.

Terima kasih er… Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan ya. Saya buat sedikit er… kiraan kasar daripada jawapan pihak Kerajaan tadi, ada 184 wifi komuniti, berbanding dengan jumlah pelanggan 2,866. Kalau kita kira sekampung itu katalah ada 100 orang, itu minima. Kita ada jumlah penduduk 18,400 orang, berbanding dengn jumlah pelanggan sekadar dua ribu lap… 2,800 ini, adakah er… *visible* atau *fisible* kita buat teruskan perkara ini berbandingkan dengan kos. Kos *maintainance*, kos menyediakan hanya sekadar 15% sahaja er… kadar kepenggunaan Wifi Komuniti ini. Apakah langkah-langkah yang perlu dibuat oleh pihak kerajaan supaya dia boleh meningkatkan er… kadar kepenggunaan ini supaya dia berbaloi dengan usaha yang dibuat er… dalam Wifi Komuniti? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Wakil dari Beserah. Soalan yang sangat baik. Sebenarnya er… perkara tersebut juga akan saya sentuh nanti dalam ucapan penggulungan. Memang er… kita merasakan, sebab itulah kampung tanpa wayar er… telah tidak lagi diteruskan ya, begitu juga dengan Wifi Komuniti ini. Bila er… sesuatu tempat ataupun lokasi tersebut mendapat perkhidmatan 3G 4G, memang kita akan er… tiadakan ya, dan kita kurangkan penggunaan Wifi Komuniti ini kerana pengguna hari ini khususnya masyarakat di luar bandar pun lebih selesa mengakses internet melalui *smartphone* ataupun telefon pintar masing-masing.

Jadi saya memang bersetujulah, memang dari segi kos memang kerajaan menyedari perkara tersebut. Sebab itulah er… banyak dah kampung tanpa wayar dan juga Wifi Komuniti ini kita hentikan perkhidmatan selaras dengan er… kemudahan yang kita berikan er… yang er… kalau kita tengok tidak mendapat sambutan di sesuatu lokasi itu, di sesebuah tempat itu, kita akan tamatkan dengan cara kita *upgrade* ataupun kita naik taraf er… dari segi er… *line* selular telekomunikasi dan sebagainya, ya… dan begitu juga dengan sekarang ini sudah ada Pusat Internet 1Malaysia yang mana banyak kita gantikan Pusat Internet 1Malaysia ini dikebanyakan kawasan luar bandar

di Negeri Pahang ini dan kita akan tambah lagi dari semasa ke semasa. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak. Saya ingat dah cukup Yang Berhormat, soalan tambahan.

Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan ya, 10 pertanyaan-pertanyaan dan jawapan-jawapan serta soalan-soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan pihak kerajaan yang telah memberi penjelasan yang cukup baik. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada pagi ini untuk kita sama-sama menikmati minum pagi dan persidangan disambung semula pada jam 11.30 pagi. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan Ditempohkan pada jam 10.36 pagi]

[Persidangan Disambung Semula]

MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Menimbang Rang Undang-Undang Perbekalan (2018) 2017

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 telah dibentang dan dibahas pada 21, 22 dan 23 November 2017 dan seramai 21 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Baiklah, pada hari ini pihak kerajaan akan menjawab memberi ulasan dan pandangan, pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Sukacita saya memaklumkan Wakil-wakil Kerajaan akan diberi masa selama 20 minit juga bagi membolehkan semua Wakil-wakil Kerajaan menjawab pada hari ini juga.

Oleh itu saya berharap mendapat kerjasama daripada Wakil-wakil Kerajaan untuk memberi jawapan seberapa yang boleh. Baiklah, oleh kerana Yang Berhormat Wakil Kerajaan iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri mempunyai tugas rasmi pada petang ini, saya dengan itu menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri untuk memberi jawapan pada sesi pagi ini. Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan jua terima kasih di atas kesempatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam sesi penggulungan di Dewan Yang Mulia di persidangan kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2018. Ternyata Bajet yang telah mengambil kira kesemua keperluan di dalam negeri, agar negeri kita akan terus makmur dan maju. Saya yakin ianya akan meneruskan pemacuan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan taraf hidup rakyat serta meneruskan kemajuan Negeri Pahang.

Saya juga bersyukur kehadrat Ilahi kerana dapat juga kita Ahli-ahli Dewan berkumpul bersama-sama kali ini bagi menyempurnakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita semua. Terlebih dulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar yang telah memberikan sokongan dan kepercayaan yang amat tinggi terhadap pelaksanaan Tahun Melawat Pahang 2017. Alhamdulillah, kepercayaan, sokongan dan pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah berjaya membawa sedikit perubahan serta melonjakkan kedatangan pelancong ke Negeri Pahang pada masa ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sesebuah negeri lazimnya akan memperkenalkan slogan atau kempen tertentu untuk memasarkan produk mereka. Slogan atau kempen yang efektif perlulah tepat, dipercayai, ringkas, menarik dan unik. Kerajaan Negeri Pahang tidak ketinggalan malah terus ke hadapan mengambil inisiatif untuk melonjakkan bidang pelancongan

ke negeri ini, ke satu tahap yang lebih tinggi selaras dengan perkembangan dunia pelancongan amnya dan Malaysia khususnya bagi menarik kehadiran pelancong ke negeri yang bertuah ini. Persaingan dengan negeri-negeri lain dalam melonjakkan imej masing-masing sebagai destinasi pelancongan, telah membawa kepada negeri Pahang untuk merencana pelbagai program dan aktiviti bagi memastikan destinasi dan produk pelancongan di negeri ini terus mendominasi pasaran sektor pelancongan negara. Setiap negeri mempunyai strategi yang sendiri mengikut tahap keupayaan kewangan dan produk yang dimiliki. Melalui Tahun Melawat Pahang 2017 yang dijalankan setakat ini, kita telah berjaya mencapai matlamat dan sasaran yang dikehendaki bagi menambah serta meramaikan kedatangan pelancong dan juga memperbanyakkan perbelanjaan pelancong di negeri ini.

Sepanjang penganjuran kempen ini, pelbagai program dan aktiviti promosi serta publisiti telah dijalankan. Di sini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang kerana telah berkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan pelancaran promosi Tahun Melawat Pahang 2017 pada tanggal 25 Ogos 2016 bertempat di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur dan selanjutnya menyempurnakan pengisytiharan Tahun Melawat Pahang 2017 pada tanggal 20 Januari 2017 bertempat di Dataran Letak Kereta UTC Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Di atas sokongan, dorongan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang terhadap pelancongan negeri ini, amatlah disanjung tinggi agar ianya terus mempertingkatkan kedatangan pelancong ke negeri kita yang tercinta ini. Statistik atau angka ketibaan pelancong yang direkodkan di 21 lokasi tarikan terdapat di negeri ini meningkat sebanyak 20.4% bagi tempoh 9 bulan pertama iaitu Januari hingga September 2017 iaitu seramai 11.29 juta pelawat antarabangsa dan domestik, berbanding pada 9.23 juta sahaja, minta maaf 11.29 juta pelawat atau pelancong ya, berbanding dengan 9.23 juta sahaja pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah 2 kali ganda berbanding dengan tempoh yang sama 2016 iaitu sekitar 8.35%.

Jumlah kedatangan ini tidak termasuk 2 juta pelancong lagi yang dikenalpasti menginap di rumah-rumah tumpangan, *apartment* persendirian serta *homestay* yang tidak didaf… tidak berdaftar yang terdapat di negeri Pahang. Perbandingan statistik kedatangan pelancong ke negeri Pahang sebelum ini, sebelum dan semasa pelaksanaan Tahun Melawat Pahang menunjukkan perbezaan yang amat baik. Saya nak maklumkan bahawa ada kita telah menyediakan 20 destinasi pelancongan terbaik dan saya boleh namakan hanya 5 sahaja. Nombor 1 adalah Sungai Lembing sebanyak 100…109% peningkatan; 2 Temerloh 49.85%; 3 Lipis 49.44%; ke-4 Cameron Highlands 45.20% dan ke-5 Kuantan 38.4% dan yang ke-6 Cherating 29.83%. Cuma saya nak maklumkan bahawa ada tempat-tempat di mana ianya tidak mengikuti nama daerah kerana tempat-tempat tersebut terletak di dalam satu daerah yang sama.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Dari segi pecahan domestik ataupun pelan… pelancongan… pelancong tempatan, peningkatan sebanyak 19.24% dan antarabangsa 20.1… 20.10% berjumlah 19.29%. Untuk pengetahuan dan makluman rakan-rakan Dewan, lazimnya kos terlibat… yang terlibat bagi menjayakan sesesuatu kempen tahun melawat negeri seumpama ini adalah sekitar RM20 hingga RM40 juta. Walau bagaimanapun, melalui kerjasama pintar yang diperolehi oleh Tourism Pahang bagi mendapatkan bantuan, kerjasama dari berbagai pihak termasuklah agensi kerajaan dan kementerian dan juga er…

pihak swasta telah turut membantu menjimatkan perbelanjaan yang sepatutnya dikeluarkan bagi menjayakan Tahun Melawat Pahang antara kerjasama pintar dan bantuan yang diperolehi adalah seperti berikut. Saya kena sebut ini kerana mereka memberikan sumbangan kepada kita.

Sepanjang tempoh pelaksanaan kempen, kerajaan Pahang telah menerima sokongan dan kerjasama baik daripada berbagai pihak dalam memastikan kempen dapat pendedahan meluas sama ada melalui media cetak serta media elektronik. Nilai pelaburan yang dibuat melalui dana pembiayaan oleh beberapa agensi atau kementerian adalah seperti berikut. Promo video adalah tajaan Finas, iaitu penerbitan video, tema lagu dan kos er… penerbitan video adalah sebanyak RM250,000. Tayangan klip video di stesen-stesen tv, RTM1, RTM2, TV3, NTV7, 8TV, TV9, TV Alhijrah dan Astro... dan setiap hari... boleh dikatakan setiap hari er… sebelum berita nilai *air time* adalah sebanyak RM10.5 juta iaitu RM1.5 juta kali 7 *tv station*.

Bagi Lebuhraya Pantai Timur, ANIH Berhad, 3 *overbridge billboard*, 4 *standing billboard*, iklan khas di media tv, kesemua Hentian Rehat dan Rawat (R&R), paparan promosi Tahun Melawat Pahang 2017 di semua *Variable Message Systems (VMS)* di Lebuhraya LPT, pendedahan 24 jam kepada pengguna-pengguna pilihan raya... pengguna lebuh raya seramai 150,000 pengguna setiap hari iaitu 54 hingga ke 55 juta setahun, tajaannya adalah sebanyak RM2 juta.

Slot khas Jelajah Promosi Pahang ke London. Laporan harian secara berkala di slot Malaysia Hari Ini, TV3, Selamat Pagi Malaysia dan juga surat-surat khabar selama 45 hari er… nilainya adalah RM1.3 juta. Aplikasi *Visit* Pahang yang dibangunkan oleh syarikat Media Venture Sdn. Bhd. swasta secara percuma sebanyak RM300,000. Aplikasi ini adalah kemudahan yang boleh digunakan bagi secara percuma oleh orang awam, yang mempunyai *smartphone* dan boleh *download,* ingin mendapatkan maklumat berkaitan hotel, tempat makan, jadual perjalanan, syarikat pengangkutan di samping juga yang lebih penting memudahkan pergerakan pelancong, pelawat ke semua destinasi dan produk pelancongan yang terdapat di negeri ini. *Billboard* bergambar dipasang di 3 lapangan terbang utama di negeri-negeri pantai timur iaitu Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Ianya ditaja sepenuhnya oleh AD Intrade International Sdn. Bhd. dengan nilaian sebanyak 200,000 setiap lokasi, jumlahnya 600,000.

Plan media er... promosi video LED ya, er.. *billboard advertisement* di Jalan Tun Ismail, Kuantan dalam durasi paparan dua ke tiga minit er... jumlah durasi dua ke tiga minit, jumlah paparan sejam atau dua hingga 20 *loop* dan minimum l*oop* setiap... setiap hari adalah 360 ke 540, tajaannya adalah sebanyak RM200,000. Paparan *billboard* milik Leong Arts ditawarkan bagi memaparkan visual imej destinasi pelancongan Pahang dengan tema Visit Pahang 2017 di lokasi... setiap... strategik di setiap seluruh Negeri Pahang tajaannya ialah sebanyak RM600,000.

Projek kenderaan plat VIP. Projek ini adalah inisiatif pihak swasta, Digital Tourism Sdn. Bhd. bagi membantu Kerajaan Negeri menjayakan kempen melawat Pahang. Sebahagian besar dari promosi dan publisiti di luar negara dibiayai melalui projek ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri er.... Mohd Najib Tun Abdul Razak kerana telah memberikan kelulusan khas plat kenderaan VIP kepada Digital Tourism Sdn. Bhd. bagi menjayakan kempen Tahun Melawat Pahang ini.

Untuk makluman rakan-rakan Dewan, setakat ini sebanyak hampir 2,000 nombor telah terjual. Hasil kutipan adalah sebanyak RM10.3 juta. Jumlah kutipan adalah kasar, sebelum ditolak kos pengendalian dan GST. Saya difahamkan bahawa pihak syarikat telah memohon untuk dipanjangkan lagi jualan plat hingga ke tahun 2018.

Berikut adalah terperinci ya, Jelajah Tahun Melawat Pahang iaitu Tahun Melawat Pahang, dari Pahang ke London. Saya... kita juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Luar dan kesemua Tuan Yang Terutama Duta-duta dan er... kita yang telah memberikan kerjasama yang baik semasa konvoi kita berada di sana. Begitu juga kepada pihak Tourism Malaysia di negara-negara yang kita lalui.

Saya nak maklumkan bahawa 24 September hingga 10 November, 43 hari, jarak perjalanan 18,000 kilometer, 17 buah kenderaan, peserta 69 orang, bilangan negara yang dilalui ada 12 negara, Thailand, Laos, China, Kazakhstan, Russia, Belarus, Poland, Jerman... Germany dan juga Netherlands, Belgium, Perancis dan seterusnya di *World Travel Mart* United Kingdom.

Program promosi *business to business* di lokasi terpilih, Chengdu, Astana, Moscow dan juga London. Pendedahan antarabangsa dilalui kembara liputan media cetak dan media elektronik serta tv nasional di semua negara yang disinggah dan dikunjungi. Berikut adalah pecahan perbelanjaan kembara termasuklah hotel, makan, minum, perkhidmatan agensi pelancongan, visa, tol dan minyak, kemudahan pembelian kereta sebanyak 13 buah biji... unit kereta. Pengendalian membawa kenderaan pulang setelah sampai ke London, dah bawak pulang, dia kena naik kapal.

Membawa anggota rombongan briged budaya ke lokasi promosi rasmi di Chengdu, Astana, Moscow dan London, termasuklah rombongan Kerajaan Negeri. Majlis makan malam, *Pahang Night* serta pameran pelancongan antarabangsa di *World Travel Mart*, *World Travel Market* 2016 London, sewaan hotel, jamuan makan, briged budaya er... media... jemputan media, yuran penyertaan *WTM* dan cenderahati dan juga yuran untuk kita mendapatkan plat kereta kita tu, kita kena membayar RM1 juta, maka keseluruhan perbelanjaan adalah lebih daripada RM10 juta.

Saya juga hendak maklumkan 4 unit, 4 x 4 Isuzu MU-X dan 1 unit MPV Hyundai Starex telah dihadiahkan kepada Tourism Pahang. Jumlah tajaan Yang Berhormat Yang di-Pertua, jumlah tajaan dan pendedahan yang diperolehi oleh Tourism Pahang bagi menjayakan Kempen Tahun Melawat Pahang melalui kerjasama dan bantuan yang saya sebut tadi adalah lebih kurang hampir RM30 juta.

Alhamdulilah, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri kerana walaupun kita mem... mendapat tajaan tetapi Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta kepada er... promosi Tahun Melawat Pahang dan penggunaan setakat ini adalah RM4.87 juta. Perbelanjaan tersebut adalah membiayai perbelanjaan aktiviti promosi dan publisiti di dalam dan luar... di dalam negeri... di dalam negara, penerbitan bahan-bahan promosi, penyediaan cenderamata Tahun Melawat Pahang serta sumbangan kepada penganjur-penganjur program dan persatuan bukan kerajaan.

Apa yang kita belanjakan penyediaan... penyediaan penerbitan bahan promosi sebagai contohnya, sebanyak RM900,000. Penyertaan dalam eksposisi pelancongan dalam negeri iaitu *travel fair, MATTA fair,* MITA, promosi siaran... siaran tv, sambutan kemerdekaan sebanyak RM750,000. Penyediaan barang-barang cenderamata Tahun Melawat Pahang sebanyak RM500,000. Penganjuran acara-

acara pelancongan sebanyak RM2.4 juta. Hospitaliti dan lain-lain sebanyak RM111,000 yang keseluruhannya RM4.78 juta.
Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih seperti dinyatakan kepada Kementerian Luar dan Kementerian Pelancongan yang banyak mempas... yang banyak membantu bagi mempastikan konvoi jelajah promosi Tahun Melawat Pahang ke London telah pun membawa Tourism Pahang memenangi *Best Creative Tourism Campaign 2017* yang diiktiraf oleh *Malaysia Tourism Council Gold Award 2017* pada 20 November 2017 di PWTC baru-baru ini.

Untuk makluman rakan-rakan juga, Tourism Pahang telah mengadakan 2 lawatan kerja iaitu promosi khas iaitu ke negeri China iaitu Beijing dan Nanjing. Selain daripada Chengdu yang kita singgah semasa er... konvoi. Lawatan promosi ini adalah dengan mengadakan pertemuan secara terus dengan agensi pelancongan dan pemain industri yang bertanggungjawab, pemain industri dan kesemuanya perbelanjaan ini adalah di *sponsor* ataupun dibiayai oleh pihak yang bertanggungjawab. Saya juga ingin membuat… juga ingin membuat pertemuan khas dengan agensi pelancongan. Kami… kita juga ada membuat perjumpaan khas dengan agensi pelancongan dan pemain industri ketika ber… misi konvoi di London iaitu di Kunming dan juga Chengdu.

Hasil daripada program tersebut kita telah berjaya meningkatkan kedatangan pelancong China ke Negeri Pahang di mana ia terdapat di dalam statistik. Saya nak maklumkan bahawa 5… 20 negara ya, yang tertinggi sejak bulan Januari hingga ke September. China lebih daripada 800,00; Singapura hampir 700,000; Indonesia, 200,000; Jepun, 100… 31,000; India, 80,000; Thailand, 54,000; Australia, 31,000; France, 24,000; Germany, 23,000 dan Netherlands ini *top ten* sebanyak 23,000.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Selain daripada itu juga Tourism Pahang telah memperkenalkan stem kenangan-kenangan sempena kempen Tahun Melawat Pahang 2017. Ia akan diagih-agihkan juga kepada rakan-rakan ADUN di dewan ini sebagai tanda penghargaan di atas sokongan Tahun Melawat Pahang 2017. Sebanyak 57 acara, 36 acara disenaraikan dalam kalender acara Tahun Melawat Pahang dan 21… 21 acara tambahan telah berjaya dilaksanakan. Sebahagian besar acara-acara tersebut dijala… dilaksanakan oleh pihak… pihak swasta di mana kos penganjuran telah… adalah dibawah tanggungan penaja-penaja yang diusahakan oleh pihak penganjur.

Kerajaan Negeri membantu menyelaras di mana semua… di mana… di mana perlu, di samping menyalurkan sedikit dana bagi menampung kekurangan yang dirasakan perlu. Bantuan yang dihulurkan adalah untuk menghargai komitmen mereka dalam menjayakan Tahun Melawat Pahang.

Bagi projek pembangunan, saya nak maklumkan bahawa kementerian, dalam tempoh 2017 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.7 juta… RM1.79 juta bagi menambahbaik prasarana pelancongan selain daripada jumlah bagi peruntukan telah disalurkan oleh kementerian… oleh Kerajaan Persekutuan melalui berbagai agensi dan juga kementerian untuk mempastikan setiap produk dan kemudahan pelancong terdapat di negeri ini digunakan dengan baik.

Saya nak maklumkan bahawa kita ada 16 senarai, mintak maaf, 20 senarai ya, nama-nama yang tak boleh nak saya sebut satu persatu dan ianya adalah sebanyak

RM1.796 juta. Peruntukan Kementerian Pelancongan ya, bagi projek pembangunan iaitu dan acara peruntukan khas RM200,000 kepada Majlis Perbandaran Bentong bagi menaik taraf kolam air panas siap sepenuhnya pada 15 haribulan November 2017. Peruntukan RM3 juta telah diluluskan bagi pembangunan kemudahan pelancong di Gunung Senyum, Temerloh dijangka bermula pada tahun 2018.

Pembinaan Jeti *Fireflies* di Cherating telah disiapkan sepenuhnya pada Mei 2017 dan telah digunakan oleh pelancong. Sebanyak RM100,000 diperuntukan bagi membangun dan membina kemudahan mendaki dan melalui *via ferrata* di Jerantut. Sebanyak 120,000 diluluskan kepada Jabatan Hutan bagi menaik taraf bekalan air di Mossy Forest, Cameron Highlands melalui sistem tadahan hujan, *green practice* dan RM80,000 kepada Majlis Daerah Lipis bagi membina papan maklumat mengenai gua-gua dan produk pelancongan Merapoh.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sempena Tahun Melawat Pahang, MOTAC telah memperuntukan ya, ini kementerian memperuntukkan *eco-tourism,* melalui peruntukan *eco-tourism* telah menyalurkan peruntukan khas sebanyak RM840,000 bagi menyokong acara-acara di negeri Pahang sebanyak 13 acara. Saya nak sebut satu persatu banyak sangat. Dari semua daerah ada, termasuklah *Motorcross Monsun* di Pekan, *TC Downhill* Kuantan kemudahan *Billfish, Royal Billfish* di Rompin kemudian pelancaran Kampung Nemo di Balok kemudian pertandingan *rock climbing* di Jerantut dan *hammock gathering* di Maran dan lain-lain lagi.

Bagi menyokong kempen tahun… Tahun Melawat Pahang 2017, sebanyak 3 program dipertingkat… di peringkat kebangsaan telah dianjurkan iaitu Sambutan Rumah Terbuka Kebangsaan Tahun Baru Cina di Bentong, pelancaran kriteria baharu taraf hotel oleh Yang Amat Berhormat Menteri di Raub dan pelancaran *package lung washing* dan… *or*…atau *fresh air* di Bentong.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sepanjang Tahun Melawat Pahang, MOTAC telah meluluskan usaha-usaha di dalam memberikan kursus-kursus kepada pemain-pemain industri yang dijalankan di Kuantan dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi. Saya juga nak maklumkan bahawa MOTAC sedang meningkatkan kualiti, juga sedang meningkat kualiti produk *homestay* dengan mengguna pakai kualiti *asean standard* bagi kesemua *homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Perlancongan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang akan terus mempastikan bidang pelancongan menjadi aset… menjadi satu subsektor penting, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam… dalam Bajet 2018 pada 25 Oktober yang lalu. Dalam ucapan tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan perihal pentingnya pelancongan kepada negara selain mengisytiharkan tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Pengumuman ini disambut baik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menyatakan kesediaan Kerajaan Negeri bagi menjayakan kempen tahun tersebut.

Oleh yang demikian, sukacita saya nak menyampaikan hasrat Kerajaan Negeri di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk melanjutkan kempen Tahun Melawat Pahang hingga ke tahun 2018 akan datang atas faktor dorongan hasrat beberapa perkara.

Satu, tiada… terdapat beberapa produk pelancongan antarabangsa yang baru dibina dan tidak kesempatan untuk bersama-sama dalam kempen Tahun Melawat Pahang 2017. *Trend* masa kini dalam dunia pelancongan di mana setiap negara menjalankan kempen tahun melawat akan meneruskan gerak kerja promosi dan publisiti ke tahun berikutnya bagi mempastikan momentum ketibaan pelancong terus kekal. Sebagai contohnya Tahun Melawat Malaysia 2014 diteruskan pada tahun 2015 dengan tema *Year of Festival*.

Saya juga di sini ingin mencadangkan dan mendapatkan sokongan daripada semua pihak iaitu kita ingin mencadangkan agar kita namakan *Re-Visit* Pahang 2017, 2018 bagi mempastikan peningkatan kedatangan pelancong ke dalam dan luar negeri ke Pahang akan terus meningkat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya rasa itu sahaja yang dapat saya laporkan berkenaan dengan pencapaian Tahun Melawat Pahang bagi pengetahuan… terutama rakan-rakan dewan yang mana ianya bukan mudah untuk kita mencapai *target*, sasaran sekiranya kita tidak mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak. Sebelum saya mengakhiri penggulungan saya pada hari ini, saya ingin juga menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan dewan semasa perbahasan tempoh hari yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung.

Bagi menjawab soalan rakan dewan daripada Teruntum. “Apakah pihak Kerajaan membuat kajian kenapa *backpackers* tidak datang ke Cherating?” Setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi membuat sebarang kajian khusus bagi membincangkan isu yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat kajian mengenai perkara tersebut jika perlu. Untuk makluman, penumpuan kepada pelancong yang boleh berbelanja tinggi adalah merupakan strategi pemasaran baru Kerajaan Negeri bagi mempastikan daya saing pemain industri terus kekal manakala pelancong ala *backpackers* ini adalah pelancong kategori bajet di mana mereka sering membuat perbelanjaan yang… yang sedikit bagi menampung tempoh pengembaraan mereka di sini.

Wakil dari Berserah, “Apakah promosi-promosi yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dalam promosi Tahun Melawat Pahang 2017 dapat membantu menampung kos pelaburan yang dilaksanakan oleh pengusaha pelancongan?” Promo… program promosi yang dilaksana oleh Kerajaan Negeri melalui Tourism Pahang adalah sebanyak 62 acara dan telah berlangsung sejak tahun 2017, Januari 2017. Sehubungan itu sempena Tahun Melawat Pahang 2017 dan mempromosi dengan kos pelaburan yang diadakan di seluruh negeri telah meningkatkan kedatangan pelancong, jika ia nak diperbandingkan dengan Tahun 2016.

Wakil daripada Muadzam, memohon supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan bagi promosi *Bird Count* di Muadzam Shah dan menambah sebahagian… sebagai satu program pelancongan di negeri Pahang. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan cadangan untuk mengadakan program *Bird Count* di Muadzam Shah sebagai menambah program pelancongan di negeri ini, walau pun pelaksanaan program pelancongan bagi setiap tahun adalah mengikut peruntukan pelancongan yang dikemukakan daripada Pejabat Kementerian… Pejabat Perbendaharaan Negeri Pahang

Yang Berhormat Yang di-Pertua

Akhir kata, saya ingin mengucapkan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, rakan-rakan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, suka… juga rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan semua kakitangan yang telah terlibat dalam membawa dalam terlibat kerana banyak memberikan sokongan kepada Tourism Pahang bagi menjayakan Tahun Melawat Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah sekarang saya menjemput, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas Negeri untuk menggulung, silakan Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

[Ayat Al-Quran] Assalamualaikum WBT dan Salam Sehati Sejiwa dan Salam Negaraku Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri di atas laluan dan kebenaran diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan serta menggulung di dalam sesi penggulungan dewan pada pagi ini. Mudah-mudahan dengan kebersamaan ini, Allah limpahkan taufik kepada kita semua serta keupayaan untuk memastikan negeri Pahang Darul Makmur terus makmur dan diberkati oleh Allah SWT.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita bersyukur di atas pembentangan bajet yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang yang berkadar, dan memahami keupayaan kita dan insya-Allah dengan kita berpijak di bumi nyata, maka kita akan diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT. Itulah yang digambarkan oleh Rasulullah di dalam sabda Baginda [ayat Al-Quran], Allah SWT sentiasa memberi rahmat kepada siapa yang mengetahui kadar dirinya dan itulah juga apabila seseorang yang bijak mengatur dirinya dengan keupayaan yang sesuai ada pada dirinya, juga akan mendapat kebaikan di dalam pengurusan hartanya itu sendiri, sebagaimana yang digambarkan [Ayat Al-Quran], harta yang sempurna itu akan duduk di bawah pengurusan seorang yang sempurna.

Gambaran-gambaran ini adalah memberikan kepada kita satu motivasi bagaimana kita di dalam dewan ini, sebagai wakil kepada rakyat, untuk sama-sama berganding bahu memberikan keupayaan kepada Kerajaan Negeri yang diterajukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya kita mendidik generasi kita, masyarakat kita, sebagai masyarakat yang bersyukur kepada Allah SWT, kerana dengan kesyukuran itu, sudah tentu negeri kita akan ditambahkan lagi oleh Allah dengan rahmat dan rezeki yang melimpah ruah.

Inilah yang digambarkan oleh Allah di dalam firmanNya [Ayat Al-Quran], "kalau kamu semua bersyukur kepada nikmat yang dikurniakan oleh Allah, Allah SWT akan tambah kepada kamu, tetapi sebaliknya jika kamu kufur, tidak bersyukur ertinya, Allah SWT menyediakan janji azab yang sangat sengsara". Apakah maksud kesyukuran yang dikehendaki oleh Allah SWT di dalam nikmat ini? Sebagaimana yang digambarkan oleh para ulama berdasarkan daripada didikan Al-Quran, kita hendaklah menceritakan tentang nikmat itu kepada orang ramai, seperti contoh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengisytiharkan bonus kepada pegawai-pegawai kerajaan yang di bawah apa…pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang, maka ini satu nikmat yang harus kita sama-sama syukuri dengan bukan untuk memuji dan memuja, tetapi kita rasa insaf kepada Allah SWT dengan sedikit rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT sebagaimana difirmankan oleh Allah [Ayat A-Quran] terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan kamu, kamu ceritalah.

Itu satu. Yang keduanya, Allah SWT memerintah kita supaya kita bersyukur kepada Allah dengan mengungkapkan dengan lisan kita dan perbuatan kita, iaitu jangan kita membazir, kerana pembaziran itu akan menyebabkan kerugian dan keruntuhan kepada satu ummah serta negeri ataupun negara itu sendiri dan yang ketiganya, kita dididik untuk kita mengakuri bersama-sama kita beritahu tak kira daripada pihak kerajaan ke ataupun daripada pihak pembangkang ke, kita didik masyarakat kita. Kita mensyukuri dan mengakuri bahawasanya, inilah dia kerajaan yang sedang mentadbir kita, berusaha untuk memastikan kebajikan kita ini terjaga sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW [Ayat Al-Quran], "Orang yang tidak bersyukur kepada manusia, mereka juga tidak bersyukur kepada Allah SWT".

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita memang dididik oleh Al-Quran dan hadis Nabi, supaya kita tidak saling mengkafirkan dan menuduh di antara satu sama lain, tetapi kita bersyukur di dalam dewan ini, menghidupkan syura. Sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah [Ayat Al-Quran], kamu berundinglah dan berbincanglah di dalam soal perkara, urusan pentadbiran kamu. Tidak sebagaimana sekadar mencelah jenaka Dato' Sri, Kerajaan Pasir Berdengung, apabila persidangan dewan mereka bersidang di antara Wakil Sang Kelembai dengan Wakil apa namanya…Malim Kundang, terpaksa Kerajaan Malim Kundang menutup dewannya untuk tidak beri peluang kepada pembangkang-pembangkang berucap menyampaikan hasrat rakyat, maka ini konsep [Ayat Al-Quran] sudah tidak wujud.

Alhamdulillah, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri memberikan satu persoalan yang berbentuk muhasabah, persoalan ini bukan bererti menuduh ataupun menuding jari, bahkan di dalam Al-Quran sendiri pun Dato' Sri yang di-Pertua, tidak semua persoalan yang dikemukakan oleh Allah SWT, memberi erti dan terjemahan itu satu tuduhan. Seumpama kata Allah SWT bertanya kepada kita [Ayat Al-Quran], "Adakah manusia menyangka aku dengan kekuasaan aku tidak mampu untuk menyambung tulang temulang manusia yang telah aku reputkan ketika mereka berada di dalam kuburan?" [Ayat Al-Quran], "Bahkan kami akan mampu untuk menyusun kembali bunga-bunga jari jemari yang tadinya telah hilang daripada manusia akibat mereka telah mati".

Persoalan yang dikemukakan oleh Allah SWT bukan nak menuduh manusia bodoh, tetapi persoalan itu nak memberitahu, aku ini mempunyai kemampuan, dan kamu itu mempunyai kelemahan, aku bantu kamu untuk hidup kembali sebagaimana dengan kekuasaan Allah SWT. Begitu juga di dalam firman-firman yang lain, Allah menyatakan dengan tujuan untuk memberi peringatan ataupun memberi amaran,

supaya kita tidak melakukan sesuatu perkara, sebagaimana persoalan yang Allah tanya kepada kita di dalam firmanNya Surah Al-Fjar [Ayat Al-Quran], "Kamu tidak tengokkah bagaimana Allah telah lakukan kepada kaum Aad?"

Persoalan ini bukan Allah SWT hendak menuduh kita macam kaum Aad, tetapi persoalan yang dikemukakan oleh Allah SWT supaya kita ingat kaum Aad itu dulu pernah kena timpa bencana, pernah diazabkan, pernah disengsarakan. Allah tanya dia supaya kamu ingat, supaya kamu tak kena. Apa sebab? Ini rahmat Allah. Allah kasih kepada hambaNya, Allah sayang supaya kamu jangan kena. Begitu jugalah apabila persoalan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Bukan erti persoalan itu untuk menghina ataupun menjatuhkan kita di dalam dewan ini, tetapi kerana kasih kita. Oleh kerana kita ini bahagian daripada rakyat di negara kita yang tercinta, supaya kita jangan di timpa bencana, jangan dikenakan bala bencana. Kita supaya sama-sama beringat, alangkah untungnya kita mendapat seorang pemimpin yang kenang kita, yang sayang kita. Sebaliknya sepatutnya kita sama-sama bangkit.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri,

Kami mengucapkan terima kasih kerana mengingatkan kami di atas melakukan kesilapan dan kelemahan yang tertentu. Contohnya, kesilapan yang berlaku kepada kerajaan 'pasir berdengung' tu. Contohlah, minum arak, contohnya… sedangkan semua orang tahu minum arak itu mabuk. Siapa boleh kata mabuk itu betul? Mabuk itu sihat, mabuk itu baik, mabuk itu elok, mabuk itu cantik, mabuk itu sempurna, mabuk tu boleh mentadbir. Siapa boleh kata? Semua orang akan bersepakat. Sama ada kontra ataupun pro, menyatakan mabuk itu tak wajar. Kalau dia nak bawa kereta, dia tak akan bawa kereta. Kalau dia bawa kereta bererti dia memang menempah nak terjun gaung. Sebab apa? Mustahil akal dapat berkongsi dengan anggota ketika sedang dia mabuk. Akal dapat berkongsi dengan mata ketika dia sedang tidak sempurna pemikirannya dan tidak warasnya.

Dato' Sri Yang di-Pertua…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Minta laluan sekejap. Saya sebenarnya memang berniat awal tidak mahu mengganggu, macam mengganggu ni. Orang tengah bercakap kita apa ni… mengganggu. Bila disebut *bananah* tu saya teringat *thumbprint.* Kita baca je, Allah Taala bukan sahaja boleh mengumpulkan tulang dan sebagainya, bahkan bunga-bunga cap jari pun tapi orang barat menggunakan itu sebagai satu punca ilmu. Itulah puncanya pada awal kurun ke-20, 21… orang barat saya lupa nama saintis tu, telah apa ni mendapati bahawa cap jari setiap orang tidak sama dari dulu sampai sekarang. Itulah mulanya Scotland Yard menggunakan cap jari sebagai bahan bukti. Sekarang ni forensik la, DNA. Dulu… dulu apa ni er… *thumbprint bananah*. Kita baca kita sebut *bananah* tapi orang putih dia pergi, dia pergi lebih jauh lagi, dia *go step further*, lepas itu, buat penyiasatan akhirnya diaorang datang dengan satu dapatan, *this the finding* iaitu cap jari ini tak sama untuk semua orang dan dengan itu polis boleh menggunakan cap jari untuk mengesan penjenayah-penjenayah. Itu *bananah*, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Cara hidup berlainan. Ada cara hidup berlainan. Saya ulangi bahawa saya hormati kaum Muslim yang tidak minum. Tapi minum ini kadang-kadang bukan mesti dia minum. Jadi bukan semestinya dia akan mabuk. Misalnya orang Tionghua dia minum masa lahir. Er… masa lahir anak, ibu kena minum. Satu bulan minum. Lepas satu bulan, dia akan buat perayaan. Perayaan untuk anak yang dah cukup satu bulan. Dia pun minum. Lepas itu satu bulan minum, setahun lagi dia minum. Masa kahwin dia, kita pun minum. Kita anggap ia satu budaya yang sihat dan tak ganggu orang lain. Jika dia ganggu orang lain, memang tak betul. Memang polis boleh ambil tindakan. Jadi saya haraplah er… sama-sama budaya sendiri, agama sendiri, kita hormat satu sama lain. Saya fikir mabuk itu bukan semestinya… minum itu bukan semestinya mahu mabuk. Jika minum sampai mahu tidur kaki lima, itu tidak berapa baik. Saya pun tak suka tapi untuk minum untuk perayaan, saya pikir itu tidak boleh dihalang, ada undang-undang Malaysia pun kita benarkan untuk minum. Itulah sahaja pandangan saya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak ulas sikit. Kita bukan persoalkan mereka minum, dah lama dah tahu orang minum ni. Kalau orang Cina ni, *yam seng… yam seng* biasalah. Main mahjong ni apa ni er… Tahun Baru Cina ni biasa dah. Biasanya IPD, Ibu Pejabat Polis Daerah pejam mata, bagi *chance* la mahjong. Ini sama anak beranak pun main mahjong, main terup, main *pakau.* Bila cucu tipu atuk, dia… atuk tak marah. Kata *ho yeay… ho yeay*. Bagus cucu, bagus… bagus. Sebab dia tahu cucu ni tak boleh kena tipu nanti sebab cucu pandai tipu atuk.

Itu budaya dia, kita tak kacau, tak gaduh. Yang kita persoalkan ini buat besar-besaran, tempat ramai, tak pernah kita buat. Mabuk-mabuk, cubalah buat, tengok. Dia akan… kita… kita percaya ada sesuatu yang Allah Taala akan apa er… datang. Orang kata, ooh… Riyadh banjir, Mekah banjir. Ada la sebab Allah Taala turunkan Riyadh banjir dan lepas tu Mekah banjir. Bukan semua negara ni baik semua. Kita kena paham tu, kita tak mempersoalkan. Minumlah, di rumah pun tak apa.

Saya baru ni, pergi ni… tempat orang asli. Saya tanya, awak orang nak barang ke, nak nak duit? Ooh… yang isteri-isteri, barang Dato'. Yang suami pulak, duit Dato'. Kita kata kita kena ikut bini kita, dia khabar. Yang sebut bini, itu isteri. Kita beli barang. Kalau kita bagi duit, ini besok tuan-tuan, puan-puan besok, dulu Ramlee sorang je tidur dalam longkang depan Balai Polis Manchis. Ini besok ke malam karang, beratur je orang tidur dalam longkang. Mabuk, saya kata kat dia. Diaorang ketawa, diaorang ketawa. Tak ada apa. Kita tak larang. Buatlah, buat tapi bila kita nak buat macam majlis besar-besaran, buat di stadium, itu ada… ada sukar sikit.

Hormatlah, kita pun orang Islam juga. *You* nak buat apa *you* punya pasal, buat apa ni tempat tertutup, lantaklah *you* nak buat apa benda. You nak *free sex* pun bantailah tapi jangan benda terdedah pada orang. Itu tak baik. Itu tak menghormati orang

Islam pulak sebab kita pada kita, arak ni tak boleh. Walaupun ianya tak mabuk tapi tak boleh.

Tiga kali larang Allah Taala dalam Al-Quran tu. Bukan terus mabuk tak boleh bagi minum. Nombor satu, Allah Taala firmankan dalam arak ada baik ada buruk. Orang Arab minum lagi. Ini untuk… ini maklumat Dato'. Oh, minum lagi. Kemudian tu, "jangan hampiri arak semasa kamu sembahyang". Oh orang Arab minum lagi, minum lagi. Akhir-akhirnya baru Allah Taala beritahu, 'Sesungguhnya dalam judi, arak semua banyak perkara tak baik'. Baru tu dia haram. *Not one stage dia turun…* tak, dia *three stages.* Cakap… cakap pertama, tak paham. Cakap kedua, tak paham. Cakap ketiga baru Allah Taala turunkan kata arak tu haram, banyak… banyak keburukan. Jadi kita… minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Ulasan daripada ahli dari Tanah Rata tadi, kita tak larang. Kita tahu selama ini macam-macam pesta ada. Buatlah, buatlah tempat tertutup tapi kalau dah mengeluarkan publisiti, seolah kita menghina, seolah mencabar pulak ugama lain, tak boleh. *You can carry on what you like to do but don't sneer, don't sneer God*. Jangan memperli Allah Taala, ha. *Don't sneer society at large* untuk ini… jangan menghina itu masyarakat keseluruhannya, tak boleh. *Go ahead. You* nak buat apa, rumah *you*. *You* buat apa, dalam tempat *you*, dewan *you. You* buatlah apa *you* boleh buat. Kalau saya mahu tengok, kalau saya ingat saya mahu tengok, saya bawa teropong, saya intai, apa ini orang buat. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya amat bersetuju dengan apa yang dipertegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar bahkan nampak gayanya habis dah modal saya. [Ahli Dewan ketawa]

Dato' Sri, Dato' Sri Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh pindah tajuk lain Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Memang agama kita menegaskan sebagaimana yang disebutkan oleh Dato' Sri. [Ayat Al-Quran] Tidak ada paksaan dalam agama. Kita tak boleh nak paksa orang ini begini, orang itu begitu. Kita di negeri Pahang ini kita bersyukur bahkan di negara kita Malaysia kita mempunyai konsep sebagaimana yang di… di… yang termaktub agama Islam itu adalah agama persekutuan dan agama lain bebas untuk melaksanakan apa nama ibadat, apa, atur cara agama masing-masing. Sebab itulah di negeri Pahang ini, kita dapat saksikan terdapat 340 buah pusat ibadat agama-agama lain yang kita benarkan, yang boleh berfungsi untuk digunakan oleh agama-agama lain dan kita bersedia untuk bersama, berunding, berbincang dan kita adakan satu jabatan khusus untuk membantu mereka sesuai dengan keupayaan dan kemampuan yang seadanya di… di dalam er… apa er… pentadbiran kita.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang disebutkan juga oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri tadi, memang benar apa yang difirmankan oleh Allah SWT dengan izin [Ayat Al-Quran]. Ini surah Al-Hadid, ayat 22 yang menyatakan, "tidak ada satu musibah pun daripada musibah-musibah yang akan menimpa bumi ini ataupun kepada manusia itu" [Ayat Al-Quran] "melainkan telah termaktub di dalam azali Allah SWT" [Ayat Al-Quran] sebelum kami timpakan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila YB.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya belajar ugama tak tinggi tapi saya mula belajar kelas fardhu ain umur 6 tahun sampai 11 tahun, kemudian itu melalui pembacaan, kemudian itu persahabatan dengan ulama-ulama, guru-guru agama. Saya tahu dah, pada awal dah. Semuanya adalah dalam kekuasaan Allah SWT tapi ramai Ahli Dewan tak faham. Itu aje. Takpelah, saya akan masukkan dalam penggulungan saya esok, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Namun demikian, ada faktor-faktor pendorong yang terdapat pendidikan di dalam setiap bencana yang menimpa manusia itu sendiri. Contohnya, sebagaimana yang disebutkan dan ditegaskan oleh Allah SWT, ditimpakan bencana itu, kerana dengan tujuan untuk menaikkan pangkat manusia, untuk me… me… meletakkan mereka di dalam kedudukan yang lebih baik sebab mereka sabar, sebab mereka tekun, sebab mereka bersyukur. Sebagaimana yang digambarkan oleh Allah SWT, di… disabdakan oleh Rasulullah SAW [Ayat Al-Quran] "tidak ditimpa musibah seseorang manusia itu, apa-apa musibah pun sehingga tercucuk ja… tercucuk duri sekalipun, maka sesungguhnya Allah SWT nak mengangkatkan kedudukannya dan menghapuskan dosanya". Tetapi ada juga di sana firman Allah SWT, "setiap bencana yang tertimpa kepada kita ni manusia, tak kira siapa, adalah disebabkan kesalahan manusia itu sendiri".

Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah di dalam As-Syura [Ayat Al-Quran], "tidak ada musibah yang menimpa kepada manusia itu, melainkan kerana usaha tangan dia sendiri, Dipikir, dirunding, dibincang, dirancang, dipersetujui, dilaksana". Maka Allah SWT nampak dia memang nak buat jahat betul ni, berhal betul maksud berusaha betul, pikir betul, buat mesyuarat sehingga terlaksanalah perbuatan itu, er… ini sebenarnya seolah-olah mana awak, Tuhan? Aku nak buat ni, apa awak

boleh buat? Ertinya kita cuba mempersendakan kuasa Allah SWT, Allah SWT uji sikit je.

Kalau Allah SWT uji dengan ujian yang banyak, inilah kelebihan kita menjadi umat Nabi Muhammad, masih ditempohkan lagi oleh Allah SWT dengan ujian yang lebih sengsara sebagaimana berlaku kepada kaum Nabi Allah, Noh. Kalau ketika itu, kita diuji oleh Allah dengan seumpama itu maka tidak ada makna lagi [Ayat Al-Quran], "tidak ada makna lagi, kekuatan dan keupayaan kita" [Ayat Al-Quran], ini sebagai tanda sokongan saya kepada apa yang telah dipertegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja supaya kita sama-sama yang Islam, kita yakin apa yang kita pegang, yang bukan Islam tak perlu kita paksa, kita bukan suruh paksa, tetapi sama-sama kita bertimbang rasa.

Kita telah mempunyai kebebasan yang cukup hadnya, diberikan oleh Allah dengan kebijaksanaan kepimpinan negara kita, jangan kita rosakkan kemakmuran kita ini, dengan sedikit kesilapan kita yang tidak mahu bertolak ansur. Percayalah, walaupun kita kata sesuatu bencana itu adalah akibat fenomena. Fenomena itu pun sendiri diciptakan oleh Allah SWT sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah di dalam firmannya, [Ayat Al-Quran], "bersyukur kami kepada Allah yang telah menjadikan fenomena langit dan bumi, yang telah menjadikan malaikat dan segalanya di atas muka bumi". Maka, apabila kita mempunyai nilai keyakinan yang seumpamanya, kita selamat… Insya-Allah kita akan diberkati dan dirahmati oleh Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Insya-Allah, dengan sedikit muhasabah ini yang saya kongsikan, mudah-mudahan kita di negeri Pahang ini, di bawah payung Kebawah Duli Tuanku Sultan Pahang dan Pemangku Raja Pahang, kita sentiasa ditimpa… diberikan rahmat, dengan berkat kalimah Ya Latif, ada di situ kita diberikan kelembutan, kehalusan, sentiasa di dalam keadaan kasih sayang dan kerahmatan daripada Allah SWT. Sebenarnya tidak ada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan kepada saya kerana apa-apa yang telah diusahakan oleh kerajaan… di bawah Kerajaan Negeri Pahang ini, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, banyak perkara-perkara yang telah dilaksanakan dengan baik kecuali daripada sahabat saya Padang Tengku, insya-Allah akan di*detail*kan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja mengenai usaha-usaha kerajaan, bagaimana memajukan pendidikan agama di negeri Pahang. Saya mohon menyokong atas usul bajet yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja] Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri. Silakan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerana memberi peluang kepada saya untuk turut er… serta dalam membahas serta menggulungkan er… dalam sesi dewan pembentangan Bajet Pahang 2018 kali ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas, tahniah dan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang kerana telah

membentangkan Bajet Pahang 2018 yang begitu inklusif dan sesuai dengan rakyat Pahang bertemakan “Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada Tanpa Mengabaikan Kepentingan Dan Kebajikan Rakyat”.

Kita semua maklum, keperluan telekomunikasi ini juga merupakan salah satu perkara yang telah menjadi kepentingan kepada rakyat. Di negeri Pahang, projek infrastruktur telekomunikasi telah dilaksanakan oleh Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Sehingga suku ketiga 2017, Pusat Internet 1Malaysia telah dibina sebanyak 105 buah di seluruh negeri Pahang dan pada masa kini pihak MCMC ataupun SKMM masih menjalankan kajian untuk mengenal pasti kesesuaian beberapa lokasi lagi yang telah dicadangkan oleh para pemimpin masyarakat setempat bagi pelaksanaan di fasa selanjutnya. Wakil daripada Padang Tengku ada meminta dibina Pusat Internet 1Malaysia di Kechau Toi, tetapi lokasi yang dicadangkan kami dapati tidak sesuai dan untuk tempoh yang singkat ini, kita akan cuba untuk menaik taraf capaian internet terlebih dahulu di lokasi tersebut.

YB. DATO’ MUSTAPA BIN LONG

Dato’ Yang di-Pertua,

Saya nak betulkan dulu, Kechau Tui… bukan Kecau Toi, Ke… Kechau… Kechau.. Kechau Tui… ha, itu yang betulnya. Yang keduanya, kalau tak dapat di Kehcau Tui tu, er… kita ada cadangan di tempat lain di Kampung Bapong, cuba tengok-tengoklah sikit.

YB. DATO’ SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Dato’ Sri Yang di-Pertua. Terima kasih Wakil Padang Tengku membetulkan sebutan… macam mana tadi? Kechau… Tui, betul? Kechau Tui… [ketawa] er… … tu bunyi org Lepih tu dia lain sikit, Kechau Tui.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya… orang Padang Tengku tu bunyi orang Jengka. Lain sikit… Padang Sentul… Kuala Sentul?

YB. DATO’ SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

… Kuala Sentul, ya Dato’ Sri di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia ada tol-tol sikit tu. Sila lah.

YB. DATO’ SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Dato’ Sri Yang di-Pertua, insya-Allah cadangan daripada Wakil Padang Tengku akan diambil perhatian dan er… lokasi yang baru akan dilihat kesesuaian untuk pembinaan pusat internet di masa akan datang.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Bermula dari tahun 2011, pihak SKMM juga telah dan sedang membina sebanyak 321 menara selular di seluruh negeri Pahang, khususnya di kawasan penempatan penduduk luar bandar, kampung tradisional, FELDA, jalan raya luar bandar serta kawasan terpencil yang memerlukan akses kepada perkhidmatan selular. Untuk makluman mengikut statistik oleh SKMM, sehingga suku kedua tahun 2017, kadar penembusan perkhidmatan selular di negeri Pahang ialah sebanyak 130.9% bagi setiap 100 penduduk, manakala di peringkat kebangsaan ialah sebanyak 134.0% bagi setiap 100 penduduk.

Oleh yang demikian, usaha ini akan diteruskan di bawah fasa pelaksanaan baru bagi tempoh 2018, 2019 di mana sebanyak 90 menara baru akan dibina di seluruh negeri Pahang termasuk 11 menara baru di sepanjang laluan FELDA Gugusan Sungai Koyan er… di Lipis sehingga ke Lembah Bertam, Cameron Highlands. Bermula dari tahun 2014 hingga 2017, pihak SKMM dengan kerjasama Syarikat Perkhidmatan Selular, telah menaik taraf dan memperluas liputan internet jalur lebar tanpa wayar *Wireless Broadband*, di 430 menara sedia ada yang hanya mempunyai perkhidmatan 2G sebelum ini, telah pun dinaik taraf ke teknologi 3G, 4G dan LTE di seluruh negeri Pahang khususnya di kawasan penempatan penduduk luar bandar, kampung-kampung tradisional dan di sepanjang jalan raya negeri dan daerah.

Inisiatif ini dilaksanakan disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan data internet jalur lebar di kalangan masyarakat luar bandar. Untuk makluman, mengikut statistik oleh SKMM, sehingga suku kedua tahun 2017 kadar penembusan jalur lebar di negeri Pahang ialah sebanyak 75.1% bagi setiap 100 penduduk manakala di peringkat Nasional ialah sebanyak 136% bagi setiap 100 penduduk. Justeru bermula tahun 2018, sebanyak 167 lagi menara sedia ada akan dinaik taraf dalam usaha untuk meningkatkan kapisiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar di kawasan luar bandar.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk menyokong inisiatif Kerajaan Negeri membangunkan industri pelancongan pihak SKMM telah melaksanakan projek sistem kabel dasar laut yang melibatkan pemasangan rangkaian gentian optik dari Kuala Rompin ke Pulau Tioman sepanjang 74 kilometer. Projek ini bertujuan meningkatkan kapasiti perkhidmatan telekomunikasi dan projek ini telah bermula pada bulan Ogos 2017 dan dijangka akan siap pada penghujung 2018 dengan kapasiti awal sebanyak 100 *gigabyte per second* dan boleh dinaiktaraf bergantung kepada keperluan semasa. Apabila projek ini siap kelak, diharap ia mampu untuk menyelesaikan isu kapasiti yang terhad bagi perkhidmatan selular dan internet jalur lebar di keseluruhan Pulau Tioman.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan aduan er… di media sosial yang berkaitan dengan media sosial bagi negeri Pahang sehingga November 2017, terdapat 103 aduan berbanding 6,823 jumlah keseluruhan aduan yang diterima di seluruh negara berkenaan dengan jenayah dan buli siber di media sosial. Oleh demikian, saya menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk menyuarakan sebarang isu berkenaan dengan keperluan media sosial di kawasan masing-masing ya, kepada pihak SKMM untuk tindakan susulan dapat diambil.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan menerusi kerjasama Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia serta agensi-agensi yang berkaitan kini giat mempromosikan pembangunan aplikasi teknologi dengan pendekatan *Big Data Analistic (BDA)*, *Analitic* bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi digital di negara ini. Pertumbuhan ekonomi digital ini dibuktikan dengan Pos Malaysia Berhad. Pos Malaysia mencatat pendapatan sebanyak RM1.4 bilion bagi tempoh 9 bulan tahun kewangan 2016 dan meningkat 12.7% berbanding RM1.3 bilion tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan itu adalah hasil inisiatif pengambilan perniagaan logistik serta didukung dengan kukuhan sektor perniagaan kurier.

Menurut laporan Pos Malaysia Negeri Pahang, statistik *Out Bound* mencatatkan peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun yang lalu dan untuk pengetahuan Ahli Dewan, Dato' Sri Yang di-Pertua, pada awal 2017 Pos Laju, Pos Malaysia telah memperkenalkan khidmat Pos Laju Pandu Lalu di Kuantan untuk kemudahan mereka yang menjalankan perkhidmatan perniagaan secara *online.*

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rakan saya Wakil daripada Chenor ada minta saya baca pantun berkenaan dengan *internet*. Saya ucap terima kasih. Sedap pantun dia itu Dato' di-Pertua, saya baca.

Dari Kuantan ke Bandar Pekan,
Singgah sarapan di Batu Sembilan,
Gunakan internet untuk kebaikan,
Bukan memfitnah yang tiada sempadan.

[Ahli Dewan tepuk meja]. Tepuklah sikit [Ahli Dewan tepuk meja].

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua,

Itu sahajalah saya kira berkenaan dengan er… telekomunikasi. Saya ingin juga menyebut beberapa perkara…

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin buat celahan boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Bebar.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Saya tertariklah tentang, terima kasihlah kepada Kerajaan kerana telah menyediakan er… kemudahan telefon mudah alih ya, dan dibina pencawang-pencawang yang lebih banyak lagi. Tapi tolong jelaskan sikit macam mana 2G, 3G, 4G tadi. Itu sajalah.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Wakil dari Bebar. Kalau saya nak 2G, 3G, 4…4G, LTE ini ambil banyak masa. Jadi kita boleh bagi *personal tutor* kepada Wakil daripada Bebar. Lepas ini jumpa saya.

YB. DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Tak, saya tertarik dengan penjelasan Wakil Kerajaan kerana dia kata bila bergantung kepada telefon ya, telefon. Jadi baru-baru ini saya duduk di dua hari di kawasan luar bandar. Kawasan di Sawah Batu, kawasan orang asli dan er… Tok Batin itu dia kata dekat saya, YB, kalau boleh tolonglah *upgrade* sikit telefon kita, dia kata. Daripada 3G dia tak boleh, ambil video pun tak boleh dia kata. Jadi saya tersentuhlah, makna saya apa yang saya ingin penjelasan dari Wakil Kerajaan, makna macam mana telefon saya pun masa itu pun susah juga nak, nak resepsi masa itu pun 3G juga.

Hari ini dalam dewan ini ada 4G *plus* ya, 4G *plus*. Jadi saya nak penjelasan sikit kalau boleh nak mintalah supaya kawasan tempat yang ada pencawang-pencawang supaya resepsi di kawasan seperti Sawah Batu dan kawasan sayalah Sawah Batu dan juga Simpai yang ada pencawang-pencawang dapat dinaikkan sikit.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih kepada rakan daripada Bebar. Sebenarnya memang betul ada juga memang kawasan-kawasan yang dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua, *congested,* ya. Walaupun kita dah naik taraf 3G tapi kalau kita nak *loading* itu memang lambat ya, dan saya minta er… supaya er… pemimpin masyarakat terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk maklumkan kepada pihak SKMM kawasan-kawasan yang berkenaan untuk mereka turun semula ke lokasi dan cuba membetulkan frekuensi dan juga mungkin menaik taraf er… perkhidmatan di kawasan tersebut ya. Saya ucapkan terima kasih kepada Wakil dari Bebar.

Yang saya sebut pasal telefon tadi Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana ada yang pakai Nokia 3310 ya, harganya RM250 tapi dia nak supaya dapat apa ini… tengok macam beli *Iphone* harga RM3500 jadi lainlah er… dia lain Dato' Sri di-Pertua, kerana *handphone* itu sendiri, telefon itu sendiri mempunyai kapasiti ataupun keupayaan dia yang tersendiri.

Izinkan saya Dato' Sri Yang di-Pertua, untuk meneruskan berkenaan dengan er… portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga. Wakil daripada Muadzam Shah ada menyebut dalam ucapan berkenaan dengan warga emas ya, dan suka juga saya berkongsi sedikit dengan Dewan Yang Mulia ini tentang takrif warga emas ini kalau diikutkan kepada er… yang dibuat melalui *World Assembly on Ageing* pada tahun 1982 di Vienna, mentakrifkan warga emas ini mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Tapi kalau saya nak tengok di negara kita ini Dato' Sri Yang di-Pertua, terutama kalau dalam dewan ini umur 60 tahun ke atas ni masih muda-muda lagi.

Jadi mungkin kita nak cadangkan supaya pentakrifan ini dikaji semulalah Dato' Sri Yang di-Pertua, sebab Dato' Sri Yang di-Pertua, umur berapa Dato' Sri Yang di-Pertua?.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya muda lagi. [Semua Ahli Dewan ketawa]. Tak sampai lagi, belum masuk warga emas lagi.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Belum 60 lagi Dato' Sri Yang di-Pertua? [ketawa]. Masalah yang berkaitan dengan warga emas dalam er… mereka ini selalunya mempunyai beberapa masalah yang

dikenalpasti Dato' Sri Yang di-Pertua, masalah berkenaan dengan isu kewangan ya, bila tiada simpanan, pencen dan sebagainya. Er… masalah isu sosial, pengabaian, isu fizikal yang mengalami penyakit kronik dan juga sindrom *emptiness* ataupun rasa kesunyiaan dan sedih akibat tinggal bersendirian kerana berjauhan dengan anak-anak. Ya, antara simptomnya adalah merasa dirinya sudah tak bermanfaat lagi dan hidupnya telah berakhir, menangis secara berlebihan, merasa begitu sedih dan tidak mahu bergaul dengan teman.

Inisiatif kerajaan dalam menghadapi cabaran isu-isu warga emas ini telah ditubuhkan pusat aktiviti warga emas ataupun PAWE. Iaitu salah satu program yang telah dikenalpasti dalam pelan tindakan Warga Emas Negara yang mengambil kira pembangunan potensi yang ada pada golongan warga emas dari segi keupayaan mereka yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka dalam komuniti setempat. Dengan adanya pusat-pusat aktiviti warga emas ini Dato' Sri Yang di-Pertua, pelbagai program sokongan atau pengintegrasian warga emas bersama dengan ahli keluarga dan masyarakat setempat serta kemudahan disediakan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas dapat dinikmati hingga ke peringkat akar umbi.

Kewujudan PAWE ini juga difokuskan kepada komuniti setempat dan turut dibuka kepada semua warga emas dalam masyarakat sekitar bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menjalani pelbagai aktiviti di dalam PAWE. Seterusnya memperkasakan warga emas dibawah *Economic Empowerment Programme (EEP)* bagi memberi peluang kepada mereka melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi, seterusnya dapat membantu menjana ekonomi mereka. Di seluruh negara terdapat kini, 59 buah PAWE dan 6 daripadanya berada di negeri Pahang dan oleh kerana ianya agak baru pendaftarannya hanya baru dapat didaftarkan 2,047 orang dan 6 buah tersebut berada di Kuantan, Pekan, Maran, Raub, Bentong dan Jerantut.

Dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan sebanyak RM300,000 untuk pengoperasian pembelian peralatan dan pembaikian 6 buah PAWE ini pada tahun 2017 dan telah dicadangkan supaya bilangan Pusat Aktiviti Warga Emas, PAWE ini diperluaskan ke seluruh daerah di negeri Pahang memandangkan banyak manfaat yang diperolehi bagi menyokong penuaan aktif warga emas. Selain itu perkhidmatan sokongan seperti bantuan kebajikan diberi kepada golongan warga emas yang memerlukan kerana mengambil kira potensi golongan ini yang masih produktif ke arah hidup berdikari. Sehingga September 2017, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM25.6 juta melalui bantuan orang tua kepada 8,544 orang warga emas di seluruh negeri Pahang.

Perluasan Program Warga Emas yang dijalankan dalam komuniti demi memberikan kemudahan terbaik kepada warga emas iaitu melalui Unit Penyayang Warga Emas dan Khidmat Bantu Di Rumah, *Home Help Services*. Kesemua program ini merupakan khidmat yang bercorak *Outreach,* dengan izin, dan *developmental* kepada warga emas dengan berganding bahu bersama agensi-agensi lain dan pertubuhan sukarela kebajikan. Untuk Tahun 2017 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan sebanyak RM111,000.00 untuk program *Home Help Services* yang memberi manfaat kepada 267 orang warga emas yang tinggal bersendirian dan OKU terlantar di seluruh negeri Pahang dan telah dilaksanakan oleh 112 orang sukarelawan *Home Help Services.*

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Penglibatan golongan muda juga sangat dialu-alukan dalam program-program warga emas yang dianjurkan dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga diberi kepada warga emas yang menghadapi masalah psikologi melalui pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital-hospital, Klinik Kerajaan serta Badan-badan Bukan Kerajaan terlibat dalam memberi bantuan kepada golongan warga emas seperti Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya pernah terbaca er… tulisan seorang er… doktor daripada negara Jepun yang berusia 104 tahun. Beliau mengatakan, dengan izin Dato' Sri di-Pertua, dia ada 14 petua sebenarnya bagaimana dia hidup begitu lama dan begitu bertenaga tapi saya nak *quote* satu sahaja Dato' di-Pertua. Beliau mengatakan bahawa dengan izin, *energy does not come from sleeping a lot or eating well, but from feeling good.* Maknanya tenaga tu, keseronokan hidup itu tidak hanya dapat daripada tidur yang cukup, makan yang betul, pemakanan yang betul tetapi juga daripada rasa *feeling good* ataupun *feel good factor.* Saya rasa inilah yang kita cuba terapkan dalam kita menubuhkan PAWE di daerah-daerah dan supaya warga emas kita dapat menjalani kualiti kehidupan yang lebih baik.

Dato' Yang di-Pertua,

Rakan daripada Jengka dan Ibam ada menyentuh tentang PDK walaupun tak menyebut apa itu PDK. Saya jelaskan, PDK ialah Program Pemulihan Dalam Komuniti untuk memperkasa Orang Kurang Upaya ataupun OKU. Pada Tahun 2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM6,683,112 kepada 51 buah PDK di seluruh Negeri Pahang yang meliputi peruntukan aktiviti, elaun OKU, sagu hati penyelia dan petugas PDK, utiliti dan juga sewaan. Pelaksanaan PDK dilaksana… oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pemimpin setempat, ibu bapa OKU dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan, NGO serta pihak swasta dengan pengurusan pelaksanaan PDK dipantau oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi memperkasa, memperluas, memantap serta menggembleng keprihatinan sebuah masyarakat yang penyayang di dalam pelaksanaan PDK peranan pelbagai pihak adalah diperlukan. Termasuklah penglibatan syarikat korporat melalui program CSR, penglibatan komuniti dan ahli masyarakat dan juga penglibatan mahasiswa dan mahasiswi IPTA, IPTS dalam program yang diinisiatifkan oleh JKM, Program *Volunteer To Institution*, (V2i).

Dato' Sri Yang di-Pertua,

ADUN Jengka er… mencadangkan pemberian elaun kepada petugas ataupun sukarelawan kontrak PDK bagi anak-anak istimewa diperluaskan kepada pengambilan petugas PDK lelaki. Pemberian sagu hati elaun kepada petugas yang bertugas di Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) pada masa kini adalah berdasarkan kepada kelulusan dan ketetapan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Bayaran sagu hati elaun bagi penyelia di PDK hanya sekarang adalah sebanyak RM1200 manakala bayaran kepada petugas pula sebanyak RM800 dan pembayarannya dilaksanakan oleh jawatankuasa PDK yang dilantik dari kalangan komuniti setempat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berusaha untuk meningkatkan kadar sagu hati ataupun elaun petugas dan penyelia PDK melalui memorandum Jemaah Menteri

berkaitan pemantapan Program Pemulihan Dalam Komuniti dan Jemaah Menteri telah meluluskan kadar bayaran sagu hati bagi penyelia dan petugas er… seperti yang telah disebutkan tadi. Namun begitu, kita juga mengharapkan ya… agar ianya disemak semula seperti cadangan ADUN Jengka dan dapat dinaikkan er… selaras dengan keadaaan semasa.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya tak boleh lah, kena juga mencelah, kena juga menyampuk. Er… berhubung dengan cadangan PDK, semalam apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun mencadangkan untuk dinaik er… dijadikan gaji minimum bagi petugas-petugas dan juga er… tenaga pengajar di prasekolah… prasekolah bermakna ada… ada cahaya baru di mana peningkatan *income* bagi peserta ataupun petugas-petugas di prasekolah. Sedangkan kalau kita melihat bahawa PDK yang mempunyai masa yang sama dan juga dari segi er…er… tugas yang kadang-kadang lebih mencabar pun, tetapi barangkali mungkin terlepas pandang dan termasuklah dalam bajet baru ni pun, kita dapat lihat bahawa elaun er… OKU telah pun dinaikkan. Jadi memang, kalau boleh kita minta supaya perkara ni menjadi satu keutamaanlah dan satu lagi bila sahabat, bisik-bisik sahabat saya daripada Tahan tadi, barangkali kita kena mohon penjelas… penje… pencerahanlah mana agaknya er… CSR yang telah pergi menyumbangkan er… kepentingan profit mereka ke er… PDK ni er… PDK ini dan mungkin kita boleh *highlight,* barangkali inilah contoh-contoh korporat yang berjaya membantu masyarakat. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih er… cadangan yang sangat dari pihak er… ADUN Jengka yang dapat anugerah menyampuk malam tadi. [Ahli Dewan ketawa]. Saya juga sebenarnya secara peribadi bersetuju dengan cadangan pihak ADUN Jengka kerana er… elaun petugas ini sebenarnya er… telah di… ditentukan pada tahun 2008. Sekarang dah hampir 10 tahun dan memang rasanya sesuai untuk disemak semula oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri akan mencadangkan er… elaun mereka ini dinaikkan dan buat masa ini er… mengikut rekod sebanyak 33 orang petugas lelaki sedang berkhidmat di 51 buah PDK di Negeri Pahang.

Sebenarnya memang kita mengalu-alukan tapi sebenarnya orang lelaki yang tak nak. Hah… kalau ada tu kita mengalukan ya… dan berbalik kepada disebut gaji minimum tadi, sebenarnya oleh kerana er… pelantikan petugas PDK ini er… tertakluk hanya kepada garis panduan pengurusan PDK ya… di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bukan sebagai pekerja di bawah Akta Pekerja 1955 ya… tapi kita akan cadangkan supaya cadangan er… yang dikemukakan oleh ADUN Jengka tadi diterima, ya. Tetapi status, perlu diingat, status petugas PDK adalah bersifat sukarelawan kontrak dan bukannya penjawat awam, ya.

Okay, er… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin juga menyentuh tentang, sedikit tentang kanak-kanak. Baru-baru ni kita dikejutkan er… dengan kes penderaan seorang kanak-kanak yang dirantai lehernya ke sebuah tong gas, dan alhamdulillah perkara tersebut telah mendapat perhatian er… dan er… kebajikan kanak-kanak tersebut telah diserahkan kepada ayah kandungnya dan bapa tiri yang mendera sedang menghadapi tindakan undang-

undang, dan ini sebenarnya memerlukan keprihatinan pelbagai pihak, bukan di pihak kerajaan sahaja, dan begitu juga dengan gejala sosial yang melibatkan kanak-kanak.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, pada tahun 2017, seramai 305 orang kanak-kanak telah terlibat dalam kes jenayah. Terdapat beberapa mekanisme pencegahan yang diwujudkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, bertujuan menangani isu-isu ini, antaranya Pasukan Pelindung Kanak-Kanak. Pasukan Pelindung Kanak-Kanak berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Di antara aktiviti yang dikendalikan oleh PP… PPKK ialah pusat aktiviti kanak-kanak yang dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat.

Contoh program dan aktiviti yang dijalankan ialah mengadakan pusat jagaan, kelas tuisyen, khidmat kaunseling, kelas komputer, kursus pengasuhan dan perkembangan kanak-kanak. Usaha ini dilakukan untuk membantu mencegah kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, ponteng sekolah, kerosakan akhlak dan lain-lain masalah sosial. Peranan dan aktiviti yang dijalankan oleh Pasukan Pelindung Kanak-Kanak ialah memberikan, menyediakan berbagai aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak di tempat perlindungan, mengadakan pusat advokasi, iaitu mengadakan ceramah, kursus kepada masyarakat, ibu bapa dan kanak-kanak, menyediakan pusat sumber, menyediakan bahan bacaan rujukan untuk kanak-kanak, pusat pembelajaran dan pusat intervensi krisis, menyediakan sesi kaunseling.

Pada masa ini terdapat 12 PAKK di Negeri Pahang, satu di setiap daerah, kecuali Kuantan yang mempunyai dua PAKK. Keduanya ialah pasukan kebajikan kanak-kanak, yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(a)i Akta Kanak-Kanak Pindaan 2016. Setiap deerah mempunyai pasukan kebajikan kanak-kanak, di mana kewajipannya adalah seperti berikut, iaitu, menggalakkan penyertaan masyarakat dalam perkara yang berhubung dengan kebajikan kanak-kanak; membantu melaksanakan program pemulihan bagi kanak-kanak di mana-mana asrama akhlak; membantu Pegawai Akhlak untuk mendapatkan penjaga atau ibu atau bapa peliharaan bagi mana-mana kanak-kanak di bawah pengawasan; membantu Pegawai Akhlak untuk mendapatkan apa-apa pekerjaan atau latihan bagi kanak-kanak di bawah pengawasan; membantu Pegawai Akhlak untuk mengawasi kanak-kanak dalam percubaan dan dalam pelaksanaan kewajipan Pegawai Akhlak itu yang berkaitan dengan jagaan susul kanak-kanak yang dilepaskan dari asrama akhlak sekolah yang diluluskan dan Sekolah Henry Gurney dan melawat kanak-kanak di tempat tahanan di dalam daerah atau kawasan yang baginya Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak itu ditubuhkan dan memastikan bahawa kanak-kanak itu diberi pemeliharaan dan perlindungan mengikut Peruntukan Peraturan-peraturan Tempat Tahanan 1950.

Kita juga mengadakan kempen keselamatan kanak-kanak di sekolah iaitu, Kempen Sahabat Bijak, *save and protect,* dengan izin, iaitu menyebar luas maklumat berkenaan keselamatan kanak-kanak khususnya pelajar sekolah rendah. Memberi kesedaran kepada itu bapa, penjaga, guru serta masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Memberi pendedahan literasi undang-undang kepada semua pihak berkaitan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak, dan mendedahkan kepada kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang bentuk-bentuk bantuan yang berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak er… *respond* juga kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Wakil daripada Teruntum yang begitu prihatin sekali. Pertamanya, untuk kes er… berkenaan dengan kenapa wanita kurang siuman ya, yang menganggu ketenteraman awam, er… dikatakan berbogel di khalayak ramai, ditangkap… akan tetapi dibebaskan semula tanpa dimasukkan ke Pusat Pemulihan.

Sebenarnya Dato' Sri Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan operasi menyelamat sama ada secara bersepadu, berkala atau *ad-hoc*, melalui aduan di peringkat negeri dan daerah yang dilaksanakan sepanjang tahun. Bagi kes-kes orang papa dan pengemis, mereka akan dirujuk ke institusi JKM iaitu Desa Bina Diri. Bagi kes-kes individu yang berpeleseran melibatkan masalah kes kesihatan mental seperti ini, ia akan dirujuk kepada pihak hospital bagi tujuan pengesahan kesihatan dan mendapatkan rawatan lanjut. Selain daripada itu, Desa Bina Diri juga menyediakan perkhidmatan penjagaan perlindungan dan pemulihan kepada pengemis dan orang papa bagi melahirkan individu yang produktif. Dalam kes ini mungkin ya, wanita tersebut er… melarikan diri atau sebagainya dan kitalah sebagai anggota masyarakat perlu melaporkannya semula kepada pihak berkuasa. Untuk…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta, minta celah sikit. Er… terima kasih Yang Dato', Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, masalah yang saya takut, malam-malam ada dua lelaki ikut dia. Ha, ni yang saya takut. Saya bukan takut dia kurang siuman. Ada dua lelaki selalu rapat dengan dia. Ha, ni yang saya takut. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih kepada keprihatinan YB. Teruntum. Kalau ditengok perkara-perkara begini, eloklah dilaporkan kepada pihak polis YB. ya. Dato', Wakil daripada Guai kata, "lelaki tersebut *bodyguard* dia". Satu…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… minta lagi, minta celah lagi. Lelaki itu, bukan, er… itu ambil kesempatan. Nanti saya takut perut dia buncit saja. Ha, itu jadi satu lagi masalah. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Okay, tak apa. Nanti YB. er… buat aduan kepada pihak polis dan YB. Teruntum juga ada begitu prihatin tentang keselamatan pekerja-pekerja wanita di kawasan Rehat dan Hentian Sebelah di Lebuh Raya Pantai Timur. Er… dan sebenarnya pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia sentiasa memberi perhatian er… tentang perkara tersebut, yang mana jadual kerja penyelenggaraan *duty roster* er… telah memastikan lebih dari seorang pekerja wanita bertugas pada sesuatu masa bagi setiap lokasi.

Pekerja wanita dibekalkan dengan pakaian seragam untuk tujuan senang dikenal pasti semasa bertugas, dan terdapat juga pekerja lelaki bertugas pada waktu yang sama dan para petugas lebuh raya khususnya peronda lebuh raya juga akan sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan rehat hentian sebelah, yang merupakan sebahagian daripada laluan rondaan. Walau

bagaimanapun, er… kita meminta pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia agar mempertingkatkan er… keselamatan untuk petugas-petugas wanita.

Ada juga dirujuk tentang er… kes rogol di Tioman. Sebenarnya untuk makluman, kes tersebut telah diambil tindakan, dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 376, 377c Kanun Keseksaan. Kes ini melibatkan tangkapan ke atas 8 orang suspek termasuk 2 orang penjawat awam. Kertas siasatan yang lengkap telah dirujuk kepada Yang Arif Pengarah Pendakwaan Negeri Pahang pada 26 September 2017 untuk mendapatkan arahan dan keputusan siasatan berhubung kes tersebut. Pada 8 November 2017, kertas siasatan dan keputusan telah diperolehi dari Yang Arif Pengarah Pendakwa Negeri Pahang dan dapati tiada sebarang pertuduhan ke atas suspek yang terlibat, memandangkan tiada keterangan kukuh untuk pertuduhan.

Jadi er… pihak polis walau bagaimanapun er… dimaklumkan, memaklumkan akan sentiasa komited untuk mendapatkan bahan-bahan bukti dan keterangan sokongan saksi-saksi yang boleh membantu dakwaan laporan mangsa tanpa ada sebarang prejudis. Di pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, oleh kerana mangsa… mangsa pada ketika kejadian, berusia di bawah 18 tahun, iaitu 17 tahun 11 bulan, maka pihak JKM telah menawarkan khidmat kaunseling kepada mangsa dan juga bapa mangsa.

Er… walaupun mangsa dan juga bapa tidak hadir pada sesi kaunseling yang telah ditetapkan, tetapi khidmat kaunseling melalui telefon telah pun diberikan kepada mangsa dan juga bapa mangsa dan memandangkan sekarang er… kedua-duanya telah berpindah ke Johor, saya difahamkan, pihak JKM ataupun pihak Jabatan Kebajikan Johor telah mengambil alih kes tersebut dan menawarkan khidmat kaunseling kepada keluarga tersebut.

Jadi, itulah sahaja Dato' Sri Yang di-Pertua, serba sedikit perkara-perkara yang berkaitan er… dengan portfolio saya dan menjawab er… apa-apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tapi sebelum itu…

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Minta laluan.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

…sebelum saya mengundur…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sabai, ada apa?

YB. PUAN KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bajet 2017 telah mengeluarkan er… RM30 juta untuk mammogram dan er… vac… *Vaccination HPV.* Setakat ini, berapakah jumlah yang telah dikeluarkan daripada RM30 juta tersebut dan er… lagi satu soalan ialah bagi tahun 2018, er…adakah kerajaan menyediakan saringan tersebut untuk mammogram dan vaksinasi tersebut. *Thank you*.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Untuk kedua-dua soalan, sebenarnya esok ada er… soalan lisan daripada ADUN Triang. Saya akan jawab besok, ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, sebuah pantun.

Pulau Tawar ada, Pulau Manis pun ada,
Chenor, Bebar dan juga Jengka,
Utamakanlah keluarga kekal bahagia,
Menyumbang kepada negara sejahtera.

Dengan kata-kata itu, saya dengan ini mohon menyokong Bajet Pahang 2018. Sekian, wabillahhi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, terima kasih Yang Berhormat dengan pantun tadi yang cukup baik. Sebelum kita tamat, ya, ada tangguh di sesi pagi ini, saya ingin memanggil seorang lagi Wakil Kerajaan ya. Sebelum itu, saya, [batuk] suka memaklumkan [batuk] kita juga telah menerima 5 pemerhati daripad ADUN Triang di atas galeri sana, ya. 5 wakil pemerhati daripada ADUN Triang. Boleh kita tengok daripada… sila bangun tengok wakil daripada Triang. Hah… itu dia, [Ahli Dewan menepuk meja] tengok Yang Berhormat dia. Baiklah, untuk itu, saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas untuk menggulung. Dipersilakan.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Bismillahirahmanirahim. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana memberikan saya ruang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan atas Usul Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar. Saya ingin bersama-sama rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang lain er… merakamkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja di atas pembentangan belanjawan yang bukan sahaja menunjukkan angka *surplus,* tapi yang lebih penting belanjawan kali ini er… menampakkan ketulusan yang luar biasa, dan seperkara lagi, bagi saya secara peribadinya, Dato' Sri sebagai orang yang baru dalam politik, dalam… dalam pentadbiran Kerajaan er… saya melihat ini satu bajet yang sangat *elaborative* dan *educative* dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua. Banyak perkara-perkara baru er… boleh kita pelajari untuk memahami bagaimanakah er… belanjawan sesebuah negara dan negeri itu disediakan.

Terima kasih juga kepada Ahli-ahli, rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam sesi soal jawab secara lisan dan juga perbahasan yang menyentuh tentang kepentingan perkhidmatan er… kesihatan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi perkhidmatan kesihatan sekali lagi, Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab di atas er… penyampaian perkhidmatan kesihatan negeri Pahang ini menunjukkan kesungguhan dengan peningkatan peruntukan sebanyak RM2 bilion berbanding dengan tahun yang lalu. Kalau tahun lepas, kita diperuntukkan sebanyak RM25 bilion untuk tahun 2017 dan bagi tahun 2000… 2018, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM27 bilion.

Antara *highlight,* dengan izin, antara perkara-perkara yang penting yang boleh dikongsikan di dalam dewan ini adalah RM4.1 bilion diperuntukkan untuk bekalan ubatan dan barangan *consumable,* serta sokongan perubatan. RM1.4 bilion untuk menaik taraf dan menyenggarakan fasiliti, peralatan perubatan dan ambulans. RM50 juta untuk skim *Voluntary Health Insurance* atau *VHI.* RM100 juta untuk menaik taraf kemudahan hospital dan klinik termasuk sistem pendawaian. RM90 juta untuk bantuan hemodialisis dan tabung bantuan perubatan. RM40 juta untuk menampung kos perubatan bagi rawatan *rare diseases* er… dan program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan satu perkara yang menjadi *highlight* juga er… dalam sesi pembentangan belanjawan baru-baru ni yang juga disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita cukup menghargai di atas kelulusan bajet sebanyak RM500 juta untuk pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuantan yang telah kita bincangkan dan telah kita tunggu lama Dato' Sri Yang di-Pertua.

Sidang Dewan yang dimuliakan, terima kasih kepada rakan-rakan dewan yang membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan. Yang pertamanya, Wakil daripada Muadzam ada menyentuh soal cadangan kerajaan untuk membangunkan projek kluster… Hospital Kluster Pahang Timur yang me… mencadangkan supaya Hospital Muadzam diberikan peranan sebagai er… satu pusat satelit untuk er… rehabilitasi ataupun pemulihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan ini er… masih kekal dan dijangka akan dilaksanakan bermula daripada bulan Januari tahun hadapan. Buat masa ini, pihak Jabatan Kesihatan sedang er… mengadakan perbincangan-perbincangan yang lebih terperinci supaya apa yang dicadangkan ini dapat dilaksanakan.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon bertanya dan memaklumkan. Pada masa ini di Hospital Muadzam Shah, kita hanya ada seorang *physiotherapist* dan seorang pembantu dan er… bangunan yang digunakan adalah di lobi, di aras bawah hos… er… er… apa ni, rumah jururawat, asrama jururawat. Er… dia tidak selesa dan tidak sesuai, dan di dalam pelan strategik kesihatan er… jabatan er… perkara 5, dengan spesifiknya mengatakan Muadzam Shah akan menjadi Pusat Rehabilitasi untuk kluster Timur.

Oleh itu, er… kalau boleh secara jangka pendek er… Kerajaan Negeri boleh memikirkan cara menaik taraf apa yang boleh dahulu, er… dan kemudian er… perkara ini, saya hendak Kerajaan Negeri mengambil maklum kerana Pusat Gontologe… *Gerontology Community* yang ada kaitan dengan warga emas dan pendidikan masyarakat mengenai sains ketuaan yang kita buat, di mana akan ada juga pusat *Day Care Center,* Pusat Harian dan lain-lainnya. Aktiviti ekonomi dan lain-lainnya akan ada kaitan dengan er… aktiviti rehabilitasi dan di mana kita ingin melatih para *physiotherapist* di kalangan sukarelawan supaya er… dengan

kemahiran tersebut, mereka dapat menguruskan kes-kes di pusat ini sendiri, kecuali kes-kes yang er… mungkin lebih serius dirujuk ke hospital tapi kalau keperluan harian dibuat di situ dan kita juga bercadang, seperti apa yang dikata oleh Kerajaan Negeri tadi di bawah kebajikan, bahawa kita boleh juga, menghantar mereka ini, untuk membantu mereka yang memerlukan er… baik pulih, di rumah-rumah kerana sebahagian daripad… masalah utama warga emas dan juga mereka yang terlantar, yang ada begitu ramai dalam komuniti hari ini, adalah gejala apa yang dipanggil kalau silap tolong betulkan ya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Muadzam, Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

… boleh ringkaskan sikit.

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Psychophrenia (schizophrenia)…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

… iaitu *the wasting a way of the muscle.* Jadi kita perlukan kerana Muadzam Shah banyak pesara dan banyak warga emas. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Dato' Sri.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih kepada Wakil daripada Muadzam di atas keprihatinan itu dan beberapa saranan ya, yang er… saya rasakan baik untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Jadi kita ambil maklum er… mengenai cadangan-cadangan tersebut dan mungkin lebih baik lagi er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sekiranya Ahli-ahli Dewan yang lain er… juga boleh mencadangkan perkara-perkara seumpama ini dengan membabitkan penglibatan swasta. Sepertimana yang disebut er… oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar pada pembe… pembentangan belanjawan baru-baru ini.

Kita belanjawan er… pada tahun akan datang ini, menunjukkan kita berbelanja RM27 bilion dengan hasil yang tidak seberapa, ya. Jadi maksudnya, hari ini kita menjadi antara kerajaan yang terbaik pada ukuran dunia kerana kesungguhan kerajaan untuk memberikan perkhidmatan penjagaan rawa… rawatan yang terbaik

tetapi pada masa yang sama kita membuka ruang yang seluas-luasnya untuk pihak er… swasta, NGO untuk bersama-sama membantu kerajaan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya, Wakil Jengka juga dalam soalan tambahannya bertanyakan adalah… adakah Pihak Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa er… menyediakan apa-apa insentif untuk menggalakkan pelaburan hospital swasta negeri Pahang? Setelah saya semak er… kita tidak menyediakan satu insentif secara khusus tetapi pastinya selaku kerajaan yang menjaga pengurusan tanah di negeri ini, er… Kerajaan Negeri sentiasa er… boleh mempertimbangkan apa pengurangan-pengurangan premium dan perkara-perkara lain berkaitan dengan bidang kuasa Pihak Kerajaan Tempatan er… untuk membantu, mempermudahkan sebarang pelaburan berkaitan dengan er… pembinaan hospital swasta.

Seterusnya, dalam soalan tambahan yang dikemukakan oleh Wakil Ketari, bertanyakan tentang aduan berkaitan dengan telur dan beras palsu. Jadi, dalam jawapan saya tempoh hari saya kata, saya tidak menerima sebarang aduan tapi setelah disemak sebenarnya Yang Berhormat ada 2 aduan berkaitan dengan telur palsu dan satu aduan berkaitan dengan beras palsu yang diadukan pada tahun 2015 dan 2016. Walau bagaimanapun, setelah disiasat atas aduan itu, kedua-duanya menunjukkan kesan yang negatif. Negatif maksudnya er… setelah diuji er… kedua-dua er… aduan itu er… ataupun kedua-kedua sampel yang diambil itu jelas ianya bukanlah telur dan beras yang palsu.

Seterusnya, Wakil daripada Teruntum ada menyentuh soal bekalan er… ubat-ubatan di hospital. Perkara ini juga sebenarnya di… dibangkitkan dalam soalan bertulis oleh Wakil daripada Semantan. Sebelum saya menjawab berkaitan dengan soal perbekalan ubat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon untuk berkongsi sedikit er… maklumat berkaitan dengan macam manakah er… situasi pengurusan perbekalan perubatan di negara kita ini.

Secara umumnya Dato' Sri Yang di-Pertua, di Malaysia ini, kita cukup rasa bertuah kerana bekalan ubat-ubatan bukan sahaja kita boleh dapat dalam kualiti er… yang baik tapi sebenarnya ianya terjamin kerana diwujudkan satu sistem pendaftaran ubat-ubatan dengan akta dengan perundangan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, pembaziran ubat-ubatan merupakan satu fenomena yang berlaku er… secara meluas dan akibat daripada penggunaan yang tidak rasional. Pembaziran ini, sebenarnya merugikan er… sumber kewangan negara dan juga boleh membahayakan kesihatan dan apabila membahayakan kesihatan itu, sekali lagi, ianya akan merugikan negara, kerana kita terpaksa membuat rawatan di atas pengambilan ubat-ubatan yang tidak mengikut peraturan ini.

Sering kali apabila seorang pesakit itu mengambil ubat, mereka ini sering tidak mengambil mengikut arahan yang er… di… yang diarahkan dan er… mereka ada kalanya juga berhenti mengambil sesuatu ubat itu kerana mereka merasakan bahawa mereka telah pun sembuh. Kajian… beberapa kajian telah dibuat berkaitan dengan *trend* ataupun corak pengambilan ataupun penggunaan ubat-ubatan di kalangan rakyat di Malaysia dan hasilnya er… hasil kajian ini amatlah mendukacitakan kita.

Satu kajian… yang salah satu kajian yang dibuat oleh Universiti Sains Malaysia, menunjukkan bahawa er… sikap pengambilan er… ubat-ubatan oleh penduduk di negara kita ini er… banyak menyebabkan pembaziran. Kaji selidik yang

membabitkan 3,081 responden ini mendapati er… seram… sebanyak 73% daripada pengambil-pengambil ubat ini gagal mematuhi arahan-arahan yang diberikan. Kajian ini dilaksanakan pada tahun 2015. Kalau kita mengambil kepada jumlah belanjawan kerajaan untuk ubat-ubatan sahaja, pada tahun 2015 iaitu RM2 bilion. Jadi bayangkan, sekiranya 73% ini tidak menggunakan ubat-ubatan itu dengan cara yang wajarnya, kita boleh nampak berapakah nisbah ataupun nilai kewangan yang tidak digunakan dengan cara yang cekap.

Pada tahun er… lepas, kita kerajaan sebenarnya telah meningkatkan lagi peruntukan untuk er… ubat-ubatan ini kepada RM2.2 bilion. Jadi, walau bagaimanapun tidak ada kajian bagaimanakah *trend* penggunaan terkini, tapi saya merasakan masih lagi tidak banyak perubahannya. Jadi seterusnya, menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Wakil daripada er… Teruntum ya…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… minta celah sikit…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya! celah.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat nak mencelah dulu ke Yang Berhormat nak saya jawab dulu?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Er… okey. Jawab dulu.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan ubat-ubatan untuk pesakit kurang siuman. Sebenarnya, er… secara keseluruhannya, kerajaan tidak er… mengalami sebarang kekurangan dari segi er… bekalan ubat-ubatan, sama ada ubat untuk orang yang kurang siuman ataupun er… penyakit-penyakit lain. Cuma ianya ber… berkait dengan soal perbekalan dan soal agihan yang tidak apa… lancar.

Dalam hal berkaitan dengan er… apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, pada bulan Mei, sebenarnya memang ada satu jenis ubat yang dibekal untuk tempoh 2 minggu sahaja kepada pesakit kerana terdapat masalah stok er… pada er… pihak pembekal.

Walau bagaimanapun, er… pada bulan Jun, masalah itu telah dapat diselesaikan. Yang Berhormat maklumlah, kita ubat ini, apabila pembekal berjanji itu adakalanya pembekal-pembekal ini, dia gagal memenuhi apa yang dia ikrar kepada kerajaan untuk dibekalkan, jadi, pihak er… hospital er… mungkin ada sedikit masalah untuk mendapatkan daripada pembekal-pembekal lain.

Walau bagaimanapun, beberapa pendekatan diambil oleh kerajaan dalam menguruskan soal ubat-ubatan yang sebenarnya banyak er… isu dibangkitkan oleh rakyat dan juga Wakil-wakil Rakyat. Di antara pendekatan yang diambil oleh er… kerajaan adalah pertamanya, memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan,

penjagaan kesihatan awam tanpa mengira kategori pesakit dan sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan setiap negeri su… supaya agihan peruntukan dapat diterima selaras dengan keperluan terkini. Maksudnya, kerajaan tidak bertolak-ansur walau mana-mana… walau bagaimana sekali pun kedudukan kewangan er… Jabatan Kesihatan, ubat-ubatan ini akan disediakan. Cuma masalah er… pengawalan stok ini er… kecekapannnya akan dipertingkatkan daripada masa ke semasa.

Keduanya, pemantauan bekalan daripada pembekal dilaksanakan secara berterusan dan langkah-langkah sewajarnya diambil, terutama produk-produk yang menghadapi masalah bekalan seperti mendapatkan sumber alternatif dan pengagihan semula stok di antara fasiliti KKM. Maksudnya bagi sesetengah ubat-ubatan yang kritikal, yang susah nak dapat apa… perbekalan itu er… pihak Jabatan Kesihatan, pihak Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan sistem supaya mereka berkongsi maklumat. Mungkin, di sesetengah hospital er… penggunaan sesuatu ubat itu tinggi tapi di hospital yang lain mungkin er… penggunaannya kurang. Jadi, kita tingkatkan kecekapan bagaimana boleh kita kongsi er… ubat-ubat yang ada itu berdasarkan keperluan semasa.

Ketiganya, perbekalan ubat untuk tempoh 1 bulan untuk penyakit kronik seperti *diabetes* dan *hypertency* untuk mengurangkan risiko pembaziran dan kerosakan ubat dalam simpanan pesakit. Ini juga menjadi er… keluhan er… apa… sebahagian daripada rakyat kerana mereka selalunya apabila pergi hospital dapat ubat yang banyak, sekarang ini, kita kawal pemberian ubat itu kerana apa yang saya sebutkan tadilah mereka ini… tidak apa… mengambil ubat itu seperti mana yang dijadualkan dan mereka juga er… mungkin tidak apa… menjaga ubat itu sebagaimana yang sepatutnya, dan er… seperkara lagi, er… pendekatan kerajaan hari ini adalah pesakit yang mengambil satu ubat itu apabila mereka pergi untuk er… perundingan yang seterusnya, apabila mereka berjumpa dengan doktor, mereka akan diminta membawa baki ubat yang diambil sebelum ini. Ini juga menjadi satu er… sistem kawalan untuk memastikan bahawa pesakit ini telah mengambil ubat sepertimana yang telah disarankan dan seterusnya doktor juga akan dapat memastikan keberkesanan ubat yang diberikan itu dan ini dapat me… mengelakkan pertukaran ubat oleh pesakit sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira maklumat-maklumat sebenar yang sepatutnya diketahui oleh doktor.

Seterusnya, pihak kementerian juga mengutamakan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan generik yang lebih kompetitif harganya, lebih ekonomik tapi dapat memberi kesan terapeutik yang sama dengan ubat-ubatan *inventor.* Kita dapat mengoptimumkan perbelanjaan ubat-ubatan yang memastikan bekalan ubat-ubatan pada paras yang mencukupi. Dalam bahasa yang lebih mudah, maksudnya memanglah amat baik sekiranya kita pihak Kerajaan dapat menyediakan ubat-ubatan yang terbaik kualitinya dan spesifik dari segi penggunaannya tapi sebenarnya ada banyak juga ubat-ubat yang bersifat generik yang sebenarnya boleh diguna pakai dalam pelbagai apa masalah kesihatan yang, yang, yang umum yang tidak kurang juga ke kualitinya? Agak sukar saya nak menjelaskan di sini tapi mungkin kita sama-samalah balik boleh jumpa dengan pakar-pakar perubatan untuk kita sama, sama-sama hayati permasalahan dalam perbekalan perubatan negara kita yang menyebabkan kerugian kepada kerajaan bernilai berbilion ringgit secara tahunannya.

Seterus, seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit er… perkara yang dibangkitkan oleh Ahli, Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan pembangunan sumber manusia. Beberapa orang Wakil Rakyat ada membangkitkan soal pengangguran di negeri Pahang. Secara khususnya Wakil daripada Beserah

ada menyentuh soal peluang pekerjaan di MCKIP, dan perkara ni juga telah di*viral*kan dalam media-media sosial. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, kilang Alliance Steel merupakan perintis kepada projek MCKIP ini sebenarnya adalah satu perusahaan yang berasaskan keluli er… yang menggunakan teknologi yang tinggi. Jadi, buat masa ini sebenarnya kilang ini masih lagi belum beroperasi. Apa yang ditunjukkan di dalam video dan di*viral*kan itu adalah sejumlah apa bilangan pekerja yang, yang, er… di.. yang nampak ramai daripada kaum Cina dan ada beberapa tulisan yang, yang nampaknya mencerminkan seolah penguasaan apa pekerja Cina sepenuhnya di dalam kilang Alliance Steel ini. Tapi sebenarnya ramai yang tidak tahu bagaimana kilang Alliance Steel ini begitu komited untuk sama-sama membantu kerajaan menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Apa yang berlaku sekarang ini, pihak kilang ini masih lagi dalam fasa pembinaan yang boleh cakap fasa pembinaan Yang Berhormat bukan sahaja er… kerja-kerja pembinaan kilang Alliance Steel, sekarang ni kerja-kerja di ladang, kerja-kerja dalam apa sektor binaan, kalau tidak ada buruh daripada luar, minta maaf bercakap Yang Berhormat, ya, buah sawit pun payah nak diturunkan nak masuk dalam lori. Mungkin jatuh berguguran saja. Bangunan pun lambat siap. Masjid pun susah nak dibina. Ini satu perkara yang sememangnya menyedihkan kita tapi nampaknya projek ini jugak tidak dapat terkecuali daripada permasalahan yang kita terpaksa hadapi.

Walau bagaimanapun, apabila selesai tempoh pembinaan kilang Yang Berhormat, pihak Alliance Steel mensasarkan lebih kurang 4,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan dan kerajaan telah mensyarakatkan 70% daripada tenaga er… kerja yang akan ditempatkan di bawah kilang ini adalah di kalangan pekerja-pekerja tempatan, dan satu fakta lagi yang ingin saya kongsikan Dato' Sri Yang di-Pertua, berkaitan dengan penggunaan sumber tenaga di negeri Pahang ini. Ini satu angka yang saya rasa tak berapa seronok nak dikongsikan kerana saya takut orang tak berapa nak percaya, dan perkara ini juga telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun kadar, kadar pengangguran di negara kita ni secara umumnya adalah 3.4% tetapi kita di negeri Pahang ini kadar pengangguran kita adalah 2.6% sahaja.

Dari segi er… teori ekono.. er… guna tenaga manusianya, yang mana ini juga teori yang dipakai oleh *International Level Organization,* bagi satu negara yang mana kadar penganggurannya di bawah 4%, itu disifatkan satu negara itu telah mencapai guna tenaga penuh, jadi kalau nak fa… bukanlah bermakna apabila kita ada negara kita ni telah mencapai guna tenaga penuh semua orang bekerja, tidak. Ada lagi beberapa apa kategori pengangguran yang sebenarnya boleh menjelaskan kenapa ada orang yang tidak bekerja. Antaranya er… apa yang disebut dari segi pengangguran ni adalah kita ada pengangguran geseran, kita ada pengangguran er… kitaran, pengangguran struktur, pengangguran sukarela dan macam-macam lagi. Jadi, kita tidak nafikan bahawa sememangnya ada di kalangan anak-anak kita, anak-anak muda kita ini yang tidak lagi bekerja tetapi er… ini adalah suatu proses biasa yang terpaksa dilalui oleh mana-mana negara sebab kajian statistik yang diwujud.. yang dijalankan berkaitan sumber manusia ini bukanlah negara kita buat teori sendiri tapi ianya berasaskan apa yang disarankan oleh ILO. Silakan.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Terima kasih, sedikit saya mohon penjelasan lanjut tentang syarat yang dipersetujui oleh syarikat Alliance Steel itu tadi untuk mengambil 70% kakitangan dia daripada warga tempatan. Cuma saya ingin penjelasan, 70% yang dimaksudkan itu di semua peringkat daripada eksekutif pengurusan sampai kepada bawahan ataupun 70%

untuk ahli atau pekerja tugasan bawahan sahaja. Jadi, saya kalau 70% di semua *level* kita rasa itu angka yang munasabah dan… dan harus kita berikan sokongan kepada pengurusannya. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Nak minta celah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya Teruntum, nanti.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ok, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nanti Teruntum, duduk dulu, minta pihak kerajaan menjawab soalan Beserah kejap.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, apa persoalan yang di bangkitkan oleh wakil Beserah juga sebenarnya sememangnya satu apa perkara yang sentiasa menjadi keutamaan dalam dasar kerajaan tapi saya juga ingin bertanya kepada Beserah sekiranyalah Alliance Steel ini hanya menawarkan 70% ini kepada apa peluang-peluang pekerjaan di peringkat operasi ya, apa pandangan Beserah agaknya kekosongan itu akan diisi ataupun tidak?

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Saya, saya rasa untuk peringkat bawahan peringkat operasi dan *technician* ini, ia tidak ada masalah untuk kita isi dengan ahli kita sebab tu ramai. Teknikal daripada institusi-institusi yang berdekatan pun ramai pembekal tenaga pekerja ini. Cuma kita bimbang hanya peringkat bawahan ini sahaja yang diisi sebagai syarat untuk nak beroperasi tapi di peringkat eksekutif dan pengurusannya tidak ada tenaga tempatan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Yang Berhormat, itu adalah pandangan Yang Berhormat, itu adalah harapan Yang Berhormat dan itu juga harapan kita tapi pada hakikatnya, apabila kekosongan itu berlaku diperingkat operasi, pengisian untuk jawatan-jawatan yang terpaksa menggunakan tenaga ataupun dalam istilah kita kata buruh kasar ini ya, kerja-kerja yang terdedah kepada risiko, seringkali kurang mendapat apa ni er… minat menarik minat er… kerja-kerja tempatan. Walau bagaimanapun, menjawab soalan asal Yang Berhormat tadi, er… 70% yang akan ditawarkan itu adalah di semua peringkat. Tidak cukup dengan penawaran peluang pekerjaan saja Dato' Sri Yang di-Pertua, pihak Alliance Steel, mereka ini pertama sekalinya mereka sendiri membuat *Job Fair* ataupun buat karnival-karnival kerjaya yang kita buat di apa Zenith Kuan.. Hotel Zenith baru-baru ini pada bulan 8 dan kita akan buat di beberapa tempat yang lain mereka maksudnya mereka sendiri pergi ke lapangan mencari pekerja, pertama.

Keduanya apabila pekerja ini ditawarkan semua yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi bukan sahaja di peringkat teknikal, daripada teknikal sampailah pengurusan yang er… yang setinggi mungkin, ia akan dilibatkan pekerja-pekerja tempatan. Cabaran utama kita adalah macam mana kita nak mengubah apa ni persepsi ataupun nilai-nilai dalam masyarakat kita, bagaimana kita boleh mengharapkan anak-anak muda kita melihat pekerjaan ini sebenarnya satu proses pembelajaran satu proses pembinaan diri, satu proses pembinaan kerjaya yang akhirnya inilah menjadi satu apa pertahanan kepada negara kita. Hari ni bergantungan kita kepada buruh luarnya terlalu tinggi kerana kerajaan pun sedar, tapi nampaknya sebahagian daripada anak-anak muda kita ni tidak melihat kerja ini sebagai satu tanggungjawab kepada negara.

Seterusnya err… Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

… minta celah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

… Yang Berhormat Kerajaan, saya…

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

… minta celah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

…nak dengar soalan daripada ini… Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Okey. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Difahamkan Alliance Steels membuat err… temu… temuduga di err… Zenith Hotel. Tapi saya dapat aduan dia hanya ambil err… pada pekerja yang umur bawah 45 sahaja. Orang tua-tua macam saya ini, tak nak dah. Saya minta pihak kerajaan, adakah ini betul? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat berkaitan dengan had umur. Tapi pastinya sebagai satu sebuah syarikat… sebuah syarikat yang besar, syarikat bertaraf antarabangsa pastinya mereka akan mencari kualiti pekerja yang terbaik bersesuaian dengan keperluan kerja yang ditawarkan. Jadi kalau umur 45, badan kuat tenaga, err... menggunakan tenaga boleh lagi tetapi kalau sekiranya kerja itu lebih mementingkan soal kemahiran pengurusan, rasanya orang yang cekap dalam bidang pengurusan ini Dato' Sri Yang di-Pertua, ha macam yang Dato' Sri Yang di-Pertua pun tadi, difahamkan belum emas lagi usianya. Ha, cekap dalam pengurusan dewan. Begitu juga dengan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB Teruntum tadi...

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Tak, maksud saya Dato' Sri Yang di-Pertua tadi, bila dia tanya Wakil Kerajaan tadi, Dato Sri Yang di-Pertua kata muda lagi. Ha, umur itu subjektif muda atau tua itu. Tapi yang penting err… pengetahuan, kemahiran seseorang yang berumur ini pasti lebih daripada orang yang muda usianya. Ya, secara relatifnya begitu. Saya percaya umur 45 ini dia bukanlah *applicable* ataupun digunapakai kepada semua perjawatan err… Yang Berhormat Teruntum ya, mungkin untuk yang teknikal sahaja.

Err… seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, err… Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja daripada masa ke semasa membuat pelbagai aktiviti…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, masih panjang lagi ke ni?

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Sikit sahaja Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, *okay*… *okay* teruskan.

YB. DATO' SRI NOROLAZALI BIN SULAIMAN

Nak menceritakan sikit tentang usaha kerajaan dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Kalau dulu Dato' Sri Yang di-Pertua, kita jarang nak ada *job fair – job fair*, karnival kerjaya ini. Kita tulis surat, kita buat *follow up*, kita tanya surat kita dah terima ke belum, bila nak panggil temu duga, tetapi hari ini sebahagian besar daripada penawaran pekerjaan ini dia buat secara yang terbalik. Pihak majikan lebih proaktif mencari peluang err... apa pekerja-pekerja dan sebahagiannya menggunakan *head hunter* dalam mengisi kekosongan-kekosongan… dan kita di pihak kerajaan juga, Jabatan Tenaga Kerja membuat karnival-karnival kerjaya ini bukan sahaja di ibu negeri Kuantan, tapi bergerak daripada daerah ke daerah daripada… bahkan daripada kampung ke kampung.

Antara program dianjurkan adalah err… Kembar… Kembara Kerjaya Jelajah FELDA yang masuk sampai ke Jengka, Chini, Keratong, Bera, ya. Kita buat juga program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) untuk er… siswazah-siswazah yang belum mendapat pekerjaan sebagai penyesuaian kepada mereka err… untuk masuk ke industri dan pelbagai lagi Dato' Sri Yang di-Pertua. Dan jumlah keseluruhannya err… melalui usaha-usaha ini, pihak JTK telah berjaya menempatkan seramai 5,561 orang pekerja sepanjang tempoh tahun ini sehingga bulan September.

Er… saya rasa itu sahajalah yang sempat saya kongsikan dengan Dato' Sri Yang di-Pertua. Sekiranya ada di kalangan Ahli-ahli Dewan yang mana persoalan yang dibangkitkan itu tak sempat saya jawab di sini, bolehlah kita err… berurusan di luar dewan… dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sentiasa terbuka menerima sebarang persoalan, teguran dan sebagainya. Er… itu sahajalah yang ingin saya kongsikan Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya dengan ini er… ingin menyokong Usul Belanjawan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. [Ahli-Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita telah pun mendengar empat orang wakil kerajaan yang telah membuat penggulungan mengikut portfolio masing-masing. Terima kasih kepada Wakil-Wakil Kerajaan yang telah memberi penggulungan yang cukup jelas, ringkas dan dapat mematuhi masa lebih kurang 20 minit yang telah pun diperuntukkan. Saya bercadang untuk menempohkan sidang ini… dan kita akan sambung semula sidang di sebelah petang mulai jam 3.00 petang. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan jam 1.41 petang]

[Persidangan Disambung Semula]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita disambung semula. Kita masih lagi di atas perkara menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dan pada petang ini pihak kerajaan akan menyambung menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, dipersilakan.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua… Dato' Sri Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan untuk saya menggulung dan menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2018) yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Yaakob, Menteri Besar Pahang. Terdahulu juga, saya mendoakan dan sama-samalah kita berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang, Yang Amat Berbahagia Cik Puan Muda Pahang, Yang Amat Mulia Paduka Anakanda Putera Puteri, Yang Amat Mulia Paduka Cucunda Putera Puteri dan kaum kerabat agar dikurniakan kesihatan tubuh badan, sihat walafiat hendaknya, amin, amin ya rabbal alamin.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Syukur Alhamdulillah, marilah sama-sama kita mengucapkan sekalung penghargaan dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang begitu prihatin dan peka terhadap pembentangan Bajet Negeri 2018 yang bertemakan, "Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada Tanpa Mengabaikan Kepentingan dan Kebajikan Rakyat Di Negeri Pahang Darul Makmur ini." Bajet Negeri 2018 pada kali ini menggunakan kutipan hasil berjumlah RM700.64 juta daripada pelbagai sumber sebagaimana yang telah dinyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang lalu. Manakala dianggarkan dalam Bajet 2018 ini kutipan hasil pula sebanyak RM700.04 juta sekali gus lebihan sebanyak RM0.6 juta sebagai *surplus*. Kita yakin dan percaya Bajet 2018 ini yang masih mengekalkan kepentingan rakyat dan kebajikannya tanpa sekali-kali mengabaikannya agar dapat dimanfaatkan sebaiknya nanti.

Kejujuran dan keikhlasan Kerajaan Negeri Pahang tidak dapat dinafikan dalam usaha membangunkan serta memajukan halatuju dan masa depan rakyat berbilang bangsa di negeri ini. Jelas sekali apabila ucapan Bajet 2018 menyediakan peruntukan pembangunan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM59 juta untuk pembangunan sedia ada dan juga menyambung pembangunan juga yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pengurusan sumber ekonomi yang cekap dan mampan akan terus diberi keutamaan demi kemajuan dan kesinambungan kesejahteraan rakyat dan kelestarian kehidupan yang dinikmati masa kini oleh rakyat yang dibebani oleh kos sara hidup yang tinggi akibat berbagai aspek luar dan domestik negara seterusnya negeri kita di Pahang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini dan menarik perhatian Ahli Dewan, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Kerajaan Persekutuan yang juga terus dan terus membantu Kerajaan Negeri apabila antara lain yang telah disebut dalam Bajet 2018 baru-baru ini, kelulusan pembangunan lapangan terbang di Pulau Tioman yang sudah pasti membuka lembaran baru kemajuan sejajar dengan aspirasi TN50 yang memberi limpahan ekonomi dan sebagainya.

Terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana baru-baru ini telah berjaya misi menyelamat dan juga mencari dua warga negeri Pahang dari Pulau Tioman yang telah hanyut dan hilang serta sesat di Pulau Jemaja. Alhamdulillah, sejarah dan rekod juga dalam masa 8 hari telah ditemui oleh pihak-pihak yang berwajib seperti APMM, bomba, polis dan sebagainya saya ingin mengucapkan dalam Dewan Yang Mulia ini rasa syukur dan terima kasih kerana keprihatinan Kerajaan Negeri akhirnya dapat membawa balik kedua-dua mangsa tersebut dengan selamat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum saya beralih kepada potfolio saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, saya juga ingin menyatakan rasa terima kasih yang tidak terhingga selaku Kerajaan Negeri yang sentiasa mengambil berat tentang pembangunan anak-anak muda dalam Negeri Pahang ini. Saya ingin mewar-warkan beberapa kemajuan dan kelulusan yang telah dicapai melalui usaha yang sungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan Negeri Pahang untuk melihat pembangunan dan inspirasi anak-anak muda di Negeri Pahang ini di kalangan belia dari pelbagai golongan dan kategori Melayu, Cina, India, Orang Asli dan etnik yang lain. Majlis Belia Negeri dan daerah serta badan-badan gabungan Majlis Belia, FELDA serta NGO di seluruh pelosok daerah negeri Pahang agar dapat memanfaatkan kelulusan-kelulusan seperti membina dan menyiapkan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pahang di Tanjung Lumpur menelan kos sebanyak RM30 juta.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu juga pembinaan dan menyiapkan Litar Lumba Negeri Pahang di Jengka 23, Maran dengan kos RM40 juta, serta menaik taraf Kompleks Belia dan Sukan Daerah Jerantut dengan kos RM4 juta. Ini adalah hasil daripada kesungguhan Kerajaan Negeri Pahang memohon melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang untuk melihat kewibawaan dan juga memperkasakan anak-anak muda kita, khususnya di kalangan belia, beliawanis di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Banyak juga program-program Belia dan Sukan serta Rakan Muda sepanjang 2017, antara lain ialah Transformasi Nasional TN50 peringkat daerah pada bulan April dan Mei 2017, melibatkan penyertaan seramai 2,500 orang peserta serta VVIP tempatan terpilih. Begitu juga Larian Obor Sukan SEA telah diadakan pada Julai 2017

bertempat di Kuantan, Pekan, Temerloh, Jerantut dan Bentong yang melibatkan penyertaan seramai 2,200 orang.

Seterusnya, Sukan Integrasi OKU Peringkat Negeri Pahang juga diadakan di Kompleks Sukan Pahang dan Premium Lane pada 14 Oktober melibatkan penyertaan seramai 119 orang. Liga Sukan Untuk Semua peringkat negeri Pahang juga telah dilaksanakan dengan jayanya di daerah Temerloh, Bera, Jerantut, Kuantan dan Rompin pada 29 April hingga 21 Mei 2017 yang melibatkan penyertaan seramai 550 orang. Begitu juga Hari Sukan Untuk Semua dan juga Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Pahang telah diadakan di Kompleks juga pada 14 2017 melibatkan penyertaan seramai 81,365 orang. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, *business on truck showcase* juga telah diadakan pada 26 hingga 27 Ogos 2017 bertempat di Dataran Semantan, Temerloh yang melibatkan penyertaan seramai 3,266 orang dan yang kemuncaknya juga Anugerah Belia Negeri Pahang pada 11 Ogos 2017 bertempat di Hotel Zenith melibatkan penyertaan seramai 1,000 orang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Kursus Belia Tani Peringkat Negeri Pahang juga telah diadakan sebagaimana kursus reka bentuk pembungkusan dan pelabelan, pembangunan jenama, undang-undang serta pelabelan produk telah dilaksanakan untuk anak-anak muda di negeri Pahang ini bertempat di Agro Cameron Highlands.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Majlis Pentauliahan Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda tahap perak dan gangsa juga telah berlangsung pada 18 November 2017 melibatkan 220 orang peserta. Manakala program jiwa murni, program kerjasama dengan Markas Briged Ke-4 Mekanize, Kem Batu 10 telah berlangsung pada bulan Mei dan Jun 2017 bertempat di Daerah Bentong, Temerloh, Raub dan Rompin. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi bantuan kepada mereka yang kurang berkemampuan serta meringankan beban yang ditanggung selain memberi pendedahan kepada belia-belia dan beliawanis di dalam negeri Pahang.

Jabatan Belia dan Sukan Pahang juga telah bersedia dengan kekuatan 400 hingga ke 1,000 sukarelawan dalam menghadapi musim banjir pada tahun ini. Kemudahan-kemudahan KBS seperti kompleks-kompleks akan dijadikan sebagai pusat pemindahan banjir bagi membantu mangsa yang terlibat sebagai penempatan sementara.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sukacita juga saya ingin menyebutkan beberapa senarai projek-projek *rolling plan*, empat… yang Ke-4, Rancangan Malaysia Ke-11, 2019. Antara lainnya ialah membina dan menaik taraf litar lumba, menaik taraf Kompleks Pembangunan Belia dan Sukan Daerah Jerantut, pembinaan bangunan 4 tingkat Pejabat Belia dan Sukan Daerah Cameron Highlands, membaik pulih dan menaik taraf Kompleks Sukan Komuniti Pekan, naik taraf Pejabat Belia dan Sukan Daerah Bentong, Lipis dan Cameron Highlands. Naik taraf Kompleks Sukan Komuniti Pelangai, naik taraf dan baik pulih Kompleks Rakan Muda Maran, Raub, Bera dan Rompin. Membina dan menyiapkan Kompleks Sukan Mini Rompin, naik taraf 22 buah gelanggang futsal sedia ada serta membina 3 buah gelanggang futsal berbumbung lengkap dengan sistem pencahayaan di Kuantan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin beralih ke Majlis Sukan Pahang, beberapa pencapaian kejohanan yang telah kita lakarkan antaranya pada Tahun 2017 ini juga menyaksikan atlet-atlet muda Negeri Pahang mencatatkan sejarah dengan membantu kontinjen negara dalam temasya Sukan SEA Kuala Lumpur Ke-29 yang lalu dengan menyumbangkan 14 pingat emas, 8 pingat perak dan 7 pingat gangsa. Buat julung kalinya pungutan pingat atlet Pahang dalam temasya ini merupakan pungutan tertinggi berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Tahniah dan syabas.

Statistik penyertaaan atlet Pahang yang menyumbangkan pingat kepada negara adalah seperti berikut. Semasa Sukan SEA Naypyidaw Myanmar 2013, kita hanya memperolehi 3 emas, 2 perak dan 6 gangsa. Manakala Sukan SEA Singapura pada tahun 2015 kita hanya memenangi 8 pingat emas, 7 perak dan 2 gangsa, dan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 kali ini menyaksikan bagaimana saya sebutkan tadi sebanyak 14 pingat emas, 8 perak dan 7 gangsa.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kejohanan-kejohanan utama dunia, untuk makluman Sidang Dewan juga sepanjang tahun 2017 dan atlet negeri Pahang yang terlibat adalah antaranya kejohanan angkat berat, kelayakan Komanwel 2017 di Gold Coast, Australia pada 2 hingga 9 September 2017. Manakala atletnya ialah Mohd Azrul Hazal Wafi bin Ahmad serta Mohamad Fazrul Azrie bin Mohdat. Seterusnya Kejohanan Bola Jaring Remaja Dunia 2017 di Botswana, Afrika Selatan melibatkan atlet Siti Maisarah binti Affandi dan yang ketiga Kejohanan Hoki Wanita *World League semi final* Brussel, Belgium 2017 melibatkan 3 orang atlet iaitu Wan Norfaezah binti Md. Sayuti, yang kedua Noor Hazliza binti Md. Ali dan yang ketiga Nuraini binti Abdul Rashid.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Anugerah Sukan Pahang 2015 dan 2016. Majlis Sukan ataupun Majlis Anugerah Sukan Pahang 2015 – 2016 telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada 27 September 2017 bertempat di Hotel Zenith, Kuantan. Penganugerahan ini adalah sebagai pengiktirafan kepada penggiat dan ahli sukan kelahiran Negeri Pahang yang cemerlang dalam menyumbangkan keringat dan tenaga, dalam memajukan bidang sukan di peringkat negeri, negara dan antarabangsa antara Tahun 2015 dan 2016. Saudari Nur Shazrin binti Mohamad Latif daripada sukan pelayaran telah dinobatkan sebagai Olahragawati Negeri Pahang. Manakala saudara Mohd Al-Juffri bin Jamari daripada pencak silat telah dinobatkan selaku Olahragawan Negeri Pahang 2015 – 2016.

Pada majlis ini juga Kerajaan Negeri telah menyampaikan pakej umrah bernilai RM10000 kepada setiap seorang, kepada 2 penerima anugerah sukan negara iaitu Anugerah Olahragawan Kebangsaan 2015 dan Anugerah Jurulatih Lelaki Terbaik Kebangsaan 2015. Penerimanya adalah saudara Al-Juffri bin Jamari dan saudara Nasri bin Nasir.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Sidang Dewan juga pada masa kini Majlis Sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara juga telah memberikan sokongan dan komitmen yang penuh dalam mencorak pembangunan akar umbi atlet-atlet muda. Melalui program pelapis negeri, tumpuan diberikan kepada bakat-bakat muda seawal usia 6

tahun sehingga 16 tahun dengan fokus ditumpukan kepada sukan-sukan pilihan iaitu angkat berat, tinju, sepak takraw, gimnastik, gimrama, terjun, olahraga, menembak dan memanah. Seramai 1,710 orang atlet dan pegawai daripada semua negeri mulai berkampung di Kuantan pada 21 hingga 26 November 2017 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

18th Asean Age Chess juga sedang berlangsung sehingga 3 Disember ini bertempat di Grand Makmur Hotel. Ini merupakan kejohanan *chess* yang pertama kali dan julung-julung kalinya diadakan di Negeri Pahang.

Seterusnya, kejohanan sukan utama sepanjang 2018 untuk makluman Sidang Dewan sekalian. Kejohanan Sukan Komanwel Edisi Ke-21 melibatkan atlet-atlet elit daripada 70 negara-negara Komanwel akan bertanding di Temasya Gold Coast 2018, Australia pada 4 hingga 18 April 2018. Dua orang atlet angkat berat Pahang telah melayakkan diri secara merit ke temasya tersebut. Kejohanan Sukan Asia Ke-18, Jakarta, Palembang, Indonesia akan dilangsungkan pada 18 Ogos hingga 2 September 2018 yang akan menumpukan penglibatan atlet program podium kebangsaan daripada Negeri Pahang dalam sukan pencak silat, badminton, pelayaran, angkat berat dan gimrama.

Seterusnya, Kejohanan Sukan Malaysia Ke-19 Perak 2018 akan diadakan pada 12 hingga 22 September 2018 bertempat di 12 buah daerah di Negeri Perak Darul Ridzuan. Kontinjen Negeri Pahang seramai 600 orang pegawai dan atlet telah melakukan persiapan awal mengikut jadual latihan dan kejohanan masing-masing demi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sukacita juga saya ingin menyebutkan di sini Negeri Pahang sebuah negeri yang makmur dan banyak kejohanan-kejohanan, bukan sahaja peringkat kebangsaan tetapi kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa juga banyak diadakan di negeri ini. Antara lain International Motorcross Lubuk Burung Mandi, Lipis. Begitu juga 2 hari lepas International Motorcross di Maran juga telah diadakan dengan jayanya. Drift Car Challenge di Laman Stadium, Kuantan Pahang. Drift Car Challenge 2017 di Pekan oleh Salute Malaysia Pekan, Pahang. Seterusnya Royal Billfish yang diadakan di Rompin serta Sultan Ahmad Shah International Tioman Eco Challenge serta Megadive In Tioman serta banyak lagi, untuk makluman Sidang Dewan yang dikasihi sekalian. Antara lain untuk tambahan ialah Hoki Remaja Dunia, serta *Bird Counting* dan *Bird Race* yang sering diadakan saban tahun di negeri Pahang ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan ADUN yang banyak ataupun yang ramai, telah membangkitkan permasalahan yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu antara lainnya Beserah, yang telah membangkitkan tentang, selain daripada memberi imbuhan dan insentif, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan secara amnya dan Majlis Sukan Pahang secara khasnya di dalam mengekalkan tahap kecemerlangan dan prestasi setiap atlet.

Untuk ini, Kerajaan Negeri sebagaimana yang saya perkatakan, di antara program yang telah dilaksanakan Majlis Sukan Pahang, antara lainnya memberi motivasi dan kerohanian atlet dengan kerjasama Yayasan Pahang. Program ini telah dilaksanakan

sebanyak 5 fasa dan ia bertujuan untuk memantapkan persediaan atlet dari segi mental dan fizikal sebelum menghadapi SUKMA Perak 2018.

Bagi meningkatkan kecemerlangan atlet, dan mengekalkan prestasi atlet, Majlis Sukan Pahang juga telah melantik jurulatih-jurulatih dari luar negara untuk melatih atlet-atlet Negeri Pahang. Kepakaran, kemahiran dan teknologi yang digunakan oleh jurulatih-jurulatih dari luar negara amat diperlukan bagi meningkatkan prestasi atlet Negeri Pahang. Di antara sukan yang menggunakan khidmat jurulatih luar negara adalah sukan gimrama, gimnastik, menembak, olahraga, tinju dan taekwondo.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Begitu juga Ahli daripada Kuala Semantan, yang bertanyakan tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengekalkan jurulatih berpengalaman yang sedia ada sekarang daripada luar... daripada keluar ke negeri yang lain. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang sentiasa mengambil maklum perihal pembangunan sukan massa di peringkat akar umbi agar setiap lapisan masyarakat dapat melakukan aktiviti sukan dan seterusnya mengamalkan budaya hidup yang sihat.

Bagi jurulatih sukan massa yang berada dalam Negeri Pahang yang terlibat dengan aktiviti sukan massa seperti jurulatih kecergasan, jurulatih rekreasi, jurulatih sukan para dan semua sukan yang melibatkan penyertaan orang ramai. Mereka ini sentiasa dilibatkan dengan program-program di peringkat jabatan untuk dikendalikan oleh jurulatih tempatan ini.

Jurulatih tempatan bagi sukan massa ini dibayar elaun perkhidmatan mereka, mengikut kadar ketetapan yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Selain daripada itu, jurulatih-jurulatih yang bergiat aktif dalam memberi sumbangan kepada masyarakat ini diberi penghargaan di atas jasa dan sumbangan bakti mereka melalui penghargaan dalam program anugerah sukan untuk semua yang diadakan khas oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Manakala bagi jurulatih-jurulatih sukan berprestasi tinggi yang melibatkan acara sukan berprestasi tinggi dikendalikan oleh pihak Majlis Sukan Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak Majlis Sukan Pahang untuk mengekalkan jurulatih berpengalaman ini supaya terus berkhidmat kepada negeri Pahang dalam memastikan tahap prestasi sukan di negeri ini sentiasa cemerlang dan gemilang. Langkah yang pertama diambil oleh Majlis Sukan Pahang adalah dengan menawarkan kontrak jangka masa panjang kepada jurulatih-jurulatih ini. Kebanyakan jurulatih yang berpengalaman lebih cenderung untuk menerima sebarang tawaran kontrak yang mempunyai tempoh jangka masa yang panjang berbanding tawaran kontrak jangka masa pendek.

Selain itu, untuk menarik minat jurulatih berpengalaman ini supaya terus berkhidmat di Negeri Pahang, Majlis Sukan Pahang akan memberi insentif kemenangan kepada jurulatih yang telah mencapai sasaran di peringkat SUKMA secara khususnya. Kepada jurulatih-jurulatih yang cemerlang mereka juga akan diberikan kenaikan gaji dan elaun tambahan. Pihak Majlis Sukan Pahang juga menyediakan kemudahan asas seperti rumah kepada jurulatih-jurulatih ini dan kos sewaan rumah tersebut ditanggung oleh Majlis Sukan Pahang.

Langkah seterusnya, jurulatih yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, Majlis Sukan Pahang juga telah mewujudkan Anugerah Jurulatih Terbaik dan anugerah ini akan diberikan kepada jurulatih yang menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang. Anugerah ini juga akan disampaikan ketika Majlis Sukan Pahang. Majlis Sukan Pahang berkeyakinan penuh dengan adanya Anugerah Jurulatih Terbaik ini akan memberikan motivasi luaran yang berkesan kepada jurulatih-jurulatih negeri Pahang bagi mencapai kemenangan dan membawa atlet-atlet Negeri Pahang menjadi juara dalam sukan tempatan mahupun antarabangsa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Majlis Sukan sekali lagi sentiasa mengkaji, cara untuk meningkatkan prestasi jurulatih-jurulatih Pahang. Setiap jurulatih di Negeri Pahang akan ditawarkan dan dihantar untuk menghadiri kursus-kursus kejurulatihan yang dikelolakan oleh Majlis Sukan Negara dan Institusi Sukan Negara bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkenaan… keberkenaan kejurulatihan dan sains sukan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Begitu juga soalan yang bertalu-talu dari ADUN Pulau Tawar, sentiasa mengikuti perkembangan sukan Negeri Pahang ini. Antara perkara yang dibangkitkan adakah Majlis Sukan Pahang mempunyai inisiatif untuk bekerjasama pihak Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Negeri Pahang dalam pembangunan sains sukan perubatan… sukan. Majlis Sukan Pahang ataupun MSP pada dasarnya telah juga menjalinkan kerjasama bersama pihak Universiti Islam Antarabangsa Negeri Pahang dalam pelbagai aspek kemudahan yang disediakan termasuklah aspek utamanya yang melibatkan masalah perubatan dan pemulihan atlet-atlet di bawah pengawasan MSP sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain itu juga, saya ucap terima kasih kepada ADUN Damak yang mana memohon daripada pihak Kerajaan Negeri supaya melihat kembali hubung kait antara, ataupun kerjasama antara Jabatan Pertanian dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang untuk memberi laluan ataupun peluang kepada belia kampung mengusahakan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan di daerah dalam Negeri Pahang ini. Untuk makluman Sidang Dewan juga, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) diwujudkan sebagai kawasan pengeluaran bahan makanan komersil dengan sasaran pendapatan sebanyak RM5000 sebulan.

Oleh yang demikian, peserta yang sesuai untuk mengusahakan projek di TKPM ini adalah mereka yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, berdaya maju serta berpengalaman dalam bidang pertanian. Peserta yang terlibat datangnya daripada golongan belia dan juga usahawan atau individu yang berminat serta mempunyai kriteria seperti yang disebutkan tadi. Permohonan untuk mencari TKPM juga dibuka sepanjang masa bagi menggantikan peserta-peserta yang gagal.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Seterusnya sahabat saya dari Padang Tengku mencadangkan supaya Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang dapat mengambil inisiatif mendapatkan dana khas bagi pembangunan belia di Negeri Pahang dalam bidang sosialsahsiah, keusahawanan dan kesukarelawanan. Perkara ini juga, bagaimana kita maklumkan pada masa yang lalu, Jabatan Belia dan Sukan Pahang sentiasa mengalu-alukan dan sentiasa

mencari alternatif dan inisiatif untuk ke arah perkara yang telah dibangkitkan tersebut.

Seterusnya, saranan daripada Bukit Ibam, menyarankan aktiviti berbasikal disenaraikan dalam majlis kalendar… Majlis Sukan Pahang (MSP). Untuk ini, terdapat 2 konsep sukan yang diamalkan di negara ini iaitu konsep sukan untuk semua dan konsep sukan untuk kecemerlangan. Konsep sukan untuk semua dikenali juga sebagai sukan massa manakala konsep sukan untuk kecemerlangan dikenali sebagai sukan prestasi tinggi. Sukan massa merupakan aktiviti-aktiviti rekreasi yang berbentuk fizikal dan sukan spontan yang diuruskan untuk tujuan menggalakkan penyertaan yang luas. Bagi sukan prestasi tinggi pula ia bertujuan meningkatkan prestasi atlet ke peringkat tertinggi.

Oleh yang demikian, Majlis Sukan Pahang dipertanggungjawabkan untuk memberi tumpuan khas kepada sukan-sukan berprestasi tinggi. Sukan berbasikal merupakan salah satu, sukan berprestasi tinggi yang menjadi tumpuan Majlis Sukan Pahang. Majlis Sukan Pahang sentiasa peka dengan pembangunan sukan ini, dan setiap tahun Majlis Sukan Pahang telah menyediakan program latihan dan program khusus serta menghantar pasukan berbasikal menyertai mana-mana kejohanan yang dianjurkan di dalam negara ini. Program dan kejohanan berbasikal ini juga telah dimasukkan dalam takwim Majlis Sukan Pahang.

Dari tempoh Januari, untuk makluman Sidang Dewan, sehingga Disember 2017, terdapat 29 kejohanan berbasikal peringkat kebangsaan dan antarabangsa diadakan dan daripada jumlah keseluruhan ini 12 kejohanan utama telah disertai ini menunjukkan sebanyak 41% kejohanan yang telah disertai oleh pasukan berbasikal negeri Pahang sepanjang tahun ini. Salah satu kejohanan peringkat antarabangsa yang telah disertai oleh pasukan negeri Pahang adalah kejohanan *International Mountain Bike Championship Final Series 2017,* dengan izin, bertarikh 1 hingga 6 November 2017 bertempat di Kuching, *Sarawak*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Majlis Sukan Pahang telah menghantar seramai 6 orang atlet dan telah mencapai 1 pingat emas acara *Downhill Women Elite*, satu pingat perak acara *Downhill Women Elite Asean* dan satu pingat gangsa acara *Women Junior*. Ini merupakan satu pencapaian yang baik kerana atlet berbasikal Pahang mampu memenangi pingat di kejohanan yang berperingkat antarabangsa. Justeru, cadangan untuk menyenaraikan ke semua aktiviti berbasikal dalam kalendar Majlis Sukan Pahang adalah satu cadangan yang baik dan bernas sekali. Secara tidak langsung aktiviti berbasikal berkonsepkan sukan massa dapat membantu Majlis Sukan Pahang dalam program pembangunan sukan berbasikal. Di samping itu, ia dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan berbasikal ini dan seterusnya mewakili negeri Pahang ke kejohanan kebangsaan dan sukan Malaysia SUKMA secara khususnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingat sekadar itu sahaja…

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Petua,

Mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Er…saya er…mengucapkan berbanyak terima kasih. Syabas, tahniah dan penghargaan yang begitu tinggi sekali kepada pihak Kerajaan Negeri kerana daripada segi er… perkembangan sukan melahirkan atlet-atlet yang menempa nama di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negara. Haa…kalau Negeri Pahang ni terutama sekali dalam sukan pencak silat, saya sememangnyalah mengucapkan berbanyak terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat…Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang kerana er… sentiasa memberikan sokongan, er…dorongan dan dokongan terutama sekali daripada segi kewangan.

Bukan senang kita nak melahirkan atlet-atlet peringkat sukan SEA dan juga peringkat dunia. Saya bersama-sama dengan mereka, daripada peringkat mula meniti daripada bawah sampai ke tahap yang ada pada masa sekarang ini. Sudah tentulah bukan saja memerlukan atlet yang kuat semangat berlatih dan disiplin tinggi, tetapi juga sokongan dari segi kewangan. Jadi dari segi sokongan Kerajaan Negeri terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, Majlis Sukan Pahang dan lain-lain lagi, sangatlah saya hargai. Di samping itu juga inisiatif dan juga pihak Kerajaan Negeri nak menghantar atlet dan jurulatih pergi umrah er… bagi lot tapak rumah dan juga er… mencadangkan anugerah bintang ataupun pingat sangatlah saya hargai.

Di samping itu juga er… gelanggang silat di Taman Gelora juga sebenarnya itu asas utama permulaannya macam mana er… Pahang melahirkan pesilat-pesilat yang cemerlang. Sekarang ini kita ada dua pusat latihan, satu di Kuantan, Taman Gelora, satu lagi di Temerloh. Malangnya pusat latihan ataupun gelanggang silat negeri di Taman Gelora itu er… sebab sudah lama daripada dulu asalnya er… gelanggang gasing pangkah, dinaiktaraf yang Kerajaan Negeri memberi kepercayaan dan penghormatan kepada Persatuan Silat Negeri, jadi kita mohon er… penambahbaikan atau pemulihan semula dewan tersebut er…Dato' Sri. JKR dah pun buat penilaian lebih kurang RM400,000, sebab apa kayu kuda-kuda di atas pun mungkin ada yang dah makan anak-anai ataupun reput.

Di samping itu juga, kita juga memerlukan peralatan dan lain-lain lagi. Jadi saya minta daripada pihak Kerajaan Negeri dapat memberi pertimbangan bagi membaik pulih gelanggang tersebut dan juga satu lagi di Temerloh, sebab inilah dua pusat latihan yang melahirkan atlet-atlet bagi Pahang. Di samping itu juga Yang Berhormat Dato' Sri, saya di sini sebagai wakillah kepada Al Jufri, atlet silat, Olahragawan Negara 2015, yang akan mengadakan majlis kenduri kahwin pada 2 haribulan… 2 haribulan Disember ini di Dewan Semai Bakti FELDA. Jadi, majlis menyambut menantu, kad dengan surat kalau tak silap saya… dah apa… mereka dah hantar termasuklah juga ada undangan khas kepada Yang Amat Dato' Sri DiRaja, selaku penyokong dan juga pendorong utama bagi pencak silat dan juga sukan di negeri Pahang ini.

Jadi saya sekalilah er… mengucapkan berbanyak terima kasih kepada terutama sekali Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang dan juga Kerajaan Negeri kerana sememangnyalah dalam silat ini, bukannya saja kita kena ada, mereka yang ada ketokohan kita *group*kan, tapi kita juga kena ada pusat latihan

yang baik, kena ada jurulatih yang terbaik dan juga er… kewangan yang terbaik juga sebab mereka perlukan menjalani latihan dan juga pertandingan-pertandingan di peringkat di dalam dan di luar negara. Terima kasih.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, kepada ADUN Sungai Lembing yang banyak memperkatakan tentang silat dan juga kejayaan-kejayaan yang dilakarkan. Saya amat bersetuju selaku Wakil Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja er… banyak membantu dalam er… menghulurkan bantuan kewangan khususnya kepada team PESAKA ni, dan Yang Berhormat ADUN Sungai Lembing ini merupakan Presiden PESAKA Pahang.

Saya ucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan dari semasa ke semasa, sungguh gemilang, dan saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana bukan saja menghulurkan bantuan kewangan, bahkan delegasi-delegasi pesilat ini sering ke luar negara er… memerlukan bantuan kewangan yang amat besar, bukan saja di Australia, di Korea, di Uzbekistan dan yang sekarang ni di Belgium, Belanda.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Di Roman, Belanda, Dato' Sri, 10 orang wakil daripada PEKASA Pahang er… pergi ke Belanda, di bawah… di biayai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mereka diketuai oleh er…mantan ADUN Peramu Jaya, Dato' Ibrahim. Di sana kita menghadiri Festival Silat di Belanda, terima kasih.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua,

Begitulah keadaan yang saya perkatakan, dan saya mengucap syukur alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja kita, kalau ada duit banyak, itu dia tak sayang dan mana-mana *team* dalam sukan pun bukan saja dalam negara, bahkan luar negara. Saya pernah sendiri selaku Wakil Kerajaan sehingga ke Brazil, ya dan juga er… boleh katakan di Indonesia mengikuti perkembangan pesilat-pesilat ini. Memang kosnya amat tinggi dan tak hairanlah kalau Kerajaan Negeri berhutang sampai RM400,000 lebih, Sukan SUKMA dengan MPK satu ketika dahulu, itulah realiti yang kita terpaksa tanggung dan hadapi untuk melahirkan atlet-atlet yang berpengalaman dan cemerlang dari masa ke semasa. Sebelum saya akhiri er… penggulungan ini…

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Minta laluan Yang di-Pertua. Saya ada persoalan yang masih bersarang dalam pemikiran saya. Iaitu persoalan yang saya timbulkan tentang belia usahawan. Di mana kita tahu dulu ada skim… Skim Ekonomi Belia, Skim Tabung… Skim Tabung Ekonomi Belia dan perkara ini dah tak ada, cuma yang kita nak minta bagaimana Jabatan Belia boleh er… menjadikan pegawai-pegawainya sebagai pemudahcara, sebab skim-skim latihan, skim-skim dana yang diwujudkan oleh kerajaan banyak, puluhan.

Jadi, di Pejabat Belia, dia ada… ada Unit Belia, tapi daripada makluman yang saya dapat dia macam hidup segan mati tak mahu dan daripada maklumat juga menunjukkan hanya setakat ini daripada tahun ini hanya 3, apa nama ni aktiviti yang

berkaitan dengan pembangunan usahawan dan ekonomi yang dapat dilaksanakan oleh… oleh apa nama Jabatan Belia. Jadi saya nak minta bagaimana supaya Jabatan Belia melalui pegawai-pegawainya diperkasakan, supaya mereka sekurang-kurangnya kalau tidak ada dana pun mereka boleh menjadi pemudahcara kepada dana-dana ini untuk menggalakkan belia-belia menceburi bidang keusahawanan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh gulunglah, boleh gulung.

YB. DATO' SRI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Padang Tengku. Namun saya nak bagi satu je kepada Padang Tengku ni. Kita memang... sebelum ini pun memang bukan sahaja penyedia kepada modal dan sebagainya tapi pemudah cara ya, kepada tabung-tabung yang diusahakan daripada Yayasan Pahang. Sebagai contoh ya, Agropreneur yang kita selaraskan bersama TUBE dan juga SME Bank. Banyak lagi yang boleh memberikan modal pusingan. Ada setengah tu di Yayasan Pahang sampai RM50,000 kepada belia usahawan muda kita. Begitu juga er... *TUBE*... usahawan *TUBE*, RM5,000 ke RM10,000 sehingga RM15,000. Saya ingat perkara ini kita boleh uar-uarkan bersama rakan-rakan ADUN dan insya-Allah saya ambil maklum perkara tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Akhirnya, saya nak bacakan 2 rangkap pantun.

Semut merah di atas Kota Gelanggi,
Semut biru di atas almari,
Bajet 2018 Kerajaan Negeri,
Mudahan rakyat sentiasa dirahmati.

Bunga teratai bunga seroja,
Buat singgahan burung tempua,
Marilah sama-sama kita berusaha,
Memakmurkan negeri aman sentosa.

Kuih puteri mandi manis sekali,
Pulut panggang dari Inderagiri,
Belanjawan negeri sudah didengari,
Bajet 2018 bijak bestari.

Sekian saya mohon menyokong, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat dari pihak kerajaan. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

[Ayat Al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Salam 1Malaysia, Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya dalam sesi pembentangan Bajet Negeri Pahang Darul Makmur 2018 sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang pada 21 November 2017.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan sekalung penghargaan dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sempena Hari Keputeraan pada 24 Oktober 2017. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa berada dalam keadaan sihat, ceria dan di samping Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, paduka-paduka anakanda dan cucunda, semoga berada dalam rahmat Ilahi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada 27 Oktober 2017, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah membentangkan Bajet Tahun 2018. Merupakan bajet yang paling baik dalam sejarah bajet Malaysia. Ianya tidak kecuali bajet tersebut di mana pihak FELDA telah pun mendapat RM200 juta peruntukan untuk jalan kampung, bekalan air dan lampu jalan dan juga RM164 juta bagi membina perumahan mesra generasi... 5,000 unit seluruh FELDA Malaysia bersama SPNB. Tidak termasuk infrastruktur dan infrastruktur pihak FELDA kena menampung RM300 juta.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekalung tahniah juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana berjaya membentangkan Bajet 2018 dengan tema yang amat mudah dan senang difahami. "Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada Tanpa Mengabaikan Kepentingan Dan Kebajikan Rakyat". Tapi dalam mudah Dato' Sri MB, ada perkara yang tidak boleh dipandang remeh. Pantang Mat Kilau, pantang Tok Gajah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam petikan kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak, "Mereka yang tiada tanah, kita beri tanah. Mereka yang tak ada pekerjaan, kita berikan kerja. Tanah terbaik untuk rakyat terbaik". Setiap peneroka diberi 10 ekar, pendapatannya RM2,000 ke RM5,000. Melahirkan peneroka kaya, tentunya mereka diberi 1,000 ekar seorang, hanya 1,112 orang yang bermanfaat bukan 1,100... 112,635 keluarga di seluruh Malaysia.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hari Peneroka FELDA 2017 di Putrajaya yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan 6 insentif. Pertama, bayaran insentif

khas peneroka RM474.78 juta. Pelupusan hutang tanam semula RM519 juta. Dana khas pelupusan lebihan hutang tanam semula 2017-2021, RM300 juta. Geran tanam semula peneroka 2017-2020, RM166.7 juta. Pelupusan sebahagian pinjaman saham FGV RM128.1 juta. Kelulusan satu unit rumah dalam satu tapak. Maka keseluruhannya RM1.88 bilion.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Murni hasrat, bulat muafakat, erat sepakat, bina FELDA. Dalam program permuafakatan FELDA dengan warga FELDA untuk merapatkan hubungan dengan warga FELDA kerana akhir-akhir ini setelah keseluruhan FELDA di Negeri Pahang ini telah mendapat suratan hak milik, maka sudah tentu pentadbiran dengan warga FELDA agak berenggangan. Oleh satu daya usaha yang telah dibuat oleh pihak pengurusan FELDA untuk merapatkan hubungan ini kerana kita yakin dan percaya bahawa warga FELDA masih setia kepada Kerajaan Barisan Nasional. [Ahli Dewan menepuk meja].

Apabila dia ada hak milik, dua perkara yang ada, satu tanam sendiri, satu... masih setia dengan FELDA. Oleh itu, yang tidak setia dengan FELDA ini akan kembali dengan FELDA dengan pra-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan FELDA. Yang bersama FELDA, akan mendapat hasilnya yang cukup baik. Pengurusan FELDA turun ke lapangan untuk menjelaskan isu-isu yang berbangkit. Pertama, e-penyata, kedua, perumahan, ketiga, tenaga pekerja. Kalau penyata hutang, tidak ada lagi pihak FELDA ambil tindakan mahkamah kepada warga FELDA.

Perumahan generasi baru FELDA yang sebagaimana saya menjawab soalan ADUN Chenor pada dua hari yang lepas tetapi kita berusaha yang terbaik untuk memastikan perumahan generasi kedua FELDA ini dilaksanakan berperingkat-peringkat dan saya juga berterima kasih kepada rakan ADUN Muadzam Shah kerana telah pun menyampaikan suratan tawaran kepada warga FELDA di er... Kerat... di Selancar 4 dan 5. Begitu juga Keratong 4, ADUN Ibam dan juga rakan saya ADUN Tioman telah menyampaikan surat tawaran kepada generasi kedua FELDA.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

FELDA Lurah Bilut, kita telah merancang satu program terbaru, Program FELDA 2.0 Lembah Digital Bilut. Maknanya Bilut akan menjadi satu tempat *role model* kepada FELDA di negeri… di negara Malaysia. Makna YB. kena pergi tengok. Boleh YB.?

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Sekiranya Wakil Kerajaan jemput saya memang akan pergi dan saya nak ingatkan Wakil Kerajaan, saya pun harap projek ini boleh berjaya kerana Projek Wifi Komuniti sebelum di Bilut, ada beberapa *Hotspot* tidak boleh diguna lagi. *Okay*, terima kasih.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Kepada ADUN Bilut, mana kita dah merancang, kita pun dah… dah *start* sekarang ni, makna insya-Allah, makna program sasarannya cukup baik untuk FELDA Lurah Bilut kerana FELDA pertama di Malaysia.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya merakamkan ucapan terima kasih pada rakan-rakan yang telah pun menanya soalan tapi ada satu sahaja, ADUN Jengka kerana semalam pun dah dapat hadiah, maknanya berhubung dengan cadangan menyelesaikan masalah wasiat dan pewarisan dengan meletakkan dua nama sebagai waris untuk generasi seterusnya. Dari segi jawapannya, cadangan meletakkan nama du… nama dua orang tidak boleh dilaksanakan kerana waris tidak dibenarkan kepada waris.

Kaedah terbaik untuk meletakkan dua nama, ialah membuat hibah bersyarat iaitu dengan mendapatkan persetujuan, oleh semua waris dan juga persetujuan oleh pihak FELDA. Status tanah peneroka FELDA, adalah berangkai antara mil… milikan ladang dan lot kediaman peneroka, kesemua pewaris peneroka adalah berhak ke atas tanah tersebut dan FELDA berkepentingan sebagai pentadbir berasaskan ikatan perjanjian peneroka FELDA yang telah ditandatangani semasa diterima masuk ke rancangan FELDA.

Yang kedua, cadangan melantik Amanah Raya sebagai agen penyelesai masalah. Wasiat dan perwarisan peneroka FELDA. Cadangan Amanah Raya sebagai agen penyelesai warisan FELDA tidak boleh dilaksanakan kerana harta ini tertakluk kepada Akta Tanah, Kawasan Penempatan Berkelompok 1990 di mana dalam akta tersebut tidak membenarkan mana-mana perbadanan atau badan mengurus harta tersebut. Akta tersebut hanya membenarkan orang dan perseorangan memiliki harta tersebut iaitu, waris-waris kepada peneroka dan akta ini juga menyatakan tidak ada undang-undang lain boleh mengatasi Akta Tanah Kawasan Penempatan 1960.

Dato' Sri Yang di-Pertua…

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat… Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er… saya mohon untuk menjelaskan, dari segi maksud yang kita er… yang kita nampak di sini, ada dua isu. Satu dari segi untuk menyelesaikan masalah status hakmilik ataupun warisan, yang mana kebanyakannya berhasrat untuk meletakkan nama dalam pemilikan hak milik ataupun geran. Mungkin barangkali tu ada satu perkara isu yang mungkin er… berkaitan dengan er... GSA dan sebagainya.

Isu keduanya, iaitu untuk menguruskan hasil-hasil yang er… yang nak diwariskan kepada er… anak-anak dan juga generasi seterusnya er… jadi sebagai contoh, hari ini yang berlaku ialah apabila er… kita menamakan pentadbir ya… selepas peneroka meninggal, diletakkan pentadbir ya… di mana sepatutnya dia memegang amanah ini untuk mengagihkan es… er… hasil-hasil kepada adik-beradik yang lain, tapi oleh kerana barangkali ada berlaku… telah mula berlaku di mana er… hasil ini dimonopoli oleh pentadbir sahaja, ini jadi isunya.

Jadi oleh kerana itu, kita bercadang apabila diletakkan satu pemegang amanah, misalnya Amanah Raya untuk me… mengenakan warisan atau hibbah di sini, jadi tidak sebagaimana sekarang, diberi kepada pengurus, dan pengurus mungkin beri kepada er… ketua blok, dan ketua blok menyimpan kadang-kadang, sebahagiannya duit itu. Oleh kerana ini, yang er… ada masalah berlaku, takut-takut penyelewengan dan sebagainya. Jadi penyampaian tak dapat kepada waris sepatutnya. Terima kasih.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Terima kasih kepada ADUN Jengka, apa yang diperkatakan itu satu perkara yang baik tetapi pentadbir ini telah pun mendapat persetujuan dari bicara kuasa, kalau kata ada 5 orang 5 orang adik-beradik telah bersetuju meletakkan seorang sebagai pentadbir. Makna kalau dia tidak… tidak amanah, maka itu yang terjadi. Walau bagaimanapun, cadangan itu bagus dan er… bagi saya, saya ambil perhatian untuk dibawa ke pihak yang lebih atas. Terima kasih.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya doakan ke hadrat Illahi agar sentiasa memberikan kesihatan berpanjangan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang untuk terus memimpin Negeri Pahang Darul Makmur. Pujangga ada berkata, "untuk menghiris kemanisan, perlulah mengupas kepahitan". Ada peluang yang besar itu, datang secara tiba-tiba, datang tidak menentu masa, datang di saat kita kesempitan dan kesusahan, inilah nilai peluang itu dengan kebijaksanaan kerana peluang yang besar itu, boleh berlalu dengan tiba-tiba.'

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Usul Pembentangan Bajet 2018. Insya-Allah, kita akan memperolehi kejayaan yang besar di Negeri Pahang Darul Makmur di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Asas Tani Negeri. Silakan.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Alhamdulillah [bacaan dalam Bahasa Arab]

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas kesempatan untuk menggulung sesi perbahasan bagi tujuan Bajet Negeri Pahang 2018. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Dato Sri DiRaja Haji Adnan Yaakob atas kejayaan Pembentangan Bajet Kerajaan Negeri yang begitu mudah, *simple*, dan kita dapat fahami dan dianya berpijak di bumi yang nyata.

Bagi tujuan untuk menjawab portfolio saya, saya harap saya tidak bercakap panjang-panjang sangat, cukup sekadar untuk saya beri maklum kepada Sidang Dewan dan Ahli-Ahli Dewan, bagi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar. Er… pada tahun 2017, er… kerajaan melalui KKLW telah memperuntukkan sejumlah peruntukan pembangunan kepada Negeri Pahang, sejumlah RM206.91 juta yang merangkumi

tujuh program utama. Sepertimana biasa, antara program-program dah ada dalam jadual dia tu, jalan luar bandar, jalan perhubungan desa, program *Immunity Social*, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Program Perumahan Rakyat miskin, bina baru. Program Perumahan Rakyat Termiskin, baik pulih, dan yang ke-8 lampu jalan kampung.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan perancangan pembangunan pada Tahun 2018 pula. Er… kerajaan mahupun Persekutuan ataupun Negeri er…terus komited dan bersungguh-sungguh untuk mengimbangi pembangunan bandar dan juga luar bandar. Sebab itu pada Bajet 2018 yang lalu yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah diperuntukkan sejumlah RM317.90 juta bagi… nampak ada kenaikan ni, bagi membiayai pelaksanaan 40 program di negeri Pahang di bawah *Rolling Plan* yang Ke-3 (RP3) Rancangan Malaysia Ke-11, dan saya sesungguhnya merasakan cukup bertuah bahawa Negeri Pahang telah er… dari segi *ranking*nya, segi penerimaan pe… peruntukan, kita menduduki tangga ke-3 selepas negeri Sabah dan Sarawak, dan er… syukur alhamdullilah.

Bagi tujuan penghargaan kepada Ketua Kampung, Tok Batin di negeri Pahang. Ya, mereka telah diperuntukkan *one off* sepertimana diketahui oleh umum, er… RM1,500 yang dibuat bayaran 2 kali. RM1,000.00 pada Januari 2018, dan seterusnya RM500 pada Hari Raya Aidilfitri yang akan datang, dan selain pada itu kerajaan juga telah menambah peruntukan RM50 juta er… bagi tujuan untuk membantu er… dengan membantu sekolah-sekolah tahfiz di seluruh…di seluruh negara yang dengan tujuan membuat pemeriksaan, pembaikan pulih penyelenggaraan sistem pendawaian di sekolah-sekolah tahfiz seluruh negeri. RM50 juta, alhamdullilah, dan selain daripada itu untuk tujuan Bina Insan er…penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar sekolah tahfiz ini, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta bagi Tahun 2017 er…2018 untuk membiayai Skim Latihan Kemahiran Pelajar Tahfiz. Alhamdullilah, insya-Allah, kita berharap apa yang dilakukan oleh kerajaan ini suatu yang mendapat redha Allah, redha dan rahmat Allah, dan er…rakyat juga berasa terima kasih, insya-Allah.

Bagi tujuan untuk menjawab soalan-soalan pula, soalan-soalan tambahan. Ahli daripada Tahan ada mencadangkan supaya kajian, penelitian khusus terlebih dahulu sebelum pelaksanaan mana-mana projek sesebuah kawasan dilaksanakan mestilah mengikut kehendak dan keperluan masyarakat.

Dato' Sri Tuan Yang di-Petua,

Memang sebegitulah hasrat kerajaan sendiri dan sebab itu banyak agensi-agensi yang melibatkan perkara ini. Majlis Daerah, mana-mana projek kecil pun mereka melihat bahawa penggunaan penduduk setempat adalah maksima. Begitu juga di bawah Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri, perancangan kita buat teliti. cukup teliti supaya kita khuatir dan kita berharap tidak berlaku pembaziran-pembaziran sepertimana gajah putih.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya er… mana, Ahli daripada Tahan juga ada menanyakan, bagaimana projek jalan kampung, yang lampu jalan kampung dibuat? Untuk tujuan itu, suka saya maklumkan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tahan sejumlah 665 unit

telah pun dipasang di kawasan tersebut, dan untuk makluman dewan juga, dia ada cara yang berbeza. Bagaimana caranya kalau jalan negeri, dia ada cara dia, dia di bawah j…JKR Negeri. Permohonan akan diproses dan peruntukan diangkat dan sebagainya. Kalau jalan persekutuan er… permohonan boleh dikemukakan kepada JKR Negeri melalui JKR Daerah. JKR Elektrik Negeri akan membantu menyediakan anggaran kos dan sebagainya. Dia ada prosedur-prosedur dan untuk, apa ini pemasangan lampu jalan di kawasan luar bandar.

Seterusnya Dato' Sri Tuan di-Petua,

YB. DATO MOHD. ZAILI BIN HAJI BESAR

Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… izin saya mencelah sedikit. Terima kasih keterangan daripada Wakil daripada Inderapura tadi. Khususnya mengenai pemasangan lampu jalan. Saya nak bertanya kepada Wakil Kerajaan daripada Inderapura, tidakkah er… pihak Wakil Kerajaan er… mencadang ataupun mencadang memohon kelonggaran khususnya daripada KKLW, agar membolehkan lampu-lampu jalan ni yang dibekalkan, boleh dipasang di la… di laluan er… *federal* ataupun negeri, laluan negeri. Makna, longgarkan syarat tersebut. Sekarang ini, lampu-lampu ini dipasangkan di jalan-jalan kampung tetapi sebagaimana yang kita ketahui ada ju… juga kampung-kampung ni berada di luar bandar. Kiri kanan jalan *federal*, jalan negeri ni ada kampung-kampung tersebut, tapi dibenarkan pasang di kawasan jalan tersebut.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kita akan ambil maklumat tentang perkara ini masing-masing ada bidas tugas…bidang tugas masing-masing. Semestinya di bawah KKLW yang bersangkut paut dengan pembangunan luar bandar. Manakala di bahagian perbandaran semestinya di Majlis Daerah, Majlis Perbandaran yang ada kuasa untuk perkara-perkara tersebut. Tapi kita akan tengok pertindihan kuasa tersebut. Mungkin pihak kerajaan boleh meneliti cadangan daripada Ahli Panching.

Dato' Sri…

YB. DATO' MOHD. ZAILI BIN HAJI BESAR

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh saya ambil satu contoh ya di kawasan saya di Kampung Panching, Jalan Sungai Lembing. Maknanya, jalan yang menghala ke Sungai Lembing ini, dia merupakan jalan *federal* ya, ataupun jalan negeri tetapi kira kanan tersebut merupakan perkampungan. Jadi, yang ni yang saya ingin nyatakan tadi, kalau dapat pihak kerajaan mencadangkan kepada KKLW agar dapat melonggarkan syarat tersebut bagi membolehkan pemasangan di jalan-jalan ini.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Mungkin di kepala jalan tu kita boleh, boleh pertimbangkan. Kalau kita nak di kiri kanan jalan persekutuan atau negeri tu mungkin menjadi kesulitan juga. Kepala jalan nak masuk kampung mungkin saya rasa ada logiknya untuk kita pertimbangkan perkara ini.

Seterusnya Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, Ahli daripada Ibam ada memohon untuk mengujudkan JKK baru bagi kawasan-kawasan tinggalan LKWJ. Er… kawasan-kawasan kampung dalam er… di Wilayah LKWJ tinggalan ini memang dah ada. Antara yang terlibat ialah Temerloh, Jerantut, Maran dan Bera.

Kalau saya boleh perkatakan sini di Temerloh ada 24, di Jerantut ada 30…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Bukit Ibam minta laluan.

YB. DATO' WAN KADRI BIN WAN MAHUSAIN

Dia er… peninggalan DARA bukan LKWJ**.**

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Tak apa, mungkin dia orang salah ini. Peninggalan DARA, ya. Dia berhampiran juga tapi suka saya nak beri jawapan bahawa untuk mengwujudkan sebuah *territory* ataupun sebuah jawatan… JKKK yang baru, dia memerlukan sumber kewangan. Jadi mungkin atas er… kewangan… kekangan kewangan, mungkin buat masa ini kerajaan tidak dapat mempertimbangkan. Cukup er… sekadar apa yang telah sedia ada, dan kita boleh, kalau ada tinggalan kampung itu kita boleh serap ke kampung bersebelahan, contohnyalah.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Boleh saya beralih terus kepada satu lagi portfolio saya yang juga agak penting untuk kita pertimbangkan bersama. Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, [batuk] suka saya maklumkan juga setakat 2017, Negeri Pahang mempunyai jumlah penduduk seramai 1 perpuluhan …1,679,000 jumlah penduduk di Negeri Pahang. Daripada jumlah tersebut, keluarga tani berjumlah 57,829 keluarga tani. Manakala nelayan laut 5,900…. 5,981 nelayan laut, manakala nelayan sungai 2,437, jumlah keseluruhanya. Dan er… jumlah keluasan negeri kita ni adalah berjumlah 3,596,585 er… keseluruhan 3.6 juta kurang lebih yang mana seluas 2.16 yang… hektar yang tidak sesuai untuk pertanian. Dari segi rekod tujuh… 2017 menunjukkan seluas hampir 1,946,766 hektar tanah yang telah dibuat untuk guna tanah pertanian.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Pertanian ni memang sumber untuk kita menjaga kedaulatan makanan, juga keselamatan makanan untuk rakyat kita. Saya teringat bagaimana Nabi Allah Yusuf cerita Nabi Allah Yusuf yang diceritakan dalam Surah Yusuf bagaimana Allah mengajar Nabi Allah Yusuf dalam… melalui takwil mimpinya. Mimpi yang ditakwilkan oleh Nabi Allah Yusuf terhadap mimpi Raja bagaimana akhirnya Nabi Allah Yusuf telah diberi peranan sebagai Menteri ketika itu untuk menguruskan ekonomi di negeri Mesir pada ketika itu.

Sebab itu suka saya bawa satu er… firman Allah SWT dua ayat daripada Surah Yusuf Ayat 47 dan Ayat 48. Saya bacakan makna dia dulu. 'Dia Yusuf berkata, agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun berturut-turut sebagaimana biasa, kemudian apa yang kamu ketam atau apa yang kamu tuai, hendaklah kamu simpan bersama tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.' Itu Ayat 47. Manakala Ayat 48 pula Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, 'Kerana akan datang selepas itu tujuh tahun

bersangatan kemarau yang akan menghabiskan makanan yang kamu sedia baginya kecuali sedikit sahaja, kecuali sedikit sahaja yang kamu simpan untuk menjadi benih.' Ada dua perkara, sedikit sahaja untuk menjadi makanan, sedikit sahaja untuk disimpan menjadi benih. Makan dan jadi benih. Apa yang berlaku pada zaman Nabi Allah Yusuf, 7 tahun berturutan ekonominya bagus dan 7 tahun kemudian dilanda kemarau yang teruk.

Jadi saya berbincang dengan Ahli daripada… lupa sokmo, Pulau Tawar, dia juga orang berniaga, ada klinik sendiri. Dia kata memang ekonomi ni dia ada *cycle,* ada pusingan, pusingan yang elok kemudian dipusingkan sendiri juga dengan yang tak elok. Jadi ini dibenarkan dengan Ayat Allah SWT. Ayatnya berbunyi begini Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, [bacaan ayat Al-Quran] itu ayat 47, kemudian ayat 48 [bacaan ayat Al-Quran] ini dijadikan benih dan kita negara kita memang ada masalah benih-benih pertanian yang selalu saya perkatakan Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu Kerajaan Negeri akan berdasar kepada ayat-ayat ini kita akan menjadikan sektor pertanian ini sebagai sektor yang utama dan kalau segi rekodnya, sektor pertanian telah menyumbang sebanyak 23.4% kepada KDNK Negeri Pahang dan ianya merupakan penyumbang terbesar kepada sektor perkhidmatan Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tengok pecahannya… pada Negeri Pahang 20… 2016, tertelan… kurang air gamoknya. Mengenai durian, kita ada penanaman 12,975 hektar, nenas 429 hektar, kelapa 6,135 hektar manakala jagung kita ada 570 hektar keseluruhannya dan suka saya nak beri maklum kepada Sidang Dewan antara tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 45 syarikat permohonan pertanian.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Kalau kita boleh bahagikan, bagi durian ada 12 syarikat, kelapa 16 syarikat, nenas 4 syarikat, cili 1 syarikat, herba 3 syarikat, jagung 1 syarikat, kenaf 1, nangka 1, buluh 1, ubi kayu 1 syarikat, pertanian bersepadu 2 syarikat, integrasi pertanian dan ternakan 1 syarikat dan manakala bagi tanaman kekal pengeluaran itu… itu dari segi kelulusan yang dibuat oleh Kerajaan melalui Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri dan melalui Jabatan Pertanian kita ada Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang menjadi TKPM terbesar di negara kita yang keluasannya sepertimana yang kita tahu 3,600 hektar dan sehingga 2017 pencapaian TKPM Lanchang adalah sebanyak 31,375 metrik tan dengan nilaian ringgitnya RM62.399 juta dan antara syarikat yang menyumbang besar pada pencapaian ini ialah Syarikat Faiz Import Eksport Sdn. Bhd. yang menanam betik, pisang, nangka dan tembikai.

Nilai dia RM6.6 juta dan 1 lagi syarikat Lambang Sejiwa Sdn. Bhd. Jenis tanaman dia mangga, nangka, pisang, durian belanda, jambu batu, kelapa, limau nipis, limau kasturi, sayur-sayuran. Jumlah nilaian RM4.3 juta dan er… TKPM Lanchang juga Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, mendemo… mendominasi… mendemonasi… mendominasi eksport nangka ke luar negara. Kalau kita tengok, pembelinya terdiri daripada England, negaralah. Kita mengeksport ke England, Republik Chech, Singapore termasuk German juga Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, adalah syarikat-syarikatnya dan saya juga suka juga untuk… itu kejayaan, dan di sana juga ada kegagalan sebab dia *human factor*.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat yang gagal, boleh ambil maklum, syarikat yang gagal Nuro Dagangan Sdn. Bhd., terbiar melebihi 5 tahun, Malaysia Agriculture Food MAFC pun terbiar 5 tahun dia ta.. ta… dulu tanam betik. PSK Vega er… Vantage terbiar melebihi 5 tahun, Warga Usaha Sdn. Bhd. juga terbiar 5 tahun.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Sektor pertanian pula. Sektor pertanian pada tahun 2016 pengeluaran hasil perikanan utama adalah sebanyak 120,417.58 tan metrik dengan nilaian pasaran sebanyak RM699.7 juta berbanding dengan tahun 2015, nilai pasaran hanya RM634.8 juta yang jumlah metrik tannya ialah 111,536.54 tan metrik.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Er… Kerajaan Negeri juga telah meluluskan bagi tujuan projek ZIA er… Zon Industri Akuakultur makna yang besar ni seratus… seram… er… sejumlah 2,477 hektar di semua daerah Zon Industri Akuakultur dengan kos pembangunan sebanyak RM76.7 juta dari tersebut ada 15 kawasan telah diluluskan, kini ada satu syarikat sahaja yang berjaya. Satu syarikat sahaja yang berjaya iaitu LKPP Corporation ha… ini anak syarikat Kerajaan Negeri yang ada usahasama dengan Pengagau, tak silap saya daripada Sabah. Udang Putih yang mula er… mula perniagaannya pada 2009, pengeluaran Oktober 2017 sejumlah 1387.90 metrik tan, nilaian sebanyak RM39.88 juta.

Dan suka saya jugak nak beritahu pada Sidang Dewan, ada beberapa ZIA, Zon Industri Akuakultur yang gagal diusahakan oleh syarikat. Antaranya ialah Master Degree Sdn. Bhd. yang sepatutnya membuat ikan ketutu, ataupun orang Cina panggil ikan *soon hock*, ikan hantu. Kembang Subur, Kembang Subur err… yang tak subur, Agro Johari iaitu yang ni sering dibangkitkan oleh daripada Muadzam, daripada… lokasi ni di Kedaik, Rompin, sering gagal. Itu saya nak bagi maklum pada Sidang Dewan dan saya masuk sikit tentang sektor penternakan.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua…

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Er… minta izin. Yang di-Pertua, saya mohon bertanya apakah cadangan Kerajaan Negeri er… untuk dilaksanakan kepada projek-projek yang gagal, adakah kemungkinan kita mengambil balik tanah-tanah itu untuk projek-projek lain? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kita masih er… memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang ada, er… contohnya ada… mereka sedang mengusahakan pada peringkat awal, kalau mereka tak berjaya sangat, yang gagal-gagal tu, kita akan tarik balik memang sudah ada, dan kita cuba melihat alternatif lain yang boleh membantu untuk menjana sumber pendapatan Kerajaan Negeri.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Syukur Alhamdulillah, kerajaan melihat secara serius er… perkembangan ternakan, sektor ternakan, dan ini juga selaras dengan apa yang telah difirman oleh Allah SWT dalam surah Al Mukminun, ayat 21 [Bacaan dalam Bahasa Arab] "Dan

sesungguhnya pada haiwan ternakan terdapat satu pelajaran [Bacaan dalam Bahasa Arab] tu satu peringatan, pengajaran bagi kamu. Kami memberi minum kamu daripada air susu yang ada dalam perutnya, dan padanya terdapat banyak manfaat untuk kamu dan sebahagian daripada diri kamu".

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah mengwujudkan *Pahang Dairy Valley* dengan izin, iaitu Lembah Tenusu Negeri Pahang di sekitar Kuantan, Pekan dan Muadzam Shah dengan tujuan untuk bermatlamatkan menjadikan negeri Pahang sebagai hub pengeluaran susu segar negara, dengan keupayaan membekal 10 liter hingga 15 liter susu setahun, dalam tempoh tiga… setahun. 10, mungkin ada kesilapan tu lah membekalkan antara, *typo* tu, 10,000 ni gamaknya, hingga 15 liter… 15,000 liter. Nanti saya semak kemudian Dato' Sri Yang di-Pertua, hingga dalam tempoh hingga… 3 hingga 5 tahun yang akan datang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang, industri tenusu tempatan bergantung kepada bekalan susu import, dianggarkan bernilai RM3.24 billion setahun. Iaitu 5% dari permintaan dalam negara. Keperluan susu negara sebanyak 1.4 bilion liter setahun. Dari er…jumlah tersebut, sebanyak 94.4% diimport dari Australia, New Zearland dan beberapa negara lain.

Untuk itu, Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan err… satu tanaman kekal juga, TKPMR, Taman Kekal Pengeluaran Makanan Ruminan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, di mana tanah kerajaan Kampung Kundang, dengan keluasan 500 ekar, Rezab Haiwan mampun… Rompin seluas 1,410 ekar, Rezab Haiwan Tanjung Batu, Pekan dengan keluasan 224 ekar, Rezab Haiwan Tebat Pekan, dengan keluasan 224 ekar… dan insya-Allah kerajaan Negeri telah membuat satu pelan strategik pembangunan industri tenusu negeri Pahang 2025, dengan 6 strategik utama, iaitu pembangunan koloni tenusu, transformasi usahawan penternak, peningkatan pelaburan, peningkatan pengeluaran, peningkatan *quality and* baka ternakan, pengukuhan rangkaian pasaran.

Insya-Allah, kita merasakan kita perlu ada fokus, dalam er… industri penternakan, dan insya-Allah kerajaan sedang menimbangkan untuk buat bantuan… memberi bantuan *matching grant* dengan izin, Dato' Sri Yang di-Pertua, geran padanan 70% Kerajaan Persekutuan berupa induk lembu tenusu, *machine chiller*, *water heater… water heater* dan *chopper.* Kesemua perkara… kesemua mereka juga akan diberi bimbingan, usahawan-usahawan tadi er… dan latihan kontem… kompen… kompetensi dalam aspek pengurusan ternakan, pemakanan, pembiakan dan kesihatan ke arah peningkatan pengeluaran.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Perancangan 2018, izinkan saya, untuk menceritakan sedikit, tiga program utama er… program pembangunan industri durian, program pembangunan industri kelapa, program pembangunan industri jagung bijirin dan insya-Allah er… antara yang terdekat, kita ada program yang bakal dibuat di Chemomoi, Bentong pada 30 November, pelancaran program kelapa, tanam Kelapa Keliling Rumah, KKR. Kita akan bagi di kawasan tersebut 10,000 benih kelapa untuk penduduk kawasan di er… di Simpang Pelangai Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah, er… kelapa, durian

antara menjadi sumber kekayaan baru negeri Pahang. Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri. Silakan.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat petang, salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang, ruang kepada saya untuk berucap di Dewan Yang Mulia ini. Insya-Allah dengan peluang yang ada ini, membolehkan saya menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang telah pun menyentuh portfolio saya, dan sekiranya tidak sempat dijawab, insya-Allah saya, kita akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Daripada soalan-soalan yang dikemukakan sama ada secara lisan, mahu pun bertulis, semasa perbahasan, saya dapati bahawa pelaksanaan projek dan inisiatif perumahan mampu milik untuk rakyat terus menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat, di Dewan Yang Mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana telah berjaya membentangkan bajet yang sangat mudah difahami, telus dan ikhlas. Bajet kali ini seperti mana yang kita semua sedia maklum, iaitu "Mengurus Negeri Mengikut Kemampuan Kewangan Yang Ada, Tanpa Mengabaikan Kepentingan Dan Kebajikan Rakyat". Ianya satu tema yang mudah, *straight forward* dan jelas sekali ianya tidak mengabaikan kepentingan dan kebajikan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya meneruskan penggulungan saya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanyakan soalan, terutamanya daripada Bukit Ibam, Kuala Semantan, Tahan, Chenor, Padang Tengku, Muadzam, Teruntum, Beserah, Bilut, Tras, Ketari dan lain-lain lagi yang menyentuh portfolio saya, sama ada secara terus ataupun secara tidak langsung dan er… saya juga ingin menjawab beberapa pertanyaan yang telah dibangkitkan sebelum saya menyentuhkan isu perumahan dan perbandaran.

Antaranya ialah Bukit Ibam telah mencadangkan supaya diwujudkan tabung perumahan untuk anak-anak muda. Pembiayaan bagi pemberian rumah awam di negeri Pahang hendaklah melalui pembiayaan pihak bank. Bagaimanapun Kerajaan Negeri ambil maklum dan menyambut baik cadangan tersebut dan akan mengkaji

cadangan tersebut dengan lebih mendalam dan menyeluruh bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri.
Yang Berhormat daripada ADUN Semantan telah meminta Kerajaan Negeri melonggarkan syarat pinjaman bagi membantu rakyat Pahang memiliki rumah. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kuala Semantan, syarat pinjaman perumahan tertakluk kepada syarat khas yang telah ditetapkan oleh bank-bank komersil yang dikawal selia oleh Bank Negara. Bagaimanapun terdapat bank yang menyediakan pinjaman perumahan yang menawarkan pakej-pakej yang memudahkan bakal peminjam seperti skim yang ditawarkan oleh Bank Simpanan Nasional. Antaranya ialah skim perumahan belia dan skim rumah pertama. Selain itu, syarikat jaminan kredit perumahan juga turut menawarkan pinjaman perumahan kepada peminjam yang tidak mempunyai slip gaji dan bekerja sendiri.

ADUN Chenor mencadangkan supaya sebahagian Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Kampung Bunian, Chenor yang tidak diusahakan dengan aktiviti pertanian dijadikan Projek Perumahan 1Malaysia, PR1MA Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menyokong cadangan supaya sebahagian Taman Kekal Pengeluaran Makanan Kampung Bunian, Chenor yang tidak diusahakan dengan aktiviti pertanian dijadikan projek, dijadikan perumahan, projek Perumahan PR1MA Pahang. Walau bagaimanapun, cadangan projek PR1MA tersebut hendaklah diangkat melalui syarikat pemaju yang berminat untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Seterusnya, Yang Berhormat Chenor juga mencadangkan supaya projek perumahan yang dibina oleh SPNB di kawasan Chenor yang tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan dan meminta supaya keraja… pihak kerajaan membantu projek ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Chenor, Kerajaan Negeri bersedia membantu mana-mana agensi persekutuan dalam mempercepatkan serta menyiapkan projek-projek perumahan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi persekutuan termasuklah projek-projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Muadzam Shah mohon supaya Kerajaan Negeri mengutamakan rakyat tempatan dalam pemberian rumah PR1MA. Sememangnya Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan rakyat tempatan dalam pemberian dan penawaran rumah Kerajaan Negeri terutamanya rumah PR1MA Pahang, malah sebelum er… senarai pemohon yang berjaya er… membeli rumah tersebut kita telah minta ADUN Kawasan menurunkan tandatangan selepas itu di… barulah dibawa ke peringkat Exco untuk pertimbangan dan kelulusan. Seterusnya Yang Berhormat ADUN Teruntum, Teruntum… yang menyentuh supaya *banner* pinjaman wang tidak berlesen banyak di kawasan-kawasan perumahan… betul?

Untuk makluman Yang Berhormat, se… rondaan dibuat setiap hari di kawasan-kawasan bandar manakala di kawasan taman-taman perumahan dibuat 2 kali seminggu… 2 kali satu minggu. Yang Berhormat nak tiap-tiap hari ke? Kakitangan tak de pula. Bagi saya jawab habis dulu. Rondaan dibuat setiap hari di kawasan-kawasan bandar manakala di kawasan taman-taman perumahan dibuat 2 kali seminggu untuk menurunkan iklan ah long. Di samping itu MP, Majlis PBT telah menghantar surat kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia ataupun SKMM bagi memotong talian telefon yang tertera pada iklan tersebut.

Yang Berhormat daripada Bukit Ibam telah mengesyorkan supaya diwujudkan *sub-district* di kawasan Muadzam Shah. Secara dasarnya, pengwujudan sebuah daerah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri bagi mengubah atau meminda sem… atau meminda sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, pekan atau bandar di bawah peruntukan Seksyen 11 Kanun Tanah Negara 1965. Sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan daerah baru bagi kawasan-kawasan tertentu, pihak berkuasa negeri akan memberi pertimbangan yang sewajarnya setelah mengambil kira semua justifikasi cadangan penubuhan.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

ADUN Bilut telah meminta supaya medan selera Jalan Chui Yin, Bentong sering mengalami kerosakan infrastruktur dan ini menyebabkan kekurangan pelanggan. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, Majlis Perbandaran Bentong menyambut baik saranan ini demi kepentingan peniaga di Jalan Chui Yin. Usaha menaik taraf infrastruktur di medan selera Jalan Chui Yin ini akan dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan khas oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Saya fikir itu saja dulu yang dapat saya jawab kerana terlampau banyak. Mana yang tak sempat kita akan jawab secara bertulis. Seterusnya saya ingin menyentuh sikit er… berhubung dengan perumahan. Agenda perumahan mampu milik akan terus menjadi agenda utama pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob. Justeru, Kerajaan Negeri akan terus komited untuk menyediakan rumah rumah mampu milik yang berkualiti pada harga yang mampu dimiliki kepada semua golongan sasar rakyat sama ada yang berpendapatan rendah, sederhana rendah dan yang berpendapatan sederhana. Ini amat bertepatan dengan tema Bajet 2018 yang tidak mengabaikan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Projek PR1MA Pahang terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Selepas hampir 4 tahun projek PR1MA Pahang dilancarkan, Kerajaan Negeri telah membuktikan bahawa projek ini bukan hanya sekadar retorik semata-mata atau janji-janji pilihan raya sahaja. Sehingga November 2017, 106 projek PR1MA Pahang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju-pemaju swasta di seluruh Negeri Pahang. Dengan jumlah 106 projek yang telah diluluskan tersebut, Kerajaan Negeri menganggarkan dapat menyediakan sebanyak 35,161 unit rumah mam… mampu milik kepada rakyat Negeri Pahang. Sedangkan er… Aku Janji Kerajaan Negeri pada PRU yang ke-13 ialah cuma 15,000 unit sahaja. Angka tidak pernah berbohong Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Pelaksanaan 106 projek tersebut berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7 projek dengan 2,652 unit rumah telah berjaya disiapkan dengan perakuan penyiapan dan pematuhan. Sebanyak 17 projek dengan 4,477 unit rumah dalam peringkat kerja-kerja pembinaan di tapak manakala sebanyak 27 projek lagi dengan 7,953 unit rumah telah diluluskan kebenaran merancang dan akan memulakan kerja-kerja pembinaan dalam masa terdekat.

Setelah pelaksanaan projek PR1MA Pahang, Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mendapati bahawa usaha untuk membantu rakyat memiliki rumah perlu diteruskan tapi dengan harga yang jauh lebih murah dari PR1MA Pahang. Hasil cetusan idea Yang Amat Berhormat Menter Bes… Menteri Besar Pahang juga, maka lahirlah lagi satu projek perumahan yang dikenali dengan Perumahan Makmur ataupun Rumah Makmur.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Projek Rumah Makmur ini tidak pernah dijanjikan pun semasa PRU Ke-13 yang lalu tetapi apabila Kerajaan Negeri merasakan ianya adalah untuk kebajikan rakyat tanpa perlu menunggu PRU Ke-14. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah menyarankan supaya satu lagi projek perumahan yang mampu dibeli oleh rakyat yang berpendapatan rendah perlu dibina dengan segera.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Spesifikasi projek rumah makmur adalah rumah teres setingkat, berkeluasan lantai minima 800 kaki persegi dan dijual pada harga RM80,000 sahaja. Golongan sasar bagi projek rumah makmur ini, adalah mereka yang berpendapatan satu isi rumah RM5000 ke bawah. Sehingga November 2017, sebanyak 7 projek dengan jumlah rumah sebanyak 3,475 unit telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Adalah dijangkakan pembinaan projek-projek ini dapat dimulakan dalam tempoh terdekat selepas kebenaran merancang diluluskan.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Bagi kategori rakyat yang berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri juga melalui peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun (KPKT) sentiasa komited melaksanakan Projek Perumahan Rakyat yang menyediakan rumah kos rendah pada harga RM30,000 hingga RM35,000. Dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11, KPKT telah meluluskan sejumlah 7 projek yang melibatkan jumlah rumah sebanyak 1,200 unit di seluruh negeri Pahang. Projek-projek tersebut kini dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan mampu disiapkan menjelang penghujung tahun 2019 sebagai tambahan kepada 7 projek yang telah diluluskan.

Hasil hubungan baik antara Pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang, Pihak Yang Berhormat Menteri KP… KPKT baru-baru ini telah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan 2 lagi projek perumahan rakyat di Negeri Pahang iaitu di Daerah Lipis dan Daerah Temerloh yang melibatkan 600 unit rumah. 2 projek ini dijangka akan dimulakan pembinaannya pada tahun 2018. Seterusnya Projek Rumah Bina Negara oleh FELCRA ataupun Projek Rumah BN. Projek Rumah Bina Negara ini adalah projek perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui pihak FELCRA Berhad.

Projek ini mensasarkan golongan generasi kedua, pekebun-pekebun kecil yang tinggal di luar bandar dan sehingga kini 3 Projek Rumah Bina Negara telah dan sedang dilaksanakan di negeri Pahang yang melibatkan sebanyak 516 unit rumah. 3 projek tersebut ialah Projek Rumah Bina Negara Sri Makmur Fasa 1, Pekan sebanyak 160 unit yang telah pun siap. Yang kedua, Projek Rumah Bina Negara Fasa Kedua, Pekan sebanyak 140 unit, dan ketiga ialah Projek Rumah Bina Negara FELCRA Tembangau, Bera sebanyak 216 unit yang kini dalam pembinaan dan dijangka siap pada Disember 2018. Di samping itu, baru-baru ini pihak FELCRA juga

telah meluluskan satu lagi Projek Rumah Bina Negara untuk dilaksanakan dalam tempoh terdekat iaitu di Tanjung Gahai, Lipis sebanyak 150 unit rumah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Se… selain daripada projek-projek perumahan mampu milik seperti yang telah saya senaraikan di atas terdapat beberapa lagi inisiatif perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan seperti PR1MA Malaysia, yang ini kerajaan Persekutuanlah ya… PR1MA Malaysia, Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Projek Perumahan Idaman Rakyat oleh SPNB dan lain-lain lagi yang menawarkan pelbagai jenis rumah pada harga yang sangat berpatutan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya ini adalah penzahiran iltizam pihak kerajaan Barisan Nasional sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dalam memberi khidmat sehabis baik kepada semua golongan rakyat khususnya untuk membantu rakyat memiliki rumah mengikut keupayaan dan pendapatan mereka.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Saya ingin, sentuh sikit berkenaan dengan perbandaran. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan, telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM21.84 juta di bawah peruntukan bagi Projek Pembangunan BP1 Tahun 2017 kepada PBT di negeri Pahang. Selain itu juga, sebanyak RM7.99 juta peruntukan tambahan bagi projek baru di bawah peruntukan BP1 Tahun 2017 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 telah diluluskan pada bulan Oktober yang lepas. Jumlah tersebut merupakan jumlah untuk pelaksanaan sebanyak 320 buah projek bagi kesemua 11 PBT di negeri Pahang.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang diterima bagi Projek Pembangunan BP1 bagi Tahun 2017 adalah sebanyak RM29.852 juta. Di antara projek-projek kemudahan untuk kemudahan rakyat yang difokuskan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut, penyelenggaraan longkang RM3.19 juta, penyelenggaraan jalan RM2.09 juta, penyelenggaraan tandas RM1.27 juta, bina dan naik taraf dewan serbaguna RM5.5 juta, bina dan naik taraf pasar RM1.23 juta, pembinaan gerai RM3.98 juta, bina tempat penyembelihan awam RM460,000, bina pagar dan pembaikan cerun RM400,000, menaik taraf sistem pencahayaan RM3.62 juta, membina tempat letak kereta RM875,000, menaik taraf infrastruktur RM7.16 juta.

Manakala Kerajaan Negeri pula, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan sebanyak RM100,000 kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pahang bagi tujuan… tujuan membina dan membaik pulih di kawasan perumahan dan perniagaan. Kesemua projek tersebut telah pun disiapkan sepenuhnya dan telah pun dinikmati oleh rakyat.

Sedikit mengenai peruntukan MARRIS iaitu sebanyak RM14 juta telah dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang melalui agihan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya bandaran dan kawasan-kawasan perumahan bagi tahun 2017 ke arah menjamin kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan ada juga mengadakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Antara isu perbandaran yang menjadi perhatian kerajaan adalah isu kemiskinan bandar selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan insiden kemiskinan dan meningkatkan purata pendapatan isi rumah berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri melalui KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM728,000 di bawah Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif.

Di Negeri Pahang sahaja, kita mendapat sebanyak 56 buah rumah yang telah pun siap dibaik pulih sepenuhnya. Program ini dapat memberi manfaat terutama kepada kumpulan sasar Program Pembasmian Kemiskinan Bandar kerana ianya membantu kumpulan miskin bandar, meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban keluarga. Inilah antara bukti Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masalah rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sedikit mengenai Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di Negeri Pahang iaitu JPP. Bagi tempoh penggal kedua sesi 2017 ini hingga 2019, sebanyak 244 Zon Jawatankuasa Perwakilan Penduduk bagi keseluruhan 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang telah ditubuhkan dan memainkan peranan selaku jentera transformasi sosial di kawasan bandar. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 504 program dan gerak kerja telah dilaksanakan oleh JPP seperti Komuniti Selamat, Komuniti Sihat, Komuniti 3R, Komuniti Indah, Komuniti Bersih dan Komuniti Sejahtera. Pihak KPKT juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM420,000 untuk melaksanakan program dan gerak kerja JPP bagi memastikan penglibatan penduduk dalam pembangunan bandar.

Meningkatkan sistem penyampaian penyertaan perbandaran dan mewujudkan hubungan erat antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat. Majlis Perwakilan Penduduk turut ditubuhkan di setiap PBT, bagi menyelaras dan memastikan kelancaran perjalanan JPP di setiap zon. MPP ini dipengerusikan oleh semua YDP PBT di Pahang. Ahli-ahli MPP pula terdiri daripada Pengerusi JPP di setiap zon, pemimpin tempatan Persekutuan dan Ketua-ketua Jabatan Negeri dan persekutuan di kawasan PBT masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2017, sebanyak 22 mesyuarat MPP telah dilaksanakan oleh kesemua 11 MPP Negeri Pahang iaitu dua kali mesyuarat bagi setiap MPP dan ianya telah mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh KPKT. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua YDP PBT selaku Pengerusi MPP dan Ahli-ahli MPP di semua PBT di atas pencapaian yang membanggakan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Harapan kerajaan, penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun 2020 dijangka mencapai 27.96 juta berbanding 18.52 juta pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan penduduk yang dijangkakan sederhana perlahan iaitu 2.08%. Kadar perbandaran Semenanjung Malaysia pula dijangka mencapai 75% dengan anggaran penduduk 20.98 juta pada tahun 2020. Selaras dengan pertumbuhan yang dijangkakan tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan terus menerus merangka pelbagai inisiatif bagi mempastikan pembangunan negara adalah

inklusif, lestari dan mampan agar matlamat negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dapat dirasai secara saksama oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Saya berharap, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pahang dapat menghayati hasrat kerajaan ini dalam melaksanakan apa jua perkhidmatan kepada rakyat. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah sentiasa peka dalam menjayakan transformasi pengurusan pentadbiran secara lestari dan mampan, ke arah perkhidmatan perbandaran bertaraf dunia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya ingin mengambil kesempatan di sini, sekali lagi untuk merakamkan setinggi tahniah, syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana berjaya membentangkan bajet yang agak luar biasa tetapi menarik dan *straight forward* kepada rakyat dan mudah difahami. Walaupun bukunya nipis tetapi kita mudah faham, dan saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan perumahan dan perbandaran. Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diambil perhatian untuk tindakan susulan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekian sahaja ucapan saya dalam sesi peng… penggulungan kali ini dan saya turut menyokong Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Ahli-ahli Dewan menepuk meja)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar. Silakan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. [Bacaan Al-Quran] Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk terlibat sama dalam penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-5 Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-13 dan turut menyentuh berkait dengan pembentangan bajet yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang pada 21 November yang lalu. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja atas pembentangan Bajet 2018 bagi negeri Pahang yang bertemakan "Mengurus negeri mengikut kemampuan kewangan yang ada tanpa mengabaikan kepentingan dan kebajikan rakyat."

Bajet Negeri 2018 menganggarkan kutipan hasil berjumlah RM700.64 juta dan ianya diperolehi daripada hasil tanah dan galian, hasil perhutanan, hasil air, geran daripada Kerajaan Pusat dan lain-lain hasil dan semuanya jumlah RM700.64 juta. Manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM700.04 juta jadi kita ada *surplus* dengan izin lebihan sebanyak RM600,000 dan peruntukan pembangunan yang dipanggil sebagai

Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM58.57 juta khusus untuk projek-projek sambungan dan program-program sedia ada dan kita juga memperuntukkan bajet sejumlah RM50 juta untuk pembangunan bekalan air kepada pihak PAIP.

Yang menariknya, apabila kita teliti bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, ianya mudah. Malahan kalau kita membacanya, kita er… lebih memahami er… konsep bajet ni. Oleh kerana kali ni, dalam banyak-banyak kali Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar membentangkan bajet, saya amat tertarik kerana bajet yang dibentangkan ni dia mudah dan ada unsur pengajaran.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dato' Sri,

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya akan buat penggulungan pada hari esok, hanya saya ingin mengingatkan semua Ahli Dewan, bajet saya bentangkan itu dibaca keseluruhan dan cuba lihat satu ayat tu, saya minta dilihat buku bajet. Saya tidak lagi menyatakan untuk belia sekian, alam sekitar sekian. Maknanya benda ni dah bertahun-tahun, *monotonous.* Benda itu balik-balik, yang kita penting cerita dalam buku tu, tengok, untuk jalan raya, untuk masjid, untuk surau, untuk lampu jalan, tengok dalam buku tu. Hanya ada unsur-unsur, sebab ni bajet terakhir sebelum pilihan raya. Unsur-unsur untuk saya, sedikit pengalamanlah sikit tualah, membentangkan, memberikan sedikit pengajaran, dan saya percaya bajet tu memang… ucapan bajet tu banyak memberikan pengajaran. Beza antara bajet persekutuan dengan bajet negeri, apa *consolated fund*, bagaimana kalau persidangan persekutuan, kenapa dibuat bajet bawa ke Parlimen. Sebab belanja bagi sebuah negeri tidak boleh disahkan kecuali dengan kebenaran Parlimen.

Ha.. itu Kementerian Kewangan, Kerajaan yang memerintah bawa, cadangkan keluarkan sekian-sekian dari tabung yang disatukan, Wang Kumpulan Disatukan, kemudian untuk dibelanjakan. Bila sampai kepada Dewan Rakyat, Dewan Negara, Yang di-Pertuan Agong pun *approve*, barulah untuk tahun tu boleh dibelanjakan. Tapi kena ingat dalam Kumpulan Wang Disatukan itu, kerajaan keluarkan sebahagian. Mungkin 2, 300 bilion, dalam simpanan itu yang lebih tu, ada lagi. Beza dengan kita Kerajaan-Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri masuk ke.. wang yang disatukan juga, dikawal oleh SFINO, dengan apa ni Akauntan Negeri, sekian masuk cukai 700 juta. 700 juta itu lah pulak keluar untuk buat bangunan negeri itu, dalam tabung tu tak ada apa dah, ha itu bezanya kita kena faham.

Dan saya hari tu dapat menerangkan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Apa maksud hutang, konsep hutang antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, dan insya-Allah kita ada ikhtiar. Baru-baru ini di Melaka, saya telah berjumpa dengan Menteri Kewangan Ke-2 dan beliau akan membantu dan insya-Allah saya akan buat satu surat kepada Menteri Kewangan, Perdana Menteri, ini untuk hutang yang lebih 3-4 bilion boleh selesai, jangan risau. Ada orang kata aah… kerajaan nak bankrap, Kerajaan Pahang, Sabah, Sarawak, 7, 7 kerajaan bankrap. Ini dia menceritakan kewangan negeri berbanding dengan kewangan *company,* syarikat, berbeza. Kita bukan syarikat, kita bukan cari untung, kita memerintah, kita me.. memudah carakan pemerintahan, itu yang mustahak. Apakah

tugas kerajaan? Pada zaman dulu lagi, kerajaan *provide safety*, ha…lepas tu *stability, peace and order, so* dengan izin *inreturn* Yang di-Pertua, rakyat bayar sikit cukai, ini sikit, ini sikit, ini sikit. Cukai tu diambil untuk membayar balik gaji kakitangan yang menjaga *peace security*, *order* dan sebagainya. Itu, itu kaedah memerintah, kita kena tahu benda ni, kalau tidak kita tengok "apa ni kerajaan hutang banyak, apa projek tak jalan?" Kita kena faham tu, waima sekali katalah belah sana pun memerintah kat negeri Pahang besok, hutang lagi bertambah ke, kita tengoklah. Lagi buat banyak projek lagi bertambah. Lebih baik jangan memerintah, biar kita je teruskan, terima kasih. [Ahli-Ahli Dewan ketawa]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, satu penjelasan yang jelas dan bernas. Terima kasih. Silakan, teruskan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar. Memang saya apabila membaca buku bajet kali ini saya merasakan ada kelainannya, banyak perkara yang sebenarnya kita dulu buat-buat reti, macam kita kira anggapkan kita faham. Tetapi apabila membaca ni kita rasa seronok. Sebab apa, ayat Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja ni dia mudah, makna Dato' Sri ni memang kalau menulis buku memang mudah untuk kita mengkajinya, makna faham kita baca tu dengan ayat mudahnya difahami dan dapat kita menghayati, sebab tu…

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Minta izin, dia begini Tuan Yang di-Pertua, komunikasi ni penting. Bercakap, menulis, senyum, air muka tu komunikasi. Saya ikut siapa target saya. Siapa matlamat saya, *audience* macam mana. Saya pernah membentangkan kertas kerja di UIA, membincangkan Akta ataupun Rang Undang-Undang RUU 355. Ahli dari er… Inderapura dan dari Sentul datang ikut saya sekali dan saya bentangkan juga kertas mengenai pendidikan di seminar mengenai pelajaran yang dianjurkan oleh salah satu komuniti UNESCO tapi saya tak adalah *action* sangat. Saya ni macam… saya macam orang bodoh je, bodohhh je. Pakai pun lebih kurang, kasut tak berstokin tapi jangan lupa ya, saya gosok gigi saya mandi hari-hari, benda lain tak peduli. Rumah kelam kabut ke. [Ahli-ahli Dewan ketawa]

Saya bila… bila saya menulis ni, saya menulis saya tengok macam mana *audience*. Jadi untuk misalannya *audience* ni… ini Ahli Dewan, Ketua Jabatan, ini tingkat cerdik, jadi bahasa jangan rendah sangat tapi jangan tinggi sangat. Tapi kalau profesor, profesor saya akan gunakan bahasa yang saya pun tak faham [Ahli-ahli Dewan ketawa], sebab saya memberi istilah profesor ni saya pun minta maaf dengan profesor-profesor yang ada dalam Majlis Tertinggi UMNO, dalam *committee-committee including my own professors who teach me law,* ada 5, 6 orang, saya katakan profesor ni ialah seorang yang bila bercakap dan menulis, bukan sahaja orang yang mendengar tidak faham tetapi dia sendiri tak faham apa dia cakap. Ha, itu baru profesor.

Kalau selagi dia menulis itu orang faham, dia cari ayat tak faham. Dia pun baca-baca orang tak faham, anak isteri tak faham, dia pun baca tak faham ha, itu dia ayat dia pakai. Ha, itulah profesor. Jadi saya tak profesor. Saya memberikan bahasa yang

mudah untuk kita ni faham. Dan saya memang berniat untk memberi panduan kepada ADUN-ADUN dan juga Ketua Jabatan, apa makna bajet itu sendiri? Apa implikasi hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan? Itu sahaja. Itu matlamat saya untuk *detail* bajet, sila baca ini buku Bajet. Terima kasih. Terima kasih Ahli daripada, ini siapa… siapa menggulung, siapa kena gulung ini?. Ini masalah. [Ahli-ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Er… minta celah ya, Dato' Sri Yang di-Pertua. Dari Semambu. Err… Dato' Sri Yang di-Pertua, err… memandangkan kita tengah bicarakan err... bajet, saya pun minta pencerahan di sini yang mana saya perhatikan bajet dulu, kita masukkan err… perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan membangun. Err… jadikan jumlah perbelanjaan dan kemudian baru kita menilai sama ada bajet itu adalah bajet *surplus* ataupun defisit. Tapi untuk tahun… Bajet tahun 2018, saya perhatikan bahawa kita hanya masukkan belanja mengurus sahaja. Jadi, saya tak faham er… sama ada kita harus pakai kedua-dua ataupun perbelanjaan mengurus sahaja untuk err… menilai Bajet kita sama ada *deficit* atau tidak. Terima kasih.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya dah sebut tadi. *Approach* kita lain. Kalau nak tengok ke mana kita belanjakan di mana hasil kita dapat, tengok buku. Selalunya Ahli daripada Semambu ni teliti sangat. Angka tolak pun dia… dia… dia baca. Jadi, sila baca. Kita bukannya nak cara dulu, ha, ini kita dapat, ini kita keluar, ini *surplus*. *Surplus* ke, defisit ke, t*his can be adjusted*. *This can be adjusted anytime. If you want to show beautiful budget, you can adjust. You get er… what do you call that? Surplus.* Sebenarnya bagi setengah-setengah syarikat pun, bagi setengah-setengah kerajaan pun defisit bajet itu pun menunjukkan bajet yang baik. Kita boleh meminjam, kita boleh makna orang percaya kepada kita. Jadi Bajet Negeri ini, jangan kira sangat *surplus* atau defisit.

Kalau kita ambil *federal government*. Katakan… katakan misalannya *deficit, deficit is deficit budget. But in the consolidated fund, there still a lot of money*, *more than what as been debated in Parliament. Table in Parliament* dia kena… kena faham itu. Katakan kita ambil contoh, bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Menteri Kewangan biasa. Tapi sekarang ini Perdana Menteri, Menteri Kewangan sama, ialah mengeluarkan wang dari… dari *consolidated fund*. Dalam ada lagi, lebih daripada ini. Lebih pun. Ha, jangan kita risau. Kerajaan Negeri pun begitu juga. Yang kita nak tengok defisit dengan *surplus*nya ialah pada akhir tahun, SFINO. Pada akhir tahun kita belanja, ini kita cadang ini kita dapat sekian, belanja sekian.

Nak tahu defisit tak defisit, tengok bila tutup buku kira-kira. Kadang-kadang kita cakap katakan defisit, *surplus*. Ingat *surplus*, defisit. Ini hanya anggaran. Itu sebab nak panggilkan anggaran. Dia tak… tak semestinya... tepat terus. Itu kita kena faham itu. Lagi satu kita memerintah ini, jangan takut sangat. Kerajaan Singapura pun kena tipu di China. Lee Kuan Yew pun kena tipu. Takde hal, dia jalan juga. Saya malas nak sebut lah, ini hal negara luar ini. Tak percaya baca buku Lee Kuan Yew. Dia kena tipu satu projek besar di… di negara China. Jalan, kena tipu.

Tapi yang penting ialah kita boleh bayar gaji, kita ada keamanan, kita… rakyat boleh ini meneruskan kehidupan. Yang bertani terus bertani, yang mustahak kita memikirkan bagaimana kita boleh *value add,* lepas itu *enhance value* yang ada. Kalau petani sekarang ini dapat kata ditindas oleh orang tengah. Sepatutnya petani, penternak, nelayan ni patut diaorang maknanya hidup dalam keadaan mewah sebab dia *basic*… *basic food* diaorang bagi kita makan. Tapi dia pulak ini jadi sengsara. Kerana tindas dek orang tengah. Patut macam ini yang kita beri perhatian bagaimana mereka ini boleh pertingkatkan kehidupan.

Saya perhatikan kita *year in year out,* Parlimen ke, Dewan Negeri ke *doesn't matter* lah. PAS tak PAS ke, DAP tak DAP ke, Pakatan tak Pakatan, *it does the same song. Same music*. Inilah, itulah. Balik-balik benda macam mana? Rakyat terima masalah. Pergilah *check.* Penang ke, Selangor ke, Kelantan ke. Kelantan lagi seronok. Pembangkang. Sama je gerangannya. Takde yang… yang… yang *loan* ni. Tak tahu lah kot KSP pasal KSP orang Kelantan tak taulah. Kita Pahang buat SUKMA pun, SUKMA pun pinjam.

Laillahaillallah, saya… RM100 juta ini untuk belanja ini 2014 punya banjir, hutang. Yang ini, insya-Allah lepas ini saya akan er… menyiapkan segala butir-butir, saya akan pergi Kerajaan Persekutuan. *I will confront the* KSP, *and go to see* PM. Dengan PM tak boleh *confront*lah. *We got to… we got to* merayu lah. [Ahli Dewan ketawa] Makna gitu gini. Itu aja. Terima kasih Yang di-Pertua. Jangan risau, jangan risau.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Dia bajet ini yang uniknya er… pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Menteri Besar, dia *very accessible*. Saya… saya perhatikan *very accessible. All boxs of life*. Datang yang tukang er… yang merokok, yang makan er… yang minum teh tarik, yang makan roti canai, makan rojak, yang petani, drebar teksi, pengusaha pelbagai datang bagi *input*. Jadi Dato' Sri, dia… dia… dia memang orang kata er… *touch ground* lah. Dapat semua *input* daripada semua ni, kemudian memikir cara yang paling baik macam mana untuk merumuskan sesuatu bagi menyelesaikan permasalahan rakyat.

Sebab itu saya membaca bajet ini, er… saya dapati bahawasanya pembentangan bajet ini berbeza. Antara pemimpin dan juga kerajaan-kerajaan. Baik negeri mahupun kerajaan pusat, mahupun negara-negara dalam dunia ini dia berbeza sedikit. Di Malaysia ini, ada negara atau negeri yang diperintah oleh katalah parti-parti lain. Dia punya bajet, selama dua tahun bajet defisi*t*. Mungkin Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini boleh semaklah. Dia punya defisit bukan sikit-sikit. Defisit dia mencecah RM1 bilion, RM1000 juta. Malahan ada… tahun ini, ada yang RM900 juta, defisit*.* Tapi boleh pulak. Yang kita ni ataupun er… kalau kita bentangkan Bajet di Pahang kita akan teliti. Kita akan err… prihatin sangat. Pasal *deficit budget, surplus budget*. Walaupun sedikit macam kita ini kita *surplus* kita ada RM600,000 tapi menunjukkan ada *surplus*.

Tapi ada negeri yang err… diperintah oleh bukan Barisan Nasional deficit dia, Ya Allah, ku semangat… Kalau kita menengok pun memang terduduk. Tapi reaksi daripada setengah-setengah pihak itu dia macam ada satu *standard*, ada satu piawai. Kalau untuk BN ni, ha ini piawai dia. Tapi kalau untuk lain tu takpe. Kalau dia

mencecah sampai RM1 bilion pun takpe. Tapi kalau kita, sikit pun kalau defisit tu, alah riuh sekampung. Riuh senegeri, riuh senegara.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya. Mencelah sikit, sambil itu. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok Amerika pun defisitnya *hundred of trillion you know*. *It's not billion, hundred and trillion*. Dia sebab dia kuasa besar, walaupun *toilet paper* dia jadikan duit, orang pakai. Kalau pergi negeri Arab, Timur Tengah mana, *Eastern Europe,* kita bagi *dollar*, kita tukar ambil dia punya ini… *local currency*, nak balik kita nak tukar *dollar* balik, dia tak bagi. Dia simpan *dollar* tu. Dia simpan. Itulah sebabnya bila orang dah percaya tu, takde nilai pun kira ada nilai. Padahal Amerika *hundred of trillion of deficit, every year*. Tengoklah *check* lah, *google* lah sekarang ini.

So, beginilah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jangan samakan Bajet Negeri dengan bajet di rumah kita. Itu lain. Kita dapat RM3,000, mana anak belajar, mana nu, mana itu, mana ini, kita kena kira. Kalau lebih karang, lingkuplah jawabnya. Kerajaan tak begitu. Kerajaan bukan begitu. Jadi jangan kita risau sangat. Itu sebabnya kita bila jadi Wakil Rakyat jadi Ahli Dewan, kita punya persepsi kita tu kita… kita punya *outlook* tu kena lain sikit. Kita tak bolehlah makna menganggap kita ini kalau tengok bajet ini banding kerajaan. Orang ingat bajet berdefisit ini, kerajaan tiada duit dah. Dia… dia tak begitu. Dia berbeza sedikit. Terima kasih. *Sorry,* ya.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua, kita di Pahang ini memang banyak kelainan ini. Seingat sayalah, menjadi Ahli Dewan Yang Mulia ini, Ahli Dewan yang diperintah keluar ini boleh dikira. Kalau kita ambil satu tangan, satu tangan ni kira lima, saya ingat tak sampai satu tangan. Arahan daripada *speaker* supaya Ahli Dewan Yang Mulia ini keluar daripada Dewan atas pelanggaran peratutan-peraturan dewan seingat saya, berbeza. Ada setengah Sidang Dewan tu, kita lihat, maknanya pengusiran Ahli-ahli Dewan, khususnya daripada Barisan Pembangkang ni ketara sangat. Kesilapan sikit je… dia nyah keluar tetapi tidak di Pahang. Di Pahang kita tengok Ahli-Ahli Dewan ni… suasana dia mesra… kalau kita ada perbahasan pun dalam er…apa nama… suasana yang bersungguh-sungguh, bersemangat tapi *nothing personal*. Sebab itu kita kena buat perbandingan. Kalau kita buat aktiviti misal contohnya, aktiviti kita berboling ke, berboleng ke… kan? Haha, kita boleng bersama. Nengok… jadi kita mesra. Kalau kita buat jamuan, kalau kita bagikan apa nama ni… pengiktirafan tu, kerana selayaknya, tanpa mengira latar belakang. Sebab tu, alhamdulillah syukur saya kira… kita di Pahang ni memang istimewa sebab itu rakyat Pahang, dia kalau dapat tu, dia buat perbandingan, bagaimana suasana berada di Pahang ni dengan di tempat-tempat lain.

Saya masih teringat Ahli Dewan daripada Semambu, dia bercakap bahawasanya beliau pernah membuat lawatan ke negara Myanmar dan menyatakan bahawasanya demokrasi di Myanmar lebih matang daripada demokrasi di Malaysia. Saya terkejut, saya bangkit, kalau bolehlah saya tak ingat… saya bangkit dan saya nyatakan kepada beliau. Yang Berhormat, boleh tidak Yang Berhormat, saya bertanya sama ada Yang Berhormat ada pergi melawat satu kawasan nama dia Wilayah Rakhine, di mana terdapat etnik Rohingya duduk dalam keadaan yang cukup terseksa. Kalau boleh Yang Berhormat pergilah semula, pergi melihat pada kaum etnik Rohingya ni dan kembali semula ke Dewan Yang Mulia ini, untuk melaporkan bagaimanakah keadaan mereka di sana? Berbanding dengan keadaan kita di sini, supaya dapat kita buat perbandingan… betapa matangnya demokrasi yang ada di negara tersebut

berbanding dengan Malaysia, yang kita selalu cemuh-cemuhkan seolah-olah demokrasi kita di Malaysia ni tidak sematang negara-negara maju yang lain.

Jelas, pada hari ini kita lihat dunia mengecam tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Myanmar dengan apa yang dinamakan sebagai *ethnic cleansing*. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, malahan negara Amerika Syarikat, negara-negara Kesatuan Eropah, negara-negara maju, apatah lagi negara-negara anggota ASEAN telah mengambil langkah untuk bertindak hasil daripada cetusan gerak kerja tindakan negara yang tercinta ini Malaysia. Malaysialah, pemimpin kita yang telah menerajui, menengahkan idea supaya dunia melihat berlakunya *ethnic cleansing* di Myanmar, sebenarnya. Saya zahirkan ini kerana apa?

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Mintak mencelah sikit…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerana kita minta, kita buat perbandingan apa yang kita alami di negara yang tercinta ini berbanding dengan tempat dan negara-negara lain, yang kita anggap lebih baik daripada negara kita.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih. Saya nampak atas isu Rohingya ini Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tidak banyak perbezaan pendirian saya dengan er… Wakil dari Benta er… sedangkan tahun lepas, apabila kita luluskan usul untuk mengecam tindakan di er… *ethnic cleansing,* dengan izin, di Rakhine *State* di Myanmar er… turut er… pihak dan pihak Keadilan dan juga Pakatan memberikan sokongan kepada usul itu. Tapi apa yang saya cuba bawa pada hari itu adalah… bukan semua ya, yang kita nampak itu adalah buruk, kalau ada yang baik kita ambil, kalau ada yang buruk kita boleh kritik.

Apa yang saya bawa pada perbahasan saya, saya jawab apa yang saya ingat sebab dah 3, 4 tahun lepas er… yang satu adalah indeks kebebasan media. Yang mana kita nampak indeks kebebasan media di Myanmar telah menjadi lebih mantap, dan yang kedua adalah urusan Parlimen mereka yang mana, diizinkan supaya ditubuhkan jawatankuasa pilihan ataupun *select committee* yang lebih, supaya Ahli-Ahli Dewan tak kira dari pihak pembangkang ataupun kerajaan boleh libatkan diri dalam perbincangan, dalam melakarkan rancangan yang lebih baik untuk negeri Pahang. Jadi saya ambil ini 2 aspek supaya tidak er… menjadi apa tu… terlalu keliru ya dengan kenyataan saya tentang Myanmar tu. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab itu saya bangkitkan perkara ini, tentang nak kaitkan tentang er…perbandingan dan *vision*lah. Jadi kadang-kadang kita bercakap ini, kita tak tahu apa akan berlaku 4 tahun kebelakangan, yang kita ni… kerajaan yang memerintah ni… dia dah nampak *vision* tu, sebab tu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan apa yang dipanggil TN50. Kalau kita lihat kita ada TN50, *Transformation* Negara untuk tahun 2050. *World in advance,* supaya kita tidak

terperangkap dalam memberikan pengiktirafan kepada satu fenomena yang akan menjerat kita. Maksudnya saya pun tengok eh… *this is a* dengan izinlah, maknanya saya rasa ini satu contoh yang tak berapa kena, bila kita menyatakan demokrasi di Myanmar tu lebih matang daripada di Malaysia. Eh…saya kata *this could be wrong, sebab* saya dah nampak dah keadaan tu. Akhirnya terbukti. Tetapi kalau kita bercakap pasal media, di negara-negara tersebut, ada wartawan-wartawan yang ditangkap kerana mengambil fotografi, maknanya gambar-gambar di kawasan-kawasan tertentu, ditangkap, didakwa, dibicara dan dipenjarakan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mohon izin, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dari luar tadi. Saya ingat beginilah… kalau kita rasakan negara kita ini tidak baik, kalau Myanmar itu lebih baik, saya terkejut jugalah… Myanmar lebih baik, sedangkan masyarakat antarabangsa termasuk Setiausaha Negara Amerika baru-baru ini mengutuk apa yang berlaku di Myanmar kita kata, kita katakan Myanmar itu baik, saya ingat kita pergi jadi warganegara sanalah, kita pilih mana negara yang baik. Tak usah pergi jauh, kita pergi Singapore pun cukup*. We can see how Singapore treat the press you know*. Tak usah cakaplah, *and now one of members is saying that Myanmar is better than Malaysia, come on man.*

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Memang betul Dato' Sri, apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja… sebab apa? *The least nation to be,* jadikan sebagai contohlah dengan izin. Jadi saya lihat, kalau saya ambil satu persatulah, itu yang barang media. Yang kata pengagihan adil lah konon-kononnya di Myanmar, diagih… dia pengagihan yang dibuat secara adil kepada wakil-wakil er… yang dilantik oleh rakyat misal contohnya, dibuat secara adil, patut jadi contoh. Saya ingat perkara ini boleh kita rujuk kepada sebuah negeri yang ditadbir di negara kita ini, perbezaan pandangan…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya bukan nak jadi *racial,* bila saya fikir balik… yang paling bodoh ialah orang Melayu sebenarnya. Dia boleh *accommodate* semua orang. Orang Cina boleh meniaga kampung Melayu, orang India sorang boleh meniaga kampung Melayu sebab Melayu ni boleh tarik hidung. Besok saya akan hujahkan lebih panjang lagi mengenai Melayu. Ada empat, lima tajuk, makna boleh negeri dia boleh *share* orang lain. Tak ada negara lain yang dalam dunia ni boleh buat begini. *Not even in Africa*. Cina dengan Cina pun bergaduh sesama *ethnic group* dia. Cina dengan apa yang… apa ni… yang warga *small minority, islamic minority in* China, lupa dah…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Uighur…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hmmm…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Uighur, Uighur…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Ya, Uighur. Kita aman tenteram, tak ada benda, pakat elok-elok, merdeka sama-sama, tak ada benda. Besok saya akan ulas panjang, terima kasih. Nak… nak menyedarkan ADUN ni… kadar diri sikitlah, tak ada tempat dah yang paling baiknya. Kalau rasa tempat lain lebih baik, pergi balik duk sana lebih baik, jangan duduk Semambu, jangan duduk di Singapore… jangan duduk di Malaysia. Pergi duduk di Singapore cukup, kita tahulah kita… saya belajar undang-undang, kita tengok *legal decision, all the records* itu…ya Allah, kalau yang menyaman-nyaman apa ni… apa… akhbar ni, Singapore. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Saja nak tambah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat Semambu saya rasa cukup…

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Ni nak tambah…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya… Yang Berhormat Semambu, duduk.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Pahang tempat yang baik.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Semambu, cukup.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Yang lebih baiknya…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya mintak Yang Berhormat Benta terus jawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, silakan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,
Saya melihat kita di Pahang ni, kalau misal contohnya, kerajaan yang memerintah Ahli-ahli dari Barisan Nasional tak kira daripada parti komponen mana pun, kalau dia beza pendapat... ada Ahli-ahli dalam Dewan Yang Mulia ini, Barisan Nasional, dia bangkitkan soal-soal yang menyentuh kepentingan rakyat. Kita ambil... kerajaan ambil ini sebagai satu input yang cukup positif, kita laksanakan kerana apa? *The days when the governments knows all is over,* dengan izin. Maknanya kita bukan tau semua, kita dapat maklum balas ni, kita ambil tindakan, kita rangka dasar untuk kepentingan rakyat.

Tapi sebenarnya, saya pelik... ada sebuah negeri tu berbeza pandangan. Tuhan turunkan ujian, baru ni banjir. Bila banjir berlaku di kawasan tu, untuk pengagihan bantuan pendaftaran mangsa-mangsa banjir. Ini bukannya Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional. Ini Wakil Rakyat daripada Pakatan Pembangkang yang sama. Arahan Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri mengeluarkan arahan, Wakil Rakyat, si polan bin si polan ni... tidak dibenarkan untuk mendaftarkan mangsa-mangsa banjir. Tanggungjawab itu diambil oleh Wakil Rakyat dari kawasan lain. Eh! pelik bin ajaib. Mengapa kita perlu tengok ke Myanmar tentang demokrasi matang ni.

Sedangkan di Malaysia berlaku ketidakadilan dari segi itu, hingga bersuara... Ketua Pembangkang ataupun Ketua Parti di negeri tersebut, yang menyatakan, mengapa perlu tanggung jawab mendaftarkan mereka yang jadi mangsa banjir dan juga menyalurkan bantuan mesti dibuat oleh Wakil Rakyat dari kawasan lain. Bukannya Barisan Nasional punya Wakil Rakyat yang bangkit, ini di kalangan Parti Pembangkang. Makna... maksudnya, Pengerusi Perhubungan PKR Negeri tersebut membangkitkan. Jadi saya pun rasa bila kena macam tu *i think my hands up*. Tak payah jauh, tak yah pergi meneliti di Amerika, di Eropah, dalam negara kita Malaysia ini berlaku macam tu. Cuba kita bayangkan, cuba kita bayangkan kalau pemimpin seumpama ini memimpin negara yang tercinta ini. Yang mempunyai penduduk...

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Mintak laluan...

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

...berbilang kaum, berbilang agama, bangsa...

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Mintak laluan *Speaker*...

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

...dan juga mempunyai pemikiran yang dinamik. Saya rasa musibah akan menimpa negara.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ya, *Speaker*. Saya harap Wakil dari Benta boleh ikut arahan *Speaker* untuk menjawab soalan-soalan dari Ahli-ahli semasa perbahasan dan isu itu, *Penang*, saya nak celah kerana yang isu itu adalah isu *internal party*. Tapi yang paling penting sekurang-kurangnya Kerajaan Pulau Pinang dan Selangor mereka ada bagi peruntukan hak pada Ahli-ahli Pembangkang. Tapi negeri Pahang, walaupun kita Ahli-Ahli Pembangkang yang meminta dan menuntut peruntukan kawasan, tetapi juga tidak dapat peruntukan ini. Oleh itu, saya harap Pahang boleh belajar dari Pulau Pinang atau Selangor bagi peruntukan bagi Ahli Pembangkang.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya dah cakap, bukan kita tak nak bagi. Di Selangor pembangkang tak nak terima, di Penang begitu jugak. Takkan pembangkang sini nak terima pulak, malu. Makna *double standard* pula. Pembangkang sana ada maruah, tak nak terima peruntukan daripada kerajaan, pembangkang sini pulak nak terima daripada kerajaan. Saya bukan bagi apa-apa, ya. Tadi Ahli dari Semantan jumpa saya, tolong 2 orang sakit dan sebagainya, RM5,000... RM5,000, MB beri. Beritahu saja. Tak payah peruntukan. Yang ni ADUN-ADUN peruntukannya datang jumpa MB *sign*, jumpa MB *sign*, bukan RM100,000 dah... berjuta sorang-sorang tu. Tapi tak sebut. Bukan makna tak dak duit... juta, ha... setiap minggu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Exco membawa permohonan-permohanan, MB *sign*. RM70,000, RM40,000... RM2 juta seminggu. Mana duitnya kalau kita *bankrap*... tak *bankrap*. Dia orang kalau jumpa MB...

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Apa yang kita mintak...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Baik-baiklah dengan MB. Nanti...nanti jap. Baik-baiklah dengan MB... janganlah kasar-kasar sangat bawaklah, jumpalah, dia bagi...

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Apa yang kita mintak adalah secara sistematik. Setiap Ahli Kawasan, tak kira Pembangkang ataupun Barisan Nasional boleh dapat peruntukan...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak boleh bagi... *because we are based on political ideology*... tak boleh bagi. *Cannot*! *Even* yang *democratic country but we are based on government-opposition*. Kalau *government* bagi *opposition* serupa layanan biasa, jawabnya *opposition* menang, *government* kalah. *This is*... *sorry, part of the government, it's germane*... *already*... *already*... *original... original in the..* apa ni... dia.. dia ada sistem demokrasi parlimen gitu. Kerajaan-Pembangkang. Kalau kerajaan bagi semua pembangkang hendak, baik... baik bagi kerajaan... bagi pembangkang jadi kerajaan. Tak boleh. Itu sebab... kita *offer* sebab Kelan... itu ni... Singapore er... Selangor dengan ini... Penang *offer*. Tetapi pembangkang di Selangor, pembangkang di Penang tak mau.

Ini pembangkang di Pahang mau pulak. Eh! komanlah... sebab saya tak nak bagi. Saya... saya...

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Pembangkang Barisan Nasional... pembangkang di Pulau Pinang dan Selangor itu Ahli-ahli Barisan Nasional, mereka tak mau adalah hal mereka, tapi Ahli-ahli Pembangkang di Pahang dan Pakatan, kami mau.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Betul... betullah tu. Tapi saya... saya bertanggungjawab menjaga maruah Ahli Pembangkang di negeri Pahang. [Ahli Dewan ketawa] Makna, kalau dia ambil tu... jatuh maruah.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Ini bukan maruah.. apa maruah... ini adalah sekiranya kerajaan boleh melaksanakan prinsip keadilan, semua Ahli-ahli boleh dapat, ini bukan hal maruah.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seandainya pembangkang di Selangor dan Penang ambil peruntukan negeri Selangor ataupun Pulau Pinang, adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersetuju untuk memberikan peruntukan juga?

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau dulu setuju. Tapi sekarang tak setuju dah. Sebabnya [Ahli Dewan ketawa] sebab... sebabnya [ketawa] prinsip tu berlainan. Itu... *that is basic principal because we have government, we have opposition, we can be nice to each other but than... be nicer to each other doesn't mean that we got to surrender our power... our...* tak boleh. Jadi makna kalau saya buat baik, macam ni, saya bagi ke Ahli daripada Parti Amanah, dia balik, tapi dia songkok putih saya percaya kat dia. "Ha, ni saya minta jumpa MB tadi, MB bagi awak RM5,000, MB bagi awak RM5,000". Tapi kalau dia tak pakai ketayap putih, ha yang tak ada songkok, belum tentu lagi. "Ini saya susah-susah mintak dengan MB, dia bagi... bagi tapi susah sangat tak guna MB ni, tapi dia bagi jugaklah. Tapi tak guna... nasib baik saya kuat-kuat hendak-hendakkan RM5,000, dia bagi RM5,000 ni ha. Ha ni... RM5,000 untuk awak. Kalau harap MB ni tak guna... tak guna... nasib baik saya ada". Dia ada markah, saya tak ada... rugilah. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya ada kaedah begitulah. Ini... ini ada kaedahnya. Macam Pulau Pinang, di ada kadar, faedah dia... sebab Wakil dari Bilut, dia sebut Pulau Pinang. Saya tadi tak sebut, saya kata ada sebuah er... negeri diperintah oleh er... sebuah parti selain daripada Barisan Nasional. Tapi macam Pulau Pinang, dia lantiknya pegawai-pegawai dia terdiri daripada orang yang mengecam Sistem Beraja. Tak sesuai. Kita *respect*lah sikit, maknanya yang hamba Allah ni... dia bercakap dengan lantangnya

menyentuh mengenai kedudukan Raja-Raja Melayu dalam negara dan dilantik sebagai pegawai kanan kepada Ketua Menteri. Saya ingat yang tu, *we do respect*lah, maknanya kita nampak, maknanya dalam konteks ini, kita tidak mewujudkan, di Pahang... kita tidak mahu mewujudkan suasana yang tak harmoni.

Banyak sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja menyebut tu... hanya sebagai contoh pada hari ini. Sebenarnya keikhlasan, kemurahatian Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar ni bukannya sekarang... dari dulu lagi dah. Tapi kita ada etika. Kita... biasanya kita tak er... ya, Dato' Sri ya? Dato' Sri mengajar dari segi *ethics... I still remember that* dengan izin. Sebab itu kita lihat...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya pun rasa menyesal sikit. Bila saya duduk ni saya rasa menyesal bila saya menyebutkan kes... 2 kes yang YB. Semantan jumpa saya. Patut tak sebut. Kita buat baik ni untuk... kerana Allah. Saya jawab er... mesej yang dihantar tu... ni... er... untuk kemanusiaan, demi kemanusian. Tapi saya terpaksa sebab diprovokasi oleh Ahli dari... bukan Bilut, sebelum itu... apa ni... Semambu dengan Bilut, saya pun terkeluar pulak. Jadi macam satu... saya mengungkit pulak benda ni apa... itulah apa saya nak bagitau. Minta maaflah, saya terungkit.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Sebab itu nampaknya kalau di Pahang ni... saya ingat, sayalah merasakan Pahang ni wajar diperintah oleh Barisan Nasional sebenarnya. [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu yang selayaknya. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar selayaknya kita bagi amanah untuk memimpin er... negeri Pahang ni...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Letih dah... letih.. *after 31 years... as ADUN, 4 years as a... no... 9 years as Exco, no... coming to 19th year... 19 years MB ni... not to say tired, not to say that I don't want but a... it's a bit too long,but if other people declined, I'm willing to accept again. Thank you*. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Bolehkah saya tanya MB, adakah MB akan terus bertanding di Pelangai lagi? [Ahli Dewan ketawa].

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Dak… saya… saya beritahu, saya beritahu semua orang ramai, yang menentukan saya bertanding atau tidak adalah pengundi. Kalau Perdana Menteri beritahu saya "*you* bertanding", tapi saya semak tengok pengundi tak mahu saya, saya tak bertanding. Kalau saya semak pengundi-pengundi mahu saya lagi bertanding, kalau Perdana Menteri kata "*you* jangan bertanding", saya akan kata *no*, saya bertanding sebab orang ramai mahu saya bertanding, *so, it's up to the people, it's not to up anybody help, up to the people*. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Insya-Allah, saya rasa pengundi-pengundi di Pelangai Dato' Sri dia akan er… menyokong penuh Dato' Sri.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Itu betullah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tapi Ahli-ahli Exco ni pun teringin juga menjadi MB [Ahli Dewan ketawa]. *Backbencher* ini pun teringin juga menjadi Ahli Exco, kita nak fikir la jugak kan, maknanya kalau saya tu tak bertanding pun, makna elok jugak untuk dia orang, kalau bertanding tu tak elok tu tidak lah, tapi maknanya tak berapa elok la maknanya [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri-Dato' Sri ini saya lihat di Pahang ini dia suasana kita dia macam anak beranak aje, adik beradik, tidak ada sebenarnya usaha-usaha yang dibuat oleh mana-mana pihak untuk melobi ataupun merampas ini pucuk pimpinan sebenarnya. Kita menyokong penuh insya-Allah, mudah-mudahan, sebab kita rasakan ini tanggungjawab yang kita pikul ini bukan satu kemegahan tetapi sebenarnya tanggungjawab yang cukup berat yang mesti kita pikul bersama, sebab itu dalam kita mengenengahkan er… permasalahan-permasalahan berkaitan dengan orang ramai ini, kita melaksanakannya dengan penuh komitmen. Sebab itu kita lihat misal contoh Dato' Sri, kita kalau barisan saf kepimpinan Exco ni bukanlah saya nak menidakkan rakan-rakan semua, dia, dia kira cukup-cukup makan je Dato' Sri, kalau sekiranya tu, tidaklah ada yang bergah-gah dari segi kemewahan dan sebagainya.

Sebenarnya betul-betul ikhlas insya-Allah. Seperti mana yang Dato' Sri sebutkan dalam er… pembentangan bajet *we facilitate* kita *facilitate* dan *the lof of…* ramai usahawan yang telah kita jayakan, mereka menjadi jutawan, kita melihat tu tapi tak der sekelumbit pun rasa iri hati ataupun dengki atas kejayaan mereka, sebab kita bagi sokongan yang terbaik demi untuk kemajuan negeri, sebab itu kita menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita banyak meluluskan cadangan-cadangan untuk memajukan banyak bidang di negeri Pahang dan kita telah ramai *create, create* atau mewujudkan jutawan-jutawan tapi saya nak beritahu ya, di Pahang. Jumpa dia mula-mula berjumpa aje, jadi jutawan tak jumpa dah jadi kita pun tak ada… tak ada apa-apa, biar kita merasa er… merasa kita merasa gembira sebab kita *facilitate* dia orang jadi jutawan. Tapi ramai juga yang datang, kemudian tu gagal, terutama macam projek pertanian, macam-macam *proposal* datang, kita bagi, bagi, bagi ramai yang gagal. Tapi ramai jugak yang berjaya yang kita berasa gembira walaupun dia jumpa kita sekali je sebelum nak buat projek je, dah jumpa tu hilang lenyap tak nampak muka pun. Ha itu, terima kasih.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bolehkah saya berikan sedikit sebanyak penjelasan berhubung apa yang berlaku di Pulau Pinang, minta maaf tadi dari luar. Ini sebenarnya berlaku di Pulau Pinang, kerajaan walaupun pembangkang yang jadi kerajaan. Tapi yang penting sekali libat dengan displin parti sebab walaupun dalam satu barisan yang sama, masa sampai undi, dia dah undi pembangkang, tak patut. Jika ini berlaku di negeri Pahang, saya percaya kita pun tak boleh terima jugak. Oleh sebab itu, kita sekatkan dia punya kuasa untuk tidak er… memberikan perkhidmatan, memberikan bantuan kepada mangsa, itu ajaran sajalah dalaman parti, kita ajar sama dia displin parti itu penting, itu lah penting. Saya fikir itu ajaran sajalah.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Saya teringat apa ungkapan inggeris yang mengatakan *respect you earn a respect you don't demand a respect* dengan izin. Saya, bila wakil daripada Tanah Rata membangkitkan perkara ini, saya sebenarnya tak mahu membangkitkan perkara ini. Saya rasa ini ciri kepimpinan. Di Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar *is a accessible to everybody.* Kalau kita ada perkara yang berbeza pandangan, kita zahirkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja, Dato' Sri DiRaja memberi peluang kepada kita untuk membahaskan termasuk di Exco. Di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kita bincang, kalau kita tidak bersetuju ini Dato' Sri menghormati, *okay* kita kaji semula perkara ini, dan tidak memaksa mana-mana ahli untuk menyokong sebarang keputusan yang hendak dibuat oleh pihak kerajaan.

Tapi kita diberi peluang untuk memberi penjelasan yang sebaik-baik mengapa kita membuat ketetapan seumpama itu, kerana apa Yang Amat Berhormat Dato' Sri, *nature,* cara mudah, kita datang berjumpa secara peribadi, Dato' Sri akan mendengar dengan prihatinnya dan akan menghujahkan dan kita selalunya kalah dengan hujah yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja. Itu sebenarnya dan saya berpengalaman maaf cakap er… wakil daripada Tanah Rata, saya berpengalaman, pergi sekali dalam deligasi misi menarik pelaburan di Amerika Syarikat pada ketika itu. Saya ingat masa tu wakil daripada Kuala Sentul menjadi *backbencher*, saya pergi sekali ke San Frasisco, ke LA dan berkesempatan melihat bagaimana seorang tokoh apabila berada dalam kalangan pengikutnya adalah merupakan satu individu yang terasing. Kalau minum pagi, kalau kita di Malaysia misal contohnya, di Kuala Lumpur saya kalau berjumpa dengan wakil dari Tanah Rata di Kuala Lumpur pun, YB kita tegur apatah lagi kalau di Amerika, kalau di Amerika. Kalau Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar kalau duduk, kita mesti berkumpul dekat *coffee house,* kita minum beramai-ramai, tanpa mengira kedudukan.

YB. DATO' DR AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Mintak izin..

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tapi berbeza kalau lihat, saya ini saya bercakap ni bukan tohmahan, saya lihat sendiri…

YB. DATO' DR AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Mintak izin…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

… sekejap ini wakil Pulau Tawar. Saya lihat sendiri bahawasanya tokoh tersebut dia duduk berseorangan bersama dengan isteri beliau. Orang lain ni jauh, tidak langsung rapat-rapat, waima Timbalan Ketua Menteri pada ketika itu Yang Berhormat Mansur Osman, duduk jauh, jadi bila saya melihat, saya kata bagaimana pemimpin ataupun ahli-ahli daripada kalangan parti dapat berinteraksi dengan cara yang terbuka.

Sebab itu yang menjadi masalah kita, sebab ada… bila ada *communication gap* di situ tapi tidak Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja. Walaupun nampak garang, walaupun nampak tegas tetapi *very gentlemen* sebab apa dia akan memberi ruang kepada kita untuk menghujahkan dan akhirnya menerima pandangan yang terbaik, sebab itu maaf cakap saya wakil daripada Tanah Rata menyatakan fenomena ini berlaku kerana adanya unsur-unsur sekatan tidak demokratik terlalu seperti mana yang diwar-warkan. *Lets be fair,* itu sebabnya maksud saya di sini itu yang menyebabkan berlakunya *revote* di kalangan dengan izin ahli-ahli komponen. Saya mohon maaf sebab ini perkara yang ingin saya zahirkan.

Saya nak menyatakan begini, saya nak menzahirkan kepada Dewan Yang Mulia ini, bahawasanya kerjasama yang ada wujud pada hari ini dengan sokongan daripada barisan pentadbiran pegawai-pegawai kerajaan yang cukup komited dan *dedicated* dengan cabaran yang begitu hebat, keluasan negeri yang besar, dengan tuntutan daripada penduduk yang begitu ketara tetapi kita menjalankan tugas kita dengan penuh berhemah dengan seikhlas mungkin, mungkin tak banyak peruntukan seperti Yang Amat Berhormat sebutkan tadi, ada setengah tempat tu dia mudah sangat dapat, kita di sini macam-macam caranya, tapi kita laksanakan dengan kerjasama sokongan daripada semua-semua pegawai kerajaan daripada peringkat daerah, Pegawai Daerahnya, Ahli Majlis, Majlis Daerahnya dan sebagai-bagainya, Ketua-ketua Jabatan, Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Pusat, kita telah berjaya melaksanakan apa yang dihasratkan oleh rakyat jelata dan juga masyarakat yang ada di negeri Pahang ini.

Sebab itu nak menyatakan kita berdepan dengan satu keputusan yang besar. Melihat pada keadaan ini saya ingat belum masa lagi pihak pembangkang memerintah negeri Pahang Darul Makmur ini. Sebenarnya, selayaknya Barisan Nasional meneruskan pemerintahannya untuk apa nama… penggal yang berikutnya, penggal berikutnya… lepas penggal berikutnya kita sambung lagi misal contohnya tapi ini... ini maksudnya sebab itu dalam konteks ini mengambil kesempatan dalam sesi persidangan kali ini supaya kita menyeru kepada orang ramai membuka mata. Walaupun bajet kita ini bajet yang terhad tapi Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah memberi jaminan iaitu kesejahteraan rakyat tidak akan diabaikan dan perkara ini memang perkara yang benar, memang yang sah bukan saja kita suka-suka buat gula-gula. Sebab Yang Amat Berhormat Dato' Sri, yang saya tahulah beliau bukan jenis yang suka nak orang kata… nak puji-puji kalau perkara itu tak betul …ha dia akan cakap terus dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan cara yang sesuai. Ha…kalau dengan pemimpin-pemimpin yang er…tertentu memang kadang kalanya depan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, dia menelefon terus, Yang Amat Berhormat telefon terus ke Kuala Lumpur ha… tengoklah kedudukannya. Cara tu memang tegas dan sudah tentu ia kalau kena tu memang kira er…menerima reaksi yang memang sewajarnya. Tak mungkin barisan sah kepimpinan Exco yang ada

pada hari ini sanggup untuk membuat kenyataan seumpama itu demi untuk kepentingan negeri.

Ha ini… ini… maksud saya, sebab itu er… teruslah memainkan peranan sebagai *check and balance*, maknanya Barisan Pembangkang yang di er… pimpin er… dan juga kita ada er… *elderly statesman,* ya Dato' Sri, wakil daripada Tanah Rata, 6 penggal, er… pernah satu ketika tak silap saya tahun 2004… ya… tahun 2004 masa itu pembangkang hanya seorang je dan satu-satunya wakil tunggal pembangkang pada ketika itu ialah Wakil daripada Triang, yang kini Wakil Tanah Rata. Duduk dalam dewan dan memainkan peranan. Jadi kalau boleh tu, biarlah saya ingat kita barisan pembangkang ni teruslah memainkan peranan yang macam sekarang ni memberi *check and balance* kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri dipimpin oleh Barisan Nasional teruskan usaha untuk mensejahterakan er… negeri ini sepertimana yang selama ini kita pernah buat. Yang lain-lain tu boleh kita…kita…ini… ini… tambah… tambah dan saya tahu, saya yakin, Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja akan ambil ni input-input ni. Walaupun datang daripada pihak pembangkang, mana idea yang bernas, tetap akan diberi pengiktirafan, ini sebenarnya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, [berdehem]

Saya terpaksa mencelah bila Ahli Kerajaan dia menyebut Ahli Tanah Rata. Memang Ahli Tanah Rata ni kawan lama. Saya hanya dulu sepenggal daripada dia. Dan dia pun kalau mati pun, dia nak pergi jadi dewa, dia tak mahu jadi hantu lapar atau binatang atau neraka. [Ahli Dewan ketawa]. *He's a very nice man,* lepas tu bila berhujah pun lemah lembut. Bagus, kita harap, anak dia nanti akan teruskan usaha, terima kasih. *Nice man*

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Benta, Yang Berhormat Benta, pihak kerajaan, lama dah mukadimah tu nampaknya. [Ahli Dewan ketawa]. Kalau boleh… boleh gulung, ada masa boleh gulung Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. [Ahli Dewan ketawa]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Itu baru mukadimah [Ahli Dewan ketawa]. Saya, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih lah, nampaknya Dato' Sri Yang Di-Pertua ni, dia sabar orangnya. Dia pun lima penggal Dato' Sri, dia sabar, bagus, dia memberi ruang, tapi sebenarnya tujuannya ikhlas saya nyatakan bahawasanya amat teruja kita berada dalam Dewan Yang Mulia ini dengan sahabat-sahabat dan juga barisan-barisan pembangkang yang juga mempunyai tanggungjawab er… dalam Dewan Yang Mulia ini dan kita tahu bahawasanya pihak kerajaan akan cuba sedaya mungkin untuk memberikan er… er… jawapan-jawapan dan juga tindakan-tindakan melalui agensi-agensi yang ada untuk er… merealisasikan hasrat er… rakyat jelata yang telah dizahirkan oleh wakil-wakil masing-masing. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang dah pukul 5.58.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Untuk Yang Berhormat Benta, Yang Berhormat, untuk Yang Berhormat Benta satu jam je.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sudah satu jam.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Oo… satu jam dah? Ha itu.. Saya tengok jam tu… saya tak berapa ingat ke berapa tempoh lama tu, tapi di sini, ditulis sini soalan-soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, dan ianya menyentuh semua aspek yang kemudahan asas dan juga alam sekitar, ya… dan kalau nak diperjelaskan satu persatu, saya ingat mungkin dalam sejam lagilah. Jadi, er… saya rasa er… izinkan saya untuk er… sedikit sebanyak menyentuh satu dua perkara, ya… pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat er… Dato' Sri Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang dalam er… pembentangan bajetnya tidak lupa Pahang… tak lupa Pahang, dia sebutkan satu persatu dan antara perkara-perkara yang disebut ni ada menyentuh mengenai infrastruktur.

Kalau misal contohnya kita ada baru ni er… pelancaran ECRL, *East Coast Rail Link* yang akan membuka koridor pembangunan yang baru, kerana apa? Rakan saya Jawatankuasa Ahli, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, rakan saya daripada saf kepimpinan er… ni Wakil-Wakil Kerajaan memaklumkan tentang kerancakan pertumbuhan dalam negeri kita. Sebenarnya Yang Amat Berhormat er… Menteri Besar juga telah menyatakan ada peningkatan dari segi pelaburan yang masuk dalam negeri kita. Malahan dalam tahun 2016, terdapat RM5.4 bilion pelaburan, ya peningkatan daripada tahun 2015, lebih kurang tiga bulan RM9 bilion kita ada peningkatan. Kerana apa? Kerana kita menyediakan infrastruktur yang hebat juga.

Pelabur akan bertanya sama ada infrastruktur kita er… sempurna, tapi kita meyakinkan mereka bahawa siapa menanam pelaburan di negeri ini, akan menghasilkan pulangan yang baik. Sebab itu terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas komitmen yang ditunjukkan dalam membesarkan lagi, memperkasa, mempertingkatkan keupayaan Pelabuhan Kuantan. Dengan pelaburan, mendalamkan, membina er… *break waters*, er… dan juga mendalamkan er…pelabuhan kita yang mencecah lebih daripada RM3.3 bilion nilai pelaburan.

Ini semua sebenarnya merancakkan lagi keupayaan kita untuk menarik lebih banyak pelabur, malahan ada pihak yang berminat untuk membesar, memajukan dan membina Lapangan Terbang Tioman yang baru. Ini sedang dibuat kajian oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Insya-Allah kalau sekiranya perkara ini berjaya dilaksanakan, ianya akan menjadi satu lagi er… mercu tanda untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi yang merangkumi seluruh negeri Pahang.

Projek jalan CSR *Central Spine Road* yang dibina daripada Tumpat sampai ke Pelangai dilaksanakan berperingkat-peringkat. Insya-Allah perkara-perkara ini juga akan menambah rangkaian…rangkaian perhubungan er… di negeri Pahang Darul Makmur, dan er… banyak juga projek yang telah diluluskan di bawah Kementerian Kerja Raya, di bawah JKR, pelaksanaan projek-projek, er… penambahbaikan, ha... ni jalan raya-jalan raya yang ada di negeri Pahang Darul Makmur ini, sudah tentunya dapat memudahkan juga bukan saja pelabur tetapi memudahkan pergerakan er… rakyat jelata di negeri Pahang dan juga mereka yang nak ke negeri Pahang.

Sebab itu dalam konteks ni, terima kasih kepada Kerajaan Pusat, dan er… saya juga ingin memperjelaskan sedikit ya… mengenai er… isu alam sekitar. Dia sebenarnya Yang Berhormat Dato' er… Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja, wakil saya… sahabat saya ni daripada Padang Tengku ni, dia dah tak tidur malam dah, ha… sampai selsema dah pada hari ini. Er… dia menimbulkan kacau ganggu kepada diri dia, sebab er… sebab dia pun dah demam dek kerana dihimpit oleh beberapa pihak yang menyentuh berkenaan dengan pembangunan di kawasan Merapoh yang melibatkan gua-gua, dan sebenarnya untuk makluman er… tanah yang dibangunkan ini adalah merupakan tanah milik dan dibangunkan untuk tujuan yang baik bagi mewujudkan ladang sawit ya… iaitu oleh PKPP, ni Perbadanan Kemajuan Perusahaan Pertanian. Er…tapi pada masa yang sama di kawasan tersebut ada terdapat gua-gua, yang juga menjadi tarikan pelancong ke kawasan tersebut.

Atas permintaan daripada ADUN kawasan iaitu Yang Berhormat ni ADUN Padang Tengku dan juga pandangan dan input daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Lipis, maka kita er… pihak kerajaan akan mengkaji, kemungkinan sebahagian daripada kawasan yang dicadangkan ini mungkin di er… keluarkan daripada cadangan pembangunan dan perkara ini akan dibincangkan dengan persetujuan daripada Yang Amat Dato' Sri DiRaja. Kita akan bincangkan dalam er… Majlis Mesyuarat Kerajaan dan melihat yang terbaik ye… yang terbaik bagaimana cara kita nak menangani permasalahan ini. Jadi maksudnya, kita mengambil input-input ini dan err... perkara ini diambil kerana kepentingan setempat.

Namun, kita juga ingin memaklumkan kepada pihak NGO, jangan dianggap bahawasanya tekanan mereka yang menyebabkan kita bertindak demikian. Tidak. Sebenarnya kita melihat ini dalam konteks yang lebih luas ye, memikirkan bahawasanya kepentingan bersama. Sebenarnya dalam setiap pembangunan Yang di-Pertua, kalau kita nak tanam sawit, beritahu dalam dunia ini, macam mana caranya kita nak menanam ataupun nak mewujudkan ladang sawit tanpa menebang sebatang pokok pun. Saya ingat ini adalah satu er... perkara yang dalam bahasa Inggerisnya dinyatakan *impossible*. Bukan *impossible is nothing* tapi *is quite impossible,* dengan izin, dia mesti ditebang secara habis kemudian baru ditanam sawit untuk dijadikan sebagai ladang.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Yang di-Pertua,

Dia selain daripada gua yang ada, dia rupa... merupakan punca air pada penduduk-penduduk setempat. Itu juga yang merisaukan kita. Justeru itu kita ada cadangan penduduk daripada kampung, di kampung-kampung supaya kita mengubah daripada tanam kelapa sawit sebab kelapa sawit ini dia... dia menyerap air. Jadi itu cadangan makna kita mengubah, masuk dalam industri-industri pelancongan, agro

pelancongan dan sebagainya. Jadi mungkin boleh membantu urusan-urusan yang semakin keringlah di kawasan berkenaan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tahulah masa suntuk tapi saya ingin buat penjelasan juga sikit. Saya sendiri hanya dapat tahu bahawa tanah ini diluluskan kepada PKPP, dulunya LKPP pada tahun 1992. Saya pun pada masa tu Ahli Exco, 1992. Tapi yang saya berasa kesal sikit, takkanlah MB, Ahli Exco nak tahu di mana tanah, mana batu pancang, apa berlaku. Kalau NGO, kalau orang kampung pun sepatut boleh tengok dah tanda-tanda orang masuk bawa lori nak menebang, beritahu awal. Jangan balak dah keluar, orang tu nak buat ladang lepas tu, baru beritahu. Kalau awal-awal beritahu, mungkin kita boleh rundingkan sebab LKPP pun agensi Kerajaan Negeri. Kita boleh bagi tempat lain. *You surrender* tanah *you* tu, kita *preserved* untuk talian air, untuk apa ni... gua sebagainya, kita bagi tempat lain. Tapi benda dah punah dah. Jalan dah buat, balak dah keluar. Kerana apa? Kerana NGO tak ikhlas. Sebab er... apasal saya kata begitu? Sebab, nak tunggu dia rosak baru keluar surat khabar. Kalau ikhlas, beritahu awal-awal.

Sebelum keluar lagi, kita dah tahu ni, beritahu awal-awal. Kita boleh *stop*. Tapi apa, biar. Kalau *blame* ini Kerajaan Negeri ni, jatuh. Ha, jadi beritahu lambat. Biar, biar rosak semua baru kita beritahu. Ini masalah, tak ikhlas. Saya dah berapa kali saya cakap *even* profesor Maketab, dia dah jadi kawan baik kita. Saya khabar kat dia, kalau apa-apa beritahu kita. Tapi Sharifah Sabrina kita jemput, tak pernah datang. Sebab tujuan tu nak cari salah. Kalau cari salah, susahlah. Suami isteri pun tak jadi. Kalau patutnya kalau suami isteri ni sebelum isteri atau sebelum suami pergi buat salah besar, kita beritahulah. 'Haih awak ni abang, balik malam-malam ni, kawan tinggal sorang ni apahal, esok datang orang lain ketuk pintu tak ke susah kawan.' Ha, contoh. Suami boleh khabar pulak, 'Haih, awak ni kawan suami, awak Isteri, awak pergi ke disko tiap-tiap malam aih, siapa jaga rumah, siapa masak, siapa pergi disko? Contoh. Jangan benda dah terjadi baru kita nak bercerita. Ini saya cukup, saya ralat betul-betullah.

I really regret it you know because the NGO only inform us when all the trading work has been done. Otherwise, kita boleh *stop* bagi tempat lain. LKPP tu. LKPP tu pengerusinya MB. Pengerusi LKPP tu MB. Buat *meeting* tukar, kita jaga ini kawasan, tempat tadahan air. Tak mahulah, saya malas menyalahkan Wakil Rakyat. Wakil Rakyat pun satu, beritahu awal-awal. Takkan tak tahu. Jangan harapkan NGO sangat. Ini nasi dah jadi bubur nak buat apa? Dah rosak semua kan? Itulah, patut beritahu awal. Benda ni *small matter*, mudah aje. Okey LKPP, cari tempat lain. Ini kita nak jaga talian air, nak jaga gua... okeylah. Gua ni kot ada tempat orang nak pergi menyorok, lari semua, okey ha, jaga gua. Nak bertapa, nak apa semua. Itu kita boleh buat tapi tak beritahu kita awal-awal. Ini... ini masalah.

Kalau ikhlas beritahu kita awal-awal. Kita boleh ambil tindakan. Maklumlah kita ada kelemahan. Bila kita *meeting* ini, kalau *technical department* kata okey, okeylah. MB nak pergi menyukat tanah pulak. Nak pergi tengok pulak naik helikopter. Setiap pembangunan tanah nak pergi tengok. Haih, mati. Siapapun tak nak jadi MB. Yang ramai jadi MB pasal kerja MB tu senang. Ke hulu ke hilir, ke hulu ke hilir er... biar orang buat. Hah itu orang nak ramai jadi MB. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Memang betul. Saya memang akui. Kalau sentuh mengenai alam sekitar ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja ini memang *so passionate* berkenaan dengan alam sekitar dengan izin. Maknanya dia ini Dato' Sri DiRaja, bercakap pasal alam sekitar ini memang dia utamakan. Ini memang kita sedar itu. Sebab itu apabila perkara ini menjadi *viral* memang kita telah minta semua agensi memainkan peranan. Tahu bahawasanya reaksi Yang Amat Berhormat Dato' Sri memang cukup ketara, memang jelas mengenai kualiti alam sekitar. Sebab itu perkara ini insya-Allah kita akan cuba rundingkan bersama dengan pihak-pihak yang terbabit untuk kita cari jalan penyelesaian yang terbaik ye. Jadi, saya rasa itu yang ingin saya sentuhkan ini...

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon izin.

Saya ucap terima kasih kerana saya pun tahu bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Sri adalah pencinta alam dan menyusul apa Yang Berhormat Dato' Sri katakan tadi saya memohon Kerajaan Negeri mempastikan bahawa Hutan Endau Rompin itu tidak akan terjejas dan dipastikan kelestariannya. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Yang di-Pertua,

Ada satu perkara yang saya rasa nak saya perjelaskan sini dibangkitkan oleh Wakil Muadzam berkenaan dengan kecurian elektrik itulah. Jadi er... daripada *feedback* yang kita terima daripada pihak TNB. TNB sebenarnya telah menubuhkan satu pasukan dipanggil SEAL. Ini bukan yang komando yang *navy* tu, tentera laut Amerika. *Navy* Amerika dia ada satu pasukan SEAL dia panggil. Ini komando, *special task force* er... tapi ianya mungkin err... pihak TNB ini dia nak ambil pinjam nama tu supaya menggerunkan sikit sebab kejadian kecurian ni ada kalanya begitu ketara ye dan pihak TNB telah menubuhkan dipanggil SEAL, *Special Engagement Against Losses Team,* dengan izin ye, dan kaedah pemeriksaan ini akan dilaksanakan oleh pasukan ini dan pasukan ini sebenarnya telah pun ditubuhkan oleh kerana berlakunya kecurian elektrik er... dan ketirisan yang ketara tetapi sebenarnya lazimnya penumpuan dia fokus dia ialah kepada er... syarikat-syarikat, industri-industri yang komersial ini.

Kalau domestik ini biasanya tidak er... terlalu er... ditekankan sangat sebab ini jumlah yang ketirisan ini dia tidak begitu besar. Namun bagi mana-mana pihak yang terlibat dalam kes ni yang dipanggil er... dipanggil er... kehilangan elektrik, KUPM iaitu KUPM ini dia... dia kes... pengusik... kes pengusik... usikan pemasangan meter ye. Jadi, kalau ada berlakunya er... perkara seumpama ini, pihak TNB akan mohon supaya pihak yang terbabit itu datang untuk berunding cara bagaimana, caranya untuk menyelesaikan permasalahan ini. Dia akan tengoklah, kalau sekiranya lama sangat sampai setahun dan sebagainya, mungkin jumlahnya agak tinggi dan dia akan membenarkan pihak yang terbabit membuktikan bahawasanya bukan kesilapan dia.

Kalau terbukti memang dia buat dengan cara sengaja maka sebenarnya er... melalui akta bekalan elektrik yang baru, yang dipinda ini... er... tindakan tegas telah pun dicadangkan namun pihak TNB bersedialah untuk mendengar rayuan daripada

mana-mana pihak yang terbabit dan insya-Allah perkara ini diberi perhatian supaya tidak membebankan bagi mereka yang mungkin tak sedar ataupun tak perasan gejala ini berlaku. Tapi bagi mereka yang mencari kesempatan daripada kelemahan ini sudah tentu tindakan tegas terpaksa diambil oleh pihak TNB. Jadi...

YB. DATO' SRI MAZNAH BINTI MAZLAN

Yang Berhormat, izinkan saya.

Saya merujuk kepada tindakan ini kepada pengguna domestik yang mana 2, 3 kes yang saya tahu jumlah kebelakangan yang dikira itu mencecah RM2000 dan lebih dan mereka ini adalah daripada golongan yang berpendapatan rendah, berpendapatan rendah yang saya rayu itu bukan supaya tidak dilaksanakan sebarang tindakan tapi boleh tak mereka ini berunding supaya pembayaran itu dibuat secara ansuran mengikut kemampuan mereka kerana er… dalam dua minggu dulu di Rompin saya rasa 170 lebih er… mereka.. er er… yang terbabit, yang terlibat di dalam kes ini. Contohnya, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Dia sebenarnya, er… memanglah maknanya, pendekatan yang dibuat oleh pihak TNB ni, adalah untuk er… berundingkan supaya dapat dibuat ni bayaran secara ansuran. Saya ingat mungkin, dak… dak… maknanya kes ni telah pun dibangkitkan jadi er… pihak TNB akan er… meneliti kes *by* keslah, dia tengok walaupun 70… 70, kita kena melihat dia er… mengikut er… ni… makna kes-kes yang er… yang terbabitlah eh… dan er… memang ada er… pendekatan ini diambil, khususnya er… kalau melibatkan domestik, kalau melibatkan domestik. Ini yang kita ambil tindakan tegas termasuk er… orang kata tindakan mahkamah ni ditujukan kepada er… pemain industri dan komersial. Bagi domestik ni, kita ada sedikit er… kelonggaran atau budi bicara tapi kita tidak mahu menghantar *signal* yang… isyarat yang salah, takut nanti dia kata ok, kita seolah-olah menggalakkan. Sepatutnya perkara ni tidak berlaku kerana er… fenomena ini dikira kes jenayah kalau sekiranya TNB mengambil tindakan membuat laporan kepada polis maka tentulah kesannya lebih mudarat lagi.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta celah. Er… terima kasih Wakil Kerajaan yang memberikan jawapan tentang er… pemasangan er… letrik meter, ter… er… dalam ucapan teks saya, saya telah mencadangkan jikalau semua rakyat dia bukan faham sangat dengan meter letrik ini, dan saya, saya pun tak faham sangat, tapi dituduh mencuri. Ini bagi saya adalah satu cara yang bukan er… berbaloilah dengan siapa-siapa yang kena saman ni. Dengan ini, saya cadangkan bila nak tukar meter ini, ada seorang pegawai ST yang bersama dengan TNB er… menjalankan tugasan ni mereka. Ini adalah cara yang lebih *professional.* Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Satu-satu tindakan dia kena tengok ni… ni… rasionalnyalah. Dia Suruhanjaya Tenaga ni tak ramai. Kalau misal contoh kes ni berlaku, kita nak memanggil Wakil daripada Suruhanjaya Tenaga, maknanya dia akan memakan masa yang begitu lama. Dia sebenarnya, bagus kalau kita tak reti ni, yang masalahnya kalau kita reti. Maksudnya kalau kita tak reti Yang Berhormat, dia biar je pasang meter tu, dia biar

aje. Jadi, yang pembaca meter daripada TNB, akan baca apa benda yang kita gunakan, yang masalahnya bila kita reti sangat ni. Maknanya kita perlecehkan anu tu dengan izin, maknanya er… apa nama… meter yang dipasang tu dia… *manipulate*kan.

Jadi yang ni, dibuktikan. Maknanya bila pihak TNB tengok tu dia akan ambil gambar, dia tengok telah pun di*adjust*kan, dia taruk… dia ada caralah ni YB, kalau sekira boleh satu hari mungkin pihak TNB akan tunjuk cara bagaimana dia… dia sekat jarum tu daripada bergerak misalnya, jangka tu boleh bergerak, dan sebagai-sebagainya. Sebab tu dalam konsep ni, pihak TNB sebenarnya apabila dihantar *SEAL Team* ni dia… pasukan ni dia tak rasa seronok sebab apa, kadang-kadang bila pergi, dia tengok tu, Allah hai… dia tengoknya yang pengguna ini keadaan dia, mungkin er… tidak begitu er… ni orang kata beradalah… tapi tindakan mesti diambil, sebab apa? Dia telah memanipulasikan meter tu, dan dia ambil semua bukti-bukti tu, menunjukkan memang ada usaha. Tak mungkin…

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mencelah sikit.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tak boleh salahkan rakan saya ni kalau dia mula tadi 5.05 minit, ni dekat 6.20… sejam suku, sebab dia selalu diganggu, diganggu pula oleh Menteri Besar sendiri. Saya masih ingat lagi yang ini paip air. Saya umur 13, 14 tahun. Saya dapat tahu, arwah ayah saya cerita, diaorang tu taruk apa ni… apa, magnet? Bawah paip…di bawah tu. Jadi, meter… meter tak bergerak. Tapi saya ingat satu *value,* nilai arwah ayah saya ajar saya, tak baik buat begitu Nan. Air paip tu kita bagi keluarga kita makan, kita ambil air sembahyang, apa maknanya? Kalau kita ambil air paip mencuri untuk nak buat air sembahyang, apa makna kita ambil air paip yang kita curi untuk bagi makan keluarga.

Saya ingat lagi, saya umur 11,12 tahun. Arwah ayah saya memasukkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Saya masih ingat lagi. Gunakan rupanya menggunakan magnet, masuk magnet tu meter tak jalan. Sekarang tak tahulah kalau boleh ramai-ramai cubalah balik karang. Jangan sampai menipu semua sudahlah. Cuba bolehlah. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD. RAZAK

Tuan Yang di Pertua,

Itulah maksudnya yang diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja tadi. Jadi berapa kaedah. Bukan satu kaedah je, banyak kaedah, sebab tu, bila pihak TNB pergi tu, dia tengok dia perjelaskan, encik gini, gini, gini, dia takde *line of defend* memang dia mengakui. Bukan kata dia… macam dia terkejut, misal seolah-olah eh… macam mana boleh jadi tu, tidak begitu, sebab kita ni kalau tak faham apa dia pasang tu kita biarkan je. Kita guna elektrik, kemudian pembaca meter dia akan baca. Masalahnya sebab kita pergi apa nama… *adjust* tulah. Itu yang…. Ini menjadi kesalahan.

Sebab itu kalau kita nak tunggu Suruhanjaya Tenaga, Wakil dari Suruhanjaya Tenaga misal contohnya untuk bergerak ke arah mana-mana tempat, sebab kejadian ni banyak berlaku di seluruh negeri Pahang. Itu pasal yang er… terpaksa pihak TNB

makna kita kena percaya pada pihak TNB er… untuk melaksanakan usaha ini. Jadi er… misal… tapi… walau bagaimanapun, er... pihak TNB er... telah bersetuju untuk mendengarlah rayuan daripada pihak yang terbabit, termasuk diizinkan untuk er… membayar er… dengan kaedah yang tidak membebankan supaya lepas tu, er… bila dia ganti meter tu, bacaan sudah tentu akan dibaca dengan lebih tepat ya. Terima kasih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua,

Saya tak bercadang untuk ini… pergi satu persatu, saya mohon izin daripada… er… daripada Tuan Yang di-Pertua, dan juga Ahli-ahli Dewan Yang Mulia, supaya dapat ni… pihak urus setia Dewan menghantar jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat er… untuk er… mendapat maklumbalas kepada perkara yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mulia Ini.

Saya mengambil kesempatan di sini, mengucapkan terima kasih ke semua, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya, dan terima kasih juga kepada pihak… ni… er… barisan pegawai-pegawai er… perkhidmatan kerajaan yang ada dalam Dewan Yang Mulia ini dan juga yang tidak berada dalam Dewan Yang Mulia ini sama ada di peringkat er… Pihak Berkuasa Tempatan er… Pihak Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat yang telah berusaha dalam menyelesaikan permasalahan dan juga memberikan maklum balas er… untuk diteliti oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mulia.

Saya dengan ini, menyokong er… Usul yang dibentangkan ataupun Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar er… baru-baru ini. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat daripada Benta, bagi pihak kerajaan walaupun mengambil masa yang agak lama, campur kacau ganggu, tapi banyak juga hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, sangat menarik dan juga bernas.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan di atas permasalahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, semasa perbahasan mahupun penjelasan semasa pihak kerajaan menjawab.

Insya-Allah pada hari besok, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan sepanjang persidangan kita ini. Persidangan kita akan disambung semula pada hari Selasa, 28 November 2017 bermula jam 9.00 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 6.23 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13

HARI KE-6
28 NOVEMBER 2017

KANDUNGAN

HARI KEENAM – 21 APRIL 2017 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	1
4	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017	19
	BACAAN KALI KEDUA	28
	DALAM JAWATANKUASA	28
	BACAAN KALI KETIGA	40
5	SAMBUNGAN MENIMBANG USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2018	40
6	KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN	41
7	RANG UNDANG-UNDANG	
	i) RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2/2017) 2017	42
	BACAAN KALI PERTAMA	42
	BACAAN KALI KEDUA	43
	DALAM JAWATANKUASA	45
	BACAAN KALI KETIGA	47
8	USUL PENUBUHAN KUMPULAN WANG AMANAH PEMBINAAN PROJEK PUSAT PENTADBIRAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH (PPSAS).	48
9	PENANGGUHAN	49

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KE-13
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Hari Keenam : 28 November 2017 (Selasa)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:
Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri

Pengerusi Jawatankuasa Khas:
Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP. - **Lanchang**
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. - **Benta**
(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP. - **Jelai**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri

Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP. **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri**	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. **Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri**	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP. **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Guai**
Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM. **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri**	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN. **Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri**	-	**Kerdau**
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	-	**Muadzam Shah**
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	-	**Damak**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh, DIMP., JSN., PPN.	-	**Lepar**

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	-	**Panching**
Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	-	**Tahan**
Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail, DIMP., SMP., PPN., BCM.	-	**Jengka**
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	-	**Chenor**
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMN., AMP., PKT.	-	**Bebar**
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	-	**Luit**
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	-	**Bukit Ibam**
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	-	**Ketari**
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	-	**Bilut**
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	-	**Sabai**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	-	**Triang**
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	-	**Semambu**
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	-	**Kuala Semantan**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PJN., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Bin Syed Abdul Rahman, AAP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Keenam (Selasa)	:	28 November 2017
Bersamaan	:	9 Rabiulawal 1439 Hijriah
Masa	:	9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulilah, kita bersyukur kepada Allah SWT pada pagi yang cukup ceria ini kita dapat sama-sama di dalam dewan ini untuk meneruskan amanah dan tanggungjawab kita. Saya dengan ini akan meneruskan aturan urusan mesyuarat seperti mana biasa dan pada kali ini, pada pagi ini saya mempersilakan Wakil daripada Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Yang di-Pertua soalan saya soalan nombor 3.

[Minta kerajaan menyatakan:

1.1 Apakah Jabatan Perhilitan mempunyai perancangan bagi memulihkan semula premis penginapan di Kem Relau Merapoh yang telah rosak akibat usang dan banjir pada tahun 2014/2015 yang lalu. Jika ada, sila nyatakan bilakah ianya akan dilaksanakan dan apakah kompenen-kompenen yang terlibat dengan pemuliharaan itu.

1.2 Apakah perancangan-perancangan lain oleh kerajaan dan ejen-ejen yang Berkaitan untuk mengatasi masalah permintaan tempat penginapan bagi pelancong-pelancong ingin berkunjung]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih er… Yang Berhormat Yang di-Pertua. Bangunan asrama tersebut kini telah pun diroboh atas faktor keselamatan setelah diberi khidmat teknikal oleh pihak Jabatan er… Kerja Raya Negeri Pahang. Pihak Jabatan Perhilitan telah memohon peruntukan pembangunan berkaitan perkara ini pada Rancangan Malaysia Ke-11 pada *Rolling Plan* 1 dan *Rolling Plan* er... 3 tetapi masih belum diperolehi bagi petujuan... bagi tujuan pembinaan semula.

Bagi soalan nombor 2. Untuk makluman, pihak Jabatan Perhilitan ada menyediakan tapak perkhemahan kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke kawasan Merapoh. Walau bagaimanapun, ianya terhad. Selain daripada itu, terdapat juga penginapan jenis *homestay* dan dormitori di kawasan… di luar yang diusahakan sepenuhnya oleh penduduk tempatan. Pelancong-pelancong juga mempunyai pilihan penginapan lain seperti hotel, motel juga *homestay* di Gua Musang, Kelantan yang jaraknya 30 minit. Terima kasih.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua, er… selama ini er… Kem Relau ini sebenarnya merupakan tempat er… penginapan sementara khususnya kepada er… pelancong-pelancong ataupun er… peminat-peminat yang ingin mendaki gunung er… di Gunung Tahan melalui laluan Merapoh dan juga er… di… diadakan program-program motivasi di situ. Tapi macam disebutkan oleh Ahli Kerajaan tadi, pelancong atau pelawat-pelawat ini dia bertumpu ke Gua Musang. Ini menyebabkan bahawa mereka membelanjakan sebaik… sebahagian besar daripada perbelanjaan mereka di Gua Musang, ya.

Tidur di Gua Musang, makan di Gua Musang, makan pagi di Gua Musang, membeli peralatan-peralatan perlu di Gua Musang. Kemudian dia hanya datang melawat untuk er… menikmati produk yang ada di… di Merapoh, di Padang Tengku. Saya sekali tu terguris juga apabila seorang *guide* daripada apa nama ni, daripada Gua Musang sebab dia bawa *guide* dia sendiri di… setelah apa nama ni er… pendaki-pendaki ini turun daripada gunung, saya dengar dia sebut ha, inilah di antara kawasan-kawasan menarik yang berada di kawasan Galas ini.

Saya ada di Padang Tengku itu, berada di situ. Maknanya, seolah-olah er… produk itu berada di… di Gua Musang. Bukannya berada di… di Merapoh. Sebab itu saya rasa perlu dibuat sesuatu khususnya untuk mengalih apa ni er… pelancong-pelancong dan pelawat-pelawat ini supaya meraka bermalam dengan kadar yang lebih lama di

Merapoh. Justeru itu saya menyarankan supaya er… apa nama ni, peranan-peranan harus dimainkan oleh, oleh agensi-agensi yang punya kepentingan di Merapoh.

Misalnya contoh kita dah semua tahu P… PKPP, LKPP, Yayasan Pahang, Pertubuhan Peladang yang mereka mempunyai tanah yang agak besar di Merapoh supaya mereka juga menyediakan tempat-tempat pen… penginapan hotel, *chalet*, yang bersesuaian untuk er… apa nama ni er… dapat mengatasi permintaan yang kita lihat daripada *event-event* yang dibuat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Padang Tengku, apa soalannya? Apa soalannya?

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalannya apa, saya nak minta apakah peranan GLC itu?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha, itu yang nak tanya.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

GLC yang saya sebutkan tadi supaya mereka dapat er… menyediakan satu penginapan bagi…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha, ya.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

…menepati Merapoh sebagai satu apa nama ini ikon pelancongan bertaraf dunia.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Wakil daripada Padang Tengku. Satu er… cadangan dan juga soalan yang sangat baik sebenarnya. Sememangnya kita merasakan bahawa er… jika sekiranya pelancong tersebut ianya menginap di Gua Musang, maka dari segi statistiknya kehadiran pelancong ianya termasuk di dalam statistik negeri Kelantan. Kerana bagi kita kehadiran pelancong ini di kira jika ianya bermalam di tempat-tempat yang berdaftar seperti motel, *homestay* dan sebagainya yang berdaftar dengan Kerajaan Tempatan dan juga agensi pelancongan.

Yang Berhormat di-Pertua,

Er… kita telah pun juga menyediakan *blue print* ataupun pelan induk untuk pembangunan di Merapoh. Saya juga nak maklumkan bahawa Merapoh ini er… sebenarnya baru dikenali beberapa tahun kebelakangan ini dan er… ketika itu er… setelah saya menjadi Exco apa namanya bertanggungjawab tentang pelancongan kita

melihat bahawa Merapoh ini adalah merupakan satu potensi iaitu, yang mempunyai banyak gua-gua yang sangat er… menarik dan ianya adalah merupakan jalan masuk sebelah barat *west bound,* dengan izin, ke Taman Negara. Er… insya-Allah kita yakin bahawa er… dengan adanya *blue print* ini dan saya cukup yakin bahawa kita bolehlah menjemput, memanggil er… agensi-agensi dan juga pihak swasta yang ingin membangunkan Merapoh.

Kerana ianya merupakan tempat destinasi yang sangat menarik dan dalam masa yang sama juga, ianya mempunyai *accessibility* dengan izin, ataupun per… hubungan… perhubungan yang baik selain daripada keretapi juga *central spine* yang akan… *connectivity* ataupun er… *connectivity* dengan izin. Terima kasih Wakil daripada er… Benta. Er… *connectivity* keretapi, jalan biasa dan juga kemudian *central spine* dan kita menjangkakan Merapoh akan menjadi destinasi atau er… destinasi yang menarik yang disebut sebagai *caving paradise* ataupun syurga gua kepada mereka yang meminati gua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan berikut. Saya jemput Wakil dari Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan nombor 4.

> [Kuantan Waterfront Resort City (KWRC) bakal menjejaskan hutan paya bakau dan memusnahkan spesis tertentu yang tersenarai dalam Senarai Merah IUCN seperti *Brownlowia Argentata* dan *Kandelia Candel*. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan hutan bakau di Kuantan terperihara?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi kawasan hutan simpan kekal paya laut atau bakau yang terlibat dengan pembangunan, pihak Jabatan Perhutanan er… Negeri Pahang akan menjalankan *inventory* hutan bagi mengetahui dan merekodkan maklumat isi hutan tersebut. Jika terdapat spesies er… yang di… tersenarai di dalam er… senarai *International Union for Conservation of Nature* er… (IUCN) sebagai spesies kategori terancam, pihak JPNP ataupun Jabatan Hutan akan mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk memelihara kawasan tersebut dan seterusnya mengadakan program *XC2* iaitu memindahkan spesies terancam tersebut ke tempat lain yang sesuai jika… jika perlu.

Pada masa yang sama er… pihak Jabatan Perhutanan akan bekerjasama dengan badan-badan penyelidik yang pakar dalam menjalankan aktiviti kajian bagi memelihara dan memulihara spesies tersebut ya, er… spesies yang dikaitkan dengan er… senarai ICUN iaitu Senarai Merah, *red list* adalah *Kandelia* antaranya adalah *Kandelia* er… *Candle* ataupun bakau lilin dan er… *Brownlowia, Argentata* iaitu Durian Bakau Daun Bulat er… sepertimana yang di bangkitkan oleh Wakil daripada er… Semambu.

Jadi pada masa ini tiada sebarang lesen pembalakan ya, dikeluarkan di hutan paya bakau atau hutan paya laut memandangkan ia bukan dikelaskan sebagai hutan

pengeluaran dan hutan paya bakau atau hutan paya laut di Daerah Kuantan er… yang diwartakan adalah seluas 1,258.99 hektar terdiri daripada Hutan Simpan Kuantan Paya Laut, Hutan Simpan Peramu, Hutan Simpan Cherating Paya Laut, Hutan Simpan Balok dan Hutan Simpan Bebar Paya Laut. Untuk memastikan kawasan hutan bakau ini terpelihara, Kerajaan Negeri giat menjalankan program penanaman pokok bakau dan spesies yang sesuai di perairaian… er… di perairan pantai bermula sejak tahun 2005 er… hingga kini dan er… ini adalah usaha ke arah pemuliharaan er… kawasan bakau dan persisiran pantai. Sehingga kini ya, sebanyak 66,682 pokok telah ditanam di kawasan seluas 117.11 hektar. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Soalan tambahan. Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… kita semua dimaklumkan er… bahawa pembangunan di kawasan er… Tanjung Lumpur er… dan juga di persisiran pantai er… Kuantan makin pesat. Rakyat Kuantan bimbang er… mereka tidak dapat er… lihat ya, er… Paya Bakau er… sekiranya mereka berada di er… sebelah er… Hospital Kuantan ya, er… sebab makin terhakis keluasan hutan bakau di sana. Jadi soalan saya adalah, adakah Kerajaan bercadang untuk mewartakan er… kawasan hutan bakau di seberang ya, Sungai Kuantan? Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sepertimana yang saya telah perjelaskan, kita penduduk Kuantan ataupun Pahang dia tidak perlu risau sebab apa kita ada er… kawasan hutan simpan er… hutan er… paya bakau ni yang telahpun kita wartakan er… dia terdapat sepertimana yang saya katakan tadi di er… er… Hutan Simpan Peramu, Hutan Simpan Kuantan Paya Laut er… di Cherating, di Balok er… di Bebar dan er… kita ada 1,258 er… hektar yang telah diwartakan kawasannya. Maknanya kalau kita nak melihat hutan-hutan ataupun nak melihat bakau ni dia… dia tidak perlu kita bimbang sangat ya… dan er… pembangunan sebenarnya er… kita kena ada keseimbangan.

Ada setengah pihak mengatakan mengapa kita tidak membangunkan kawasan–kawasan di persisiran sungai? Kalau kita pergi ke negara-negara maju, didapati antara kawasan yang dibangunkan secara terancang ialah di persisiran sungai-sungai sama ada kita lihat di er… bandar raya besar seperti di Paris, di London er… di er… Amsterdam di er… Brussels, er… di Dublin ha… sepertimana er… rakan saya Wakil Kerajaan ya, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, di Dublin, di Perth, di Sydney, di Melbourne semuanya dibangunkan secara terancang dan menjadi er… tarikan tetapi pada masa yang sama kita juga kena mengimbangi pembangunan ini dengan er… melaksanakan kaedah pembangunan mampan ataupun dalam bahasa inggerisnya *sustainable development*.

Ini yang sebenarnya yang sepertimana yang saya perjelaskan spesies-spesies yang dikira er… terancam ni tadi er… akan di*inventory*kan oleh pihak Jabatan Perhutanan dipastikan kalau sekiranya terdapat spesies seumpama itu ianya akan dipindahkan ke tempat lain dan er… kita akan melaksanakan er… pembangunan-pembangunan yang terancang. Malahan ada sebenarnya permohonan untuk membangunkan er… kawasan er… bakau tersebut tetapi telah ditolak oleh pihak Kerajaan Negeri kerana memikirkan bahawasanya hutan simpan bakau ni perlu dikekalkan sepertimana yang er… er… ada untuk er… mempastikan er… keadaan ekologi di kawasan tersebut dapat dipelihara. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengemukakan pertanyaan nombor 5. Terima kasih.

> [Sila nyatakan jumlah projek pembangunan dan pusat perniagaan yang diluluskan oleh pihak kerajaan negeri di daerah Raub dari tahun 2015 hingga terkini.]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Tras kerana bertanyakan soalan jumlah projek pembangunan dan pusat perniagaan yang diluluskan oleh Kerajaan ne… ne… Kerajaan Negeri di Daerah Raub dari tahun 2015 hingga kini. Untuk makluman Yang Berhormat er… pada tahun 2015, Kerajaan Negeri meluluskan 2 projek iaitu projek Kerajaan manakala untuk swasta 15, jumlahnya 17 projek yang diluluskan pada tahun 2015. Bagi tahun 2016, hanya kelulusan diberi kepada pihak swasta iaitu 8 dan 2017 pun 8. Menjadikan jumlah keseluruhan daripada swasta adalah 39, manakala daripada Kerajaan, 2 projek. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat. Tambahan.

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Soalan tambahan. Er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya difahamkan er… terima kasih kepada pihak Kerajaan memberi er… ucapan berhubung dengan pusat perniagaan dan juga projek pembangunan oleh pihak Kerajaan Negeri dan swasta dan di mana saya difahamkan ada 1 projek besar yang terletak di Taman Permainan Bandar Baru di Jalan Tengku Abdul Samad yang berhadapan dengan Hospital Raub. Jadi saya difahamkan er… 1 taman er… ister… is… taman tempat istirehat orang ramai telah er… dialih ataupun dilupuskan, jadikan tempat er… pusat perniagaan ataupun er… er… tempat komersil.

Jadi saya nak tanya pihak er… Kerajaan er… macam mana di samping pembangunan pusat perniagaan, di samping untuk menjaga kelestarian ataupun er… menjaga er… tempat rehat untuk orang ramai? Supaya di samping keseimbangan dari segi pembangunan dan juga tempat er… kelestarian er… orang ramai. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di.., Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan yang dimaksudkan itu ialah ada bersebelahan dia dengan taman permainan. Tempat… tempat rehat untuk orang ramai rekreasi. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita bincang er… di dalam Mesyuarat Exco kawasan

tersebut kita tidak sentuh. Maknanya tam… tempat permainan, tempat riadah dan sebagainya kita tidak usik. Cuma kita usik er… yang sebahagian untuk kita majukan. Itulah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 6.

[Projek perumahan kerajaan.

1) PR1MA PAHANG.

2) MAKMUR PAHANG.

3) Rumah Mampu Milik.

4) Perumahaan Generasi Kedua FELDA.

Dalam penentuan kelulusan untuk memiliki rumah ini memerlukan slip gaji dan bukan hutang lapuk *'Non Performing Loan-NPL'* atau sekatan CTOS/CCRIS. Kebanyakan yang memohon rumah ini adalah individu yang tinggal di kampung atau di skim tanah rancangan FELDA, mereka tiada slip gaji atau berada dalam kategori CTOS/CCRIS kerana menjadi penjamin pembiayaan kenderaan.

Apakah pihak kerajaan bersedia atau merancang untuk mengadakan satu skim sewa beli dan dijamin oleh pihak *Credit Guarantee Corporation* (CGC*)*?]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN kawasan Pulau Tawar yang bertanyakan berkenaan dengan, adakah Kerajaan bercadang untuk menukar kaedah jual beli kepada sewa beli? Untuk makluman Yang Berhormat daripada Pulau Tawar, Kerajaan Negeri pada masa ini tidak bercadang untuk menukar kaedah jual beli kepada kaedah sewa beli bagi pembelian perumahan mampu milik Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, bagi pemohon yang tidak memiliki slip gaji, kerajaan ada menyediakan Skim Jaminan Kredit Perumahan atau pun (SJKP) yang menjamin pinjaman pembeli rumah yang tidak mempunyai slip gaji yang bekerja sendiri seperti petani, peneroka, nelayan, tukang jahit, penjaja dan lain-lain. Bagi pemohon yang disenarai hitam oleh CTOS atau CCRIS, pemohon perlu menyelesaikan hutang terlebih dahulu sebelum membuat pinjaman perumahan.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha, sila Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Saya er… mohon untuk memberi cadangan dan juga pandangan terhadap soalan tambahan. Pertamanya kalau melihat sekarang ni, ada seolah-olah seperti layanan daripada pihak er… bank, akan memberi keutamaan kepada pinjaman yang bernilai besar berbanding dengan er… pinjaman-pinjaman untuk perumahan PR1MA, MAKMUR, Perumahan Mampu Milik dan seumpamanya. Dengan kata lain, maknanya kalau pinjam RM200,000 lebih mudah daripada pinjam RM35,000. Jadi, ini yang menyebabkan kenapa sebahagian daripada er… pemohon gagal juga untuk mendapatkan pinjaman.

Jadi, pandangan saya juga berkaitan dengan ini, supaya selain daripada er… pihak Bank Negara, ataupun kerajaan, kalau boleh, juga mengawal lambakan rumah-rumah ataupun premis-premis mewah ini dengan cara er… pemberian pinjaman kepada *developer* pun harus dikawal. Jadi dengan cara lain, bahawa *developer* ada berminat untuk memajukan rumah-rumah PR1MA, Rumah MAKMUR dan sebagainya. Jadi, saya mohon supaya er… dapat memberi penjelasan ataupun pandangan.

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat daripada Jengka mengatakan er… pihak bank cenderung untuk memberi pinjaman kepada projek-projek besar. Sebenarnya, itu adalah andaian. Pihak bank er… dia memang suka sangat kalau sekiranya kita membuat pinjaman kerana dia akan mendapat pendapatan. Begitu juga dengan pinjaman perumahan untuk PR1MA. Pihak bank sebenarnya ingin sangat membantu pembeli-pembeli, tetapi sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjumpa sendiri dengan Tan Sri Abdul Wahid Omar, er… Presiden Maybank… bekas Presiden Maybank telah menyatakan bahawasanya, yang pertama, bank dengan izin, dia kena *protect principal* dia.

Seandainya peminjam, setelah dibuat perkiraan, tidak boleh membayar kepada bank, bank tidak akan bagi. Itulah penjelasan yang diberikan kepada MB, dan MB telahpun cakap banyak kali dah, ya. Pihak bank memang ingin sangat memberi pinjaman, kerana mereka akan *generate income,* menambahkan pendapatan mereka tetapi dalam masa yang sama mereka kena *protect principal,* tetapi apabila pembeli tidak mampu membayar, pihak bank tidak boleh membagi pinjaman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PETUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Pulau Tawar.

YB. DATO' DR. AHMAD SHUKRI BIN HAJI ISMAIL

Soalan tambahan sikit. Saya ucap terima kasihlah, kalau mendengar tadi, bahawa kerajaan menyediakan skim kredit pinjaman tu. Jadi, kita nak tahu skim kredit pinjaman ni, adakah ianya daripada agensi kerajaan sendiri atau pun dia melalui bank juga?

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Skim jaminan kredit perumahan ini adalah di mana… di bawah Kementerian Kewangan dan er… permohonan… proses permohonannya ialah dibuat melalui bank. Sebagai contohnya, kalau sekiranya ADUN Pulau Tawar nak beli rumah, rumah PR1MA, tetapi tidak layak sebab lebih daripada RM10,000.00, pergi ke bank, Bank Simpanan Nasional contohnya, dan Bank Simpanan Nasional akan proses menghantar permohonan tersebut kepada Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, sehingga kini skim jaminan pinjaman perumahan ini, telah meluluskan sebanyak RM34,360,464 kepada peminjam di Negeri Pahang semenjak… sehingga… sehingga 31 Ogos 2017. Tu, untuk makluman Yang Berhormat lah ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Damak, sila.

YB. DATO' LAU LEE

Terima kasih. Soalan tambahan. Keperluan untuk perumahan di Daerah Jerantut memang ketara, dan banyak projek PR1MA telah diluluskan er… di sekitar Bandar Jerantut tetapi nampaknya cuma 1 sahaja projek sedang dalam pelaksanaan, sedangkan yang lain-lain tu belum nampak tanda-tanda akan dilaksanakan. Jadi, apakah er… tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan projek-projek PR1MA yang telah diluluskan akan dilaksanakan mengikut jadual dan syarat-syarat yang telah ditetapkan?

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di Jerantut ada 7 projek PR1MA dan dimaklumkan oleh Damak tadi, ada 1 yang sedang berlangsung, yang sedang berjalan ya, dan yang lain-lain er… kalau tidak silap saya 2, atau 3 dalam proses untuk menunggu Kebenaran Merancang. Jadi untuk membuat rumah ni, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terpaksalah melalui proses-proses tertentu. Itupun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah *cut short*, maknanya untuk membuat rumah ni, kita cuma bagi perhatian kepada teknikal jer. Kalau teknikal lepas, tak ada masalah, perumahan tersebut akan dibuat dengan cepat.

Sebab itulah, sehingga kini, kita telahpun memberi kunci hampir 3,000 unit rumah daripada tahun… daripada tahun 2000 selepas pilihan raya yang Ketiga Belas. Ini yang paling cepat dan saya tidak nafikan kemungkinan berlaku kelewatan. Kadang-kadang mungkin keadaan muka tanah, di mana pemaju terpaksa mengemukakan rayuan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan diskaun. Saya nak beritahu kepada Ahli Dewan Yang Mulia, kadang-kadang pemaju minta 30%, Yang Amat Berhormat bagi 50% diskaun, bayaran premium. Sebab apa? Sebab kita nak percepatkan proses perumahan ini dan bagi saya, setelah kita berbincang dengan kawan-kawan, projek PR1MA Pahang ini adalah di antara projek yang paling cepat, kalau dibandingkan dengan projek-projek yang lain.

Sebab itulah, dalam masa tidak habis tempoh penggal pun kita dah boleh menyiapkan hampir 3,000 unit. Jadi er… Yang Berhormat daripada Damak, saya kira tidaklah begitu lewat sangat ya, tidaklah begitu lewat sangat, walaupun berlaku sedikit kelewatan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Saya jemput Wakil dari Tanah Rata. Tanah Rata, soalan. Eh… minta maaf Tanah Rata, duduk. Baiklah soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Lepar.

YB. DATO' MOHD. SHOHAIMI BIN JUSOH

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 7.

[(a) Berapakah jumlah koperasi di negeri Pahang yang telah dilatih oleh Maktab Koperasi pada tahun 2016?

(b) Untuk tahun 2017, berapakah bilangan program latihan yang ditawarkan oleh Maktab Koperasi Zon Timur untuk koperator di negeri Pahang.]

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Saya bagi pihak rakan saya, menjawab soalan Ahli daripada Lepar. Di Negeri Pahang untuk menghadiri er… kursus oleh Maktab Koperasi, kita ada yang memohon, ada 1,631 daripada 1,631 yang telah mengikuti kursus latihan anjuran Maktab Koperasi Malaysia, pada tahun 2016 adalah sejumlah 1,332 orang.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Maktab Koperasi Malaysia bagi Zon Timur telah mengadakan 84 buah program latihan yang mana Zon Timur ini merangkumi Pahang, Terengganu dan Kelantan. Daripada 84 tersebut, er… 32 program daripada 48 buah program telah dijalankan di kampus er… induk, er… Kampus MKN Zon Timur di Indera Mahkota 14 yang er… yang lain di Temerloh, Jerantut, Bentong dan Cameron Highlands. Daripada 48 buah program tersebut, 31 buah program kursus wajib untuk anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman, 14 buah kursus Pengurusan dan Teknikal merangkumi pelbagai bidang pengurusan, perniagaan, perakaunan dan kewangan, teknologi maklumat dan lain-lain dan 3 buah program latihan meliputi 2 program bicara ilmu dan kepimpinan… kem kepimpinan koperasi. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil dari Beserah. Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih er… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya kemukakan soalan 8.

[Rumah Generasi Kedua FELDA, sila nyatakan:

a) Kriteria pemilihan yang diguna pakai untuk mengagihkan rumah-rumah kepada generasi kedua FELDA.

b) Berapakah jumlah rumah generasi kedua yang masih belum siap sepenunhya dan bilakah jangkaan rumah-rumah tersebut siap di seluruh Pahang mengikut wilayah atau rancangan FELDA?]

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Assalamualaikum WBT Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Beserah. Walaupun takde FELDA, tetapi bertanya tentang hal FELDA. Berhubung dengan er… kriteria kelayakan untuk pemilihan peserta bagi Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) adalah berdasarkan surat pekeliling, garis panduan serta prosedur pemilikan rumah PGBF pada 11 November 2015. Ia terbahagi kepada 3 iaitu berkeluarga, taraf mastautin dan kewangan. Untuk er… rumah yang telah dibina berjumlah 984, yang terbengkalai dan telahpun ditender semula, Jengka 11 - 180, Kota Gelanggi 2 - 144, Jengka 1 - 110, Jengka 12 - 50, Jengka 6 - 100, Bukit Tajau - 100, Bukit Sagu - 300.

Projek yang dalam pelaksanaan, Kampung Awah - 56, Sungai Tekam - 100, Keratong 7 - 400, Sungai Retang - 400, Chini 3 - 100, Sungai Koyan - 240. Yang telah siap delah… dan telahpun dilaksanakan surat tawaran, Selancar - 480, Selendang - 390, Keratong 4 – 264. Berjumlah 1,104 unit. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Err… soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya er… terima beberapa pertanyaan daripada generasi kedua FELDA, sebab tu saya kemukakan soalan sebab saya tak… takde jawapan. Cuma saya ingin penjelasan sedikit daripada pihak er… Kerajaan er… berdasarkan kepada kriteria pemilihan er… untuk membeli er… rumah er… generasi baru FELDA ini. Er… sebahagian daripada mereka juga memenuhi kriteria, namun tidak dipanggil untuk… untuk ditemuduga ataupun di… diberikan peluang untuk di… memiliki rumah tersebut. Er… pertanyaan saya, adakah pihak FELDA akan memaklumkan kepada mereka yang tidak layak atau yang tidak dipanggil ini tentang kenapa mereka tidak dipilih untuk ditemuduga ataupun tidak er… diberikan peluang memiliki rumah? Terima kasih.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Saya nak tanya ADUN er… Beserah, di mana tu? Di wilayah mana? Kita ada 3 wilayah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Er… di kawasan er… Bentong punya er… kawasan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Makna dari segi er… pekeliling yang telah diberi oleh pihak pengurusan FELDA, makna setiap projek yang berada dalam di rancangan tersebut, makna pihak FELDA telahpun menyediakan borang setiap rumah yang ada. Sebagai contoh, kalau kata Mempaga 1, dia ada 500, makna 500 borang dikeluarkan pada setiap rumah. Makna satu rumah, kalau dia ada 3 orang, makna kita bagi 1 borang sahaja. Mungkin ada

sebab-sebab tertentu mengapa tak dipanggil. Pertama, mungkin atas fakta ibu bapanya ataupun ayahnya saman FELDA, kita ambil kriteria. Lepas itu, bapanya tidak menghantar hasil kepada FELDA, hasil orang ketiga, maknanya kita ambil orang kata kelayakan itu. Sebab itu kita tahu kelayakan itu di kalangan anak-anak FELDA ni yang berada di luar, bekerja, mampu untuk membeli rumah tersebut tetapi orang kata ada sebab-sebab tertentu yang mungkin kita tidak, pihak pengurusan FELDA tidak panggil untuk temuduga.

Walau bagaimanapun, rayuan boleh dibuat seandainya ada lagi kekosongan perumahan di rancangan-rancangan yang kita buat rumah. Sebab itu, dari segi kita nak menyelesaikan permasalahan perumahan ini, maknanya pihak Kerajaan Negeri dan FELDA telah bersetuju untuk mewujudkan rumah kedua di lot asal. Rumah ibu bapa, boleh buat rumah. Yang kedua, kita, FEL… er… pihak Kerajaan dah bersetuju dengan FELDA untuk kita mengenal pasti di rancangan FELDA yang ada tanah kosong, di bawah GSA yang bersesuaian untuk kita jadikan lot rumah sebab kita nak bagi lot rumah dan kita telahpun bekerjasama dengan SPNB sebagaimana saya bercakap semalam, sebanyak seribu… er… RM164 juta, lima ribu… er… 5,000 unit dan setelah perbincangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja dengan Tan Sri Pengerusi FELDA, insya-Allah, makna 5,000 ni 3,000 berada di Negeri Pahang Darul Makmur. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sila Tanah Rata kemukakan soalan.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Izinkan saya kemukakan soalan nombor 1.

[Sila kerajaan nyatakan:

a) Apakah bantuan yang telah dan akan disalur kepada mangsa projek pembinaan Tebatan Banjir Sungai Ringlet, termasuk mangsa yang mana rumahnya tidak memiliki hak milik?

b) Adakan kerajaan menawarkan rumah PR1MA kepada mereka?]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Jemput Yang Berhormat, soalan 1.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana tempat-tempat yang lain, jika berlaku kejadian banjir, Kerajaan akan memberikan bantuan yang sewajarnya. Di Cameron Highlands, pihak Kerajaan telah membayar pampasan berjumlah RM11.5 juta kepada 31 lot… pemilik lot tanah yang terlibat dalam jajaran rancangan tebatan banjir di er… Ringlet. Bukan sahaja orang-orang biasa, tetapi orang luar biasa iaitu yang ditimpa banjir boleh memohon rumah PR1MA Pahang seperti yang disebutkan oleh Ahli dari Kerajaan tadi. Terima kasih.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Tuan Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB. ENCIK LEONG NGAH NGAH

Soalan tambahan. Masalah bagi premis yang ada TOL yang juga ada *building plan*, pelan kelulusan pembinaan daripada Majlis, adakah mereka akan dapat apa-apa bantuan atau pampasan?

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau pun Kerajaan beri, adalah atas dasar kemanusiaan. Biasanya kita bantu juga. Untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri sedang er… menyelesaikan secara holistik masalah tanah di Cameron ni tapi saya nak tegaskan di Dewan ini, permohonan tanah lebih 4,000, *SO* nya tidak lebih daripada 20 orang. Kalau proses biasa dilaksanakan, mungkin perlukan tempoh empat tahun. Itu sebab kalau ada mereka datang berjumpa saya sebagainya, saya jelaskan dan ada yang menggunakan tokoh Parti Pembangkang untuk berjumpa saya, er… ini tak boleh. Kalau ADUN pembangkang berjumpa saya bawa orang, boleh. Tapi kalau hanya se… sesiapa saja datang dengan ugutan, minta maaf. Sebab kita ni manusia ni, selemah-lemah manusia pun kalau diugut pun dia akan jadi kuat.

Termasuklah tokoh Parti Sosialis Rakyat Malaysia ataupun DAP di er… Cameron Highlands yang mengugut-ugut saya untuk bawa orang datang sebagainya, dia ugut pun tanah orang tak selesai sebabnya dia makan proses yang panjang tetapi Kerajaan akan memberi tumpuan, *priority* kepada mereka yang duduk di atas tanah tanpa suratan hak milik, tanpa TOL tapi yang dipusakai, diwarisi dari nenek moyang mereka, ada yang 50 tahun, 40 tahun, 30 tahun ini kita selesaikan tak kiralah ADUN Tanah Rata itu Barisan Nasional ke, DAP ke kita akan selesaikan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik jemput seterusnya Wakil dari Cheka.

YB. DATO' INDERA FONG KOONG FUEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk mengemukakan soalan nombor 2.

> [Apakah masalah-masalah utama yang masih tidak dapat diselesaikan sejak berkuatkuasanya pembekuan aktiviti perlombongan bauksit? Adakah pembekuan ini akan bertukar menjadi perintah pengharaman buat selama-lamanya?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Sama parti pun, lagi mau tanyakah? [Ahli Dewan ketawa]. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi semasa bauksit ini mencapai kemuncak, saya telah memanggil *operator-operator* pengangkutan dan telahpun memberi amaran kepada mereka perjumpaan tak sampai 2 minit. Saya menunjukkan kemarahan saya. Saya beritahu mereka kalau mereka tidak ikut peraturan, kalau Kerajaan Persekutuan ambil alih mereka semua akan bankrap, akan mati. Betul-betul tak lama seminggu, dua minggu kemudian Kerajaan Persekutuan dah mengambil alih pengurusan bauksit ini

dan ramai yang gulung tikar. Sebab tak dengar cakap MB. MB ini siapa? Orang tua, orang tua bercakap dia lain sikit, dan er… Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana mengambil alih tugas untuk menguruskan bauksit ini dan langkah ini wajar kerana semua jabatan-jabatan berkenaan sama ada JMG, sama ada Kastam Diraja, Polis Diraja, JPJ kesemuanya adalah agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

Kita hanya punyai Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Apabila diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan ini, termasuklah melaksanakan moratorium, kita dapat lihat suasana aman dan damai tetapi ramai orang yang tak boleh cari makan. Kalau dahulu saya difahamkan pemandu lori boleh dapat biasanya RM2,000 – RM3,000 sebulan. Semasa mereka mengangkut bauksit, mereka boleh dapat RM7,000 hingga RM11,000.00 sebulan. Saya ingat Ahli dari Semambu lebih faham sebab keluarga dia pun terlibat dengan er… pengangkutan er… bauksit tapi kita tak tahan walaupun dia PKR, buat fitnah pada MB pun kita tak tahan, teruskan. Sebab ini bab cari makan ini kita tak boleh nak tahan-tahan, orang makan makan, berkelahi kemudian.

Masalah utama yang tidak dapat selesaikan sejak moratorium bauksit ini ialah kegagalan pemilik pengusaha mengeluarkan dan mengangkut bauksit ikut tempoh masa bekerja ditetapkan, 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang. Ini menyebabkan pengeluaran tidak sah berleluasa. Mereka mengeluarkan pada waktu pagi, pukul 2.00, pukul 3.00 pagi. Terdapat juga pengusaha pemilik *stockpile* bauksit tidak diberikan lesen eksport ataupun AP Khas yang dikeluar oleh NRE tetapi tetap melakukan aktiviti pengorekan dan pengangkutan bauksit ini secara haram.

Selain daripada itu, kelulusan lesen eksport, AP Khas yang dikeluarkan juga melebihi kuantiti sebenar bauksit di tapak, maknanya AP itu mungkin se… 1,000 tan tapi keluar hingga 10,000 tan. Perintah pembekuan atau pengharaman adalah tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan. Buat masa ini terdapat 2 perintah mengenai aktiviti bauksit ini yang masih berkuatkuasa iaitu perintah moratorium bauksit hingga Disember 2017. Sehingga 2017. Selepas 2017, tengok keadaan. Kemudian penyitaan 10 juta mineral bauksit, 10 juta tan ni, mineral bauksit oleh SPRM selama 18 bulan mulai Ogos 2017.

Berdasarkan pemantauan PTG, aktiviti pengorekan dan pengeluaran bauksit telah berhenti sepenuhnya sepanjang sitaan dilakukan dan hanya satu kes tangkapan dibuat pada 6 Ogos 2017. Kalau kita tengok dari segi falsafah Yang Berhormat… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila bab duit ni mereka akan cari jalanlah, tengah malam pun dia korek walau ada sitaan dilakukan pun, dijalankan juga aktiviti. Kalau kita fikir-fikir balik, inilah dunia Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Selagi dunia ni bernama dunia hah, inilah jadinya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Haa…

YB. TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Er… terima kasih er… Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin er… sedikit er… penjelasan daripada pihak Kerajaan memang er… bila kita tengok keadaan pada hari ini, memang tenang dan amanlah terutama sekali di kawasan saya itu er… bila musim hujan ni nampak ketara perbezaan sebelum dan selepas cuma saya ingin er… penjelasan dari pihak Kerajaan, apakah langkah-langkah pemulihan yang er… dicadang ataupun yang bakal dilaksanakan untuk kawasan-kawasan yang telah… telah dikorek ni? Yang tidak dapat diguna pakai oleh tuan tanah dia dan juga untuk… untuk kepentingan lain. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tuan Yang di-Pertua,

Kita berbalik kepada kenyataan awal saya tadi. Kita lihat secara falsafah, manusia ini tamak sejak zaman British sampai sekarang di semua negeri di Malaysia ni, tidak ada dilakukan aktiviti yang er… bersungguh-sungguh untuk mengambus balik tanah yang telah dikorek. Sebenarnya mereka membayar deposit, deposit ini adalah untuk mengambus balik atau menutup kembali lubang-lubang yang telah digali itu tetapi deposit ini tidak mencukupi dan er… rata-rata setiap lombong yang digali itu walaupun dijanji di… kampuskan kembali tidak dibuat demikian semua negeri. Saya tahu, tapi itu bukanlah jawapan yang mudah dek Kerajaan tapi susah ke, mudah ke, itulah keadaan yang timbul, iaitu tidak ada langsung usaha-usaha untuk me… menutup kembali.

Soalan akan timbul kenapa tidak ada penguatkuasaan? Saya ingin beritahu di sini tentang penguatkuasaan ini. Pertamanya bilangan kakitangan tidak cukup. Kalau saya pun jadi pelombong pun, kalau Pejabat PTG, JMG, 10 orang, saya hantar 30 orang kuli saya yang badan besar-besar, misai melintang, saya ingat lari pegawai-pegawai di Pejabat PTG itu. Itulah cakap mudahnya. Saya ingat kalau, bukan saya ingatlah saya yakinlah kalau orang sebelah sana menjadi Kerajaan tak terbuat juga, mungkin lebih teruk lagi, mungkin lagi banyak lubang di Negeri Pahang. Tak dapat nak kuatkuasa langsung sebab manusia itu tamak. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil daripada Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan 9.

> [Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan RM30 juta untuk saringan mamogram percuma dan HPV *vaccination* dalam pembentangan bajet 2017, sila senaraikan pengagihan peruntukan tersebut setakat ini.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Triang kerana mengemukakan soalan er… berkenaan dengan er… mamogram dan juga HPV.

Dato' Yang di-Pertua,

Peruntukan yang diberikan untuk er… kos subsidi mamogram ini adalah juga termasuk pembayaran kepada pusat-pusat mamogram, kos pengangkutan dan juga kos operasi pentadbiran. Manakala bagi peruntukan suntikan HPV pula ianya termasuklah peruntukan pembelian vaksin dan juga kos operasi pentadbiran. Untuk Negeri Pahang bagi Tahun 2017 er… sebanyak 1,600 orang er… wanita telahpun menikmati kemudahan perkhidmatan pemeriksaan percuma mamogram yang mana er… pengangkutannya turut disediakan.

Seramai 1,223 orang lagi er… telah mendapatkan perkhidmatan ini secara *walk in*, dengan izin, di pusat-pusat mamogram yang ditentukan dan kita mensasarkan, er… kita memohon penambahan seramai 1,000 lagi kuota untuk Tahun 2018. Bagi suntikan HPV pula, sasaran yang ditetapkan untuk Negeri Pahang bagi Tahun 2017 ialah 3,100 orang tetapi setakat ini hanya 2,019 orang yang telah melengkapkan 3 suntikan HPV seperti yang kita berikan. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Er… soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya masih ingat er…. soalan yang sama dikemukakan pada mesyuarat pertama tahun ini, dan pada masa itu jawapan adalah *out of a* RM30 juta peruntukan. Separuh telah dikeluarkan iaitu RM 10 juta, digunakan untuk *HPV vaccination* dan RM5 juta digunapakai untuk mamogram dan pada masa itu Negeri Pahang, kuota yang didapati adalah 1,100 orang dan kalau mengikutkan jawapan dari Wakil Kerajaan, maknanya untuk setengah tahun ini penambahan hanya 500 orang di Negeri Pahang. Adakah ini benar? Boleh tak bagikan er… pengagihan kos di antara operasi pengangkutan dan juga pusat mamogram?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Untuk menjawab soalan tambahan, er… benar. Sebenarnya kuota yang diberikan 1,100 orang tetapi kita mendapat penambahan 500 orang untuk yang diberi perkhidmatan bersama dengan pengangkutan. Yang sebenarnya, kalau *walk in,* sesiapa saja wanita yang layak untuk mendapat perkhidmatan mamogram boleh pergi secara sendiri tanpa pengangkutan ditanggung oleh pihak LPPKN dan setakat ini selain daripada 1,600 orang yang ditanggung pengangkutan tersebut, seperti saya sebutkan tadi, 1,223 orang yang lain juga telah mendapat perkhidmatan pemeriksaan mamogram secara percuma dan apa yang diminta oleh Triang err… data agihan tadi akan diberi secara bertulis.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Klinik LPPKN di Temerloh telah ditutup pada tahun ini. Maknanya di seluruh Negeri Pahang jumlah Klinik LPPKN telah

berkurangan dari 6 ke 5. Boleh Kerajaan nyatakan apakah sebab dan apakah kesan akan terjadi?

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Yang di-Pertua,

Sebenarnya kerana Temerloh dan Mentakab adalah berdekatan, jadi mungkin pihak ibu pejabat merasakan bahawa sebenarnya Temerloh boleh digabungkan dengan Mentakab dan penduduk di sekitar Temerloh boleh mendapatkan perkhidmatan di LPPKN di Cawangan Mentakab.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat. Kita bagi kepada soalan terakhir jemput Wakil dari Kuala Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan nombor 10.

> [Berapa peratuskah kemudahan pencapaian internet telah dinikmati oleh kampung-kampung dan berapa peratuskah sistem jalur lebar/*school net* telah dibekalkan di seluruh sekolah di negeri ini.]

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebenarnya apa yang dipersoalkan oleh Semantan ni telah dijawab di dalam penggulungan saya semalam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita telah selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan. Sebelum saya menempohkan Dewan ini untuk kita minum pagi, sukacita saya memaklumkan bersama-sama kita dalam Dewan ini ialah beberapa wakil Pemuda UMNO Bahagian Bentong yang telah dapat menghadiri sidang ini. [Ahli Dewan menepuk meja] Ya, terima kasih, dan juga daripada ber... Pergerakan Puteri UMNO Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, [Bacaan dalam Bahasa Arab] Adalah dimaklumkan bahawa Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar Pahang, Tengku Dato' Indera Ibrahim bin Tengku Sulaiman, SIMP., DIMP., SAP., ialah Kerabat Bergelar yang berusia 80 tahun, telah kembali ke rahmatullah pada jam 7.00 pagi tadi di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Dewan Yang Mulia ini, ingin merakamkan rasa sedih dan ucapan takziah kepada kaum keluarganya dan berharap dapat bersabar dengan ujian Allah yang Maha Esa ini. Bagi orang Islam, marilah kita sedekahkan Al-Fatihah dan orang bukan Islam bertafakur. Semoga roh Allahyarham ditempatkan bersama-sama golongan orang yang beriman, ampunilah dosanya, berilah rahmat-Mu, sejahtera dan maafkanlah dia. Al-Fatihah.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk kita sama-sama minum pagi dan persidangan disambung semula pada jam… pada jam 11.00 pagi. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 10.30 pagi]

[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 telah dibentang dan dibahaskan pada 21, 22 dan 23 November 2017. Seramai 9 orang pihak Kerajaan telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Pada pagi ini, Majlis akan menyambung Menimbang Rang Undang-undang tersebut. Oleh itu, saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pelajaran, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat, Pengerusi Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri untuk menggulung. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membuat sedikit ucapan penggulungan berhubung dengan pembentangan Bajet baru-baru ini. Saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan sama ada dari penyokong Kerajaan ataupun dari barisan Pembangkang yang telah memberikan hujah-hujah yang bernas, cadangan-cadangan yang baik, kritikan-kritikan yang elok semasa membahaskan Rang Undang-undang ini. Kepada rakan-rakan saya dalam Kerajaan, Ahli-ahli Exco, saya juga merakamkan penghargaan yang tinggi. Terima kasih tidak terhingga atas jawapan yang tepat dan err… padat yang telah diberikan oleh mereka bagi pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sepintas lalu, saya ingin menyatakan bahawa Bajet yang saya bentangkan itu, adalah datangnya dari hati yang tulus ikhlas selaku Menteri Besar dan ianya bersifat berterus terang dan er… menyatakan apa yang patut dinyatakan tanpa menyembunyikan apa-apa pun. Saya berharap dengan ucapan Bajet yang saya berikan hari itu, kesemua Ahli-ahli Dewan dapat satu gambaran jelas apakah itu Bajet? Apakah yang patut kita lihat dari Bajet yang dibentangkan? Saya berharap tidak timbul lagi soal Bajet defisit, Bajet *surplus*, hutang Kerajaan Negeri dengan hutang Kerajaan Persekutuan.

Kalau saya jadi Ahli-ahli Dewan, saya akan err… meneliti Bajet berkenaan dan saya akan bertanya, apakah yang diberikan kepada golongan yang memerlukan? Apa anak-anak yatim dapat? Apa ibu-ibu tunggal dapat? Apakah pesakit-pesakit kronik akan dapat faedah dari Bajet ini? Ini lebih penting. Mungkin kalau kita pergi setapak lagi saya akan bertanya, apakah kampung saya dapat? Titi, surau, jambatan dan sebagainya. Kalau kita pergi setapak lagi mungkin kita tanya, apakah anak-anak saya dapat dari bantuan pendidikan? Apakah mereka akan dapat selepas mereka keluar dari universiti? Ini adalah soalan-soalan yang lebih relevan daripada kita

membangkitkan tidak pandai mengurus, Bajet defisit yang telahpun saya jawab err… sambil err... saya mencelah rakan-rakan dan juga Ahli Dewan berkenaan.

Bila kita sebut tentang *deficit budget*, bajet defisit. Defisit ini cakap mudahnya, belanja lebih dari pendapatan. Pendapatan kurang, belanja lebih. Maka akan timbullah *deficit account* ataupun akaun defisit. Tapi… tetapi bagi sebuah kerajaan, tidak semestinya defisit ini tidak baik. Salah seorang tokoh ekonomi yang ulung, John Maynard Keynes, dia merupakan salah seorang *advocate* yang menyokong, yang menyatakan bahawa *deficit budget* ini baik untuk kerajaan. Bagi Kerajaan Persekutuan sebagai contoh, bagi sesebuah kerajaan pun, tetapi tidak Kerajaan Negeri, untuk mengatasi *deficit budget* biasanya mereka akan *re-sort to spend er… borrowing,* mereka akan terpaksa meminjam.

Bagi sebuah kerajaan, untuk mendapatkan *cash,* untuk mendapatkan pinjaman, jalan paling mudah ialah dengan jualan bon. Menjual bon, mengeluarkan bon bagi setiap er… tempoh tertentu dan kemudian er… pemilik-pemilik bon akan dapat faedah dalam bentuk *interest* dan sebagainya. Ini merupakan jalan yang terbaik. Dengan pinjaman itu, kerajaan berbelanja dan apabila kerajaan berbelanja, maka dengan sendirinya ekonomi itu akan bergerak. Itu antara kebaikan *deficit budget*.

Tetapi bukan setakat itu sahaja. Antara lainnya, *deficit budget* ini akan menggerakkan supaya ekonomi sesebuah negara itu akan er… dapat er… maju bergerak dan seterusnya kembang. Kerana dengan er... pinjaman yang dijalankan atau yang dibuat oleh sesebuah kerajaan itu, maka pinjaman tersebut boleh digunakan untuk membina infrastruktur… struktur dan dengan demikian boleh *create*, dengan izin, lebih banyak peluang pekerjaan. Ekonomi boleh berjalan. Hanya yang er… perlu di ingatkan ialah keadaan bajet defisit ini akan memaksa kerajaan untuk lebih berhati-hati mengawal perbelanjaan. Tetapi ianya tidak semestinya, ianya tidak baik.

Kalau dalam contoh peperangan, semasa peperangan, kalau sebuah kerajaan itu diserang dan dia mempunyai negara-negara sahabat yang lain, dia boleh meminjam, untuk membeli alat kesenjataan dan sebagainya untuk menang peperangan. Daripada mereka berjimat cermat tetapi akhirnya negara mereka dijajah. Ini antara perkara-perkara yang saya dapat bacalah. Hanya *deficit budget* ini dia akan menyebabkan akhirnya kalau tidak ditangani, dia akan menyebabkan ekonomi tidak baik bagi sesebuah negara itu dan ini termasuklah mengurangkan *investment. Investment* ini… pelaburan dan err… akhir sekali ianya boleh menjejaskan *national sovereignty,* kedaulatan negara itu.

Sebab apabila negara meminjam, negara berhutang dengan negara lain atau mungkin dengan er… institusi seperti er… *International Monetary Fund,* maka dengan sendirinya kedaulatan negara itu terjejas. Itu sebabnya… Yang Amat Berhormat Perdana Menteri err… sangat kita kata… memberikan tumpuan yang lebih supaya *rating* negara kita tidak jatuh. Kalau bolehnya *triple A.*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyatakan ini iaitu bajet defisit, bajet *surplus,* dia tidak begitu… *it's not so vital to the state economy,* dia tidak penting sangat kepada ekonomi Negeri ni. Tetapi yang penting ialah kalau *surplus* pun, biarlah dalam saiz yang boleh kita uruskan. Jangan sampai kita tidak dapat menguruskan di luar… luar kawalan. Saya juga berharap supaya Ahli Dewan memahami pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, saya sudah sebutkan ianya melibatkan bekalan air, semasa dulu Perumahan Awam Kos Rendah.

Saya telah pun bercakap dengan Menteri Kewangan kedua berjumpa di Melaka baru-baru ini, dan insya-Allah saya akan mengutus surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan untuk saya dengan izin, *just to state our case,* nak menyatakan er… perkara-perkara yang patut Kerajaan Persekutuan timbangkan. Kita pernah berbincang supaya hutan tadahan air yang tidak boleh disentuh itu di er… nilaikan kerana dengan adanya hutan tadahan air di Negeri Pahang ini, ianya memberikan perlindungan bekalan air juga kepada negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan kesemuanya ini sikit sebanyak adalah disebabkan kita menyimpan hutan kita sebagai kawasan tadahan air.

Saya akan mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya hutan ini dinilai dan er… mungkin dibuat nilai tahunan dan demikian kita boleh *off set* dengan hutang Kerajaan Negeri yang ada dengan Kerajaan Persekutuan. Maknanya apa yang difikirkan oleh Ahli di Semantan tu kita dah fikir lama, tapi saya memikirkan kita dalam satu persekutuan.

Tambahan pulak antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dari satu parti, tetapi apabila saya menyiapkan ucapan Bajet itu membaca, kemudian tu saya teliti hutang-hutang Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan saya berasa tidak wajarlah kalau penganjuran SUKMA dan er… bantuan banjir 2014 yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dianggap hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Saya berasa ini satu perkara yang tidak patut.

Saya insya-Allah, secara bijaksana, kalau ikut hati ini lain macam dah tapi kita… kita ikut… ikut, kita kena ikut kepalalah, hati panas, tapi kepala tenang tak apa. Jadi kalau nak bertumbuk pun tak jadi. Walaupun tak ada perkataan bertumbuk tu… disebut. Saya akan, *I'll put a strong case* lah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, *to the Prime Minister so that the federal government can consider our debt probably as a grant to the state*, insya-Allah [Ahli Dewan tepuk meja]. Orang menyebut *debt, D.E.B.T* bukan deb dia det macam eja D.E.T. Ni mengajar bahasa inggeris sikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Hutang bahasa inggeris D.E.B.T, ramai orang menyebut deb bukan deb, det. Bukan macam D.E.B deb dak, D.E.T det, B tak bunyi. D.E.B.T B tak bunyi sebut det. Jadi kita harap hutang Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan ni bukan isu lah. Macam ini ikan, ramai orang sebut ikan salmon, S.A.L.M.O.N tapi sebenarnya ikan *samon*, L tak bunyi. Begitu juga *bomb*, kata katalah *bomber pilot*, saya ni bawa *bomber aircraft*, dia tak sebut *bomber*, sebut *bomer*, B tak bunyi, *bomer*. Begitu juga *plumber*, tukang paip, kita tak sebut *plumber*, kita sebut *plumer*. Saya harap tak ada lagi dah yang menyebut yang bukan-bukan pada masa akan datang. [Ahli Dewan ketawa] Yang pentingnya siapa pun jadi kerajaan mesti tumpu kepada rakyat, sebab kita kerajaan dipilih oleh rakyat. Buat masa ini, Barisan Nasional masih memberi keyakinan kepada… maksud saya rakyat masih memberikan keyakinan kepada Barisan Nasional untuk mentadbir Negeri ini maka kita uruskanlah sebaik-baiknya.

Saya, ingin menyentuh di sini, soal peruntukan untuk kawasan-kawasan pilihan raya DUN Barisan Nasional, DUN Pembangkang, kita berada dalam satu sistem pemerintahan kepartian, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna kita, bertanding atas tiket parti masing-masing dan kemudian mana yang menang membentuk kerajaan, hanya dalam proses demokrasi ini kita galakkan pertukaran fikiran, perbahasan dan sebagainya tetapi biarlah berasaskan kepada fakta. Namun

untuk kita pergi jauh sedikit dengan er… kerajaan membantu Wakil Rakyat Pembangkang membantu Pembangkang ini tak betul.

Ini seolah-olah kita bagi pisau pada orang suruh tikam kita balik, itu sebab kita tak boleh bagi, walaupun mula hari tu saya hendak bagi ikhlas, tapi pembangkang di Selangor dengan Penang tidak mahu… pembangkang tu UMNO. Maka saya demi menjaga maruah pembangkang Negeri Pahang ni, maka tak jadilah nak bagi peruntukan untuk Ahli Dewan Pembangkang. Kalau dah bagi juga peruntukan tak ada bezalah antara kerajaan dan Pembangkang. Baik masuk kerajaan terus tak apa atau kita jadi pembangkang serupa je. *So on that basis lah principal… on that principal* kita tak… tak bolehlah, cari sendirilah.

Saya ingin menutup ucapan saya ini dengan merujuk kepada prinsip ugama, terutama saya tak sebut ugama lain, saya sebut ugama Islam sebab orang Islam tidak boleh menyamakan ugama dia dengan ugama yang lain, sebab [bacaan dalam Bahasa Arab] tinggal lagi ada banyak prinsip-prinsip ugama lain yang juga bersesuian dengan masyarakat *universal*, tiada masalah. Tapi dari segi Islam yang mustahak kita pegang ialah ilmu tauhid itu sendiri. Ilmu tauhid ini mudah saja iaitu, kita percaya kepada Allah SWT, Allah Maha Berkuasa, Allah Maha Mencipta, Allah mencipta segala-galanya. Kalau kita tengok dalam mukjam, banyak ayat-ayat yang menunjukkan se… sedemikian, tapi saya nak baca ayat ni saya terlupa ayat yang arwah ayah saya beri tentang ini. Hanya saya ingin bacakan di sini dalam er… surah Az-Zumar, ke mana pulak hilangnya ayat ni. Ayat tujuh puluh… em… 71 berbunyi [bacaan dalam Bahasa Arab] maknanya Allah yang menciptakan setiap sesuatu dan sesungguhnya Allah Maha Pemelihara.

Bila sebut setiap sesuatu ni, segala-galanya. Dalam surah An-Nisa, ayat 78 kalau tak silap saya. Saya baca [bacaan dalam Bahasa Arab]. Di mana pun kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu walaupun kamu berada dalam benteng yang tinggi dan kukuh. Jika mereka mendapat kebaikan mereka mengatakan ini dari sisi Allah, dan jika mereka ditimpa sesuatu keburukan mereka mengatakan ini dari engkau, Muhammad lah. Katakan itu Qul… Qul semuanya datang dari sisi Allah. Maknanya [bacaan dalam Bahasa Arab]. Makna semuanya datang dari Allah. Ada orang bila bercakap, bila dia berucap, yang baik dari Allah, yang buruk dari saya, yang buruk dari saya, yang baik dari Allah.

Dari segi hakikat sebenarnya, tak betul. Semuanya dari Allah, Allah yang menjadikan baik buruk, segala-galanya. Kalau kita buat jahat pun, kalau Allah Taala tak izin, tak jadi hal. Tapi bila kita buat jahat, kita ada ruang untuk bertaubat dan Allah Taala suka kepada hamba-Nya yang bertaubat. Semua dari Allah. Tinggal lagi ada orang sebut yang baik dari Allah yang buruk dari saya, itu hormat kepada Allah SWT. Dia nak tunjukkan hormat dia pada Allah SWT. Itu pun satu perkara yang baik. Maknanya semua ni dia ni lemah semua dia tak guna, Allah Taala yang… yang er… mencipta segala-galanya yang maha berkuasa, tapi hakikatnya buruk baik Allah Taala yang menjadikan.

Guru-guru tidak mahu menggalak, menyebut ini semua ialah kerana kalau seorang guru menyatakan semuanya dari Allah, buruk baik daripada Allah. Ramai nak buat buruk. Apasal awak buat buruk, hai... dari Allah. Apasal menyamun, hai... Allah mengtakdirkan. Apasal awak berzina, Allah yang mengerakkan. Itu aja. Jadi, kita ni ilmunya tak payah banyak, tau satu pun tak apa. Tapi kita pegang cukup, cukup, satu benda yang tepat. Kalau ibarat kita ada peluru ni satu aja, er... peluru *buckshot*, ataupun peluru tunggal. Hah... datang rimau dan sebagainya, kita guna untuk.... harimau lalulah, beratus-ratuslah harimau lalu, tak usik kita, tak apa, yang betul nak

usik, kita tembaklah. Jadi begitu jugak, tak payah banyak benda ni, tau tapi pegang dengan tepat lagi elok.

Saya mintak maaf kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kepada Timbalan Yang di-Pertua, juga minta maaf kepada Ahli dari Tanah Rata. Saya tak pernah kasar dengan beliau, hari tu saya kasar sikit, mintak maaf. Ahli dari Mentakab. Ahli dari Mentakab...

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Mencelah. Saya maafkan...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak boleh. Saya tak benarkan, tunggu dulu, sebab hari tu saya nak mencelah, dia tak bagi. Hah... berbalahlah kita. [Ketawa] [Ahli dewan ketawa]. Hah, tu dah kira dah tu, tapi saya sebagai seorang yang berpegang ugama, saya belajar Undang-undang, saya akan memberi, insya-Allah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua... beliau mencelah selepas saya berucap sikit ni.

Saya minta maaf kepada Ahli dari Mentakab, tapi saya dah tengok *hansard.* Tak ada saya ajak sapa-sapa bertumbuk. Sebab adalah gila, bukan seorang ADUN, ADUN bertumbuk dan lebih-lebih gila kalau MB bertumbuk. Tak layak jadi MB, tak layak jadi ADUN. Saya umur 67 tahun boleh rekod tapi cikgu saya ramai dah mati. Tapi pergi tanya Mr. A Ponudorai, No. 25, Jalan Gasing, Petaling Jaya. Umur dekat 90. Tanya Adnan macam mana? Saya tak pernah bertumbuk... *I never went physical during school days*, tapi banyak berhujah dan berhujah, kawan-kawan saya kalahlah.

Saya masuk sekolah umur 5 tahun. Dia orang masuk sekolah umur 7 tahun, tapi dia bercakap tak pandai, saya reti sikit. Jadi bila dia orang kalah, dia orang kata jangan layan Nan tu. Nan tu gila. Hah... itulah. Dia kalah kata kita gila. Ni dalam dewan pun gitu juga, tak habis-habis lagi gengsterlah, apalah. Saya nak katakan saya tak pernah *physical* ni. Saya katakan hai, hari ni badan tak berapa sedap, agaknya hari ni agaknya. Marilah kita keluar dewan. Keluar dewan mungkin ajak minum air, mungkin berpeluk hah... mungkin bercerita. Ahli dari Mentakab datang dia... saya pun fikir eh... kalau sampai ke mari karang, aku peluk je Ahli dari Mentakab ni.

Saya bukan nak buat apa-apa, tapi Ahli dari Semambu, hah... tu perangai dialah menyebarkan fitnah dan sebagainya, daripada Semambu. Oh... keluar macam-macam, tapi saya dapat banyak juga sms, *very good, very good*. Ada sorang je ajak saya bertumbuk di KLCC. Hah... tu saya nak cari budak tu, saya nak cari. Saya cari nak buat apa? Saya ajak minum kopi je. Ajak minum kopi saya, bagi dia RM500, baru dia tau oh... MB Pahang, oh... bukan ajak bertumbuk, dia bagi aku duit. Hah... itu aja. Hah... itu tak apa.

Dalam politik, *when someone or when everyone stop talking about you, then you're irrelevant. If everybody talk about you, for bad or for worst that shows that you're still relevant*. Makna kalau kita ni Wakil Rakyat, orang bercakap macam MB ni, garang... garang, bagus. Walaupun tak elok, maknanya orang memikir pasal MB, tapi kalau bercakap senyap, tak ada apa-apa, hah... maknanya bawa-bawalah bersara penggal akan datang. Hah... ini kita tengok begitulah. Jadi ADUN-ADUN pun sama. Orang cakap tentang kita, buruk ke apa, macam Dato' Sri Najib, PM. Orang cakaplah apa, makna dia *relevant*. Lawanlah tengok, macam mana. Jadi, jangan risau sangat.

Saya nak bawak satu er... perkara yang benar-benar berlaku semasa saya berumur 22 tahun. Tahun 1972, saya masa tu baru sahaja berhenti menjadi guru bahasa inggeris di Sekolah Menengah Agama Pelangai. Guru bahasa inggeris pada masa itu, tidak ada latihan, terus mengajar. Saya menunggu panggilan untuk masuk ke universiti. Ada sorang kawan baik arwah ayah saya, dia 10 tahun lebih muda daripada arwah ayah saya, nama dia Mohd Nor Ismail, Tokoh Belia Negeri Pahang. Akhirnya dia bekerja sabagai Pegawai Khas saya. Bila dia meninggal, anak dia pulak kerja sebagai Pegawai Khas saya. Pak sedara dia secara kebetulan, arwah Ustaz Khidir Khatib, adalah Timbalan Menteri Besar Kelantan, bawah Dato' Asri pada masa itu. Arwah Ustaz Khidir Khatib ni, pernah duduk di Bentong dan beliau mengajar sekolah arab dan arwah ayah saya belajar 6 tahun dengan Ustaz Khidir Khatib.

Saya masih ingat lagi arwah ayah saya memberikan penghargaan yang tinggi kepada Ustaz Khidir Khatib dan juga orang berpendidikan ugama. Arwah ayah saya selalu menyatakan orang sekolah arab ni pidato pandai, berhujah pandai. Saya masih ingat lagi dan memang betul kalau kita tengok Allahyarham ni semua Ustaz Asri, Baharuddin Helmi, Zulkifli Mohamad, dan termasuk Ustaz Othman Abdullah, bekas Pegawai Penerangan UMNO... bekas Tokoh PAS, Naib Presiden PAS masuk jadi apa ni... UMNO. Semua berhujah, berpidato cukup pandai.

Saya datang ke Kuantan, di rumah Allahyarham Encik Mohd Nor, yang saya panggil Pak Chik. Duduk dua, tiga malam dengan arwah ayah dia yang saya panggil Tok Weng, namanya Ismail bin Khatib. Tadi Khidir bin Khatib. Ismail ni adik pada Khidir. Kemudian hari besoknya dia kata Nan, siap ikut tok. *Okay*. Kalau saya tak silap, dia bawa ke satu rumah di Kampung Selamat. Rupa-rupanya usrah PAS. Tokoh-tokoh PAS tengah usrah. Salah seorangnya ialah Almarhum Tengku Puji. Ingat ayah ADUN Mentakablah. Tokoh PAS. Mereka berusrah, berbincang. Rupa-rupanya, Tok Weng ni dia nak jadikan saya sebagai salah seorang kader PAS. Saya balik, saya cerita arwah ayah saya, yang pada masa itu Setiausaha UMNO Bahagian. Kita pergi ikut Tok Weng, pergi apa ni, pergi jumpa Tok Weng, jumpa Tengku Puji, saya katakan tersebut. Arwah ayah saya hah, elok tu pergi ikut tu elok tu. Tapi awak tak usahlah...

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Mohon mencelah.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tunggu... tunggulah dulu karang saya bagi...

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya nak betulkan sedikit.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tak... tak..

YBM TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Ayah saya masih ada lagi. Bukan arwah.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Hah? Allah...

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kalau orang tua-tua melayu kata apa? Alamat panjang umur. Mintak maaf ya Ahli dari Mentakab. Yang arwah tu, almarhum tu Tengku Kamaruzaman, Pak sedara. Silap. Jadi, arwah ayah saya bagitau pasal ramai sangat arwah. Arwah Khidir Khatib, arwah Tok Weng, arwah ayah saya, arwah Pak Chik Mat Noor, dah ayahanda apa ni... Ahli dari Mentakab saya ingat almarhum.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Arwah juga ya. Silap Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Jadi... silap... Yang di-Pertua. Silap.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Arwah ayah saya kata "hah, elok tu orang PAS ni ramai sekolah arab. Orang sekolah arab ni ramai bijak-bijak. Tapi awak biarlah UMNO". Hah... sampai ni, tapi mintak maaf Ahli dari Mentakab. Saya terkejut sikit, saya terkejut sikit. Patut-patutnya saya jadi ahli PAS, pasal pergi usrah PAS, tapi jadi UMNO. Ahli dari Mentakab saya terkejut, bukan dia masuk PAS, masuk UMNO tak terkejut tu, boleh ke DAP. Hah, itulah saya terkejut sikit. [Ahli Dewan ketawa].

Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Jadi saya boleh bagi laluan kepada Ahli Mentakab ni tadi mintak penjelasan. Sila, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dato' Sri Yang di-Pertua, er... pertama sekali saya nak bagitau. Er... saya tak jadi masalah sebenarnya, saya boleh maafkan sebab saya menganggap pun er... Menteri Besar seorang yang er... yang berumur, letih dan mungkin stress jugak kerja, saya faham. Ya, terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mintak maaf Tuan Yang di-Pertua, memang pagi tu berasap je. Pagi tu bangkit tidur berasap je. Maklum datin di Melaka, kita tinggal sorang berasaplah jawabnya [Ahli Dewan Ketawa]. Tapi kalau kita fikir balik ya, kalau kita macam bergaduh sebagai, kita silap, rasa kita silap. Walaupun tak silap, kita minta maaf, apa maknanya tu. Ini sesuatu yang *noble, noble*.. Bukan saya kata saya jiwa besar, tidak. [Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sidang Dewan kali ini, yang pastinya Bajet ini, Bajet terakhir sebelum pilihan raya, tetapi Sidang Dewan tak tau lagi. Kalau pilihan raya bulan 3, mungkin ini yang terakhir.

Kalau pilihan raya bulan 5, kita berjumpa lagi. [Ketawa] Hanya saya berharap kita... bekerjalah, tak kiralah Barisan Nasional ke, pembangkang ke, cubalah menangi hati rakyat apa cara pun dan er... takdir Allahnya, kalau Allah Ta'ala izinkan, kita terus memikul tanggungjawab ini, kita teruskan. Bagi diri saya, memang sudah lama 31 tahun, seperti saya sebutkan. ADUN 4 tahun, Exco 9 tahun, MB dah 18 tahun setengah. Walaupun Ahli dari Mentakab kata nampak ialah berumur, lemah ke, hah… stress, lepas ni saya nak tunjukkan marilah ADUN tengokkan bagaimana saya buat senaman, saya boleh taruk kaki belakang ini dan saya boleh baring macam budak kecik, ikat masuk dalam kotak pun boleh. Kalau sapa boleh buat tu, banyak tidaklah, RM1,000 saya bagi. Ini kalau keluar surat khabar, entah MB mencabar menda pulak ni. [Ahli Dewan ketawa]

Saya nak menunjukkan senaman. Ahli dari Mentakab janganlah berasa hati pulak, tapi nak ngatakan, kalua… siapa-siapalah kata saya tua, apa ni… lemah. Hah, marilah tengok, tengok. Senaman ni saya ingat dalam dunia ni, dalam dewan ini tak ada orang boleh buat. Saya boleh letak kaki saya sini, dan saya boleh sandar pada dinding, lutut kaki bertemu, lutut di bawah saya boleh cecah, kepala saya ke lantai.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat kepala ke bawah kaki ke atas, boleh saya ingat?

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Kepala ke bawah, [Ahli Dewan ketawa] kaki ke atas. Itu cer… secara nu tak, tak boleh, tapi kalau bersandar kepada dinding, insya-Allah boleh. Tapi yang saya ingat yang paling menarik saya sendiri pun tertarik, dan saya selalu bermain dengan cucu saya ialah apabila saya baring, saya angkat lutut, dan saya boleh bawa kaki kemari dan kalau di ikat badan tu boleh muat dalam kotak. Manakala nak seludup saya ke luar negeri, bawa dalam kotak, buat lubang untuk hidup, bernafas, insya-Allah boleh lepas. Siapa nak tengok boleh lepas ni. Tapi kalau ramai nak tengok, kena beli tiketlah jawabnya pula. [Ahli Dewan ketawa]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Marilah kita bersama berdoa kepada Allah SWT supaya kita…

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya teringat rakan saya daripada er… Lanchang, Wakil Kerajaan, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, yang membuat Kempen Melawat ke Negeri Pahang, Dato' Sri. Jadi sekarang ni, dia bercadang untuk buat Kempen *Revisit* Pahang. Mungkin Dato' Sri, salah satu pada daya tarikan lawatan ke Pahang tu ialah secara Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar [Ahli Dewan ketawa] er… menjalankan *exercise.* Jadi tu saya rasa mungkin itu produk yang menjadi tarikan Dato' Sri.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tiada masalah untuk melakukan itu semua, tapi itulah saya katakan. Kalau dah ramai sangat tu, bayarlah. Itu je, tak de masalah. [Ahli Dewan ketawa]. Kita bermatlamat untuk berbuat baik. Bagi Orang Islam untuk, insya-Allah mendapat

keredhaan Allah. Sebelum saya duduk nak beritahu juga satu peristiwa empat, lima hari lepas saya berborak dengan… berbual dengan Ahli dari Tanah Rata disaksikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Speaker.

Saya katakan semua ni buruk baik ni dari Allah. Lepas tu saya kata, kalau Allah Ta'ala nak turunkan sesuatu, ramai orang jahat, ada juga orang baik. Bila Allah Ta'ala turunkan, orang baik pun mati. Ahli dari Tanah Rata kata oh… ini macam Tuhan tak adil. Saya kata Tuhan adil, sebab apa adil? Walaupun semua mati, jahat punya orang dia masuk neraka, dia jadi binatang, dia jadi hantu lapar. Tapi baik punya orang itu, itu jadi dewa. Ahli dari Tanah Rata kata "Oh… itu macamkah. Oh… bagus jugak, betul-betul". Maknanya kalau tiga jam lagi dia berjumpa saya, dia masuk Islam rasanya. [Ketawa] [Ahli Dewan ketawa].

Jadi itulah yang saya hendak… Allah, ada satu perkara. Tak apalah, mudah-mudahan er… kita akan berjumpa lagi. Oh... ini ada dalam, masa kita bahas tu, ada Ahli-ahli yang mengatakan di Riyad pun banjir, di Mekah, di Kaabah pun hujan lebat, banjir. Kita kalau lihat sejarah, dalam Quran sendiri pun, semasa taufan Nabi Nuh itu berlaku, Nabi Nuh pun terlibat tapi selamatlah sebab dia Nabi, tapi anak dia tak ikut dia, begitu juga Nabi Luth, Nabi Luth jadi gempa bumi sebagainya. Isteri dia tak ikut dia dan Rasulullah sendiri pun, bapa saudara dia pun tak ikut dia, tapi sekarang yang saya nak sebutkan ialah apabila sesuatu perkara itu berlaku memang kita dapat perhatikan kesemuanya akan terlibat. Ini memang sudah hukum Allah iaitu apabila terjadi sesuatu perkara itu, maka semuanya akan terlibat.

Ini kita tak boleh elak, soal adil tidak adil, Allah Ta'ala Maha Adil, kerana kemudian esok dalam dunia yang akan datang, maknanya di hari kiamat nanti betul ada syurga neraka. Syurga 7 tingkat, neraka 7 tingkat berbagai-bagailah. Macam nama Jannatul Adnin, Jannatul Adnin, syurga janjikan, bukan begitu? Jannatul Firdaus, macam-macamlah. Jannatul Naim penuh nikmat bagai-bagai. Jadi yang pentingnya kita buat baik, tolong menolong antara satu sama lain, ikhlas dan er… saya berharap ke semua menjaga kesihatan. Kesihatan penting. Kesihatan sangat penting, dan sama ada kita sihat, tak sihat, badan kita beritahu kita, badan kita beritahu kita. Kalau malam tu kita berjaga malam, tapi satu malam tu, badan kita beritahu kita, tidur, kita tidur.

Jagalah kesihatan, jaga anak isteri, jaga keselamatan. Mudah-mudahan Allah Ta'ala berkati kita semua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon mencadangkan. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat yang telah membuat penggulungan yang cukup jelas. Banyak menyampaikan nasihat, teguran yang membina dan saya percaya Ahli-ahli Dewan puas ya, dan merasakan sesuatu yang cukup berharga yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi.

Sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA

Jadual B01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,914,987 untuk kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.02 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalah bahawa wang sejumlah RM86,745,165 untuk Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.03 – Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM74,311,744 untuk Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada.Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM744,950 untuk Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.05 - Dewan Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.05 - Dewan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM12,580,220 untuk Kepala B.05 - Dewan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.05 - Dewan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM58,727,926 untuk Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.03… B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM49,220,705 untuk Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM10,990,903 untuk Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.09 - Jabatan Pertanian Negeri

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.09 - Jabatan Pertanian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM27,325,095 untuk Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.10 - Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang

sejumlah RM23,129,875 untuk Kepala B.0.. B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,296,452 untuk Kepala B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM5,613,847 untuk Kepala B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepada B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,407,637 untuk Kepala B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,036,072 untuk Kepala B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,143,610 untuk Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,022,275 untuk Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,279,992 untuk Kepala B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,113,155 untuk Kepala B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepada B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.19 – Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,208,944 untuk Kepala B.19 – Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Maran dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,698,185 untuk Kepala B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak, bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Bera dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM5,713,749 untuk Kepala B.21 – Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.22 – Pejabat Tanah dan Galian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM10,661,992 untuk Kepala B.22 – Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.23 – Jabatan Mineral dan Geosains Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.23 – Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM314,610 untuk Kepala B.23 – Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.23 – Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.24 – Jabatan Agama Islam Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.24 – Jabatan Agama Islam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM118,291,044 untuk Kepala B.24 – Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.24 – Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.25 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.25 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM4,152,826 untuk Kepala B.25 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.25 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.26 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.26 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM19,934,495 untuk Kepala B.26 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.26 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.28 – Jabatan Mufti Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.28 – Jabatan Mufti Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM3,074,265 untuk Kepala B.28 – Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.28 – Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B.29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang

sejumlah RM6,243,359 untuk Kepala B.29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasal 2(1);
Fasal 2(2);
Fasal 1(1); dan
Fasal 1(2)

YB. PENGERUSI

Fasal 2(1);
Fasal 2(2);
Fasal 1(1);
dan Fasal 1(2) menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. PUAN NURHIDAYAH BINTI HAJI MOHAMAD SHAHAIMI

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula].

BACAAN KALI KETIGA

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan"**

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. PUAN NURHIDAYAH BINTI HAJI MOHAMAD SHAHAIMI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2018) 2017 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUAN DEWAN

Yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2018) 2017, disifatkan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2018, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

SAMBUNGAN MENIMBANG USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2018

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Sambungan Menimbang Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Perbekalan Air Tahun 2018.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2018 telahpun dibentang, disokong dan dibahas pada 21, 22 dan 23 November 2017. Soalannya sekarang ialah, Usul ini hendaklah dikemukakan untuk

mendapatkan kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Usul tersebut diluluskan.

KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima: Kertas-kertas Yang dibentangkan.

Bilangan 14 Tahun 2017
Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017

Bilangan 15 Tahun 2017
Memorandum Perbendaharaan
Anggaran Perbelanjaan Mengurus Negeri 2017 Tambahan Kedua 2017

Bilangan 16 Tahun 2017
Penyata Kewangan Negeri Pahang Tahun 2016

Bilangan 17 Tahun 2017
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Siri 1

Bilangan 18 Tahun 2017
Laporan Tahunan 2016 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang

Bilangan 19 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Perbandaran Kuantan

Bilangan 20 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Perbandaran Temerloh

Bilangan 21 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Perbandaran Bentong

Bilangan 22 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Pekan

Bilangan 23 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Rompin

Bilangan 24 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Bera

Bilangan 25 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Raub

Bilangan 26 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Maran

Bilangan 27 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Lipis

Bilangan 28 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Jerantut

Bilangan 29 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Majlis Daerah Cameron Highlands

Bilangan 30 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang

Bilangan 31 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser

Bilangan 32 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Yayasan Pahang

Bilangan 33 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Perbadanan Stadium Darul Makmur

Bilangan 34 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Lembaga Pembangunan Tioman

Bilangan 35 Tahun 2017
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: (i) Rang Undang-undang
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017.

Wakil Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Penyokong?

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan... saya mohon er... menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu"**

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017, dibaca bagi kali yang kedua.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama:

> **"Suatu Enakmen mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tersebut"**

dibaca kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebih belan... belan... perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala per... perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan

tersebut. Jumlah wang yang dipohon untuk Anggaran Tambahan Kedua bagi tahun kewangan 2017 ialah sebanyak RM6,428,520. Tambahan ini adalah untuk maksud perbelanjaan seperti berikut:-

(a)	Emolumen	-	RM 4,500,405
(b)	Perkhidmatan dan Perbekalan	-	RM 2,387,295
(c)	Pemberian Dalam Negeri	-	RM 255,630
	JUMLAH		RM 7,143,330

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Maksud penuh bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan dalam Sidang Dewan ini sebagai Kertas 15... Kertas Bilangan 15 Tahun 2017.

Peruntukan Tambahan sebanyak RM6,428,520 diperlukan bagi menampung kekurangan perbelanjaan Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pemberian Dalam Negeri iaitu peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung penyelarasan yang perlu dikemaskini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan ringkas saya bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan. Saya mohon mencadang.

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalah di hadapan Majlis ialah

> **"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu"**

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Tiada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, dan yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.01 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM1,678,915 untuk Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.01- Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.16 – Pejabat Daerah dan Tanah Pekan

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM213,700 untuk Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.24 – Jabatan Agama Islam Pahang

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.24 – Jabatan Agama Islam Pahang dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM4,535,905 untuk Kepala B.24 – Jabatan Agama Islam Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.24 – Jabatan Agama Islam Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 2(1);
Fasal 2(2);
dan Fasal 1.

YB. PENGERUSI

Fasal 2(1);
Fasal 2(2);
dan Fasal 1 dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa:

Fasal 2(1);
Fasal 2(2);
dan Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada.

Fasal 2(1);
Fasal 2(2);
dan Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Dato' Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' LAU LEE

Yang berhormat Tuan Pengerusi, Saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENGERUSI

Yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat

[Cokmar dinaikan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa:

> "**Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu"**

telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon cadangan... mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' LAU LEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2/2017) 2017, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

Perkara Ketujuh: Usul.

Usul Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pembinaan Projek Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah (PPSAS). Wakil Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:-

> **"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), bersetuju menubuhkan: Kumpulan Wang Amanah Pembinaan Projek Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah (PPSAS)"**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke-29/2017 pada 01 November 2017 telah menimbangkan Kertas Cadangan daripada Pegawai Kewangan Negeri dan bersetuju supaya Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pembinaan Projek Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah (PPSAS) bagi memberi peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membiayai kos projek berkenaan.

Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pembinaan Projek Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah (PPSAS) akan memboleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang:

i) Satu, memperakaunkan penyaluran pembiayaan daripada Kerajaan bagi pembangunan dan penyelenggaraan PPSAS;

ii) Membiayai kos pembangunan dan penyelenggaraan PPSAS; dan
iii) Membiayai lain-lain perbelanjaan berkaitan pembangunan dan penyelenggaraan PPSAS yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Kumpulan Wang ini akan ditadbirkan oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Pahang dan dua (2) orang ahli yang terdiri daripada Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Pahang dan Akauntan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Penubuhan Kumpulan Wang ini akan memberi gambaran sebenar berkaitan penyaluran daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta perbelanjaan pembangunan, penyelenggaraan PPSAS.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pembinaan Projek Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah (PPSAS). Saya mohon mencadang. Terima kasih.

YB. DATO' MOHD. ZAILI BIN HAJI BESAR

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibuka untuk perbahasan. Tiada. Sila Yang Berhormat. Wakil Yang Berhormat. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Usul ini diluluskan.

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelapan: Penangguhan. Wakil Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

saya mohon mencadang… membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh er… Wakil Lanchang yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah kita telah pun selesai ke penghujung Persidangan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang pada tengah hari ini. Saya dan Timbalan Yang di-Pertua, ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam tempoh persidangan selama enam hari berlangsung.

Persidangan kita telah berjalan dengan lancar dan sempurna. Sesungguhnya Dewan Yang Mulia ini adalah manifestasi perjalanan sebuah kerajaan yang telah diberi kuasa dan amanah oleh rakyat. Di Dewan inilah dibincangkan, dibahaskan, dirangka dan diluluskan segala dasar kewangan, enakmen dan perancangan demi untuk kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Mengimbas kembali Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semasa perasmian persidangan mesyuarat pertama pada 12 April 2017 yang lalu, yang turut mencetuskan idea dan pemikiran untuk melihat Negeri Pahang Darul Makmur memacu dan melonjakkan lagi pembangunan agar muncul sebagai sebuah Negeri maju di abad yang mendatang. Alhamdulillah berkat kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, selaku orang tua yang penuh pengalaman, berwibawa, telus, wasatiah telah berjaya mempertahankan kestabilan, perpaduan dan keselesaan hidup rakyat di luar sana.

Fokus terhadap rakyat dari aspek pendidikan, kebajikan dan perumahan dan infrastruktur asas amatlah tepat dengan cetusan idea bernas Yang Amat Berhormat yang tidak dapat dinafikan. Dalam ucapan-ucapan, hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri, banyak memberi falsafah, pengetahuan dan kata-kata nasihat, disulami dengan ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang boleh dijadikan panduan. Pendeknya apa Yang Amat Berhormat katakan tadi, hati panas kepala sejuk, ini okey dan matang. Inilah tahap dewa-dewa barangkali tetapi jangan lupa kalau hati sejuk kepala panas, hati sejuk kepala panas, ini separuh matang, barangkali separuh dewa. Yang paling teruk lagi kalau hati panas kepala panas, ha ini tahap hantu lapar yang barangkali kita jauhi sekali. [Ahli Dewan ketawa].

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya lihat dalam setiap persidangan penggal pertama sehinga kini, Ahli-ahli Yang Berhormat semakin matang, bijak dan berani memperlihatkan kebijaksanaan, kewibawaan dan kepintaran. Walaupun ada kacau ganggu di sana sini, namun tidaklah sampai ke tahap kucar lanar. Apa pun lontaran pendapat yang berbeza, persep… persepsi dan perspektif yang berlainan (tak jelas) yang pelbagai tetapi tetap akur dengan peraturan-peraturan mesyuarat yang telah ditetapkan. Saya gembira dan teruja dengan ketokohan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada pihak Kerajaan ataupun pihak

Pembangkang yang telah berjaya mempamerkan kebolehan dan kehebatan masing-masing.

Di kesempatan ini juga saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan yang telah memberikan kerjasama yang amat baik sebelum persidangan sehinggalah ke penghujung persidangan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan, PDRM, TELEKOM, BOMBA dan jabatan-jabatan lain yang turut… yang turut membantu. Sebelum saya menangguhkan persidangan ini saya terbaca satu hadis riwayat muslim yang amat baik untuk renungan kita bersama. Mudah-mudahan intisari yang tersirat dari hadis ini dapat membantu memantapkan semangat kita, meneguhkan lagi roh kepimpinan dan meletakkan peranan kita di atas landasan yang diredhai oleh Allah SWT.

Dari Saidatina Aisyah RA katanya, “Aku mendengar Rasulullah SAW berdoa di rumahku”. Sabdanya, “Wahai Allah, sesiapa yang memegang sesuatu jawatan dalam pemerintahan umatku, lalu dia menyulitkan urusan mereka, maka sulitkanlah dia dan sesiapa yang memegang sesuatu jawatan dalam pemerintahan umatku, lalu dia berusaha menolong mereka, maka tolonglah dia”. Saya berdoa agar Ahli-ahli Yang Berhormat selamat pulang ke kawasan masing-masing, menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan dedikasi, komited dan penuh akauntabiliti, diberi kesihatan yang baik, dipermudahkan oleh Allah SWT.

Marilah kita berdoa semoga hari ini bukanlah hari terakhir sidang kita. Untuk Ahli-ahli Dewan, saya yakin kita akan bertemu lagi dalam persidangan-persidangan yang akan datang. Semoga segala usaha dan segala usaha kita diberkati dan mudah-mudahan kita diberi kepercayaan lagi sekali untuk berkhidmat kepada rakyat dan Negeri yang tercinta ini. Buat akhirnya, marilah kita menutup tirai persidangan ini dengan membaca surah Al-Asr, mudah-mudahan kita sentiasa berada di dalam keberkatan rahmat Allah SWT. [Bacaan dalam Bahasa Arab] Dengan lafaz bismilahirrahmanirrahim, saya tangguhkan persidangan ini pada jam 12.40 tengahari. Persidangan akan dimaklumkan kemudian. Sekian terima kasih. Wabillahi taufik wassalamaualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Persidangan ditangguhkan jam 12.40 tengahari]